Subseksyen 12(8) dan (9), dan seksyen 13, 14 dan 15, hendaklah dipakai berhubung dengan pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu yang berikutnya, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan penyediaan Draf Rancangan Tempatan di bawah seksyen 12 dan berhubung dengan Draf Rancangan Tempatan yang disediakan di bawahnya.

HIERARKI PENYEDIAAN RANCANGAN PEMAJUAN


Rancangan tempatan merupakan rancangan pemajuan di hierarki ketiga selepas Rancangan Fizikal Negara (RFN) di peringkat negara dan Rancangan Struktur Negeri (RSN) di peringkat negeri.

RANCANGAN TEMPATAN (RT)

Menerangkan perincian cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dalam membangunkan dan memelihara kawasan PBPT tersebut.


Suatu peta dan pernyataan bertulis disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan PBPT untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik RSN sebagaimana tertakluk di bawah Akta 172.

Rajah 1.4: Hierarki Penyediaan Rancangan Pemajuan



RANCANGAN FIZIKAL NEGARA
Seksyen 6B, Akta 172

- Merumuskan dasar-dasar strategik yang menentukan haluan dan arah aliran pemajuan fizikal dan guna tanah negara, koridor pembangunan dan perindustrian serta pemuliharaan sumber-sumber.




RANCANGAN STRUKTUR
Seksyen 8, Akta 172

- Dokumen yang mengemukakan strategi, dasar dan cadangan-cadangan am sebagai garis panduan pemajuan dan penggunaan tanah secara keseluruhan bagi sesebuah negeri.



RANCANGAN TEMPATAN
Seksyen 12, Akta 172

- Menerangkan perincian cadangan PBPT dalam memaju dan menggunakan tanah dalam kawasan PBPT itu seperti yang dinyatakan dalam Akta 172.



RANCANGAN KAWASAN KHAS
Seksyen 16B, Akta 172

- Dokumen untuk tujuan pelaksanaan;
- Hasil: Pelan Tindakan Pembangunan sama ada pelan susun atur/ pelan pengurusan;
- Disokong oleh spesifikasi;
- Tindakan khusus terperinci bertujuan sama ada untuk memajukan, memperelok lagi, memulihara bagi pengubahan kawasan.



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

B. KEPERLUAN PERANCANGAN

Asas keperluan atau justifikasi projek RTD Jelebu 2035 adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

10 KEPERLUAN PENYEDIAAN RTD

01
Menggantikan **RTD Jelebu 2002-2015**



DRAF RT DAERAH JELEBU 2035

02
Menyelaras pembangunan negeri/ dasar agar selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 yang mementingkan pemeliharaan biodiversiti.

03
Menyusun semula hala tuju pembangunan keseluruhan Daerah Jelebu sebagai Daerah Biodiversiti.

BIODIVERSITI
Cadangan Tagline
"JELEBU DAERAH KEPELBAGAIAN BIO"

04
Menyelaras matlamat pembangunan lestari sebagaimana rangka tindakan *Paris Agreement COP21*, *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *New Urban Agenda* (NUA).

IMPLEMENTING THE NEW URBAN AGENDA
PARIS2015 COP21-CMP11
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

05
Mengenalpasti kawasan yang berpotensi dan sesuai untuk dibangunkan serta corak pembangunan yang akan dilaksanakan.

06
Merangka dan menentukan keperluan daerah secara holistik dalam penyediaan kemudahan sosial, utiliti dan infrastruktur yang seimbang dan efektif.

07
Memperincikan klasifikasi kelas guna tanah dan densiti pembangunan serta memperkukuhkan apa-apa syarat pembangunan.

08
Membantu PBPT dalam menyelaraskan apa-apa pembangunan semasa daerah dan akan datang dan aspek kawalan perancangan.

09
Menjadi rujukan kepada pelabur/ pemaju semasa mengemukakan pelan perancangan.

10
Memudahkan cara pemajuan dan penggunaan tanah untuk dibangunkan di samping melindungi dan memelihara alam persekitaran dan biodiversiti.

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN UTAMA KEPERLUAN PENYEDIAAN RT DAERAH JELEBU 2035

○ MENGGANTIKAN RTD JELEBU 2002-2015

Tempoh perancangan bagi Rancangan Tempatan sedia ada iaitu RTD Jelebu 2002-2015 telah tamat tempoh perancangan.

○ PERUBAHAN DASAR, KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Dasar, konsep dan strategi pembangunan yang diambil kira melibatkan pelbagai peringkat. Ianya perlu diselaraskan dengan kajian ini. RT Daerah Jelebu 2035 ini mengambil kira matlamat pembangunan selaras dengan hasrat pembangunan negeri dan tempatan terutama untuk dilaksanakan iaitu Rancangan Fizikal Negara Ke 4 dan RS Negeri Sembilan 2045.

○ PEMBANGUNAN BERIMPAK TINGGI (*HEARTBEAT AND PULSE PROJECTS*)

Aset semula jadi di Daerah Jelebu merupakan aset bernilai yang perlu dipelihara untuk kepentingan daerah dan masa depan. Antara projek berimpak tinggi yang disenaraikan di dalam RS Negeri Sembilan 2045 adalah *Kenaboi World Biodiversity Centre* yang dicadangkan berada di Hutan Simpan Kenaboi.

○ PENYELARASAN PROJEK DAN PANDUAN KELULUSAN PEMBANGUNAN

Pembangunan di Jelebu yang melibatkan pembangunan daerah bersempadan bagi mengelakkan percanggahan guna tanah antara daerah dan juga pembangunan yang dijalankan mestilah mengambil kira KSAS memandangkan 98% guna tanah di Daerah Jelebu merupakan guna tanah hutan, pertanian dan badan air.

Laporan RT ini akan menjadi panduan untuk PBPT dalam meluluskan permohonan kebenaran merancang, penelitian terhadap kelas kegunaan tanah, densiti/ syarat yang dibenarkan dan menjadi rujukan bagi pemaju dalam menjalankan pembangunan di kawasan kajian.

○ HALA TUJU DAERAH JELEBU

Daerah Jelebu dikenali sebagai lembah biodiversiti yang mempunyai pelbagai potensi pembangunan dan menjadi tarikan kepada pelancong/ penduduk. Perancangan yang berdaya laksana dan tersusun diperlukan agar projek dan cadangan berjaya dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

○ POTENSI PEMBANGUNAN WILAYAH

Mengambilkira pembangunan daerah bersempadan seperti Daerah Seremban, Jempol dan Bentong yang memberi impak positif kepada Daerah Jelebu sebagai Daerah Biodiversiti seperti pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian, rangkaian lebuh raya dan perlancongan.

FUNGSI RANCANGAN TEMPATAN

- Menterjemahkan dasar-dasar daripada Rancangan Struktur.
- Sebagai panduan pembangunan fizikal daerah dan PBPT berkaitan melalui peta cadangan guna tanah.
- Menyediakan garis panduan bagi kawalan pembangunan.
- Mengenal pasti projek utama daerah.
- Menyediakan garis panduan pelaksanaan kepada PBT.



Foto: Laman Padi Kampung Gagu



Foto: Jeram Toi



Foto: Bandar Kuala Klawang

1.3 KANDUNGAN RT DAERAH JELEBU 2035



BAB 1: PENDAHULUAN

- Menerangkan asas dan keperluan penyediaan RT Daerah Jelebu 2035 yang melibatkan peringkat-peringkat laporan dan hierarki penyediaan RT.

BAB 2: PROFIL DAERAH JELEBU 2020

- Menerangkan sejarah, profil kawasan kajian serta hierarki Daerah Jelebu 2020.
- Peringkat ini juga menghuraikan terperinci polisi dan dasar yang berkaitan.
- Rumusan penemuan setiap sektor dan teras.
- Isu dan potensi pembangunan daerah.

BAB 3: WAWASAN DAN HALA TUJU DAERAH JELEBU 2035

- Menerangkan visi dan matlamat serta objektif pembangunan.
- Memperincikan hala tuju, fokus dan konsep pembangunan sebagai Daerah Biodiversiti.

BAB 4-7: STRATEGI DAN CADANGAN PEMBANGUNAN

- Memperincikan strategi dan cadangan pembangunan selaras dengan teras pembangunan yang telah menjadi paksi utama kajian ini.

BAB 8: MATRIKS KESERASIAN CADANGAN PEMBANGUNAN

- Penilaian keserasian antara objektif dan fokus pembangunan daerah dengan cadangan pembangunan agar sejajar dengan matlamat pembangunan Daerah Jelebu sebagai daerah yang mampan (fizikal), berdaya maju (ekonomi) dan sejahtera (sosial).



BAHAGIAN A: PENDAHULUAN

- Menerangkan perincian kelas kegunaan tanah.
- Guna Tanah Semasa Daerah Jelebu 2020.
- Guna Tanah Cadangan Daerah Jelebu 2035.
- Pembahagian Blok Perancangan Daerah Jelebu.

BAHAGIAN B: PETA CADANGAN 2035 DAN KELAS KEGUNAAN TANAH

- Mengemukakan perincian cadangan guna tanah bagi setiap lot-lot, blok perancangan dan blok perancangan kecil serta aktiviti kegunaan tanah.

BAHAGIAN C: PETA CADANGAN MENGIKUT PETA INDEKS

- Mengemukakan guna tanah cadangan 2035 mengikut pelan indeks.

BAHAGIAN D: GARIS PANDUAN PERANCANGAN

- Mengemukakan garis panduan khusus sebagai panduan perancangan khusus bagi Daerah Jelebu.



BAHAGIAN A: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

- Menerangkan dan memperincikan aspek dan kaedah pengurusan dan pelaksanaan yang mengandungi senarai-senarai projek, kaedah, fasa dan anggaran kos pelaksanaan projek.

BAHAGIAN B: PEMUDAHCARA PEMBANGUNAN

- Menerangkan perincian *development facilitation* sebagai panduan kepada semua agensi yang berkaitan dalam melaksanakan cadangan-cadangan projek atau program.

BAHAGIAN C: SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI DAN PENGKALAN DATA

- Menerangkan sistem maklumat geografi dan pangkalan data.

BAB 2

PROFIL DAERAH JELEBU 2020







2.1 SEJARAH DAERAH JELEBU

2.1.1 ASAL USUL NAMA JELEBU

> ***Ke Jelebak ke Jelebu,***
> ***Tuai Padi Tiga Serangkai,***
> ***Siapa kena Kemat Jelebu,***
> ***Kalau tak Mati Badai Mengasai.***

Maksud pantun: *Kepandaian orang Jelebu memikat sesiapa yang berkenan di hatinya sehingga orang yang dipikat itu tidak boleh melupakannya hingga ke akhir hayat.*

Sumber sejarah Jelebu sama seperti ceritera Alam Melayu lain iaitu melalui tradisi sejarah lisan (*Oral Tradition*). Walaupun ia merupakan sejarah lisan yang sering dicampur aduk dengan lagenda dan mitos namun boleh dikatakan bahawa Negeri Sembilan kaya dan unik dengan sejarah penceritaan Alam Melayu. Berdasarkan kepada sumber lisan sejarah nama Jelebu berasal dari **dua kisah** yang diceritakan secara lisan sejak dari dahulu hingga ke hari ini.



Landskap di pusat bandar Jelebu

KISAH PERTAMA 01

- Menceritakan kisah Tok Batin Jelbu ketua suku kaum asli yang mendiami kawasan sekitar Sungai Lumut yang mempunyai ladang labu yang subur.
- Pada suatu hari, Tok Batin berhasrat untuk mandi di Sungai Lumut dan seusainya bekerja di ladang bersama isterinya, beliau meminta isterinya untuk pulang ke rumah dahulu.
- Sedang asyik mandi, tiba-tiba hujan turun dengan lebat bersama kilat menyebabkan air Sungai Lumut menjadi pasang sehingga beliau dihanyutkan oleh air sungai yang deras.
- Isteri Tok Batin Jelbu berasa risau akan keadaan suaminya lalu mencari suaminya ketika hujan sudah reda.
- Orang-orang asli di kawasan tersebut turut serta mencari namun masih tidak ditemui seolah-olah Tok Batin Jelbu ghaib secara tiba-tiba.
- Akhirnya, mereka yakin Tok Batin Jelbu mati lemas di Sungai Lumut dan mayatnya dibawa arus.
- Sebagai mengenang nama Tok Batin Jelbu maka tempat itu dinamakan sebagai Jelbu tetapi akhirnya bertukar menjadi Jelebu.

KISAH KEDUA 02

- Menceritakan kisah seorang Tok Batin yang telah membuka sebuah ladang labu.
- Setelah kematian Tok Batin, tanaman labunya cukup subur sehingga akar labunya menjalar ke Ulu Klawang.
- Kesuburan labu Tok Batin itu, maka ramai orang datang ke ladang labu Tok Batin tersebut.
- Mereka menamakan tempat itu sebagai 'Jalar Labu' sehingga lama-kelamaan bertukar menjadi Jelebu.

Sumber: Portal Rasmi Majlis Daerah Jelebu Persatuan Sejarah Jelebu
http://psbjelebu.blogspot.com/, (2011)

2.1.2 SEJARAH PEMBUKAAN JELEBU

1
- Sejarah pembukaan Jelebu selalu dikaitkan dengan kedatangan orang Minangkabau.
- Pada asalnya Jelebu didiami oleh kaum orang asli keturunan temuan dari suku Biduanda.
- Kisah bermula apabila Batin Terjali anak kepada Maharaja Alif yang memerintah kerajaan Pagar Ruyung, Minangkabau, pergi mengembara untuk mencari pengalaman dan meluaskan lagi pemerintahan ayah baginda.
- Setelah jauh mengembara Batin Terjali dan pengikut-pengikutnya sampai di Bukit Kundik di Jelebu.
- Kedatangan mereka disambut baik oleh orang-orang asli di kawasan tersebut.

2
- Semasa di Jelebu, isteri Batin Terjali iaitu Puteri Embong Sari melahirkan seorang anak lelaki dan diberi nama Datok Niko Menteri Mangku Alam Raja Sehari.
- Sebelum meninggalkan Jelebu untuk meneruskan pengembaraannya, Batin Terjali telah mewariskan putera baginda kepada ketua suku orang asli supaya menjaga puteranya dan apabila besar kelak hendaklah dijadikan penghulu Jelebu.
- Ketua orang asli itu bersetuju dan berjanji akan patuh dengan apa yang telah diperintahkan.

3
- Ketua orang asli telah menepati janjinya dan Datok Niko Menteri Shah Maku Alam Raja Sehari dilantik menjadi penghulu Jelebu.
- Maka wujudlah pemerintahan Putera Batin Terjali dan hubungan antara orang Minangkabau dan orang asli pun terjalin.
- Sejak itulah orang Minangkabau mula berhijrah ke Jelebu.
- Dalam senarai daftar nama penghulu di Jelebu, orang pertama dicatat namanya sebagai penghulu Jelebu ialah Datok Gombak, kemudian Datok Metunggang dan diikuti oleh Datok Moyang Salleh.





2.2 PROFIL KAWASAN DAERAH JELEBU 2020

2.2.1 KEDUDUKAN DAERAH JELEBU


Daerah Jelebu merupakan daerah paling utara dan kedua terbesar di Negeri Sembilan. Ianya bersempadan dengan dua negeri iaitu Negeri Selangor (barat laut) dan Negeri Pahang (utara) serta daerah lain seperti Jempol, Seremban dan Kuala Pilah.

Kedudukan Daerah Jelebu yang terletak bersebelahan dengan **Konurbasi Nasional iaitu 84 km dari Kuala Lumpur** (***Greater Kuala Lumpur***) memberi *value added* kepada Jelebu dan juga pembangunan *Malaysia Vision Valley* yang terletak lebih kurang 34 km dari arah barat daya Negeri Sembilan. Daerah bersempadanan ini memberi impak dan potensi kepada Daerah Jelebu yang mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan lebih bersepadu dan menyeluruh.

Bandar Kuala Klawang merupakan pusat pentadbiran bagi Daerah Jelebu yang menempatkan pejabat-pejabat penting seperti Ibu Pejabat Polis Daerah Jelebu, Majlis Daerah Jelebu, Muzium Budaya Jelebu dan Perpustakaan daerah. Pekan-pekan utama yang turut menjadi nadi penting Daerah Jelebu adalah Titi, Simpang Durian, Simpang Pertang, Pertang dan Durian Tipus.

Rajah 2.1: Daerah Jelebu dalam Konteks Negeri Sembilan dan Negeri Bersempadanan

KEDUDUKAN DAERAH JELEBU



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


2.2.2 PENDUDUK DAN SOSIOEKONOMI DAERAH JELEBU

PENDUDUK DAERAH JELEBU MENGIKUT MUKIM

- Penduduk **Daerah Jelebu** tahun **2020: 45,283 orang.**



Rajah 2.2 : Taburan Penduduk Mengikut Mukim Daerah Jelebu, 2020.




Sumber:
1. RT Daerah Jelebu 2035
2. Olahan Laporan Profil Kampung 2019, Pejabat Daerah Jelebu dan agensi utama seperti JAKOA, FELDA dan MDJ

- Majoriti penduduk di Daerah Jelebu menetap di **Mukim Pertang iaitu seramai 13,000 orang** disebabkan terdapat dua (2) petempatan FELDA iaitu FELDA Pasoh 1 dan FELDA Pasoh 4.
- Manakala mukim yang mempunyai penduduk terendah adalah di Mukim Kenaboi kerana bentuk muka bumi yang berbukit dan majoriti kawasan berhutan.

PENDUDUK BANDAR DAERAH JELEBU

Rajah 2.3 : Taburan Penduduk Bandar Daerah Jelebu, 2020.




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

- Terdapat lima (5) buah bandar di Daerah Jelebu yang majoriti penduduk tertumpu di **Pekan Titi iaitu seramai 8,540 orang** kerana kawasan ini merupakan petempatan utama di Daerah Jelebu. Manakala penduduk terendah di kawasan bandar ialah di Koridor Bandar Kuala Klawang – Titi iaitu sekitar 1,804 orang sahaja.

SEKTOR EKONOMI UTAMA DAERAH JELEBU

- Sektor Ekonomi Utama di Daerah Jelebu terdiri daripada sektor **perkhidmatan, pembinaan, pembuatan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian.**
- **Sektor perkhidmatan** merupakan **penyumbang terbesar** kepada Daerah Jelebu dengan nilai *output* kasar tertinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak **RM 423,707.00**

Rajah 2.4: Sektor Ekonomi Utama 2015



Sumber : Laporan Sosioekonomi Negeri Sembilan 2019
: My Locals Stats Negeri Sembilan 2017

STRUKTUR GUNA TENAGA

- Kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2020 dianggarkan **63.45%** daripada jumlah penduduk umur bekerja Daerah Jelebu.

Jadual 2.1: Struktur Guna Tenaga Kerja

	TAHUN		KPPT (%)
	2010	2020	2010-2020
Penduduk Daerah Jelebu	38,299	45,283	1.69
Penduduk Umur Bekerja	24,271	28,733	1.70
Tenaga Buruh	15,381	18,231	-
Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	63.37	63.45	-
Nisbah tenaga buruh: penduduk	40.16	40.26	-

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


2.2.3 MUKIM DAN KELUASAN DAERAH JELEBU

- Daerah Jelebu berkeluasan **135,353.58 hektar** yang ditadbir oleh Majlis Daerah Jelebu melibatkan **enam belas (16) mukim** merangkumi **lapan (8) mukim utama dan lapan (8) mukim bandar/ pekan.** Luas mukim terbesar di Daerah Jelebu adalah Mukim Kenaboi 32,282.69 hektar (23.85%), Triang Ilir 28,889.77 hektar (21.34%) dan Pertang 28,973.05 hektar (21.41%).
- Manakala Mukim Peradong merupakan mukim yang berkeluasan paling kecil iaitu 5,838.04 hektar 4.31% daripada keseluruhan keluasan Daerah Jelebu.

Jadual 2.2: Keluasan Daerah Jelebu mengikut Mukim


Bil	Mukim	Luas (Hektar)	Peratus (%)
1.	**Ulu Klawang** ▪ Melibatkan Mukim Ulu Klawang	8,771.79	6.48
2.	**Kuala Klawang** ▪ Melibatkan Mukim Kuala Klawang, Mukim Bandar Kuala Klawang dan sebahagian Mukim Pekan Kuala Klawang	6,193.23	4.58
3.	**Peradong** ▪ Melibatkan Mukim Peradong	5,838.04	4.31
4.	**Glami Lemi** ▪ Melibatkan Mukim Glami Lemi, Mukim Pekan Titi dan Mukim Pekan Sungai Muntoh	14,352.98	10.60
5.	**Ulu Triang** ▪ Melibatkan Mukim Ulu Triang, sebahagian Mukim Pekan Kuala Klawang dan Pekan Petaling	10,052.03	7.43
6.	**Pertang** • Melibatkan Mukim Pertang, Mukim Pekan Pertang dan Mukim Pekan Simpang Pertang	28,973.05	21.41
7.	**Triang Ilir** ▪ Melibatkan Mukim Triang Ilir, Mukim Pekan Simpang Durian	28,889.77	21.34
8.	**Kenaboi** ▪ Melibatkan Mukim Kenaboi	32,282.69	23.85
	Jumlah Keseluruhan	**135,353.58**	**100.00**

Sumber: JUPEM, 2019



Kawasan tinggi dan berbukit merupakan aset semula jadi sebagai tarikan pelancongan

Rajah 2.5: Sempadan Mukim Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan

Sumber:
1. JUPEM, 2019
2. Olahan: RT Daerah Jelebu 2035

PELAN LOKASI



2.2.4 GUNA TANAH SEMASA

- Secara keseluruhannya, **76,649.47 hektar (56.63%)** daripada keluasan daerah diliputi oleh **guna tanah hutan dan badan air** yang merupakan guna tanah terbesar di Daerah Jelebu.
- Ia meliputi lima (5) Hutan Simpan Kekal yang perlu dipelihara dan diambil kira di dalam kajian ini antaranya HSK Kenaboi, HSK Triang, HSK Pasoh, HSK Gapau dan HSK Berembun.

TEPU BINA

Guna tanah tepu bina meliputi sebanyak **3,016.99 hektar (2.23%)** yang tertumpu di sepanjang jalan utama. Dominasi utama guna tanah tepu bina adalah **institusi dan kemudahan masyarakat seluas 1,304.28 (0.96%).** Manakala **pengangkutan** mewakili sebanyak **1,120.09 hektar (0.83%)** seterusnya **perumahan** mewakili sebanyak **425.19 hektar (0.31%)** daripada keseluruhan guna tanah Daerah Jelebu.

BUKAN TEPU BINA


Manakala **guna tanah bukan tepu bina** mewakili seluas **55,687.12 hektar (41.14%)** daripada keluasan daerah. Guna tanah ini terdiri daripada tanah **pertanian** seluas **54,823.78 hektar (40.50%)** dan **tanah kosong** iaitu seluas **863.34 hektar (0.64%).**

Jadual 2.3: Guna Tanah Semasa Daerah Jelebu, 2020

Komponen Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tepu Bina		
Perumahan	425.19	0.31
Komersial	35.51	0.03
Industri	51.51	0.04
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,304.28	0.96
Tanah Lapang dan Rekreasi	28.85	0.02
Pengangkutan	1,120.09	0.83
Infrastruktur dan Utiliti	51.56	0.04
Jumlah Kecil	**3,016.99**	**2.23**
Hutan dan Badan Air		
Hutan Simpan Kekal	72,813.08	53.79
Kawasan Berhutan	1,780.72	1.32
Badan Air	2,055.67	1.52
Jumlah Kecil	**76,649.47**	**56.63**
Bukan Tepu Bina		
Pertanian	54,823.78	40.50
Tanah Kosong	863.34	0.64
Jumlah Kecil	**55,687.12**	**41.14**
Jumlah Keseluruhan	**135,353.58**	**100.00**

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.6: Peratusan Komponen Guna Tanah, 2020




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


Empangan Triang


Lata Kijang

Rajah 2.7: Guna Tanah Semasa Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK

- Perumahan Terancang
- Komersial
- Industri
- Kemudahan Pendidikan
- Kemudahan Kesihatan
- Kemudahan Keagamaan
- Kemudahan Perkuburan
- Kemudahan Keselamatan
- Kemudahan Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun
- Kemudahan Awam Lain
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Kemudahan Pengangkutan
- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pengairan dan Perparitan
- Telekomunikasi
- Pelupusan Sisa Pepejal
- Pembetungan
- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Hutan Simpan Kekal
- Kawasan Berhutan
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sungai
- Empangan
- Perumahan Kampung Sedia Ada

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

2.2.5 BENTUK FIZIKAL DAN GEOGRAFI DAERAH JELEBU

CIRI-CIRI TOPOGRAFI FIZIKAL DAERAH JELEBU

- Daerah Jelebu mempunyai bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan mempunyai banyak kawasan bertanah tinggi iaitu seluas 55,978.76 Hektar (41.36%).
- Bahagian utara Daerah Jelebu merupakan penghujung Banjaran Titiwangsa.



Gambaran fizikal Daerah Jelebu

KETINGGIAN TANAH DAERAH JELEBU


- Puncak tertinggi berada pada **ketinggian 1,462 meter** di Mukim Kenaboi bersempadan dengan Negeri Selangor dan Pahang.
- Sebahagian besar Daerah Jelebu **seluas 55,978.76 hektar (41.36%)** berada dalam kategori **tanah tinggi (300 – 1,000 meter)**. Kawasan tersebut merupakan kawasan berhutan dan hutan simpan kekal.
- Manakala, tanah rendah **berketinggian 0-150 meter** dan tanah bukit yang **berketinggian 150-300 meter** dengan **keluasan 77,563.41 hektar (57.30%)** merupakan kawasan subur dilitupi pertanian. Antaranya kawasan penanaman kelapa sawit, getah, petempatan FELDA dan FELCRA, bandar dan pusat petempatan.
- **Jadual 2.4** menjelaskan dengan lebih terperinci kelas ketinggian di Daerah Jelebu.

Jadual 2.4: Kelas Ketinggian di Daerah Jelebu

Kelas Ketinggian	Kategori Ketinggian (Meter)	Kawasan	Kriteria	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tanah Rendah	0-150	Sebahagian besar bahagian Timur dan sebahagian kecil bahagian barat Daerah Jelebu	• Tanah pamah • Sesuai untuk semua jenis pembangunan tertakluk kepada Rancangan Tempatan.	37,316.65	27.57
Tanah Bukit	150 – 300	Sebahagian besar bahagian tengah Daerah Jelebu	• Tanah berbukit • Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS 3) • Pembangunan terkawal bergantung kepada ciri-ciri halangan. • Pembangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat kecerunan kurang daripada 15 darjah.	40,246.76	29.73
Tanah Tinggi	300 – 1,000	Sebahagian Besar bahagian barat laut serta sebahagian barat daya dan selatan Daerah Jelebu	• Kawasan tanah tinggi • Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS 2) • Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan kecuali projek-projek infrastruktur dan perhubungan berkepentingan negara atau negeri • Pembalakan mampan dan pelancongan alam semulajadi dibenarkan bergantung kepada halangan dan kecerunan tidak melebihi 25 darjah	55,978.76	41.36
Tanah Gunung	> 1,000	Sebahagian kecil barat laut dan barat daya Daerah Jelebu	• Kawasan pergunungan • Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS 1) • Tidak dibenarkan sebarang pembangunan pertanian atau pembalakan kecuali projek-projek infrastruktur dan perhubungan berkepentingan negara atau negeri, aktiviti pelancongan alam semulajadi berimpak rendah, penyelidikan dan pembangunan (R&D)	1,811.41	1.34
			Jumlah	**135,353.58**	**100**

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.8: Ketinggian Tanah Daerah Jelebu



PETUNJUK

- Kurang 150 Meter
- 150 - 300 Meter
- 301 - 1,000 Meter
- Melebihi 1,000 Meter

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim


PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

KECERUNAN TANAH DAERAH JELEBU

- Hampir keseluruhan Daerah Jelebu **(94.62%)** berkecerunan kelas 1 dan kelas 2 di mana ia merupakan kawasan cerun landai, beralun dan berbukit serta dikategorikan sebagai kawasan dibenarkan untuk semua jenis pembangunan.
- Manakala, sebanyak **5.28%** berada dalam kelas 3 di mana kawasan ini masih boleh dibangunkan namun perlu pertimbangan untuk mendapat kelulusan daripada kajian EIA dan geoteknikal.
- Bagi Kelas 4 merupakan kawasan yang tidak dibenarkan untuk pembangunan iaitu kawasan kecerunan lebih 35 darjah.
- **Jadual 2.5** memperincikan butiran kecerunan tanah di Daerah Jelebu.




Jadual 2.5: Kelas Kecerunan di Daerah Jelebu

Kelas Kecerunan	Kategori Kecerunan	Klasifikasi Pembangunan	Kawasan	Rekabentuk Bangunan/ Keperluan	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Kelas 1	Kurang 15 darjah (Cerun Landai)	Dibenarkan untuk Pembangunan Tanah Bukit	Sebahagian besar bahagian Timur dan sebahagian barat Daerah Jelebu	• Tertakluk kepada Rancangan Tempatan	90,320.66	66.73
Kelas 2	15 - 25 darjah (Cerun Beralun dan Berbukit)			• Kepadatan sederhana • Rekabentuk bangunan perlu mengikut alunan cerun bagi mengurangkan pemotongan dan kerja tanah	37,756.53	27.89
Kelas 3	25 - 35 darjah (Cerun Sederhana Curam)	Dibenarkan Setelah Mendapat Kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Geoteknikal	Sebahagian barat hingga sebahagian selatan Daerah Jelebu	• Hanya sesuai untuk pembangunan berintensiti rendah kecuali projek-projek infrastruktur dan perhubungan berkepentingan negara atau negeri • Aktiviti yang bersesuaian • Cerun tanah berisiko runtuh jika melebihi 25 darjah • Melibatkan elemen kerja tanah	7,142.52	5.28
Kelas 4	Lebih 35 darjah (Cerun Curam)	Tidak Dibenarkan Untuk Pembangunan	Sebahagian barat daya, sebahagian barat laut ke selatan dan sebahagian Timur laut Daerah Jelebu	• Tidak dibenarkan sebarang pembangunan kecuali projek-projek infrastruktur dan perhubungan berkepentingan negara atau negeri • Kritikal untuk keselamatan bangunan dan tapak	133.87	0.10
				Jumlah	**135,353.58**	**100.00**

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.9: Kecerunan Tanah Daerah Jelebu



PETUNJUK

- Kurang 150 darjah
- 15 darjah – 25 darjah
- 26 darjah – 35 darjah
- Melebihi 35 darjah

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

2.2.6 HIERARKI PETEMPATAN DAERAH JELEBU

RFN 4, DPN 2 dan RSNS 2045 telah menetapkan Kuala Klawang sebagai Bandar Tempatan di mana berperanan untuk memberi perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran kepada kawasan Daerah Jelebu.



Bandar Kuala Klawang


Pekan Titi


Pekan Simpang Pertang




Pekan Simpang Durian

Rajah 2.10: Hierarki Pusat Petempatan Daerah Jelebu

Petempatan	RFN 4	DPN 2	RSNS 2045
Kuala Klawang	**Bandar Tempatan**	**Bandar Tempatan**	**Bandar Tempatan**
Titi, Simpang Pertang, Simpang Durian	-	-	**Pekan**

Sumber: 1) Rancangan Fizikal Negara ke4 (2021)
2) Dasar Perbandaran Negara ke2 (2016)
3) Rancangan Struktur Negeri Sembilan, 2045

Rajah 2.11: Hierarki Petempatan Daerah Jelebu



PETUNJUK

Bandar Tempatan
Pekan

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim

PELAN LOKASI



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan, 2045

Dasar-dasar yang diambilkira dalam penyediaan RT Daerah Jelebu 2035.



A. *New Urban Agenda (NUA)*
B. Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs)



A. Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)
B. Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN 4)
C. Dasar Perbandaran Negara ke-2 (DPN 2)
D. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN)
E. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
F. Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)
G. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK 2016-2025)



A. Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045
B. Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040
C. Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020
D. Dasar Perumahan Negeri Sembilan
E. Hala Tuju Pelancongan Negeri Sembilan

2.3 POLISI DAN DASAR BERKAITAN DAERAH JELEBU

RINGKASAN DASAR PEMBANGUNAN JELEBU DI PERINGKAT NEGARA/ WILAYAH DAN NEGERI

Jadual 2.6 Ringkasan Dasar Kajian yang berkaitan secara umum kepada Daerah Jelebu

PERINGKAT	DASAR/ POLISI	PERINCIAN
GLOBAL	NEW URBAN AGENDA (NUA)	▪ **Tujuh (7) komitmen NUA yang terlibat secara umum dengan Jelebu :** ➢ Penyediaan keperluan asas kepada masyarakat ➢ Mempromosi ruang yang selamat, mudah dicapai dan hijau ➢ Memastikan semua masyarakat mempunyai peluang kemudahan yang sama rata dan tiada diskriminasi ➢ Mempromosikan langkah yang menyokong kepada bandar bersih ➢ Menguatkan daya tahan bandar dalam mengurangi risiko dan kesan bencana ➢ Mengambil tindakan dalam menangani perubahan iklim melalui pengurangan dalam pelepasan gas rumah hijau ➢ Meningkatkan kemudahsampaian dan menyokong kepada inisiatif yang berinovasi dan hijau
	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS, SDGs)	▪ **Tujuh Belas (17) SDGs yang terlibat secara umum dengan Jelebu :** ➢ Tiada kemiskinan ➢ Sifar kelaparan ➢ Kesihatan & kesejahteraan baik ➢ Pendidikan berkualiti ➢ Kesamarataan gender ➢ Air bersih & sanitasi ➢ Tenaga mampu milik & bersih ➢ Pertumbuhan ekonomi & kerja yang baik ➢ Industri, inovasi & infrastruktur ➢ Pengurangan ketidaksamaan ➢ Bandar & komuniti mampan ➢ Penggunaan & penghasilan berkhemah ➢ Tindakan perubahan iklim ➢ Kehidupan dalam air ➢ Kehidupan di darat ➢ Institusi yang aman, adil dan kuat ➢ Perkongsian matlamat
NEGARA/ WILAYAH	RANCANGAN MALAYSIA KE-12	▪ **PEMANGKIN DASAR 1** Mengembangkan Potensi Masa Hadapan ▪ **PEMANGKIN DASAR 2** Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi ▪ **PEMANGKIN DASAR 3** Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan ▪ **PEMANGKIN DASAR 4** Memperkukuh Perkhidmatan Awam
	WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030	▪ Daripada 15 prinsip panduan wawasan kemakmuran bersama, **terdapat 12 prinsip panduan yang berkait secara umum dengan Jelebu** ➢ Kemakmuran berterusan ➢ Kesaksamaan keberhasilan ➢ Pertumbuhan saksama ➢ Ekonomi teragih ➢ Keterangkuman ➢ Masyarakat peribelajar ➢ Ekonomi masa hadapan ➢ Pendekatan ekonomi keperluan ➢ Masyarakat peribelajar ➢ Ekonomi politik berinstitusi ➢ Model kesepaduan sosial ➢ Kedaulatan dan kelestarian
	DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030 (DPFDN)	▪ **Teras 1** Pengurusan Mampan Alam Sekitar Desa ▪ **Teras 2** Pengukuhan Hubungan Simbiotik Bandar – Desa ▪ **Teras 3** Pengukuhan Daya Huni Desa ▪ **Teras 4** Memperkasa Ekonomi Desa ▪ **Teras 5** Pengurusan Desa Berdaya Laksana
	DASAR KEPELBAGAIAN BIOLOGI KEBANGSAAN 2016-2025 (DKBK 2016-2025)	**SOSIAL** **S1** Menjelang tahun 2025, tahap kesedaran masyarakat mengenai pentingnya biodiversiti telah ada dua kali ganda berbanding tahap 2016. **S2** Menjelang 2025, sekurang-kurangnya 500,000 belia dan kanak-kanak mengambil bahagian dalam aktiviti alam semula jadi setiap tahun. **S3** Menjelang tahun 2025, jumlah dan/ atau ukuran projek kolaborasi dengan masyarakat awam telah ada dua kali ganda berbanding tahap 2016. **S4** Menjelang 2025, jumlah dan/ atau ukuran projek kolaborasi dengan sektor swasta telah meningkat dua kali ganda berbanding tahap 2016. **S5** Menjelang tahun 2025, bilangan orang asli dan komuniti tempatan mengambil bahagian secara aktif dalam ekopelancongan telah meningkat dua kali ganda berbanding tahap 2016. **S6** Menjelang 2025, jumlah/ saiz pengekalan kawasan komuniti meningkat dua kali ganda berbanding ke peringkat 2016. **FIZIKAL** **P1** Menjelang tahun 2020, semua negeri telah mengenal pasti *hotspots* di mana terdapat nilai biodiversiti yang ketara untuk pemuliharaan. **P2** Menjelang tahun 2020, program perakaunan sumber semula jadi telah dibentuk untuk penilaian biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem. **P3** Menjelang tahun 2025, 50 tempat pelancongan/ pusat peranginan telah diperakui di bawah *Global Sustainable Tourism Criteria* (GSTC) atau skim yang serupa. **P4** Menjelang 2018, semua panduan pelancongan untuk tarikan berasaskan alam telah diperakui sebagai panduan hijau. **P5** Menjelang 2018, kerangka kawasan perlindungan nasional telah dibentuk. **P6** Menjelang tahun 2020, semua ekosistem yang rentan telah dipetakan dan menjelang tahun 2025, 50% daripadanya ekosistem dilindungi secara sah. **P7** Menjelang 2018, pusat biodiversiti nasional mula beroperasi. **P8** Menjelang tahun 2020, lima pusat pemeliharaan dan pengurusan biodiversiti beroperasi. **FLORA DAN FAUNA** **F1** Menjelang 2025, 100% daripada semua kayu balak dan produk kayu balak diuruskan secara lestari (iaitu diperakui di bawah skim seperti MTCS, FSC, dan lain-lain). **F2** Menjelang tahun 2025, 50% daripada semua kawasan pertanian diuruskan secara lestari (iaitu diperakui di bawah skim seperti MSPO, RSPO, MyGAP, dll). **F3** Menjelang tahun 2021, subsidi sesat di sektor pertanian, perhutanan dan perikanan telah dikenal pasti dan dirasionalisasikan. **F4** Menjelang 2025, 20% permukaan tanah dan perairan dipelihara sebagai kawasan dilindungi berasaskan langkah pemuliharaan. **F5** Menjelang 2025, 10 koridor utama di bawah inisiatif CFS telah dilaksanakan sepenuhnya. **F6** Menjelang tahun 2020, senarai Data Merah Nasional mengenai tumbuhan dan haiwan telah lengkap. **F7** Menjelang tahun 2025, semua spesis dalam bahaya dan terancam dilindungi oleh perundangan persekutuan dan negeri. **F8** Menjelang tahun 2018, kerangka penilaian risiko untuk spesis asing invasif telah dibentuk. **F9** Menjelang 2018, daya tahan dan kerentanan semua ekosistem utama terhadap perubahan iklim telah dinilai. **POLISI DAN PENTADBIRAN** **A1** Menjelang 2020, 20% perolehan Kerajaan Persekutuan adalah hijau. **A2** Menjelang 2021, peruntukan dasar dan undang-undang untuk memperkasakan masyarakat pribumi dan tempatan untuk menjadi penjaga alam biodiversiti telah dibentuk. **A3** Menjelang 2018, kerangka dasar dan/ atau peraturan untuk menggabungkan pemuliharaan biodiversiti ke dalam pembangunan negeri dan negara serta dasar dan rancangan sektoral. **A4** Menjelang 2018, pelan tindakan nasional untuk pemeliharaan biodiversiti bandar telah dirumuskan. **A5** Menjelang 2025, 20% (berbanding tahap 2020) dari semua ekosistem yang terdedah berada di bawah program pemulihan. **A6** Menjelang tahun 2020, sumber untuk penguatkuasaan meningkat dua kali ganda berbanding tahap tahun 2016. **A7** Menjelang tahun 2021, Pelan tindakan nasional untuk pencegahan, pembasmian, pengekangan dan kawalan spesis asing invasif telah dilaksanakan sepenuhnya. **A8** Menjelang tahun 2021, semua tindakan dan program di bawah strategi dan pelan tindakan nasional terhadap pemeliharaan biodiversiti pertanian dan penggunaan mampan telah dilaksanakan sepenuhnya. **A9** Menjelang 2018, sekurang-kurangnya 5 negeri telah merumuskan dan mula melaksanakan strategi dan pelan tindakan biodiversiti di peringkat negeri yang selaras dengan dasar ini. **A10** Menjelang 2018, Jawatankuasa *National Advisory Committee on Biodiversity and Ecosystem Services* (NACBES) telah ditubuhkan. **A11** Menjelang tahun 2025, jumlah dana secara langsung diberikan untuk pemeliharaan biodiversiti dari sumber kerajaan dan bukan kerajaan telah meningkat dengan ketara berbanding dengan tahap 2016. **A12** Menjelang 2018, dua mekanisma pembiayaan inovatif sedang beroperasi.

Jadual 2.7 Ringkasan Dasar Kajian yang berkaitan secara khusus kepada Daerah Jelebu

PERINGKAT	DASAR/ POLISI	PERINCIAN
NEGARA/ WILAYAH	RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE 4 (RFN4)	• Hubungan jaringan jalan raya antara wilayah dengan cadangan **Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang** dan ***Southern Central Road (SCR)*** **menghubungkan Simpang Pelangai – Segamat** • **Gugusan Gua Pasoh, Jelebu** yang dikenal pasti **berpotensi sebagai Geopark Kebangsaan**
	PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE (CFS)*	▪ Koridor Rangkaian Ekologi CFS di Negeri Sembilan merangkumi 2 rangkaian ekologi iaitu : ➢ **N-SL1 HS Triang – HS Triang** (1,354 hektar) ➢ **N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi** (12,176 hektar)
	DASAR PERBANDARAN NEGARA KE-2 (DPN 2)	• Hierarki petempatan : **Kuala Klawang** sebagai **Bandar Tempatan**
NEGERI	RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045 (RSN SEMBILAN 2045)	• **Teras pembangunan Daerah Jelebu berasaskan biodiversiti** yang terdiri daripada – 20% tepu bina/ perbandaran, 30% pertanian dan 50% HSK dan badan air • **Aktif** sebagai **pengeluar hasil pertanian** (tanaman getah, kelapa sawit, buah-buahan, padi dan sayur-sayuran) • Cadangan p**embangunan biodiversiti** adalah ***World biodiversity Centre, Asean Adventure Park,*** **Warta Hutan Simpan Kenabo**i Sebagai Taman Negeri, **Kawasan CFS dipelihara dan Pengurusan HSK** (hutan lipur & rekreasi) untuk pembangunan eko pelancongan (Hutan Simpan Kenaboi, Gunung Besar Antu, & Taman Alam Liar Negeri Lembah Jemaloi) • Kawasan strategik pelaburan: Pengukuhan pelancongan berasaskan eko dan biodiversiti di **Taman Negeri Kenaboi Jelebu** • Sistem Perhubungan dan Pengangkutan Utama : **Lebuhraya Serting – Durian Tipus – Karak/ Pekan (CSR) –** impak daripada pembangunan CSR • Pembangunan Pelancongan: **Kluster Pelancongan eko dan agro** (Taman Negeri Kenaboi – Jelebu – Sungai Lui – Jempol – Gemas – Tampin) • Projek Berimpak Tinggi melibatkan **Taman Negeri Kenaboi, Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar, Kenaboi *World Biodiversity Centre*** (Pusat Konservasi Tumbuhan dam Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa)
	PELAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR NEGERI SEMBILAN 2019-2040	• Jajaran Emas Eko Pelancongan melibatkan **Jajaran Seremban – Jelebu – Kenaboi** (Gunung Besar Antu), **Jajaran Seremban – Kuala Pilah – Jempol** (Gunung Angsi & Ulu Bendul *Recreational Park*), **Jajaran Rembau – Tampin** (Gunung Datuk) • Pelaksanaan Desa Muafakat (kawasan luar bandar yang tersusun bagi merangsang produktiviti ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat) di **Kg Jelin** dan **Kg Chennah** • Pusat Dagangan Integrasi Desa (PDID) adalah bagi menaiktaraf kemudahan prasarana dan mewujudkan pusat kemudahan masyarakat – peranan kecil di **Simpang Pertang Jelebu dan Simpang Durian Jelebu**
	PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SEMBILAN 2010-2020	• Pertanian ➢ Fokus pada tanaman industri ✓ Daerah Jelebu merupakan kawasan **tanaman buah-buahan utama** dalam Negeri Sembilan selain daripada Daerah Kuala Pilah ✓ Menyatakan keluasan **tanaman padi** di Daerah Jelebu juga adalah yang **ketiga terbesar** selepas Daerah Rembau dan Jempol. ✓ 4 kategori subsektor pertanian yang menjadi penggerak dalam pembangunan ekonomi di Daerah Jelebu iaitu subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani ➢ Penumpuan **pembangunan ternakan** ➢ Perkembangan komoditi berasaskan produk ➢ Mewujudkan mini Terminal Agrobisnes Negara (TEMAN) di setiap daerah • Pelancongan ➢ Menarik pelaburan tinggi ➢ Pelancongan bermusim ➢ Membangunkan pelancongan mampan ➢ Menyusun semula pentadbiran pelancongan di Negeri Sembilan • Pembuatan dan Bioteknologi ➢ Pertanian ➢ Kesihatan ➢ Industri bioteknologi
	HALA TUJU PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN	• Mengenalpasti dan Menaiktaraf *Focus Area* Pelancongan Negeri: Pantai, Eko, Warisan, Kebudayaan, Pelancongan Persidangan (MICE) & Pelancongan Kesihatan • Pelaksanaan Program/ Aktiviti Tetap Setiap Tahun • Menjadikan Hab Pelancongan Berpusat Bertaraf Antarabangsa • Hab Pelancongan Mengikut Kesediaan Daerah (**Jelebu – Zon Ekopelancongan**)

Dasar-dasar yang diambilkira dalam penyediaan RT Daerah Jelebu 2035.



A. *New Urban Agenda (NUA)*
B. Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs)



A. Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)
B. Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN 4)
C. Dasar Perbandaran Negara ke-2 (DPN 2)
D. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN)
E. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
F. Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)
G. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK 2016-2025)



A. Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045
B. Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040
C. Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020
D. Dasar Perumahan Negeri Sembilan
E. Hala Tuju Pelancongan Negeri Sembilan

2.3.1 PERINGKAT GLOBAL

A. AGENDA PERBANDARAN BAHARU (NUA)

Agenda Perbandaran Baharu iaitu *New Urban Agenda* (NUA) merupakan **pelan tindakan perbandaran** bagi menyokong **Agenda Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goals*, SDGs)** ke arah mewujudkan **bandar-bandar** yang **inklusif, selamat, resilien dan mampan**. Pelaksanaan agenda ini terbahagi kepada lima (5) aspek utama yang akan menjadi asas dan diterjemahkan kepada pembangunan bandar terutama untuk RT Daerah Jelebu 2035 dalam tempoh pelaksanaan akan datang.

Jadual 2.8: Aspek Perancangan NUA dalam Konteks Malaysia

Aspek Perancangan NUA	Konteks Malaysia
National Urban Policy	Malaysia telah mengariskan RMK12, RFN4, DPN2, DPLB sebagai acuan untuk membentuk pembangunan mampan hijau sektor ekonomi, alam sekitar dan sosial
Urban Legislation Rules and Regulations	Melalui peruntukan akta terhadap setiap sektor yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi sosial dan persekitaran
Urban Planning and Design	Menekankan pembangunan hijau, mampan, rekabentuk *sensitive climate* dan lain-lain
Urban Economy and Municipal Finance	Mewujudkan mekanisma kewangan fiskal untuk pembangunan hijau melalui kerjasama negara maju yang aktif dengan usaha menangani perubahan iklim
Local Implementation	Memastikan pembangunan mampan dapat diterjemah secara fizikal terhadap kawasan bandar seiring dengan pelan pembangunan mampan negara

Sumber: United Nations, 2016



Isu yang ingin ditangani oleh NUA & SDGs menjelang 2030 berkaitan dengan Daerah Jelebu

- **Masalah perkhidmatan kurang efisien**
- **Isu perumahan mampu milik**
- **Pengangkutan awam yang tidak berkesan**
- **Alam sekitar yang tidak sihat**
- **Banjir kilat**
- **Kekurangan tanah lapang**
- Masalah pengganguran tinggi
- Masalah kesihatan
- **Pengurusan sisa pepejal yang tidak efisien**
- Kadar jenayah tinggi
- Kesesakan lalu lintas
- **Tiada pengangkutan awam**

Antara **kaedah pelaksanaan berkesan** yang dinyatakan dalam NUA adalah seperti berikut :

- ✓ Membina **struktur tadbir urus bandar** dengan mewujudkan **rangka kerja sokongan.**
- ✓ **Perancangan dan pengurusan** pembangunan ruang bandar.
- ✓ **Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)** sebagai pendekatan bandar pintar dalam mempertingkatkan pentadbiran dan pengurusan bandar, menangani cabaran perbandaran dan membuka peluang baharu untuk menjadikan bandar lebih selamat, berdaya tahan dan mampan.

Dijangka 55% populasi dunia akan tinggal di bandar menjelang 2030 yang akan memberi impak kepada **persekitaran, ekonomi dan sosial**

Tujuh (7) komitmen NUA yang berkaitan dengan Daerah Jelebu adalah:

1. **Penyediaan Keperluan Asas kepada Masyarakat**
2. **Mempromosi Ruang yang Selamat, Mudah Dicapai dan Hijau**
3. **Memastikan Semua Masyarakat Mempunyai Peluang Kemudahan yang Sama Rata dan Tiada Diskriminasi**
4. **Mempromosikan Langkah yang Menyokong kepada Bandar Bersih**
5. **Menguatkan Daya Tahan Bandar dalam Mengurangi Risiko dan Kesan Bencana**
6. **Mengambil Tindakan dalam Menangani Perubahan Iklim Melalui Pengurangan dalam Pelepasan Gas Rumah Hijau**
7. **Meningkatkan Kemudahsampaian dan Menyokong kepada Inisiatif yang Berinovasi dan Hijau**

Kesemua komitmen NUA yang digariskan **perlu diambilkira dalam pembangunan Daerah Jelebu** dalam memastikan isu yang ingin ditangani dalam daerah dapat dikurangkan atau diselesaikan menjelang tahun 2030

B. MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)

Malaysia telah komited dalam menerapkan teras pembangunan mampan bersama 193 negara lain untuk menyokong dan melaksanakan Agenda 2030 Pembangunan Mampan menjelang 2030 pada tahun 2015. Matlamat Pembangunan Mampan *(Sustainable Development Goals - SDGs)* menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi kepada pembangunan sosial, persekitaran dan ekonomi. Matlamat dan sasaran ini akan diterjemahkan secara *top down* dari peringkat nasional ke peringkat tempatan dalam penyediaan RT Daerah Jelebu 2035 agar ia dapat menyelesaikan isu masalah dan mencapai objektif pembangunan berpaksikan kepada pembangunan masyarakat dalam segi persekitaran, ekonomi dan sosial.

Rajah 2.12: Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs).

1	**Tiada Kemiskinan**	Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di mana-mana
2	**Sifar Kelaparan**	Menamatkan kebuluran, mencapai keselamatan makanan dan pemakanan yang lebih baik, dan menggalakkan pertanian mampan
3	**Kesihatan & Kesejahteraan Baik**	Memastikan kesihatan dan kesejahteraan di semua peringkat umur
4	**Pendidikan Berkualiti**	Memastikan kualiti pendidikan yang inklusif, saksama dan menggalakkan pendidikan sepanjang hayat
5	**Kesamarataan Gender**	Mencapai persamaan gender dan memberi kuasa kepada wanita
6	**Air Bersih & Sanitasi**	Memastikan sumber air yang cukup dan pengurusan air yang mampan dan sanitasi
7	**Tenaga Mampu Milik & Bersih**	Memastikan akses terdapat tenaga mampu milik, keboleharapan, mampan dan moden untuk semua
8	**Pertumbuhan Ekonomi & Kerja Yang Baik**	Galakan berterusan secara inklusif dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan, pekerja yang produktif
9	**Industri, Inovasi & Infrastruktur**	Membina infrastruktur berdaya tahan, inklusif dan kemampanan industri dan memupuk inovasi
10	**Pengurangan Ketidaksamaan**	Mengurangkan ketidaksamaan di antara negeri
11	**Bandar & Komuniti Mampan**	Menjadikan bandar dan penempatan penduduk yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan
12	**Penggunaan & Penghasilan Berkhemah**	Memastikan kemampanan corak penggunaan dan pengeluaran
13	**Tindakan Perubahan Iklim**	Membina infrastruktur yang berdaya tahan, inklusif dan kemampanan industri dan memupuk inovasi
14	**Kehidupan dalam Air**	Memastikan kemampanan corak penggunaan dan pengeluaran
15	**Kehidupan di Darat**	Melindungi, memulihkan dan menggalakkan kemampanan dengan penggunaan ekosistem dan pengurusan secara mampan
16	**Institusi Yang Aman, Adil dan Kuat**	Menggalakkan keamanan dan komuniti yang inklusif bagi mencapai pembangunan mampan
17	**Perkongsian Matlamat**	Menekankan kaedah pelaksanaan dan menggalakan hubungan luar bagi mencapai pembangunan mampan

Sumber: Olahan untuk RT Daerah Jelebu 2035 daripada SDGs


Jadual 2.9: SDGs dalam konteks Malaysia

Matlamat Pembangunan Mampan	Konteks Malaysia
G1: Tiada Kemiskinan	• Memastikan semua peringkat masyarakat terutama golongan B40 dapat mencapai kualiti hidup tinggi serta mendapat faedah perlindungan sosial • Menurunkan kadar kemiskinan semasa (0.6%) (2014)
G2: Sifar Kelaparan	• Promosi kepada pertanian mampan untuk meningkatkan produktiviti dan fungsi pasaran makanan terutama kepada makanan yang bernutrisi
G3: Kesihatan & Kesejahteraan Baik	• Meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup masyarakat dalam penyediaan capaian perkhidmatan kesihatan • Mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya
G4: Pendidikan Berkualiti	• Meningkatkan taraf pendidikan masyarakat sekurangnya peringkat tertiari • Meningkatkan jumlah teknikal industri dan pendidikan dan latihan vokasional (TVET)
G5: Kesamarataan Gender	• Meningkatkan peratusan penglibatan wanita dalam tenaga kerja Malaysia terutama yang melibatkan perkhidmatan sosial seperti tadika dan lain-lain
G6: Air Bersih & Sanitasi	• Meningkatkan capaian air bersih dan air rawat kepada penduduk • Meningkatkan pengurusan sisa pepejal, kimia dan lain-lain yang efisien
G7: Tenaga Mampu Milik & Bersih	• Meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar
G8: Pertumbuhan Ekonomi & Kerja Yang Baik	• Mengekal serta meningkatkan kadar KDNK negara • Meningkatkan pendapatan per kapita melebihi USD 15,000 • Meningkatkan peluang pekerjaan berintensif pengetahuan dan inovasi • Meningkatkan tenaga kerja sektor pertumbuhan hijau
G9: Industri, Inovasi & Infrastruktur	• Kearah mencapai revolusi industri 4.0
G10: Pengurangan Ketidaksamaan	• Menyediakan perumahan mampu milik terutama kepada golongan B40 • Penyediaan pengangkutan awam kepada masyarakat yang mudah dicapai oleh golongan B40
G11: Bandar & Komuniti Mampan	• Meningkatkan akses jalan • Meningkatkan capaian perkhidmatan jalur lebar di kawasan bandar dan luar bandar • Pengawalan guna tanah yang berkesan
G12: Penggunaan & Penghasilan Berhemah	• Mengguna pakai produk/ pengeluaran hijau
G13: Tindakan Perubahan Iklim	• Mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang 2030 • Mengurangkan impak serta penyediaan pelan pengurusan risiko banjir kilat • Mengguna pakai penggunaan teknologi hijau dalam mengurangi kesan perubahan iklim
G14: Kehidupan dalam Air	• Meningkatkan capaian perkhidmatan air bersih kepada masyarakat
G15: Kehidupan di Darat	• Mengekalkan peratusan tanah hutan (semasa 55.2%) sebagai kawasan perlindungan terestial • Mengekalkan peratusan marin sebagai kawasan perlindungan marin
G16: Institusi Yang Aman, Adil dan Kuat	• Meningkatkan *transparency* dalam pentadbiran • Menjana kewangan yang stabil
G17:Perkongsian Matlamat	• Menyediakan *platform* perkongsian dengan negara maju dalam mendapatkan pengalaman serta penyelesaian bersama

Sumber: Olahan untuk RT Daerah Jelebu 2035 daripada SDGs

Kesemua matlamat SDGs yang digariskan **perlu diambilkira dalam pembangunan Daerah Jelebu** agar dapat menyelesaikan isu masalah dan mencapai objektif pembangunan berpaksikan kepada pembangunan masyarakat yang mampan dari segi persekitaran, ekonomi dan sosial.

Rajah 2.13: Tahap Kemampanan PBT Negeri Sembilan, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu, 2035

MURNInets 2.0 adalah satu kaedah penilaian terhadap pembangunan bagi mengukur kemampanan yang telah mengintegrasikan indikator SDGs dan perancangan pembangunan bagi setiap PBT di Malaysia pada tahun 2020. Berdasarkan kepada skor indeks MURNInets 2.0 pada tahun 2020, **Jelebu telah mendapat status mampan di mana ia mendapat skor sebanyak 84%.**

Berdasarkan kepada jadual 2.10 menunjukkan tema dan skor MURNInets untuk Jelebu, skor yang tertinggi dicatatkan pada Dimensi Kualiti Persekitaran Mampan (1.01). Ini menunjukan bahawa Daerah Jelebu adalah sebuah daerah yang mampan di mana ia mencatatkan jumlah skor yang tinggi untuk dimensi persekitaran berbanding dimensi lain. Untuk dimensi 2, **parameter yang dinilai** adalah **status kualiti sungai, bilangan inisiatif pelaksanaan pengurusan bencana, bilangan inisiatif pelaksanaan & pengurusan alam sekitar, jumlah sisa pepejal yang dijana, peruntukan kewangan untuk pendidikan alam sekitar** dan lain-lain (*rujuk bahagian **MURNInets** untuk maklumat lanjut*).

Oleh itu, pembangunan RT Daerah Jelebu 2035 ini perlu fokus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti agar kadar kemampanan daerah dapat dikekalkan dengan baik.

Jadual 2.10: Skor Penilaian Kemampanan Jelebu berdasarkan Dimensi MURNInets 2.0

DIMENSI	TEMA (22)	PETUNJUK (43)	SKOR	SKOR TEMA	SKOR DIMENSI
1. DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING	ET1	P1	2	0.13	0.63
	ET2	P1	3	0.25	
		P2	2		
	ET3	P1	3	0.25	
2. DIMENSI KUALITI PERSEKITARAN MAMPAN	ST1	P1	3	0.38	1.01
		P2	2		
	ST2	P1	3	0.25	
	ST3	P1	3	0.38	
		P2	3		
		P3	3		
3. DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA	KT1	P1	3	0.30	0.97
	KT2	P1	3	0.30	
	KT3	P1	3	0.17	
		P2	3		
		P3	2		
		P4	1		
		P5	3		
	KT4	P1	1	0.20	
4. DIMENSI GUNATANAH & SUMBER ASLI OPTIMUM	GT1	P1	2	0.38	0.97
	GT2	P1	3	0.38	
		P2	3		
		P3	3		
	GT4	P1	3	0.21	
		P2	2		
5. DIMENSI INFRASTRUKTUR & PENGANGKUTAN EFISIEN	IT1	P1	3	0.24	0.77
		P2	1		
		P3	3		
		P4	2		
		P5	1		
		P6	2		
	IT2	P1	3	0.10	
		P2	3		
	IT3	P1	2	0.29	
	IT4	P1	1	0.14	
6. DIMENSI URUSTADBIR EFEKTIF	UT1	P1	2	0.00	0.66
		P2	3		
	UT2	P1	2	0.33	
		P2	1		
		P3	2		
	UT3	P1	3	0.33	
		P2	3		

Sumber: MURNInets 2.0 MDJ 2020

2.3.2 PERINGKAT NEGARA/ WILAYAH

A. RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (2021-2025)

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025

Kerajaan komited untuk melaksanakan inisiatif radikal yang memacu perubahan bagi memastikan objektif kemakmuran, inklusiviti dan kemampanan dapat dicapai dalam tempoh RMKe-12. Penekanan akan diberi kepada usaha menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan.

TEMA 1
MENJANA SEMULA EKONOMI

TEMA 2
MEMPERKUKUH KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI

TEMA 3
MELONJAKKAN KEMAMPANAN

Jadual 2.11 : Inisiatif Pembangunan Daerah Jelebu berteraskan RMKe-12

Pemangkin Dasar RMKe-12	Inisiatif yang berkaitan/memberi impak kepada Jelebu
PEMANGKIN DASAR 1 **Mengembangkan Potensi Masa Hadapan**	RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan menjajarkan semula pasaran buruh, pendidikan dan latihan. Antara inisiatif utama yang akan dilaksana bersesuaian dengan Daerah Jelebu bagi penjajaran semula pasaran buruh adalah: • Menggalakkan CE yang lebih saksama • Meningkatkan penyertaan tenaga buruh dan memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh. • Menambahbaik sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan
PEMANGKIN DASAR 2 **Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi**	Penerimagunaan teknologi dan inovasi merupakan pemangkin asas bagi pertumbuhan di semua sektor. Inisiatif yang boleh diadaptasikan dalam Daerah Jelebu seperti berikut: • Proses pendigitalan akan dipercepat dan penerimagunaan teknologi termaju, khususnya teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) akan digalakkan bagi mencapai ekonomi berasaskan teknologi tinggi • Bakat dan kemahiran yang diperlukan untuk memacu ekonomi digital dan 4IR akan ditingkatkan manakala R&D&C&I akan dipergiat. • Menarik pelaburan dalam ekonomi digital secara agresif untuk menjadi peneraju • Meningkatkan ketersambungan digital untuk pembangunan inklusif serta menjajarkan R&D untuk pengkomersialan, penjanaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi
PEMANGKIN DASAR 3 **Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan**	Penekanan akan terus diberikan kepada peningkatan ketersambungan, daya saing industri dan memperkukuh tadbir urus. Daerah Jelebu akan fokus kepada perkara berikut: • Meningkatkan kebolehcapaian pengangkutan awam, mempertingkat fasilitasi perdagangan dan memperkukuh institusi serta rangka kerja kawal selia • Menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir melalui jalan raya yang bersepadu antara kawasan perindustrian dan bandar • Memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik, mempercepat penerimagunaan teknologi, mendorong penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan pemain industri, menubuhkan agensi tunggal sempadan dan menggubal rangka kerja kawal selia bagi pergudangan
PEMANGKIN DASAR 4 **Memperkukuh Perkhidmatan Awam**	Daerah Jelebu perlu mempergiat pendigitalan, membuat keputusan berpaksikan rakyat, mempercepat pelaksanaan projek serta menyelaras dan meningkatkan kerjasama antara tiga peringkat kerajaan melalui inisiatif berikut: • Memberi penekanan kepada integriti dan ketelusan dalam bakat, ekosistem tadbir urus dan pengurusan projek • Membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, meningkatkan pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek • Memperkukuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi, menambah baik mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional serta mempercepat pendigitalan

Sumber: Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)

B. RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-4 (RFN4)

Rancangan Fizikal Negara merupakan dokumen perancangan tertinggi dalam rangka kerja perancangan pembangunan fizikal negara, yang menterjemahkan dasar-dasar strategik dan sektoral negara ke dalam dimensi spatial serta fizikal. Dokumen ini juga disediakan selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun meliputi Semenanjung Malaysia.



Matlamat RFN 4 adalah untuk mencapai:

“ Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera ”

Matlamat ini dijangka mampu menjadi aspirasi utama dalam mencorak pembangunan negara untuk mencapai status negara maju, berharmoni dan sejahtera.

Matlamat RFN 4 dirangka menerusi tiga (3) teras utama yang dirujuk semasa penyediaan RT penggantian supaya perancangan pembangunan yang dibuat selaras dengan keperluan pembangunan negara.

Teras pembangunan yang dibentuk meliputi segenap bidang perancangan khususnya fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial.

- FIZIKAL
- EKONOMI
- ALAM SEKITAR
- SOSIAL

Teras utama ini akan diterjemahkan ke bentuk pelan pembangunan spatial yang merangkumi:

1. Rangka Pertumbuhan Spatial Negeri Sembilan
2. Pengurusan Sumber Negeri Sembilan
3. Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi Negeri Sembilan

RFN Ke-4 ini mengandungi tiga 3 teras pembangunan, 11 hala tuju strategik, 40 strategi dan 128 tindakan seperti berikut:

3 TERAS PEMBANGUNAN

TERAS 1:	TERAS 2:	TERAS 3:
PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG	**KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM**	**KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI**
PD	KD	KI

11 HALA TUJU STRATEGIK

PD 1 Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara Di Peringkat Global	KD 1 Perancangan Guna Tanah Holistik	K1 1 Penyediaan Perumahan Untuk Semua Masyarakat
PD 2 Pertumbuhan Ekonomi Mampan Dan Berdaya Saing	KD 2 Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan Dan Sumber Warisan	KI 2 Masyarakat Berpendidikan Yang Berdaya Saing
PD 3 Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik Dan Bersepadu	KD 3 Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon	KI 3 Persekitaran Kehidupan Yang Kondusif Dan Berdaya Huni
PD 4 Peningkatan Infrastruktur Digital Dan Pintar		KI 4 Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan

40 STRATEGI

16 Strategi	16 Strategi	8 Strategi

128 TINDAKAN

47 Tindakan	58 Tindakan	23 Tindakan

i. RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Pengurusan Spatial merupakan satu kerangka dalam mengurus ketersediaan spatial guna tanah, pengangkutan, kawasan pertumbuhan, hierarki petempatan, sumber semula jadi negara dan penglibatan komuniti dalam kualiti persekitaran kehidupan yang berdaya huni. Intensifikasi pembangunan ditekankan melalui pengurusan yang lebih efektif dan holistik serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan.

Rangkaian Perhubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu

- ✓ Memperkukuh hubungan jaringan jalan raya antara wilayah melalui cadangan **Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang,** KLIA – Senawang (SKLIA), Lebuh Raya Seremban – Serting, Sambungan Lebuh Raya Pantai Barat Kuala Lumpur – Johor Bharu (WCE) dan **Southern Central Road (SCR) menghubungkan Simpang Pelangai – Segamat.**


Pemeliharaan Aset Ekologi Negara dan Perlindungan Kawasan Perairan Persisiran Pantai

- ✓ Mengekalkan dan memelihara kawasan – kawasan pertanian utama (KDU) di Negeri Sembilan.
- ✓ Menjamin kesinambungan landskap hutan melalui pengekalan kawasan **HSK Kenaboi, HSK Pasoh, HSK Gapau, HSK Teriang,** HSK Serting, HSK Pelangai, **HSK Berembun,** HSK Pantai, HSK Setul, HSK Petai, HSK Gallah, HSK Lenggeng, HSK Angsi, HSK Senaling Inas, HSK Johol, HSK Gunung Tampin, HSK Tebong, HSK Gemas Selatan, dan HSK Menyala.

Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni

- ✓ Menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi dan mampu dimiliki oleh golongan sasaran B40 dan M40 di kawasan perbandaran.
- ✓ Meningkatkan kualiti perumahan dan kejiranan di kawasan luar bandar melalui pembangunan yang lebih terancang.
- ✓ Menyediakan kemudahan yang mencukupi dan bersesuaian bagi pembentukan masyarakat cerdik pandai sebagai asas pembentukan negara yang maju dan pintar.
- ✓ Mewujudkan elemen kehidupan pintar *(smart living)* dan masyarakat pintar *(smart community)* sebagai asas perancangan pembangunan.
- ✓ Menggalakkan amalan hijau, gaya hidup sihat dan selamat dalam komuniti dan persekitaran petempatan.
- ✓ Memperkasa peranan komuniti dalam pembangunan untuk memastikan proses perancangan dengan mengambil kira keperluan kehidupan masyarakat.

Rajah 2.14: Rangka Pertumbuhan Spatial Negeri Sembilan



Nota: Perkara berkaitan Daerah Jelebu

Sumber: Rancangan Fizikal Negara ke-4

ii. PENGURUSAN SUMBER NEGERI SEMBILAN

Pengurusan Sumber bagi RFN Ke-4 terdiri daripada 5 kategori utama iaitu sumber asli, sumber makanan, sumber warisan, sumber air mampan dan pendekatan rendah karbon. Sumber ini merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan hidup. Tadbir urus serta peranan undang-undang adalah penting di peringkat ini bagi memelihara dan memulihara arkeologi negara serta manfaatnya terus dikecapi bagi semasa dan pada masa hadapan.

Pengurusan Mampan Sumber Asli **01**

- ✓ Memulihara **HSK Kenaboi**, **HSK Pasoh**, **HSK Gapau**, **HSK Teriang**, HSK Serting, HSK Pelangai, **HSK Berembun**, HSK Pantai, HSK Setul, HSK Petai, HSK Gallah, HSK Lenggeng, HSK Angsi, HSK Senaling Inas, HSK Johol, HSK Gunung Tampin, HSK Tebong, HSK Gemas Selatan, dan HSK Menyala.
- ✓ Melindungi habitat-habitat terancam (kawasan berkepentingan burung).

Pengurusan Mampan Sumber Makanan **02**

- ✓ Melindungi kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) sebagai sumber jaminan keselamatan bekalan makanan negara (*food security*).


Pengurusan Mampan Sumber Warisan **03**

- ✓ Mewartakan tapak-tapak warisan semula jadi dan tapak warisan yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol (*outstanding universal value*) dari pandangan sejarah, seni atau sains di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645).

Mempertingkat Sumber Air Mampan **04**

- ✓ Mengawal pembangunan dan aktiviti di kawasan tadahan air (kawasan terlibat meliputi **Empangan Teriang**, Empangan Upper Muar, Empangan Kerinchi, Empangan Pedas, Empangan Batu Hampar dan Empangan Gemencheh.

Rajah 2.15: Pengurusan Sumber Negeri Sembilan



Nota: *Perkara berkaitan Daerah Jelebu*

Sumber: Rancangan Fizikal Negara ke-4

iii. PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI SEMBILAN

Pengurusan ini adalah untuk mengenal pasti kawasan berisiko bencana semula jadi kesan daripada fenomena perubahan iklim. Penglibatan daripada pihak yang terlibat adalah penting dalam memastikan pengurangan risiko bencana dapat dilaksanakan melalui langkah-langkah kawalan secara berstruktur dan bukan berstruktur. Pengenalpastian kawasan risiko bencana di Negeri Sembilan iaitu banjir, kenaikan aras laut, tanah runtuh, hakisan pantai, gempa bumi dan tsunami bertujuan memberi indikasi bagi penelitian dengan lebih terperinci dalam perancangan pembangunan.

01

Kawasan Berisiko Tanah Runtuh


- ✓ Menjalankan pemetaan untuk kawasan *hotspot* cerun di Nilai, Seremban dan **Jelebu** dan mengkelaskan keadaannya mengikut keadaan stabil (selamat), menunjukkan tanda ketidakstabilan atau dalam keadaan berisiko tinggi.
- ✓ Mengadaptasi Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, (2009) dalam menentukan kesesuaian dan kawalan pembangunan yang melibatkan kawasan bercerun dan tanah tinggi di Negeri Sembilan.
- ✓ Melarang aktiviti pembalakan dan tukar guna tanah di tanah tinggi melebihi 1,000 meter dari aras laut.

02

Kawasan Berisiko Banjir


- ✓ Memperluas penyediaan *flood risk map* untuk kawasan mudah banjir (*flood vulnerability area*) di Negeri Sembilan (melibatkan kawasan penempatan di Daerah Seremban, Port Dickson, Jelebu dan Tampin). Pengurusan guna tanah bersepadu di kawasan risiko banjir perlu diterjemahkan dalam RSN, RT dan RKK bagi tujuan kawalan aktiviti pembangunan dan kelulusan perancangan.

Rajah 2.16: Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi Negeri Sembilan



Nota: Perkara berkaitan Daerah Jelebu
Sumber: Rancangan Fizikal Negara ke-4

C. DASAR PERBANDARAN NEGARA KE-2 (DPN2)



- Dasar Perbandaran Negara (DPN) merupakan dasar yang memandu dan **menyelaras perancangan pembangunan serta pentadbiran perbandaran,** agar menjadi lebih efisien dan sistematik dengan penekanan terhadap **keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi serta fizikal.** DPN2 menggariskan cabaran- cabaran baharu yang memerlukan satu perancangan dan pengurusan bandar agar lebih sistematik, isu rebakan bandar *(urban sprawl)* dan penetapan sempadan Bandar.

VISI DPN2 — Menjadikan bandar-bandar di Malaysia sebagai **"Bandar Yang Mampan Untuk Kesejahteraan Rakyat"** .

- Untuk mencapai visi ini, lima (5) prinsip telah digariskan; seterusnya disokong oleh pembentukan 36 objektif, 62 strategi dan 113 tindakan.

Jadual 2.12: Prinsip Dasar Perbandaran Negara Ke-2

Prinsip DPN2	Strategi yang berkaitan/ memberi impak kepada Jelebu
Prinsip 1: Tadbir Urus Bandar yang Baik	• Penggunaan sumber secara optimum dan berkesan • Memberi **perkhidmatan bandar yang efisien dan cepat** • Meningkatkan sistem penyampaian selari dengan kehendak komuniti • Mengadakan **kerjasama berterusan bersama komuniti**
Prinsip 2: Bandar yang Berdaya Huni	• **Penyediaan rumah mampu milik** yang mencukupi, berkualiti dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat • **Perkhidmatan infrastruktur, utiliti dan kemudahan perbandaran** yang efisien dan **bersepadu** • Pelaksanaan **reka bentuk bandar** yang **selamat dan beridentiti** • Persekitaran **bandar** yang **selamat** • Pengurusan risiko bencana yang komprehensif
Prinsip 3: Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing	• Penyediaan sistem komunikasi yang cekap dan efektif • Penggunaan tanah wakaf, tanah rizab melayu dan tanah adat dalam bandar yang optimum • Pengintegrasian perancangan **pembangunan kampung dalam bandar** • Peningkatan **produktiviti modal insan** • Penyediaan **sistem komunikasi yang cekap** dan efektif
Prinsip 4: Pembangunan Bandar yang Inklusif dan Saksama	• Tumpuan program yang khusus untuk **kebajikan isi rumah B40** • Peningkatan pendapatan isi rumah B40 • Penyediaan keperluan golongan **warga emas, orang kurang upaya (OKU)** , (serta **orang asal/ asli**) dalam pembangunan bandar yang pelbagai
Prinsip 5: Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih	• Penerapan elemen hijau dalam pembangunan bandar • Pengurusan badan air yang efisien dan mampan – mengurangkan kehilangan air yang tidak terhasil • Pengurusan sisa pepejal yang efektif bagi memastikan bandar yang bersih • Peningkatan kualiti gaya hidup sihat dan udara yang bersih dalam bandar


Sumber: Olahan RT Daerah Jelebu 2035 daripada DPN2

Jadual 2.13: Hierarki Petempatan di Negeri Sembilan

Hierarki	Bandar
Bandar Negeri	Seremban
Bandar Utama	Nilai
Bandar Tempatan	Mantin, Labu, Lukut, Port Dickson, Teluk Kemang, Rembau, Tampin, Gemencheh, Gemas, Bahau, Kuala Pilah, Bandar Seri Jempol, **Kuala Klawang**

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutan Labuan

Rajah 2.17: Pelan Hierarki Bandar Negeri Sembilan



Nota: Perkara berkaitan Daerah Jelebu

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutan Labuan

D. DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030 (DPFDN)

- DPFDN 2030 merupakan dasar pembangunan desa yang pertama di Malaysia berbentuk spatial yang bertujuan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa dan melengkapkan Dasar Perbandaran Negara yang disediakan untuk kawasan bandar di Malaysia.

- DPFDN 2030 berbentuk pelan operasi dan menjadi panduan kepada agensi pelaksana bagi perancangan kawasan desa yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur, utiliti, warisan, pengurusan dan mekanisma pemantauan. DPFDN 2030 ini menyediakan pernyataan dasar, strategi dan langkah-langkah pencapaian mengikut tema dan teras bagi merealisasikan visi pembangunan desa sehingga tahun 2030.

- Secara tidak langsung, situasi ini menggalakkan proses kebangkitan semula desa (*rural rebound*) dengan mensasarkan perubahan yang positif bagi kawasan desa dengan menjadikan desa sebagai tempat tinggal pilihan. RT Daerah Jelebu 2035 akan merujuk kelangsungan dasar ini dalam memastikan kawasan desa turut diperkasakan selari dengan keperluan di peringkat negara.



Rajah 2.18: Lima Teras utama Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN)



Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030, 2016

Hijau

- Gabungan antara alam semula jadi dan kawasan pertanian memberikan imej hijau kepada kawasan desa.
- Hutan, sungai, pantai, tasik, tanah tinggi dan gunung-ganang dipelihara.
- Pengekalan alam semula jadi dan kepelbagaian biodiversiti desa.
- Aktiviti pertanian secara terkawal.
- Penggunaan sumber jaya desa secara mampan.
- Amalan hidup sihat dan hijau.

Harmoni

- Pembangunan / aktiviti manusia yang lebih sensitif dan menekankan kepada pengekalan alam semula jadi.
- Saling melengkapi / menyokong dan tidak bercanggah.
- Membentuk suasana yang nyaman dan selesa dihuni.
- Pemeliharaan imej kawasan desa yang berkepadatan rendah, komuniti homogenus, suasana tenang dan damai, ikatan sosial yang rapat dan terdapat kepelbagaian reka bentuk seni bina tradisional.


Dinamis

- Aset semula jadi yang terdapat di kawasan desa dibangunkan secara mampan bagi meningkatkan pendapatan dan keselesaan penduduk desa.
- Fokus kepada agromakanan dan menjadi pengeluar utama bekalan makanan negara.
- Kepelbagaian peluang ekonomi berasaskan sumber jaya desa.

KOD DASAR	TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4	TERAS 5	JUMLAH
	AD singkatan ALAM DESA	**SD** singkatan SIMBIOTIK DESA	**DD** singkatan DAYA DESA	**ED** singkatan EKONOMI DESA	**PD** singkatan PENGURUSAN DESA	
PERNYATAAN DASAR	4	2	5	3	3	17
STRATEGI	9	4	19	8	6	46
LANGKAH	24	9	52	14	14	113

Sumber : Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030, 2016

Rajah 2.19: Jumlah Kampung Mengikut Negeri, 2016.



Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030, 2016

Negeri Sembilan merupakan negeri yang ke 7 yang mempunyai kampung terbanyak di seluruh Malaysia iaitu sebanyak 1,662 daripada keseluruhan 17,571 pada tahun 2016. Terdapat **173 buah petempatan desa/ kampung** yang disenaraikan yang telah dikenalpasti di Daerah Jelebu *(Rujuk **sektor Petempatan Desa)***. Dianggarkan penduduk luar bandar pada tahun 2020 adalah berjumlah sebanyak 24,616 orang berdasarkan kepada sempadan mukim *(Rujuk **sektor penduduk**)*. **Hanya 32.7% penduduk Negeri Sembilan tinggal di luar bandar pada tahun 2015.** Nisbah kebergantungan umur tua di luar bandar meningkat kepada 54.8% pada tahun 2015. Manakala, pendapatan **bulanan penengah isi rumah di luar bandar iaitu RM3,905.00** adalah **lebih rendah** berbanding **nasional RM5,228.00** dan **Negeri Sembilan RM4,579.00.**

Oleh itu, pemeliharaan terhadap kampung dan peningkatan sosial, ekonomi dan alam sekitar di kawasan kampung adalah penting untuk menjamin visi Desa Sejahtera, Negara Sejahtera menjelang 2030.

Jadual 2.14 : Teras, Dasar dan Strategi dalam Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030

TERAS 1 PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DESA

Dasar	
AD1	PENJAGAAN KSAS DAN SUMBER BIODIVERSITI DESA

- Memelihara dan memulihara KSAS dan Biodiversiti Desa
- Memartabat Khazanah dan Keindahan Warisan Alam Semula Jadi Desa

AD2	PEMERKASAAN PERANAN KOMUNITI DALAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR DESA

- Memperkasakan Pengurusan Sumber Biodiversiti oleh Komuniti Desa
- Meningkatkan Pengetahuan dan Kesedaran KSAS dan Biodiversiti dalam Kalangan Komuniti Desa
- Menggalakkan Amalan Hijau dalam Kalangan Komuniti Desa

AD3	PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR DESA

- Menambah Stesen Pemantauan Kualiti Alam Sekitar di Desa

AD4	PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG EFEKTIF

- Mewujudkan Sistem Pengurusan Risiko Bencana Efektif
- Meningkatkan Tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan dan Komuniti Desa

TERAS 2 PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR - DESA

Dasar	
SD1	MEREKAYASA PEKAN SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN DESA

- Memperkukuhkan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa
- Mengukuhkan Peranan PPD

SD2	PENGUKUHAN "*URBAN RURAL LINK*"

- Memperkukuhkan Rangkaian Perhubungan Antara Kampung – Pekan – Bandar
- Menaiktaraf dan Menyelenggara Jalan Masuk dan Jalan dalam Kampung

TERAS 3 PENGUKUHAN DAYA HUNI DESA

Dasar	
DD1	PEMELIHARAAN KAREKTOR SPATIAL DESA

- Menentukan Sempadan Kampung
- Memetakan Aset Desa
- Mengawal Pertukaran Guna Tanah di Kawasan Desa
- Memelihara Kawasan Zon Penampan Desa
- Meningkatkan Kependudukan Desa Terutama Golongan Muda dan Pesara dari Bandar
- Mengurus Rumah Usang Bagi Meningkatkan Imej dan Keindahan Desa

DD2	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN DESA

- Memulihara Rumah Melayu Tradisional
- Menyemarakkan Industri Pembuatan Rumah Melayu Tradisional
- Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Tentang Warisan Budaya
- Memartabatkan Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH)

DD3	PENINGKATAN INFRASTRUKTUR YANG EFISIEN

- Menjamin Sumber Bekalan Air Bersih yang Berterusan dan Mencukupi
- Menyokong Pengagihan Bekalan Elektrik 24 Jam yang Menyeluruh
- Memacu ICT dalam Menyokong Ekonomi Desa
- Mengukuhkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal di Desa
- Mengukuhkan Sistem Pembetungan di Desa

DD4	PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM

- Menyediakan Kemudahan Awam yang Mencukupi dan Berkualiti
- Memupuk Unsur 'Pemilikan Komuniti' dan Konsep *'Social Enterprise'*

DD5	PENGUKUHAN DAN PENINGKATAN PENYERTAAN SOSIAL

- Mengukuhkan Perasaan Cinta dan Semangat Kekitaan
- Mengukuhkan Konsep Kejiranan dan Kemasyarakatan dalam Kehidupan Seharian

TERAS 4 MEMPERKASA EKONOMI DESA

Dasar	
ED1	MENSTRUKTUR SEMULAEKONOMI DESA

- Mempelbagaikan Aktiviti Ekonomi Berdasarkan Kelebihan dan Keperluan Setempat
- Memberi Penekanan kepada Tanaman Makanan

ED2	MENINGKATKAN PRODUKTIVITI EKONOMI DESA

- Memajukan Kluster Ekonomi Desa
- Memantapkan Keupayaan Usahawan Desa
- Menggalakkan Inovasi, Pensijilan dan Penjenamaan

ED3	PENGUKUHAN RANTAIAN NILAI (*VALUE-CHAIN*) EKONOMI DESA

- Menggalakkan Perjanjian Bekalan
- Menambah Penggunaan *E-Commerce* di dalam Pemasaran Produk Desa
- Membudayakan Penggunaan Produk Desa dalam Kalangan Masyarakat Umum

TERAS 5 PENGURUSAN DESA BERDAYA LAKSANA

Dasar	
PD1	PENGUKUHAN SISTEM TADBIR URUS DESA

- Meningkatkan Penyelarasan Antara Agensi di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah

PD2	MEMPERKASA KEUPAYAAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN DESA

- Mengukuhkan Kolaborasi yang Menguntungkan Komuniti
- Memperkasa Keupayaan dan Memanfaatkan Potensi Komuniti Desa

PD3	PELAKSANAAN SISTEM CIRI CIRI DESA MALAYSIA (CHARMS) DALAM TADBIR URUS DESA

- Melaksanakan CHARMs Dalam Perancangan dan Pembangunan Desa
- Mengemas Kini Sistem Maklumat Kampung Secara Berkala dan Sistematik Melalui CHARMs
- Memantau Pelaksanaan dan Kemajuan Projek Pembangunan Desa Melalui CHARMs

E. WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB 2030)

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.



MATLAMAT

Menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030

- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 merupakan model pembangunan baharu negara yang berfokuskan penyelesaian isu berkaitan struktur dan jurang ekonomi. Matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 memberi penekanan terhadap penyediaan taraf hidup yang wajar *(decent standard of living)* kepada rakyat menjelang tahun 2030. Wawasan ini mempunyai tiga (3) objektif dan lapan (8) pembolehdaya yang menyokong pencapaian matlamat bagi kesejahteraan rakyat.

OBJEKTIF WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

1 PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA

Menstruktur semula ekonomi yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat

INFRASTRUKTUR EKONOMI

2 MENANGANI JURANG KEKAYAAN & PENDAPATAN

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah & rantaian bekalan untuk membela & meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan

MENANGANI KETIDAKSAMAAN

3 NEGARA BERSATU, MAKMUR & BERMARUAH

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia

MEMBINA NEGARA


Sumber: Wawasan Kemakmuran Negara 2030

Jadual 2.15: Teras Strategik Pembangunan Jelebu Berteraskan Teras Strategik WKB 2030

Teras Strategik	Strategi yang berkaitan/ memberi impak kepada Jelebu
EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI	• PKS dan perniagaan mikro menyumbang 50% KDNK • Mewujudkan 30% daripada jumlah syarikat PKS dalam bidang teknologi tinggi intensif dalam pembuatan dan perkhidmatan subsektor • Sekurangnya 20% PKS Bumiputera dalam setiap subsektor berintensif teknologi tinggi • PKS Bumiputera menyumbang sebanyak 20% kepada KDNK
AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA	• Pelaburan dalam jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan • Sumbangan subsektor berteknologi tinggi kepada sektor pembuatan meningkat ✓ Pembuatan : 50% ✓ Perkhidmatan : 30% • Malaysia membina sektor baru utama yang kukuh bagi kes Jelebu ✓ Komoditi 2.0 ✓ Ekonomi Hijau ✓ Pusat Kecemerlangan
MODAL INSAN	• 35% pekerja kemahiran tinggi dalam guna tenaga • Majoriti tenaga kerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan sektor ekonomi masa hadapan adalah Bumiputera • 40% latihan HRDF merupakan kemahiran yang berkait dengan 4IR • Sekurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET • Penawaran program di universiti dan institut latihan akan diselaraskan dengan kehendak *(demand)* dan keperluan industri • Meningkatkan pekerja tempatan dan Bumiputera dalam pengurusan dan profesional MNC
PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA	• Pasaran buruh Malaysia bebas dari diskriminasi umur, jantina, etnik dan agama • Purata kenaikan gaji kepada % nilai produktiviti meningkat setiap tahun • Tindakan sabotaj ekonomi dan diskriminasi ditangani • Meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh selari dengan kualiti teknologi dalam industri mengikut sektor • Pengurangan jumlah pekerja asing dengan menetapkan ambang mengikut sektor tenaga kerja • Meningkatkan sumbangan bahagian pampasan pekerja (CE) bumiputera kepada KDNK
KESEJAHTERAAN SOSIAL	• Kesaksamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit • Mengukur tahap kemiskinan menggunakan kemiskinan relatif • Membina pusat jagaan harian di setiap lokaliti • Nilai rumah mampu milik berdasarkan kos pembelian rumah berjumlah 30% daripada penengah pendapatan isi rumah di Malaysia
KETERANGKUMAN WILAYAH	• Sistem pengangkutan awam bersepadu antara bandar ke desa • 10 syarikat tersenarai adalah syarikat milik Bumiputera di setiap negeri membangun • Mengurangkan perbezaan pendapatan antara wilayah 0.5 kali • Penilaian semula kuantiti dan kualiti tanah rizab Melayu
MODAL SOSIAL	• Mencapai indeks positif bagi ✓ Indeks perpaduan ✓ Petunjuk integriti dan Anti Rasuah ✓ Indeks Keharmonian Agama ✓ Indeks Perubahan Alam Sekitar dan Iklim ✓ Indeks Anti Dadah ✓ Indeks Pencegahan Jenayah ✓ Indeks Keharmonian Kejiranan ✓ Indeks Kesihatan Rakyat

Sumber: Wawasan Kemakmuran Bersama, 2030

Rajah 2.20: Cadangan Taburan Wilayah Ekonomi, KEGA



Sumber: Wawasan Kemakmuran Bersama, 2030


F. PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE (CFS)*

- Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS merupakan satu pelan induk perancangan yang merangkumi strategi, garis panduan dan pelan pelaksanaan bagi membina semula, mengekalkan dan meningkatkan hubungan kawasan hutan di Semenanjung Malaysia.
- Terdapat dua (2) koridor Rangkaian Ekologi CFS iaitu **N-SL1 (CFS2-SL 6) seluas 1,354 hektar** merangkumi **HS Triang – HS Triang** dan **N-SL3 HS Kenaboi - HS Kenaboi seluas 12,176 hektar** yang terletak di dalam Daerah Jelebu.

KOD & KELUASAN	NAMA RANGKAIAN EKOLOGI	DAERAH & MUKIM
Kod & Luas 2021: N-SL1 (1,354 hektar) **Kod & Luas 2010:** CFS2-SL6 (26 hektar)	HS Triang-HS Triang	**Daerah:** Jelebu **Mukim:** Pertang dan Peradong
Kod & Luas 2021: N-SL2 (1,673 hektar) **Kod & Luas 2010:** CFS2-SL7 (73 hek.)	HS Angsi-HS Berembun	**Daerah:** Kuala Pilahdan Seremban **Mukim:** Terachi dan Ampangan
Kod & Luas 2021: N-SL3 (12,176 hektar)	HS Kenaboi-HS Kenaboi	**Daerah:** Jelebu **Mukim:** Kenaboi dan Glami Lemi


Nota: ▭ *Rangkaian ekologi melibatkan Daerah Jelebu*

Rajah 2.21: Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi Negeri Sembilan



Sumber: Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)

Rajah 2.22: Lokasi Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang – HS Triang




Jadual 2.16: Perincian Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi N-SL1

CADANGAN
Memohon pewartaan HTK di dalam kawasan CFS dan rangkaian ekologi kepada PTG. Lokasi dan status terkini HTK perlu disemak bagi memastikan tiada pemilikan sebelum diwartakan sebagai HSK. HTK yang dikenal pasti mempunyai kepentingan kepada hidupan liar juga boleh diwartakan sebagai Rizab/ Santuari Hidupan Liar di bawah Seksyen 62, KTN 1965.
Membangunkan projek ladang hutan secara mampan: i. Semua projek ladang hutan di dalam rangkaian ekologi dan sekitarnya perlu mematuhi garis panduan Zon Pertanian Pemuliharaan ii. Perlu menyediakan koridor mini untuk menghubungkan hutan yang terputus
Menambahbaik papan tanda hidupan liar dan mengurangkan had laju jalan kepada 60km/j di FT 86 (Jalan Kuala Klawang - Simpang Pertang).
Mengukuhkan papan tanda hidupan liar sedia ada bersama *flashing amberlight* dan kawalan kelajuan seperti *tranverse bar / speedbreaker*.
Pemasangan papan tanda CFS atau hidupan liar bersama *flashing amberlight*.
Menyelesaikan isu HWC dengan meningkatkan penguatkuasaan di jalan raya dan kawasan bekas jalan balak/ denai ke kawasan HSK.
Pembangunan pertanian yang mampan serta mesra biodiversiti: i. Menggalakkan amalan agroperhutanan dan agroekologi seperti tanaman penutup bumi dan integrasi tanaman di dalam ladang/kebun getah, kelapa sawit dan kebun buah-buahan. ii. Memastikan kawasan pertanian berstatus ladang menyediakan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah keluasan ladang untuk komponen CAZ yang sesuai.
Memastikan kawasan pertanian memperolehi persijilan pertanian mampan.
Mengawal pembesaran kawasan pembangunan sama ada pertanian atau tepu bina ke kawasan hutan simpan.
Produk pelancongan berstatus medium value

Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)

Rajah 2.23: Lokasi Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi



Jadual 2.17: Perincian Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi N-SL3

CADANGAN
Pembangunan tepu bina baharu perlu dijalankan secara terkawal/ minimum bagi memastikan rangkaian ekologi ini terus berfungsi sebagai kawasan keliaran hidupan liar dan selaras dengan RT / RKK
Memasang papan tanda baharu dan mengukuhkan papan tanda hidupan liar sedia ada bersama flashing amberlight dan kawalan kelajuan seperti *tranverse bar/speedbreaker*.
Menyelesaikan isu HWC dengan meningkatkan penguatkuasaan di jalan raya dan kawasan bekas jalan balak / denai ke kawasan HSK.
Cadangan santuari ikan di Sungai Kenaboi bertujuan melindungi, mengekalkan, memelihara dan memulihara habitat akuatik melalui pengurusan yang efisien.
Menjalankan usaha pelepasan benih ikan di Sungai Kenaboi atau sekitarnya bergantung kepada kesesuaian habitat. Pelepasan benih ikan adalah bagi meningkatkan stok semasa ikan di sesuatu kawasan.
Pembangunan pertanian yang mampan serta mesra biodiversiti: i. Menggalakkan amalan agroperhutanan dan agroekologi seperti tanaman penutup bumi dan integrasi tanaman di dalam ladang/ kebun getah, kelapa sawit dan kebun buah-buahan. ii. Memastikan kawasan pertanian berstatus ladang menyediakan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah keluasan ladang untuk komponen CAZ yang sesuai. iii. Memastikan kawasan pertanian memperolehi persijilan pertanian mampan.
Mengawal pembesaran kawasan pembangunan sama ada pertanian atau tepu bina ke kawasan hutan simpan.
Produk pelancongan berstatus *low value*
Produk pelancongan berstatus *high value*

Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)

Lain-lain cadangan untuk kawasan rangkaian ekologi:

i. Menyediakan Sistem Pemantauan Kutipan Data Umum Stok Biodiversiti melalui kaedah survei dengan membentuk *Line Transect* berukuran 200m lebar dan 1 km panjang yang dibuat di kawasan kiri kanan hutan dan satu *Line Transect* di dalam rangkaian ekologi untuk membanci kehadiran mamalia, burung dan *herpetofauna*.
ii. Mengenal pasti mana-mana kawasan yang sesuai di dalam rangkaian ekologi untuk dikelaskan sebagai HCVF / HCVA.
iii. Menjadikan kawasan pertanian sebagai kawasan keutamaan di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di dalam komponen CAZ berkaitan seperti agroperhutanan, mini koridor, tompok hutan, pemeliharaan puncak bukit dan cerun serta penyediaan rizab riparian.
iv. Memulihara spesies endemik dan terancam di dalam rangkaian ekologi CFS dengan menjalankan kajian fenologi sepsis endemik dan terancam bagi memastikan wujudnya regenerasi anak benih dan anak pokok. Kajian e*x-situ* dan *in-situ* juga boleh dijalankan untuk meningkatkan populasi spesis endemik dan terancam dari mengelakkan kepupusan.
v. Menyediakan zon penampan sempadan kampung dan menggalakkan inisiatif co*existence* antara manusia dan hidupan liar di kawasan zon penampan bagi mengelakkan konflik.


Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)

G. DASAR KEPELBAGAIAN BIOLOGI KEBANGSAAN 2016-2025 (DKBK 2016-2025)

DKBK 2016-2025 menggariskan lima (5) prinsip utama dalam pengurusan biodiversiti termasuk warisan, berkongsi tanggungjawab, penyertaan dan urus tadbir yang baik. Dasar ini juga mengenal pasti agensi-agensi pelaksana dan pihak berkepentingan dalam memastikan penyelarasan terhadap pelaksanaan pelan tindakan berkaitan dan tujuh belas (17) target Biodiversiti Negara *(National Biodiversity Goals*).

PRINSIP 1 – Komitmen semua pihak berkepentingan untuk memulihara kepelbagaian biologi	**Target 1**: Menjelang 2025, rakyat Malaysia menyedari tentang nilai biodiversiti dan mengambil langkah untuk memelihara kelestarian biodiversiti
	Target 2: Menjelang 2025, sumbangan penduduk asli dan komuniti tempatan, pihak swasta bagi memelihara dan memanfaatkan kelestarian biodiversiti dapat ditingkatkan
PRINSIP 2 – Pengurangan tekanan secara langsung terhadap kepelbagaian biologi	**Target 3:** Menjelang 2025, pemeliharaan biodiversiti menjadi arus perdana kepada perancangan pembangunan nasional dan perancangan dasar
	Target 4: Menjelang 2025, pengeluaran terhadap hasil hutan, pertanian, perikanan dapat diuruskan dan dituai secara mampan
	Target 5: Menjelang 2025, pengurusan dan promosi pelancongan terhadap kepelbagaian biodiversiti secara mampan
PRINSIP 3 – Melindungi ekosistem, spesis dan kepelbagaian genetik	**Target 6**: Menjelang 2025, 20% kawasan daratan dan pedalaman, 10% kawasan persisir dan laut dapat dipelihara melalui sistem kawasan perlindungan dan pemuliharaan berasaskan langkah-langkah yang berkesan
	Target 7: Menjelang 2025, ekosistem dan habitat yang terdedah terutama bukit batu kapur, tanah basah, terumbu karang dan dasar laut dapat dilindungi dan dipulihkan
	Target 8: Menjelang 2025, kepentingan kawasan daratan dan laut dapat dikenal pasti, dipulihkan dan dilindungi
	Target 9: Menjelang 2025, kepupusan spesis terancam yang diketahui telah dicegah dan status pemuliharaan mereka telah diperbaiki dan dikekalkan
	Target 10: Menjelang 2025, perburuan haram, penuaian haram dan perdagangan haram hidupan liar, ikan dan tumbuhan terkawal dapat dikurangkan dengan ketara
	Target 11: Menjelang 2025, spesis invasif dapat dikenal pasti, spesis utama dapat dikawal bagi mencegah penularan dan pembiakan baharu
	Target 12: Menjelang 2025, sistem *biosafety* yang komprehensif merangkumi liabiliti yang beroperasi untuk menguruskan kemungkinan kerugian kesan bioteknologi moden terhadap kepelbagaian biodiversiti dan kesihatan manusia
	Target 13: Menjelang 2025, kepelbagaian genetik tanaman yang diusahakan dan haiwan ternakan terpelihara
PRINSIP 4 – Memastikan faedah daripada memanfaatkan kepelbagaian biodiversiti dikongsi bersama	**Target 14**: Menjelang 2025, Malaysia mempunyai kerangka operasi ABS selaras dengan *Nagoya Protocol* terhadap akses kepada sumber genetik yang adil dan perkongsian faedah yang sama dari penggunaannya
PRINSIP 5 – Menambah baik kapasiti, pengetahuan dan kemahiran pihak berkepentingan untuk memelihara kepelbagaian biodiversiti	**Target 15**: Menjelang 2025, peningkatan kapasiti bagi pelaksanaan strategi nasional terhadap biodiversiti, CBD dan MEAs
	Target 16: Menjelang 2025, pengetahuan terhadap biodiversiti, nilai, fungsi, status dan tren dapat diperbaiki dan digunakan
	Target 17: Menjelang 2025, terdapat peningkatan terhadap dana dan sumber digunakan bagi memelihara kepelbagaian biodiversiti dari sumber kerajaan dan bukan kerajaan

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 bertujuan menentukan hala tuju dan bertindak sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan termasuk kerajaan Negeri mengenai pemuliharaan dan pengurusan biodiversiti di Malaysia.



35 INDIKATOR KE ARAH PEMELIHARAAN BIODIVERSITI BERKAITAN RT DAERAH JELEBU 2035

- Secara keseluruhan, terdapat **57 indikator** yang menjelaskan pencapaian ke arah pemeliharaan biodiversiti. Daripada jumlah keseluruhan itu hanya **35 indikator terpilih yang berkaitan secara langsung** dengan RT Daerah Jelebu 2035 manakala baki 22 indikator lain yang tidak berkaitan dengan Daerah Jelebu adalah berkaitan dengan persisiran pantai, hidupan laut dan paya bakau.

Jadual 2.18: Indikator ke arah Pemeliharaan Biodiversiti berkaitan RT Daerah Jelebu 2035

SOSIAL		FIZIKAL		FLORA DAN FAUNA		POLISI DAN PENTADBIRAN	
S1 Menjelang tahun 2025, tahap kesedaran masyarakat mengenai pentingnya biodiversiti telah ada dua kali ganda berbanding tahap 2016.	**S2** Menjelang 2025, sekurang-kurangnya 500,000 belia dan kanak-kanak mengambil bahagian dalam aktiviti alam semula jadi setiap tahun.	**P1** Menjelang tahun 2020, semua negeri telah mengenal pasti *hotspots* di mana terdapat nilai biodiversiti yang ketara untuk pemuliharaan.	**P2** Menjelang tahun 2020, program perakaunan sumber semula jadi telah dibentuk untuk penilaian biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem.	**F1** Menjelang 2025, 100% daripada semua kayu balak dan produk kayu balak diuruskan secara lestari (iaitu diperakui di bawah skim seperti MTCS, FSC, dan lain-lain).	**F2** Menjelang tahun 2025, 50% daripada semua kawasan pertanian diuruskan secara lestari (iaitu diperakui di bawah skim seperti MSPO, RSPO, MyGAP, dll).	**A1** Menjelang 2020, 20% perolehan Kerajaan Persekutuan adalah hijau.	**A2** Menjelang 2021, peruntukan dasar dan undang-undang untuk memperkasakan masyarakat pribumi dan tempatan untuk menjadi penjaga alam biodiversiti telah dibentuk.
S3 Menjelang tahun 2025, jumlah dan/ atau ukuran projek kolaborasi dengan masyarakat awam telah ada dua kali ganda berbanding tahap 2016.	**S4** Menjelang 2025, jumlah dan/ atau ukuran projek kolaborasi dengan sektor swasta telah meningkat dua kali ganda berbanding tahap 2016.	**P3** Menjelang tahun 2025, 50 tempat pelancongan/ pusat peranginan telah diperakui di bawah *Global Sustainable Tourism Criteria* (GSTC) atau skim yang serupa.	**P4** Menjelang 2018, semua panduan pelancongan untuk tarikan berasaskan alam telah diperakui sebagai panduan hijau.	**F3** Menjelang tahun 2021, subsidi sesat di sektor pertanian, perhutanan dan perikanan telah dikenal pasti dan dirasionalisasikan.	**F4** Menjelang 2025, 20% permukaan tanah dan perairan dipelihara sebagai kawasan dilindungi berasaskan langkah pemuliharaan.	**A3** Menjelang 2018, kerangka dasar dan/ atau peraturan untuk menggabungkan pemuliharaan biodiversiti ke dalam pembangunan negeri dan negara serta dasar dan rancangan sektoral.	**A4** Menjelang 2018, pelan tindakan nasional untuk pemeliharaan biodiversiti bandar telah dirumuskan.
S5 Menjelang tahun 2025, bilangan orang asli dan komuniti tempatan mengambil bahagian secara aktif dalam ekopelancongan telah meningkat dua kali ganda berbanding tahap 2016.	**S6** Menjelang 2025, jumlah/ saiz pengekalan kawasan komuniti meningkat dua kali ganda berbanding ke peringkat 2016.	**P5** Menjelang 2018, kerangka kawasan perlindungan nasional telah dibentuk.	**P6** Menjelang tahun 2020, semua ekosistem yang rentan telah dipetakan dan menjelang tahun 2025, 50% daripadanya ekosistem dilindungi secara sah.	**F5** Menjelang 2025, 10 koridor utama di bawah inisiatif CFS telah dilaksanakan sepenuhnya.	**F6** Menjelang tahun 2020, senarai Data Merah Nasional mengenai tumbuhan dan haiwan telah lengkap.	**A5** Menjelang 2025, 20% (berbanding tahap 2020) dari semua ekosistem yang terdedah berada di bawah program pemulihan.	**A6** Menjelang tahun 2020, sumber untuk penguatkuasaan meningkat dua kali ganda berbanding tahap tahun 2016.
		P7 Menjelang 2018, pusat biodiversiti nasional mula beroperasi.	**P8** Menjelang tahun 2020, lima pusat pemeliharaan dan pengurusan biodiversiti beroperasi.	**F7** Menjelang tahun 2025, semua spesis dalam bahaya dan terancam dilindungi oleh perundangan persekutuan dan negeri.	**F8** Menjelang tahun 2018, kerangka penilaian risiko untuk spesis asing invasif telah dibentuk.	**A7** Menjelang tahun 2021, Pelan tindakan nasional untuk pencegahan, pembasmian, pengekangan dan kawalan spesis asing invasif telah dilaksanakan sepenuhnya.	**A8** Menjelang tahun 2021, semua tindakan dan program di bawah strategi dan pelan tindakan nasional terhadap pemeliharaan biodiversiti pertanian dan penggunaan mampan telah dilaksanakan sepenuhnya.
				F9 Menjelang 2018, daya tahan dan kerentanan semua ekosistem utama terhadap perubahan iklim telah dinilai.		**A9** Menjelang 2018, sekurang-kurangnya 5 negeri telah merumuskan dan mula melaksanakan strategi dan pelan tindakan biodiversiti di peringkat negeri yang selaras dengan dasar ini.	**A10** Menjelang 2018, Jawatankuasa *National Advisory Committee on Biodiversity and Ecosystem Services* (NACBES) telah ditubuhkan.
						A11 Menjelang tahun 2025, jumlah dana secara langsung diberikan untuk pemeliharaan biodiversiti dari sumber kerajaan dan bukan kerajaan telah meningkat dengan ketara berbanding dengan tahap 2016.	**A12** Menjelang 2018, dua mekanisme pembiayaan inovatif sedang beroperasi.

Sumber: Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK 2016-2025)

2.3.3 PERINGKAT NEGERI

A. RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045

MATLAMAT PEMBANGUNAN

**"NEGERI SEMBILAN 2045
SEJAHTERA, INKLUSIF DAN MAMPAN"**



PENDEKATAN UTAMA

1. Merancang dan membangunkan MVV sebagai tunjang bagi melonjakkan ekonomi Negeri Sembilan
2. Membangunkan Negeri Sembilan berdasarkan sumber jaya tersendiri dan memperkenalkan asas ekonomi baharu yang inovatif, produktif dan kompetitif
3. Membangunkan serta memelihara biodiversiti dan aset warisan Negeri Sembilan sebagai elemen kemampanan negeri

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

1. Merancang pembangunan guna tanah dan fizikal mampan bagi menyokong pencapaian matlamat RSNS 2045	2. Membangunkan dan memelihara biodiversiti serta aset warisan secara mampan	3. Memperkasakan ekonomi berasaskan sumber berpotensi yang inovatif, produktif dan kompetitif	4. Membangunkan modal insan berkualiti dan berdaya saing	5. Memperkukuhkan sistem pengurusan dan pelaksanaan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Konsep "Pembangunan Integrasi Negeri Sembilan"


- Konsep ini dibentuk bertujuan menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara daerah di Negeri Sembilan.
- Konsep ini menekankan kepada pembangunan seimbang mengikut acuan daerah yang tersendiri, mampan, *new ruralism, smart growth*, pembangunan *infill*, *brownfield* dan dibangunkan secara terkawal menepati teras strategik serta prinsip perpaduan gagasan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.
- Tiga konsep yang diterapkan untuk mencapai pembangunan Integrasi Negeri Sembilan adalah;

i. *Malaysia Vision Valley* (MVV)
ii. Agropolis
iii. Biodiversiti



Sumber: RS Negeri Sembilan 2045

Rajah 2.24: Konsep Pembangunan Integrasi Negeri Sembilan 2045




Sumber: RS Negeri Sembilan, 2045

Jadual 2.19: Perbandingan Konsep Pembangunan Negeri Sembilan

	MVV	AGROPOLIS	BIODIVERSITI
Lokasi (penumpuan)	• Seremban • Port Dickson	• Rembau, Kuala Pilah, Bandar Sri Jempol, Tampin, Gemas dan Bahau	• **Jelebu**
Komponen pembangunan	• Pembangunan industri teknologi tinggi, perkhidmatan dan perniagaan sebagai teras utama bagi pembangunan. • Mengalakan pelaburan yang berimpak tinggi menyumbang ekonomi.	• Pembangunan Agropolis ini akan memfokuskan pembangunan terdiri daripada 30% perbandaran dan selebihnya pertanian, HSK dan badan air.	• **Pembangunan Biodiversiti terdiri daripada 20% tepu bina atau perbandaran, 30% pertanian dan 50% HSK dan badan air.**
Justifikasi	• MVV adalah kesinambungan kepada *Greater KL* dan akan menjadi pemangkin Negeri Sembilan dan merupakan salah satu Agenda Transformasi Negara yang mengguna pakai pendekatan *public-private partnership*.	• Merupakan pemangkin pertumbuhan ekonomi setempat dalam bentuk pertanian pintar dan berinovatif (bioteknologi). • Berfungsi sebagai *kitchen valley* bagi menampung bekalan makanan Negeri Sembilan, dan pertumbuhan Lembah Klang. • Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan pertanian melalui kerjasama institut pengajian tinggi dan sektor swasta.	• **Pembangunan dan pemeliharaan sumber semula jadi secara mampan – pembangunan dan pemeliharaan sumber semula jadi di Daerah Jelebu yang sedia ada.** • **Elemen kestabilan biodiversiti dan sumber air utama Negeri Sembilan.**

Nota: ⬚ *Perkara berkaitan Daerah Jelebu*
Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.25: Wilayah Pembangunan Biodiversiti




Sumber: RS Negeri Sembilan 2045

Jadual 2.20 : Potensi, Cabaran dan Prospek Pembangunan Daerah Jelebu


Potensi	Cabaran	Prospek
• Daerah Jelebu mempunyai sebuah empangan air iaitu Empangan Triang, Jelebu (27.33 MGD). Kawasan hutan sekitar empangan perlu dikekalkan agar tidak menjejaskan kawasan tadahan air. • Daerah Jelebu juga aktif sebagai pengeluar hasil pertanian terutama bagi tanaman getah, kelapa sawit, buah-buahan, padi dan sayur-sayuran. Pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar juga ditekankan sebagai biodiversiti semula jadi Negeri Sembilan.	• Meningkatkan ekonomi Daerah Jelebu melalui aktiviti ekonomi seperti pertanian yang memerlukan penerokaan tanah (20% tepu bina daripada keseluruhan guna tanah Daerah Jelebu) tapi pada masa yang sama pengekalan dan penguatkuasaan guna tanah perlu untuk memelihara kepelbagaian sumber jaya biodiversiti Jelebu.	• Beberapa Cadangan Strategik Pembangunan Biodiversiti di Daerah Jelebu seperti: 1. *World Biodiversity Centre* (WBC) di HSK Kenaboi. 2. ASEAN *Adventure Park* di Daerah Jelebu. 3. Pewartaan Hutan Simpan Kenaboi sebagai Taman Negeri. 4. Pengurusan HSK bagi fungsi hutan lipur dan rekreasi untuk pembangunan eko-pelancongan terutama di Hutan Simpan Kenaboi, Gunung Besar Antu dan Taman Alam Liar Negeri Lembah Jemaloi di Daerah Jelebu. 5. Mempromosikan pelancongan Jelebu secara pakej iaitu *Adventure Tourism 4×4, Adventure Tourism, Jungle Tracking, Homestay dan Agro Tourism*. 6. Jajaran Hutan Simpan Lenggeng – Galla yang bersambung dengan HS Kenaboi dan Berembun dibangunkan sebagai Taman Wilayah dan Taman Hutan Komuniti. 7. Galakan perusahaan dibidang industri berasaskan kayu dan bukan kayu (buah-buahan, rotan dan herba). 8. Mempertingkatkan promosi dan penggunaan hasil barangan berasaskan hutan melalui kewujudan aktiviti hiliran. 9. Pemuliharaan hutan asli secara teratur (silvikultur) dan mempergiat usaha menghutan semula kawasan hutan yang kurang produktif.

Sumber: RS Negeri Sembilan, 2045

Rajah 2.26: Kawasan Tindakan Pembangunan Negeri Sembilan 2045




PETUNJUK:



Sumber: RS Negeri Sembilan, 2045



Rajah 2.27: Gambar Rajah Utama Negeri Sembilan 2045



- Tumpuan **pembangunan kawasan pertanian** di **Simpang Durian, Simpang Pertang, Kuala Klawang** dan **Titi.**
- **Terdapat satu kawasan tanah *wetland*** (Empangan Triang).
- Cadangan Lebuhraya Tengah menghubungkan Seremban, Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu ke Karak (Bentong).
- Daerah Jelebu dikelilingi oleh **HSK dan hutan** yang boleh dikembangkan dengan aktiviti **R&D dan ekopelancongan.**

PETUNJUK:

Hierarki Petempatan
- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan
- Pekan

Petunjuk
- *Kawasan Tepu Bina / Komited*
- *Kawasan Potensi Pembangunan 2045*

Kawasan Pembangunan Terkawal
- *Kawasan Keselamatan*
- *Kawasan Pertanian Kelas 2*
- *Kawasan Pesisir Pantai / Laut*
- *Kawasan Tanah Wetland*
- *Badan Air*


Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan
- *Hutan Simpanan Kekal*
- *Kawasan Tadahan Air*
- *Kawasan Tanaman Padi*
- *Central Forest Spine (SL6 dan SL7)*

Lain - Lain Petunjuk :
- *Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya*
- *Jalan Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Lebuh Raya*
- *Lebuh Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Laluan Keretapi*
- *Laluan Keretapi Sedia Ada*
- *Sempadan Negeri*
- *Zon Pembangunan Akan Datang*



Sumber: RS Negeri Sembilan, 2045

Rajah 2.28: Kawasan Strategik Pelaburan Negeri Sembilan 2045



- Kawasan strategik pelaburan Daerah Jelebu terletak di Taman Negeri Kenaboi yang merangkumi aktiviti **R&D, ekopelancongan dan pemeliharaan biodiversiti.**

Kawasan Strategik Pelaburan

1A. Pembangunan perbandaran di kawasan yang bersempadanan dengan MVV.
1B. Pembangunan terancang di Bandar Seri Jempol - Bahau.
2A. Pengukuhan pembangunan bandar berasaskan transit (TOD) di Gemas.
2B. Pengukuhan pembangunan bandar berasaskan transit (TOD) di sekitar hab perhentian HSR Kuala Lumpur - Singapura di Labu, Seremban.
3. Pembangunan pendidikan secara berkelompok dengan elemen pembangunan bercampur bagi mengukuhkan Lembah Ilmu yang berteknologi tinggi di Nilai dan Seremban.
4. Pembangunan hab pendidikan Islam di Gemencheh.
5. Pembangunan berasaskan pelancongan persisiran pantai bermula dari Port Dickson Telok Kemang - Linggi - Lubok China.
6. Pengukuhan pelancongan berasaskan eko dan biodiversiti di Taman Negara Kenabaoi, Jelebu.
7. Penjenamaan semula dan pengukuhan karektor pelancongan warisan di Kuala Pilah dan Bandar DiRaja Seri Menanti.
8. Penjenamaan semula dan pengukuhan pembangunan Halal Food Park di Rembau.
9. Pembangunan hab pengeluaran ruminan di Gemas (Gemas Beef Valley).

PETUNJUK:

Petunjuk
- *Kawasan Tepu Bina / Komited*
- *Kawasan Potensi Pembangunan 2045*
- *Kawasan Pertanian Kelas 2*
- *Hutan Simpanan Kekal*
- *Kawasan Strategik Pelaburan*

Lain - Lain Petunjuk :
- *Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya*
- *Jalan Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Lebuh Raya*
- *Lebuh Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Laluan Keretapi*
- *Laluan Keretapi Sedia Ada*
- *Sempadan Negeri*
- *Zon Pembangunan Akan Datang*



Sumber: RS Negeri Sembilan, 2045

Kepelbagaian Produk Pelancongan Di Jelebu



Projek Berimpak Tinggi RSNS 2045 bagi Daerah Jelebu



Terdapat satu projek berimpak tinggi yang dicadangkan di dalam RSNS 2045 bagi Daerah Jelebu iaitu ***Kenaboi World Biodiversity* Di Taman Alam Liar Negeri, Hutan Simpan Kenaboi**. Cadangan ini merupakan projek pertama yang mengintegrasikan ekopelancongan yang komprehensif.

Jadual 2.21: Pembangunan bagi *Kenaboi World Biodiversity* di Taman Alam Liar Negeri, Hutan Simpan Kenaboi

Pembangunan	Penerangan
Taman Negara (Zoo)	• Merupakan kawasan hutan yang masih terpelihara tanpa sebarang pembangunan yang agresif. • Pelaksanaan pembangunan ini adalah secara mesra alam tanpa mengganggu kesejahteraan ekosistem sedia ada. *Carrying capacity* juga diterapkan bagi memastikan kelestarian hutan sedia ada.
Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar	• Pusat ini membantu mencari kaedah terbaik dalam memelihara dan memulihara hidupan liar. • Menjalankan uji kaji bagi formulasi ubat-ubatan dan berkesan untuk haiwan dan baka tumbuhan. • Menjadikan Negeri Sembilan mempunyai pusat penyelidikan bertaraf antarabangsa. • Pembangunan ini dilihat lebih mesra alam dan menarik.
Pusat Konservasi Tumbuhan	• Merupakan pembangunan pertama diwujudkan bagi tumbuhan berbanding kebiasaanya tertumpu kepada haiwan liar. • Sebagai usaha untuk memberi pendidikan dan kesedaran mengenai tumbuhan unik seperti *Rafflesia* serta memastikan kehijauan dan kepelbagaian tumbuhan terpelihara.
Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa	• Pusat ini dibangunkan sebagai ikon pembangunan utama di Negeri Sembilan dan dapat memberi pendidikan/ kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti.

Sumber: RS Negeri Sembilan, 2045

B. PELAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR NEGERI SEMBILAN 2019-2040

Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2040 merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan luar bandar terus relevan dan mendasari kepesatan pembangunan negeri. Ia juga merupakan satu manifestasi dan inisiatif kepada usaha kerajaan untuk merencana corak dan mengadaptasi perubahan sosioekonomi ke arah pembangunan saksama lagi bersepadu merentasi kawasan bandar dan luar bandar.



Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040 dirangka dengan memberikan keutamaan kepada rakyat dalam semua usaha pembangunan. Selaras dengan matlamat tersebut, pembangunan luar bandar akan terus diberi keutamaan untuk mempertingkatkan inklusiviti berasaskan kepada dua (2) prinsip utama iaitu **kemakmuran ekonomi** dan **kesejahteraan sosial.**


Rajah 2.29: Prinsip dan Strategi Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040.

KEMAKMURAN EKONOMI

Memastikan aspek keterangkuman inklusif pembangunan saksama dan mampan dalam pembangunan Negeri Sembilan 2040 yang akan meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar secara signifikan

KESEJAHTERAAN SOSIAL

Menyediakan peluang daripada aspek pekerjaan, tempat tinggal, ketersampaian kepada prasarana asas fizikal dan menikmati perkhidmatan setaraf bandar



Tiga (3) strategi utama yang menjadi pendekatan bagi membentuk program dan projek-projek berimpak di luar bandar.

TN — Tindakan menambah nilai kepada **produk/ perkhidmatan** yang **sedia ada** bagi menghasilkan impak ekonomi yang lebih tinggi.

LK — Mengaktifkan tindakan dan mengadaptasi kaedah baharu bagi tujuan **peningkatan produktiviti** pengeluaran atau perkhidmatan.

GD — Menggandakan potensi dan menambah aktiviti sampingan ke arah **pengeluaran pelbagai *output*** bagi meningkatkan pulangan hasil.

TERAS 2: PEMERKASAAN SUMBER JAYA

T2F2 ALAMI@NS

MEMAJUKAN SUMBER JAYA LUAR BANDAR SECARA STRATEGIK

Memaksimumkan daya guna sumber jaya setempat untuk kelestarian luar bandar.

JAJARAN EMAS EKO-PELANCONGAN

- Jajaran bagi kawasan yang dibentuk menjadi destinasi ekopelancongan utama di Negeri Sembilan.
- Memfokuskan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.

Node 1	Jajaran Seremban – Jelebu – Kenaboi
Node 2	Jajaran Seremban – Kuala Pilah – Jempol
Node 3	Jajaran Rembau – Tampin

TERAS 3: PENGUKUHAN DAYA HUNI

T3F4 DESA MUAFAKAT

DESA MUAFAKAT

Pembangunan **petempatan** di kawasan luar bandar yang **tersusun** bagi merangsang produktiviti ekonomi dan meningkatkan **kesejahteraan** masyarakat.

5 Mekanisma Pelaksanaan:

1	Pembinaan di Tanah Lot
2	Program Perumahan Rakyat (PPR)
3	Pembinaan oleh Pemaju
4	Projek Usahasama
5	Program Pemajuan Kawasan (PPK)

Rajah 2.37: Pembangunan Desa Muafakat di Negeri Sembilan



Jadual di bawah merupakan cadangan lokasi bagi Desa Muafakat di Negeri Sembilan. Bagi Jelebu, terdapat dua (2) cadangan lokasi iaitu di **Kampung Jelin** dan **Kampung Chennah.**

Jadual 2.22: Cadangan Lokasi bagi Desa Muafakat di Negeri Sembilan

DAERAH	LOKASI
Rembau	Kg. Solok Ayam, Kg Padang Kerbau, Kg Durian Daun
Tampin	Kg. Ulu Yoh, Kg. Punggur, Kg. Tenai, Kg. Sg. Jernih/ Ulu Rokan
Jempol	Kg. Jeram Panjang, Kaman 12, Kg. Air Bong, Kg. Datuk Johan
Jelebu	**Kg. Jelin, Kg. Chennah**
Kuala Pilah	Kg. Air Mawang, Gemencheh Ulu
Port Dickson	Kg. Sawah Pachitan, Kg. Sawah, Kg. India Bukit Pelandok
Seremban	PPR Labu, Kg. Bukit Jong, Kg. Pantai

Nota: Perkara berkaitan Daerah Jelebu

Sumber: Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2040.

TERAS 5: PENGUKUHAN HUBUNGAN SIGNIFIKAN METROPOLIS MODEN-LUAR BANDAR

T5F3 PDID

PUSAT DAGANGAN INTEGRASI DESA (PDID)

PDID merupakan **pusat kegiatan ekonomi bersepadu** di lokaliti pekan-pekan kecil tertentu di luar bandar. Ia berfungsi untuk menyediakan kemudahan, keperluan dan sokongan bagi pengukuhan produk luar bandar bermula daripada tahap kesediaan sumber, bahan mentah, pemprosesan sehingga ke peringkat pemasaran produk, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pendidikan untuk semua peringkat usahawan dan bakal usahawan. PDID juga berpotensi **mengukuhkan sistem rantaian nilai ekonomi** bagi produk-produk luar bandar melalui kerjasama komersial dalam aspek pengembangan produk seperti perkhidmatan suai padan industri, penjenamaan, model perniagaan dan pemasaran.

Fasa 1	Menaiktaraf Kemudahan Prasarana
Fasa 2	Mewujudkan Pusat Kemudahan Masyarakat

PENGUKUHAN PERANAN KECIL

i.	Ayer Hitam, Jempol	vi.	Chengkau, Rembau	xi.	Seri Menanti, Kuala Pilah
ii.	Lubuk China	vii.	Simpang Pertang, Jelebu	xii.	Juasseh , Kuala Pilah
iii.	Air Mawang	viii.	Pasir Besar, Tampin	xiii.	Ayer Kuning, Tampin
iv.	Palong 16, Jempol	ix.	Chembong, Rembau	xiv.	Simpang Durian, Jelebu
v.	Rompin, Jempol	x.	Pedas, Rembau	xv.	Tanjung Ipoh, Kuala Pilah

TERAS 6: PENGURUSAN MAMPAN SUMBER ALAM & BIODIVERSITI

T6F4 JAJARAN EMAS EKOPELANCONGAN

JAJARAN EMAS EKOPELANCONGAN

Merupakan jajaran kawasan yang dibentuk menjadi rangkaian destinasi pelancongan dengan penumpuan terhadap produk eko-pelancongan sebagai tarikan utama pelancong domestik dan antarabangsa.

Node 1	**Jajaran Seremban – Jelebu – Kenaboi** • Gunung Besar Hantu
Node 2	**Jajaran Seremban -Kuala Pilah – Jempol** • **Gunung Angsi** • **Ulu Bendul** ***Recreational Park***
Node 3	**Jajaran Rembau – Tampin** • **Gunung Datuk**

Rajah 2.30: Jajaran Emas Ekopelancongan




Sumber: Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2040.

C. PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SEMBILAN 2010-2020

Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020 merupakan pelan pembangunan yang membantu dalam peningkatan pelbagai sektor ekonomi di Negeri Sembilan.



Jelebu merupakan daerah kedua terbesar selepas Jempol. Di Negeri Sembilan, Jelebu merupakan daerah terbesar yang ditanam dengan buah-buahan dan tanaman industri. Keluasan tanaman buah-buahan di Jelebu seluas 1,400.5 hektar iaitu sekitar 6.5% dari keseluruhan kawasan yang ditanam dengan buah-buahan di Negeri Sembilan manakala tanaman industri mengambil kira-kira 487 hektar iaitu 75.7% dari keseluruhan kawasan yang ditanam dengan tanaman industri di Negeri Sembilan. Padi meliputi 169 hektar tanah di Jelebu, yang merupakan tanah ketiga terbesar ditanam dengan padi di Negeri Sembilan. Sementara itu, penanaman sayur-sayuran di Jelebu meliputi 99.7 hektar atau 10.4% dari jumlah tanah yang ditanam dengan sayur-sayuran di Negeri Sembilan.



Rajah 2.31: Strategi Pertanian dalam Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020

FOKUS PADA TANAMAN INDUSTRI

Tanaman yang difokuskan ialah seperti kelapa sawit. Terdapat beberapa syarikat perkebunan yang besar yang melakukan aktiviti hiliran berpotensi tinggi seperti makanan diproses, biodiesel, biofuel generasi kedua dan oleokimia (bahan kimia yang berasal dari minyak sawit seperti asam lemak, alkohol lemak, mi sabun, metal ester dan glierin).

ST1

PENGEMBANGAN KOMODITI BERASASKAN PRODUK

Penggunaan hasil penanaman buah-buahan tempatan dalam meningkatkan ekonomi negeri. Mengembangkan hasil pertanian daripada pekebun kecil ke penanaman berasaskan ladang untuk pasaran tempatan dan luar negara. Latihan yang betul akan membawa ke arah penghasilan variasi produk seperti pengetinan buah-buahan, jus dan lain-lain untuk pasaran eksport.


ST3

MEWUJUDKAN MINI TEMAN DI SETIAP DAERAH

Terminal Agrobisnes Negara (TEMAN) lebih dikenali di Gopeng, Perak. Ia merupakan pusat makanan segar terbesar pertama di Malaysia. MIER mencadangkan Negeri Sembilan mewujudkan Mini TEMAN di daerah yang menanam sayur-sayuran secara pukal dan mengaitkan operasinya secara kontrak dengan rangkaian pasar raya.

ST4

Berdasarkan data di dalam Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020, sebanyak 70% jumlah pelancong melancong di Port Dickson, diikuti dengan Seremban sebanyak 25% dan Jempol sebanyak 4%.



Rajah 2.32: Strategi Pelancongan dalam Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020

ST1 MENARIK PELABURAN NILAI TINGGI

Mengenal pasti bakal pelabur dan membuat pendekatan peribadi bagi menyakinkan mereka untuk melabur di kawasan kajian seperti di hotel, kompleks pelancongan, taman tema, zon kesihatan, universiti ternama dan hospital pakar. Antara kebolehdaya bagi pelaksanaan strategi ini adalah melalui Kenaboi *World Biodiversity Centre*.

ST3 STRATEGI UMUM

- Merangsang daya saing sektor pelancongan berdasarkan musim pelancongan (tinggi atau rendah).
- Membangunkan pelancongan mampan di Negeri Sembilan dengan mempromosikan penjenamaan "*Destination in Negeri Sembilan*" di dalam Malaysia mahupun luar negara.

ST4 PENYUSUNAN SEMULA PENTADBIRAN PELANCONGAN DI NEGERI SEMBILAN

Meningkatkan daya saing dalam membekal pelancongan yang berkait kepada pelancong. Setiap sektor asas pelancongan perlu bekerjasama antara satu sama lain agar dapat bersaing dalam skala global. Penyusunan ini akan membantu dalam memastikan kelancaran aliran maklumat, kecekapan maklum balas dan tindak balas terhadap isu-isu berkaitan pelancongan.

Bagi sektor bioteknologi, penubuhan *Biovalley* di Jelebu adalah untuk mempromosikan aktiviti pertanian moden yang terdiri daripada perhutanan, pertanian, perikanan dan ternakan melalui penggunaan bioteknologi untuk memberikan hasil dan produk yang bernilai tinggi.

Rajah 2.33: Strategi Pembuatan dan Bioteknologi dalam Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020

ST2

TUMPUAN BIDANG BIOTEKNOLOGI

Antara bidang yang perlu diberi tumpuan ialah pertanian, kesihatan dan industri bioteknologi. Bidang-bidang ini menjadi tumpuan dalam pengembangan industri dan menjadi pemacu dalam aktiviti pengkomersialan. Penyelidikan ke atas bioteknologi herba dan tanaman pertanian menjadi keutamaan bagi kawasan kajian dengan penubuhan *Biovalley*. Usahasama dengan pertubuhan R&D luar negara akan memberikan kebaikan bagi negara dan juga Negeri Sembilan sendiri.

Sumber: Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020

D. DASAR PERUMAHAN NEGERI SEMBILAN



Dasar Perumahan Negeri Sembilan (DPNS) disediakan dengan mengambil kira dan melaksanakan aspirasi yang terkandung dalam Dasar Perumahan Negara (DPN). DPNS menerima pakai, menambah baik, memperincikan dan menyesuaikan DPN mengikut konteks pembangunan perumahan di Negeri Sembilan. Secara umumnya, DPNS berkongsi matlamat yang selari dengan DPN iaitu bagi menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemampanan hidup rakyat.

Objektif Pembangunan

Meningkatkan kemampuan pemilikan perumahan di kalangan masyarakat	Memastikan pembangunan perumahan yang seimbang	Mengutamakan keharmonian dan perpaduan dalam pembangunan perumahan

Jadual 2.23: Dasar Perumahan Negeri Sembilan yang Berkuatkuasa Pada 15 September 2021

Bil.	Jenis Pembangunan	Dasar Perumahan Negeri Sembilan	Catatan Pelaksanaan
1.	Pembangunan Perumahan Bertanah *(Landed)* (Pembangunan perumahan bertanah sepenuhnya dalam projek)	a. Pembangunan 10 ekar dan ke atas : 50% Rumah Mampu Milik (RMM) seperti berikut: i. 20% RMM Type A: sehingga RM80,000 (20' X 60') (Luas binaan minimum: 850kps) ii. 15% RMM Type B: sehingga RM250,000 (20' X 65') iii. 15% RMM Type C: sehingga RM400,000 (20' X 70') b. Pembangunan 10 ekar dan ke atas: 50% kuota bumiputera (30% kuota dan 20% kuota bumiputera terbuka) c. Rumah harga bebas: 20' X 70' (luas minimum 1,200kp) d. Pembangunan di bawah 10 ekar seperti berikut : i. 30% rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM250,000 ii. 30% kuota bumiputera	**RMM Type A:** a. Wajib dibina oleh pemaju b. Pemilihan dan tapisan pemohon dilaksanakan oleh Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan c. Kelayakan Pendapatan Isi Rumah: Tidak melebihi RM3,500 d. Tempoh Moratorium: 5 tahun e. Pembinaan rumah Jenis B dan C boleh dikecualikan sekiranya keseluruhan kawasan pembangunan perumahan dibangunkan Jenis A f. Minimum 3 bilik tidur dan 2 tandas g. Spesifikasi asas minimum: i. Bumbung: Genting ii. Tingkap: *Frame Glass Sliding Window* *iii*. *Porch* Kereta: 10 kaki x 10 kaki (100 kps) iv. Kemasan Lantai: 1. Ruang Tamu/ Makan: Simen 2. Bilik Tidur: Simen 3. Dapur dan Tandas: Jubin seramik **RMM Jenis B:** a. Perlu dibina dalam kawasan pembangunan perumahan b. Minimum 3 bilik tidur dan 2 tandas **RMM Jenis C:** a. Perlu dibina dalam kawasan pembangunan perumahan b. Peratus pembinaan perumahan Jenis C boleh dikurangkan jika peratus pembinaan perumahan Jenis A dan B melebihi paras minimum yang ditetapkan c. Minimum 3 bilik tidur dan 2 tandas **Diskaun Harga untuk Pembeli Bumiputera bagi Rumah Kuota Bumiputera:** a. Kuota Bumiputera: 10% diskaun b. Kuota Bumiputera: Terbuka: 5% diskaun c. Diskaun harga bagi RMM Jenis B, RMM Jenis C dan rumah harga bebas
2.	Pembangunan Perumahan Berbilang Tingkat (Strata Bertingkat) (Pembangunan perumahan strata bertingkat sepenuhnya dalam kawasan projek)	a. Pembangunan 5 ekar dan ke atas: 50% Rumah Mampu Milik (RMM) seperti berikut: i. 20% RMM Type A: sehingga RM80,000 (*Net Floor Area*: Minimum 850kps) ii. 15% RMM Type B: sehingga RM250,000 (*Net Floor Area*: Minimum 1000kps) iii. 15% RMM Type C: sehingga RM400,000 (*Net Floor Area*: Minimum 1200kps) b. Pembangunan 5 ekar dan ke atas: 50% kuota bumiputera (30% kuota dan 20% kuota bumiputera terbuka) c. Pembangunan di bawah 5 ekar seperti berikut: i. 30% rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM250,000 ii. 30% kuota bumiputera	
3.	Pembangunan Perumahan Bercampur (Pembangunan perumahan bertanah dan strata bertingkat dalam kawasan projek)	a. Pembangunan 10 ekar dan ke atas: 50% Rumah Mampu Milik (RMM) seperti berikut: i. **20% RMM Type A:** sehingga RM80,000 - Perumahan bertanah (*Landed*): 20' X 60' (Luas binaan minimum: 850kps) ii. **15% RMM Type B:** sehingga RM250,000 - Perumahan bertanah (Landed): 20' X 65' - Perumah strata bertingkat: *Net Floor Area*: Minimum 1000 kps iii. **15% RMM Type C:** sehingga RM400,000 - Perumahan bertanah (*Landed*): 20' X 70' - Perumah strata bertingkat: *Net Floor Area*: Minimum 1200 kps b. Rumah harga bebas: 20' X 70' (luas minimum 1,200kp) c. Pembangunan 10 ekar dan ke atas: 50% kuota bumiputera (30% kuota dan 20% kuota bumiputera terbuka) d. Pembangunan di bawah 10 ekar seperti berikut: i. 30% rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM250,000 ii. 30% kuota bumiputera	

Sumber: Dasar Perumahan Negeri Sembilan

E. HALA TUJU PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN


Hala tuju pelancongan merupakan antara usaha Kerajaan Negeri Sembilan dalam merencanakan peningkatan ekonomi dalam sektor ini.

VISI

Menjadikan Pelancongan Negeri Sembilan Berdaya Tahan dan Pemangkin Pembangunan Ekonomi yang Mampan.

Menurut Hala Tuju Pelancongan Negeri Sembilan 2020-2030, terdapat **4 Teras, 11 Strategi** dan **12 Pelan Tindakan** yang terdapat di dalam hala tuju ini.

Rajah 2.34: Tumpuan Pelancongan Negeri Sembilan



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

TERAS 2: MEWUJUDKAN KEPELBAGAIAN *FOCUS AREA* PELANCONGAN DAN BERSIFAT BERDAYA TAHAN

ST1

Mengenal Pasti dan Menaiktaraf *Focus Area* Pelancongan Negeri: Pantai, Eko, Warisan, Kebudayaan, Pelancongan Persidangan (MICE) & Pelancongan Kesihatan.

PT1 – Menggerakkan aktiviti dan program pelancongan masing-masing serta menetapkan sasaran dan KPI perlaksanaan.

ST2

Pelaksanaan Program/ Aktiviti Tetap Setiap Tahun

PT1 – Mengenal pasti acara tahunan dengan anjuran pertandingan sirkit dan sebagainya.
PT2 - Masukkan dalam *ranking*/ jelajah kebangsaan/ dunia melalui merit/ kutipan mata.

ST3

Menjadikan Hab Pelancongan Berpusat Bertaraf Antarabangsa

PT - Pembangunan OSC meliputi hotel, restoran, jeti, pengangkutan bersepadu dan sebagainya.

ST4

Hab Pelancongan Mengikut Kesediaan Daerah

PT 1 - Zoning kawasan Negeri Sembilan dan menentukan hab pelancongan masing-masing. Contoh:


- Kuala Pilah & Rembau – Zon Pelancongan Warisan dan Budaya
- **Jelebu – Zon Ekopelancongan**
- Port Dickson – Zon Pelancongan Pantai
- Jempol – Zon Agro Pelancongan

Nota: *Perkara berkaitan Daerah Jelebu*

2.4 PEMBANGUNAN BERSEMPADANAN

Pembangunan Daerah Jelebu dalam konteks negeri bersempadanan perlu diambil kira bagi mewujudkan kesan pembangunan yang positif antara negeri serta meminimumkan persaingan dan pertindihan pembangunan. Penelitian terhadap pembangunan bersempadanan antara Daerah Jelebu akan dapat mengenalpasti halatuju potensi dan isu pembangunan kawasan seterusnya langkah-langkah penyelarasan pembangunan akan dapat dilaksanakan. Negeri bersempadan dengan Daerah Jelebu adalah negeri Pahang dan juga Selangor. Manakala bagi sempadan Daerah Negeri Sembilan pula, adalah Seremban, Kuala Pilah dan Jempol.

Rajah 2.35: Negeri dan Daerah Bersempadanan Kawasan Daerah Jelebu



PETUNJUK:

Kuala Pilah Kawasan tumpuan *Cultural Centre* & Pusat Agropolis

Ulu Langat Kawasan Pemeliharaan & Pemuliharaan
- Kawasan Hutan Simpan Kekal & Kawasan perlindungan
- Hutan
- Badan air

Kawasan pertanian
- Tanaman komoditi

ZPP Seremban – Nilai – Port Dickson (Malaysia Vision Valley, MVV)
- Pusat Pentadbiran Negeri
- Pusat Teknologi Bersih
- Pusat Pelancongan
- Pusat Pendidikan dan Institusi Latihan
- Pusat Pertumbuhan ekonomi (perindustrian, perkhidmatan dan perniagaan)

Pusat Katalis Jempol & Pusat Agropolis
- Aktiviti Pertanian
- Aktiviti Pelancongan (Agropelancongan dan Ekopelancongan)

Pusat Katalis Bentong
- Aktiviti Pertanian
- Aktiviti Pelancongan (*Resort* & Ekopelancongan
- Pengangkutan, perhubungan dan logistik (Stesen Utama Kereta Api Cadangan)

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

2.5 RUMUSAN DASAR PEMBANGUNAN DAN PERANCANGAN DAERAH JELEBU

Penemuan strategik polisi dan hala tuju Daerah Jelebu **dari konteks Negara, Negeri dan Daerah Bersempadaan** yang mempengaruhi pembangunan daerah adalah:

01 Negara

RFN 4
- Cadangan Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang, KLIA – Senawang (SKLIA), dan *Southern Central Road* (SCR) menghubungkan Simpang Pelangai – Segamat.
- Gugusan Gua Pasoh, Jelebu yang dikenal pasti berpotensi sebagai *Geopark* Kebangsaan

Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine (CFS)*
- N-SL1 HS Triang - HS Triang
- N-SL3 HS Kenaboi - HS Kenaboi

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK 2016-2025)
- 35 indikator terpilih daripada 57 keseluruhan indikator yang berkaitan secara umum yang dikelaskan kepada sosial, fizikal, flora dan fauna serta polisi dan pentadbiran

02 Negeri

RS Negeri Sembilan 2045
- Pembangunan Biodiversiti – HIP – Kenaboi *World Biodiversiti Centre*
- Kawasan Pelaburan – Taman Negeri Kenaboi
- Sistem Perhubungan & Pengangkutan Utama – Lebuhraya Bersepadu N. Sembilan – Pahang

Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040
- Jajaran Emas Eko Pelancongan - Jajaran Seremban – Jelebu – Kenaboi (Gunung Besar Antu)
- Pelaksanaan Desa Muafakat – Kg Jelin & Kg Chennah
- Pusat Dagangan Integrasi Desa (PDID) - Simpang Pertang Jelebu & Simpang Durian Jelebu

Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020
- Pertanian
  - ✓ Kawasan tanaman buah-buahan utama dalam Negeri Sembilan selain Daerah Kuala Pilah
  - ✓ Keluasan tanaman padi di Daerah Jelebu ketiga terbesar selepas Daerah Rembau dan Jempol
  - ✓ Pembangunan ternakan
  - ✓ Perkembangan komoditi berasaskan produk
  - ✓ Mewujudkan mini Terminal Agrobisnes Negara (TEMAN) di setiap daerah
- Pelancongan – Menarik pelaburan tinggi – Pelancongan bermusim – Membangunkan pelancongan mampan – Menyusun semula pentadbiran pelancongan di Negeri Sembilan
- Pembuatan dan Bioteknologi – Pertanian, Kesihatan, Industri bioteknologi

03 Daerah Bersempadan

Bentong & Ulu Langat
- Jelebu berpotensi dalam pembangunan sektor ekopelancongan, agro pelancongan, industri berasaskan bahan mentah tempatan

Seremban Kuala Pilah & Jempol
- Jelebu berpotensi sebagai kawasan tanaman buah-buahan utama yang berhampiran dengan konurbasi nasional (MVV, GKLV)
- Sumber air Utama Negeri Sembilan

ARAH TUJU UTAMA DAERAH JELEBU

BIODIVERSITI

- Daerah Jelebu sebagai **Daerah Biodiversiti** yang terpelihara dan seimbang.
- Keutamaan adalah pemeliharaan dan pemuliharaan hutan-hutan simpan dan rizab berkaitan (Taman Negeri Kenaboi dan pusat perlindungan Tapir).
- Pembangunan mampan pelancongan, pertanian (tanaman makanan) dan industri.
- Pembangunan Biodiversiti – HIP – Kenaboi *World Biodiversiti Centre*.
- **Rangkaian Ekologi CFS** HS Triang – HS Triang dan CFS HS Kenaboi – HS Kenaboi.

EKONOMI TERAS DAERAH

PELANCONGAN

- Aset pelancongan Jelebu merangkumi **pelancongan eko, agro dan sejarah** termasuk Kompleks Hutan Alam Liar Kenaboi, Pusat Konservasi Tapir.
- Daerah Jelebu dikelilingi 5 HSK berpotensi untuk dijadikan sebagai tumpuan Ekopelancongan Utama Negara di Semenanjung Malaysia.

PERTANIAN

- Jelebu merupakan kawasan tanaman buah-buahan utama dan mempunyai sumber tanaman padi ketiga terbesar di Negeri Sembilan.
- Mempunyai dua tapak Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Air Baning dan Bemban.
- Terdapat sumber industri asas tani.

KOMPONEN SOKONGAN

AKSES

- Cadangan **Lebuhraya *Southern Central Road* (SCR)** menghubungkan Simpang Pelangai – Segamat sebagai pemangkin kepada lonjakan ekonomi dan berpotensi sebagai kawasan strategik pelaburan.
- Cadangan **laluan Semenyih – Simpang Pelangai** sebagai penghubung dengan kawasan pembangunan Konurbasi Lembah Klang seperti KLIA, Putrajaya dan Kuala Lumpur

2.6 PENEMUAN UTAMA DAERAH JELEBU 2020

Bahagian ini akan menjelaskan penemuan semasa setiap teras bagi mengenalpasti isu/ masalah dan potensi pembangunan yang telah ditambahbaik berdasarkan hasil di peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan dalam penyediaan RTD Jelebu 2035 . Penemuan ini bagi membantu menentukan/ memandu hala tuju dan cadangan pembangunan yang strategik terhadap Daerah Jelebu menjelang 2035.

Rumusan penemuan bagi Daerah Jelebu melibatkan 13 sektor kajian dan dibahagikan kepada 4 teras pembangunan, iaitu:

TERAS 1

DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

Daerah Mampan dan Biodiversiti - Daerah Jelebu merupakan daerah yang mampan, berkualiti dan rendah karbon. Pembangunan berteraskan sumberjaya semula jadi yang memfokuskan ke arah kemampanan dan kreatif dalam mengoptimumkan kelebihan kepelbagaian bio akan menjadi hala tuju utama perancangan RT Daerah Jelebu 2035 . Sektor pusat bandar dan warisan akan menjadi sektor tunggak kedua yang akan membantu untuk penjanaan ekonomi dengan lebih seimbang dan keunikan daerah.

- A ***GUNA TANAH, CIRI-CIRI FIZIKAL DAN PETEMPATAN BANDAR***
- B ***ALAM SEKITAR, PENGURUSAN ALAM SEMULAJADI, GEOBENCANA DAN PERHUTANAN***
- C ***PUSAT BANDAR, REKA BENTUK BANDAR DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN WARISAN***

TERAS 2

EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

Menekankan aspek utama pembangunan ekonomi yang mampu **menjana kemakmuran pembangunan ekonomi dan menyokong pembangunan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian** agar berdaya maju dan memberi kesan positif serta impak tinggi kepada kesejahteraan daerah. Tiga (3) sektor ekonomi sebagai pemangkin utama Daerah Jelebu iaitu pelancongan, sektor pertanian dan perindustrian berasaskan sumberjaya setempat.

- A ***PERTANIAN***
- B ***PELANCONGAN***
- C ***PERINDUSTRIAN***
- D ***PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN***

TERAS 3

DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

Jelebu Berdaya Huni dan Sejahtera - Memastikan hala tuju Daerah Jelebu yang berdaya huni dan makmur dengan mengutamakan keperluan sosial yang berfokus kepada perumahan mampu milik, kemudahan masyarakat, kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi dan inklusif serta perkhidmatan desa yang berkualiti. Keseimbangan pembangunan sosial ini akan menjurus ke arah pembangunan bandar dan luar bandar yang sejahtera.

- A ***PERUMAHAN***
- B ***INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT***
- C ***KAWASAN LAPANG, LANDSKAP DAN REKREASI***
- D ***PETEMPATAN DESA DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR***

TERAS 4

PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

Prasarana Efektif dan Bersepadu - Pengukuhan jaringan pengangkutan dan penyediaan infrastruktur menyeluruh dan berkesan melalui penyediaan rangkaian perhubungan wilayah yang berkesan menjadi pemacu pembangunan di samping membantu dalam meningkatkan rangkaian pengangkutan utama dan infrastruktur yang lebih maju dan "hijau".

- A ***PENGANGKUTAN (PERHUBUNGAN & PENGURUSAN LALU LINTAS)***
- B ***INFRASTRUKTUR DAN UTILITI***

2.6.1 TERAS 1 : DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI


A. GUNA TANAH, CIRI-CIRI FIZIKAL DAN PETEMPATAN BANDAR

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

i. GUNA TANAH SEMASA

- Guna tanah semasa Daerah Jelebu didominasi oleh guna tanah hutan dan badan air seluas 76,649.47 hektar (56.63%). Ini dikuti oleh guna tanah bukan tepu bina seluas 55,687.12 hektar (41.14%) yang terdiri daripada kawasan tanah kosong dan pertanian.
- Manakala keluasan guna tanah tepu bina hanya meliputi kawasan seluas 3,016.99 hektar (2.23%) daripada keseluruhan daerah di mana institusi dan kemudahan masyarakat adalah guna tanah tepu bina utama.

Rajah 2.36: Guna Tanah Semasa 2020



PETUNJUK:

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim

KAWASAN TEPU BINA

0.31%	PERUMAHAN	(425. 19 HEKTAR)
0.03%	KOMERSIAL	(35.51 HEKTAR)
0.04%	INDUSTRI	(51.51 HEKTAR)
0.96%	INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	(1,304.28 HEKTAR)
0.02%	TANAH LAPANG DAN REKREASI	(28.85 HEKTAR)
0.83%	PENGANGKUTAN	(1,120.09 HEKTAR)
0.04%	INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	(51.56 HEKTAR)
2.23%	**KAWASAN TEPU BINA**	**(3,016.99 HEKTAR)**

HUTAN DAN BADAN AIR

53.79%	HUTAN SIMPAN KEKAL	(72,813.08 HEKTAR)
1.32%	KAWASAN BERHUTAN	(1,780.72 HEKTAR)
1.52%	BADAN AIR	(2,055.67 HEKTAR)
56.63%	**HUTAN DAN BADAN AIR**	**(76,649.47 HEKTAR)**

BUKAN TEPU BINA

0.64%	TANAH KOSONG	(863.34 HEKTAR)
40.50%	PERTANIAN	(54,823.78 HEKTAR)
41.14%	**BUKAN TEPU BINA**	**(55,687.12 HEKTAR)**

KELUASAN KESELURUHAN DAERAH JELEBU (135,353.58 HEKTAR)

ii. TREN DAN TEKANAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH SEMASA

Tren pembangunan semasa dan akan datang Daerah Jelebu terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu:

1 KAWASAN PUSAT PERTUMBUHAN

Melibatkan 1 bandar Tempatan 3 Pekan Utama dan 2 Pekan Kecil:

- Bandar Kuala Klawang
- Pekan Titi
- Pekan Simpang Pertang
- Pekan Simpang Durian
- Pekan Pertang
- Pekan Durian Tipus


2 PEMBANGUNAN KORIDOR

- **3 Koridor Utama:** Koridor Bandar Kuala Klawang – Pekan Titi, Koridor Pekan Simpang Pertang – Pekan Pertang dan Koridor Pekan Simpang Durian – Durian Tipus
- **5 koridor Sekunder:** Koridor Kampung Gedang-Bandar Kuala Klawang, Koridor Bandar Kuala Klawang-Pekan Pertang, Koridor Pekan Simpang Pertang-Pekan Simpang Durian, Koridor Pekan Durian Tipus – Bentong dan Koridor Titi – Sungai Muntoh/ Chennah

iii. KETINGGIAN


- Sebahagian besar Daerah Jelebu 55,978.76 hektar **(41.36%)** berada dalam kategori **tanah tinggi**. Kawasan tersebut adalah kawasan berhutan dan hutan simpan kekal.
- Puncak tertinggi berada pada **ketinggian 1,462 meter** di HSK Kenaboi bersempadan dengan Negeri Selangor dan Pahang.
- Manakala, tanah landai dan tanah bukit yang berketinggian 0-300 meter merupakan kawasan subur dilitupi pertanian seperti tanaman kelapa sawit dan getah.

Rajah 2.37: Kelas Ketinggian di Daerah Jelebu



iv. KECERUNAN

- Kelas kecerunan tanah Daerah Jelebu dikategorikan kepada 4 iaitu:



v. KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN

- Pelan kesediaan tanah disediakan adalah untuk mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk pembangunan di Daerah Jelebu pada masa hadapan. Terdapat beberapa kriteria yang ditentukan untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi dibangunkan dengan syarat dan yang tidak boleh dibangunkan iaitu:


Jadual 2.24: Kriteria Kesedian Tanah untuk Pembangunan

KAWASAN	KRITERIA		JUSTIFIKASI
TEPU BINA	**Guna Tanah Semasa**		Kawasan yang telah dibangunkan
TIDAK BOLEH DIBANGUNKAN	• Ketinggian melebihi 1,000 meter (kawasan pergunungan) • Ketinggian di antara 300 meter – 1,000 meter (kawasan tanah tinggi)		• Tidak dibenarkan sebarang pembangunan pertanian atau pembalakan kecuali aktiviti pelancongan alam semulajadi berimpak rendah, penyelidikan • Pembalakan mampan dan pelancongan alam semulajadi dibenarkan di kecerunan tidak melebihi 25 darjah
	• Cerun melebihi 25 darjah		Kawasan curam yang sensitif dan tidak sesuai untuk sebarang pembangunan
	• Empangan • Kawasan tadahan air bagi Empangan Sungai Triang		Kawasan sasaran penting daerah bekalan air
	• Hutan Simpan Kekal		Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan kecuali projek-projek infrastruktur dan perhubungan berkepentingan negara atau negeri
BOLEH DIBANGUNKAN DENGAN SYARAT	**Topografi** Ketinggian di antara 150 meter – 300 meter		Pembangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan dengan syarat kecerunan <15 darjah
	• Kecerunan 15 darjah – 25 darjah • Kawasan Koridor/ Rizab Sungai • Petempatan Orang Asli	• Kawasan Padi • Guna Tanah Komited	Sesuai untuk pembangunan dengan syarat
SESUAI UNTUK PEMBANGUNAN	• Ketinggian kurang 150 meter • Kecerunan kurang 15 darjah	• Tanah Kosong • Kawasan Pertanian	Berpotensi untuk semua jenis pembangunan

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


- Secara keseluruhan, majoriti kawasan kesediaan tanah di Daerah Jelebu merupakan kategori berhalangan 74,216.23 hektar (54.83%) atas faktor Daerah Jelebu dilitupi dengan HSK (terutama Mukim Kenaboi).
- Kawasan kesediaan tanah yang boleh dibangunkan meliputi kawasan seluas 28,697.74 hektar (21.20%) yang mana sebahagian besar kawasan ini terletak di kawasan Mukim Pertang dan Triang Ilir.

Rajah 2.38: Peratus Kesediaan Tanah Daerah Jelebu, 2020




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.39: Kesediaan Tanah untuk Pembangunan Daerah Jelebu



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.40: Kesediaan Tanah Daerah Jelebu Mengikut Mukim



v. HIERARKI PUSAT PETEMPATAN

- Hieraki dan fungsi semasa pusat petempatan Daerah Jelebu adalah berbeza dengan sasaran Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2.25: Hierarki Pusat Petempatan Daerah Jelebu

HIERARKI PUSAT PETEMPATAN	RT Daerah Jelebu 2002-2015 (SEMASA)	RS NEGERI SEMBILAN 2045
BANDAR TEMPATAN	• Bandar Kuala Klawang	• Bandar Kuala Klawang
PEKAN	• Titi • Petaling • Chennah • Pertang • Simpang Pertang • Durian Tipus • Simpang Durian	• Titi • Simpang Pertang • Simpang Durian

Sumber: 1) Rancangan Struktur Negeri Sembilan, 2045
2) RT Daerah Jelebu 2002-2015

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Kesediaan tanah yang sesuai untuk pembangunan adalah terhad iaitu seluas 28,697.74 hektar (21.20%) atas faktor kawasan HSK dan bentuk muka bumi yang berbukit bukau, tanah tinggi dan berkecerunan.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Daerah Jelebu kaya dengan sumberjaya semulajadi dan biodiversiti serta kawasan pertanian dan tadahan air yang perlu dipelihara bagi menjamin kelestarian Daerah Jelebu sebagai Daerah Biodiversitl selaras dengan halatuju yang ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan, 2045.

2

Kesediaan tanah (*land bank*) di bahagian timur Daerah Jelebu yang meliputi kawasan seluas 28,709.57 hektar (21.20%) dengan halangan fizikal yang minimum berpotensi untuk dijadikan pusat pertumbuhan dan pembangunan akan dating.

B. ALAM SEKITAR, PENGURUSAN ALAM SEMULAJADI, GEOBENCANA DAN PERHUTANAN

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

- Perincian penemuan utama sektor alam sekitar meliputi aspek utama berikut iaitu kualiti air sungai semasa, analisis bahan pencemar, kualiti udara, sumber punca pencemaran, pengurusan sumberjaya asli, perhutanan dan pengurusan kawasan sensitif alam sekitar.




i. KUALITI AIR SUNGAI SEMASA

Daerah Jelebu merupakan Sublembangan kepada Sungai Pahang. Sublembangan sungai utama merupakan Sungai Triang yang meliputi 10 sublembangan dan 88 Sungai:

- Sungai Buluh
- Sungai Gagu
- Sungai Klawang
- Sungai Jelebu
- Sungai Glami
- Sungai Pah
- Sungai Kenaboi
- Sungai Petasih
- Sungai Pertang
- Sungai Jerang


Rumusan Analisis IKA, 2020




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

- Terdapat 3 stesen sedia ada bagi pengawasan kualiti air sungai automatik oleh Jabatan Alam Sekitar yang telah dikenalpasti di Daerah Jelebu iaitu di Sungai Kenaboi, Sungai Triang dan Sungai Pertang.

- Secara keseluruhannya, kualiti air sungai di Daerah Jelebu adalah 76.5-92.8 (Kelas II) masih dalam keadaan terkawal. Punca pencemaran utama mempengaruhi air sungai Daerah Jelebu adalah disebabkan oleh aktiviti perbandaran dan perniagaan yang berlaku di tebing sungai serta perlombongan pasir sungai.


Sungai Klawang (IKA 69)


Sungai Pertang (IKA 83)


Anak Sungai Triang (IKA 77)


Sungai Kenaboi (IKA 75)


Sungai Air Baning (IKA 75)


Sungai Glami (IKA 78)

ii. PENGURUSAN SUMBERJAYA ASLI

PERHUTANAN

Keluasan guna tanah perhutanan dicatatkan sebanyak 74,593.80 Hektar (55.11%) daripada keseluruhan Daerah Jelebu. Ia menunjukkan bahawa separuh dari keluasan daerah ini merupakan kawasan yang diliputi oleh sumber semula jadi yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Pada tahun 2002, keluasan guna tanah perhutanan adalah sebanyak 86,047.30 hektar dan berlaku pengurangan sebanyak 11,453.51 hektar bagi tahun 2002 sehingga tahun 2020.

Jadual 2.26: Kawasan Hutan Daerah Jelebu

NO	HUTAN SIMPAN KEKAL	KELUASAN (HEKTAR)	PERATUS (%)
1	Hutan Simpan Berembun	5,911.52	7.92
2	Hutan Simpan Gapau	5,281.65	7.08
3	Hutan Simpan Pasoh	5,220.53	7.00
4	Hutan Simpan Triang	12,546.78	16.82
5	Hutan Simpan Kenaboi	43,852.60	58.79
	Jumlah HSK	***72,813.08***	***97.61***
6	Kawasan Berhutan	1,780.72	2.39
	JUMLAH	**74,593.80**	**100.00**

Sumber: Rancangan Tahunan Hutan, Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara, 2020

BIODIVERSITI


Penemuan dan analisis bagi KSAS kepelbagaian biodiversiti terdiri daripada Koridor *Central Forest Spine* (CFS) dan rizab hidupan liar. Keluasan rizab hidupan liar di Daerah Jelebu adalah **seluas 84.57 hektar dan telah dicadangkan sebagai Pusat Konservasi Nasional bagi hidupan liar (Tapir).**

i. Rangkaian Ekologi

Koridor Rangkaian Ekologi CFS di Negeri Sembilan merangkumi 2 rangkaian ekologi iaitu:


- N-SL1 HS Triang - HS Triang (1,354 Hektar)
- N-SL3 HS Kenaboi - HS Kenaboi (12,176 Hektar)

Rajah 2.41: Rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang - HS Triang



Sumber: Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)

Rajah 2.42: N-SL3 HS Kenaboi - HS Kenaboi



Sumber: Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)

ii. Pusat Konservasi Hidupan Liar Nasional (Tapir)

- **Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan** ditubuhkan bertujuan untuk pembangunan dan pemeliharaan sumber semula jadi dengan mampan agar dapat memperkukuhkan dan memelihara hutan simpan sebagai habitat flora dan fauna. Pusat Konservasi Hidupan Liar, Jelebu ini merupakan cadangan projek berimpak tinggi Kerajaan Negeri Sembilan bagi kepentingan biodiversiti *(Sumber: Perhilitan, 2020)*.
- Cadangan penubuhan projek ini juga bagi mengintegrasikan pelancongan, kajian, penyelidikan dan rawatan yang bertarap antarabangsa bagi memberikan pengetahuan dan penddikan mengenai kepentingan pemuliharaan biodiversiti.

▪ Kesan Pemburuan Haram Hidupan Liar

Rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang- HS Triang mempunyai beberapa kawasan yang dikenalpasti sebagai bukti dan kesan pemburuan hidupan liar

Jadual 2.27: Kesan Pemburuan Haram Hidupan Liar

Jenis	Grid X	Grid Y
Jerat Sembat	450555	307561
Kelonsong Peluru Jenis OOB	454668	306689
Tali Menggantung Denak/ Jebak	450247	301378

Sumber: Pelan Tindakan Central Forest Spine, PERHILITAN (2013)

▪ *Roadkill* Hidupan Liar

Terdapat roadkill hidupan liar dikenalpasti di rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang – HS Triang dan N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi.

- 1 *roadkill*, spesis Tapir Malaya, kawasan Petaseh, Jelebu (2016)
- 1 *roadkill*, spesis Tapir Malaya, kawasan Chenah, Jelebu (2018)

Sumber: Jabatan PERHILITAN, 2021

Pusat Konservasi Hidupan Liar Nasional (Tapir)



- Keluasan 200 Ekar
- Lokasi: Taman Negeri Kenaboi
- Pelan Warta PW2580
- Mamalia Tapir merupakan mamalia besar yang dilindungi sepenuhnya Akta 716 & haiwan terancang oleh IUCN (2012).

SUMBER GEOLOGI DAN ARKEOLOGI

- Kebanyakan kawasan terdiri daripada batu bergranit Triassik dan Jelebu schis sekitar era Paleozik.
- Dipengaruhi oleh 2 zon sesar utama iaitu zon sesar Bukit Tinggi dan zon sesar Kuala Lumpur yang mengarah ke Barat Laut-Tenggara.

19 Tapak Warisan Geologi

- **Mineral Industri** (Batu Dimensi, Lempung, Batu Kapur, Batu Silika, Pasir Silika)
- Terdapat 2 kawasan perlombongan pasir aktif (pasir silika & sungai)
- KSAS Tahap 1 & 2.
- **Lokasi:** Kompleks Gua (Batu Kapur), Gunung Besar Hantu dan lain-lain.

Gua Pelangi HSK Pasoh



- Kompleks Gua, HSK Pasoh
- 3 Fasa Kajian Geofizik (2015, 2018)
- Artifak 14,000-19,000 tahun (Zaman Paleolitik)
- Potensi sebagai Geotapak Warisan Kebangsaan, Produk Arkeo Pelancongan

Jadual 2.28: Tapak Warisan Geologi

No	Geotapak	Keluasan	Usia	Keterangan
1	HSK Jeram Toi	3.4 Hektar	Trias	Taman Ekorimba daerah.
2	Taman Alam Negeri (HSK Kenaboi)	9459 hektar	Ordovisi - Slur	Taman Negeri di Negeri Sembilan
3	Sungai Kenaboi '*White water rafting*;	0.72 km²	Trias	Aktiviti *Water Rafting* ke-3 terbaik di Asia Tenggara
4	Air Terjun Lata Kijang	6.47 Hektar	Ordovisi - Silur	Struktur bantuan primer dan sekunder dan Air terjun tertinggi negeri (85m)
5	Jeram Gading	3.4 Hektar	Trias	Kepelbagaian Lubang Periuk di sepanjang jeram.
6	Gunung Besar Hantu	Tiada maklumat	Trias	Tarikan bongkah batuan granit bertrek
7	Monumen Gempa Bumi HSK	200m x 10m x 10m	Ordivisi - Silur	Monumen gempa bumi sesar Bukit Tinggi 2008 yang mempunyai struktur batuan sekunder dan tektonik
8	Gua Pelangi	160 m²	Trias	Gua Batu Kapur yang mempunyai nilai arkeologi global
9	Gua Kelawar	156 m²	Trias	Gua Batu Kapur
10	Gua Tirai	150 m²	Trias	Gua Batu Kapur
11	Gua Waris	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur
12	Gua Telaga	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur
13	Air Terjun Ulu Lakai	Tiada maklumat	Trias	Air Terjun dengan 10x jatuhan air
14	Gua Batu Tadah	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur di dalam batuan granit
15	Bukit Batu Dinding	Tiada maklumat	Trias	Bukit bongkah batuan
16	Gua Batu Putih	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur dalam batuan kuarzit
17	Batu Kapal	Tiada maklumat	Trias	Bongkah batuan di tebing bukit (loppolit)
18	Lembah Jemaloi	Tiada maklumat	Trias	Kawasan sungai dari pergerakan sesar
19	Gua Harimau	Tiada maklumat	Trias	Tiada Maklumat

Sumber: Jabatan Mineral dan Geologi Negeri Sembilan- Melaka, 2020

GEOBENCANA

- Bagi Daerah Jelebu, bencana semulajadi kerap menjadi isu setempat apabila berlakunya banjir dan tanah runtuh. Kekerapan bencana dipengaruhi oleh faktor cuaca dan pembalakan hutan.
- Hotspot banjir yang telah dikenalpasti mempunyai **6 kawasan** yang utama dan kebanyakkannya berlaku akibat hujan lebat yang berterusan selama **6-9 jam secara purata.** Air larian permukaan yang deras di kawasan-kawasan yang tidak telap air, pembukaan kawasan baru dan faktor fizikal yang rendah juga menyumbang kepada berlakunya pencemaran sungai dan banjir.

Jadual 2.29: Hotspot Banjir Kilat Daerah Jelebu, 2019

Bil	Tempat	Kekerapan	Kedalaman	Bil. Rumah	Punca	Status Bencana
1	Kampung Chennah	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	2	• Hujan lebat dan limpahan di hulu Sungai Kenaboi dan kawasan sekitar • Mendapan dan sampah tersangkut di kawasan pembentungan	Sederhana
2	Kampung Telekong/ Puom	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	7		Sederhana
3	Kampung Geylang	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	4	• Hujan lebat dan limpahan di Hulu Sungai Pasong dan kawasan sekitar • Pembukaan kawasan (pembalakan) tanpa kawalan	Sederhana
4	Kampung Peradong	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	4	• Hujan lebat dan limpahan di Hulu Sungai Pah dan kawasan sekitar	Sederhana
5	Taman Pertang	1/ Tahun	0.3 - 0.9 meter	18	• Hujan lebat dan limpahan di Hulu Sungai Klaka dan kawasan sekitar.	Sederhana
6	Kampung Petaseh Hulu/ Hilir	2/ Tahun	0.3 - 0.9 meter	5	• Pembukaan kawasan (Pembalakan) disebelah Hulu Sungai Petaseh tanpa kawalan • Hujan lebat dan limpahan berlaku	Tinggi


Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran, 2020, Projek Ladang Hutan, Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara, 2019

Jadual 2.30: Kawasan Tanah Runtuh Daerah Jelebu, 2019

Bil	Kawasan Terlibat (No Laluan)	Kategori Jalan/ Seksyen	Punca Bencana	Bilangan Rumah/ Mangsa Terlibat	Status Bencana
1	Jalan Kuala Klawang-Titi	Jalan Negeri	Jatuhan Batuan ketika hujan lebat	Tiada	Sederhana (Bahaya Ketika Hujan)
2	Jalan Puom- Kg Chennah (N25)	Seksyen 2.90	Pergerakan Tanah dan Jatuhan Batuan dari kawasan tanah tinggi	Tiada	Sederhana
3		Seksyen 3.80		Tiada	Sederhana
4		Seksyen 9.98		Tiada	Sederhana
5		Sekysen 11.12		Tiada	Sederhana
6		Seksyen 17.00		Tiada	Sederhana
7	Jalan Kg Esok - Kg Chennah (N56)	Seksyen 5.30	Pergerakan Tanah dan Jatuhan Batuan dari kawasan tanah tinggi	Tiada	Sederhana
8		Seksyen 5.20		Tiada	Sederhana
9	Jalan Genting Peras (N32)	Seksyen 22.1	Jatuhan Batuan Ketika Hujan Lebat	Tiada	Sederhana (Bahaya ketika hujan)
10		Seksyen 22.8			
11		Seksyen 24.0			
12		Seksyen 28.0			
13		Seksyen 32.0			
14	Jalan Seremban-Kuala Klawang-Simpang Pertang (FT086)	Jalan Persekutuan, Seksyen 20.70	Pergerakan Tanah	1500 Orang	Sederhana
15	Jalan Persekutuan (FT09)	Jalan Persekutuan, Seksyen 73.92	Pergerakan Tanah	Tiada	Sederhana
16	Jalan Kerangai-Air Baning (N23)	Seksyen 3.50	Pergerakan Tanah	Tiada	Sederhana

Sumber: Pejabat Daerah Jelebu, 2019, Jabatan Kerja Raya, 2020

Rajah 2.43: Pelan Kategori Pengkelasan Hutan Simpan Kekal, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) BERSEPADU


Keluasan kawasan KSAS Daerah Jelebu adalah seluas 105,526.41 hektar (77.08%) dari keseluruhan kawasan. Hanya 31,376.32 hektar (22.90%) sahaja kawasan di luar KSAS yang boleh dibangunkan tanpa syarat dan ia tidak mengganggu alam sekitar.

Jadual 2.31: KSAS Sektoral Mengikut Tahap KSAS

JENIS KSAS	KSAS SEKTORAL	KSAS TAHAP 1 75,502.99 hektar	KSAS TAHAP 2 7,236.92 hektar	KSAS TAHAP 3 22,786.50 hektar
KSAS RISIKO BENCANA	**KSAS Ketinggian**	Gunung Besar Hantu, Kawasan Tanah Tinggi melebihi 1,000 meter	Kawasan tanah tinggi (300 – 1,000 meter)	Tanah bukit (300 – 150 meter)
	KSAS Kecerunan	Kawasan Kecerunan Melebihi 35 darjah (Keperluan JMG)	Kawasan Kecerunan 12-34 darjah (Keperluan JMG)	Kawasan Kecerunan kurang dari 12 darjah
	KSAS Lembangan Sungai dan Badan Air	Di dalam kawasan Lembangan Sg Triang (10 Sungai Utama), Empangan Sg Triang	5 km dalam lingkungan tadahan lembangan, Empangan Kg Petasih Hilir	10 km dalam lingkungan tadahan lembangan
	KSAS Tadahan Air dan Sumber Air Bawah Tanah	Akuifer yang berstatus Aktif dan dalam Pemantauan – Pusat Pemulihan Akidah, Jelebu – MARDI, Simpang Durian – Surau Kg Ulu Sepri	Akuifer yang tidak aktif – Masjid Kg Puom – Pusat Pemulihan Dadah, Jelebu – 3 kawasan di dalam Daerah Jelebu	Rizab Sungai di dalam Lembangan Triang
	KSAS Bencana	Kawasan Bencana Berkepadatan tinggi dan kekerapan tinggi – Kg Petaseh Hulu/ Hilir – Kg Juntai – Pekan Pertang/ Taman Pertang – Kg Ulu Jelebu – Taman Sri Kenaboi – Ladang Jelebu	Kawasan Bencana Berkepadatan Sederhana dan Berkala – Kg Telekong – Kg Puom – Kg Chennah – Kg Esok – Kg Geylang – Kg Bandar Tinggi – Kg Petaling – Pekan Titi – Simpang Durian	Kawasan Berkepadatan Rendah – Kg Triang, – Ladang Pertang – Kg Jerang – Kg Gagu – Kg Peradong – Durian Tipus – Kg Lakai
KSAS BERNILAI WARISAN	**KSAS Pelancongan Sejarah, Warisan dan Rekreasi**	Eko Pelancongan (Taman Negeri Kenaboi, Kompleks Gua Pasoh, Bukit Batu Sawa Bukit Batu Beras, Bukit Batu Bulan, Jeram Toi, Gunung Besar Hantu, Jeram Gading, Jeram Berungut, Air Panas Chennah, Titi Ecofarm Resort, Lata Kijang)	Pelancongan Warisan berkepentingan tinggi (Muzium Adat, Makam Sejarah Jelebu, Masjid Kuala Dulang, Makam Moyang Salleh, Meriam Dato' Abdullah, Batu Peringatan Inggeris)	Pelancongan Warisan berkepentingan, Rumah Gadang Budi, Balai Raya Kampung Putra, Kg. Gagu, Kg. Peradong)
	KSAS Sumber Geologi dan Arkeologi	Jeram Toi, HSK Kenaboi, Sg Kenaboi, Lata Kijang, Jeram Gading, Gunung Besar Hantu, Gua Pelangi	Monumen Gempa Bumi, Gua Kelawar, Gua Waris, Gua Telaga, Air Terjun Lakai, Gua Batu Tadah, Lata Dinding, Gua Batu Putih, Lembah Jemaloi, Gua Harimau, Ladang Pertang, Kg. Cenderak, Kg. Sg. Muntoh, Simpang Pertang, Kg. Petasih Hulu, Kg. Purun	-
KSAS BERNIAI SOKONGAN HIDUP	**KSAS Hutan Simpan Kekal dan Rizab Hidupan Liar**	Taman Negeri Kenaboi, Rizab Perlindungan Hidupan Liar, Pusat Konservasi Nasional Tapir, Taman Eko Rimba Kenaboi, Taman Eko Rimba Jeram Toi	Hutan Tadahan Air, Hutan Dara, Hutan Pengeluaran/ Ladang Hutan, Hutan Penyelidikan dan Pendidikan	Kawasan Petempatan Orang Asli
	KSAS Bekalan Makanan (Pertanian, Perikanan dan Penternakan)	-	Kawasan Pertanian Makanan (TKPM), Ladang Kontan, Kawasan Tanaman Sayur dan Buah, Bekas Lombong, Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar, Ladang Ternakan.	Kawasan Pertanian, Pertanian dan Perikanan daerah

Sumber:
1) *RT Daerah Jelebu 2035*
2) *Garis Panduan Pemuliharaan & Pembangunan KSAS Serta Kawasan Sekitar, 2005*


Rajah 2.44: Pelan Tahap KSAS 2020



PETUNJUK:

KSAS TAHAP 1	(75,502.99 Hektar)
KSAS TAHAP 2	(7,236.92 Hektar)
KSAS TAHAP 3	(22,786.50 Hektar)
LUAR KSAS	(31,376.32 Hektar)

LAIN - LAIN
- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Tekanan pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

- Pembukaan tanah hutan menjadi kawasan pertanian menyebabkan pengurangan kawasan berhutan terutama di HS Kenaboi diikuti kawasan HS Pasoh dan HS Triang.
- Perbezaan pengurangan hutan di Daerah Jelebu pada tahun 2002-2020 adalah sebanyak 11,453.51 hektar.
- Jalinan hutan-hutan di Daerah Jelebu dan hutan di negeri bersempadan memerlukan pengawalan dan pemantauan yang ketat bagi pengekalan dan pemuliharaan hutan simpan.

2

Gangguan aktiviti manusia yang mengancam spesis flora dan fauna seperti aktiviti pemburuan **haram dan *roadkill* hidupan liar** di sekitar kawasan hutan simpan, Rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang – HS Triang dan N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi. Cadangan daripada Kajian Pelan Tindakan CFS perlu diberi perhatian dalam perancangan bagi membendung isu tersebut.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

3

Pengurusan risiko banjir kilat dan tanah runtuh di kawasan yang berisiko perlu diambil perhatian. Terdapat 6 kawasan utama telah dikenalpasti sebagai *hotspot* banjir. Air larian permukaan yang deras di kawasan-kawasan yang tidak telap air, pembukaan kawasan baru dan faktor fizikal yang rendah menyumbang kepada berlakunya pencemaran sungai dan banjir.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Pemeliharaan kepelbagaian biologi dan biodiversiti di Daerah Jelebu melalui projek berimpak tinggi pembangunan *Kenaboi World Biodiversity Centre* yang selaras dengan halatuju yang ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan, 2045 bagi menjamin kelestarian Daerah Jelebu sebagai Daerah Biodiversiti.

2

Kekayaan sumber semula jadi dan biodiversiti akan menjadi aset industri ekopelancongan dan geopelancongan daerah (kawasan air terjun, bukit gua, tapak warisan geologi, pusat biodiversiti). Kawasan-kawasan yang terdapat di Daerah Jelebu ini akan menjadi tarikan pelancongan. Perancangan rapi dan pengurusan serta pemeliharaan khazanah perlu bagi menjamin kelangsungan sumber.

3

Potensi kawasan Hutan Simpan Kekal di Daerah Jelebu yang berfungsi sebagai penyerap karbon. Daerah Jelebu mempunyai keluasan Hutan Simpan Kekal sebanyak 72,813.08 hektar yang meliputi 53.80% daripada gunatanah Daerah Jelebu.

4

Pengekalan Hutan Simpan Kekal sebagai kawasan tadahan air semulajadi, rizab hidupan liar sebagai kawasan edupelancongan.

- Mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar melalui pengurusan dan kawalan pembangunan mengikut tahap KSAS.
- Mengintegrasikan pelancongan, kajian, penyelidikan dan rawatan yang bertaraf antarabangsa bagi memberikan pengetahuan dan pendidikan mengenai kepentingan pemuliharaan biodiversiti.

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

5

Mewujudkan kejiranan hijau dan persekitaran hijau melalui:

- Penerapan elemen hijau yang melibatkan komuniti di kawasan-kawasan perumahan
- Pembangunan berimpak rendah di kawasan pembandaran seperti Kuala Klawang dan Titi yang merupakan kawasan yang pesat membangun dan menjadi tumpuan ekonomi utama di kawasan ini.


C. PUSAT BANDAR, REKABENTUK BANDAR DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN WARISAN

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020



Pusat Bandar (*Town Centre*) adalah kawasan yang menjadi tumpuan pelbagai aktiviti dan kemudahan untuk keperluan penduduk sesuatu bandar, daerah, mukim atau negeri. Ia juga merupakan tempat orang ramai dapat berinteraksi, membeli belah, bekerja dan mendapatkan perkhidmatan kerajaan. Saiz dan rupa bentuk bandar adalah berbeza bersesuaian dengan fungsi, sejarah petempatan dan ciri-ciri fizikal untuk bandar berkenaan. Sempadan bagi pusat bandar ditentukan dengan penggunaan konsep 3C (*Commercial, Culture dan Civil*).

Rajah 2.45: Pelan Hierarki Petempatan Daerah Jelebu



Jadual 2.32: Hierarki Petempatan Daerah Jelebu

HIERARKI BANDAR	BANDAR	PENENTUAN SEMPADAN PUSAT BANDAR/ PEKAN
Bandar Tempatan	• Kuala Klawang	• Olahan daripada RT Daerah Jelebu 2002-2015 dan RS Negeri Sembilan 2045 • Komponen Perbandaran Utama (Kawasan Komersial, Kebudayaan dan Sivik) • Kawasan tumpuan aktiviti bandar
Pekan	• Titi • Simpang Pertang • Simpang Durian	

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


Rajah 2.46: Fungsi bagi setiap Pekan dan Bandar Tempatan Daerah Jelebu

BANDAR KUALA KLAWANG

FUNGSI BANDAR
- Pusat pentadbiran bagi Daerah Jelebu.
- Kawasan perniagaan dan perkhidmatan, institusi dan kemudahan masyarakat, serta tanah lapang dan rekreasi.
- Terdapat bangunan yang mempunyai seni bina rumah kedai lama iaitu di sepanjang Jalan Dato Abdullah dan Jalan Dato' Moyang Salleh.

PEKAN TITI

FUNGSI BANDAR
- Berperanan sebagai pusat perkhidmatan kepada penduduk tempatan. terutamanya di dalam penyediaan kemudahan asas dan juga sosial.
- Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan yang terhad.
- Sebuah pekan yang kaya dengan sejarah terutama bagi kaum "Hakka".




PEKAN SIMPANG PERTANG

FUNGSI BANDAR
- Berperanan sebagai pusat perkhidmatan kepada penduduk tempatan terutamanya di dalam penyediaan kemudahan asas dan juga sosial.
- Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan yang terhad.
- Bandar sempadan.

PEKAN SIMPANG DURIAN

FUNGSI BANDAR
- Berperanan sebagai pusat perkhidmatan kepada penduduk tempatan terutamanya di dalam penyediaan kemudahan asas dan juga sosial.
- Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan yang terhad.



PETUNJUK :
- Mercu Tanda (*Landmark*)
- Titik Tumpuan (*Nodes*)
- Zon Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Zon Perniagaan
- Zon Perumahan
- Zon Kawasan Lapang dan Rekreasi

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

IDENTITI DAN SENIBINA BANGUNAN

- Elemen senibina bumbung Minangkabau pada bangunan-bangunan pentadbiran dan institusi berpotensi untuk diketengahkan dan dijadikan sebagai salah satu ikon kepada kawasan bandar/ pekan di Daerah Jelebu.
- Seni bina bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Bandar Kuala Klawang dan Pekan Titi berpotensi untuk dijadikan sebagai elemen pelancongan dan perlu dipelihara bagi mengekalkan nilai sejarah kepada bandar tersebut.



Pejabat Majlis Daerah Jelebu



Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu yang merupakan salah satu bangunan warisan



Muzium Adat yang menjadi lokasi tersimpan sejarah bagi Negeri Sembilan

TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN DAERAH JELEBU


Bangunan warisan mempunyai nilai kepentingan sejarah dan estetika seni bina. Selain itu ianya berpotensi sebagai sumber pelancongan dalam bandar serta karektor yang menyerlahkan identiti setempat. Kepentingan nilai warisan ini perlu dipelihara bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik disamping berpotensi menjadi salah salah satu sumber pelancongan di Daerah Jelebu.


1 MUZIUM ADAT


2 MASJID KUALA DULANG



3 RUMAH KEDAI LAMA KUALA KLAWANG


4 BATU PERINGATAN INGGERIS


5 MAKAM MOYANG SALLEH


6 MERIAM DATO UNDANG ABDULLAH


7 MAHKAMAH MAJISTRET JELEBU


8 MENARA JAM KUALA KLAWANG


9 GEREJA KATOLIK ST. AUGUSTINE


10 MASJID KARIAH KAMPUNG JERANG


11 TAPAK MEGALITH ULU JELEBU


12 MASJID LAMA KAMPUNG MENTAUS


13 DEWAN D'SURY


14 GRANDSTAND STADIUM MAJLIS DAERAH JELEBU


15 MASJID WARISAN SUNGAI RELAI


16 TUGU PERINGATAN TITI


17 BALAI POLIS LAMA SIMPANG PERTANG


18 KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH JELEBU


19 BALAI ADAT KAMPUNG PUTERA JELEBU


20 HOMESTAY OMAK AKAM


21 RUMAH WARISAN PAK TAM


22 WISMA UMNO KUALA KLAWANG


23 KOMPLEKS UMNO JELEBU


24 KAMPUNG PERGAI


25 RUMAH GADANG BUDI KAMPUNG GAGU


26 KAMPUNG SARIN


27 PERADONG


28 KEDIAMAN RASMI UNDANG LUAK JELEBU


29 TOKONG FOOK SENG KONG



30 BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA TITI



31 DATARAN BUKIT TANGGA


32 TEROWONG SEJARAH TITI

Rajah 2.47: Taburan Tapak dan Bangunan Warisan Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

● Lokasi Tapak dan Bangunan Warisan

Jadual 2.33: Bilangan Tapak dan Bangunan Warisan di Daerah Jelebu

TAPAK & BANGUNAN WARISAN	BILANGAN
Masjid dan Rumah Ibadat	6
Makam/ Tapak bersejarah	5
Struktur/ Monumen/ Sempadan	3
Bangunan Pejabat Kerajaan	9
Rumah	7
Bangunan Rumah Kedai	2
JUMLAH TAPAK/ BANGUNAN WARISAN	32

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035



ISU DAN MASALAH UTAMA

1. **Imej pusat bandar Kuala Klawang yang kuang menonjol dan kurang jelas.** Elemen-elemen reka bentuk bumbung panjang yang terdapat di beberapa bangunan pentadbiran kurang diterapkan secara berkesan.

2. **Kualiti visual bagi Bandar Kuala Klawang kurang memuaskan dan kurang vibran.** Kawasan Bandar Kuala Klawang kurang mempunyai aktiviti yang menarik untuk dijadikan sebagai kawasan tumpuan penduduk dan pelancong.

3. **Bangunan rumah kedai lama (99 unit) yang mempunyai nilai sejarah di Bandar Kuala Klawang kurang dipelihara dengan baik** terutama dari segi fasad bangunan, struktur bangunan dan penggunaan warna cat yang kurang menarik.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

4. **Terdapat 31 tapak dan bangunan warisan yang tidak diselenggara dengan baik** terutama dari segi struktur bangunan, persekitaran dan kemudahan-kemudahan pelancongan.

5. **Ruang-ruang awam seperti lorong belakang dan tepi bangunan seperti di kawasan bandar dan pekan tidak digunakan sepenuhnya.** Lorong ini hanya digunakan sebagai kawasan tempat letak kenderaan dan tidak mempunyai sebarang aktiviti.

6. **Penyediaan laluan pejalan kaki tidak berkesinambungan antara satu sama lain** terutama di Pusat Bandar Kuala Klawang.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1. **Tapak dan bangunan warisan yang menarik perlu dipelihara** sebagai salah satu komponen tarikan pelancongan. Ia merupakan aset yang penting kepada negeri dan Daerah Jelebu secara khususnya.

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

2. **Bangunan rumah kedai lama yang mempunyai nilai warisan Gred 1 (23 unit) dan Gred 2 (76 unit) perlu dipelihara dan dinaiktaraf** bagi mewujudkan persekitaran yang vibran kepada Bandar Kuala Klawang dan pekan-pekan yang terlibat.

3. **Ruang-ruang awam berpotensi untuk dinaiktaraf menjadi salah satu kawasan tumpuan utama penduduk** yang disokong dengan penyediaan aktiviti yang menarik. Ruang awam yang dikenalpasti adalah di Lorong Permai dan Jalan S.V. Veloo di Bandar Kuala Klawang serta Jalan Pekan Titi di Pekan Titi.

4. **Penyediaan laluan pejalan kaki khas (Jalan Dato Abdullah, Jalan Dato Moyang Salleh dan Jalan Dato Menteri) perlu disediakan** bagi mewujudkan persekitaran mesra pejalan kaki dan mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor. Laluan ini menghubungkan kawasan pentadbiran, perniagaan dan kawasan rekreasi.

2.6.2 TERAS 2 : EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI


A. PERTANIAN

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

- Keluasan **guna tanah pertanian** Daerah Jelebu pada tahun 2020 ialah **54,823.78 hektar** iaitu **40.50%** daripada keseluruhan daerah. **Rajah 2.50** menunjukkan komposisi keluasan tanah pertanian termasuklah tanaman, ternakan dan perikanan. **Keluasan pertanian** paling besar ialah di Mukim Triang Ilir, Mukim Pertang dan Mukim Ulu Triang.



Rajah 2.48: Komposisi Guna Tanah Pertanian mengikut Subsektor di Daerah Jelebu, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

i. TANAMAN

- **Jadual 2.35** meringkaskan keluasan bagi setiap jenis tanaman dan hasil pengeluaran mengikut keluasan berhasil.
- Daerah Jelebu turut terlibat dengan **dua (2) kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** seluas **175.70 hektar** dengan **nilai pengeluaran** sehingga **RM4.54 juta setahun** pada tahun 2019.



Pengeluaran hasil pertanian

Jadual 2.34: Ringkasan Keluasan dan Hasil Tanaman di Daerah Jelebu, 2019

JENIS TANAMAN	KELUASAN (HEKTAR)	PERATUS	KELUASAN BERHASIL (HEKTAR)	HASIL PENGELUARAN	PURATA HASIL PENGELUARAN	NILAI PENGELUARAN
KELAPA SAWIT	37,056.8	67.85	17,825.00	-	19.64 metrik tan/ hektar	-
GETAH	11,634.95	21.30	-	5,182.00 metrik tan	0.45 metrik tan/ hektar	-
TANAMAN PADI	184.00	0.34	347.35	1.66 juta kg	4,770.72 kg/ hektar	RM1.91 juta
TANAMAN LAIN	4,776.36	8.75	1,057.29	16.35 juta kg	15,455.51 kg/ hektar	RM38.23 juta
BUAH-BUAHAN	-	-	714.09	10.32 juta kg	14,453.95 kg/ hektar	RM25.16 juta
SAYUR-SAYURAN	-	-	288.50	4.76 juta kg	16,470.82 kg/ hektar	RM11.11 juta
HERBA DAN REMPAH RATUS	-	-	13.40	222,141 kg	16,577.69 kg/ hektar	RM206,977.00
LADANG/ TANAMAN KONTAN	-	-	41.30	1,045,240 kg	25,308.47 kg/ hektar	RM1.75 juta
TANAH TERBIAR	795.82	1.46	-	-	-	-

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

❖ **TANAMAN INDUSTRI**

- Tanaman **kelapa sawit** mencatatkan **keluasan paling besar** iaitu **37,056.8 hektar** (**69.48%**) daripada keseluruhan keluasan tanaman) dengan **keluasan berdaftar** dan **telah mempunyai hasil pengeluaran** seluas **17,825.00 hektar. Purata hasil pengeluaran buah tandan segar** (BTS) pada tahun 2019 ialah **19.64 metrik tan/ hektar,** iaitu lebih tinggi berbanding Negeri Sembilan.
- **Purata hasil pengeluaran BTS** ini berpotensi untuk **meningkat sekiranya baki keluasan** tanaman kelapa sawit seluas **19,233.56 hektar berdaftar** dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan telah mula **mengeluarkan hasil sepenuhnya.**
- **Tanaman getah** pula mencatatkan keluasan **11,634.95** hektar dengan **purata hasil pengeluaran** sebanyak **0.45 metrik tan/ hektar,** iaitu lebih rendah berbanding Negeri Sembilan.

❖ **TANAMAN PADI**

- **Tanaman padi** adalah seluas **184.00 hektar** dengan **purata hasil pengeluaran** sebanyak **4,770.72 kg/ hektar** (**RM1.91 juta nilai pengeluaran**), iaitu lebih tinggi berbanding hasil Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, kawasan tanaman padi perlu dikekalkan dan diwartakan sebagai salah satu KSAS sumber makanan adalah selari dengan produktivitinya untuk menyokong sebagai jaminan bekalan makanan akan datang.

❖ **TANAMAN LAIN**

- **Tanaman lain** merangkumi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus serta tanaman kontan adalah seluas **4,757.15 hektar.** Namun, **hanya 1,057.29 hektar sahaja** yang **mengeluarkan hasil** tanaman dengan **purata hasil pengeluaran** sebanyak **15,455.51 kg/ hektar** (**RM38.23 juta nilai pengeluaran**). Purata hasil pengeluaran tanaman lain daerah ini adalah lebih tinggi berbanding Negeri Sembilan.

❖ **TANAH TERBIAR**

- Tanah terbiar di Daerah Jelebu mencatatkan keluasan **795.82 hektar** (**1.49%**) daripada keseluruhan keluasan tanaman) yang meliputi 567 lot tanah.

ii. TERNAKAN

- Berdasarkan rekod Pejabat Veterinar Daerah Jelebu, jumlah keseluruhan ternakan haiwan daerah ini pada tahun 2019 adalah **2,028,509 ekor** dengan seramai **416 penternak.** Ternakan **ayam** merekodkan jumlah **ternakan tertinggi** iaitu **melebihi 1.97 juta ekor** (97.26%). Jumlah ini diikuti dengan ternakan itik (30,432 ekor) dan ternakan puyuh (15,000 ekor). **Jadual 2.36** meringkaskan bilangan ternakan dan bilangan penternak mengikut jenis ternakan di daerah ini.
- Kesemua reban ayam sedia ada yang beroperasi secara sistem terbuka harus dinaiktaraf kepada sistem tertutup bagi mengatasi isu pencemaran air, bau dan lalat yang ditimbulkan.

Jadual 2.35: Bilangan Ternakan dan Penternak di Daerah Jelebu, 2019

JENIS TERNAKAN	BILANGAN TERNAKAN	PERATUS	BILANGAN PENTERNAK
AYAM	1,972,759	97.26	75
ITIK	30,432	1.50	12
PUYUH	15,000	0.74	1
LEMBU PEDAGING	4,283	0.21	123
LEMBU TENUSU	161	0.01	4
KAMBING PEDAGING	1,972	0.10	92
BEBIRI	3,626	0.18	93
KERBAU	127	0.01	9
RUSA	7	0.00	1
ARNAB	135	0.01	5
KUDA	7	0.00	1
JUMLAH	2,028,509	100.00	416

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

iii. PERIKANAN

- Keluasan ternakan akuakultur adalah **128.90 hektar** dengan **598 buah kolam** di empat (4) mukim iaitu Mukim Pertang, Ulu Triang, Peradong dan Glami Lemi. Aktiviti ini diusahakan oleh **80 orang pengusaha.**
- Aktiviti ini menghasilkan **1,430.91 metrik tan** pada tahun 2019 dengan jumlah nilai borong mencecah **RM14.39 juta.** Hasil **pengeluaran tertinggi** adalah **ternakan ikan tilapia merah** iaitu **1,295.06 metrik tan** dengan nilai borong sejumlah **RM12.95 juta. Jadual 2.31** menunjukkan hasil pengeluaran dan nilai borong bagi kesemua spesies ternakan di Daerah Jelebu.

Jadual 2.36: Hasil dan Nilai Pengeluaran Ternakan Akuakultur di Daerah Jelebu, 2019

SPESIES TERNAKAN	HASIL PENGELUARAN (METRIK TAN)	NILAI BORONG (RM)
BAUNG	14.55	203,738.87
HARUAN	0.03	450.00
KAP RUMPUT	12.10	102,884.00
JADE PERCH	0.72	15,840.00
LAMPAM JAWA	11.86	83,899.00
LEE KOH	7.09	49,609.00
KELI	77.27	347,734.91
JELAWAT	0.52	5,234.35
PATIN	1.31	5,880.79
TILAPIA MERAH	1,295.06	12,950,641.78
UDANG GALAH	10.37	622,053.91
PELBAGAI AIR TAWAR	0.03	1,800.00
JUMLAH	**1,430.91**	**14,389,766.61**

Sumber: Pejabat Perikanan Daerah Jelebu, 2019



Pengeluaran Ternakan Akuakultur

TREN PEMBANGUNAN PERTANIAN


- Berdasarkan jadual di bawah, **semua jenis tanaman** menunjukkan **peningkatan (2018-2019) dari segi keluasan dan produktiviti pengeluaran pertanian;**

Jadual 2.37: Keluasan dan Produktiviti Pengeluaran Aktiviti Pertanian

AKTIVITI PERTANIAN/ TAHUN	2002/ 2016	2002/ 2017	2002/ 2018	2019
SUB-SEKTOR TANAMAN (Keluasan Tanaman/ Purata Hasil Pengeluaran)				
*Kelapa Sawit		2002 – 18,515.22 hek		37,058.56 hek
*Getah		2002 – 24,449.29 hek		11,634.95 hek
*Padi		2002 – 211.88 hek		347.42 hek
**Buah-buahan	14.70	13.51	14.44	14.45 mt/hek
**Sayur-sayuran	17.04	17.06	15.94	16.47 mt/hek
**Herba dan Rempah Ratus	26.30	14.44	10.94	16.58 mt/hek
**Tebu Kuning	26.07	24.53	23.02	25.31 mt/hek
SUB-SEKTOR TERNAKAN (Jumlah Ternakan)				
Ayam	tm	tm	tm	1,532,759
Lembu	tm	tm	tm	4,444
Kambing	tm	tm	tm	1,972
Bebiri	tm	tm	tm	3,626
****SUB-SEKTOR PERIKANAN (Hasil Pengeluaran)***				
Aktiviti akuakultur	77.56 mt	1,631.44 mt	1,758.19 mt	1,430.32 mt

*Sumber: *Keluasan berdasarkan RTD Jelebu 2002-2015*
***Laporan My Local Stats Negeri Sembilan 2018*
****Laporan Tinjauan RSN Negeri Sembilan 2045*

Rajah 2.49: Taburan Kawasan Pertanian di Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

- Pertanian
- Padi
- Penternakan
- Akuakultur
- Tanah Terbiar

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

- Merujuk kepada jadual di bawah, kelas tanah di Daerah Jelebu mempunyai kesesuaian terhadap pelbagai jenis tanaman sama ada untuk tanaman kontan mahupun tanaman industri.

Jadual 2.38: Jenis Kesesuaian Tanaman di Daerah Jelebu

BIL	JENIS KELAS TANAH	JENIS KESESUAIAN TANAMAN	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
1	2 GNT	Bacang, Durian, Kelapa Sawit, Pinang, Asam Gelugur, Koko, Avokado, Getah, Bidara, Belimbing Manis, Abaka, Pisang, Gajus, Kopi, Teh (Tanah Rendah) Cengkih, Betik, Limau, Tebu, Lada Hitam, Rumput *Folder*, Pastura.	11,708.11	8.65
2	2 n (G)	Bacang, Durian, Kelapa Sawit, Pinang, Asam Gelugur, Koko, Avokado, Getah, Bidara, Belimbing manis, Abaka, Pisang, Gajus, Kopi, Teh (Tanah Rendah) Cengkih, Betik, Tembakau, Limau, Halia, Tebu, Lada Hitam, Nenas, Kacang Tanah, Sayur-sayuran, Rumput *Folder*, Pastura.	11,423.84	8.44
3	2 n T	Bacang, Durian, Kelapa Sawit, Pinang, Asam Gelugur, Koko, Avokado, Getah, Bidara, Belimbing Manis, Abaka, Pisang, Gajus, Kopi, Teh (Tanah Rendah) Cengkih, Betik, Tembakau, Limau, Halia, Tebu, Lada Hitam, Nenas, Kacang Tanah, Sayur-sayuran, Rumput *Folder*, Pastura.	7,904.65	5.84
4	4 GT	Kelapa, Kelapa Sawit, Pinang, Asam Gelugor, Koko, Bidara, Belimbing Manis, Gajus, Kopi, Teh (Tanah Rendah), Limau, Lada Hitam.	5,847.27	4.32
5	*EX MINING*	Kawasan Lombong	2,219.79	1.64
6	STP	Kawasan Tinggi	96,155.18	71.04
7	*URBAN*	Kawasan Bandar	94.74	0.07
		JUMLAH	**135,353.58**	**100.00**

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Jelebu, 2020


KEMUDAHAN PEMASARAN HASIL PERTANIAN

- Terdapat hanya **satu (1) sahaja tapak Pasar Tani** ataupun lebih dikenali sebagai Pekan Sehari yang terletak di Kuala Klawang bersebelahan Kedai DIY
- Terdapat **dua (2) lokasi pusat pengumpulan hasil tani** di Daerah Jelebu untuk pemasaran produk pertanian khususnya tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran iaitu:
  - ✓ Kg. Chennah (aktif)
  - ✓ Kg. Tambahtin (pasif)
- Daerah Jelebu memerlukan satu Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Hasil Pertanian Setempat yang terancang bagi menghimpunkan petani, peraih, pemborong dan pengguna. Bekalan hasil pertanian yang konsisten dan stabil mudah untuk diperolehi dan pemborong mudah untuk mendapatkan bekalan untuk pasaran.



Pusat Pengumpulan Hasil Tani Kg. Chennah

Rajah 2.50: Pelan Kesesuaian Tanaman Di Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

- 2 GNT
- 2n (G)
- 2 n T
- 4 GT
- Ex Mining
- Urban
- STP

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Keperluan pengekalan dan pewartaan kawasan pertanian yang berpotensi sebagai menyokong fungsi pembekal utama kepada pasaran Lembah Klang dan gedung bekalan makanan negara. Terdapat 3 kawasan pertanian yang boleh dijadikan sebagai kawasan KSAS Sumber Makanan bagi Daerah Jelebu iaitu:

- **TKPM Air Baning (53.70 hektar)**

✓ Fokus tanaman - sayur-sayuran (14 jenis sayuran meliputi bendi, cekur manis, cili, kacang panjang, kacang botol, kangkung, labu air, peria katak, peria kambas, petola segi, sawi, serai, timun dan terung)

- **TKPM Bemban (122.00 hektar)**

✓ Fokus tanaman - Sayur-sayuran dan Buah-buahan terutamanya nangka (56% kawasan ini ditanam dengan tanaman nangka)

- **Kawasan Sawah Padi Kg Sungai Buloh** (184.00 hektar)

2

Keperluan Pusat Pengumpulan Hasil Tani *'one stop centre'* yang dilengkapi dengan prasarana moden bagi menghubungkan rangkaian di antara pengeluar, pembekal dan pengguna. Diunjurkan, hasil pengeluaran per/ kg bagi buah-buahan dan sayur-sayuran adalah tinggi sehingga tahun 2035 iaitu:

- Buah-buahan: Tahun 2020 (14.520 juta) 2035 (20.889 juta)
- Sayur-sayuran: Tahun 2020 (2.092 juta) 2035 (2.835 juta)

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

3

Kewujudan tanah pertanian yang terbiar seluas 795.82 hektar yang meliputi sebanyak 567 lot tanah tidak diusahakan secara ekonomik terutamanya di kawasan pertanian Mukim Glami Lemi (153.81 hektar) dan Kenaboi (152.97 hektar).

4

Masalah kacau ganggu lalat dalam aktiviti ternakan ayam komersil terutamanya oleh aktiviti ternakan ayam yang mengguna pakai sistem reban terbuka yang telah bertapak sejak 40 tahun lalu. Pada tahun 2019, terdapat 18 pengusaha ternakan ayam yang masih menggunakan sistem reban terbuka.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Durian Jelebu boleh didapati hampir sepanjang tahun iaitu dari Bulan Januari hingga September kerana keadaan fizikalnya yang berbukit bukau dan terletak di Banjaran Titiwangsa. Terdapat 14 jenis varieti durian yang boleh didapati di Daerah Jelebu.

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

2

Penumpuan kepada ternakan ikan bernilai tinggi seperti *Jade Perch* bagi meningkatkan hasil akuakultur Daerah Jelebu.

3

Kaedah pertanian dan penternakan pintar yang boleh diterapkan oleh pengusaha dan petani di Daerah Jelebu bagi meningkatkan hasil dan menjimatkan kos pengurusan ladang.

B. PELANCONGAN


PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

Tarikan utama Daerah Jelebu adalah kekayaan alam semula jadi yang terdiri daripada gunung-ganang, kawasan geotapak, warisan dan budaya serta lain-lain. Di samping itu, Jelebu juga terkenal dengan Taman Negeri Kenaboi yang kaya dengan khazanah hutan merupakan satu destinasi yang ideal bagi mereka yang gemar dengan aktiviti lasak, melakukan aktiviti sungai serta mendaki gunung. Kajian bagi sektor pelancongan ini adalah bagi mengenal pasti potensi serta halangan pembangunan pelancongan Daerah Jelebu dan seterusnya merangka perancangan strategik dasar-dasar sektor pelancongan sehingga tahun 2035.




Rajah 2.51: Kategori Pelancongan Semasa





Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.52: Taburan Produk Pelancongan Daerah Jelebu Mengikut Zon



PETUNJUK:

- Ekopelancongan
- Agropelancongan
- Arkeopelancongan
- Pelancongan Kebudayaan, Seni dan Warisan Sejarah
- Pelancongan Sukan dan Rekreasi
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Bandar


LAIN - LAIN

- *Tourism Development Zone Diversity of Ecotourism*
- *Tourism Development Zone Geological Heritage Site*
- *Tourism Development Zone Kuala Klawang Urban Heritage & Culture*
- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rumusan Audit Produk Pelancongan Daerah Jelebu



- 27 produk pelancongan telah diaudit.
- Terdapat beberapa produk pelancongan yang terletak dalam kawasan yang sama seperti Taman Negeri Kenaboi dan Kompleks Gua Pelangi diaudit sebagai satu produk pelancongan.

	PRODUK PELANCONGAN	KEPUTUSAN AUDIT	
		NILAI MATA (%)	SKALA KUALITI
1	Titi *Eco Farm*	70.39	Baik
2	Muzium Adat	68.98	Baik
3	Jeram Toi	62.28	Baik
4	Pekan Titi	61.01	Baik
5	Renal Park	55.06	Memuaskan
6	Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar (FRI Glami Lemi)	51.35	Memuaskan
7	Pusat Konservasi Tapir	50.61	Memuaskan
8	Gua Pelangi	49.76	Memuaskan
9	Parang Mentaus	49.41	Memuaskan
10	*Antagho Durio*	48.86	Memuaskan
11	Makam Moyang Salleh	47.58	Memuaskan
12	Meriam Dato' Abdullah	47.58	Memuaskan
13	Taman Negeri Kenaboi	44.32	Memuaskan
14	Laluan Berbukit Genting Peras	40.64	Memuaskan
15	*Jelebu Historial Trail*	40.61	Memuaskan
16	Rumah Gadang Budi, Kg Gagu	39.82	Lemah
17	Sungai Kenaboi "*White Water Rafting*"	37.89	Lemah
18	Kelompok Tanaman Padi, Sg Buloh	35.53	Lemah
19	Bukit Batu Sawa	33.31	Lemah
20	Masjid Warisan Qariah Kuala Dulang	31.00	Lemah
21	Makam Sejarah Jelebu	26.69	Lemah
22	Bukit Batu Beras	26.32	Lemah
23	Terowong Sejarah Titi	26.54	Lemah
24	Gua Harimau	17.39	Lemah
25	Jeram Gading	15.50	Amat Lemah
26	Jeram Gajah	15.20	Amat Lemah
27	Gunung Telapak Buruk	14.18	Amat Lemah

Ringkasnya, keputusan audit bagi produk pelancongan Daerah Jelebu mendapati hanya 4 produk pelancongan sahaja yang mendapat audit BAIK, 11 produk pelancongan mendapat audit MEMUASKAN, 9 produk pelancongan mendapat audit LEMAH dan 3 produk pelancongan mendapat audit AMAT LEMAH.

4 BAIK

11 MEMUASKAN

9 LEMAH

3 AMAT LEMAH

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Kemudahan penginapan dilihat sebagai satu kemudahan sokongan pelancongan yang amat penting dalam sektor ini bagi memenuhi keperluan pelancong dan merupakan kemudahan sokongan paling utama dalam menarik kedatangan pelancong. Bagi kemudahan penginapan di Daerah Jelebu terdapat 4 hotel, 3 resort, 3 homestay dan 2 kem penginapan.

Jadual 2.39: Senarai Keseluruhan Kemudahan Penginapan di Daerah Jelebu

BIL	KEMUDAHAN PENGINAPAN	BILANGAN BILIK	ANGGARAN KAPASITI
1	**Glamping@Kongkoi**	10	20
2	**Titi *Eco Farm Resort***	24	48
3	**Tebat *Sanctuary***	3 unit rumah	30
4	**Hotel Sri Klawang**	22	44
5	***Merryland Hotel***	31	62
6	**Hotel Rasa Sayang *Inn***	17	34
7	**Simpang Pertang *Inn***	7	14
8	**Homestay Kuala Klawang**	4	12
9	**Homestay Pakcu & Makcu**	3	10
10	***Antagho Durio***	5	30
11	**Kem D'Agroloka**	4 unit dorm	100
12	**Kem Bukit Perjuangan**	4 buah chalet	40
	JUMLAH BILIK	**134**	**444**

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Kedatangan Pelancong Semasa ke Daerah Jelebu

JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG KE DAERAH JELEBU 2014-2018				
2014	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**
117,408	158,003	143,297	144,148	164,543

UNJURAN SEHINGGA TAHUN 2035

UNJURAN KEDATANGAN PELANCONG




TAHUN 2020 » **TAHUN 2025** » **TAHUN 2030** » **TAHUN 2035**


171,224 ORANG | 189,138 ORANG | 208,926 ORANG | 230,784 ORANG

95% Ketibaan Pelancong Domestik


5% Ketibaan Pelancong Antarabangsa




RAJAH 2.53:
PELAN SISIPAN,
PROFIL ZON PELANCONGAN
TDZ DIVERSITY OF ECOTURISM




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035




RAJAH 2.54:
PELAN SISIPAN,
PROFIL ZON PELANCONGAN
TDZ GEOLOGICAL HERITAGE SITE



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035



RAJAH 2.54:
PELAN SISIRAN,
PROFIL ZON PELANCONGAN
TDZ KUALA KLAWANG URBAN HERITAGE & CULTURE



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Aktiviti dan produk pelancongan semasa perlu dikukuhkan terutamanya dari penyediaan infrastruktur dan kemudahan pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong. Selain itu, pengenalan aktiviti dan produk pelancongan baharu diperlukan bagi memastikan sektor pelancongan Daerah Jelebu setanding daerah lain di Negeri Sembilan, di samping dapat menarik pasaran pelancong baharu. Selain itu, pelancongan di Daerah Jelebu lebih bersifat kepada pelancongan domestik.

2

Akses ke tarikan pelancongan yang agak terbatas dan perlu dinaik taraf supaya dapat dikunjungi oleh pelancong dengan mudah. Dapat dilihat daripada audit yang menunjukkan kebanyakan akses ke tarikan pelancongan menunjukkan skor audit yang lemah. 3 produk pelanongan yang mendapat audit AMAT LEMAH iaitu Jeram Gading, Jeram Dagang dan Gunung Telapak Buruk mendapat audit yang rendah disebabkan akses ke tarikan pelancongan yang sangat terhad. Malahan hampir semua tarikan ekopelancongan mempunyai nilai audit yang rendah disebabkan akses yang terhad ke tarikan pelancongan.

3

Kekurangan pilihan penginapan yang ada di Daerah Jelebu menyukarkan pelancong untuk tinggal lebih lama dan bermalam di Jelebu. Pilihan semasa yang ada hanyalah *hotel budget* yang terhad dan berada jauh dari pusat bandar. Bilangan hotel sedia ada terlalu terhad untuk menampung kedatangan pelancong pada waktu-waktu tertentu. Kemudahan penginapan semasa yang ada di jelebu hanyalah 4 buah hotel, 3 buah *resort*, 3 buah *homestay* dan 2 buah kem penginapan. Kemudahan penginapan sedia ada ini hanya mampu menampung sehingga 444 pelancong sahaja pada suatu masa.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

4

Kekurangan medium penyampaian maklumat pelancongan di media massa. Penggunaan media massa yang tepat dapat mencapai pasaran sasaran yang dikehendaki. Hanya terdapat maklumat secara umum mengenai pelancongan di Daerah Jelebu yang terdapat di laman sesawang MDJ. Selain itu, terdapat beberapa inisiatif dengan perkongsian maklumat di media sosial oleh individu awam dan operator pelancongan yang ada di Daerah Jelebu. Ketiadaan pusat maklumat pelancong di daerah ini jga menyukarkan untuk menyebar luaskan mengenai produk-produk pelancongan yang ada di daerah ini. Umumnya, tarikan pelancongan di daerah ini tidak mendapat capaian yang menyeluruh untuk dipromosi serta tidak mendapat sambutan.

5

Kekurangan promosi dan pemasaran pelancongan. Promosi dan pemasaran ini meliputi tarikan, aktiviti dan destinasi pelancongan yang ada. Kaedah promosi dan pemasaran perlulah dilakukan secara berterusan dan merangkumi semua aspek bagi mencapai pasaran sasaran. Promosi dan pemasaran sedia ada tertumpu pada beberapa kawasan tertentu seperti Gua Pelangi dan Muzium Adat. Selain itu, aktiviti promosi dan pemasaran dilakukan oleh pemilik/ operator pelancongan yang menawarkan servis pelancongan di daerah ini seperti *Antagho Durio*, *Titi Eco Farm* dan ATOA.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Tapak sejarah bukti Paleolitik yang pertama ditemui di Selatan Semenanjung Malaysia di Gua Pelangi. Penemuan ini dapat dijadikan sebagai satu bentuk pelancongan baharu bagi Daerah Jelebu dalam menarik lebih ramai pelancong. Penemuan ini juga membolehkan Gua Pelangi diwartakan sebagai tapak warisan kebangsaan, pada masa yang sama dapat mewujudkan pelancongan bernilai tinggi.

2

Pengukuhan aktiviti-aktiviti pelancongan sedia ada dan memperkenalkan produk-produk pelancongan baharu. Aktiviti dan produk pelancongan sedia perlu diberi nilai tambah supaya dapat diketengahkan di peringkat negeri dan Malaysia umumnya.

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

3

Cadangan pembinaan Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR) dan cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang akan memberikan impak kemudahsampaian yang tinggi kepada Daerah Jelebu.

C. PERINDUSTRIAN

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

- Sektor perindustrian memainkan peranan utama yang akan memangkin pertumbuhan ekonomi mampan di Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, tumpuan utama industri adalah terletak di Simpang Pertang, Jalan Kuala Klawang – Semenyih, Jalan Kuala Klawang – Titi, Jalan Karak – Kuala Pilah, Jalan Felda Pasoh, dan Jalan Sg. Gunung Rotan.
- Terdapat empat (4) kategori industri di Daerah Jelebu iaitu industri terancang, industri tidak terancang, perlombongan dan industri kotej.
  - **Industri Terancang = 33 unit @ 13.90 hektar**
  - **Industri Tidak Terancang = 30 unit @ 37.61 hektar**
  - **Perlombongan = 2 unit @ 36.62 hektar**
  - **Industri Kotej = 86 unit**


51.51 HEK
GUNA TANAH PERINDUSTRIAN (TIDAK TERMASUK PERLOMBONGAN)

0.04%



TAHUN 2035
56.10 HEK
KEPERLUAN SEBENAR TAHUN 2035
4.59 HEK

Rajah 2.56: Jenis Aktiviti Perindustrian, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035 (P)

Kewujudan lot-lot kosong yang masih belum dibangunkan di Kawasan Perindustrian terancang Simpang Pertang. Tumpuan utama aktiviti industri adalah perkayuan **42 lot kosong (7.76 hek)**


Kewujudan industri tidak terancang di sepanjang jalan utama Daerah Jelebu yang didapati melanggar peruntukkan akta berikut:

- Seksyen 115 KTN 1965 - Pembangunan tanah yang melanggar syarat nyata/ pertanian
- Seksyen 18 Akta172 - Pemajuan yang berlawanan dengan Rancangan Tempatan
- Seksyen 19 Akta 172 - Pemajuan tanpa kebenaran
- Seksyen 70 Akta 133 - Pendirian sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran PBT

Sumber pertanian yang banyak di Daerah Jelebu merupakan faktor utama ramai pengusaha IKS membuat produk makanan dan minuman untuk dijadikan sebagai produk IKS.

86 pengusaha IKS fokus kepada produk makanan dan minuman

Rajah 2.57: Taburan Industri Terancang Dan Tidak Terancang Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

- Perindustrian

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PELAN LOKASI




D. PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020


- Daerah Jelebu mencatatkan sebanyak **2,398 unit/ tapak perniagaan** dengan keluasan **35.51 hektar** iaitu **0.03%** daripada keseluruhan daerah. **Rajah 2.58** menunjukkan komposisi perniagaan mengikut jenis formal dan tidak formal.
- **Bandar Kuala Klawang** adalah **tumpuan utama pusat perniagaan** Daerah Jelebu dan disokong oleh **tiga (3) tumpuan pusat perniagaan** iaitu **Pekan Titi, Pekan Simpang Pertang dan Pekan Simpang Durian.**



Rajah 2.58: Komposisi Perniagaan Formal dan Tidak Formal di Daerah Jelebu, 2020




Sumber:
a. *RT Daerah Jelebu 2035*
b. *Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, 2020*




- Pada **tahun 2035, keluasan ruang lantai** bagi aktiviti **perniagaan dan perkhidmatan diunjurkan** sehingga **376,789 mp berdasarkan** bilangan **penduduk tahun 2035** iaitu 58,219 orang.
- Berdasarkan ruang lantai aktif dan stok ruang lantai semasa tahun 2020, **keperluan sebenar ruang lantai** bagi aktiviti ini adalah dengan **pertambahan** sebanyak **95,026 mp** dengan **keluasan dianggarkan** sekurang-kurangnya **9.50 hektar.**
- **Rajah 2.58** menunjukkan pecahan komposisi unjuran ruang lantai perniagaan dan perkhidmatan pada tahun 2035.

Rajah 2.29: Komposisi Ruang Lantai Semasa di Daerah Jelebu, 2020.



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.60: Taburan Kawasan Perniagaan Di Daerah Jelebu, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PERINDUSTRIAN

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Kewujudan lot-lot tanah perindustrian terancang yang masih belum dibangunkan sepenuhnya terutamanya di Taman Perindustrian Simpang Pertang. Terdapat 42 lot (7.76 hektar) yang masih kosong di Kawasan Perindustrian Simpang Pertang.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

2

Kewujudan industri-industri tidak terancang di sepanjang jalan utama Daerah Jelebu. Terdapat 6 unit industri tidak terancang yang dikenalpasti iaitu:

1. Southland Tatt Win Rubber Sdn Bhd
2. Titi Latex Sdn Bhd
3. Jun YEP Enteprise
4. FGV Palm Industries Sdn Bhd
5. Kuala Pilah Rubber Factory Sdn Bhd (3 Unit)
6. Perniagaan Titi Cane Sdn Bhd

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Kluster Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) boleh diwujudkan di Daerah Jelebu kerana kedapatan hasil pertanian yang boleh digunakan sebagai sumber/ produk IKS yang boleh dikomersialkan.

2

Kedapatan kawasan hutan pengeluaran di Daerah Jelebu seluas 1,740.00 hektar sebagai sumber bahan mentah kepada industri perkayuan.

PERNIAGAAN

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

1

Aktiviti perniagaan di pusat bandar yang masih rendah dan tidak menyerlah selaras dengan fungsinya sebagai Bandar Tempatan di mana majoritinya adalah aktiviti runcit dan perkhidmatan yang bertaraf *medium* dan *lower order goods*.

2

Aktiviti perusahaan burung walit (27 unit perniagaan) yang tidak dibenarkan di kawasan premis perniagaan terutamanya di Mukim Glami Lemi, Ulu Triang, Pertang dan Triang Ilir memerlukan kawal seliaan daripada MDJ untuk mengelakkan isu pencemaran, kesihatan serta konflik guna tanah.

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

1


Kedatangan pelancong dalam kalangan *riders/ bikers* yang berkunjung ke Daerah Jelebu merupakan potensi untuk dieksploitasi dengan penyediaan kedai *hipster/* moden.

2.6.3 TERAS 3: DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

A. PERUMAHAN

PERUMAHAN SEMASA 2020

- Jumlah keseluruhan unit perumahan yang terdapat di Daerah Jelebu adalah sebanyak **11,295 unit rumah.**
- Perumahan terancang adalah sebanyak **4,264 unit rumah (37.75%),** perkampungan terancang sebanyak **2,215 unit rumah (19.61%)** dan perkampungan tidak terancang pula adalah sebanyak **4,816 unit (42.64%).**
- Berdasarkan pecahan kategori perumahan di Daerah Jelebu, perkampungan tidak terancang merupakan kategori perumahan yang mempunyai unit rumah tertinggi.



Rajah 2.61: Pecahan Perumahan Mengikut Kategori Perumahan Daerah Jelebu



Jadual 2.40: Pecahan Kategori Perumahan Mengikut Mukim di Daerah Jelebu

MUKIM	PERUMAHAN TERANCANG		PERKAMPUNGAN TERANCANG		PERKAMPUNGAN TIDAK TERANCANG		JUMLAH KESELURUHAN	
	UNIT	%	UNIT	%	UNIT	%	UNIT	%
ULU KLAWANG	0	0.00%	0	0.00%	725	15.05%	725	6.42%
KUALA KLAWANG	742	17.40%	50	2.26%	829	17.21%	1,621	14.35%
PERADONG	5	0.12%	0	0.00%	754	15.66%	759	6.72%
GLAMI LEMI	1,450	34.01%	784	35.40%	69	1.43%	2,303	20.39%
ULU TRIANG	839	19.68%	87	3.93%	401	8.33%	1,327	11.75%
PERTANG	758	17.78%	1,140	51.47%	786	16.32%	2,684	23.76%
TRING ILIR	470	11.02%	154	6.95%	857	17.79%	1,481	13.11%
KENABOI	0	0.00%	0	0.00%	395	8.20%	395	3.50%
JUMLAH KESELURUHAN	*4,264*	*100.00%*	*2,215*	*100.00%*	*4,816*	*100.00%*	*11,295*	*100.00%*
PERATUS KESELURUHAN	*37.75%*		*19.61%*		*42.64%*		*100.00%*	


Nota :
Jumlah keseluruhan unit perumahan terancang di atas ialah gabungan jumlah skim perumahan sebanyak **4,031 unit rumah dan kuaters sebanyak **233 unit rumah***

Sumber:
1. *Majlis Daerah Jelebu, 2020*
2. *Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2020*
3. *Pejabat Daerah Jelebu, 2020*
4. *RT Daerah Jelebu 2035*

SKALA KAWASAN PERUMAHAN

- Terdapat **16 taman perumahan** yang mempunyai saiz skala yang melebihi daripada 10 ekar manakala **37 taman perumahan** yang berskala kecil (<10 ekar) di Daerah Jelebu. Mukim yang mempunyai jumlah taman perumahan yang berskala kecil tertinggi terletak di Mukim Kuala Klawang iaitu 11 taman perumahan. Secara amnya, kajian skala perumahan ini amat penting bagi menilai kualiti sesuatu perumahan taman perumahan. Skala perumahan yang kecil akan dapat memberi kesan kepada penyediaan rumah mampu milik, infrastruktur, aksesibiliti dan kemudahan masyarakat.

Rajah 2.62: Pecahan Taman Perumahan Mengikut Skala di Daerah Jelebu



Jadual 2.41: Skala Taman Perumahan Mengikut Mukim di Daerah Jelebu 2020

SAIZ SKALA	BILANGAN TAMAN		BILANGAN RUMAH		KELUASAN	
	BILANGAN	PERATUS	UNIT	PERATUS	EKAR	PERATUS
KUALA KLAWANG						
Kurang 10 Ekar	11	20.75%	396	9.82%	42.41	9.92%
Lebih10 Ekar	2	3.77%	276	6.85%	28.58	6.69%
Jumlah	***13***	**24.53%**	***672***	**16.67%**	***70.99***	**16.61%**
GLAMI LEMI						
Kurang 10 Ekar	6	11.32%	174	4.32%	23.15	5.42%
Lebih10 Ekar	6	11.32%	1,274	31.61%	162.5	38.02%
Jumlah	***12***	**22.64%**	***1,450***	**35.97%**	***185.65***	**43.44%**
ULU TRIANG						
Kurang 10 Ekar	8	15.09%	171	4.24%	22.45	5.25%
Lebih10 Ekar	3	5.66%	590	14.64%	65.79	15.39%
Jumlah	***11***	**20.75%**	***761***	**18.88%**	***88.24***	**20.65%**
PERTANG						
Kurang 10 Ekar	7	13.21%	278	6.90%	29.46	6.89%
Lebih10 Ekar	4	7.55%	470	11.66%	62.91	14.72%
Jumlah	***11***	**20.75%**	***748***	**18.56%**	***92.37***	**21.61%**
TRIANG ILIR						
Kurang 10 Ekar	5	9.43%	274	6.80%	19.41	4.54%
Lebih10 Ekar	1	1.89%	126	3.13%	15.71	3.68%
Jumlah	***6***	**11.32%**	***400***	**9.92%**	***35.12***	**8.22%**
BAWAH 10 EKAR	**37**	**69.80%**	**1,295**	**32.08%**	**166.88**	**32.02%**
LEBIH 10 EKAR	**16**	**30.20%**	**2,736**	**67.92%**	**260.49**	**67.98%**
JUMLAH KESELURUHAN	**53**	**100.00%**	**4,031**	**100.00%**	**427.37**	**100.00%**

Nota :
Jumlah di atas adalah tidak termasuk jumlah unit kuaters sebanyak **233 unit rumah*

Sumber:
1. *Majlis Daerah Jelebu, 2020*
2. *RT Daerah Jelebu 2035*

KEPERLUAN SEMASA PERUMAHAN 2020 - 2035


- Berdasarkan jadual di bawah, keperluan rumah semasa bagi Daerah Jelebu adalah **mencukupi** dengan saiz purata isi rumah sebanyak **1 rumah untuk 1 isi rumah** dengan kadar **4 orang/ 1 unit rumah.**
- Namun begitu, peningkatan keperluan perumahan akan berlaku pada masa akan datang disebabkan faktor pertambahan penduduk dan pertumbuhan ekonomi di Daerah Jelebu.

Jadual 2.42: Keperluan Semasa Perumahan Daerah Jelebu Berdasarkan Penambahan Isi Rumah

MUKIM	PENDUDUK				ISI RUMAH				
	2020	2025	2030	2035	2020	SAIZ PURATA ISI RUMAH	2025	2030	2035
ULU KLAWANG	2,198	2,310	2,428	2,552	725	**3.03**	762	801	842
KUALA KLAWANG	5,436	6,241	7,165	8,226	1,621	**3.35**	1,863	2,139	2,456
PERADONG	2,203	2,315	2,433	2,557	759	**2.90**	798	839	882
GLAMI LEMI	9,322	10,444	11,702	13,111	2,303	**4.05**	2,579	2,889	3,237
ULU TRIANG	5,789	6,613	7,556	8,632	1,327	**4.36**	1,517	1,733	1,980
PERTANG	13,000	13,644	14,232	14,745	2,684	**4.84**	2,819	2,940	3,046
TRIANG ILIR	6,116	6,428	6,756	7,101	1,481	**4.13**	1,556	1,636	1,719
KENABOI	1,220	1,245	1,270	1,295	395	**3.09**	403	411	419
JUMLAH	*45,283*	*49,240*	*53,542*	*58,219*	*11,295*	*4.00*	12,310	13,389	14,582

Nota :
**Keperluan tahun 2025-2035 pada jadual di atas tidak termasuk penggantian segera (3%) sebanyak 211 unit rumah dan pelaksanaan pembangunan komited (100%) sebanyak 198 unit.*

Sumber:
1. *Guna Tanah Semasa Daerah Jelebu, 2020*
2. *Olahan Perunding Berdasarkan Trend Pertumbuhan Semulajadi Tempat Kediaman*



- Daerah Jelebu dijangkakan mempunyai sebanyak **14,468 unit rumah** menjelang 2035 dengan melibatkan pertambahan sebanyak **3,173 unit rumah** dari tahun 2020-2035. Pertambahan ini adalah rendah berbanding dengan daerah-daerah lain disekitarnya. Keperluan pertambahan ini mengambilkira penggantian segera dan pembangunan komited.
- Selain itu, Daerah Jelebu mempunyai *land bank* seluas **942.57 hektar** yang berpotensi dan boleh menjana **28,276 unit rumah (113,104 penduduk)** di masa akan dating.

PERUMAHAN MAMPU MILIK

- Jumlah keseluruhan rumah mampu milik di Daerah Jelebu **ialah 638 unit (15.83%)** daripada jumlah keseluruhan skim perumahan.
- Dasar Perumahan Negeri Sembilan mensasarkan minimum perumahan mampu milik di Negeri Sembilan ialah 50%.
- Hal ini selaras dengan pendapatan isi rumah semasa iaitu RM 3,907.00 dan senario sosioekonomi di Daerah Jelebu yang rendah.
- Keperluan akan datang selaras dengan keperluan dan penambahan 50% isi rumah adalah sebanyak **1,249 unit rumah.**


Gambaran cadangan perumahan mampu milik *(landed)*


Jadual 2.43: Rumah Mampu Milik Daerah Jelebu Mengikut Petempatan

PETEMPATAN	UNIT RUMAH TERANCANG SEMASA	UNIT RMM SEMASA	PERATUS	KEPERLUAN RUMAH AKAN DATANG	KEPERLUAN RMM AKAN DATANG (50%)
BANDAR UTAMA					
Kuala Klawang	672	238	35.42%	1,011	505
PEKAN-PEKAN UTAMA					
Koridor Kuala Klawang - Titi	1,593	0	0.00%	269	135
Pekan Titi	538	100	18.59%	918	459
Pekan Simpang Pertang	437	100	22.88%	93	47
Pekan Simpang Durian	454	150	33.04%	133	67
PEKAN-PEKAN KECIL					
Pertang	321	50	15.58%	68	34
Durian Tipus	16	0	0.00%	7	3
KESELURUHAN DAERAH	*4,031*	*638*	*15.83%*	*2,498*	*1,249*

Nota:
**Jumlah keseluruhan unit perumahan terancang adalah 4,264. Jumlah di atas tidak termasuk jumlah unit kuaters sebanyak 233 unit rumah.*

Sumber:
1. *Majlis Daerah Jelebu, 2020*
2. *RT Daerah Jelebu 2035*

Rajah 2.63: Taburan Kawasan Perumahan Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

- Perumahan Terancang

LAIN - LAIN

- Sempadan Bandar
- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Perumahan Kampung



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Kadar penyediaan RMM yang masih rendah sebanyak 638 unit rumah (15.83%) dan memerlukan pertambahan lagi bagi penduduk Daerah Jelebu yang kebanyakkanya berpendapatan B40/ rendah. Di samping itu, kurang galakkan kepada pihak kerjaan, GLC dan swasta bagi tujuan pembangunan perumahan baru dan mampu milik.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

2

Kawasan perumahan berskala kecil yang banyak. Terdapat **37 kawasan perumahan** yang berskala kecil (<10 ekar) di Daerah Jelebu khususnya di Mukim Kuala Klawang, Ulu Triang dan Glami Lemi yang boleh memberi kesan kepada penyediaan perumahan mampu milik, kemudahan awam dan asas utama.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Daerah Jelebu mempunyai tanah yang luas dan boleh dibangunkan khususnya di bandar utama, pekan-pekan utama dan kecil seluas **942.57 hektar.** Jumlah keluasan ini boleh menjana **28,276 unit rumah (113,104 penduduk).**

2

Kekayaan sumber semula jadi dan kepelbagaian bio boleh membantu bagi membuka peluang kepada orang-orang luar untuk mendapatkan pengalaman kehidupan yang selesa di Daerah Jelebu:


- **Suasana nyaman yang jauh daripada kesesakan perbandaran**
- **Harga pasaran dan nilai tanah yang rendah**
- **Jarak yang tidak terlalu jauh daripada bandar-bandar utama**

B. INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

- Berdasarkan penemuan, keluasan guna tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat di Daerah Jelebu ialah **1,304.28 hektar (0.96%)**.

- Bagi kemudahan masyarakat di Daerah Jelebu pula, tahap penyediaan kemudahan berada pada tahap yang sederhana dengan beberapa keperluan penambahan perlu dilakukan bagi memastikan taraf kualiti hidup yang baik dapat dicapai selaras dengan keperluan penduduk menjelang tahun 2035.



UNJURAN/ SASARAN TAHUN 2035

Jadual 2.45: Keperluan Kemudahan Masyarakat Berdasarkan Piawaian Perancangan sehingga Tahun 2035

JENIS KEMUDAHAN		TABURAN SEMASA TAHUN 2020	KEPERLUAN				JUMLAH KEPERLUAN
			TAHUN 2020	TAHUN 2025	TAHUN 2030	TAHUN 2035	
KEMUDAHAN PENDIDIKAN							
Institut Pengajian Tinggi		2	-	-	-	-	-
Sekolah Menengah	SMK	5	5	6	6	6	**10 (+1)**
	Lain-lain	4	4	4	4	4	
Sekolah Rendah	SK	16	17	17	17	17	**25 (+1)**
	Lain-lain	8	8	8	8	8	
KEMUDAHAN KESIHATAN							
Hospital Daerah		1	1	1	1	1	**1***
Klinik Kesihatan		6	6	6	6	6	**6**
KEMUDAHAN KESELAMATAN							
IPD		1	1	1	1	1	**1**
Balai polis		6	6	6	7	7	**7 (+1)**
Balai Bomba		2	2	2	4	4	**4 (+2)**
KEMUDAHAN KEAGAMAAN							
Masjid		28	28	28	28	28	**28**
KEMUDAHAN PERKUBURAN							
Perkuburan Islam		74	74	76	78	78	**78 (+4)**
KEMUDAHAN AWAM							
Dewan Serbaguna/ Dewan Orang Ramai		21	21	22	22	22	**22 (+1)**
Perpustakaan Daerah		1	1	1	1	1	**1**

Nota : ( ) Jumlah Tambahan
** Tapak Gantian Baharu*
Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

i. KEMUDAHAN PENDIDIKAN

- Kemudahan pendidikan semasa dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu **institusi pengajian tinggi (2 buah), sekolah menengah (9 buah)** dan **sekolah rendah (24 buah).**
- Berdasarkan unjuran 2035, sekolah menengah dan sekolah rendah memerlukan **penambahan sebuah SMK** dan **sebuah SK** yang dikenalpasti di kawasan **Pekan Titi, Mukim Glami Lemi.**
- Terdapat potensi untuk dibangunkan sekolah menengah kebangsaan agama berasrama penuh di Daerah Jelebu kerana kesediaan tanah milik kerajaan untuk dibangunkan.

ii. KEMUDAHAN KESIHATAN

- Kemudahan Kesihatan semasa dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu **hospital daerah (1 buah)** dan **klinik kesihatan (6 buah).**
- Berdasarkan unjuran 2035, hospital Daerah Jelebu hanya mampu menampung keperluan sehingga tahun 2025 sahaja dan **terdapat kekangan keluasan hospital iaitu hanya seluas *7* ekar** ini **tidak dapat menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkesan dan keperluan hospital secara menyeluruh.** Oleh itu, hospital daerah ini memerlukan tapak baharu untuk dibangunkan yang dikenalpasti bersesuaian di kawasan **Bandar Kuala Klawang**.
- Bagi klinik kesihatan, penyediaan semasa sudah mencukupi bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan di setiap kawasan petempatan utama dan tidak memerlukan penambahan. Namun, **terdapat keperluan untuk dinaiktaraf jenis klinik, keadaan fizikal dan keperluan infrastruktur** bagi memastikan perkhidmatan yang lebih berkesan.

iii. KEMUDAHAN KESELAMATAN

- Kemudahan Keselamatan semasa dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu **ibu pejabat polis daerah (1 buah), balai polis (6 buah)** dan **balai bomba (6 buah).**
- Berdasarkan unjuran 2035, **balai polis memerlukan pertambahan sebuah balai** yang dikenalpasti di kawasan **Mukim Ulu Triang** bagi memastikan kawasan liputan balai yang ideal untuk keselamatan dan keperluan penduduk.
- Bagi balai bomba, penyediaan semasa sudah mencukupi berdasarkan jumlah penduduk Daerah Jelebu namun capaian jarak dan masa perjalanan yang tinggi dari balai bomba sedia ada ke kawasan Simpang Durian dan Kenaboi **memerlukan pertambahan 2 balai bomba di Mukim Kenaboi dan Mukim Triang Ilir.**
- Balai bomba Kuala Klawang juga perlu dinaiktaraf kerana keluasan yang terhad untuk penyediaan perkhidmatan balai bomba yang lebih berkesan dan berpusat

iv. KEMUDAHAN KEAGAMAAN

- Berdasarkan unjuran 2035, kemudahan masjid sedia ada sebanyak **28 buah** di Daerah Jelebu adalah mencukupi dan tiada keperluan penambahan diperlukan. Namun begitu, kemudahan masjid sedia ada hanya memerlukan naik taraf dan pembesaran mengikut keperluan.


v. KEMUDAHAN PERKUBURAN

- Kemudahan perkuburan yang menjadi fokus kajian adalah kemudahan **perkuburan Islam** dengan jumlah sedia ada sebanyak **74 buah**.
- Kebanyakan **pengisian semasa perkuburan** ini **sudah mencecah 80% dan kawasan perkuburan yang agak tidak sesuai.**
- Berdasarkan keperluan sehinga tahun 2035, perkuburan islam memerlukan **penyediaan tanah rizab sebanyak 4 kawasan** bagi menampung keperluan sekiranya ada iaitu di **kawasan Kuala Klawang, Chennah dan Simpang Durian.**

vi. KEMUDAHAN AWAM

- Kemudahan awam semasa dibahagikan kepada dua (2) iaitu **dewan serbaguna/ dewan orang ramai (21 buah) dan perpustakaan daerah (1 buah).**
- Berdasarkan unjuran 2035, terdapat keperluan **penambahan sebuah dewan serbaguna/ dewan orang ramai** di kawasan **Mukim Glami Lemi**
- Bagi perpustakaan daerah, tiada keperluan penambahan yang diperlukan kerana penyediaan sedia ada sudah mencukupi.

Rajah 2.64: Taburan Institusi dan Kemudahan Masyarakat Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

KEMUDAHAN PENDIDIKAN
- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah
- Kelas Agama Petang (KAP)
- Sek Jen Keb (SJKC/SJKT)
- Tabika dan Taska

KEMUDAHAN KESELAMATAN
- Ibu Pejabat Polis Daerah
- Balai Polis
- Balai Polis Komuniti / Pondok Polis
- Balai Bomba dan Penyelamat

KEMUDAHAN PERKUBURAN
- Perkuburan Islam
- Perkuburan Cina
- Perkuburan Hindu
- Perkuburan Kristian
- Kremotarium

PELAN LOKASI



KEMUDAHAN KEAGAMAAN
- Masjid
- Surau
- Kuil
- Tokong
- Gereja

KEMUDAHAN AWAM
- Perpustakaan Desa
- Perpustakaan Daerah
- Dewan
- Balairaya Pusat Komuniti

KEMUDAHAN KESIHATAN
- Hospital Daerah
- Klinik Kesihatan
- Klinik Desa
- Klinik Pergigian Kerajaan

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Saiz tapak kemudahan hospital sedia ada yang terhad iaitu seluas 7 ekar sahaja tidak dapat menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih lengkap dan menyeluruh.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

2

Keadaan fizikal kemudahan klinik kesihatan yang kurang baik dan kelengkapan infrastruktur yang kurang memuaskan memerlukan penambahbaikan bagi penyediaan perkhidmatan yang berkesan.

3

Capaian jarak dan masa perjalanan yang tinggi (melebihi 20 minit) dari balai bomba sedia ada ke kawasan Simpang Durian dan Kenaboi.

4

Tahap fizikal dan pengisian tapak perkuburan islam sedia ada yang telah mencapai 80% serta sesetengah perletakan tapak perkuburan juga ditempat yang tidak sesuai dan memiliki halangan fizikal.

5

Keperluan penambahan kemudahan masyarakat bagi kemudahan pendidikan, kemudahan keselamatan dan kemudahan awam lain berdasarkan unjuran pertambahan penduduk tahun 2035.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA


1

Terdapat potensi pembangunan institusi pendidikan baharu selaras dengan persekitaran dan kesediaan tanah daerah yang menyumbang kepada pertambahan penduduk.


C. KAWASAN LAPANG, LANDSKAP DAN REKREASI

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

- Penemuan utama bagi sektor kawasan lapang landskap dan rekreasi menunjukkan Daerah Jelebu mempunyai 1 Taman Wilayah iaitu Taman Negeri Kenaboi yang terletak di Mukim Kenaboi, 1 Taman Bandaran iaitu Taman Awam Majlis Daerah Jelebu dan *Jelebu Historical Trail* di Mukim Kuala Klawang seterusnya dikuti oleh 1 taman kejiranan, 16 taman permainan dan 3 lot permainan. Seterusnya elemen landskap lembut dan kejur yang banyak dipengaruhi oleh elemen adat dan budaya serta geografi setempat dan penyediaan kemudahan lebih tertumpu di bandar dan pekan.



Rajah 2.65: Kawasan Lapang Utama Daerah Jelebu, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

i. KAWASAN LAPANG DAN REKREASI

- Terdapat 1 Taman Negeri di Daerah Jelebu iaitu Taman Negeri Kenaboi yang terletak di Mukim Kenaboi dan Taman Bandar di Mukim Kuala Klawang iaitu Taman Awam MDJ dan *Jelebu Historical Trail*.
- Lokasi hutan simpan yang dikenali sebagai Taman Negeri Kenaboi menjadi tarikan kepada penggemar sukan lasak dan rekreasi yang berkonsepkan alam semula jadi di samping mempunyai kemudahan-kemudahan yang lengkap.
- Lokasi Taman Awam MDJ dan *Jelebu Historical Trail* pula menjadi tumpuan kepada penduduk setempat.

Jadual 2.45: Bilangan Kawasan Lapang, Taman Kejiranan, dan Taman Permainan, 2020

HIERARKI KAWASAN LAPANG	UNIT	KELUASAN (HEKTAR)
Taman Bandaran	1	6.65
Taman Kejiranan	1	1.62
Taman Permainan	16	5.80
Lot Permainan	3	0.33
Lain-Lain Kawasan Hijau	-	14.45
		JUMLAH 28.85

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ii. KEPERLUAN SEMASA PENYEDIAAN KAWASAN LAPANG

Jadual 2.46: Jumlah Penduduk dan Keperluan Penyediaan Kawasan Lapang Mengikut Mukim, 2020

MUKIM	PENDUDUK	PUSAT PETEMPATAN	SEMASA	LUAS	KEPERLUAN 2020		LEBIHAN/ KEKURANGAN	
			UNIT	LUAS (HEKTAR)	UNIT	LUAS (HEKTAR)	UNIT	LUAS (HEKTAR)
TAMAN BANDAR								
Kuala Klawang	5,880	**Bandar Kuala Klawang**	1	6.65	1	5.05	0	1.6
TAMAN KEJIRANAN								
Glami Lemi	9,903	**Pekan Titi**	1	1.62	1	1.01	0	0.61
Pertang	14,945	**Pekan Simpan Pertang**	0	0	1	1.01	-1	-1.01
Triang Hilir	6,341	**Pekan Simpang Durian**	0	0	1	1.01	-1	-1.01
Jumlah Keperluan			**1**		**3**		**-2**	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

2 UNIT **Taman Kejiranan Tidak Mencukupi di Mukim Pertang dan Triang Ilir**

iii. LANDSKAP JALAN UTAMA

- Secara keseluruhan, terdapat penyelarasan dari segi penanaman pokok tepi jalan terutama di beberapa pekan dan Pusat Bandar Kuala Klawang.
- Terdapat 2 jenis landskap yang dikenal pasti di sediakan dalam Daerah Jelebu ini iaitu landskap lembut dan landskap kejur.



Jadual 2.47: Senarai Pokok Jalan Utama Daerah Jelebu, 2020

Nama Jalan	Landskap Lembut	
	Nama Botani	Nama Tempatan
Jalan Kuala Klawang - Seremban	*Mussaenda* *Pteracarpus Indicus* *Cordyline fruticosa* *Roystonia regia* *Pisonia gradis alba*	Janda Kaya Angsana Jenjuang merah Royal palm Mengkudu siam
Jalan Kuala Klawang - Petaling	*Roystonia regia* *Bougainvillea*	Royal Palm Bunga Raya
Jalan Kuala Klawang - Pertang	*Roystonia regia*	Royal Palm
Jalan Petaling – Pekan Titi	*Pteracarpus Indicus* *Lovistona Chinesis*	Angsana Palma Kipas
Jalan Pekan Titi - Chennah	*Khaya senegalensis* *Peltophorum pterocarpum* *Polyalthia longifolia* *Delonix regia*	Khaya Yellow flame Mempisang Semarak Api
Jalan Pertang – Simpang Pertang	*Khaya senegalensis* *Roystonia regia* *Wodyetia bifurcata*	Khaya Royal Palm Foxtail palm
Jalan Simpang Pertang – Simpang Durian	*Roystonia regia* *Ficus Benjamina*	Royal Palm *Pokok kayu ara*

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

UNJURAN/ SASARAN TAHUN 2035


UNJURAN KAWASAN LAPANG & REKREASI



TAHUN 2020	TAHUN 2025	TAHUN 2030	TAHUN 2035
2 UNIT	4 UNIT	4 UNIT	4 UNIT

PERTAMBAHAN 2 TAMAN KEJIRANAN IAITU DI MUKIM PERTANG DAN TRIANG ILIR

Rajah 2.66: Taburan Kemudahan Kawasan Lapang, Rekreasi dan Landskap, 2020



PETUNJUK:

KAWASAN LAPANG DAN REKREASI

- Taman Negeri Kenaboi
- Taman Bandar
- Taman Kejiranan
- Taman Permainan
- Lot Permainan
- Hutan Simpan Kekal

LANDSKAP LEMBUT


- *Ficus Benjamina* (Pokok Kayu Ara)
- *Khaya Senegalensis* (Khaya)
- *Peltophorum Pterocarpum (Yellow Flame)*
- *Pteracarpus Indicus* (Pokok Angsana)
- *Roystonia regia (Royal Palm)*

LANDSKAP KEJUR

- Laluan Masuk
- Papan Tanda Masuk ke Daerah Jelebu


LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.67: Pelan Rumusan Penemuan Semasa Kawasan Lapang, Rekreasi dan Landskap, 2020



PETUNJUK:

LANDSKAP LEMBUT

- Taman Kejiranan di Taman Bukit Kempas berpotensi untuk di tambah baik dengan elemen landskap lembut dan kejur
- Cadangan penyediaan **taman kejiranan** di Pekan Simpan Durian dan Simpang Pertang serta pengindahan landskap kawasan pekan
- Terdapat rangkaian tanah lapang di dalam Pusat Bandar Kuala Klawangyang berpotensi untuk dibangunkan sebagai **Rangkaian Taman Bandar**
  - Taman Awam MDJ
  - *Jelebu Historical Trail*
  - Bukit Tajali
  - Stadium MDJ
- Peningkatan imej landskap pintu masuk daerah
- Peningkatan imej pintu masuk Daerah Jelebu dan potensi pembangunan ruang rehat di kawasan pintu masuk dari Hulu Langat
- 1 Peningkatan landskap jalan Bandar Kuala Klawang – Pekan Titi
- 2 Peningkatan landskap jalan Bandar Kuala Klawang – Simpang Pertang

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1

Tiada penyediaan taman bandar yang menyeluruh, terancang dan beridentiti di Daerah Jelebu

- Penyediaan kawasan rekreasi Jelebu Historical Trail di Bukit Undang yang tidak di selenggara dengan baik dan terbiar di Kuala Klawang.
- Taman kejiranan, taman permainan dan lot permainan yang sedia ada tidak berfungsi dengan baik.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

2

Tiada penyediaan taman kejiranan di Pekan Simpang Pertang dan Pekan Simpang Durian.

- Jumlah penduduk semasa dan akan datang memerlukan satu penyediaan taman kejiranan yang baru.
- Penyediaan taman permainan dan lot permainan di kawasan perumahan di Mukim Triang Ilir yang berjumlah 0.96 hektar dan Mukim Pertang 2.37 hektar tidak mencukupi bagi jumlah penduduk yang akan datang.

3

Reka bentuk landskap Pusat Bandar Kuala Klawang yang kurang menyerlah dan kurang memberi kesan penyejukan bandar.

- Kurang penyediaan landskap lembut di kawasan Dataran Klawang menjadikan kawasan tersebut kurang dikunjungi berikutan keadaan yang panas terik pada waktu siang.

4

Reka bentuk landskap pintu masuk yang kurang memberi kesan selamat datang *sense of welcoming* kepada Daerah Jelebu.

- Keadaan semasa untuk pintu masuk dari 4 arah yang berbeza yang kurang memberikan gambaran kepada Daerah Jelebu iaitu :
  - ✓ Dari Karak (Sempadan Negeri)
  - ✓ Dari Hulu Langat (Sempadan Negeri)
  - ✓ Dari Seremban (Sempadan Daerah)
  - ✓ Dari Jempol (Sempadan Daerah)
- Kurang elemen *sense of welcoming* kerana reka bentuk papan tanda yang kurang menyerlah serta kurang elemen landskap lembut di kawasan tersebut.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1

Kawasan semula jadi seperti Bukit Tajali dan Sungai Triang di dalam Kawasan Pusat Bandar Kuala Klawang di ketengahkan sebagai aset tarikan ke Daerah Jelebu.

- Kawasan Bukit Tajali serta Bukit Undang yang berkeluasan 8.31 hektar mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai taman bandar yang baru di Daerah Jelebu.
- Sungai Triang yang berkeluasan 1.61 hektar berpotensi untuk dibangunkan *linear park* di sepanjang Sungai Triang sepanjang 0.8 kilometer.

2

Dataran Bukit Tangga dan laluan ke Gunung Telapak Buruk mempunyai potensi untuk dinaiktaraf sebagai kawasan rekreasi dengan landskap semulajadi yang terdapat di kawasan tersebut.

- Keadaan semasa di Dataran Bukit Tangga yang berkeluasan 0.41 hektar berpotensi untuk dijadikan sebagai perhentian sementara bagi yang melalui jalan Kuala Klawang – Seremban
- Di tapak terdapat satu pintu masuk untuk ke Gunung Telapak Buruk dan potensi untuk di bangunkan gerbang masuk.

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

3

Dataran Klawang, kawasan stadium dan tapak pasar malam mempunyai potensi jika diintegrasikan ketiga-tiga kawasan ini memlalui pembangunan landskap yang menyeluruh, terancang dan beridentiti.

4

Imej budaya yang jelas iaitu bumbung rumah panjang Negeri Sembilan dan Kawasan hutan yang masih terpelihara mempunyai potensi kepada penerapan konsep reka bentuk landskap dengan elemen bumbung tradisi dan elemen landskap hutan yang membawa kepada konsep Daerah Jelebu sebagai Bandar Biodiversiti.

- Akan menjadi rujukan kepada reka bentuk yang akan dicadangkan agar ia selaras dengan imej setempat dan juga tujuan kajian.

5

Kawasan Taman kejiranan di Bukit Kempas berpotensi dinaiktaraf kerana kedudukannya yang berada di antara taman-taman perumahan.

6

Keadaan dan jenis tanah di Daerah Jelebu yang subur mempunyai potensi untuk menanam pelbagai jenis pokok landskap yang menarik.

D. PETEMPATAN DESA DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020

i. TABURAN SEMASA

- Daerah Jelebu dibentuk oleh kawasan desa yang luas yang mana dapat dilihat pada taburan guna tanah bukan tepu bina yang meliputi kawasan seluas 39.62% (tanah kosong dan pertanian) berbanding kawasan tepu bina seluas 2.25%.
- Secara keseluruhannya Daerah Jelebu mempunyai **168 buah petempatan desa** utama yang terdiri daripada kampung tradisi, kampung baru, kampung orang asli dan kawasan tanah rancangan.


5,946
BILANGAN UNIT RUMAH DI KAWASAN DESA DAERAH JELEBU



Rajah 2.68: Bilangan Petempatan Desa Daerah Jelebu, 2020



Rajah 2.69: Taburan Petempatan Desa Daerah Jelebu, 2020



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ii. TAHAP PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DAN AWAM

- Liputan penyediaan kemudahan asas dan awam di kawasan petempatan desa berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang yang perlu ditambabaik dan dibaikpulih dari masa ke semasa. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan liputan penyediaan kemudahan asas dan awam di kawasan petempatan desa.

Jadual 2.48: Liputan Penyediaan Kemudahan Asas dan Awam Semasa di Kawasan Desa, 2020

KEMUDAHAN ASAS DAN AWAM	KAMPUNG TRADISI	KAMPUNG BARU	KAMPUNG ORANG ASLI	TANAH RANCANGAN
BEKALAN AIR	99.99% (22 Unit Rumah Kg Chennah)	100.00%	61.53% (melibatkan 8 kampung (243 unit rumah) iaitu KOA Kemin, KOA Bani Tengkoh, KOA Bertam, KOA Ulu Kelaka, KOA Ulu Lakai, KOA Dusun Kubor, KOA Tohor, KOA Jeram Lesung	100.00%
BEKALAN ELEKTRIK	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
LIPUTAN JALAN BERTURAP	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
PENGANGKUTAN AWAM	50.00%	66.67%	0.00%	50.00%
KEMUDAHAN PENDIDIKAN DAN KESIHATAN	Semua petempatan mendapat akses dalam radius jarak dan masa yang ideal kecuali di 1. Kg Mentaus 2. Kg Sungai Buloh 3. Kg Jerang 4. Kg Chennah	Semua petempatan mendapat akses dalam radius jarak dan masa yang ideal	Semua petempatan mendapat akses dalam radius jarak dan masa yang ideal kecuali di 1. KOA Ranggoi 2. KOA Bertam 3. KOA Tohor 4. KOA Jeram Lesung	Semua petempatan mendapat akses dalam radius jarak dan masa yang ideal
KEMUDAHAN AWAM	Terdapat keperluan dan permintaan penambahan dan penyelenggaraan kemudahan seperti dewan, balai raya, surau, pusat IT, Lampu Jalan dan kemudahan rekreasi.	Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan	Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan kecuali kemudahan keagamaan dan rekreasi yang masih lagi berada di tahap yang minimum	Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

iii. AKTIVITI EKONOMI

Majoriti penduduk kampung tradisi menjalankan **aktiviti pertanian seperti getah, sawit dan tanaman kontan.** Terdapat dua kampung yang dikenalpasti menjalankan aktiviti pertanian sawah padi. Selain itu, terdapat juga penduduk kampung yang **mengusahakan aktiviti penternakan darat seperti lembu dan kambing serta penternakan ikan air tawar.**



Antara aktiviti ekonomi penduduk desa Daerah Jelenu

iv. PUSAT PERTUMBUHAN DESA

- Dari 28 kampung induk, 8 kampung baru dan 4 tanah rancangan yang terdapat dalam Daerah Jelebu, terdapat dua petempatan kampung tradisi yang berpotensi untuk dinaiktaraf sebagai PPD atas faktor jarak kemudahsampaian yang jauh (>10km) dengan pekan terdekat iaitu Kampung Petaseh dan Kampung Chennah.
- Walau bagaimanapun atas faktor Kampung Petaseh terletak dalam Koridor Ekologi Sekunder N-SL1 HS Triang-Triang ianya di ganti dengan kampung berhampiran yang terletak di luar koridor ekologi tersebut iaitu Kampung Simpang Gelami (Kg Jelin)
- Kedua-dua PPD ini diselaraskan untuk dijadikan sebagai cadangan program desa muafakat Dalam Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040

Jadual 2.49: Ketersediaan semasa komponen pembangunan PPD

BIL.	KOMPONEN PEMBANGUNAN PPD	KAMPUNG CHENNAH	KAMPUNG SIMPANG GELAMI
1	Pusat pengumpulan hasil pertanian	/	-
2	Pusat Industri Desa	-	-
3	Aktiviti perniagaan runcit berskala kecil	/	-
4	Perhubungan jalan raya	/	/
5	Bekalan elektrik	/	/
6	Perkhidmatan telekomunikasi dan ICT	/	/
7	Hentian pengangkutan awam	-	/
8	Kemudahan masyarakat dan rekreasi		
	• Balai Polis	/	/
	• Klinik Desa	/	/
	• Sekolah Menengah/ Sekolah Kebangsaan	/	/
	• Dewan Orang Ramai	/	/
	• Kemudahan Keagamaan	/	/
9	Kemudahan rekreasi	/	-
10	Program pemulihan dalam komuniti	-	-
11	Pusat aktiviti warga emas	-	-
12	Pusat Jagaan Kanak-kanak	-	-

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

v. KAMPUNG UNIK DAERAH JELEBU


- Terdapat 3 buah kampung yang mempunyai ciri-ciri unik dan berpotensi untuk dijadikan sebagai aset bagi pembangunan ekonomi dan fizikal kampung pada masa akan datang

1 KAMPUNG ORANG ASLI TOHOR




Perkampungan yang terkenal dengan aktiviti pelancongan komuniti orang asli. Antara aktiviti yang tersedia ialah tarian kebudayaan (tarian sewang), demo dan penerangan acara perkahwinan orang asli , aktiviti menyumpit dan pameran produk kraftangan orang asli. Kampung ini sering mendapat tumpuan pengunjung kerana merupakan tempat persinggahan ke Taman Negeri Kenaboi.

2 FELDA PASOH 4

Merupakan pintu masuk ke geotapak Gua Pelangi dan gua-gua disekitarnya. Pelbagai aktiviti ekopelancongan dan pelancongan komuniti yang tersedia seperti eksplorasi Gua Pelangi, program libat sama komuniti dan aktiviti kebudayaan. Pengunjung juga berpeluang menikmati hidangan masakan kampung dan kuih tradisi yang dsiediakan oleh penduduk setempat.

3 KAMPUNG SUNGAI BULOH



Sawah di kawasan kampung ini dilihat merupakan destinasi yang sesuai untuk pelancong untuk merasai penginapan di desa dengan pemandangan sawah padi di samping dapat merasai masakan kampung yang lazat. Selain itu, kampung ini juga menjalankan aktiviti pesta mengemping yang mana ianya merupakan aktiviti keramaian yang dijalankan semasa musim menuai padi.

ISU DAN MASALAH UTAMA

1. **Kampung Baru Sg Muntoh dan Kampung Petaseh tidak sesuai sebagai PPD** atas faktor jarak yang berhampiran dengan Pekan Titi dan terletak dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS.
2. **Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam dan asas desa** yang masih lagi kurang berkualiti dan tidak menyeluruh. Terdapat lagi kemudahan asas (bekalan air) dan kemudahan awam yang berhieraki rendah seperti balairaya, surau dan kemudahan rekreasi yang belum disediakan di kawasan kampung induk dan kampung orang asli. Terdapat juga kemudahan yang memerlukan penyelengaraan dan baikpulih.
3. **Ekonomi desa yang kurang maju dan berdaya saing** atas faktor kebergantungan yang tinggi kepada aktiviti pertanian dan kekangan modal dalam memulakan perusahaan berskala besar.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA


1. **Kampung Simpang Gelami dan Kampung Chennah berpotensi dibangunkan sebagai PPD** yang mana perkampungan tersebut juga terlibat dalam program desa muafakat Dalam Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040.
2. **Kampung Orang Asli Tohor dan Felda Pasoh 4 merupakan perkampungan yang terkenal dengan aktiviti pelancongan komuniti dan budaya** kerana kedudukannya di pintu masuk ke Taman Negeri Kenaboi dan Gua Pelangi.
3. **Kawasan sawah padi** di Kampung Sungai Buloh berpotensi dibangunkan sebagai destinasi pelancongan.

2.6.4 TERAS 4 : PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

A. PENGANGKUTAN (PERHUBUNGAN DAN PENGURUSAN LALU LINTAS)

i. RANGKAIAN JALAN RAYA

Daerah Jelebu dapat dihubungi hanya melalui jalan raya. Laluan Persekutuan 86 (Jalan Seremban – Kuala Klawang – Simpang Pertang), Laluan Persekutuan 9 (Jalan Tampin – Kuala Pilah – Manchis), Jalan Kuala Klawang – Titi – Semenyih (N32) dan Jalan Pertang – Batu Kikir (N19).



Jadual 2.50: Liputan Perhubungan Peringkat Wilayah dan Daerah

HUBUNGAN	FT086	FT009	N19	N32
Johor, Melaka	✓	✓	✓	
Kuala Lumpur, Selangor	✓			✓
Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis	✓	✓		
Seremban, Port Dickson	✓			
Kuala Pilah, Rembau, Tampin	✓	✓	✓	
Jempol		✓		

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Terdapat pertindihan fungsi jalan di mana daerah-daerah bersebelahan Daerah Jelebu tidak dapat dihubungkan secara langsung melalui jalan pengagih sekunder tetapi turut dihubungkan oleh jalan pengagih utama yang sepatutnya menanggung bebanan trafik berjarak jauh sahaja. Jalan terlibat adalah Jalan Seremban – Kuala Klawang – Simpang Pertang (FT086) dan Jalan Tampin – Kuala Pilah – Manchis (FT009).

ii. CIRI – CIRI REKA BENTUK JALAN

Jadual 2.51: Ciri – Ciri Reka Bentuk Jalan Raya Utama Mengikut Hierarki

NO. JALAN	NAMA JALAN	RIZAB JALAN (M)
	Jalan Pengagih Utama	
FT086	Jalan Seremban - Kuala Klawang - Simpang Pertang	40
FT009	Jalan Tampin -Kuala Pilah - Karak	40
FT1281	Jalan Utama Pasoh 1 dan 4	30
FT1292	Jalan Felda Titi	30
	Jalan Pengagih Sekunder	
N19	Jalan Pertang - Batu Kikir	18
N23	Jalan Kerangai	20
N25	Jalan Kg Puom - Kongkol	24
N27	Jalan Peradong - Titi	24
N32	Jalan Kuala Klawang - Titi - Semenyih	30
N56	Jalan Kg Chennah - Kampung Esok	24
N128	Jalan Ulu Jelebu	24
N129	Jalan Sg Triang	20
N132	Jalan Kg Larong - Petaling - Kg Gagu	20
N133	Jalan Pelaseh	20
N134	Jalan Seperi Tengah	20
N136	Jalan Pelaseh Ulu	20
N149	Jalan Kampung Chenerak	20
N150	Jalan Durian Tipus - Kg Kuala Jerang	20
N152	Jalan Simpang Durian - Kg Sg Buloh	24
N154	Jalan Kg Tg Kundang - Lakai	20


Rumusan penemuan:

10 daripada 16 jalan pengagih sekunder (62.5% - agak tinggi) dalam Daerah Jelebu mempunyai rizab yang kecil (20m) daripada piawaian sebenar iaitu 24m bagi jalan pengagih sekunder minor dan 30m bagi jalan pengagih sekunder major.

Terdapat keperluan untuk naik taraf jalan mengikut piawaian rekabentuk. Jalan-jalan terlibat adalah:

- Jalan Tampin – Kuala Pilah – Manchis (FT009)
- Jalan Seremban – Kuala Klawang – Simpang Pertang (FT086)
- Jalan Petaling – Kg. Gagu (N132)

Rajah 2.70: *Screenline* dan Tahap Keupayaan Semasa Jalan Raya Daerah Jelebu



PETUNJUK:

- Aliran Lalu Lintas Dua Hala
- Aliran Lalu Lintas Sehala

Tahap Keupayaan Jalan

- LOS A
- LOS B
- LOS C
- LOS D
- LOS E
- LOS F



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

iii. MODAL SPLIT



Pengangkutan Awam (**7.7%**)	Pengangkutan Persendirian (**92.3%**)

Rumusan penemuan: Modal Split semasa pengangkutan awam bagi Jelebu adalah rendah berbanding pengangkutan persendirian iaitu 7.7: 92.3 dan ianya perlu dipertingkatkan.

iv. PENGANGKUTAN AWAM

Pada keadaan semasa perkhidmatan bas disediakan di Simpang Pertang oleh satu syarikat iaitu Gopi Travel Tours Sdn Bhd melibatkan perkhidmatan bas berhenti-henti sahaja. Dua jenis bas disediakan iaitu bas berhenti-henti dan Mybus yang menawarkan perkhidmatan secara percuma.



Jadual 2.52: Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti bagi Daerah Jelebu

LALUAN PERKHIDMATAN	JUMLAH TRIP SEHARI	WAKTU OPERASI	KAPASITI PENUMPANG		% PERMINTAAN
			PENAWARAN	PERMINTAAN	
My Bus					
Seremban - Titi	6	6.00 pg - 9.00mlm	180	150	83.3
Bas Berhenti-Henti					
Simpang Pertang - Kuala Klawang	8	5.40pg - 10.30mlm	240	160	66.7

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.71: Perbandingan Jumlah Trip Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti Seremban – Jelebu bagi Tahun 2014 dan Tahun 2020

TAHUN	LALUAN	JUMLAH TRIP
2014	Seremban – Kuala Klawang (City Linear)	20
	Port Dickson - Seremban – Jelebu (PDSKL)	20
2020	Seremban – Titi (MyBus)	6

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035, RS Negeri Sembilan 2045

40 trip pada tahun 2014 berbanding 6 trip tahun 2020. Penurunan sebanyak 85%

Rumusan penemuan:


1) Terminal Bas Kuala Klawang sedia ada tidak digunakan. Ia hanya berfungsi sebagai perhentian bas biasa.

2) Tiada perkhidmatan bas ekspres dan teksi disediakan dalam Daerah Jelebu. Hanya perkhidmatan bas berhenti-henti dan laluan yang disediakan terhad pada jalan utama sahaja.

3) Kadar penawaran pengangkutan awam seamsa menurun sebanyak 85% berbanding tahun 2014 menyebabkan pengguna mula bergantung pada pengangkutan persendirian.

v. PENGURUSAN LALU LINTAS

Rajah 2.72: Pengurusan Lalu Lintas Pusat Bandar Kuala Klawang



Aliran lalu lintas pusat bandar terdiri daripada aliran lalu lintas sehala dan aliran lalu lintas dua hala.

Jalan Sehala:


i) Jalan Syed Bakar
ii) Jalan Dato Menteri
iii) Jalan Dato Moyang Salleh
iv) Jalan Dato Syed Ali
v) Lorong Damai
vi) Lorong Salleh
vii) Lorong Permai
viii) Lorong Murni

PETUNJUK:

Laluan Pejalan Kaki
Tempat Letak Kenderaan (*Legal*)
Tempat Letak Kenderaan (*Ilegal*)
No Jalan
Lintasan Pejalan Kaki
Simpang Lampu Isyarat
Simpang Tanda Berhenti
Aliran Lalulintas Sehala
Aliran Lalulintas Dua Hala

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 2.73: Aliran Lalu Lintas Bandar Kuala Klawang (Waktu Puncak Petang)



Isi padu lalu lintas bagi Jalan N32 dan Jalan Seremban – Simpang Pertang (FT86) adalah agak tinggi dimana laluan tersebut menampung lalu lintas jarak jauh (laluan bertanda kuning dalam pelan). Dua persimpangan di Jalan N32 beroperasi dengan LOS E dan LOS F dan ianya perlu dinaiktaraf.


Rumusan penemuan:

i) Laluan alternatif untuk perjalanan jarak jauh perlu disediakan bagi mengurangkan trafik yang melalui pusat bandar

ii) Laluan tambahan/ sambungan jalan dalam pusat bandar perlu diwujudkan bagi memberi laluan alternatif kepada pengguna untuk perhubungan peringkat tempatan

iii) Persimpangan yang beroperasi dengan LOS D hingga LOS F di dalam pusat bandar perlu dinaik taraf samada dari segi geometrinya atau sistem pengoperasiannya.

Rajah 2.74: Unjuran Isi Padu Lalu Lintas Tahun 2020 hingga Tahun 2035



Berdasarkan unjuran, terdapat dua jalan yang akan beroperasi menghampiri LOS F iaitu:

1) Jalan Kuala Klawang – Seremban (FT086) (stesen J1 dan stesen J3)
2) Jalan Simpang Durian – Simpang Pertang (FT009) (stesen J6)
3) Jalan Kuala Klawang – Titi (N32) (stesen J12)

Jalan tersebut perlu dinaiktaraf atau diagihkan melalui cadangan jalan baru.

ISU DAN MASALAH UTAMA

1. **Terdapat pertindihan fungsi jalan** di mana daerah – daerah bersebelahan Daerah Jelebu tidak dapat dihubungkan secara langsung melalui jalan pengagih sekunder tetapi turut dihubungkan oleh jalan pengagih utama yang sepatutnya menanggung bebanan trafik berjarak jauh sahaja.

2. **Tiada laluan alternatif bagi perjalanan jarak jauh** menyebabkan pengguna terpaksa melalui pusat bandar dan menyebabkan kesesakan.

3. **Keperluan kepada naik taraf jalan mengikut piawaian rekabentuk sukar untuk dilaksanakan** disebabkan sebanyak 62.5% jalan raya dalam Daerah Jelebu mempunyai rizab yang kecil daripada piawaian sebenar.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

4. **Kedapatan persimpangan yang beroperasi dengan LOS E dan LOS F di dalam pusat bandar** dan ianya perlu dinaiktaraf.

5. **Modal Split semasa pengangkutan awam bagi Jelebu adalah rendah berbanding pengangkutan persendirian** iaitu 7.7 : 92.3 dan ianya perlu dipertingkatkan.

6. **Kadar penawaran pengangkutan awam semasa menurun sebanyak 85% berbanding tahun 2014** menyebabkan pengguna mula bergantung pada pengangkutan persendirian.

7. **Tiada perkhidmatan bas ekspres dan teksi disediakan dalam Daerah Jelebu.** Hanya perkhidmatan bas berhenti-henti dan laluan yang disediakan terhad pada jalan utama sahaja.

8. **Terminal Bas Kuala Klawang sedia ada tidak digunakan.** Ia hanya berfungsi sebagai perhentian bas biasa.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1. **Cadangan Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR) melalui Simpang Pelangai dan Cadangan Lebuh Raya Semenyih – Simpang Pelangai berpotensi mempertingkatkan kemudahsampaian ke Karak dan laluan tambahan untuk ke Seremban.**

2. **Cadangan Jalan Pintasan Bandar – Kg Chepom dan Jalan Lingkaran Pusat Bandar berpotensi menjadi laluan alternatif pengguna ke arah pantai timur (melalui Simpang Pertang – Laluan Persekutuan 9) dan ke arah utara Jelebu (Selangor).**

3. **Menaiktaraf jalan utama di Daerah Jelebu seperti Jalan Seremban – Simpang Pertang (FT086) dan Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis (FT009).**

POTENSI DAN PROSPEK SOKONGAN

4. **Kedapatan jalan-jalan komited yang telah diluluskan seperti Jalan Sungai Muntoh – Simpang Durian, Jalan Kg Gagu – Lenggeng dan Jalan Durian Tipus – Sungai Lui.**

5. **Kedapatan laluan berpotensi untuk disambungkan bagi mempertingkatkan kemudahsampaian.**

6. **Naik taraf persimpangan dengan penukaran sistem operasi dan memperbaiki geometri persimpangan berpotensi meningkatkan kapasiti tampungan persimpangan.**

7. **Mempertingkatkan laluan bas kekerapan bas dan memudahkan capaian bas berpotensi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.**


8. **Penambahan laluan bas dan hentian bas transit berpotensi menggalakkan pengguna menggunakan pengangkutan awam dengan memudahkan capaian kepada pengangkutan awam.**

9. **Naiktaraf persimpangan dengan penukaran sistem operasi dan memperbaiki geometri persimpangan berpotensi meningkatkan kapasiti tampungan persimpangan.**

B. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

PENEMUAN SEMASA TAHUN 2020


- Pembangunan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan Daerah Jelebu terdiri daripada sistem bekalan air, bekalan elektrik, sistem pembetungan, pengurusan sisa pepejal, telekomunikasi, saliran dan pengairan. Pihak utiliti yang menyediakan perkhidmatan utiliti ini telah memberikan perkhidmatan utiliti ini kepada seluruh penduduk kawasan Daerah Jelebu bagi memastikan penduduk dapat menikmati kemudahan-kemudahan sebaik yang mungkin dan membantu arus pembangunan kawasan Daerah Jelebu.




BEKALAN AIR

- Terdapat 3 loji rawatan air bersih utama yang membekalkan air bersih kepada penduduk setempat, iaitu Loji Rawatan Air Lakai, Loji Rawatan Air Puom dan Loji Rawatan Air Klawang. Sumber air mentah daripada ketiga-tiga loji rawatan air tersebut diterima daripada Sungai Triang, Sungai Kenaboi dan *Intake* Ulu Kemin. Selain itu, kadar air tidak terakaun bagi kawasan Daerah Jelebu berada di paras >21%. Disebabkan pelbagai faktor seperti kebocoran dan kecurian paip dan sebagainya.

Rajah 2.75: Kadar Bekalan Air Tidak Terakaun




Rajah 2.76: Jumlah Pengeluaran Loji Rawatan Air



- Isu utama bagi bekalan air adalah daripada operasi loji rawatan air dimana terdapat kacau ganggu daripada *intake* air dimana berlakunya pencemaran/ mendapan daripada kerja-kerja perlombongan pasir dan pembalakan di *upstream* sungai.

BEKALAN ELEKTRIK

Rajah 2.77: Peratusan Bekalan Elektrik Sekitar Daerah Jelebu.



- Penyediaan perkhidmatan bekalan elektrik bagi kawasan Daerah Jelebu berpunca daripada 2 pencawang masuk utama yang terdapat di Simpang Pertang dan Kuala Klawang dengan keupayaan 30MVA bagi kedua-dua pencawang masuk utama ini. Rizab lebihan bekalan eletrik bagi kawasan Daerah Jelebu ni sebanyak 69% dimana mampu untuk menampung perancangan pembangunan bagi sekitar Daerah Jelebu.


SISA PEPEJAL

- Pengurusan sisa pepejal bagi kawasan Daerah Jelebu dipertanggungjawabkan oleh *SWCorp* Daerah Jelebu sebagai agensi kerajaan dalam penguatkuasaan, manakala *South Waste Management* sebagai operator pelaksana dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan bagi Daerah Jelebu.

Jadual 2.53: Senarai Terperinci Lokasi Pengurusan Sisa Pepejal

LOKASI	OPERATOR	KAEDAH PELUPUSAN	KELUASAN	JANGKA HAYAT	MUATAN	KAWASAN MENERIMA PERKHIDMATAN
Tapak pelupusan Sg. Muntoh, Jelebu	SWM Greentech Sdn Bhd (31 Oktober 2020) ZR Bina Jaya Enterprise (31 Oktober 2025)	*Dumpsite*	7.9 Ekar	90 tahun	30 Tan/ hari	Majlis Daerah Jelebu

Rajah 2.78: Pengasingan Sisa Pepejal (Kitar Semula) Tahun 2015 – 2020 Daerah Jelebu




	2015 (Mei - Dis)	2016	2017	2018	2019	2020 (Jan - Sep)
Lain-lain	367	301	9	0	0	0
E-Waste	17	16	54	85	240	825
Kaca	142	4458	3785	172	3787	50
Besi	307	2246	2178	2340	2979	4230
Alluminium	2	13	0	2	0	6
Plastik	737	3355	2699	3027	3457	3812
Kertas	1543	5417	3681	4194	5126	6341

- Pengasingan dari punca (SAS) yang dikuatkuasakan bagi memastikan setiap penduduk mengasingkan sisa pepejal daripada rumah telah membuahkan hasil dengan data yang tertinggi bagi Daerah Jelebu pada tahun 2019 iaitu 15,589 kg/ tahun dengan pelbagai sisa pepejal yang dikitar semula terutama sisa pepejal kertas yang merupakan angka tertinggi diasingkan oleh penduduk di Daerah Jelebu.

SISTEM PEMBETUNGAN

- Kajian terhadap sistem pembetungan bagi Daerah Jelebu adalah berdasarkan daripada data sekunder daripada pihak *Indah Water Konsortium* serta pengamatan awal di kawasan tapak kajian.

Rajah 2.79: Bacaan Janaan PE Sistem Pembentungan Daerah Jelebu




- Berdasarkan daripada maklumat diperolehi, kawasan kajian masih tidak menggunakan kaedah loji rawatan sisa kumbahan serantau dan masih mengunakan kaedah tangki septik komunal, tangki septik individu dan *Multipoint* STP.
- Kiraan janaan keperluan sistem pembetungan bagi Daerah Jelebu adalah berdasarkan daripada data sekunder data bilangan unit rumah/ perdagangan dan bilangan penduduk. Dianggarkan 59,410PE bagi Daerah Jelebu dimana 79.88% (47,455PE) menggunakan kaedah loji rawatan sisa kumbahan manakala 5.05% mengunakan tangki septik komunal di bawah selenggaraan IWK Sdn. Bhd dan selebihnya 15.07% (8,955PE) menggunakan tangki septik atau tandas curah yang di ambil kira berdasarkan daripada maklumat penempatan yang tidak meliputi kawasan perkhidmatan IWK.

Sumber:
1) Indah Water Konsortium Sdn Bhd, 2020
2) Olahan RT Daerah Jelebu 2035 Kiraan PE Tangki Septik/ Tandas Curah

TELEKOMUNIKASI

- Kajian telekomunikasi bagi kawasan Daerah Jelebu di pantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memantau rangkaian telekomunikasi. Perancangan infrastruktur dan utiliti bagi sub sektor telekomunikasi bagi kawasan kajian adalah bagi meneliti akan capaian rangkaian perkhidmatan yang diterima berdasarkan daripada capaian liputan 2G sehingga 4G/ LTE. Berdasarkan daripada cerapan data, penyediaan perkhidmatan telekomunikasi Maxis mencatatkan kadar kelajuan yang stabil. Walau bagaimanapun, berdasarkan daripada Pelan JENDELA (Jalinan Digital Negara) masih kurang daripada sasaran iaitu 35mbps bagi kawasan luar bandar dan 500mbps bagi kawasan yang berkepentingan tinggi.

Rajah 2.80: Pelan Liputan Rangkaian Telekomunikasi Semasa Daerah Jelebu



PETUNJUK:
- Liputan 4G
- Liputan 3G
- Rentis Elektrik

LAIN - LAIN
- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

SALIRAN DAN PENGAIRAN

- Perancangan saliran dan pengairan bagi kawasan Daerah Jelebu merupakan kajian terpenting bagi membantu pembangunan semasa dan baru. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merupakan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi memantau dan memelihara keadaan saliran dan pengairan bagi kawasan Daerah Jelebu.

Jadual 2.54: Kawasan Kekerapan Banjir Kilat Daerah Jelebu (*Hotspot* Banjir Kilat)

BIL	TEMPAT	KEKERAPAN	KEDALAMAN	BIL. RUMAH	PUNCA	TINDAKAN
1	***KAMPUNG CHENNAH***	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	2	1) Hujan lebat di hulu dan kawasan sekitar 2) Limpahan Sungai Kenaboi	Kerja-kerja penyelenggaraan sungi Jelebu dan menaiktaraf pembetung jalan lebih besar. **(Telah Disiapkan)**
2	***KAMPUNG TELEKONG/ PUOM***	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	7	1) Hujan lebat di hulu dan kawasan sekitar 2) Limpahan Sungai Kenaboi	Kerja penyaluran semula anak Sg. Telekung dan mengantikan lintasan pembetung **(Telah Disiapkan)**
3	***KAMPUNG GEYLANG***	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	4	1) Hujan lebat di hulu dan kawasan sekitar 2) Limpahan Sungai Pasong	Penyaluran dan menaik taraf Sg Pertang bagi menampung kadar air larian permukaan tambahan. **(SIAP)**
4	***KAMPUNG PERADONG***	1/ Tahun	0.3 - 0.6 meter	4	1) Hujan lebat di hulu dan kawasan sekitar 2) Limpahan Sungai Pah	Penyaluran dan penyelengaraan Sg Pah Secara berjadual. **(Siap dan penyelenggaraan berjadual)**
5	***TAMAN PERTANG***	1/ Tahun	0.3 - 0.9 meter	18	1) Hujan lebat di hulu dan kawasan sekitar 2) Limpahan Sungai Kelaka	Penyaluran dan menaiktaraf Sg Pertang bagi menampung kadar air larian permukaan tambahan. **(Telah Disiapkan)**
6	***KAMPUNG PETASEH HULU/ HILIR***	2/ setahun	0.3 - 0.9 meter	*5*	1) Hujan lebat di hulu dan kawasan sekitar 2) Limpahan Sungai Petaseh	**Menaiktaraf Pembetung Jalan Utama Kuala Klawang – Simpang Pertang (Dalam Pembinaan)**

Sumber: JPS Daerah Jelebu,2020

- Terdapat kawasan yang mengalami masalah banjir kilat dengan kekerapan setiap tahun yang berlaku disebabkan oleh limpahan sungai serta kejadian hujan lebat di kawasan hulu sungai. Dianggarkan secara purata kedalaman banjir yang berlaku adalah pada paras 0.3m – 0.9m. Selain itu, terdapat 89 batang sungai dengan rizab sungai secara purata keseluruhan 24.0m – 100m meliputi keseluruhan Daerah Jelebu.

Jadual 2.55: Kawasan Banjir di Daerah Jelebu

BIL	LOKASI	REKOD TERAKHIR BANJIR	STATUS
1.	Kg.Ulu Jelebu / Kampung Kelawang. (Dun Klawang)	Dis 2016	• Menaik taraf pembetung jalan lebih besar (JKR) – **Telah Siap**
2.	Kg.Telekung / Jalan Kampung, Mukim Kenaboi. (Dun Chennah)	Nov 2018	• Mengantikan lintasa pembetung kepada saiz lebih besar – **Telah Siap**
3.	Kg. Hosapa Titi, Mukim Glami Lemi. (Dun Chennah)	Okt 2015	• Menaik taraf pembetung dan longkang – **Telah Siap** • Membuat penyelenggaraan JPS
4	**Taman Sri Kenaboi, Ladang Jelebu, Mukim Glami Lemi. (Dun Chennah)**	**Nov 2018**	• **Rancangan Tebatan Banjir Sungai Chempedak – Sedang Dilaksanakan**
5	Taman Baru Pertang, Kg,Geylang, Pekan Pertang, Mukim Pertang. (Dun Pertang)	Nov 2018	• Mengawal pembukaan tanah di Hulu Sungai • Menaik taraf Sg Pertang – **Telah Siap**
6	Kg.Pergai, Mukim Pertang. (Dun Pertang)	Nov 2018	• Kerja-kerja menaik taraf lintasan pembetung – **Telah Siap** • Penyelenggaraan Sg Pergai – **Telah Siap**
7	Ladang Pertang, Mukim Pertang. (Dun Pertang)	Nov 2018	• Pembersihan Sg Pertang Secara Berkala
8	Kg.Putra, Mukim Triang Ilir. (Dun Sg Lui)	April 2015	• Penyaluran sg.Pertang bagi melancarkan aliran air – **Telah Siap**
9	**Skim Pengairan Triang Ilir, Mukim Triang Ilir. (Dun Sg Lui)**	**Nov 2018**	• **Rancangan Tebatan Banjir Sg Triang – Sedang Dilaksanan**
10	**Kg.Petasih Hulu, Kg.Petasih Hilir & Kg.Petasih. (Dun Pertang)**	**Nov 2018**	• **Menaik taraf pembetung Jalan Utama Kuala Klawang – Simpang Pertang – Dalam Pembinaan**
11	Kg.Solok Temoi, Mukim Peradong. (Dun Pertang)	Feb 2015	• Menyelenggara Sg Pah secara berjadual mengikut keutamaan sepanjang 5km
12	Kg.Kerangai, Mukim Pertang. (Dun Pertang)	Feb 2015	• Mengantikan crossing culvert jalan kg Kerangai sebanyak 2 tempat yang dikenalpasti Kawasan punca banjir – **Telah Siap**

Sambungan…

BIL	LOKASI	REKOD TERAKHIR BANJIR	STATUS
13	Kg.Sg.Buluh, Mukim Triang Ilir. (Dun Pertang)	Okt 2014	• Penyelenggaraan secara berkala anak air Sg Buluh mengikut keutamaan sepanjang 3km
14	Kg.Batu Serambai / Jalan Kampung, Mukim Klawang. (Dun Klawang)	Feb 2017	• menaik taraf parit sisi jalan kepada longkang parit sehingga ke Sg Klawang – **Telah Siap**
15	Kg.Teriang, Mukim Ulu Teriang. (Dun Sg Lui)	Nov 2012	• Menaik taraf anak sg Buluh 3km. – **Telah Siap**
16	Kg Chenah (Dun Chennah)	Nov 2018	• Melebarkan anak sungai sepanjang 3km – **Telah Siap** • Menaik taraf pembetung jalan utama Kg Chennah – **Telah Siap**
17	Kg Ulu Klawang, Mukim Ulu Klawang. (Dun Klawang)	Feb 2017	• Mengawal pembukaan tanah Kawasan upstream dan menyediakan sistem saliran terkawal Kawasan pembukaan – **Telah Siap**
18	Laluan FT19 Kg Durian Tipus, berhampiran quarter JKR		• Penyediaan sistem perparitan ke Sungai **– Telah Siap**


UNJURAN SEHINGGA TAHUN 2035

Jadual 2.56: Unjuran/ Sasaran Infrastruktur dan Utiliti Tahun 2035

UNJURAN	TAHUN 2020	TAHUN 2025	TAHUN 2030	TAHUN 2035
BEKALAN AIR	**19.82**	**23.33**	**25.37**	**27.59**
BEKALAN ELEKTRIK	**18.71**	**26.17**	**31.62**	**34.39**
PEMBETUNGAN	**594,10**	**66,474**	**722,82**	**785,96**
SISA PEPEJAL	**-**	**20.94**	**22.77**	**24.76**

- Kiraan unjuran infrastruktur adalah berdasarkan daripada anggaran jumlah sasaran penduduk bagi Daerah Jelebu sehingga tahun 2035. Keperluan bekalan air, elektrik, sistem pembetungan dan janaan sisa pepejal meningkat seiring peningkatan penduduk. Cadangan menaiktaraf dan keupayaan infrastruktur dan utiliti perlu dilaksanakan bagi memastikan penawaran dapat memenuhi permintaan dan menampung tahap pembangunan Daerah Jelebu.

Rajah 2.81: Unjuran Infrastruktur dan Utiliti Tahun 2020-2035




	Keperluan B.Air	Kapasiti LRA	Keperluan B.Elektrik	Kapasiti PMU	Keperluan S.Pembetungan (*000)	Kapasiti Loji Pembetungan	Janaan Sisa Pepejal	Kapasiti Tapak Pelupusan
2025	23.74	23.66	26.17	60.00	66.47	47.46	20.94	32.00
2030	1.63		5.45		5.81		1.83	-
2035	2.22		2.76		6.31		1.99	-

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

- Berdasarkan kiraan unjuran infrastruktur dan utiliti, kapasiti semasa bekalan air tidak dapat menampung keperluan bekalan air menjelang tahun 2035 iaitu kekurangan margin sebanyak -7.89% manakala bekalan elektrik masih dapat menampung dengan rizab sebanyak 42.69%.
- Manakala bagi cadangan stesen pemindahan sisa pepejal dapat menampung janaan sisa pepejal dengan rizab 31.23% dengan anggaran kadar kitar semula mencapai 30% pada tahun 2035. Bagi sistem pembetungan, keperluan perancangan yang lebih strategik perlu disediakan dengan pelaksanaan sistem loji rawatan sisa kumbahan serantau yang dapat menampung PE yang lebih tinggi.

Rajah 2.82: Taburan Infrastruktur dan Utiliti Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

- Paip MS, HDPE, DLL (Bekalan Air)
- Paip AC (Bekalan Air)
- Rentis Elektrik
- Pencawang Masuk Utama (PMU)
- Tapak Pelupusan
- Loji Rawatan Sisa Kumbahan
- Loji Bekalan Air
- Rizab Sungai

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

ISU DAN MASALAH UTAMA

1. **Kelajuan jalur lebar yang lemah menyebabkan kadar muat turun dan muat naik yang perlahan** iaitu pada kadar *(Download rate 5.71mbps – 13.74mbps, Upload rate 3.30mbps – 5.73mbps)*.

2. **Pemindahan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Port Dickson** menyebabkan tapak pelupusan *open dumping* di Sungai Muntoh perlu ditutup.

ISU DAN MASALAH SOKONGAN

3. **Kadar kehilangan air (NRW) melebihi 20%** disebabkan penggunaan paip pengagihan jenis asbestos simen dan usang.

4. **Kejadian banjir yang melanda** di kawasan Kenaboi, Peradong dan Pertang terutamanya di Kampung Petaseh Hulu.

POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1. **Daerah Jelebu merupakan pembekal Sumber Air Mentah Utama** bagi Negeri Sembilan.

2. **Pelaksanaan Pelan JENDELA bagi meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih** dari 25mbps kepada 35mbps dan menamatkan taraf rangkaian 3G dan menaiktaraf rangkaian 5G.

2.7 RUMUSAN PENEMUAN UTAMA DAERAH JELEBU 2020

ISU DAN MASALAH

Secara keseluruhannya terdapat **49 isu dan masalah** yang merangkumi **23 isu dan masalah utama** dan **26 isu dan masalah sokongan** yang dibahagikan kepada 4 teras pembangunan Daerah Jelebu seperti berikut:

TERAS 1
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

TERAS 2
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

TERAS 3
DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

TERAS 4
PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

23 PENEMUAN ISU DAN MASALAH UTAMA

1. Kesediaan tanah yang sesuai untuk pembangunan adalah terhad iaitu seluas 28,697.74 hektar (21.20%) atas faktor kawasan HSK dan bentuk muka bumi yang berbukit bukau, tanah tinggi dan berkecerunan
2. Tekanan pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).
3. Gangguan aktiviti manusia yang mengancam spesis flora dan fauna seperti aktiviti pemburuan haram dan *roadkill* hidupan liar di sekitar kawasan hutan simpan, Rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang – HS Triang dan N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi.
4. Imej Pusat Bandar Kuala Klawang yang kurang menonjol dan kurang jelas. Elemen reka bentuk bumbung panjang yang terdapat di beberapa bangunan pentadbiran kurang diterapkan secara berkesan.
5. Kualiti visual bagi Bandar Kuala Klawang kurang memuaskan dan kurang vibran. Kawasan Bandar Kuala Klawang kurang mempunyai aktiviti yang menarik untuk dijadikan sebagai kawasan tumpuan penduduk dan pelancong.
6. Bangunan rumah kedai lama (99 unit) yang mempunyai nilai sejarah di Bandar Kuala Klawang kurang dipelihara dengan baik terutama dari segi fasad bangunan, struktur bangunan dan penggunaan warna cat yang kurang menarik.

1. Keperluan pengekalan dan pewartaan kawasan pertanian yang berpotensi sebagai menyokong fungsi pembekal utama kepada pasaran Lembah Klang dan gedung bekalan makanan negara.
2. Keperluan Pusat Pengumpulan Hasil Tani '*one stop centre*' yang dilengkapi dengan prasarana moden bagi menghubungkan rangkaian di antara pengeluar, pembekal dan pengguna.
3. Aktiviti dan produk pelancongan semasa perlu dikukuhkan terutamanya dari penyediaan infrastruktur dan kemudahan pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong.
4. Akses ke kawasan tarikan pelancongan yang agak terbatas dan perlu dinaiktaraf supaya dapat dikunjungi oleh pelancong dengan mudah.
5. Kekurangan pilihan penginapan yang ada di Daerah Jelebu menyukarkan pelancong untuk tinggal lebih lama dan bermalam di Jelebu.
6. Kewujudan lot-lot tanah perindustrian terancang yang masih belum dibangunkan sepenuhnya terutamanya di Taman Perindustrian Simpang Pertang.

1. Kadar penyediaan RMM yang masih rendah sebanyak 638 unit rumah (15.83%) dan memerlukan pertambahan lagi bagi penduduk Daerah Jelebu yang kebanyakkannya berpendapatan B40/ rendah. Di samping itu, kurang galakkan kepada pihak kerjaan, GLC dan swasta bagi tujuan pembangunan perumahan baru dan mampu milik.
2. Saiz tapak kemudahan hospital sedia ada yang terhad iaitu seluas 7 ekar sahaja tidak dapat menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih lengkap dan menyeluruh.
3. Tiada penyediaan taman bandar yang menyeluruh, terancang dan beridentiti di Daerah Jelebu.
4. Kampung Baru Sg Muntoh dan Kampung Petaseh tidak sesuai sebagai PPD atas faktor jarak yang berhampiran dengan Pekan Titi dan terletak dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS.
5. Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam dan asas desa yang masih lagi kurang berkualiti dan tidak menyeluruh.
6. Ekonomi desa yang kurang maju dan berdaya saing atas faktor kebergantungan yang tinggi kepada aktiviti pertanian dan kekangan modal dalam memulakan perusahaan berskala besar.

1. Terdapat pertindihan fungsi jalan dimana daerah-daerah bersebelahan Daerah Jelebu tidak dapat dihubungkan secara langsung melalui jalan pengagih sekunder tetapi turut dihubungkan oleh jalan pengagih utama yang sepatutnya menanggung bebanan trafik berjarak jauh sahaja.
2. Tiada laluan alternatif bagi perjalanan jarak jauh menyebabkan pengguna terpaksa melalui pusat bandar dan menyebabkan kesesakan.
3. Keperluan kepada naik taraf jalan mengikut piawaian rekabentuk sukar untuk dilaksanakan disebabkan sebanyak 62.5% jalan raya dalam Daerah Jelebu mempunyai rizab yang kecil daripada piawaian sebenar.
4. Kelajuan jalur lebar yang lemah menyebabkan kadar muat turun dan muat naik yang perlahan iaitu pada kadar *(Download rate 5.71mbps – 13.74mbps, Upload rate 3.30mbps – 5.73mbps)*.
5. Pemindahan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Port Dickson menyebabkan tapak pelupusan *open dumping* di Sungai Muntoh perlu ditutup.

3 ISU DAN MASALAH STRATEGIK

ISU 01 Kesediaan tanah yang sesuai di Daerah Jelebu untuk pembangunan adalah terhad disebabkan tekanan pemeliharaan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS)

ISU 02 Jaringan perhubungan yang terhad dan rendah terutama bagi perhubungan wilayah

ISU 03 Ekonomi daerah yang kurang maju dan berdaya saing kerana kebergantungan yang tinggi kepada aktiviti pertanian yang kurang produktif, sektor perindustrian yang kurang berdaya maju serta produk dan tarikan pelancongan yang terbatas

POTENSI DAN PROSPEK

Bagi potensi dan prospek, terdapat **42 potensi dan prospek** keseluruhannya yang merangkumi **24 potensi dan prospek utama** dan **18 potensi dan prospek sokongan** yang dibahagikan kepada 4 teras pembangunan Daerah Jelebu seperti berikut:

TERAS 1
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

TERAS 2
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

TERAS 3
DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

TERAS 4
PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

24 PENEMUAN POTENSI DAN PROSPEK UTAMA

1. Daerah Jelebu kaya dengan sumberjaya semula jadi dan biodiversiti serta kawasan pertanian dan tadahan air yang perlu dipelihara bagi menjamin kelestarian Daerah Jelebu sebagai Daerah Biodiversiti selaras dengan hala tuju yang ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan, 2045.
2. Kesediaan tanah (*land bank*) di bahagian timur Daerah Jelebu yang meliputi kawasan seluas 28,709.57 hektar (21.20%) dengan halangan fizikal yang minimum berpotensi untuk dijadikan pusat pertumbuhan dan pembangunan akan datang.
3. Kekayaan sumber semula jadi dan biodiversiti akan menjadi aset industri ekopelancongan dan geopelancongan daerah (kawasan air terjun, bukit gua, tapak warisan geologi, pusat biodiversiti).
4. Potensi kawasan Hutan Simpan Kekal di Daerah Jelebu yang berfungsi sebagai zon penyerap karbon.
5. Pengekalan Hutan Simpan Kekal sebagai Kawasan tadahan air semula jadi, rizab hidupan liar sebagai kawasan edupelacongan.
6. Tapak dan bangunan warisan yang menarik perlu dipelihara sebagai salah satu komponen tarikan pelancongan.

1. Durian Jelebu boleh didapati hampir sepanjang tahun iaitu dari Bulan Januari hingga September kerana keadaan fizikalnya yang berbukit bukau dan terletak di Banjaran Titiwangsa. Terdapat 14 jenis varieti durian yang boleh didapati di Daerah Jelebu.
2. Tapak sejarah bukti Paleolitik yang pertama ditemui di Selatan Semenanjung Malaysia di Gua Pelangi.
3. Pengukuhan aktiviti-aktiviti pelancongan sedia ada dan memperkenalkan produk-produk pelancongan baharu.
4. Kluster Industri Kecil dan Sederhana (IKS) boleh diwujudkan di Daerah Jelebu kerana kedapatan hasil pertanian yang boleh digunakan sebagai sumber/ produk IKS yang boleh dikomersialkan.
5. Kedapatan kawasan hutan pengeluaran di Daerah Jelebu seluas 1,740.00 hektar sebagai sumber bahan mentah kepada industri perkayuan.

1. Daerah Jelebu mempunyai tanah yang luas dan boleh dibangunkan khususnya di bandar utama, pekan-pekan utama dan kecil seluas 942.57 hektar.
2. Kekayaan sumber semula jadi dan kepelbagaian bio boleh membantu bagi membuka peluang kepada orang-orang luar untuk mendapatkan pengalaman kehidupan yang selesa di Daerah Jelebu.
3. Terdapat potensi pembangunan institusi pendidikan baharu selaras dengan persekitaran dan kesediaan tanah daerah yang menyumbang kepada pertambahan penduduk.
4. Kawasan semula jadi seperti Bukit Tajali dan Sungai Triang di dalam Kawasan Pusat Bandar Kuala Klawang diketengahkan sebagai aset tarikan ke Daerah Jelebu.
5. Dataran Bukit Tangga dan laluan ke Gunung Telapak Buruk mempunyai potensi untuk dinaiktaraf sebagai kawasan rekreasi dengan landskap semula jadi yang terdapat di kawasan tersebut.
6. Kampung Simpang Gelami dan Kampung Chennah berpotensi dibangunkan sebagai PPD selaras program desa muafakat Dalam Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040.
7. Kampung Orang Asli Tohor dan Felda Pasoh 4 merupakan perkampungan yang terkenal dengan aktiviti pelancongan komuniti dan budaya.
8. Kawasan sawah padi di Kampung Sungai Buloh berpotensi dibangunkan sebagai destinasi pelancongan.

1. Cadangan Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR) melalui Simpang Pelangai dan Cadangan Lebuh Raya Semenyih – Simpang Pelangai berpotensi mempertingkatkan kemudahsampaian ke Karak dan laluan tambahan untuk ke Seremban.
2. Cadangan Jalan Pintasan Bandar – Kg Chepom dan Jalan Lingkaran Pusat Bandar berpotensi menjadi laluan alternatif pengguna ke arah pantai timur (melalui Simpang Pertang – Laluan Persekutuan 9) dan ke arah utara Jelebu (Selangor).
3. Menaiktaraf jalan utama dan tulang belakang di Daerah Jelebu seperti Jalan Seremban – Simpang Pertang (FT086) dan Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis (FT009).
4. Daerah Jelebu merupakan pembekal Sumber Air Mentah Utama bagi Negeri Sembilan.
5. Pelaksanaan Pelan JENDELA bagi meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih dari 25mbps kepada 35mbps dan menamatkan taraf rangkaian 3G dan menaiktaraf rangkaian 5G.

3 POTENSI DAN PROSPEK STRATEGIK

01 Daerah Jelebu kaya dengan sumberjaya semulajadi dan biodiversiti serta kawasan pertanian, desa dan rekreasi yang menjadi aset pelancongan daerah

02 Limpahan daripada 2 cadangan lebuhraya utara-selatan dan lebuhraya timur-barat akan memberi impak yang tinggi kepada pembangunan ekonomi Daerah Jelebu

03 Kesediaan tanah (*land bank*) di bahagian timur Daerah Jelebu berpotensi untuk pembangunan akan datang

BAB 3

WAWASAN DAN HALATUJU DAERAH JELEBU 2035







3.1 VISI DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN DAERAH JELEBU 2035

VISI DAERAH

"JELEBU DAERAH BIODIVERSITI"

(DAERAH MAMPAN, BERDAYA MAJU DAN SEJAHTERA)

***BIODIVERSITI** adalah kepelbagaian antara organisma hidup dari pelbagai sumber dari daratan mahupun samudera serta lain-lain yang melangkau ekosistem akuatik dan sebahagian daripada ekosistem yang kompleks termasuk di dalam kelompok spesies dan antara spesies dan ekosistemnya.*

PARAMETER UTAMA DIPERINGKAT NASIONAL DAN NEGERI
YANG DIGUNAPAKAI DAN DIAMBILKIRA BAGI PEMBENTUKAN VISI DAERAH JELEBU

PERINGKAT NEGARA
Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025

01 Jelebu Daerah Biodiversiti
Menjelang tahun 2020, semua ekosistem yang rentan telah dipetakan dan menjelang tahun 2025, 50% daripada ekosistem dilindungi secara sah.

02 Jelebu Daerah Biodiversiti
Menjelang tahun 2020, semua negeri telah mengenal pasti *hotspots* di mana terdapat nilai biodiversiti yang ketara untuk pemuliharaan.

03 Jelebu Daerah Biodiversiti
Menjelang 2025, 10 koridor utama di bawah inisiatif CFS telah dilaksanakan sepenuhnya.

PERINGKAT NEGERI
Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

04 Jelebu Daerah Biodiversiti
Konsep Pembangunan Negeri Sembilan mensasarkan Jelebu sebagai Daerah Biodiversiti.

05 Jelebu Daerah Biodiversiti
Pembangunan Biodiversiti HIP – *Kenaboi World Biodiversity Centre*.

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PROSPEK PEMBANGUNAN JELEBU SEBAGAI DAERAH BIODIVERSITI

1. **72,813.08 HEKTAR (53.79%) MELIBATKAN KELUASAN HUTAN SIMPAN KEKAL**
2. **TAMAN NEGERI KENABOI**
3. **PUSAT KONSERVASI TAPIR NASIONAL**
4. **2 LOKASI RANGKAIAN EKOLOGI N-SL1 (HS TRIANG – HS TRIANG) DAN N-SL3 (HS KENABOI – HS KENABOI)**
5. **19 GEOTAPAK DAN 11 KAWASAN POTENSI GEOTAPAK KE ARAH *GEOPARK* KEBANGSAAN**
6. **PUSAT BIOTEKNOLOGI UNIVERSITI MALAYA**
7. **35 INDIKATOR KE ARAH PEMELIHARAAN BIODIVERSITI BERKAITAN RT DAERAH JELEBU 2035 – m/s 2-24**

VISI MAJLIS DAERAH JELEBU 2035

Ke arah Pembangunan Perbandaran yang Lestari, Progresif dan Inklusif Menjelang Tahun 2045

MISI MAJLIS DAERAH JELEBU 2035

Komited dalam Memperkasakan Perkhidmatan Perbandaran yang Jitu, Efisien dan Berintegriti bagi Merealisasikan Kesejahteraan Rakyat

MATLAMAT PEMBANGUNAN DAERAH

"MEMBANGUNKAN DAERAH JELEBU SEBAGAI DAERAH YANG MAMPAN (FIZIKAL), BERDAYA MAJU (EKONOMI) DAN SEJAHTERA (SOSIAL) DENGAN FOKUS KEPADA PEMBANGUNAN SUMBERJAYA SEMULA JADI DAN BIODIVERSITI"

Beraspirasi untuk menekankan keseimbangan aspek fizikal, ekonomi sosial dan alam sekitar dalam menghadapi cabaran dunia global terutama aspek perubahan iklim, kesihatan dan komuniti inklusif, bencana alam dan persekitaran.

SUMBER JAYA SEMULA JADI DAN BIODIVERSITI

DEFINISI:

Sumber jaya semula jadi biodiversiti adalah variasi pelbagai bentuk kehidupan yang dikelompok dari segi spesies tumbuhan dan haiwan mikrorganisma, ekosistem dan proses ekologi.

ASPEK UTAMA

- Pemuliharaan hutan-hutan simpan, badan air dan rizab berkaitan (Taman Negeri Kenaboi dan Pusat Perlindungan Tapir) dan potensi arkeologi Gua Pasoh.
- Berperanan sebagai elemen Kestabilan Biodiversiti dan sumber air utama Negeri Sembilan.
- Jelebu destinasi pelancongan utama biodiversiti.

SASARAN:

- Pembangunan biodiversiti terdiri daripada 20% tepu bina atau perbandaran. 30% pertanian dan 50% HSK dan badan air.
- Melibatkan pengekalan dan pemeliharaan kawasan Hutan Kekal (HSK) seluas 72,813.08 hektar (53.79%).
- Pengekalan sumber utama air negeri (Empangan Triang).
- Pemeliharaan semua kawasan CFS dan rangkaian ekologi.
- Pengukuhan pelancongan berasaskan eko dan biodiversiti di Taman Negeri Kenaboi.

MAMPAN (FIZIKAL)

DEFINISI:

(Atau dikenali sebagai pembangunan lestari) merupakan pembangunan yang memenuhi keperluan masa sekarang dan tidak menjejaskan keperluan masa hadapan dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

ASPEK UTAMA

- Meletakkan kemampanan alam sekitar dalam setiap dimensi pembangunan berdasarkan kepada SDGs dan MURNINets.
- Mengekalkan Daerah Jelebu sebagai sebuah daerah mampan di Negeri Sembilan sehingga tahun 2035.

SASARAN:

- Mengekalkan peratusan kemampanan berdasarkan kepada dimensi MURNINets.
- Jelebu sebagai daerah *carbon sink* kepada Negeri Sembilan.
- Perancangan fizikal yang berimpak rendah.
- Pengurusan alam sekitar melalui perlindungan, pemeliharaan dan pengawalan aktiviti pembangunan guna tanah dan fizikal.

BERDAYA MAJU (EKONOMI)

DEFINISI:

Berdaya maju dari segi ekonomi dan sumber jaya dan inklusif kepada masyarakat – menjamin peluang meningkatkan ekonomi sama rata kepada masyarakat tempatan terutama golongan B40 dan luar bandar dalam sektor ekonomi utama.

ASPEK UTAMA

- Memastikan Jelebu sebuah kawasan yang mampan dalam aspek ekonomi.
- Peningkatan infrastruktur terutama rangkaian aksesibiliti bagi menarik pelabur dan mampu bersaing dan bersimbiosis dengan wilayah sekitar.
- Penjanaan peluang pekerjaan dalam bidang sektor ekonomi utama iaitu sektor pertanian, penternakan pelancongan dan perindustrian.

SASARAN:

- Membangunkan sektor ekonomi utama Daerah Jelebu khususnya sektor pertanian, penternakan, pelancongan dan perindustrian bagi pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh.
- Menyedia dan mengukuhkan rangkaian aksesibiliti dan infrastruktur utama bagi mengalakkan pertumbuhan ekonomi dan mampu besaing dan bersimbiosis dengan wilayah sekitar yang lebih maju khususnya MVV.
- Penjanaan peluang pekerjaan dalam bidang ekonomi berpotensi.

KOMUNITI SEJAHTERA (SOSIAL)

DEFINISI:

Komuniti sejahtera yang sihat fizikal dan mental yang akan melahirkan makmur sosial, ekonomi dan kesejahteraan manusia sejagat seterusnya menjadikan Jelebu produktif mengutamakan keperluan sosial dan pengekalan budaya serta warisan penduduk tempatan.

ASPEK UTAMA

- Memastikan kesamarataan dan manfaat pembangunan sampai kepada semua lapisan masyarakat sama ada pembangunan bandar dan luar bandar (anggaran 60% penduduk tinggal di luar bandar).
- Memastikan perumahan mampu dimiliki, dan suasana persekitaran dan kualiti hidup yang sejahtera.
- Pengurusan dan pelaksanan berkesan akan melahirkan komuniti sejahtera.

SASARAN:

- Penyediaan dan pembangunan perumahan yang berkualiti, mencukupi dan mampu milik.
- Penyediaan kemudahan asas dan masyarakat yang mencukupi, berkualiti dan mudah sampai oleh semua masyarakat.
- Penyediaan kemudahan tanah lapang dan rekreasi selaras dengan pertumbuhan penduduk.
- Menitikberatkan kesejahteraan sosial penduduk dengan kemudahan, infrastruktur dan peluang ekonomi yang saksama.

3.2 OBJEKTIF PEMBANGUNAN DAERAH

Bagi memandu arah tuju pembangunan dan mencapai matlamat pembangunan Daerah Jelebu 2035, perancangan Daerah Jelebu akan berlandaskan kepada enam (6) objektif pembangunan yang telah dikenalpasti iaitu:

Rajah 3.1: Objektif Pembangunan Daerah

1

MERANCANG DAN MENGATUR ZON GUNA TANAH SECARA MENYELURUH DAN MAMPAN
bagi memandu arah pembangunan Daerah Jelebu di masa akan datang.

Menentukan pembangunan guna tanah daerah yang meliputi kesemua aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi mengoptimumkan potensi dan sumberjaya daerah bagi memenuhi keperluan masa sekarang dan tidak menjejaskan keperluan masa hadapan

2

MEMELIHARA DAN MEMULIHARA SUMBERJAYA SEMULAJADI
Daerah Jelebu ke Arah Melindungi dan Kelangsungan Kehidupan Biodiversiti.

Merupakan kawasan yang perlu dikekalkan dan dipelihara bagi memastikan kemampanan, keseimbangan ekologi dan biodiversiti semula jadi daerah iaitu melibatkan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 seperti rizab hutan, badan air dan zon kawasan geologi dan arkeologi

3

MEMPERKUKUH AKTIVITI EKONOMI KHUSUSNYA PERTANIAN, PELANCONGAN DAN PERINDUSTRIAN BERASASKAN SUMBERJAYA SEDIA ADA
ke arah ekonomi daerah yang berdaya maju.

Pertumbuhan ekonomi yang stabil dengan mengeksploitasi sumber sedia ada secara optimum khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan dan perindustrian yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi daerah

4

MERANCANG DAN MEMPERKUKUH PUSAT-PUSAT PETEMPATAN UTAMA DAN KECIL MENGIKUT HIERARKI DAN FUNGSI BANDAR
yang saling menyokong dengan menyediakan kemudahan sosial, infrastruktur dan utiliti yang mencukupi dan berkualiti.

Pusat petempatan disusun berasaskan hierarki perbandaran yang jelas dan membolehkan setiap pusat petempatan dilengkapi dengan kemudahan perbandaran yang boleh membawa peranan dan fungsi berdasarkan tahap hierarki dalam menyediakan persekitaran hidup yang berkualiti

5

MENAMBAHBAIK DAN MEMPERLUAS PENYEDIAAN PRASARANA PENGANGKUTAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
bandar dan desa ke arah meningkatkan tahap kualiti persekitaran kerja dan hidup.

Menyedia dan menyelenggara rangkaian perhubungan dan infrastruktur dan utiliti yang menyeluruh ke setiap kawasan petempatan bandar dan desa bagi bagi memenuhi permintaan pengguna dan sasaran penduduk 2035

6

MEMPERKUKUHKAN DAN MENGEMASKINI SISTEM URUS TADBIR PBT
dan memudahcara pelaksanaan projek serta menjadi rujukan kepada agensi teknikal dan pihak pemaju/ pelabur.

Memperkuat dan menambahbaik sistem pengurusan PBT dan memastikan proses pelaksanaan cadangan pembangunan diurus dengan baik dan berkesan, di samping menyelaras aktiviti pembangunan supaya cadangan yang dirangka terlaksana dan mencapai matlamat dan sasarannya

3.3 HALA TUJU FOKUS PEMBANGUNAN DAERAH JELEBU 2035

Hala tuju utama pembangunan Daerah Jelebu 2035 adalah berdasarkan 7 fokus utama iaitu:-

FOKUS 1

PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAN ZON KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

Memfokuskan kepada pusat pertumbuhan utama dan kawasan potensi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang bernilai tambah secara bersepadu dan berfungsi sebagai pusat pertumbuhan bagi Daerah Jelebu.

FOKUS 2

PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI DAN KSAS

Memfokuskan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan yang telah dirizab dan diwartakan sebagai kawasan biodiversiti dan sensitif alam sekitar khususnya kawasan tanah tinggi, kawasan rizab hutan, berkecerunan melebihi 30 darjah, kawasan nilai sejarah, kawasan badan air dan kawasan tanaman makanan yang memberi kepentingan kepada alam sekitar dan pelancongan.

FOKUS 3

MEMPERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN

Memfokuskan kepada pembangunan sektor pertanian dan peindustrian sebagai salah satu sektor utama penyumbang kepada ekonomi daerah.

FOKUS 4

MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PELANCONGAN

Memfokuskan kepada pengukuhan peranan sektor pelancongan sebagai sektor teras kepada penyumbang ekonomi daerah.

FOKUS 5

PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA BANDAR DAN LUAR BANDAR

Memfokuskan kepada penyediaan prasarana bandar dan luar bandar yang lebih ekonomik dan selesa serta mewujudkan persekitaran hidup, kerja dan riadah yang lebih berkualiti, selamat, sejahtera dan beridentiti melibatkan kemudahan perhubungan, infrastruktur, utiliti, perumahan dan sebagainya.

FOKUS 6

MENINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN

Memfokuskan kepada sistem perhubungan utama luaran (*inter*) dan dalaman (*intra*) antara kawasan bandar dan bandar yang lain sama ada perhubungan lebuhraya, jalan raya dan pengangkutan awam.

FOKUS 7

PENCAPAIAN SASARAN PENDUDUK 2035

Memfokuskan kepada pencapaian sasaran penduduk seramai 58,219 orang menjelang tahun 2035 dengan tumpuan penduduk bandar adalah 52.23%.

FOKUS 1


PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAN ZON KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

STRATEGI/ LANGKAH-LANGKAH UTAMA:

Memfokuskan kepada pusat pertumbuhan utama dan kawasan potensi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang bernilai tambah secara bersepadu dan berfungsi sebagai pusat pertumbuhan bagi Daerah Jelebu.

1. Merancang pembangunan guna tanah dan perbandaran secara optimum dan mampan
2. Merejuvenasikan imej Pusat Bandar Kuala Klawang dan pekan-pekan utama

Rajah 3.2: Fokus Pusat Pertumbuhan Utama dan Kawasan Potensi bagi Pertumbuhan Ekonomi



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


FOKUS 2 PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI DAN KSAS

Memfokuskan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan pembangunan biodiversiti dan kawasan KSAS khususnya kawasan tanah tinggi, kawasan rizab hutan, berkecerunan melebihi 30 darjah, kawasan nilai sejarah, kawasan badan air dan kawasan tanaman makanan yang memberi kepentingan kepada alam sekitar dan pelancongan.

STRATEGI/ LANGKAH-LANGKAH UTAMA:

1. Mempertingkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber kepelbagaian bio.
2. Memelihara, memulihara dan mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS)
3. Meningkatkan kecekapan pengurusan kualiti alam sekitar dan kawalan terhadap aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran.
4. Memperkasakan pengurusan menghadapi risiko bencana.

Rajah 3.3: Fokus Pengekalan dan Pemeliharaan Biodiversiti dan KSAS



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


FOKUS 3 MEMPERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN

Memfokuskan kepada pembangunan sektor pertanian (tanaman, ternakan dan akuakultur) dan perindustrian sebagai salah satu sektor utama penyumbang kepada ekonomi daerah

STRATEGI/ LANGKAH-LANGKAH UTAMA:

1. Memperkukuhkan sektor pertanian melalui peningkatan produktiviti secara komersial dan mesra alam.
2. Mengukuhkan sektor industri melalui potensi sumberjaya dan kluster industri.

Rajah 3.4: Fokus Pemerkasaan Sektor Pertanian dan Perindustrian



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


FOKUS 4 MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PELANCONGAN

Memfokuskan kepada pengukuhan peranan sektor pelancongan sebagai sektor teras kepada penyumbang ekonomi daerah.

STRATEGI/ LANGKAH-LANGKAH UTAMA:

1. Memperkukuhkan produk dan destinasi pelancongan yang berpotensi dan pengenalan produk baharu.
2. Menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan, kualiti perkhidmatan, hospitaliti serta keselamatan pada tahap terbaik.
3. Mengukuhkan segmentasi promosi dan pemasaran pelancongan daerah dan pembangunan guna tenaga sektor pelancongan.

Rajah 3.5: Fokus Pengukuhan Produk-produk Pelancongan



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


FOKUS 5 PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA BANDAR DAN LUAR BANDAR

Memfokuskan kepada penyediaan kemudahan prasarana bandar dan luar bandar yang berkualiti dan selesa dalam mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat, sejahtera dan beridentiti melibatkan kemudahan dan infrastruktur asas perumahan dan sebagainya.

STRATEGI/ LANGKAH-LANGKAH UTAMA:

1. Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur asas luar bandar.
2. Menyediakan kemudahan masyarakat yang inklusif dan mencukupi.
3. Menyediakan kawasan lapang yang mencukupi dan bersepadu.

Rajah 3.6: Penyediaan Kemudahan Prasarana Bandar dan Luar Bandar



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


FOKUS 6 MENINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN *INTER* DAN *INTRA*

Memfokuskan kepada sistem perhubungan utama dalaman (*intra*) dan luaran (*inter*) antara kawasan bandar dan bandar yang lain sama ada perhubungan lebuhraya, jalan raya dan pengangkutan awam.

STRATEGI/ LANGKAH-LANGKAH UTAMA:

1. Merangka pelan rangkaian jalan raya yang menyeluruh bagi mempertingkatkan kemudahsampaian peringkat wilayah dan tempatan.
2. Mempertingkatkan pengurusan lalu lintas agar lebih selamat dan efisien.
3. Penyediaan pengangkutan awam yang menyeluruh, berfrekuensi tinggi dan mudah diakses.

Rajah 3.7: Fokus Sistem Perhubungan Utama *Inter* dan *Intra* Antara Kawasan Bandar




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

FOKUS 7 PENCAPAIAN SASARAN PENDUDUK 2035

Memfokuskan kepada pencapaian sasaran penduduk seramai 58,219 orang menjelang tahun 2035 dengan tumpuan penduduk bandar dari 45.64% kepada 52.23%.

1. Unjuran berdasarkan tren pertumbuhan semula jadi dengan purata pertumbuhan tahunan dari tahun 2000 hingga 2035 adalah 1.69 peratus.
2. Senario ini kerana menjangkakan kadar pertumbuhan yang lebih sederhana dan mampu untuk dicapai bagi Daerah Jelebu dalam tempoh setiap 15 tahun akan datang. Selain itu, pertumbuhan ini juga selaras dengan keadaan semasa dan pertumbuhan ekonomi Daerah Jelebu yang sederhana.

Rajah 3.8: Fokus Sasaran Penduduk Daerah Jelebu 2020-2035



Jadual 3.1: Sasaran Penduduk Bandar 2020-2035

PENDUDUK BANDAR	TAHUN 2020	TAHUN 2035	KPPT
BANDAR KUALA KLAWANG (TERMASUK PETALING)	5,562	9,626	3.72
PEKAN TITI	8,540	12,230	2.42
KORIDOR BANDAR KUALA KLAWANG - TITI	1,804	2,884	3.18
PEKAN SIMPANG PERTANG	2,201	2,574	1.05
PEKAN SIMPANG DURIAN	2,560	3,093	1.27
JUMLAH	20,667	30,407	2.61
PERATUS PENDUDUK BANDAR	45.64%	52.23%	

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

3.4 KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DAERAH JELEBU 2035

Konsep dan strategi pembangunan dibentuk sebagai asas kerangka spatial pembangunan daerah yang akan menterjemahkan kerangka pembangunan dalam bentuk reruang. Bagi Daerah Jelebu, konsep

" PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN BERSEPADU KE ARAH DAERAH BIODIVERSITI "

telah dipilih dengan tujuan untuk **mencapai keseimbangan pembangunan daerah dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti dan alam semula jadi, pembangunan ekonomi serta pembangunan fizikal dan sosial** bagi mewujudkan perancangan pembangunan yang bersepadu dan lestari.

PEMBANGUNAN SEIMBANG

TAFSIRAN:
Mewujudkan keseimbangan pembangunan antara keperluan pembangunan ekonomi, keperluan kemudahan sosial dan fizikal serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar tanpa menjejaskan aset sumber jaya semula jadi dan biodiversiti daerah.

PEMBANGUNAN BERSEPADU

TAFSIRAN:
Pendekatan pembangunan secara berfokus serta melengkapi keseluruhan aktiviti dan komponen pembangunan termasuklah aspek sosioekonomi penduduk, pusat pertumbuhan serta prasarana bandar dan luar bandar.

PRINSIP PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN JELEBU 2035



FIZIKAL DAN SOSIAL BERSEPADU

Memberi penumpuan pembangunan secara bersepadu di kawasan bandar utama, pekan dan pusat pertumbuhan desa serta jaringan perhubungan bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan

01 PUSAT PERTUMBUHAN/ TUMPUAN UTAMA
- Bandar Tempatan
- Pekan Utama
- Hab Komuniti (Pekan Kecil)
- Pusat Pertumbuhan Desa/ Desa Muafakat

02 ZON/ KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN
- Kawasan Tepu Bina
- Sempadan Bandar
- Zon Pembangunan Utama
- Zon Pembangunan Sekunder

06 RANGKAIAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Perhubungan Wilayah
- Perhubungan Utama
- Perhubungan Sekunder
- Infrastruktur Utama



SUMBER JAYA SEMULA JADI DAN KEPELBAGAIAN BIO

Pemeliharaan dan pemuliharaan KSAS Bersepadu, iaitu KSAS Warisan, KSAS Risiko Bencana dan KSAS Sokongan Hidup

03 ZON/ KAWASAN BIODIVERSITI PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN
- KSAS Tahap 1

04 ZON/ KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3




EKONOMI BERSEPADU

Memastikan pembangunan ekonomi secara bersepadu melibatkan sektor-sektor utama ekonomi ke arah meningkatkan daya saing dan mengoptimumkan pertumbuhan ekonomi

05 ZON / KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN
- Zon Strategik Pelaburan dan Taman Negeri Kenaboi
- Zon/ Tumpuan Kluster Pelancongan Utama
- Zon/ Kawasan Pertanian dan Penternakan Utama
- Zon Potensi Pembangunan Ekonomi

RAJAH 3.9: KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN BERSEPADU
K E A R A H D A E R A H B I O D I V E R S I T I



KOMPONEN KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN:

01 PUSAT PERTUMBUHAN / TUMPUAN UTAMA

Keterangan Ringkas

- Bandar Tempatan
- Pekan Utama
- Hab Komuniti
- Pusat Pertumbuhan Desa (Desa Muafakat)
- Arah Tumpuan Pembangunan

Merupakan cadangan hierarki pusat petempatan Daerah Jelebu sehingga tahun 2035 yang ditentukan berdasarkan kepada hierarki di peringkat negeri dan termasuk juga potensi semasa pusat-pusat petempatan sedia ada.

02 ZON / KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

- Tepu Bina Semasa
- Tepu Bina Komited
- Sempadan Bandar/Pusat Petempatan
- Zon Pembangunan Utama
- Zon Pembangunan Sekunder

Zon keutamaan pembangunan yang dicadangkan adalah memfokuskan kepada pengukuhan pusat-pusat petempatan utama sedia ada. Indikatif utama dalam pembentukan keutamaan ini adalah berdasarkan ketersediaan tanah dan kebitaraan yang terdapat di Daerah Jelebu.

03 ZON / KAWASAN BIODIVERSITI PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

- Hutan Simpan Kekal
- Kenaboi World Biodiversity Centre
- Ketinggian > 1000m
- Ekopelancongan
- Kawasan Geologi dan Arkeologi
- Lembangan Sungai dan Badan Air

Merupakan kawasan pengekalan dan pemeliharaan yang majoritinya melibatkan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 yang terdiri daripada rizab hutan simpan kekal, badan air dan zon kawasan geologi dan arkeologi.

04 ZON/ KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD

- Zon Penampan Empangan (500 Meter)
- Kawasan Tanaman Makanan (TKPM dan Padi)
- Rangkaian Ekologi N-SL1 HS Triang-HS Triang
- Rangkaian Ekologi N-SL3 HS Kenaboi-HS Kenaboi
- Zon Penampan Rangkaian Ekologi (1000 meter)

Dikategorikan sebagai KSAS Tahap 2 dan KSAS Tahap 3. Semua cadangan aktiviti pembangunan di dalam zon-zon ini adalah terhad dan tertakluk kepada syarat-syarat garis panduan yang berkaitan.

05 ZON/ KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN

- Zon Strategik Pelaburan dan Taman Negeri Kenaboi
- Zon Tumpuan Kluster Pelancongan Utama (TDZ)
- Zon Pertanian dan Penternakan Utama
- Zon Potensi Pembangunan Bercampur
- Zon Potensi Pembangunan Ekonomi - Pelancongan

Zon ini mengkhususkan kepada zon ekonomi dan pelaburan yang melibatkan kawasan strategik pelaburan dan Taman Negeri Kenaboi, kawasan tumpuan pelancongan utama, kawasan hab pertanian dan penternakan, kawasan potensi pembangunan perindustrian dan pelancongan baru.

06 RANGKAIAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

- Perhubungan Wilayah
- Perhubungan Utama Daerah
- Infrastruktur Utama Persimpangan Bertingkat

Cadangan prasarana utama melibatkan jaringan pengangkutan dan perhubungan serta infrastruktur utama yang akan mempertingkatkan tahap aksesibiliti *inter* dan *intra* daerah.

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035


KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN BERSEPADU



01 PUSAT PERTUMBUHAN/ TUMPUAN UTAMA

Melibatkan peranan bandar atau kawasan atau petempatan

- Bandar Tempatan (Pusat Separa Wilayah)
- Pekan Utama (Pusat Petempatan Utama)
- Hab Komuniti (Pusat Petempatan Kecil)
- Pusat Pertumbuhan Desa (Desa Muafakat)



02 ZON/ KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

Melibatkan kawasan yang dibenarkan/ difokuskan/ galakan untuk pembangunan


- Kawasan Tepu Bina Semasa
- Kawasan Tepu Bina Komited
- Zon Pembangunan Utama (Kawasan Sempadan Bandar)
- Zon Pembangunan Sekunder (Kawasan Koridor Pembangunan)



03 ZON/ KAWASAN BIODIVERSITI PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

Melibatkan majoriti kawasan Biodiversiti dan KSAS Tahap 1


- Hutan Simpan Kekal (HSK)
- *Kenaboi World Biodiversity Centre*
- Kawasan Berketinggian >1000 meter
- Kawasan Berkecerunan >35 darjah
- Kawasan Ekopelancongan
- Kawasan Sumber Geologi dan Arkeologi
- Lembangan Sungai dan Badan Air



04 ZON/ KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD

Melibatkan kawasan pembangunan terhad atau kawalan khusus

- Kawasan Penampan HSK (50 m)
- Kawasan Penampan Empangan (500m)
- Kawasan Berketinggian ➢ 300 meter
- Kawasan Tanaman Makanan
- Kawasan Pertanian Produktif (FELDA/ FELCRA)
- Rangkaian Ekologi N-SL1 (HS Triang – HS Triang) dan N-SL3 (HS Kenaboi – HS Kenaboi)
- Zon Penampan Rangkaian Ekologi (1000m)



05 ZON/ KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN

Melibatkan kawasan sumber aktiviti ekonomi dan pelaburan

- Zon Strategik Pelaburan dan Taman Negeri Kenaboi
- Zon Tumpuan Kluster Pelancongan Utama
- Zon Pertanian dan Penternakan Utama
- Zon Potensi Pembangunan Bercampur
- Zon Potensi Pembangunan Ekonomi – Pelancongan



06 RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN INFRASTRUKTUR & UTILITI

Melibatkan rangkaian perhubungan, infrastruktur dan utiliti

- Perhubungan Wilayah (Lebuh raya)
- Perhubungan Utama Daerah (Jalan Pengagih Utama)
- Perhubungan Sekunder (Jalan Pengagih Tempatan)
- Infrastruktur Utama

A. PUSAT PERTUMBUHAN DAN TUMPUAN UTAMA


Hierarki petempatan Daerah Jelebu 2035 ditentukan berdasarkan kepada hierarki di peringkat negeri dan termasuk juga potensi semasa pusat-pusat petempatan sedia ada. Berdasarkan penemuan semasa, 4 hierarki yang melibatkan 6 pusat petempatan telah dikenalpasti dan fungsi-fungsi setiap pusat petempatan. Berikut merupakan jadual pusat petempatan dan fungsi-fungsi utama.

01 PUSAT PERTUMBUHAN/ TUMPUAN UTAMA

BANDAR TEMPATAN (PUSAT SEPARA WILAYAH)

Bandar Kuala Klawang (termasuk Petaling)

- Pusat tumpuan utama Daerah Jelebu dan berperanan sebagai Bandar Pentadbiran, Pusat pengumpulan serta pemasaran hasil pertanian dan Bandar Warisan
- Pelancongan Budaya dan Warisan Bandar dan kampung (Gagu, Sungai Dulang)
- Pintu masuk selatan dari Seremban



PEKAN (PUSAT PETEMPATAN UTAMA)

Titi

- Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar dan petempatan Felda Titi
- Fokus pelancongan (Makanan Tradisi Hakka)
- Pintu masuk barat dari Lembah Klang
- Pusat Perkhidmatan Pekan Transit, *Biking route* Hulu Langat – Genting Peras – Titi

Simpang Pertang

- Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar Gugusan Felda Pasoh
- Pintu masuk timur dari Daerah Jempul dan Kuala Pilah.
- Staging point Kompleks Gua Pasoh – Gua Pelangi Arkeologi (Felda Pasoh 4)
- Cadangan pembangunan Kawasan Perindustrian Baru

Simpang Durian

- Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar
- Pintu masuk utara dari Negeri Pahang (Daerah Bentong)
- *Rice Bowl* – Penanaman padi dan ekopelancongan Projek Kelompok Padi Sungai Buluh
- Hab pertanian dan buah-buahan

HAB KOMUNITI (PUSAT PETEMPATAN KECIL)

Pertang, Durian Tipus

- Pekan sokongan kepada Pekan Simpang Pertang dan Simpang Durian sebagai pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar.

PUSAT PERTUMBUHAN DESA (DESA MUAFAKAT)

Kg. Chennah, Kg. Simpang Gelami

- Pusat perkhidmatan luar bandar dan kampung
- Rangkaian transit Taman Negeri Kenaboi
- Hab Pertanian

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

02 ZON / KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

B. ZON/ KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

Zon keutamaan pembangunan yang dicadangkan adalah memfokuskan kepada kawasan tepu bina dan komited, zon pembangunan utama dan zon pembangunan sekunder. Indikatif utama dalam pembentukan keutamaan ini adalah berdasarkan ketersediaan tanah dan kebitaraan yang terdapat dalam Daerah Jelebu.

KAWASAN TEPU BINA SEMASA

- Melibatkan kawasan pembangunan sedia ada iaitu pembangunan perumahan, perniagaan, perindustrian, institusi, kemudahan masyarakat, rekreasi, jalan raya, kemudahan pengangkutan, infrastruktur dan utiliti
- Kawasan seluas **3,016.9 hektar ataupun 2.23%** daripaada keseluruhan daerah.

KAWASAN TEPU BINA KOMITED

- Melibatkan kawasan pembangunan yang telah diluluskan iaitu pembangunan perumahan, perniagaan, perindustrian, institusi, kemudahan masyarakat dan rekreasi.
- Kawasan seluas **923.65 hektar ataupun 0.68%** dari keluasan keseluruhan Daerah Jelebu.

ZON PEMBANGUNAN UTAMA (KAWASAN SEMPADAN BANDAR)

- Melibatkan Bandar Kuala Klawang (termasuk Pekan Petaling), Pekan Titi, Pekan Simpang Pertang, Pekan Simpang Durian, Pekan Kecil Pertang dan Pekan Kecil Durian Tipus.
- Kawasan seluas **1,256.12 hektar ataupun 0.93%** dari keluasan keseluruhan Daerah Jelebu.

ZON PEMBANGUNAN SEKUNDER (KAWASAN KORIDOR PEMBANGUNAN)

- **Melibatkan 3 koridor utama:**
  - Koridor Bandar Kuala Klawang – Pekan Titi
  - Koridor Pekan Simpang Pertang – Pekan Pertang
  - Koridor Pekan Simpang Durian – Durian Tipus
- **Melibatkan 5 koridor sekunder:**
  - Koridor Kampung Gedang – Bandar Kuala Klawang
  - Koridor Bandar Kuala Klawang – Pekan Pertang
  - Koridor Pekan Simpang Pertang – Pekan Simpang Durian
  - Koridor Pekan Durian Tipus – Bentong
  - Koridor Titi – Sungai Muntoh/ Chennah

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

C. ZON/ KAWASAN BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

Zon ini mengkhususkan kepada kawasan pengekalan dan pemeliharaan yang melibatkan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 iaitu KSAS Risiko Bencana, KSAS Bernilai Warisan dan KSAS Bernilai Sokongan Hidup. Bagi kawasan ini, semua jenis pembangunan termasuk pertanian dan pembalakan tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat.

03 ZON / KAWASAN BIODIVERSITI PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

HUTAN SIMPAN KEKAL

72,813.08 Hektar keluasan HSK iaitu 53.79% dari luas keseluruhan daerah:

- HSK Beremban
- HSK Gapau
- HSK Pasoh
- HSK Triang
- HSK Kenaboi

KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE

- Projek Kenaboi *World Biodiversity Centre* ini dicadangkan bagi mempromosikan pelancongan yang berkonsepkan mesra alam dan mampan. Antara komponen yang dicadangkan adalah Taman Negeri *(Wild Safari)*, Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar, Pusat Konservasi dan Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa

KETINGGIAN

- Kawasan Tanah Tinggi melebihi 1000 meter

KECERUNAN

- Kawasan Kecerunan Melebihi 35 darjah (Keperluan JMG)

KAWASAN EKOPELANCONGAN

- Ekopelancongan (Taman Negeri Kenaboi, Kompleks Gua Pasoh, Bukit Batu Sawa Bukit Batu Beras, Bukit Batu Bulan, Jeram Toi, Gunung Besar Hantu, Jeram Gading, Jeram Berungut, Air Panas Chennah, *Ecofarm Resort*, Lata Kijang)

SUMBER GEOLOGI DAN ARKEOLOGI

- Jeram Toi, HSK Kenaboi, Sg. Kenaboi, Lata Kijang, Jeram Gading, Gunung Besar Hantu, Gua Pelangi

LEMBANGAN SUNGAI DAN BADAN AIR

- Di dalam kawasan Lembangan Sg. Triang (10 Sungai Utama)

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

D. ZON/ KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD

Zon atau kawasan terkawal akan memfokuskan kepada kawasan di luar KSAS Tahap 1 iaitu sekitar rizab hutan simpan kekal, sekitar kawasan badan air, kawasan tanaman makanan dan hab penternakan serta pertanian produktif dan lain-lain pertanian. Kawasan ini akan terkawal dari segi pembangunan fizikal bagi memastikan kelangsungan hasil Daerah Jelebu.

04 ZON / KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD

ZON PENAMPAN HSK (50 M)

- 50 meter dari lingkungan rizab hutan simpan kekal (HSK Beremban, HSK Gapau, HSK Pasoh, HSK Triang dan HSK Kenaboi)

ZON PENAMPAN EMPANGAN

- 500 meter dalam lingkungan tadahan lembangan

KETINGGIAN

- Kawasan Berketinggian antara 300 meter hingga 1,000 meter
- Kawasan Berketinggian antara 150 meter hingga 300 meter

KAWASAN TANAMAN MAKANAN

- Kawasan Pertanian Makanan:
  - Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan
  - Kawasan tanaman padi
  - Kawasan Akuakultur

KAWASAN PERTANIAN (FELDA/ FELCRA)

- Kawasan pertanian FELDA dan FELCRA

KORIDOR EKOLOGI SEKUNDER N-SL1 HS TRIANG – HS TRIANG DAN N-SL3 HS KENABOI – HS KENABOI

- 1km dari laluan N-SL1 (HS Triang – HS Triang) dan N-SL3 (HS Kenaboi – HS Kenaboi), Hutan Tadahan Air, Hutan Dara, Hutan Pengeluaran/ Ladang Hutan, Hutan Penyelidikan dan Pendidikan

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

E. ZON/ KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN

Zon ini mengkhususkan kepada zon ekonomi dan pelaburan yang melibatkan kawasan strategik pelaburan/ Taman Negeri Kenaboi, kawasan tumpuan pelancongan utama, kawasan hab pertanian dan penternakan, kawasan perindustrian baru.

05 ZON / KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN

KAWASAN STRATEGIK PELABURAN/ TAMAN NEGERI KENABOI

- Melibatkan kawasan Rizab Hutan Simpan Kenaboi dengan kawasan seluas 9,072.92 hektar (6.70% dari keluasan Daerah Jelebu).
- Kawasan potensi strategik pelaburan pelancongan berasaskan Biodiversiti dan Taman Negeri Kenaboi.

ZON TUMPUAN PELANCONGAN UTAMA

- Melibatkan cadangan pengukuhan 3 zon utama fokus pelancongan Daerah Jelebu iaitu:
  - Zon 1: Menjadikan Taman Negeri Kenaboi sebagai Pusat Ekopelancongan Negeri Sembilan
  - Zon 2: Membangunkan Gua Pelangi sebagai tapak warisan kebangsaan serta sebuah produk Arkeopelancongan.
  - Zon 3: Mencadangkan pembangunan pelancongan bandar di Kuala Klawang bagi mempelbagaikan pilihan tarikan kepada pelancong.

ZON PERTANIAN DAN PENTERNAKAN UTAMA

- Melibatkan cadangan pengukuhan 2 zon utama fokus pertanian Daerah Jelebu iaitu:
  - Zon Pertanian Barat – Fokus Kepada Peningkatan Produktiviti Pertanian dan R&D (Tanaman, Ternakan, Akuakultur, IAT).
  - Zon Pertanian Timur – Fokus Kepada Pengekalan Kawasan Pertanian dan Kawalan Tanaman Komoditi.

KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN BERCAMPUR

- Melibatkan dua kawasan potensi iaitu:
  - Kawasan Sekitar Simpang Pertang (Ladang Sime Darby) berpotensi dibangunkan sebagai kawasan bandar baru yang terdiri daripada kawasan kediaman, komersial, industri dan disokong oleh pembangunan kemudahan.
  - Kawasan sekitar N-SL3 HS Kenaboi - HS Kenaboi berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pelancongan berimpak rendah dan mesra alam berikutan kedudukanya yang berhampiran Taman Negeri Kenaboi.

KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN EKONOMI – PELANCONGAN

Cadangan pembangunan bercampur berasaskan ekopelancongan di sekitar laluan Kuala Klawang – Titi – Kg Londah Selangor (N32) bagi menyokong pembangunan pelancongan berasaskan sumber semulajadi dan biodiversiti.

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

F. RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Cadangan rangkaian sistem perhubungan, infrastruktur dan utiliti akan terbahagi kepada 3 iaitu perhubungan wilayah, perhubungan dalaman dan kemudahan pengangkutan yang meliputi cadangan lebuh raya, cadangan jalan baru dan cadangan naik taraf. Selain itu, cadangan turut meliputi kemudahan terminal pengangkutan.

06 RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN INFRASTRUKTUR & UTILITI

PERHUBUNGAN WILAYAH (LEBUH RAYA)

- Cadangan Lebuh raya *Southern Central Road (SCR)* menghubungkan Simpang Pelangai - Segamat
- Cadangan Lebuh raya Semenyih - Simpang Pelangai, Pahang
- Cadangan Jalan Utama Pasoh 1 dan Pasoh 4 Ke Felda Lui Muda

PERHUBUNGAN UTAMA (JALAN PENGAGIH UTAMA)

- Cadangan naik taraf Jalan Titi – Kg. Londah Selangor (N32) dengan melebarkan jalan, meluruskan jalan yang bengkok dan tambahan laluan basikal.
- Cadangan Jalan Penghubung Simpang Durian – Sg. Rotan – Jalan N32 dan Penghubung Petaling – Kg. Gagu – Lenggeng sebagai Jalan Lingkaran Luar Negeri Sembilan

PERHUBUNGAN TEMPATAN (JALAN SEKUNDER)

- Jalan Pintasan Bandar (laluan Seremban – Kuala Klawang (FT086) ke Jalan Kuala Klawang – Pertang (FT086) tanpa melalui pusat bandar (untuk perjalanan jarak jauh)

INFRASTRUKTUR UTAMA

- Rentis TNB sedia ada dan cadangan

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

3.5 RINGKASAN CADANGAN RT DAERAH JELEBU 2035 (PENGGANTIAN)

Secara keseluruhannya, terdapat **25 strategi dan 108 cadangan pembangunan** yang telah dikenalpasti untuk membangunkan Daerah Jelebu 2035. Cadangan pembangunan ini dibahagi kepada empat (4) teras perancangan yang terdiri daripada tiga belas (13) aspek strategik yang dikelaskan mengikut kategori projek iaitu cadangan *quick win*, cadangan strategik dan berimpak tinggi, cadangan utama dan cadangan sokongan. Daripada 108 cadangan ini juga terbahagi kepada tiga (3) kategori cadangan berbentuk projek, program dan dasar/ garis panduan, pengurusan serta insentif. Berikut menunjukkan ringkasan bagi keseluruhan cadangan pembangunan RT Daerah Jelebu 2035 (Penggantian):



KEUTAMAAN CADANGAN

QW	**CADANGAN *QUICK WIN*** Cadangan yang memberi kesan segera kepada daerah dan tempatan	10	5	3	1	1
ST	**CADANGAN STRATEGIK** Cadangan yang memberi kesan jangka masa pendek, sederhana dan panjang di peringkat antarabangsa, negara, wilayah dan negeri	12	5	3	0	4
UT	**CADANGAN UTAMA** Cadangan yang memberi kesan jangka masa pendek, sederhana dan panjang di peringkat negeri dan daerah	35	6	11	10	8
SO	**CADANGAN SOKONGAN** Cadangan yang memberi kesan jangka masa pendek dan sederhana di peringkat daerah dan tempatan	51	13	13	17	8

TERAS PERANCANGAN

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI	EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI	DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA	PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

ASPEK UTAMA

ASPEK FIZIKAL
- Guna Tanah, Ciri-ciri Fizikal dan Petempatan Bandar
- Alam Sekitar, Pengurusan Alam Semulajadi, Geobencana dan Perhutanan
- Pusat Bandar, Reka Bentuk Bandar dan Pemeliharaan Bangunan Warisan

ASPEK EKONOMI
- Pertanian
- Pelancongan
- Perindustrian
- Perniagaan dan Perkhidmatan

ASPEK SOSIAL
- Perumahan
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Kawasan Lapang, Landskap dan Rekeasi
- Petempatan Desa dan Pembangunan Luar Bandar

ASPEK PRASARANA
- Pengangkutan (Perhubungan dan Pengurusan Lalu Lintas)
- Infrastruktur dan Utiliti

STRATEGI PEMBANGUNAN

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4
07 STRATEGI	06 STRATEGI	07 STRATEGI	05 STRATEGI

CADANGAN PEMBANGUNAN

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4
29 CADANGAN	30 CADANGAN	28 CADANGAN	21 CADANGAN

TERAS PERANCANGAN

QW
CADANGAN
QUICK WIN
10

ST
CADANGAN
STRATEGIK
12

UT
CADANGAN
UTAMA
35

TERAS 1
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

- **T1.2C** CADANGAN PEMBANGUNAN PUSAT KONSERVASI TAPIR
- **T1.2D** CADANGAN PENGURUSAN PEMANTAUAN INVENTORI DAN PENYELIDIKAN FLORA DAN FAUNA BAGI MELINDUNGI SUMBER BIODIVERSITI
- **T1.3A** CADANGAN PENGURUSAN DAN PENGAWALAN PEMBANGUNAN MENGIKUT TAHAP KSAS
- **T1.4A** CADANGAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG KOMPREHENSIF
- **T1.6A** CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN-BANGUNAN WARISAN
- **T1.1A** CADANGAN GUNA TANAH DAERAH JELEBU 2035
- **T1.1E** CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN BAGI MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH
- **T1.2A** CADANGAN *KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE*, TAMAN NEGERI KENABOI
- **T1.2E** CADANGAN *GEOPARK JELEBU*
- **T1.3B** CADANGAN KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) SEBAGAI ZON PENYERAP KARBON (*CARBON SINK*)
- **T1.1B** CADANGAN HIERARKI PETEMPATAN DAERAH JELEBU 2035
- **T1.1D** CADANGAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- **T1.2B** CADANGAN KAWALAN RANGKAIAN EKOLOGI N-SL1 (HS TRIANG – HS TRIANG) DAN N-SL3 (HS KENABOI – HS KENABOI)
- **T1.6D** CADANGAN *SEMIPEDESTRIAN JELEBU WALK*
- **T1.6F** CADANGAN PENYEDIAAN LALUAN PEJALAN KAKI DI BANDAR KUALA KLAWANG
- **T1.7A** CADANGAN MEMELIHARA DAN MENAIKTARAF TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN DI SEKITAR DAERAH JELEBU

TERAS 2
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

- **T2.1A** CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KAWASAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) SEDIA ADA
- **T2.2E** CADANGAN *JELEBU BEST FOOD SPOT (J-BEST)*
- **T2.5D** CADANGAN PEMUTIHAN INDUSTRI
- **T2.2A** CADANGAN PENGUKUHAN EKOPELANCONGAN TAMAN NEGERI KENABOI
- **T2.2B** CADANGAN EKSPLORASI GUA-GUA JELEBU
- **T2.4B** CADANGAN PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN YANG BERIMPAK TINGGI DAN KALENDAR PELANCONGAN JELEBU
- **T2.1B** CADANGAN LADANG RAKYAT TANAMAN BUAH-BUAHAN
- **T2.1C** CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI TANAMAN PADI
- **T2.1D** CADANGAN PROJEK LADANG INKUBATOR DAN TAPAK VARIETI TANAMAN
- **T2.1J** CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN SETEMPAT UTAMA HASIL PERTANIAN DAERAH JELEBU
- **T2.2D** CADANGAN HAB SUKAN LASAK KONGKOI @ PUSAT LATIHAN KEPIMPINAN UPNM
- **T2.2F** CADANGAN *JELEBU BIKE ROUTE (JBR)*
- **T2.3C** CADANGAN ZON KEMUDAHAN PENGINAPAN DAN PEMBANGUNAN *HOMESTAY*
- **T2.4A** CADANGAN DIGITALISASI SEKTOR PELANCONGAN DAERAH JELEBU
- **T2.4C** CADANGAN PEMBENTUKAN PAKEJ PELANCONGAN JELEBU (PPJ)
- **T2.5A** CADANGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)
- **T2.5B** CADANGAN MEMPERGIATKAN PENGISIAN LOT-LOT KOSONG INDUSTRI KAWASAN PERINDUSTRIAN SIMPANG PERTANG

TERAS 3
DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

- **T3.6A** CADANGAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)/ DESA MUAFAKAT SEBAGAI PUSAT PERKHIDMATAN LUAR BANDAR
- **T3.1A** CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DALAM KAWASAN BANDAR, PEKAN DAN LUAR BANDAR
- **T3.2A** CADANGAN HOSPITAL DAERAH JELEBU BAHARU
- **T3.2B** CADANGAN PUSAT REHABILITASI DAN GERIATRIK DI TAPAK HOSPITAL LAMA
- **T3.2F** CADANGAN SMKA JELEBU BERASRAMA PENUH
- **T3.3A** CADANGAN KEMUDAHAN REKREASI BANDAR KUALA KLAWANG
- **T3.4A** CADANGAN DATARAN KUALA KLAWANG
- **T3.4B** CADANGAN EKODATARAN BUKIT TANGGA
- **T3.7A** CADANGAN *KAMPUNGSTAY* DI KAMPUNG ORANG ASLI (KOA) TOHOR
- **T3.7B** CADANGAN PELANCONGAN KOMUNITI BERASASKAN EKOPELANCONGAN DI FELDA PASOH 4
- **T3.7C** CADANGAN AGROPELANCONGAN DI KAMPUNG SUNGAI BULOH

TERAS 4
PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

- **T4.5E** CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) DAERAH JELEBU
- **T4.1A** CADANGAN LEBUH *RAYA SOUTHERN CENTRAL ROAD (SCR)* MELALUI SIMPANG PELANGAI – SEGAMAT
- **T4.1B** CADANGAN LEBUH RAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI, PAHANG
- **T4.1C** CADANGAN NAIK TARAF JALAN PERSEKUTUAN 9 (JALAN TAMPIN – SIMPANG PERTANG – MANCHIS)
- **T4.2A** CADANGAN NAIK TARAF JALAN SEREMBAN – KUALA KLAWANG – PERTANG (FT086)
- **T4.1D** CADANGAN JALAN PINTASAN BANDAR KE KAMPUNG CHEPOM
- **T4.2B** CADANGAN JALAN SG. MUNTOH – SIMPANG DURIAN
- **T4.2C** CADANGAN JALAN KG. GAGU – LENGGENG
- **T4.2D** CADANGAN JALAN DURIAN TIPUS – SG. LUI
- **T4.2E** CADANGAN JALAN UTAMA PASOH 1 DAN PASOH 4 KE FELDA LUI MUDA
- **T4.5A** CADANGAN MENINGKATKAN KELAJUAN JALUR LEBAR MUDAH ALIH
- **T4.5D** CADANGAN SISTEM PEMINDAHAN SISA PEPEJAL (*TRANSFER STATION*)
- **T4.5F** CADANGAN IZIN LALU RANGKAIAN TALIAN RENTIS BEKALAN ELEKTRIK BAGI WILAYAH/ SEMENANJUNG MALAYSIA

TERAS PERANCANGAN

TERAS 1
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

- **T1.1C** CADANGAN KORIDOR PEMBANGUNAN
- **T1.3C** CADANGAN MEMPERTINGKATKAN KAWALAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN KEKAL
- **T1.4B** CADANGAN PELAKSANAAN KONSEP PEMBANGUNAN BERIMPAK RENDAH (*LOW IMPACT DEVELOPMENT*) DAN PENERAPAN AMALAN PEMBANGUNAN YANG BAIK
- **T1.4C** CADANGAN PENERAPAN TEKNIK DAN AMALAN LID DALAM PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN
- **T1.5A** CADANGAN PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK
- **T1.5B** CADANGAN PROGRAM *REFUSE* (MENOLAK), *REDUCE* (MENGURANGKAN), *REUSE* (GUNA SEMULA), *RECYCLE* (KITAR SEMULA) DAN *RECOVERY* (PEMULIHAN/ DIPERBAHARUI) 5R
- **T1.5C** CADANGAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI
- **T1.5D** CADANGAN PROGRAM *CAR FREE DAY* DAERAH JELEBU
- **T1.6B** CADANGAN MENAIKTARAF RUANG-RUANG AWAM
- **T1.6C** CADANGAN SENI LUKISAN MURAL DI PERSIMPANGAN UTAMA BANDAR KUALA KLAWANG
- **T1.6E** CADANGAN MEMPELBAGAIKAN FUNGSI JALAN N32 SEBAGAI LALUAN PERARAKAN
- **T1.6G** CADANGAN PENERAPAN ELEMEN BANDAR SELAMAT DI BANDAR KUALA KLAWANG
- **T1.6H** CADANGAN PENGINDAHAN PEKAN-PEKAN UTAMA (PEKAN TITI, PEKAN SIMPANG PERTANG, PEKAN SIMPANG DURIAN, PEKAN PETALING)

TERAS 2
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

- **T2.1E** CADANGAN MEMBANGUNKAN SEMULA TANAH-TANAH PERTANIAN TERBIAR
- **T2.1F** CADANGAN MEMPERKASA AKTIVITI TERNAKAN RUMINAN
- **T2.1G** CADANGAN KAWALAN LADANG TERNAKAN AYAM MELALUI PEMATUHAN GARIS PANDUAN DAN MESRA ALAM
- **T2.1H** CADANGAN MEMBANGUNKAN TERNAKAN IKAN *JADE PERCH* SECARA KOMERSIAL
- **T2.1I** CADANGAN MEMPERKUKUH AKTIVITI AKUAKULTUR MELALUI PENYERTAAN PROGRAM PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR TAWAR
- **T2.2C** CADANGAN JEJAK BUDAYA DAN WARISAN JELEBU
- **T2.3A** CADANGAN PUSAT INFORMASI PELANCONG (TIC)
- **T2.3B** CADANGAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN DI KAWASAN-PELANCONGAN
- **T2.4D** CADANGAN *UPSKILLING* PENDUDUK TEMPATAN KE ARAH DAERAH PELANCONGAN BERNILAI TINGGI
- **T2.6A** CADANGAN PENGUKUHAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI PUSAT PETEMPATAN YANG DITETAPKAN
- **T2.6B** CADANGAN KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R)
- **T2.6C** CADANGAN MENGAWAL SELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN
- **T2.6D** CADANGAN PROGRAM USAHAWAN BERGERAK/ *MOBILEPRENEUR*

TERAS 3
DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

- **T3.1B** CADANGAN PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK
- **T3.2C** CADANGAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN DAN KLINIK DESA SEDIA ADA
- **T3.2D** CADANGAN SEKOLAH MENENGAH BAHARU
- **T3.2E** CADANGAN SEKOLAH KEBANGSAAN BAHARU
- **T3.2G** CADANGAN TAPAK RIZAB PERKUBURAN ISLAM
- **T3.2H** CADANGAN BALAI POLIS BAHARU DAN NAIK TARAF BALAI POLIS SEDIA ADA
- **T2.2I** CADANGAN BALAI BOMBA BAHARU DAN NAIK TARAF BALAI BOMBA SEDIA ADA
- **T3.2J** CADANGAN HAB KOMUNITI BELIA
- **T3.3B** CADANGAN NAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN TAMAN BUKIT KEMPAS
- **T3.3C** CADANGAN MENAMBAHBAIK KEMUDAHAN SOKONGAN DATARAN PERTANG
- **T3.5A** CADANGAN PENGINDAHAN LANDSKAP PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG
- **T3.5B** CADANGAN PENGINDAHAN LANDSKAP DI DAERAH JELEBU
- **T3.5C** CADANGAN POKOK RASMI DAERAH JELEBU
- **T3.5D** CADANGAN PEMBANGUNAN PINTU MASUK KE DAERAH JELEBU DAN *ENTRANCE REMARK*
- **T3.5E** CADANGAN GERBANG PINTU MASUK DAN MENAIKTARAF *TRAIL* KE GUNUNG TELAPAK BURUK
- **T3.6B** CADANGAN KEMUDAHAN ASAS DAN AWAM DI KAWASAN DESA
- **T3.7D** CADANGAN MEMPERKASA USAHAWAN DESA

TERAS 4
PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

- **T4.2F** CADANGAN JALAN KG. TEMELANG – SG. GUNUNG ROTAN
- **T4.2G** CADANGAN NAIK TARAF JALAN KAMPUNG PETALING (N132)
- **T4.3A** CADANGAN JALAN LINGKARAN BANDAR
- **T4.3B** CADANGAN PAPAN INFORMASI MASA SEBENAR
- **T4.4A** CADANGAN PENAMBAHAN LALUAN BAS DAN MUTU PERKHIDMATAN UNTUK PERHUBUNGAN DAERAH DAN PERHUBUNGAN TEMPATAN
- **T4.4B** CADANGAN HENTIAN BAS TRANSIT
- **T4.5B** CADANGAN SASARAN PENGURANGAN KADAR AIR YANG TIDAK TERAKAUN (NRW) <20%
- **T4.5C** CADANGAN MENAIKTARAF TANGKI IMBANGAN LOJI RAWATAN AIR LAKAI



BAB 4

TERAS 1:
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI







TERAS 1

7 STRATEGI

29 CADANGAN

DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI – merujuk kepada pembangunan daerah lestari yang mengambilkira aspek alam sekitar dan semula jadi (flora dan fauna). Sejajar dengan matlamat pembangunan, teras ini menjadi tunjang utama untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan sumber kepelbagaian biologi di Daerah Jelebu secara berkekalan dan seimbang.

Seterusnya, pembangunan guna tanah yang optimum juga merupakan salah satu penekanan yang memandu perancangan dan kawalan pembangunan di Daerah Jelebu. Strategi dan cadangan yang dibentuk dapat mengurangkan pembaziran ruang tanah di samping mengawal penawaran unit perumahan, ruang perniagaan dan industri yang berlebihan serta tanah yang mencukupi. Pengindahan imej dan identiti bandar juga perlu dititikberatkan bagi mencapai sebuah daerah mampan di samping memelihara dan memulihara bangunan warisan.

INTIPATI UTAMA TERAS 1

1. Seluas **28,697.74 hektar (21.20%)** dari keseluruhan daerah merupakan kawasan yang boleh dibangunkan dan tertumpu di Mukim Pertang dan Mukim Triang Ilir.
2. Tanah landai dan bukit 0-150 meter merupakan kawasan subur dilitupi pertanian, bandar, pekan, petempatan FELDA dan FELCRA (27.57%) dari Daerah Jelebu.
3. **Kawasan Pengekalan Biodiversiti Negeri Sembilan terutamanya cadangan Pemeliharaan Tapir, kawasan sumber air mentah utama negeri, Taman Negeri Kenaboi dan Koridor Ekologi CFS.**
4. **Daerah Penyelidikan (R&D)** – Kepelbagaian aset semulajadi untuk penyelidikan (FRI Glami Lemi, Pusat Penyelidikan Bioteknologi UM, Pusat Penyelidikan FRIM dan cadangan Pusat Konservasi Tapir).
5. **Pewartaan kawasan geotapak** dan penarafan UNESCO sebagai potensi arkeopelancongan.
6. **Pusat Bandar** – Fungsi sebagai bandar tempatan, pengindahan kualiti visual bangunan, seni mural, *heritage trail* dan kawasan perniagaan informal.

PROJEK QUICK-WIN **05** CADANGAN

PROJEK STRATEGIK **05** CADANGAN

PROJEK UTAMA **06** CADANGAN

PROJEK SOKONGAN **13** CADANGAN



7-STRATEGI 29-CADANGAN

5-QUICK WIN (QW) 5-STRATEGIK (ST) 6-UTAMA (UT) 13-SOKONGAN (SO)

TERAS 1
DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

STRATEGI T1.1 — MERANCANGAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN

T1.1A	Cadangan Guna Tanah Daerah Jelebu 2035	ST
T1.1B	Cadangan Hierarki Petempatan Daerah Jelebu 2035	UT
T1.1C	Cadangan Koridor Pembangunan	SO
T1.1D	Cadangan Aktiviti Pembangunan Bercampur	UT
T1.1E	Cadangan Kawasan Potensi Pembangunan bagi Menjana Pertumbuhan Ekonomi Daerah	ST

STRATEGI T1.2 — MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO

T1.2A	Cadangan Kenaboi *World Biodiversity Centre*, Taman Negeri Kenaboi	ST
T1.2B	Cadangan Kawalan Rangkaian Ekologi N-SL1 (HS Triang – HS Triang) dan N-SL3 (HS Kenaboi – HS Kenaboi)	UT
T1.2C	Cadangan Pembangunan Pusat Konservasi Tapir	SO
T1.2D	Cadangan Pengurusan Pemantauan Inventori dan Penyelidikan Flora Dan Fauna Bagi Melindungi Sumber Biodiversiti	QW
T1.2E	Cadangan *Geopark Jelebu*	ST

STRATEGI T1.3 — MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENSISITF ALAM SEKITAR (KSAS)

T1.3A	Cadangan Pengurusan dan Pengawalan Pembangunan Mengikut Tahap KSAS	QW
T1.3B	Cadangan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Sebagai Zon Penyerap Karbon (*Carbon Sink*)	ST
T1.3C	Cadangan Mempertingkatkan Kawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Pencerobohan Hutan Simpan Kekal	SO

STRATEGI T1.4 — MEMPERKASAKAN PENGURUSAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA

T1.4A	Cadangan Pengurusan Risiko Bencana yang Komprehensif	QW
T1.4B	Cadangan Pelaksanaan Konsep Pembangunan Berimpak Rendah (*Low Impact Development*) dan Penerapan Amalan Pembangunan Yang Baik	SO
T1.4C	Cadangan Penerapan Teknik Dan Amalan LID Dalam Permohonan Cadangan Pemajuan	SO

STRATEGI T1.5 — MENERAPKAN ELEMEN DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PROGRAM KEJIRANAN HIJAU

T1.5A	Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok	SO
T1.5B	Cadangan Program *Refuse* (Menolak), *Reduce* (Mengurangkan), *Reuse* (Guna Semula), *Recycle* (Kitar Semula) Dan *Recovery* (Pemulihan / Diperbaharui) 5R	SO
T1.5C	Cadangan Program Kebun Komuniti	SO
T1.5D	Cadangan Program *Car Free Day* Daerah Jelebu	SO

STRATEGI T1.6 — MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA

T1.6A	Cadangan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan-Bangunan Warisan	QW
T1.6B	Cadangan Menaiktaraf Ruang-Ruang Awam	SO
T1.6C	Cadangan Seni Lukisan Mural di Persimpangan Utama Bandar Kuala Klawang	SO
T1.6D	Cadangan *Semi-Pedestrian Jelebu Walk*	UT
T1.6E	Cadangan Mempelbagaikan Fungsi Jalan N32 Sebagai Laluan Perarakan	SO
T1.6F	Cadangan Penyediaan Laluan Pejalan Kaki di Bandar Kuala Klawang	UT
T1.6G	Cadangan Penerapan Elemen Bandar Selamat di Bandar Kuala Klawang	SO
T1.6H	Cadangan Pengindahan Pekan-Pekan Utama (Pekan Titi, Pekan Simpang Pertang, Pekan Simpang Durian, Pekan Petaling)	SO

STRATEGI T1.7 — MEMELIHARA DAN MEMULIHARA TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN SEBAGAI SALAH SATU ASET SEJARAH BAGI DAERAH JELEBU

T1.7A	Cadangan Memelihara dan Menaiktaraf Tapak dan Bangunan Warisan di Sekitar Daerah Jelebu	UT

Rajah 4.1:

PELAN SUBJEK: TERAS 1

DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG



PAHANG
(Daerah Bentong)

SELANGOR
(Daerah Hulu Langat)

Daerah Seremban

Daerah Kuala Pilah

Daerah Jempol

KE BENTONG
KE SIMPANG PELANGAI
KE HULU LANGAT
KE SEMENYIH
KE BERA
KE JEMPOL
KE KUALA PILAH

Lembah Jemaloi
Gunung Besar Hantu
Air Terjun Lata Kijang
Gua Harimau
Kg. Orang Asli Tohor
Kg. Esok
Kg. Orang Asli Joram Lesung
Sungai Kenaboi "White Water Rafling"
Kg. Jeram Lesung
Kg. Chalin
Monumen Gempa Bumi HSK
Kg. Orang Asli
Kg. Kongkoi
Kg. Orang Asli Rangoi
Kg. Paya Jauh
Kg. Bemban
Kg. Kerdau
Kg. Berop
Kg. Puyom
Kg. Keman
Kg. Temelang
Kg. Katup
Kg. Baru Sungai Muntoh
Kg. Sungai Rotan II
Kg. Sungai Rotan
Kg. Seperi Hilir
Kg. Seperi Ulu
Kg. Kuala Aroi
Kg. Sri Temoi
Kg. Pelai Hilir
Kg. Chawas
Kg. Kebhu
Kg. Petaseh Tengah
Petaseh Hulu
Kg. Jurian Gasing
Kg. Gagu
Kg. Bandar Tinggi
Kg. Pejaoh
Kg. Gisik
Kg. Orang Asli Baner Tengkoh
Kg. Gepu
Kg. Nyior
Kg. Batu Belana
Kg. Pengenting
Kg. Batu 19
Kg. Batu 18
Kg. Batu 17
Kg. Air Baning
Kg. Lakai
Kg. Geylang Tengah
Felda Pasoh 1
Felda Pasoh 4
Cadangan Jalan Pasoh 1 dan 4 – Felda Lui Muda
Gua Batu Tadah
Air Terjun Lakai
Gua Kelawar
Dinding Sun Set
Stesen MARDI
Pusat Penyelidikan Bioteknologi Universiti Malaya
Pusat Penyelidikan Pengurusan Air Tower
Penara

Mukim Kenaboi
Mukim Glami Lemi
Mukim Ulu Triang
Mukim Triang Ilir
Mukim Peradong
Mukim Pertang
Mukim Kuala Klawang
Mukim Ulu Klawang

HSK Kenaboi
HSK Gapau
HSK Berembun
HSK Triang
HSK Pasoh

Durian Tipus
Simpang Durian
Chennah
Gelami
Petaling
Kuala Klawang
Pertang
Simpang

Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang
Cadangan Jalan Durian Tipus – Sg. Lui
Cadangan Jalan Sg. Muntoh – Simpang Durian
Cadangan Jalan Kg. Gagu – Lenggeng
Cadangan Lebuhraya
Southern Central Road (SCR)

T1.1 Merancang Pembangunan Guna Tanah dan Perbandaran Secara Optimum dan Mampan
T1.2 Mempertingkatkan Pemeliharaan dan pemuliharaan Sumber Kepelbagaian Bio
T1.3 Memelihara, Memulihara dan Mengekalkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
T1.4 Memperkasakan Pengurusan Menghadapi Risiko Bencana
T1.5 Menerapkan Elemen dan Persekitaran Hijau Melalui Program Kejiranan Hijau
T1.6 Merejuvenasikan Imej Pusat Bandar Kuala Klawang dan Pekan-Pekan Utama
T1.7 Memelihara dan Memulihara Tapak dan Bangunan Warisan Sebagai Salah Satu Aset Sejarah bagi Daerah Jelebu

PELAN LOKASI



PETUNJUK

Bandar Tempatan
Pekan

PERUMAHAN
Perumahan Sedia Ada
Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
Komersial Sedia Ada
Komersial Cadangan

INDUSTRI
Industri Sedia Ada
Industri Cadangan

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
Pembangunan Bercampur Cadangan
Zon Potensi Pembangunan Bercampur

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
Pendidikan Sedia Ada
Kesihatan Sedia Ada
Keagamaan Sedia Ada
Perkuburan Sedia Ada
Keselamatan Sedia Ada
Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
Kemudahan Awam Sedia Ada

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
Lebuhraya Cadangan
Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
Jalan Pengagih Utama Cadangan
Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
Jalan Raya
Kemudahan Pengangkutan Sedia Ada

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
Bekalan Elektrik Sedia Ada
Bekalan Elektrik Cadangan

HUTAN
Hutan Simpan Kekal

BADAN AIR
Sungai
Empangan

LAIN-LAIN
Sempadan Daerah/ Negeri
Sempadan Mukim
Sempadan Bandar
Sempadan Rangkaian Ekologi CFS
Zon Penampan Rangkaian Ekologi CFS (1km)
Geotapak
Kawasan KSAS Tahap 1
Kawasan KSAS Tahap 2
Kawasan KSAS Tahap 3
Zon Penampan Empangan (500 m)
Taman Negeri Kenaboi

SENARAI STRATEGI

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

- **RSN 1** JELEBU SEBAGAI PEMBANGUNAN BIODIVERSITI
- **DPN** HIERARKI PETEMPATAN: KUALA KLAWANG SEBAGAI BANDAR TEMPATAN
- **OBJ 1** MERANCANG DAN MENGATUR ZON GUNA TANAH SECARA MENYELURUH DAN MAMPAN
- **FKS 1** PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAN ZON KEUTAMAAN PEMBANGUNAN
- **FKS 2** PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI DAN KSAS

ISU UTAMA

- **ISU 1** KESEDIAAN TANAH YANG SESUAI UNTUK PEMBANGUNAN ADALAH TERHAD

POTENSI UTAMA

- **POT 1** DAERAH JELEBU KAYA DENGAN SUMBERJAYA SEMULAJADI DAN BIODIVERSITI
- **POT 2** KESEDIAAN TANAH *(LAND BANK)* DI BAHAGIAN TIMUR DAERAH JELEBU





STRATEGI T1.1

MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN


Memastikan setiap pusat petempatan sama ada bandar, pinggir bandar mahupun luar bandar dapat membangun, menikmati kesamarataan ekonomi serta kualiti hidup tanpa menjejaskan persekitaran dan aset semula jadi daerah.

CADANGAN

- **T1.1A** CADANGAN GUNA TANAH DAERAH JELEBU 2035
- **T1.1B** CADANGAN HIERARKI PETEMPATAN DAERAH JELEBU 2035
- **T1.1C** CADANGAN KORIDOR PEMBANGUNAN
- **T1.1D** CADANGAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- **T1.1E** CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN BAGI MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH







STRATEGI T1.1	MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN
CADANGAN T1.1A	CADANGAN GUNA TANAH DAERAH JELEBU 2035

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan guna tanah Daerah Jelebu 2035 adalah merupakan perincian perancangan penggunaan tanah bagi Daerah Jelebu sehingga tahun 2035.
- Terdapat enam (6) asas pembentukan peta cadangan guna tanah Daerah Jelebu 2035 yang diambil kira iaitu dasar dan polisi peringkat global, negara dan negeri, matlamat dan objektif pembangunan, rumusan penemuan sektoral, cadangan pembangunan sektoral, pelan kesediaan tanah dan pelan konsep serta strategi pembangunan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menyediakan kerangka yang jelas terhadap pembangunan guna tanah masa hadapan yang mampan dengan mengambikira potensi dan keperluan daerah dalam memastikan pencapaian visi, matlamat dan objektif pembangunan.
- Menjadi panduan dan rujukan kepada PBT, agensi-agensi teknikal, pemilik tanah dan pemaju tanah dalam membuat perancangan ke atas pembangunan sesuatu tanah yang ingin dimajukan.

KOMPONEN CADANGAN:

Jadual 4.1: Cadangan Guna Tanah Mengikut Kelas Penggunaan

GUNA TANAH	KELAS PENGGUNAAN
Perumahan	• Perumahan Strata • Perumahan Bukan Strata • Kampung
Komersial	• Teres • Berkembar • Bangunan Sesebuah • Pembangunan Bercampur • Kegunaan Khusus
Industri	• Bukan Taman Perindustrian • Taman Perindustrian • Perlombongan/ Kuari
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	• Kemudahan Pendidikan • Kemudahan Kesihatan • Kemudahan Keagamaan • Kemudahan Perkuburan • Kemudahan Keselamatan • Rumah Kebajikan • Kegunaan Kerajaan/ Badan Berkanun • Kemudahan Awam • Rumah Persatuan/ Pertubuhan
Pembangunan Bercampur	• Pembangunan Bercampur Bandar • Potensi Pembangunan Bercampur
Tanah Lapang dan Rekreasi	• Tanah Lapang • Kemudahan Sukan dan Rekreasi • Kawasan Hijau
Pengangkutan	• Pengangkutan Darat • Jalan
Infrastruktur dan Utiliti	• Bekalan Elektrik • Bekalan Gas/ Petroleum • Bekalan Air • Pengairan dan Perparitan • Telekomunikasi • Pelupusan Sisa Pepejal • Pembetungan • Empangan
Pertanian	• Tanaman • Penternakan • Akuakultur
Hutan	• Hutan Simpan Kekal
Badan Air	• Semula jadi • Buatan

Sumber: Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

ASAS PEMBENTUKAN PETA CADANGAN GUNA TANAH DAERAH JELEBU 2035

Berdasarkan kepada matlamat dan tujuh (7) fokus utama pembangunan Daerah Jelebu 2035, **KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN BERSEPADU** dijadikan asas dalam merancang pembangunan guna tanah RT Daerah Jelebu 2035. Konsep yang disediakan adalah untuk memandu arah dan mengagihkan pembangunan fizikal dan pertumbuhan ekonomi daerah secara lebih seimbang dengan mengambilkira faktor-faktor seperti pusat pertumbuhan dan zon keutamaan pembangunan, zon ekonomi dan pelaburan, zon pembangunan terhad dan zon biodiversiti bagi tujuan pengekalan dan pemeliharaan.

Rajah 4.2 : Asas Pembentukan Cadangan Guna Tanah Daerah Jelebu, 2035

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

TREN DAN ARAH PEMBANGUNAN DAERAH JELEBU

Tren pembangunan semasa dan akan datang Daerah Jelebu terbahagi kepada empat (4) segmen utama, iaitu:

1 Bandar Kuala Klawang sebagai pusat pentadbiran daerah disokong dengan pembangunan perumahan, institusi dan kemudahan masyarakat.

- Bandar Kuala Klawang dijangka akan membangun dan bergabung sehingga ke Pekan Petaling. Antara faktor penyatuan Bandar Kuala Klawang dan Pekan Petaling adalah:
  - Impak pembangunan Kolej Vokasional dan kemudahan pendidikan lain;
  - Taman perumahan baru Taman Bukit Mahogani;
  - Kemudahan masyarakat seperti hospital dan klinik kesihatan.

2 Pekan Titi merupakan pekan kedua terbesar selepas Bandar Kuala Klawang.

- Pembangunan semasa dilihat berkembang dengan komponen pembangunan yang mencukupi dari segi perumahan, komersial dan institusi kemudahan masyarakat.
- Pekan ini dijangka membangun pesat kesan daripada Cadangan Lebuh Raya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang.


4 Di bahagian timur laut kawasan kajian, terletaknya Pekan Simpang Durian di mana tren pembangunannya adalah merupakan sebuah pekan kecil yang terdiri daripada kawasan perumahan sesebuah dan kawasan pertanian. Pembangunan di kawasan ini bakal membangun secara berpusat disebabkan kesediaan tanah yang berpotensi untuk dimajukan.

3 Pembangunan semasa dilihat berkembang dengan komponen pembangunan yang mencukupi dari segi perumahan, komersial, industri dan institusi kemudahan masyarakat.

- Pembangunan kawasan ini dijangka akan bertambah pesat dengan cadangan perhubungan wilayah iaitu Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR) yang akan melalui Pekan Simpang Pertang dan Pekan Simpang Durian.



Rajah 4.3 : Tren dan Arah Pembangunan Daerah Jelebu 2035



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

PERUBAHAN CADANGAN GUNA TANAH DAERAH JELEBU 2020-2035

- **Pada tahun 2035 didapati jumlah kawasan tepu bina Daerah Jelebu meningkat sebanyak 2.91% iaitu daripada 3,016.99 hektar pada 2020 kepada 6,960.91 hektar dengan pertambahan sebanyak 3,943.92 hektar.** Perubahan ketara dijangka berlaku dalam guna tanah perumahan dengan anggaran peningkatan sebanyak 912.45 hektar pada tahun 2035 iaitu daripada 425.19 hektar pada tahun 2020 kepada 1,337.64 hektar pada tahun 2035.
- Selain itu, guna tanah pertanian dan tanah kosong mengalami penurunan sebanyak 1,299.86 hektar dan 863.34 hektar. Faktor peningkatan dan penurunan keluasan ini didorong oleh pembangunan kawasan perbandaran dan pertambahan permintaan untuk pembangunan masa hadapan.



Bentuk muka bumi Daerah Jelebu

Jadual 4.2: Perubahan Guna Tanah Daerah Jelebu 2020-2035

GUNA TANAH	SEMASA 2020 (Hektar)	PERATUS (%)	CADANGAN 2035 (Hektar)	PERATUS (%)	PERUBAHAN LUAS (Hektar)	PERATUS (%)
TEPU BINA						
Perumahan	425.19	0.31	1,337.64	0.99	**912.45**	**0.67**
Komersial	35.51	0.03	75.98	0.06	**40.47**	**0.03**
Industri	51.51	0.04	69.20	0.05	**17.69**	**0.01**
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,304.28	0.96	1,666.60	1.23	**362.32**	**0.27**
Tanah Lapang dan Rekreasi	28.85	0.02	29.02	0.02	**0.17**	**0.00**
Pembangunan Bercampur	0.00	0.00	60.26	0.04	**60.26**	**0.04**
Potensi Pembangunan Bercampur	0.00	0.00	2,495.37	1.84	**2,495.37**	**1.84**
Pengangkutan	1,120.09	0.83	1,120.09	0.83	**0.00**	**0.00**
Infrastruktur dan Utiliti	51.56	0.04	106.75	0.08	**55.19**	**0.04**
JUMLAH KECIL	***3,016.99***	***2.23***	***6,960.91***	***5.14***	***3,943.92***	***2.91***
HUTAN DAN BADAN AIR						
Hutan Simpan Kekal	72,813.08	53.79	72,813.08	53.79	**0.00**	**0.00**
Kawasan Berhutan	1,780.72	1.32	0.00	0.00	**(1,780.72)**	**(1.32)**
Badan Air	2,055.67	1.52	2,055.67	1.52	**0.00**	**0.00**
JUMLAH KECIL	***76,649.47***	***56.63***	***74,868.75***	***55.31***	***(1,780.72)***	***(1.32)***
BUKAN TEPU BINA						
Pertanian	54,823.78	40.50	53,523.92	39.54	**(1,299.86)**	**(0.96)**
Tanah Kosong	863.34	0.64	0.00	0.00	**(863.34)**	**(0.64)**
JUMLAH KECIL	***55,678.12***	***41.14***	***53,523.92***	***39.54***	***(2,163.20)***	***(1.60)***
JUMLAH KESELURUHAN	**135,353.58**	**100.00**	**135,353.58**	**100.00**	**-**	**-**


Sumber :RT Daerah Jelebu 2035

Jadual 4.3: Faktor Perubahan Cadangan Guna Tanah Daerah Jelebu 2020-2035

ZON GUNA TANAH	FAKTOR PERUBAHAN GUNA TANAH
Perumahan	• Pertambahan keluasan seluas 0.67% (912.45 hektar) berbanding unjuran keperluan yang hanya memerlukan tambahah perumahan sebanyak **3,173 unit (107.10 hektar)**. • Menawarkan keluasan melebihi keperluan unjuran atas faktor memberi pilihan ruang kepada pemilik dan pelabur hartanah memajukan tanah-tanah mereka di kawasan-kawasan potensi dan tekanan pembangunan.
Komersial	• Pertambahan keluasan seluas 0.03% (40.47 hektar) berbanding unjuran keperluan sebenar yang hanya memerlukan keluasan seluas **9.50 hektar.** Corak pembangunan masa hadapan aktiviti komersial bertumpu dalam sempadan bandar untuk memperkukuh fungsi dan peranan pusat-pusat petempatan mengikut hierarki petempatan 2035. • Selain itu, keluasan kawasan komersial pada masa hadapan juga akan bertambah seiring dengan penambahan pembangunan yang dilaksanakan iaitu 10% dari pembangunan perumahan dan 40% daripada pembangunan bercampur.
Industri	• Pertambahan keluasan seluas 0.01% (17.69 hektar) berbanding unjuran keperluan yang hanya memerlukan tambahah kawasan perindustrian seluas 4.59 hektar. • Menawarkan keluasan melebihi keperluan unjuran atas faktor perluasan kawasan perindustrian sedia ada di Simpang Pertang, tambahan kawasan industri kecil sederana (IKS) di Pekan Titi dan Pekan Simpang Durian dan industri solar di Sungai Rotan.
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	• Penambahan keluasan sebanyak 362.32 hektar (0.27%) sehingga tahun 2035. • Beberapa cadangan kemudahan masyarakat baru telah dikenal pasti bagi memberi perkhidmatan yang terbaik bagi mencapai kualiti hidup sejahtera khususnya cadangan hospital baru dan rizab institusi kerajaan bagi kegunaan masa hadapan.
Tanah Lapang dan Rekreasi	• Tambahan keluasan seluas 0.17 hektar bagi tujuan cadangan tanah lapang bagi memenuhi keperluan penduduk pada masa akan datang. • Walau bagaimanapun, keluasan tanah lapang dan rekreasi pada masa hadapan akan bertambah seiring dengan penambahan pembangunan yang dilaksanakan iaitu 10% daripada pembangunan.
Pembangunan Bercampur	• Merupakan zon guna tanah yang baru dalam RT Daerah Jelebu 2035 dengan kawasan seluas 60.26 hektar dalam kawasan sempadan Bandar Kuala Klawang, Pekan Simpang Pertang, Pekan Simpang Durian, Pekan Pertang dan Pekan Durian Tipus. • Konsep pembangunan bercampur diguna pakai untuk mengoptimumkan kegunaan tanah bagi sesuatu kawasan yang berpotensi khususnya untuk tujuan pembangunan perumahan dan komersial.
Potensi Pembangunan Bercampur	• Terdapat dua kawasan yang berpotensi dibangunkan sebagai pembangunan bercampur ekonomi dan pelancongan pada masa akan datang dengan kawasan seluas 2,495.37 hektar iaitu di kawasan Simpang Pertang dan Kenaboi.
Pengangkutan	• Tiada pertambahan atau pengurangan keluasan yang dicatatkan untuk zon guna tanah ini sehingga tahun 2035. Ini disebabkan cadangan pengangkutan adalah bersifat indikatif yang melibatkan cadangan lebuhraya dan cadangan jalan utama.
Infrastruktur dan Utiliti	• Pertambahan kawasan seluas 0.04% (55.19 hektar) bagi tujuan cadangan tapak pelupusan sisa pepejal dan rentis TNB.
Hutan Dan Badan Air	• Merupakan guna tanah terbesar dengan keluasan sebanyak 74,868.75 hektar (55.31%). • Terdapat perubahan kawasan berhutan seluas 1,780.72 kepada cadangan potensi pembangunan bercampur pelancongan di Kenaboi.
Tanah Kosong	• Pada tahun 2035, kesemua tanah kosong berkeluasan 863.34 hektar akan ditukar guna kepada guna tanah tepu bina seperti perumahan, komersial, industri, pembangunan bercampur ataupun kegunaan pertanian.
Pertanian	• Pengurangan keluasan sebanyak 1,299.86 hektar pada tahun 2035 berikutan potensi pembangunan pada masa akan datang.

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.4: Cadangan Guna Tanah Daerah Jelebu, 2035



PETUNJUK

PERUMAHAN
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- Pembangunan Bercampur Cadangan
- Potensi Pembangunan Bercampur

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/ Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi Kerajaan/ Kemudahan Awam Cadangan

TANAH LAPANG DAN REKREASI
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Jalan Raya
- Kemudahan Pengangkutan Sedia Ada

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembentungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN
- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur

HUTAN
- Hutan Simpan Kekal

BADAN AIR
- Sungai
- Empangan

LAIN-LAIN
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Sempadan Rangkaian Ekologi CFS
- Zon Penampan Rangkaian Ekologi CFS (1km)
- Geotapak
- Perumahan Kampung Sedia Ada
- Kawasan KSAS Tahap 1
- Kawasan KSAS Tahap 2
- Kawasan KSAS Tahap 3
- Zon Penampan Empangan (500 m)
- Taman Negeri Kenaboi

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.1	MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN
CADANGAN T1.1B	CADANGAN HIERARKI PETEMPATAN DAERAH JELEBU 2035

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan hierarki petempatan ditentukan berdasarkan hierarki di peringkat negeri (RS Negeri Sembilan 2045) dan selaras dengan pertumbuhan semasa pusat-pusat petempatan sedia ada.
- Terdapat keperluan untuk menyusun semula fungsi dan peranan hierarki pusat tempatan semasa supaya selaras dengan sasaran yang ditetapkan oleh RS Negeri.
- Berdasarkan RS Negeri Sembilan 2045, terdapat hanya (2) hierarki petempatan yang dicadangkan bagi Daerah Jelebu iaitu Bandar Tempatan dan Pekan yang melibatkan empat (4) pusat petempatan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.4: Hierarki Petempatan Yang Dicadangakan Bagi Daerah Jelebu

HIERARKI PUSAT PETEMPATAN	RT DAERAH JELEBU 2002-2015	RS NEGERI SEMBILAN 2045	RT DAERAH JELEBU 2035
Bandar Tempatan	• Bandar Kuala Klawang	• Bandar Kuala Klawang	• Bandar Kuala Klawang
Pekan	• Titi • Petaling • Chennah • Pertang • Simpang Pertang • Durian Tipus • Simpang Durian	• Titi • Simpang Pertang • Simpang Durian	• Titi • Simpang Pertang • Simpang Durian

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menyelaraskan fungsi dan peranan yang berbeza antara sasaran RTD Jelebu 2002-2015 dengan RS Negeri Sembilan 2045.
- Membantu MDJ dalam memberi keutamaan terhadap pembangunan akan datang dan mengelakkan masalah rebakan bandar (*urban sprawl*) yang akan menyebabkan pembaziran tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangunkan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan menetapkan sempadan bandar (rujuk perincian cadangan ms 4-10 hingga 4-13).

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	RSNS 2045
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

KATEGORI HIERARKI PETEMPATAN

Bandar Negeri

- Pusat pentadbiran negeri.
- Pusat perniagaan dan perkhidmatan negeri.
- Pusat kewangan negeri
- Pusat petempatan dan perbandaran negeri.
- Pusat pembangunan MICE dan ICT utama.
- Hab pengangkutan utama negeri.

Bandar Utama

- Bandar pelancongan pesisiran pantai dan pusat peranginan negara.
- Pusat pentadbiran dan perniagaan daerah.
- Pusat petempatan dan perbandaran daerah.

Bandar Tempatan

- Pusat pentadbiran dan perdagangan daerah.
- Pusat warisan dan kebudayaan/ fungsi khusus.
- Pusat petempatan dan perbandaran daerah.
- Pusat perkhidmatan penduduk tempatan dalam penyediaan kemudahan asas dan sosial.

Pekan

- Pusat perniagaan dengan fungsi perkhidmatan terhad.
- Pusat perkhidmatan penduduk/ kemudahan asas dan sosial.


Melibatkan Daerah Jelebu

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045


LOKASI:

- Bandar Kuala Klawang (543.05 hektar)
- Pekan Titi (323.70 hektar)
- Pekan Simpang Pertang (191.93 hektar)
- Pekan Simpang Durian (144.54 hektar)

Rajah 4.5: Hierarki Petempatan Daerah Jelebu, 2035



PERUNJUK :



LAIN - LAIN

- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sediada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

PELAN LOKASI




A. BANDAR KUALA KLAWANG

HAD SEMPADAN BANDAR

- Bandar Kuala Klawang merupakan bandar utama bagi Daerah Jelebu dan merupakan bandar tempatan bagi Negeri Sembilan.
- Sempadan bandar ini merupakan gabungan antara Pekan Kuala Klawang dan Petaling yang meliputi kawasan seluas 543.05 hektar iaitu dalam liputan radius 1.6 km dari Pusat Bandar Kuala Klawang dan Petaling.
- Antara faktor penyatuan kawasan Bandar Kuala Klawang dan Petaling dalam liputan radius 1.6km adalah hasil daripada rebakan pembangunan semasa dan komited seperti taman perumahan baru iatu Taman Bukit Mahogani dan kewujudan kemudahan utama daerah (Hospital Daerah Jelebu).

- **Kriteria Persempadanan**
  - Cadangan sempadan bandar dalam kajian projek sempadan bandar (fasa 1).
  - Pusat pentadbiran dan perdagangan daerah.
  - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada.
  - Pembangunan komited.
  - Tren dan arah pembangunan semasa.
  - Rangkaian jalan utama.

Rajah 4.6: Arah Pembangunan Semasa Bandar Kuala Klawang



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

GUNA TANAH CADANGAN 2035


- Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Bandar Kuala Klawang pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 306.54 hektar iaitu 56.45% dari keluasan keseluruhan bandar. Ia merangkumi 30.41 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan dan 276.13 hektar dalam kategori cadangan baru.
- Terdapat juga kawasan pembangunan bercampur yang telah dizonkan seluas 26.93 hektar bagi memperkukuh pembangunan Bandar Kuala Klawang pada masa akan datang.

Jadual 4.5: Guna Tanah Cadangan Bandar Kuala Klawang 2035

GUNA TANAH	GUNA TANAH (Hektar)		PETA CADANGAN	
	SEMASA DIKEKALKAN	CADANGAN BARU	HEKTAR	PERATUS (%)
TEPUBINA				
Perumahan	30.41	276.13	306.54	56.45
Komersial	10.33	12.01	22.34	4.11
Industri	0.00	0.00	0.00	0.00
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	81.60	20.52	102.12	18.80
Tanah Lapang dan Rekreasi	16.50	0.00	16.50	3.04
Pembangunan Bercampur	0.00	26.93	26.93	4.96
Pengangkutan	55.78	0.00	55.78	10.27
Infrastruktur dan Utiliti	1.78	0.00	1.78	0.33
JUMLAH KECIL	***196.40***	***335.59***	***531.99***	***97.96***
HUTAN DAN BADAN AIR				
Hutan	0.00	0.00	0.00	0.00
Badan Air	11.06	0.00	11.06	2.04
JUMLAH KECIL	***11.06***	***0.00***	***11.06***	***2.04***
JUMLAH KESELURUHAN	**207.46**	**335.59**	**543.05**	**100.00**
PERATUS	**38.20**	**61.80**	**100.00**	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.7: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Bandar Kuala Klawang, 2035



PETUNJUK:

PERUMAHAN
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Sedia Ada

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- Pembangunan Bercampur Cadangan

TANAH LAPANG DAN REKREASI
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada

BADAN AIR
- Sungai

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi / Kemudahan Awam Cadangan


INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pembentungan Sedia Ada

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Kemudahan Sedia Ada dan Komited

LAIN-LAIN
- Sempadan Pusat Bandar
- Sempadan Bandar

SINGKATAN

BB	Balai Bomba
BP	Balai Polis
BR	Balai Raya
H	Hospital
H/S	Perkuburan Hindu
JC	Jirat Cina
KK	Klinik Kesihatan
M	Masjid
MDJ	Majlis Daerah Jelebu
PI	Perkuburan Islam
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SR	Sekolah Rendah Kebangsaan



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


B. PEKAN TITI

HAD SEMPADAN BANDAR

- Titi merupakan salah satu pekan bagi Daerah Jelebu yang telah dikenalpasti dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045. Pekan kedua terbesar selepas Bandar Kuala Klawang dan terletak dalam Mukim Glami Lemi.
- Arah pembangunan pekan ini adalah memanjang dan *linear*, sejajar dengan Jalan Negeri N32.
- Cadangan sempadan **Pekan Titi meliputi kawasan seluas 323.70 hektar iaitu dalam liputan radius 1.6 km dari pusat bandar** atas faktor tahap rebakan pembangunan semasa dan komited yang telah melebihi liputan 0.8km

- **Kriteria Persempadanan**
  - Pusat petempatan kecil.
  - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada.
  - Pembangunan komited.
  - Tren dan arah pembangunan semasa.
  - Rangkaian jalan utama.

Rajah 4.8: Arah Pembangunan Semasa Pekan Titi



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

GUNA TANAH CADANGAN 2035


- Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Pekan Titi pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 214.69 hektar iaitu 66.32% dari keluasan keseluruhan pekan. Ia merangkumi 44.68 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan dan 170.01 hektar dalam kategori cadangan baru.
- Selain itu, zon guna tanah komersial pula merangkumi kawasan seluas 19.55 hektar (6.04%) yang merangkumi perniagaan semasa dan cadangan kawasan perniagaan baru.
- Bagi zon guna tanah industri terdapat cadangan baru seluas 1.95 hektar bagi melengkapi pembangunan di Pekan Titi.

Jadual 4.6: Guna Tanah Cadangan Pekan Titi, 2035.

GUNA TANAH	GUNA TANAH (Hektar)		PETA CADANGAN	
	SEMASA DIKEKALKAN	CADANGAN BARU	HEKTAR	PERATUS
TEPUBINA				
Perumahan	44.68	170.01	214.69	66.32
Komersial	5.76	13.79	19.55	6.04
Industri	0.00	1.95	1.95	0.60
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	20.81	7.30	28.11	8.68
Tanah Lapang dan Rekreasi	2.22	0.00	2.22	0.69
Pengangkutan	40.80	0.00	40.80	12.60
Infrastruktur dan Utiliti	8.73	0.00	8.73	2.70
JUMLAH KECIL	***123.00***	***193.05***	***316.05***	***97.64***
HUTAN DAN BADAN AIR				
Hutan	0.00	0.00	0.00	0.00
Badan Air	7.65	0.00	7.65	2.36
JUMLAH KECIL	***7.65***	***-***	***7.65***	***2.36***
JUMLAH KESELURUHAN	**130.65**	**193.05**	**323.70**	**100.00**
PERATUS KESELURUHAN	**40.36**	**59.64**	**100.00**	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.9 : Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Pekan Titi, 2035.



PETUNJUK:

PERUMAHAN
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

TANAH LAPANG DAN REKREASI
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pembentungan Sedia Ada


PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada

BADAN AIR
- Sungai

LAIN-LAIN
- Rentis Elektrik Sediada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sempadan Pusat Bandar
- Sempadan Bandar

SINGKATAN

DOR	Dewan Orang Ramai
G	Gereja
JC	Jirat Cina
PK	Perkuburan Kristian
PMU	Pencawang Masuk Utama
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
STP	Site Treatment Plant
TA	Tangki Air



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


C. PEKAN SIMPANG PERTANG

HAD SEMPADAN BANDAR

- Pekan Simpang Pertang merupakan salah satu pusat petempatan kecil bagi Daerah Jelebu. Terletak dalam Mukim Pertang dan bersebelahan dengan Daerah Jempol iaitu dengan anggaran jarak enam (6) km sahaja.
- Arah pembangunan ini adalah bertumpu dan sejajar dengan laluan penghubung utama, Jalan Persekutuan 9 (Simpang Pertang-Simpang Durian).
- Cadangan sempadan Pekan Simpang Pertang meliputi kawasan seluas 191.93 hektar iaitu dalam liputan radius 0.8 km dari pusat bandar.
- Rebakan tahap pembangunan semasa dan komited serta capaian akses kepada kemudahan adalah pada tahap minima iaitu 0.8 km.

- **Kriteria Persempadanan**
  - Pusat petempatan kecil.
  - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada.
  - Kawasan perindustrian sedia ada.
  - Tren dan arah pembangunan semasa.
  - Rangkaian jalan utama.

Rajah 4.10: Arah Pembangunan Semasa Pekan Simpang Pertang



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

GUNA TANAH CADANGAN 2035

- Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Pekan Simpang Pertang pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 88.44 hektar iaitu 46.08% dari keluasan keseluruhan pekan.


- Selain itu, terdapat penambahan kawasan industri baru seluas 7.76 hektar yang merupakan pembangunan yang telah diluluskan di kawasan industri sedia ada.

Jadual 4.7: Guna Tanah Cadangan Pekan Simpang Pertang, 2035.

GUNA TANAH	GUNA TANAH (Hektar)		PETA CADANGAN	
	SEMASA	CADANGAN	HEKTAR	PERATUS
	DIKEKALKAN	BARU		
GUNA TANAH TEPUBINA				
Perumahan	14.71	73.73	88.44	46.08
Komersial	3.07	6.61	12.78	6.66
Industri	11.47	7.76	19.23	10.02
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	23.29	0.00	21.21	11.05
Tanah Lapang dan Rekreasi	2.48	0.00	2.52	1.31
Pembangunan Bercampur	0.00	7.15	3.80	1.98
Pengangkutan	37.93	0.00	37.93	19.76
Infrastruktur dan Utiliti	1.67	0.00	5.02	2.62
JUMLAH KECIL	***94.62***	***95.25***	***189.94***	***98.96***
RIZAB HUTAN DAN BADAN AIR				
Badan Air	2.06	0.00	1.99	1.04
JUMLAH KECIL	***2.06***	***0.00***	***1.99***	***1.04***
JUMLAH KESELURUHAN	**96.68**	**95.25**	**191.93**	**100.00**
PERATUS KESELURUHAN	**50.37**	**49.63**	**100.00**	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.11: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Pekan Simpang Pertang, 2035.



PETUNJUK

PERUMAHAN
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- Pembangunan Bercampur Cadangan

TANAH LAPANG DAN REKREASI
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Kemudahan Sedia Ada dan Komited


BADAN AIR
- Sungai

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pembentungan Sedia Ada

LAIN-LAIN
- Rentis Elektrik Sediada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sempadan Pusat Bandar
- Sempadan Bandar
- Sempadan Daerah

SINGKATAN

DOR	Dewan Orang Ramai
M	Masjid
PMU	Pencawang Masuk Utama
JC	Jirat Cina
PI	Pekuburan Islam
PMU	Pencawang Masuk Utama
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil




Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

D. PEKAN SIMPANG DURIAN

HAD SEMPADAN BANDAR

- Pekan Simpang Durian terletak dalam Mukim Triang Ilir dan bersebelahan dengan Negeri Pahang telah dikenalpasti sebagai salah satu pekan bagi Daerah Jelebu.
- Arah pembangunan semasa pekan ini lebih berbentuk *linear* iaitu di sepanjang Jalan Persekutuan 9 (Simpang Pertang – Simpang Durian-Durian Tipus)
- Cadangan sempadan Pekan Simpang Durian meliputi kawasan seluas 144.54 hektar iaitu dalam liputan radius 0.8 km dari pusat bandar.
- Rebakan tahap pembangunan semasa dan komited serta capaian akses kepada kemudahan adalah pada tahap minimum iaitu 0.8 km.
- **Kriteria Persempadanan**
  - Pusat petempatan kecil.
  - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada.
  - Tren dan arah pembangunan semasa.
  - Rangkaian jalan utama.

Rajah 4.12: Arah Pembangunan Semasa Pekan Simpang Durian.



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

GUNA TANAH CADANGAN 2035

- Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Pekan Simpang Durian pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 48.21 hektar iaitu 33.35% dari keluasan keseluruhan pekan. Ia merangkumi 12.54 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan dan 35.67 hektar dalam kategori cadangan baru.

- Selain itu, terdapat juga kawasan pembangunan bercampur yang telah dizonkan seluas 15.65 hektar bagi memperkukuh pembangunan perbandaran pekan Simpang Durian.


- Bagi zon guna tanah industri, seluas 15.30 hektar (10.83%) telah dicadangkan bagi melengkapi pembangunan pekan Simpang Durian.

Jadual 4.8: Guna tanah Cadangan Pekan Simpang Durian, 2035.

GUNA TANAH	GUNA TANAH (Hektar)		PETA CADANGAN	
	SEMASA DIKEKALKAN	CADANGAN BARU	HEKTAR	PERATUS
GUNA TANAH TEPUBINA				
Perumahan	12.54	35.67	**48.21**	**33.35**
Komersial	3.21	3.13	**6.34**	**4.39**
Industri	0.00	15.30	**15.30**	**10.59**
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	39.56	0.00	**39.56**	**27.37**
Tanah Lapang dan Rekreasi	0.95	0.00	**0.95**	**0.66**
Pembangunan Bercampur	0.00	15.65	**15.65**	**10.83**
Pengangkutan	18.09	0.00	**18.09**	**12.52**
Infrastruktur dan Utiliti	0.44	0.00	**0.44**	**0.30**
JUMLAH KESELURUHAN	**74.79**	**69.75**	**144.54**	**100.00**
PERATUS KESELURUHAN	**51.74**	**48.26**	**100.00**	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.13: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Pekan Simpang Durian, 2035



PETUNJUK

PERUMAHAN
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Cadangan

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- Pembangunan Bercampur Cadangan

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

TANAH LAPANG DAN REKREASI
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada


INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pembentungan Sedia Ada

LAIN-LAIN
- Sempadan Pusat Bandar
- Sempadan Bandar

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada

SINGKATAN

DOR : Dewan Orang Ramai
H/S : Perkuburan Hindu
PE : Pencawang Elektrik
PI : Perkuburan Islam
S : Surau
SJK(C): Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SR : Sekolah Rendah Kebangsaan
SMA : Sekolah Menegah Agama
SMK : Sekolah Menengah Kebangsaan
STP : Loji Rawatan Kumbahan
T : Tokong
TK : Menara Telekomunikasi



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.1	MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN
CADANGAN T1.1C	CADANGAN KORIDOR PEMBANGUNAN

DESKRIPSI CADANGAN:

- Tren dan arah pembangunan guna tanah semasa Daerah Jelebu menunjukkan corak pembangunan linear ataupun pembangunan di sepanjang jalan utama telah membentuk beberapa koridor pembangunan
- Aktiviti pembangunan di koridor-koridor ini memerlukan kawalan-kawalan perancangan agar rebakan pembangunan secara *linear* tidak terus berlaku dan had sempadan wujud had sempadan yang jelas bagi kawasan bandar dan pekan bagi memudahkan urusan pentadbiran sesuatu bandar oleh pihak berkuasa tempatan.
- Pembentukan cadangan koridor pembangunan ini diselaraskan dengan kawasan operasi PBT bagi memudahkan kawalan pembangunan.
- Koridor-koridor yang terlibat adalah:

Zon Pembangunan Sekunder	A	Koridor Bandar Kuala Klawang–Kampung Gedang	618.05 hektar
	B	Koridor Bandar Kuala Klawang–Simpang Gelami	626.93 hektar
	C	Koridor Pekan Simpang Pertang–Pekan Simpang Durian	1789.75 hektar
	D	Koridor Pekan Durian Tipus–Bentong	489.15 hektar
	E	Koridor Titi-Sungai Muntoh/ Chennah	2372.48 hektar

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mengawal rebakan bandar dan pemusatan pembangunan adalah lebih tertumpu dalam kawasan sempadan bandar.

KOMPONEN CADANGAN:

Jadual 4.9: Cadangan Kawalan Pembangunan Di Koridor Pembangunan Utama


BIL	JENIS	KATEGORI PEMBANGUNAN	DENSITI
1.	*CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN*	i. Keluasan <5 ekar dan diluar KSAS ii. Keluasan <5 ekar dan di dalam KSAS iii. Keluasan >5 ekar dan diluar KSAS iv. Keluasan >5 ekar dan di dalam KSAS	• 6 Unit/ ekar • 1 Unit/ ekar • 12 Unit/ ekar • 6 Unit/ ekar
2.	*CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL*	Senario pembangunan perumahan i, ii, iv	• Jenis sesebuah dengan nisbah plot 1 : 1 • Teres tidak dibenarkan
		Senario pembangunan perumahan iii	• Jenis sesebuah dengan nisbah plot 1 : 1 • Jenis teres 10% dari jumlah unit perumahan

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	GARIS PANDUAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI


Rajah 4.14: Cadangan Zon Koridor Pembangunan Sekunder.




A Koridor Bandar Kuala Klawang-Kampung Gedang




B Koridor Bandar Kuala Klawang-Simpang Gelami



C Koridor Pekan Simpang Pertang-Pekan Simpang Durian



E Koridor Titi-Sungai Muntoh/Chennah



D Koridor Pekan Durian Tipus- Bentong

PETUNJUK:

PERUMAHAN
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- Pembangunan Bercampur Cadangan
- Potensi Pembangunan Bercampur

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi Kerajaan / Kemudahan Awam Cadangan

TANAH LAPANG DAN REKREASI
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan


PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN
- Pertanian Selain Padi

HUTAN
- Hutan Simpan Kekal

LAIN-LAIN
- Zon Pembangunan Utama
- Zon Pembangunan Sekunder
- Sungai
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.1	MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN
CADANGAN T1.1D	CADANGAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BERCAMPUR

DESKRIPSI CADANGAN

- Pembangunan bercampur adalah suatu pembangunan yang membenarkan lebih daripada satu kegunaan/ aktiviti bagi sesuatu bangunan atau sekelompok bangunan dalam satu plot atau lot tanah yang dibangunkan. Aktiviti atau kegunaan yang dibenarkan mestilah bersesuaian (*compatible*) antara satu sama lain lain serta tidak menimbulkan percanggahan kegunaan tanah yang ketara.
- Cadangan guna tanah RT Daerah Jelebu 2035, memperkenalkan zon pembangunan bercampur yang melibatkan **enam kawasan iaitu di Bandar Kuala Klawang, Pekan Simpang Pertang, Pekan Simpang Durian, Koridor Kuala Klawang – Titi, Pekan Pertang dan Pekan Durian Tipus.**

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mengoptimumkan penggunaan tanah berpotensi khususnya dalam kawasan sempadan bandar sekiranya tren pembangunan berbentuk pengezonan satu kegunaan (*single use*) dilaksanakan.
- Perletakan kawasan perumahan, pejabat, komersial, kemudahan dan aktiviti riadah yang berdekatan antara satu sama lain dapat mengurangkan waktu dan jarak perjalanan penduduk dalam melakukan aktiviti harian.

KOMPONEN CADANGAN:

- Melibatkan zon pembangunan kawasan bercampur di kawasan:

Jadual 4.10: Zon Pembangunan Bercampur

	LOKASI	PEMBANGUNAN BERCAMPUR (Hektar)
A	Bandar Kuala Klawang	26.93
B	Pekan Simpang Pertang	7.15
C	Pekan Simpang Durian	15.65
D	Koridor Kuala Klawang - Titi	2.59
E	Pekan Pertang	4.00
F	Pekan Durian Tipus	3.94
	JUMLAH	60.26


Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

- Antara guna tanah utama yang dibenarkan dalam sesuatu pembangunan bercampur adalah sebagaimana berikut:
  - Perumahan.
  - Komersial.
  - Institusi dan kemudahan masyarakat.
  - Tanah lapang dan rekreasi.
  - Infrastruktur dan utilti.


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	GARIS PANDUAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI


Rajah 4.15: Zon Pembangunan Bercampur




A Bandar Kuala Klawang




B Pekan Simpang Pertang




C Pekan Simpang Durian




D Koridor Kuala Klawang - Titi



E Pekan Pertang



F Pekan Durian Tipus



PETUNJUK:

- Pembangunan Bercampur

LAIN-LAIN

- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sediada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai
- Sempadan Petempatan
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.1	MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN
CADANGAN T1.1E	CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN BAGI MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH
A.	*SEKITAR SIMPANG PERTANG (LADANG SIME DARBY)*

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan kawasan potensi pembangunan Ladang Sime Darby dirancang untuk dibangunkan sebagai kawasan potensi pembangunan ekonomi yang kemudiannya membentuk kawasan bandar baru yang terdiri daripada kawasan kediaman, komersial, industri dan disokong oleh pembangunan kemudahan-kemudahan bagi kegunaan penduduk setempat.
- Kawasan ini berpotensi dibangunkan atas faktor tahap kemudahsampaian yang tinggi kesan daripada cadangan perhubungan wilayah iaitu cadangan Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR) menghubungkan Simpang Pelangai-Segamat.
- Selain itu, tanah-tanah yang tersedia untuk pembangunan dengan halangan yang fizikal yang minimum tertumpu disekitar kawasan Timur Daerah Jelebu iaitu di Mukim Pertang dan Triang Ilir.
- Kawasan Ladang Sime Darby ini **berkeluasan seluas 785.00 hektar (1,939.78 ekar)** yang mana guna tanah semasanya adalah tanaman kelapa sawit

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Sebagai pemangkin kepada pembangunan Daerah Jelebu khususnya kawasan sekitar Pekan Simpang Pertang.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan komponen pembangunan melibatkan:

BIL	KOMPONEN PEMBANGUNAN	% DARI LUAS KESELURUHAN
A	Cadangan Kawasan Kediaman *(Domitory Town)*	40%
B	Cadangan Kawasan Komersial	10%
C	Cadangan Kawasan Industri (Industri Halal Park (IKS))	20%
D	Cadangan Kawasan Institusi dan Kemudahan Utama	10%
E	Cadangan Kawasan Rekreasi dan Tanah Lapang	10%
F	Cadangan Kawasan infrasruktur, Utilti dan Pengankutan	10%

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PANJANG	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI


Rajah 4.16: Kawasan Potensi Pembangunan Simpang Pertang


Kawasan Perindustrian


Kawasan Perniagaan


Dormitory Town


Kemudahan Rekreasi



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.1	MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN
CADANGAN T1.1E	CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN BAGI MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH
B.	*SEKITAR KENABOI*

DESKRIPSI CADANGAN

- Kawasan sekitar HSK Kenaboi dan laluan pintu masuk utama dari Lembah Klang dilihat berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pelancongan berimpak rendah dan mesra alam
- Kawasan ini berpotensi dibangunkan sebagai zon penginapan berdensiti rendah bagi pengunjung yang ingin menikmati kekayaan sumber jaya dan biodiversiti Taman Negeri Kenaboi.
- Aktiviti pelancongan di kawasan memerlukan kawalan aktiviti pelancongan yang bersesuaian supaya tidak menganggu ekosistem sedia ada
- Kawasan ini **berkeluasan seluas 1,710.37 hektar (4,226.42 ekar)** yang mana guna tanah semasanya adalah merupakan kawasan berhutan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menyokong aktiviti pembangunan pelancongan Daerah Jelebu dengan memberi peluang kepada pemilik tanah memajukan tanah dengan aktiviti pembangunan pelancongan yang bersesuaian.
- Menjana ekonomi setempat dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan komponen pembangunan melibatkan:

A. Kawasan kemudahan penginapan seperti resort, villa chalet dan tapak perkhemahan

B. Cadangan kawasan tanah lapang dan rekreasi (padang golf, hutan bandar, taman kejiranan, taman *linear*)

C. Kemudahan sokongan pelancongan seperti pejabat pengurusan, rumah kelab, kawasan tempat letak kenderaan


D. Kemudahan masyarakat bagi kegunaan aktiviti pelancongan

E. Cadangan kawasan infrastruktur, utiliti dan kemudahan pengangkutan

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PANJANG	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Rajah 4.17: Kawasan Potensi Pembangunan Simpang Pertang sekitar N-SL3 HS Kenaboi - HS Kenaboi




Kawasan kemudahan penginapan berkonsepkan mesra alam







Kemudahan Rekreasi Swasta (padang golf)



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T1.1**	**MERANCANG PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN SECARA OPTIMUM DAN MAMPAN**
CADANGAN **T1.1E**	**CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN BAGI MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH**
C.	***TAMAN NEGERI KENABOI***

DESKRIPSI CADANGAN

- Taman Negeri Kenaboi dikenalpasti sebagai kawasan strategik pelaburan yang merupakan salah satu projek berimpak tinggi yang dicadangkan dalam RS Negeri Sembilan 2045.
- Matlamat dan tujuannya adalah untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, sumber air dan tanah supaya digunakan secara mampan bagi generasi seterusnya.
- Kawasan ini berpotensi dimaju dan dikomersialkan dengan aktiviti seperti ekopelancongan, pusat kajian dan penyelidikan, dan pemeliharaan biodiversiti bagi memantapkan pembangunan ekonomi daerah Jelebu.
- Pelaksanaan pembangunan ini adalah secara mesra alam tanpa menganggu kesejahteraan ekosistem sedia ada selain memberi kesedaran kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memperkasakan sumber kekayaan semulajadi dan kepelbagaian bio sebagai aset industri ekopelancogan dan geopelancongan daerah tanpa memberi kesan kepada ekosistem sedia ada.

KOMPONEN CADANGAN:

A **Cadangan *Kenaboi World Biodoversity Centre***
- Melibatkan cadangan Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa, Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar, Taman Safari Hidupan Liar, Stesen Lapang Geotapak dan Pusat Konservasi Tumbuhan.
- (Rujuk **T1.2A (m/s: 4-20 dan 4-21**)

B **Cadangan Pengurusan Pemantauan Inventori dan Penyelidikan Flora dan Fauna**
- Pembangunan system pengumpulan data maklumat bagi sepsis flora dan fauna di Taman Negeri Kenaboi.
- (Rujuk **T1.2D (m/s: 4-26 dan 4-27**)

C **Cadangan *Geopark Jelebu – Pewartaan dan Pengurusan***
- Terdapat 3 geotapak sedia ada (Air Terjun Lata Kijang, Gunung Besar Hantu dan Lembah Jemaloi) dan 1 lokasi (Jeram Lata Dinding) yang berpotensi untuk dijadikan geotapak.
- (Rujuk **T1.2E (m/s: 4-28 dan 4-29**)

D **Cadangan Pengurusan dan Pengawalan Pembangunan Mengikut Tahap KSAS**
- KSAS Kesensitifan Tinggi (Tahap 1).
- (Rujuk **T1.3A (m/s: 4-32**)

E **Cadangan Mempertingkatkan Kawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Pencerobohan Hutan Simpan Kekal**
- Penyediaan zon penampan 50 meter di sekitar kawasan hutan yang bersebelahan dengan kawasan pertanian.
- (Rujuk **T1.3C (m/s: 4-37**)

F **Cadangan Pengukuhan Ekopelancongan Taman Negeri Kenaboi (Zon 1 dan 4)**
- Melibatkan TDZ – *Diversity Of Ecotourism* khususnya di KWBC dan sekitarnya.
- (Rujuk **T2.2A (m/s: 5-24 hingga 5-26**)

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**STRATEGIK**	**AGENSI PELAKSANA**	**PEJ. HUTAN/ JAB. PERHILITAN/ LPNS/ SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**PEJ. HUTAN/ JAB. PERHILITAN/ JMG/ FRIM/ LPNS/ MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**PENAMBAHBAIKAN RSNS/ KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PANJANG**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA BERSEPADU**

Rajah 4.18: Kawasan Strategik Pelaburan Taman Negeri Kenaboi








Air Terjun Lata Kijang dan Gunung Besar Hantu yang terdapat dalam Taman Negeri Kenaboi



Pintu Masuk Taman Negeri Kenaboi



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

DKBK 1 KOMITMEN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MEMELIHARA KEPELBAGAIAN BIOLOGI

DKBK 3 MELINDUNGI EKOSISTEM, SPESIES DAN KEPELBAGAIAN GENETIK

DKBK 4 MEMASTIKAN FAEDAH DARIPADA MEMANFAATKAN KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI DIKONGSI BERSAMA

DKBK 5 MENAMBAH BAIK KAPASITI, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MEMELIHARA KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI

DPN2 5 PEMBANGUNAN HIJAU DAN PERSREKITARAN BERSIH

DPFDN 1 PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DESA

OBJ 2 MEMELIHARA DAN MEMULIHARA SUMBERJAYA SEMULAJADI

FKS 3 PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI DAN KSAS

ISU UTAMA

ISU 1 TEKANAN PEMELIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

ISU 2 GANGGUAN AKTIVITI MANUSIA YANG MENGANCAM SPESIES FLORA DAN FAUNA

POTENSI UTAMA

POT 1 PEMELIHARAAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN BIODIVERSITI DI DAERAH JELEBU MELALUI PROJEK BERIMPAK TINGGI PEMBANGUNAN *KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE*

POT 2 KEKAYAAN SUMBER SEMULA JADI DAN BIODIVERSITI AKAN MENJADI ASET INDUSTRI EKOPELANCONGAN DAN GEOPELANCONGAN DAERAH

STRATEGI T1.2 MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO

Biodiversiti merupakan sistem sokongan hidupan antara satu sama lain. Bagi mengekalkan kepentingan biodiversiti di Daerah Jelebu, langkah pemeliharaan dan pemuliharaan seperti pengawalan, pengekalan dan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan melalui pengurusan biodiversiti di samping merealisasikan visi Jelebu Daerah Biodiversiti.

CADANGAN


T1.2A **CADANGAN *KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE*, TAMAN NEGERI KENABOI**

T1.2B **CADANGAN KAWALAN RANGKAIAN EKOLOGI N-SL1 (HS TRIANG – HS TRIANG) DAN N-SL3 (HS KENABOI – HS KENABOI)**

T1.2C **CADANGAN PEMBANGUNAN PUSAT KONSERVASI TAPIR**

T1.2D **CADANGAN PENGURUSAN PEMANTAUAN INVENTORI DAN PENYELIDIKAN FLORA DAN FAUNA**

T1.2E **CADANGAN GEOPARK JELEBU**









STRATEGI T1.2	MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO
CADANGAN T1.2A	**CADANGAN *KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE*, TAMAN NEGERI KENABOI**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Pembangunan biodiversiti Daerah Jelebu memainkan peranan penting sebagai kestabilan biodiversiti di Negeri Sembilan. Selaras dengan RS Negeri Sembilan 2045, kawasan ini juga dijadikan sebagai kawasan strategik pelaburan bagi tujuan penyelidikan.
- Matlamat pembangunan biodiversiti adalah untuk membangunkan dan memelihara sumber semula jadi secara mampan. Selain itu, ia juga adalah untuk mengukuhkan kedudukan kawasan HSK melalui pemeliharaan kawasan hutan dan penanaman semula pokok di kawasan hutan yang telah diterokai.
- Projek ini merupakan projek berimpak tinggi di bawah kawasan pembangunan biodiversiti Daerah Jelebu dan pengukuhan daripada RS Negeri Sembilan 2045.
- Cadangan ini perlu diperincikan melalui kajian lanjut dengan penyediaan Rancangan Kawasan Khas atau Pelan Tindakan Khas.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mengekalkan kawasan Hutan Simpan Kenaboi yang merupakan sumber hutan yang masih terpelihara dengan mencadangkan beberapa pembangunan bagi memelihara kepelbagaian biologi flora dan fauna.
- Menjamin kewujudan berterusan spesies tumbuhan-tumbuhan dan haiwan yang unik di kawasan Hutan Simpan Kenaboi dan memberi pelindungan terhadap spesies terancam seperti Tapir Malaya dan harimau kumbang. Rangkaian Ekologi N-SL3 di HS Kenaboi - Kenaboi mempunyai spesies Tapir Malaya dan fauna yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Tahun 2010 (Akta 716).

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	JAB. HUTAN, JAB. PERHILITAN
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JAB. HUTAN, JMG, FRIM & JAB. PERHILITAN
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKAN DARIPADA RSNS 2045
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN SECARA BERSEPADU

CADANGAN KEMUDAHAN:



- Pejabat.
- Makmal penyelidikan.
- Pusat Observatori hidupan liar.
- Bumbun.
- Pusat sumber dan media.
- Lobi – maklumat ringkas Jelebu *Geopark*.







- Bahan intepretasi interaktif.
- Model-model dan bahan pameran *geopark*.
- Pusat rawatan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Penubuhan *Task Force World Biodiversity* sebagai kumpulan petugas yang berfungsi sebagai badan teknikal antara kerajaan dan badan penasihat bagi peringkat wilayah mengenai alam sekitar Kenaboi World Biodiversity Centre.
- **Komponen Utama:**
  - A. Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa.
  - B. Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar.
  - C. Taman Safari Hidupan Liar.
  - D. Stesen Lapangan Geotapak.
  - E. Pusat Konservasi Tumbuhan.
- **Komponen Sokongan :**
  - Kemudahan- kemudahan dan fasiliti yang menyokong pembangunan.
  - Cadangan jalan masuk baharu ke Taman Negeri Kenaboi dari Pejabat Felcra – Pintu Masuk Taman Negeri Kenaboi sepanjang 6.40km.

PERINCIAN CADANGAN KOMPONEN UTAMA



A Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa

- Pusat Biodiversiti ini akan dibangunkan sebagai ikon pembangunan utama di Negeri Sembilan dan dapat memberi pendidikan / kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti.
- Komponen bagi cadangan ini merangkumi:
  - Pejabat pentadbiran.
  - Makmal penyelidikan.
  - Pusat Informasi Pelawat.
  - Ruang awam seperti pusat pameran, kedai dan restoran.
  - TLK.

B Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar



- Menyokong pembangunan kawasan perlindungan hidupan liar dan membantu dalam mencari kaedah terbaik dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan serta hidupan liar.
- Cadangan komponen merangkumi:
  - Makmal-makmal bagi aktiviti kajian dan penyelidikan
  - Galeri penyelidikan
  - Pusat sumber dan media
  - Pusat Teknologi Herba
  - Pusat Informasi Pelawat



C Taman Safari Hidupan Liar

- Pembangunan yang dicadangkan memberikan impak yang minimum. Pelaksanaan pembangunan ini adalah secara mesra alam dan tanpa menganggu kesejahteraan ekosistem sedia ada.
- Komponen bagi cadangan ini merangkumi:
  - Pusat Observatori Hidupan Liar
  - Pusat Informasi
  - Zon pameran dan pertunjukan
  - Pusat Rawatan
  - Ruang kedai makanan, minuman dan cenderamata
  - Kawasan rehat
  - TLK




D Stesen Lapangan Geotapak

- Berfungsi sebagai stesen pemantauan bagi geotapak yang berada di sekitar kawasan Hutan Simpan Kenaboi.
- Komponen bagi cadangan ini merangkumi:
  - Papan Informasi yang berinteraktif bagi Tapak Geo
  - Penyediaan papan arah bagi lokasi tapak-tapak geo

E Pusat Konservasi Tumbuhan

- Sebagai satu usaha pembangunan yang dapat mengukuhkan pembangunan taman negeri ini.
- Menyediakan arboretum sebagai tapak latihan kepada pelajar botani dan sains gunaan.
- Pengekalan dan pemeliharaan spesies-spesies tumbuhan di Daerah Jelebu seperti Orkid Biji Bulu, Gerisik Hitam, Janggut Baung dan lain-lain lagi.











Rajah 4.19: Pelan Konsep Cadangan Pengukuhan *Kenaboi World Biodiversity Centre* di Taman Negeri Kenaboi



PETUNJUK:


- Sempadan Taman Negeri Kenaboi
- (A) Cadangan Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa
- (B) Cadangan Pusat Kajian & Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar
- (C) Taman Safari Hidupan Liar
- (D) Cadangan Stesen Lapangan Geotapak
- (E) Cadangan Pusat Konservasi Tumbuhan
- Cadangan Jalan Masuk

LAIN-LAIN

- Sungai
- Hutan
- Sempadan Daerah / Negeri

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PELAN LOKASI



INFO: LOKASI & KELUASAN:

- Taman Negeri Kenaboi
- 9,370.82 Hektar

STRATEGI T1.2	MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO
CADANGAN T1.2B	CADANGAN KAWALAN RANGKAIAN EKOLOGI N-SL1 (HS TRIANG – HS TRIANG) DAN N-SL3 (HS KENABOI – HS KENABOI)

DESKRIPSI CADANGAN:

- Pelan Induk Rangkaian Ekologi - *Central Forest Spine* (CFS) merupakan satu inisiatif pelan rancangan bagi menghubungkan, mengekalkan dan memulihara baki kawasan hutan utama di Semenanjung Malaysia.
- Signifikan bagi penyediaan pelan ini adalah untuk menghubungkan rangkaian hutan yang melibatkan beberapa negeri berbeza serta kewujudan isu *roadkill* serta konflik manusia - hidupan liar. Terdapat dua lokasi CFS yang dicadangkan di Daerah Jelebu iaitu di N-SL1 (HS Triang – HS Triang) dan N-SL3 (HS Kenaboi – HS Kenaboi) yang merupakan cadangan tambahan koridor terbaru.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Melindungi, memelihara dan mengawal biodiversiti hutan simpan sebagai aset habitat semula jadi.
- Mengawal kawasan ini dari tekanan pembangunan pertanian / tepu bina di kawasan sekitar bagi menyokong kelangsungan hidupan liar yang perlu dipelihara. Hidupan liar menjadikan koridor ini sebagai habitat dan kawasan keliaran untuk mencari makanan.

KOMPONEN CADANGAN:

Jadual 4.11: Cadangan Kawalan Rangkaian Ekologi

Menyediakan Zon Penampan (Buffer Zone) Di Semua Rangkaian Ekologi Bagi Tujuan Kawalan Aktiviti Guna Tanah	• Semua pembangunan dalam zon penampan (1km) dari sempadan rangkaian ekologi perlu dikawal (Rujuk Jilid 2) • Hanya aktiviti yang tidak bercanggah dengan usaha dan fungsi rangkaian ekologi dibenarkan • Pembangunan berdensiti rendah
Melaksanakan Program Penghijauan Malaysia Melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok	• Menjalankan usaha penanaman hutan di dalam kawasan HSK
Menyediakan Cadangan Struktur	• Papan tanda amaran • Sira buatan/jenut tiruan • Pagar elektrik
Pembangunan Projek Ladang Hutan	• Penyediaan koridor mini bagi menghubungkan hutan yang terputus.

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**JABATAN PERHILITAN & JABATAN PERHUTANAN**
KATEGORI CADANGAN	**GARIS PANDUAN**	**AGENSI PEMANTAU**	**JABATAN PERHILITAN & JABATAN PERHUTANAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**PENAMBAHBAIKAN PELAN TINDAKAN CFS NEGERI SEMBILAN**
FASA PELAKSANAAN	**SEPANJANG TEMPOH KAJIAN**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**





Penambahbaikan papan tanda hidupan liar sedia ada dengan *flashing amberlight*.





Contoh peletakan kawalan kelajuan seperti *tranverse bar* atau *speed breaker*

Contoh ilustrasi menunjukkan secara konsep koridor hidupan liar perlu menyambung pecahan kelompok kawasan berhutan yang kecil dan menyediakan papan tanda amaran laluan hidupan liar di lokasi yang strategik sebagai peringatan kepada orang ramai.




A. Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar N-SL1

Jadual 4.12: Tahap Kefungsian dan Cadangan Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar N-SL1

KRITERIA PENILAIAN	PENERANGAN	LANGKAH MITIGASI
Aktiviti Guna Tanah	• Wujud ladang hutan di dalam dan sekitar rangkaian ekologi.	
Pembinaan Jalan	• FT 86 (Jalan Kuala Klawang - Simpang Pertang).	
Hotspot Hidupan Liar	• Tiada sira di rangkaian ekologi ini.	
Senarai Semak Spesies Yang Dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010	• **Mamalia (5 Spesies)** antaranya: ✓ Tapir. • **Burung (43 Spesies).** • **Hepertofauna (7 Spesies).**	
Senarai Hidupan Liar Terancam	• ***Endangered:*** ✓ Tapir. ✓ Burung Daun Sayap Biru. ✓ Burung Belatok Awan.	
Lokasi Roadkill Yang Dikenal Pasti	• FT 86 (Jalan Kuala Klawang - Simpang Pertang).	
Pengurusan Biodiversiti Hidupan Liar Selain Dari Harimau Dan Gajah	• Tiada.	
Spesies Human Wildlife Conflict	• Tapir.	
Pemburuan Haram	• Ada.	
Langkah Pencegahan Dan Kaedah Penguatkuasaan	• Rondaan berkala oleh pihak terlibat. • Operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasa (Jabatan Perhutanan, PDRM, JPJ). • Operasi Bersepadu Khazanah dengan kerjasama PDRM.	**A** Penyediaan zon penampan 1km bagi mengehadkan perluasan kawasan petempatan dan aktiviti pertanian. **B** Memastikan kawasan pertanian memperolehi persijilan pertanian mampan. **C** Memasang dan menambah baik papan tanda hidupan liar dan mengawal kelajuan bawah 60 km/j di FT 86 (Jalan Kuala Klawang- Simpang Pertang). **D** Mengukuhkan papan tanda hidupan liar sedia ada bersama *flashing amberlight* dan kawalan kelajuan seperti *transverse bar / speedbreaker*. **E** Meningkatkan penguatkuasaan di jalan raya dan kawasan bekas balak atau denai ke kawasan HSK. **F** Membangunkan projek hutan ladang secara mampan dengan mematuhi garis panduan zon pertanian dan menyediakan koridor mini bgai menghubungkan hutan yang terputus.

Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Sembilan, 2021 dan Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS, 2020.

Rajah 4.20: Pelan Zon Lingkaran Tengah Rangkaian Ekologi, *Central Forest Spine* (CFS) N-SL1 HS Triang – HS Triang




PETUNJUK:
- Rangkaian Ekologi CFS
- Zon Penampan 1KM
- Papan Tanda Hidupan Liar
- Papan Tanda Had Laju

MANGSA *ROADKILL*
- Tapir

KONFLIK HIDUPAN LIAR
- Gajah
- Harimau Kumbang
- Tapir

LAIN-LAIN
- Pertanian
- Hutan Simpan Kekal
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Perumahan Kampung Sedia Ada
- Kawasan KSAS Tahap 1
- Kawasan KSAS Tahap 2
- Kawasan KSAS Tahap 3

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035





Penempatan sira buatan untuk pengambilan oleh hidupan liar, dan berpotensi untuk diintegrasikan dengan aktiviti ekopelancongan.





Kes tapir dilanggar mati di jalan raya yang perlu dielakkan melalui pengurusan koridor ekologi yang mampan.

B. Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar N-SL3

Jadual 4.13: Tahap Kefungsian Hidupan Liar N-SL3

KRITERIA PENILAIAN	PENERANGAN	CADANGAN ATAU LANGKAH MITIGASI
Aktiviti Guna Tanah Sekitar	• Pembangunan pertanian di bahagian sisi jalan N32.	A Penyediaan zon penampan 1km bagi mengehadkan perluasan kawasan petempatan dan aktiviti pertanian. B Mengawal pembesaran kawasan pembangunan sama ada pertanian atau tepu bina ke kawasan hutan simpan. C Memasang papan tanda baharu dan mengukuhkan papan tanda hidupan liar sedia ada bersama *flashing amberlight* dan kawalan kelajuan seperti *transverse bar / speedbreaker* di Jalan N32 (Jalan Kuala Klawang – Semenyih). D Meningkatkan penguatkuasaaan di jalan raya dan kawasan bekas jalan balak / denai ke kawasan HSK.
High Conservation Value Forest Yang Dikenalpasti	• Tidak wujud di rangkaian ekologi ini (JPSM, 2020).	
Pembinaan Jalan	• N 32 (Jalan Kuala Klawang - Semenyih).	
Hotspot Hidupan Liar	• Tiada sira di rangkaian ekologi ini.	
Senarai Semak Spesies Yang Dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010	• **Mamalia (15 Spesies)**: ✓ Tapir ✓ Harimau Kumbang ✓ Harimau Dahan ✓ Kambing Gurun ✓ Kijang • **Burung (123 Spesies)** • **Hepertofauna (7 Spesies)**	
Senarai Hidupan Liar Terancam	• ***Critically Endangered:*** ✓ Tenggiling • ***Endangered:*** ✓ Tapir ✓ Daun Sayap Biru. ✓ Belatok Awan.	
Roadkill Yang Dikenal Pasti	• N32 (Jalan Kuala Klawang – Semenyih).	
Pengurusan Biodiversiti Hidupan Liar Selain Dari Harimau Dan Gajah	• Kajian pola pergerakan tapir.	
Spesies Human Wildlife Conflict	• Tapir.	
Pemburuan Haram	• Ada.	
Langkah Pencegahan Dan Kaedah Penguatkuasaan	• Rondaan berkala oleh pihak terlibat. • Rondaan berkala, trekking pemburuan haram, penggunaan jerat dan senjata api. • Operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasa (Jabatan Perhutanan, PDRM, JPJ). • Operasi Bersepadu Khazanah dengan kerjasama PDRM.	

Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Sembilan, 2020 dan Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS, 2021




Pagar elektrik menghalang haiwan memasuki kawasan petempatan.



Contoh papan tanda amaran yang perlu dipasang untuk memberi peringatan kepada pengguna jalan raya.

Rajah 4.21: Pelan Zon Lingkaran Tengah Rangkaian Ekologi, *Central Forest Spine* (CFS) N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi



PETUNJUK:

- Rangkaian Ekologi CFS
- Zon Penampan 1KM
- Papan Tanda Hidupan Liar
- Papan Tanda Had Laju

MANGSA *ROADKILL*


- Tapir

KONFLIK HIDUPAN LIAR

- Harimau Bintang
- Kambing Gurun
- Kijang
- Tapir

LAIN-LAIN

- Pertanian
- Kawasan Berhutan
- Hutan Simpan Kekal
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Perumahan Kampung Sedia Ada
- Kawasan KSAS Tahap 1
- Kawasan KSAS Tahap 2
- Kawasan KSAS Tahap 3



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.2	MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO
CADANGAN T1.2C	CADANGAN PEMBANGUNAN PUSAT KONSERVASI TAPIR

DESKRIPSI CADANGAN:

- Bagi rizab hidupan liar di Daerah Jelebu telah dicadangkan sebagai Pusat Konservasi Nasional bagi hidupan liar (Tapir). Pusat Konservasi Tapir ini ditubuhkan bertujuan untuk pembangunan dan pemeliharaan sumber semula jadi dengan mampan agar dapat memperkukuhkan dan memelihara hutan simpan sebagai habitat flora dan fauna.
- Projek ini juga bagi mengintegrasikan pelancongan, kajian, dan penyelidikan yang bertaraf antarabangsa bagi memberikan pengetahuan dan pendidikan mengenai kepentingan pemuliharaan biodiversiti.
- Lokasi bagi projek ini terletak di luar kawasan strategik pelaburan Taman Negeri Kenaboi .

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mengekalkan kawasan Rizab Hidupan Liar bagi memelihara kepelbagaian biologi flora dan fauna.
- Menjamin kewujudan berterusan spesies di Daerah Jelebu dengan meningkatkan populasi tapir.
- Berfungsi sebagai pusat perkembangan bagi aktiviti kajian dan penyelidikan spesies tapir serta habitat daripada penyelidik tempatan dan antarabangsa.

KOMPONEN CADANGAN:

- Merancang dan menyelaras pengurusan, pembangunan serta pengoperasian di Pusat Konservasi Tapir dengan menyediakan kompleks pengurusan
- Mengurus ekologi dan keutuhan habitat dengan pengekalan habitat asal dan pemuliharaan spesies-spesies penting dengan mengadakan program pembiakan dalam kurungan. (contoh: tapir, gajah, harimau kumbang).
- Penyediaan pendidikan alam semula jadi (contoh: penyediaan lokasi pembelajaran, program pendidikan dan Taman Arboretum) dan perhubungan dengan komuniti (contoh: penyediaan program-program kesedaran awam).
- Melibatkan pihak berkepentingan - (Swasta – projek pembangunan pelancongan) (NGO – perkongsian maklumat dan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan) - (Komuniti tempatan – penglibatan dalam pengurusan hidupan liar).

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	JAB. PERHILITAN
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JAB. PERHILITAN
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	JAB. PERHILITAN
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



Kompleks Pengurusan



Zon Pameran



Kompleks Hospital Veterinar



Zon Pembiakan dan Kuarantin

Rajah 4.22: Pelan Konsep Cadangan Pengukuhan Kawasan Rizab Hidupan Liar Di Daerah Jelebu (Pusat Konservasi Tapir)



PETUNJUK:

- Sempadan Pusat Konservasi Tapir
- Cadangan Jalan

LAIN-LAIN

- Sungai



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.2	MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO
CADANGAN T1.2D	CADANGAN PENGURUSAN PEMANTAUAN INVENTORI DAN PENYELIDIKAN FLORA DAN FAUNA

DESKRIPSI CADANGAN

- Bagi meningkatkan kecekapan pemeliharaan dan pengurusan sumber biodiversiti Daerah Jelebu, aktiviti pemantauan dan pengawasan haruslah diteruskan dengan mempertingkatkan lagi usaha inventori flora dan fauna di Daerah Jelebu.
- Program pemantauan boleh dijalankan secara berkala seperti menjalankan pengawasan dan inventori flora dan fauna sebanyak dua kali setahun. Dengan itu perubahan dinamik spesies-spesies flora dan fauna dalam kawasan rizab akan direkod dan dipantau secara berterusan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Program inventori secara berkala dapat menyumbang data dalam perubahan dinamik spesies-spesies hidupan liar di kawasan rizab.
- Bagi menghasilkan pengkalan data hidupan liar dan sistem penyebaran maklumat yang berkesan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Pembangunan sistem bagi pengumpulan data dan maklumat berkaitan inventori flora dan fauna serta penggunaan aplikasi bagi mengenalpasti flora dan fauna.
- Pemantauan akustik *(acoustic monitoring)* menggunakan alat dron, perangkap kamera atau CCTV dan penggunaan teknologi seperti remote sensing
- Program inventori flora dan fauna secara berkala yang menyumbang data dalam perubahan dinamik spesies-spesies hidupan liar di kawasan rizab.
- Melibatkan usahasama bersama NGO dalam perkongsian maklumat dan langkah-langkah pemeliharaan flora dan fauna.


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	QUICK WIN	AGENSI PELAKSANA	JAB. PERHILITAN, FRIM & JAB. PERHUTANAN
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	JAB. PERHILITAN & JAB. PERHUTANAN
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



Penggunaan *camera trap* bagi pemantauan dan pengawasan





Beruang

BENCHMARK BAGI PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN FLORA DAN FAUNA
- Stesen Penyelidikan Pasoh (SPF) di Hutan Simpan Pasoh

Stesen Penyelidikan Pasoh (SPF) di Hutan Simpan Pasoh

- Berfungsi bagi melaksanakan penyelidikan bagi pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan di kawasan Hutan Simpan Pasoh di bawah agensi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
- Seluas 1,840 hektar merupakan kawasan bagi Hutan Penyelidikan Pasoh yang dibawah permit penggunaan FRIM.
- SPF telah banyak menjalankan kolaborasi penyelidikan bersama agensi luar negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat.

Antara aktiviti penyelidikan dan pemantauan yang telah dijalankan di bawah SPF Pasoh:

- Pemantauan demografi jangka panjang pokok
- Pemantauan taburan biji benih melalui projek *Seed Rain And Seedling Monitoring*
- Pemantauan *vertebrae*
  - Penilaian dan pemantuan ekologi tropikal
  - *Population viability*
  - Perangkap kamera

DIVERSITI TUMBUHAN

- Terdapat sebanyak 340,000 buah pokok daripada 814 spesies di atas plot kawasan berkeluasan 50 hektar talah direkodkan dibanci oleh pihak SPF setiap 5 tahun.

DIVERSITI HAIWAN

- Terdapat 92 spesies herpetofauna seperti:
  - 43 spesies amfibia
  - 4 spesies kura-kura
  - 20 spesies cicak
  - 25 spesies ular

CADANGAN PENGURUSAN PEMANTAUAN INVENTORI DAN PENYELIDIKAN FLORA DAN FAUNA

FASA 1

PENGURUSAN DATA SECARA BERSEPADU

- Pembangunan sistem pengumpulan maklumat dan data flora dan fauna bagi membangunkan pangkalan data secara berpusat

FASA 2

PEMANTAUAN SECARA FIZIKAL

- Pengawasan dan pemantauan menggunakan teknologi terkini dan teknik-teknik pemantauan yang berkesan.
- Melakukan pemantauan berkala sebanyak 2 kali setahun.

FASA 3

PENGURUSAN INVENTORI FLORA DAN FAUNA SECARA BERTERUSAN

- Mengadakan program inventori flora dan fauna secara berkala
- Melibatkan usahasama bersama NGO dalam perkongsian maklumat dan program-program pemeliharaan flora dan fauna



Contoh alat sensor yang digunakan bagi pemantauan akustik



Gambaran pemantauan akustik hidupan liar

KAEDAH *ACOUSTIC MONITORING*

- Menggunakan suara untuk mengkaji hidupan liar, dengan alat pengesan genggam, hingga menggunakan alat perekam suara jarak jauh untuk memantau suara binatang dan ekosistem.
- Data akustik dapat digunakan untuk memantau tren spasial dan temporal dalam tingkah laku haiwan dan gangguan manusia.



Gambaran Aplikasi yang digunakan untuk mengenalpasti spesies flora dan fauna

Jadual 4.14: Spesies Fauna Berkepentingan dan Dilindungi.

SPESIES FAUNA	NAMA TEMPATAN	NAMA SAINTIFIK
Mamalia	Tapir Malaya	*Tapirus indicus*
	Harimau Kumbang	*Panthera Pardus*
	Gajah Asia	*Elephas maximus*
	Rusa Sambar	*Cervus Unicolor*
	Beruang Madu Matahari	*Helarctos malayanus*
	Babi Hutan	*Wild Pig*
Reptilia	Labi-labi Biasa	*Amyda cartilaginea*
	Ular Hitam Sawa	*Phyton Reticulatus*
Amphibia	Lebah Kelulut	*blue head centipedes*
	Katak Demam	*Limnonectus blythii*
	Katak Terbang	*Rhacophorus spp.*
Burung/ Aves	Murai Batu	*Chopcycus malabaricus*
	Bayan Serindit	*Loriculus galgulus*
Serangga	Rajah Brooke Birdwing	*Trogonoptera Brookiana*
	Riang- riang	*Ambragaeana ambra*
	Mentadak Orkid	*Hymenopus coronatus*
	Serangga Ranting Bersayap	*Phaenopharos struthioneus*

Sumber: 1) PERHILITAN, 2021
2) Pejabat Vaterinar Jelebu, 2021

Jadual 4.15: Spesies Flora Daerah Jelebu, 2010.

NAMA TEMPATAN	NAMA BOTANI
Meranti	*Shorea Leprosula*
Merawan Bunga	*Hopea pubescens*
Nyatoh Taban Merah	*Palaquium gutta*
Terap	*Artocarpus odoratissimus*
Keruing	*Dipterocarpus crinitus*
Cengal	
Nyatoh Durian	*Payena maingayi*
Kedondong	*Spondias Dulcis*
Bertam	*Corymborkis veratrifolia*
Buluh	*Bambuseae*
Rotan	*Calameae*
Paku Pakis	*Woodsiaceae / Dryopteris integriloba*
Mahang	*Macaranga*
Begonia	*Begonia Foxworthyl*
Rinoria	*Rinorea Bengalensis*
	Orophea Enterocarpa
Cemamar	*Micromelum Minutum*
Geronggang Derum	*Cratoxylum Formosum*
-	*Urceoia laevigata (apocynaceae)*
-	*Orophea Enterocarpa*
Keduduk Bulu	*D.O hirsute*
Palong Beludu	*Pentaspadon Velutinus*
Gapis	*Saraca Declinata*
Orkid Biji Bulu	*Thrixspermum iodochilus*
Gerisik Hitam	*Xerospermum noronhianum*
Akar Pisang	*Desmos dumosus*
Belinjau / Melinjau	*Gnetum gnemon*
Dendulang	*Paropsia vareciformis*
Janggut Baung	*Rinorea anguifera*
	Orophea Malayana

Sumber: Malayan Nature Journal

STRATEGI T1.2	MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER KEPELBAGAIAN BIO
CADANGAN T1.2E	CADANGAN GEOPARK JELEBU

A. CADANGAN PEWARTAAN DAN PENGURUSAN GEOTAPAK DAERAH JELEBU SEBAGAI *GEOPARK* KEBANGSAAN

DESKRIPSI CADANGAN:

- Daerah Jelebu juga mempunyai potensi *geopark* yang boleh dijadikan aset kepada tarikan pelancongan dan pendidikan daerah. Sebanyak **19 geotapak** yang perlu dipelihara untuk kelangsungan sumbernya dan terdapat **11 lokasi** yang dikenalpasti berpotensi dibangunkan sebagai tapak warisan geologi. (**Rujuk Jadual 4.16 dan 4.17**). Cadangan ini adalah untuk menyelaras, merancang, membangun, mengurus, memajukan dan mempromosikan Daerah Jelebu sebagai daerah mampan dengan biodiversiti unik.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memelihara tapak warisan geologi Daerah Jelebu bagi mengelakkan eksploitasi batuan secara haram dan tidak berlesen.
- Memastikan langkah pemuliharaan tapak warisan dapat dipertingkatkan lagi melalui pengukuhan akta / perundangan, penguatkuasaan, pendidikan dan penyelidikan.
- Memantau pembangunan dan pelaksanaan projek-projek berkaitan pelancongan geo.
- Meningkatkan status Gua Pelangi yang berpotensi sebagai Geopark Kebangsaan melalui konservasi dan pemeliharaan tapak.

KOMPONEN CADANGAN:


- Menyediakan Pelan Pengurusan *Geopark* yang mencadangkan sistem *governans* serta kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengurusan Geopark di Daerah Jelebu.
- Mewujudkan badan atau jabatan yang menguruskan *Geopark* yang berfungsi untuk memulihara kawasan warisan geologi *(geosites*).
- Pemantauan tapak dan geotapak.
- Pembangunan pusat penyelidikan arkeologi.
- Penambahbaikan dengan kemudahan-kemudahan seperti:
  - Pemasangan papan tanda tunjuk arah serta papan tanda informasi di lokasi geotapak.
  - Penyediaan kemudahan tandas awam.
  - Penambahbaikan jalan-jalan ke lokasi geotapak.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	JMG
KATEGORI CADANGAN	PROJEK + GARIS PANDUAN	AGENSI PEMANTAU	JMG & MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	JMG
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI


Gua Pelangi


Jeram Toi


Taman Negeri Kenaboi


Gua Pelangi

KOMPONEN PEMBANGUNAN GEOPARK JELEBU

KOMPONEN FIZIKAL	KOMPONEN PEMBANGUNAN	KOMPONEN PENGURUSAN
Elemen-elemen yang merangkumi sumber geologi dan arkeologi.	Aktiviti pemuliharaan dan pembangunan tapak warisan semulajadi serta pembangunan prasarana di tapak warisan, sosioekonomi secara lestari, dan insaniah melalui pendidikan.	Penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam pengurusan kewangan dan pembangunan infrastruktur.

LANGKAH PENGIKTIRAFAN GEOPARK

01 Menilai kesesuaian tapak sebagai geotapak
- Pengenalpastian geotapak bernilai kebangsaan.
- Penetapan kawasan untuk pemuliharaan, penempatan dan pelancongan.

02 Membentuk Jawatankuasa Promosi
- Promosi kepada pihak berkepentingan dan pengenalpastian *local champion*.
- Penubuhan Jawatankuasa promosi peringkat negeri.

03 Maklumat Penyediaan *Dossier*
- Pengumpulan maklumat geotapak.
- Penyediaan dossier mengikut kriteria *dossier geopark* kebangsaan.

04 Membangunkan Prasarana Asas
- Prasarana pendidikan (papan tanda, pusat maklumat bagi geotapak terpilih).
- Mengemaskini prasarana pelancongan dan komuniti.

05 Penganjuran Aktiviti Kesedaran Awam dan Pendidikan
- Program kesedaran awam untuk pihak berkepentingan.
- Kesedaran awam dan pendidikan untuk komuniti tentang geopark dan penjagaan alam sekitar.

06 Menghantar Permohonan
- Permohonan bersama *Dossier* melalui Jawatankuasa. Pelaksana *Geopark* Kebangsaan.
- Penilaian kendiri *geopark*.

07 Penilaian Geopark
- Penilaian geopark oleh pakar.
- Rumusan penilaian Geopark.

08 Perakuan Geopark Kebangsaan
- Kelulusan daripada pihak Jawatankuasa *Geopark* Kebangsaan.
- Rumusan dan cadangan daripada Jawatankuasa Geopark Kebangsaan.

Jadual 4.16: Senarai Geotapak Daerah Jelebu


NO.	GEOTAPAK	KELUASAN	USIA	KETERANGAN	KAWALAN PEMBANGUNAN
1	HSK Jeram Toi	3.4 Hektar	Trias	Taman Ekorimba daerah	• Tiada sebarang aktiviti • dibenarkan kecuali aktiviti yang dibenarkan dengan syarat.
2	Taman Alam Negeri Kenaboi	9459 hektar	Ordovisi - Slur	Taman Negeri di Negeri Sembilan	• Tiada sebarang aktiviti pembangunan kecuali prasarana ekopelancongan.
3	Sungai Kenaboi *'White water rafting;*	0.72 km²	Trias	Aktiviti *Water Rafting* ke-3 terbaik di Asia Tenggara	• Tiada struktur binaan kekal atau pembangunan secara besar-besaran dibenarkan di kawasan rizab sungai kecuali aktiviti eko-pelancongan berimpak rendah atau rekreasi air.
4	Air Terjun Lata Kijang	6.47 Hektar	Ordovisi - Silur	Struktur batuan primer dan sekunder dan Air terjun tertinggi negeri (85m)	
5	Jeram Gading	3.4 Hektar	Trias	Kepelbagaian Lubang Periuk di sepanjang jeram	• Hanya di benarkan aktiviti pemuliharaan kawasan hutan, penyelidikan, memerhati burung, fotografi, mendaki, berkhemah, berkayak dan berakit.
6	Gunung Besar Hantu	Tiada maklumat	Trias	Tarikan bongkah batuan granit bertrek	
7	Monumen Gempa Bumi HSK	200m x 10m x 10m	Ordivisi - Silur	Monumen gempa bumi sesar Bukit Tinggi 2008 yang mempunyai struktur batuan sekunder dan tektonik	• Zon penampan perlu diadakan mengelilingi Monumen Geologi. Hanya pembangunan intensiti rendah dibenarkan di dalam zon penampan.
8	Gua Pelangi	160 m²	Trias	Gua Batu Kapur yang mempunyai nilai arkeologi global	• Hanya di benarkan aktiviti pemuliharaan kawasan hutan, penyelidikan, memerhati burung, fotografi, mendaki, berkhemah.
9	Gua Kelawar	156 m²	Trias	Gua Batu Kapur	
10	Gua Tirai	150 m²	Trias	Gua Batu Kapur	
11	Gua Waris	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur	
12	Gua Telaga	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur	
13	Air Terjun Ulu Lakai	Tiada maklumat	Trias	Air Terjun dengan 10x jatuhan air	• Tiada struktur binaan kekal atau pembangunan secara besar-besaran dibenarkan di kawasan rizab sungai kecuali aktiviti eko-pelancongan berimpak rendah atau rekreasi air
14	Gua Batu Tadah	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur di dalam batuan granit	• Pembangunan boleh dijalankan dengan bersyarat dan ianya hanya untuk berkepentingan daerah. • Hanya di benarkan aktiviti pemuliharaan kawasan hutan, penyelidikan, memerhati burung, fotografi, mendaki, berkhemah.
15	Bukit Batu Dinding	Tiada maklumat	Trias	Bukit bongkah batuan	
16	Bukit Batu Putih	Tiada maklumat	Trias	Gua Batu Kapur dalam batuan kuarzit	
17	Batu Kapal	Tiada maklumat	Trias	Bongkah batuan di tebing bukit (loppolit)	
18	Gua Harimau	Tiada maklumat	Trias	Tiada Maklumat	• Hanya di benarkan aktiviti pemuliharaan kawasan hutan, penyelidikan, memerhati burung dan fotografi
19	Lembah Jemaloi	Tiada maklumat	Trias	Kawasan sungai dari pergerakan sesar	• Tiada struktur binaan kekal atau pembangunan secara besar-besaran dibenarkan di kawasan rizab sungai kecuali aktiviti eko-pelancongan berimpak rendah atau rekreasi air.

Jadual 4.17: Senarai Potensi Geotapak dan Tapak Warisan Budaya/Sejarah/Biodiversiti bagi Daerah Jelebu

NO.	POTENSI TAPAK WARISAN GEOLOGI	NO.	POTENSI TAPAK WARISAN/ BUDAYA/ SEJARAH/ BIODIVERSITI
1	Jeram Lata Dinding	1	Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh
2	Jeram Dagang Gajah	2	Makam Moyang Salleh
3	Jeram Enggang	3	Meriam Dato' Abdullah
4	Bukit Batu Beras	4	Rumah Dagang Budi
5	Bukit Batu Sawa	5	Makam Sejarah Jelebu
6	Jeram Lata Berungut		-

Sumber: Jabatan Mineral dan Geologi Negeri Sembilan- Melaka, 2020

Rajah 4.23: Pelan Lokasi Tapak Warisan Geologi Daerah Jelebu



PETUNJUK:

- 19 Geotapak Daerah Jelebu
- Potensi Tapak Warisan Geologi
- Potensi Tapak Warisan/ Budaya/ Sejarah/ Biodiversiti

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

B. CADANGAN PUSAT KECEMERLANGAN GEOPARK JELEBU DAN ARKEOLOGI (PKGA)

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan pembangunan pusat kecemerlangan Jelebu Geopark dan Arkeologi ini adalah bagi menggalakkan pelancongan pendidikan yang berasaskan kepada alam semula jadi dan geologi.
- PKGA ini berperanan dalam menjalankan penyelidikan berkaitan pemuliharaan dan pembangunan geopark.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Keistimewaan geotapak dan tapak warisan geologi ini bernilai dari aspek batu, mineral, struktur dan monumen geologi. Segala aktiviti pembangunan berskala besar perlu mengambilkira geotapak dan tapak warisan geologi. Satu kajian lanjutan perlu dilaksanakan bagi memastikan geotapak dan tapak warisan geologi di daerah ini dapat diiktiraf sebagai *Geopark* Kebangsaan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Pembangunan PKGA di Felda Pasoh 4 sebagai galeri *geopark* Jelebu.
- Penyediaan pusat informasi di Kompleks Gua Daerah Jelebu.
- Cadangan jalan sepanjang 6.5 KM di Gua Pelangi – Felda Pasoh 4 (Perincian pada cadangan T2.2B).

Pusat Penyelidikan Arkeologi → **Pusat Kecemerlangan Geologi** → **Stesen Lapangan Geotapak**

TERAS PEMBANGUNAN PKGA

Konservasi
- Penyelidikan
- Konservasi Geowarisan
- Warisan Budaya

Pembangunan Pelancongan
- Infrastruktur Awam
- Promosi Pelancongan
- Peluang Pelancongan Baru

Pembangunan Komuniti
- Pendidikan
- Aktiviti Ekonomi
- Penglibatan Penduduk Tempatan

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	JMG
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JMG
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	JMG
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Komponen Utama di PKGA

i. Pusat Informasi Kompleks Gua Daerah Jelebu
- Bahan Informasi Interaktif
- Kiosk Cenderamata dan makanan

ii. Pusat Penyelidikan Arkeologi dan Geologi
- Galeri
- Pejabat urusan
- Makmal penyelidikan
- Pusat sumber dan media



Contoh bahan interpretasi di Langkawi Geopark Discovery Centre yang boleh dibuat di pusat informasi Geopark Jelebu




Tapak arkeologi Gua Pelangi



Cadangan pembangunan PKGA

Rajah 4.24: Cadangan Pembangunan PKGA



PETUNJUK:

- Geotapak
- Tapak Warisan Geologi
- Pelancongan Pendidikan
- Kompleks PKGA Pasoh
- Jelebu *Geopark*
- Kawasan Warta Geotapak

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai

PELAN LOKASI



INFO: LOKASI & KELUASAN:

- Felda Pasoh 4

Sumber: Kajian RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

DPFD 1 PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DESA

DKBK 1 KOMITMEN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MEMULIHARA KEPELBAGAIAN BIOLOGI

DKBK 2 PENGURANGAN TEKANAN SECARA LANGSUNG TERHADAP KEPELBAGAIAN BIOLOGI

DKBK 3 MELINDUNGI EKOSISTEM, SPESIES DAN KEPELBAGAIAN GENETIK

DKBK 4 MEMASTIKAN FAEDAH DARIPADA MEMANFAATKAN KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI DIKONGSI BERSAMA

FKS 3 PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI DAN KSAS

POTENSI UTAMA

POT 3 POTENSI KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL DI DAERAH JELEBU YANG BERFUNGSI SEBAGAI KADAR PENYERAPAN KARBON

POT 4 PENGEKALAN HUTAN SIMPAN KEKAL SEBAGAI KAWASAN TADAHAN AIR SEMULAJADI, RIZAB HIDUPAN LIAR SEBAGAI KAWASAN EDUPELACONGAN

STRATEG T1.3 MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) adalah suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan terhadap ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya. Penilaian secara integrasi menunjukkan keperluan untuk membentuk satu pengurusan yang lebih makro dan holistik. Oleh itu, cadangan strategi memelihara, memulihara dan pengekalan KSAS dicadangkan di dalam strategi ini.

CADANGAN

T1.3A **CADANGAN PENGURUSAN DAN PENGAWALAN PEMBANGUNAN MENGIKUT TAHAP KSAS**

T1.3B **CADANGAN KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) SEBAGAI ZON PENYERAP KARBON (*CARBON SINK*)**

T1.3C **CADANGAN KAWALAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN KEKAL**










STRATEGI T1.3	MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR
CADANGAN T1.3A	CADANGAN PENGURUSAN DAN PENGAWALAN PEMBANGUNAN MENGIKUT TAHAP KSAS

DESKRIPSI CADANGAN:

- KSAS Sektoral dan KSAS Bersepadu perlu dilihat sebagai satu ekosistem yang mempunyai fungsi penting untuk memelihara alam sekitar. Di Daerah Jelebu, kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) telah diklasifikasikan mengikut kriteria kawasan yang mempunyai unsur fungsi dan nilai yang berkepentingan iaitu:
  - **KSAS Bernilai Sokongan Hidup**
  - **KSAS Bernilai Khazanah dan Warisan**
  - **KSAS Bernilai Bencana**
- Penilaian secara integrasi nilai-nilai dinyatakan di atas menunjukkan keperluan untuk membentuk satu pengurusan yang lebih makro dan holistik. Rujuk jadual 4.17.

Jadual 4.18: Cadangan Strategi Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

TAHAP KESENSITIFAN	STRATEGI PENGURUSAN	LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN
Kesensitifan Tinggi (Tahap 1)	• **Perlindungan** • **Pemeliharaan** • **Pemuliharaan**	• Cadangan - cadangan infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Semua jenis pembangunan termasuk pertanian dan pembalakan tidak dibenarkan kecuali aktiviti penyelidikan dan lawatan. • Langkah pengurusan yang lebih terperinci perlu dijalankan sekiranya kawasan pelancongan dibangunkan.
Kesensitifan Sederhana (Tahap 2)	• **Pemeliharaan** • **Pemuliharaan**	• Hanya pembangunan dan aktiviti berimpak rendah dibenarkan tanpa perubahan nyata pada guna tanah utama. • Cadangan - cadangan infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Termasuk kemudahan sementara, pembalakan dan kemudahan pelancongan yang berimpak rendah. • Permohonan pembangunan harus menunjukkan bahawa pembangunan adalah berimpak rendah melalui kajian EIA, ES, SIA. dan lain-lain.
Kesensitifan Rendah (Tahap 3)	• **Pemuliharaan** • **Pembangunan Terkawal**	• Cadangan - cadangan infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Pembangunan secara terkawal dibenarkan dengan syarat-syarat yang ketat. Jenis dan kepadatan pembangunan perlu dikawal tertakluk kepada keadaan tapak. • Segala permohonan pembangunan di kawasan tahap 3 harus disertakan dengan EIA atau ES dalam LCP dan menunjukkan pematuhan kepada Garis Panduan.

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

JUSTIFIKASI CADANGAN:


- Aset semula jadi yang berbeza sifat perlu disepadukan untuk tujuan perancangan dan kawalan pembangunan.
- Rancangan Fizikal Negara 4 dan Dasar Biodiversiti Kebangsaan menitikberatkan penjagaan sumber jaya semula jadi sebagai aset warisan negara yang perlu dipelihara.

KOMPONEN CADANGAN:


- Merancang guna tanah mengikut kesesuaian tahap KSAS Tahap 1, 2, 3 dan luar KSAS serta disepadukan mengikut perancangan guna tanah keseluruhan daerah.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	***QUICK WIN***	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ, JAS, JAB. PERHILITAN, JPS, JAB. PERHUTANAN**
KATEGORI CADANGAN	**PENGURUSAN**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RT**
FASA PELAKSANAAN	**SEPANJANG TEMPOH KAJIAN**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA BERSEPADU**



Rajah 4.25: Pelan Tahap KSAS Daerah Jelebu, 2020



PETUNJUK:

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Luar KSAS

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


A. CADANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN KSAS TAHAP 1

Jadual 4.19: Pengkelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1

KATEGORI KSAS	KAWASAN TERLIBAT	LANGKAH PENGURUSAN	
KSAS Bukit Dan Tanah Tinggi	• Gunung Besar Hantu • Kawasan Tanah Tinggi melebihi 1000 meter	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Tiada pembangunan, pertanian atau pembalakan dibenarkan kecuali bagi aktiviti pelancongan alam semula jadi berimpak rendah, penyelidikan dan pendidikan.
KSAS Kecerunan	• Kawasan Kecerunan Melebihi 35 Darjah (Keperluan JMG)		
Kawasan Rizab Hidupan Liar	• Pusat Konservasi Nasional Hidupan Liar (Tapir) • Hutan Hidupan Liar	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Penyelidikan dan eko pelancongan berimpak rendah. • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. **Langkah Pengurusan** • Pengurusan ekologi dan keutuhan habitat dan pemuliharaan spesies-spesies penting • Penyediaan pendidikan alam semula jadi • Aspek pentadbiran dan infrastruktur - Menaiktaraf infrastruktur institusi, keupayaan kakitangan, kelengkapan dan lain sumber yang diperlukan • Kawasan penampan selebar 500m disediakan bagi kawasan lain dan boleh digunakan untuk aktiviti impak rendah seperti taman awam dan tempat letak kereta. • Kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan tegas terhadap aktiviti pemburuan haram.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Tiada pembangunan, pertanian atau pembalakan dibenarkan
Hutan Simpan Kekal	• HS Kenaboi • HS Triang • HS Pasoh • HS Berembun • HS Gapau	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Pembangunan dibenarkan dengan syarat seperti pusat penyelidikan dan ekopelancongan • Penempatan orang asli tidak dibenarkan melainkan yang sedia ada. **Langkah Pengurusan** • Pengezonan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Daerah Jelebu sebagai Zon Penyerap Karbon (*Carbon Sink*). • Kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan tegas terhadap aktiviti pencerobohan Hutan Simpan Kekal. • Penyediaan zon penampan 1km di kawasan Rangkaian Ekologi N-SL 1 HS Triang - HS Triang dan N-SL3 HS Kenaboi – HS Kenaboi bagi mengehadkan perluasan kawasan penempatan dan aktiviti pertaniaan	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Aktiviti pembuangan sampah dan pelepasan kumbahan Perindustrian • Perumahan • Pemusnahan hutan
Kawasan Tadahan Air Dan Sumber Air Bawah Tanah	• Empangan Sg Triang • Pusat Pemulihan Akidah, Jelebu • MARDI, Simpang Durian • Surau Ulu Sepri	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Aktiviti penyelidikan **Langkah Pengurusan** • Kemudahan infrastruktur selain daripada infrastruktur empangan adalah tidak dibenarkan. • Aktiviti pembalakan dan pertanian tidak dibenarkan. • Aktiviti pembangunan, kemudahan infrastruktur, aktiviti pembalakan dan pertanian dikawal dengan ketat.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** Tiada sebarang aktiviti dibenarkan termasuk pembalakan dan pertanian.
Kawasan Pelancongan (Ekopelancongan, Arkeo Dan Geo Pelancongan)	• Taman Negeri Kenaboi • Kompleks Gua Pasoh • Bukit Batu Sawa • Bukit Batu Beras • Bukit Batu Bulan • Jeram Toi • Gunung Besar Hantu • Jeram Gading • Jeram Berungut • Air Panas Chennah • Ecofarm Resort • Lata Kijang	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Hanya di benarkan aktiviti pemuliharaan kawasan hutan, penyelidikan, memerhati burung, fotografi, mendaki, berkhemah, berkayak dan berakit **Langkah Pengurusan** • Perwartaan geo tapak sebagai Geopark Kebangsan bagi pemelihraan kawasan. • Tiada penukaran penggunaan tanah selain untuk kegunaan perhutanan • Laluan masuk pelancong menggunakan bot atau *boardwalk/canopy walkaway*	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Memetik, merosak tumbuhan atau mengumpul haiwan sebagai cenderamata • Pembuangan sampah • Industri • Perumahan • Perniagaan

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.26: Pelan Pengkelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1



PETUNJUK:

- KSAS Tahap 1
- KSAS Ketinggian Tahap 1
- KSAS Kecerunan Tahap 1
- Rizab Hidupan Liar
- Kawasan Tadahan Air
- Kawasan Pelancongan



Pusat Konservasi Nasional Hidupan Liar (Tapir)



Empangan Sg Triang



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


B. CADANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN KSAS TAHAP 2

Jadual 4.20: Pengkelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 2

KATEGORI KSAS	KAWASAN TERLIBAT	LANGKAH PENGURUSAN	
Kawasan Tanah Tinggi Dan Cerun Curam	• Kawasan yang dikenal pasti mempunyai ketinggian di antara 150 - 300 meter • Kecerunan antara 12- 35 darjah	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Ekopelancongan • Tadahan air • Hidupan liar	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Tiada sebarang aktiviti dibenarkan kecuali aktiviti yang dibenarkan dengan syarat.
Kawasan Tadahan Air Dan Sumber Air Bawah Tanah	• Masjid Kg. Puom • Pusat Pemulihan Dadah, Jelebu • 3 kawasan di dalam Daerah Jelebu	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Kawasan rekreasi **Langkah Pengurusan** • Mematuhi peraturan rizab sungai seperti yang ditetapkan oleh JPS (2001). • Kualiti air dikekalkan di antara Kelas II dan III mengikut Indeks Kualiti Air Kebangsaan.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Tiada sebarang aktiviti yang dibenarkan.
Kawasan Berisiko Bencana	**Banjir Kilat** • Kg. Kuala Pah, Kg. Durian Gasing, Kg. Puom, Taman Pekan Baru, Kg. Chennah, Kg Sg Kekabu, Kg. Telekong **Tanah Runtuh** • Jalan Puom-Chennah, Jalan Kg. Esok-Chennah, Jala Genting Peras, Jalan Persekutuan (FT86, FT09), Jalan Kerangai- Air Bening.	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Aktiviti rekreasi **Langkah Pengurusan** • Pembangunan baru hanya boleh dipertimbangkan di zon "*flood fringe*" apabila mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh JP`S. • Kawalan kebersihan alam sekitar dan banjir yang ketat. • Berupaya untuk membolehkan kenderaan dan manusia bergerak dengan selamat ketika masuk dan keluar dari zon tersebut apabila berlakunya banjir, hakisan dan lain-lain kecemasan. • Adanya maklumat yang mencukupi menyusuli permohonan yang menunjukkan pembangunan yang dicadangkan dipelihara oleh kesan banjir 100 tahun. • Kawasan yang berfungsi sebagai kolam takungan semula jadi seperti hutan paya laut dan hutan paya gambut perlu dipulihara untuk mengekalkan keseimbangan dataran banjir.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Pembangunan yang melibatkan kemudahan sosial atau kecemasan seperti hospital, dan sekolah.
Kawasan Pelancongan Warisan	• Muzium Adat, Makam Sejarah Jelebu, Masjid Kuala Dulang, Makam Moyang Salleh, Meriam Dato' Abdullah, Batu Peringatan Inggeris	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Aktiviti Penyelidikan **Langkah Pengurusan** • Pewartaan tapak-tapak warisan dan geologi sebagai Tapak Warisan Kebangsaan. • Tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005. • Nasihat Pesuruhjaya Warisan harus diperoleh sebelum kebenaran merancang.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Semua aktiviti tidak dibenarkan tanpa kebenaran Pesuruhjaya Warisan Kebangsaan.
Kawasan Sumber Geologi Dan Arkeologi	• Monumen Gempa Bumi Lata Dinding, Gua Batu Putih, Lembah Jemaloi, Gua Harimau, Ladang Pertang, Kg. Cenderak, Kg. Sg. Muntuh, Simpang Pertang, Kg. Petasih Hulu, Kg. Purun, Gua Kelawar, Gua Waris, Gua Telaga, Air Terjun Ulu Lakai, Gua Batu Tadah	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. **Langkah Pengurusan** • Pembangunan dibina di luar zon penampan dan jauh dari pintu masuk gua. Hanya pembangunan asas yang tidak memberi kesan negatif kepada kawasan batu kapur dibenarkan. • Zon penampan diadakan mengelilingi Taman dan Monumen Geologi. Hanya pembangunan intensiti rendah dibenarkan di dalam zon penampan.	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.27: Pelan Pengelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 2



PETUNJUK:

- KSAS Tahap 2
- KSAS Ketinggian Tahap 2
- KSAS Kecerunan Tahap 2
- Kawasan Berisiko Bencana
- Pelancongan Arkeologi
- Pelancongan Warisan



Pelancongan Warisan Masjid Kuala Dulang



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


C. CADANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN KSAS TAHAP 3

Jadual 4.21: Pengkelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 3

KATEGORI KSAS	KAWASAN TERLIBAT	LANGKAH PENGURUSAN	
Kawasan Tanah Tinggi Dan Cerun Curam	• Tanah Bukit (150 – 300meter) • Kawasan kecerunan bawah dari 12 darjah	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Ekopelancongan • Tadahan air • Hidupan liar • Penyelidikan dan pendidikan • Penempatan orang asli tidak dibenarkan melainkan yang sedia ada.	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Tiada sebarang aktiviti dibenarkan kecuali aktiviti yang dibenarkan dengan syarat.
Kawasan Tadahan Air Dan Sumber Air Bawah Tanah	• Rizab sungai di dalam lembangan Triang	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Industri ringan • Industri kecil dan sederhana	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Industri besar perkilangan
		Langkah Pengurusan • Mematuhi peraturan Rizab Sungai seperti yang ditetapkan oleh JPS (2001). • Kualiti air dikekalkan di antara Kelas II dan III mengikut Indeks Kualiti Air Kebangsaan. • Rizab sungai diperlukan mengikut kelebaran sungai. Tiada struktur binaan kekal atau pembangunan secara besar-besaran dibenarkan di kawasan rizab sungai kecuali aktiviti eko-pelancongan berimpak rendah atau rekreasi air.	
Kawasan Berisiko Bencana	**Banjir Kilat** • Kg. Triang • Ladang Pertang • Kg. Jerang • Kg. Gagu • Kg. Paradong • Durian Tipus • Kg. Lakai	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Aktiviti rekreasi dan penanaman	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Pembangunan struktur tidak dibenarkan. • Semua aktiviti yang boleh menjejaskan kualiti air tanah. • Pelupusan bahan sisa toksik dan sisa pepejal.
Kawasan Pelancongan Warisan	• Rumah Gadang Budi • Balai Raya Kampung Putra • Kg Gagu • Kg Peradong	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Kediaman • Institusi • Kemudahan masyarakat • Perdagangan terutama galeri dan pejabat	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Kegunaan Industri
Kawasan Petempatan Orang Asli	• Kg. Bertam • Kg. Jeram Lesung • Kg. Dusun Kubur • Kg. Klaka • Kg. Banir Tengkoh • Kg. Parit Gong	• Zon penampan (500 m) perlu diubahsuai jika terdapat pembangunan yang sedia ada atau yang telah dirancang (komited) tetapi kawalan perlu disediakan mengikut ciri-ciri kawasan tersebut.	
Kawasan Pertanian Dan Perikanan	• Sawah Kg. Sg Buloh • TKPM Air Baning • TKPM Bemban • FRI Glami Lemi	**Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat** • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat. • Tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan bagi jangka panjang dan jangka pendek • Pemeliharaan ikan air tawar	**Aktiviti Tidak Dibenarkan** • Aktiviti akuakultur tidak dibenarkan di kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal. • Aktiviti akuakultur secara komersial tidak dibenarkan di empangan air
		Langkah Pengurusan • Tidak dibenarkan sebarang pembangunan di kawasan sawah yang dikenal pasti sebagai jelapang padi kerana berkepentingan nasional.	

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.28: Pelan Pengelasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 3



PETUNJUK:

- KSAS Tahap 3
- Luar Kawasan KSAS
- KSAS Tanah Tinggi Tahap 3
- KSAS Kecerunan Tahap 3
- Petempatan Orang Asli
- Pelancongan Warisan



Pelancongan Warisan Rumah Gadang Budi



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.3	MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR
CADANGAN T1.3B	**CADANGAN KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) SEBAGAI ZON PENYERAP KARBON (*CARBON SINK*)**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Pengekalan kawasan HSK dan berhutan adalah penting dalam memastikan kualiti alam sekitar sentiasa terjamin dan dipelihara dengan baik.
- Fungsi HSK dan kawasan berhutan sebagai zon penyerap karbon semula jadi berpontensi untuk dijadikan sebagai salah satu aktiviti mitigasi yang kritikal dalam menangani perubahan iklim pada masa hadapan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mengimbangi suhu dan iklim setempat dan mengurangkan fenomena Pulau Haba Bandar (UHI).
- Mengurangkan tekanan dan memulihkan tenaga hasil pelepasan oksigen dan udara segar, sekali gus meningkatkan kesihatan penduduk.
- Melaksana mekasnisme penjanaan pendapatan daripada perkhidmatan ekosistem hutan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Menanam pokok-pokok hutan yang mempunyai kadar penyerapan karbon yang tinggi di kawasan hutan terosot dan kawasan berhutan milik negeri.
- Jabatan Perhutanan perlu mengiktiraf kedapatan HSK sebagai zon penyerap karbon yang menyumbang kepada perkhidmatan persekitaran terutama pelepasan oksigen.
- Menjalankan kajian lanjut secara terperinci bagi perlaksanaan mekanisme *compensation rate* di Daerah Jelebu.
- Kaedah pelaksanaan ini adalah secara bersepadu oleh Jabatan Perhutanan dan MDJ
- Pengurusan dan pelaksanaan cadangan dilakukan sepenuhnya oleh pihak MDJ dan Jabatan Perhutanan Daerah Negeri Sembilan melalui sokongan kewangan oleh Jabatan Perhutanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	MDJ, JAB. PERHUTANAN
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	PROJEK JANGKA PANJANG	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN SECARA BERSEPADU

Jadual 4.22: Anggaran Pengiraan Kadar Penyeraban Karbon

JENIS POKOK	KADAR PENYERAPAN KARBON (KG/POKOK/SETAHUN)	ANGGARAN BILANGAN POKOK *	ANGGARAN JUMLAH PENYERAPAN KARBON (TAN/TAHUN)
Pokok meranti	2,333	200 ribu	466,600
Pokok terap	1,072	250 ribu	268,000
Pokok nyatoh taban merah	566	100 ribu	56,600
Pokok merawan bunga	11,878	80 ribu	950,240
JUMLAH			**1,741,440**

Nota: * Anggaran bilangan pokok mengikut luas kawasan HSK (72,813.08 hektar) di Daerah Jelebu.

Jadual 4.23: Unjuran Harga Karbon Di Pasaran Dunia (tan/tahun)

TAHUN	2020	2030	2050
Harga	USD 15	USD 25	USD45

Sumber : 2015 Carbon Dioxide Price Forecast By Synapse Energy Economic, Inc

ANGGARAN HASIL PENJANAAN YANG BOLEH DIPEROLEHI:

TAHUN 2020:

USD15 X 1,741,440 tan/tahun = USD 26.121 juta

= RM 109.710 juta

TAHUN 2030:

USD25 X 1,918,000 tan/tahun = USD 47.950 juta


= RM 201.390 juta

TAHUN 2050:

USD45 X 1,918,000 tan/ tahun = USD 86.310 juta

= RM 362.502 juta


Nota: * Anggaran bilangan pokok tidak berubah bagi kiraan *compensation rate* pada tahun 2030 dan 2050.




Pokok Merawan Bunga



Pokok Meranti



Pokok hutan sebagai penyerap haba dan mengawal perubahan iklim



STRATEGI T1.3	MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR
CADANGAN T1.3C	CADANGAN MEMPERTINGKATKAN KAWALAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN KEKAL

DESKRIPSI CADANGAN:

- Kawasan HSK berpotensi untuk terdedah dengan aktiviti-aktiviti pencerobohan kerana mempunyai aset yang bernilai seperti kayu balak, batuan, hasil bukan kayu hutan dan sebagainya. Oleh itu, keperluan untuk kawalan yang efisien di kawasan ini perlu merangkumi aspek:
  - Penambahbaikan dalam aktiviti kawalan di kawasan HSK.
  - Penggunaan teknologi terkini dalam aktiviti pemantauan (Pemantauan Intensif) – penggunaan UAV dan dron untuk pemantauan.
  - Penguatkuasaan tegas terhadap sebarang aktiviti pencerobohan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memelihara daripada berlakunya pengurangan kawasan hutan simpan kekal di Daerah Jelebu.

KOMPONEN CADANGAN:

- Mewujudkan zon penampan 50 meter di sekitar kawasan hutan dan berhutan yang bersempadanan dengan kawasan pertanian.
- Meluaskan penggunaan teknologi dron atau Aplikasi *Normalised Difference Vegetation Index (NDVI)* dan penggunaan imej satelit bagi pemantauan secara nyata (real-time monitoring) bagi pemantauan melalui udara
- Melakukan operasi bersepadu yang melibatkan agensi penguatkuasa seperti PDRM, Jabatan Perhilitan sebanyak 2 kali setahun.




Gambaran Pembukaan Tanah Kg Ulu Petaseh dan Pemulihan Kawasan Hutan Yang Diceroboh Bagi Mengawal Hakisan Tanah

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	JABATAN PERHUTANAN
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	JABATAN PERHUTANAN
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



Gambaran Teroka Haram Hutan Simpan Kekal


Gambaran Aktiviti Pembalakan Secara Haram di Hutan Simpan Kekal


Gambaran Menara Tinjau Hutan Simpan Kekal


Gambaran Penggunaan Dron Untuk Tujuan Pemantauan Kawasan Hutan

Rajah 4.29: Pelan Zon Penampan Hutan.



PETUNJUK:

- Zon Penampan 50m
- Hutan Simpan Kekal

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035



RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

DPN2 5 PEMBANGUNAN HIJAU DAN PERSEKITARAN BERSIH

RFN4 2 KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

ISU UTAMA

ISU 3 PENGURUSAN RISIKO BANJIR KILAT DAN TANAH RUNTUH DI KAWASAN YANG BERISIKO PERLU DIAMBIL PERHATIAN

STRATEG T1.4 MEMPERKASAKAN PENGURUSAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA

Pengurusan risiko bencana ini akan memberi penekanan kepada strategi pengurangan risiko geobencana serta pengurusannya yang merangkumi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana.

CADANGAN

T1.4A **CADANGAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG KOMPREHENSIF**

T1.4B **CADANGAN PELAKSANAAN KONSEP PEMBANGUNAN BERIMPAK RENDAH (*LOW IMPACT DEVELOPMENT*) DAN PENERAPAN AMALAN PEMBANGUNAN YANG BAIK**

T1.4C **CADANGAN PENERAPAN TEKNIK DAN AMALAN *LOW IMPACT DEVELOPMENT* (LID) DALAM PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN**











STRATEGI T1.4	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA
CADANGAN T1.4A	CADANGAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG KOMPREHENSIF

DESKRIPSI CADANGAN:

- Disebabkan faktor cuaca, pembalakan hutan dan pembukaan kawasan baru, Daerah Jelebu berisiko untuk mengalami kejadian bencana khususnya bencana banjir dan tanah runtuh.
- Oleh itu, hala tuju pembangunan Daerah Jelebu ini akan memberi penekanan kepada strategi pengurangan risiko geobencana serta pengurusannya yang merangkumi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana itu sendiri.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Selaras dengan Arahan No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- Memudahkan pengurusan bencana sekiranya berlaku di masa hadapan.

KOMPONEN CADANGAN:

A Mempraktikkan Pendekatan Pengurusan Risiko Bencana yang Komprehensif

a. Cadangan mengukuhkan pengurusan risiko geobencana.
b. Mengurangkan risiko geobencana melalui proses kawalan pembangunan di kawasan berisiko bencana.
c. Perancangan dan Pelaksanaan Konsep Pembangunan Berimpak Rendah *Low Impact Development* (LID).
d. Menambahbaik pengurusan mengurangkan risiko banjir kawasan yang telah dibangunkan.

B Keperluan Kesiapsiagaan Utuh dan Kesedaran Agensi Kerajaan, Pihak Swasta dan Masyarakat

a. Perletakan dan penambahbaikan Sistem Amaran Awal.
b. Meneruskan usaha meningkatkan kesedaran dan ketersediaan di kalangan agensi kerajaan, swasta dan komuniti.
c. Membangunkan Sistem Bantuan Sokongan *Adaptive Emergency Evaluation Centre Management (AEECM).*
d. Cadangan penyediaan/penambahan infrastruktur sokongan di pusat pemindahan sementara bencana.
e. Cadangan Penyediaan Pembahagi Ruang Mudah Alih *Mobile Flexible Partition* (MOPAR), khemah dan *paper partition.*

C Memantapkan Pengurusan dan Usaha Mengurangkan Risiko Geobencana

D Memastikan Pengurusan Ketika Bencana Terurus

a. Cadangan penyediaan/penambahan infrastruktur sokongan di pusat pemindahan sementara bencana.
b. Cadangan penyediaan pembahagi Ruang Mudah Alih *Flexible Partition* (MOPAR) Khemah dan *Paper Partition.*

E Memastikan Pengurusan Selepas Bencana Terurus

a. Mewujudkan kerjasama yang sistematik antara badan-badan sukarelawan dengan pihak pengurusan di peringkat daerah.
b. Mewujudkan komunikasi dua hala berkenaan pemulihan bencana dengan setiap wakil agensi kerajaan, swasta dan komuniti.
c. Cadangan penambahbaikan dalam penyediaan peralatan pembersihan.

F Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan (PTK) Berdasarkan Jenis Bahaya (*hazard*) Sebagai Salah Satu Mekanisme Pengurusan Bencana

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	*QUICK WIN*	AGENSI PELAKSANA	PEJ. DAERAH DAN TANAH JELEBU
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	JPAM & MKN
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



- Pengurusan Bencana di Daerah Jelebu dirancang secara menyeluruh yang merangkumi empat (4) fasa pengurusan yang mempunyai perincian komponen. Pengurusan di setiap fasa ini akan menjadikan Daerah Jelebu sebagai daerah yang bersiap siaga untuk mengelak, mengurang dan menangani bencana.

- Pendekatan Pengurusan Bencana ini juga adalah selaras dengan Arahan No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Ia menjelaskan peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam pengurusan bencana.

> **'Bencana'** ditakrifkan sebagai sebarang insiden samada semula jadi atau kerana faktor manusia, yang berlaku secara tiba-tiba dan menyebabkan kecederaan/kematian dan kerosakan terhadap harta benda atau pesekitaran dan menyebabkan gangguan terhadap aktiviti kehidupan seharian.

Sumber: Arahan Majlis Keselamatan Negara, 20

JENIS-JENIS BENCANA BOLEH DIKATEGORIKAN MENGIKUT TIGA (3) JENIS:

01 **BENCANA BERSIFAT SEMULA JADI (GEOBENCANA)**
Contoh: Banjir, ribut taufan, tanah runtuh, tsunami dan lain-lain.


02 **BENCANA DISEBABKAN OLEH AKTIVITI MANUSIA**
Contoh: Kebakaran, kemalangan Industri dan lain-lain.

03 **BENCANA *HYBRID***
Contoh: Bangunan runtuh ketika banjir, kemalangan jalan raya melibatkan ramai semasa rebut dan lain-lain.

- Oleh itu, terdapat keperluan yang perlu dilakukan untuk menyediakan pendekatan pengurusan risiko bencana yang komprehensif bagi setiap jenis bencana yang mungkin berlaku.

Mekanisma pengurusan bencana ini haruslah merangkumi empat (4) komponen utama iaitu komponen (1) pencegahan dan peredaan, (2) kesiapsiagaan, (3) tindak balas bencana dan empat (4) pemulihan bencana. Setiap komponen ini pula terbahagi kepada tiga (3) fasa iaitu fasa sebelum bencana, fasa semasa bencana dan fasa selepas bencana.

Rajah 4.30: Komponen Pengurusan Bencana



FASA-FASA PENGURUSAN BENCANA :

i. Pencegahan dan Peredaan (*Disaster Prevention and Mitigation*)
- Dalam fasa ini, langkah-langkah diambil bagi mengelakkan kejadian bencana atau sekurang-kurangnya mengambil langkah untuk mengurangkan kesan bencana sekiranya tidak dapat dielakkan.

ii. Kesiapsiagaan (*Disaster Preparedness*)
- Dalam fasa ini, Pelan Bencana atau *Emergency Response Plans* disediakan.
- Persediaan ini mengambilkira penglibatan semua pihak yang terbabit secara *total dalam response* terhadap bencana.

iii. Tindak Balas Bencana (*Disaster Risk Response*)
- Dalam fasa ini, petugas bertindak untuk menangani situasi bencana yang berlaku.
- Pelan Tindakan Bencana yang baik akan membolehkan tindakan diambil dengan lebih teratur dan terancang.

iv. Pemulihan Bencana (*Disaster Mitigation*)
- Dalam fasa ini, usaha untuk mengembalikan semula semua kerosakan kepada kejadian asal dilakukan.
- Setelah selesai fasa ini, kitar ini akan kembali semula ke fasa pencegahan dan peredaan.

A.	CADANGAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN USAHA MENGURANGKAN GEOBENCANA

DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN:

- Risiko geobencana melibatkan kejadiaan banjir dan tanah runtuh yang banyak bergantung kepada pelbagai faktor seperti topografi, geologi, pengaruh iklim serta perubahan guna tanah yang berkaitan dengan aktiviti pembangunan.
- Objektif bagi pengurusan risiko geobencana ini adalah untuk:

1. **Mengurangkan bilangan penduduk dan kawasan yang terjejas akibat bencana**
2. **Mengurangkan kerugian kerosakan harta benda dan menyelamatkan nyawa**

- Oleh itu, bagi memastikan pengurusan risiko banjir di Majlis Daerah Jelebu ini merangkumi dan meliputi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir, satu sistem pengurusan perlu diwujudkan.
- Pendekatan pengurusan risiko bencana banjir ini merangkumi enam (6) komponen yang boleh menjadi kerangka utama dalam aspek pengurusan untuk mengurangkan risiko dan impak geobencana.

Jadual 4.24: Peringkat Pengurusan Risiko Bencana (Contoh: Banjir)

PERINGKAT PENGURUSAN	DESKRIPSI
PERINGKAT 1 **Pengenalpastian Bahaya**	• Keperluan pengumpulan maklumat dan penglibatan tenaga profesional untuk penilaian yang lebih tepat. • lanya melibatkan maklumat peristiwa banjir, pemahaman terhadap ciri punca bencana, skala, magnitud dan lain-lain.
PERINGKAT 2 **Analisis Bahaya**	• Analisis data yang menyeluruh meliputi intensiti hujan, analisis aliran puncak dan analisis kelajuan aliran permukaan. • Analisis faktor penyebab, faktor pencetus dan mekanisme kejadian.
PERINGKAT 3 **Analisis Risiko**	• Menganggarkan risiko tehadap individu, masyarakat, harta benda, alam sekitar. • Pertimbangan terhadap risiko banjir yang mungkin berlaku terhadap pembangunan baharu dan sedia ada.
PERINGKAT 4 **Penilaian Risiko**	• Keperluan pengenalpastian dari segi kapasiti dan keupayaan menghadapi risiko bencana.
PERINGKAT 5 **Mitigasi**	• Mitigasi banjir adalah melibatkan kaedah/langkah-langkah struktur: ➢ Meminimakan impak/risiko bencana melalui kaedah kejuruteraan seperti projek tebatan banjir, projek mendalamkan sungai, pembinaan kolam takungan dan lain-lain. • Langkah Bukan Struktur: ➢ Pendekatan berbentuk undang-undang, akta, garis panduan pembangunan dan kesedaran awam.
PERINGKAT 6 **Pelaksanaan dan Pemantauan**	• Perancangan/penguatkuasaan yang dipersetujui harus dilaksanakan • Pemantauan dari masa ke semasa bagi menilai keberkesanan pengurusan risiko bencana.

Sumber: Monograf Perancangan Bandar dan Desa, Geo-bencana Dalam Perancangan Guna Tanah


- Bagi pengkelasan kawasan banjir di Daerah Jelebu, tiada lagi kekerapan 50/100 tahun di kawasan ini. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian lanjut bagi mewujudkan satu peta pengkelasan banjir yang komprehensif terutama bagi sungai-sungai utama yang berpotensi boleh mengakibatkan banjir. Tahap kawasan banjir dan strategi pembangunan yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Jadual 4.25: Ciri-ciri Penentuan Tahap Risiko Banjir

TAHAP RISIKO BANJIR	CIRI-CIRI	JENIS PEMBANGUNAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	
		JENIS/AKTIVITI	SYARAT PEMBANGUNAN
Tahap 1 (Tahap risiko rendah)	• Kawasan *flood-free*/luar dataran banjir • Kawasan dataran banjir 100 tahun dan ke atas	• Sebarang pembangunan yang dilaksanakan seperti perumahan, komersial dan rekreasi perlu sesuai dengan keadaan fizikal dan persekitaran.	• Mengurangkan peratusan permukaan tidak telap air dalam kawasan pembangunan. • Perlu menerapkan konsep LID dalam pembangunan seperti penyediaan kemudahan mengumpul air hujan. • Perlu mematuhi keperluan (MSMA) dan memastikan tiada perubahan aliran puncak sama ada sebelum atau selepas pembangunan. • Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di kawasan sekitar dataran banjir.
Tahap 2 (Tahap risiko sederhana)	• Kawasan pinggiran banjir (*flood fringe*) • Kawasan dataran banjir 50 hingga 100 tahun	• Rekreasi • Kawasan lapang dan landskap • Zon penampan • Pelancongan berkepadatan rendah • Pertanian yang sesuai • Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir yang disokong oleh JPS.	• Jenis kegunaan yang tidak menyebabkan pencemaran sumber air. • Reka bentuk bangunan perlu mengambilkira risiko banjir dan *flood proof*. Pembangunan berdensiti rendah sahaja dibenarkan. • Memastikan sebarang struktur yang dibina tidak menghalang laluan air (*channel*). • Penyediaan infrastruktur saliran yang berkesan. • Langkah kawalan tebatan banjir yang ketat perlu dilaksanakan di kawasan ini. Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut garis panduan MSMA JPS dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu JPS.
Tahap 3 (Tahap risiko tinggi)	• Kawasan laluan banjir (*floodway*) • Kawasan dataran banjir 50 tahun	• Rekreasi • Kawasan lapang dan landskap • Kawasan terbuka Pertanian yang sesuai • Pemuliharaan	• Bahan pembangunan hendaklah jenis *flood proof*. • Mengadakan pembinaan struktur (structural works) seperti *flood mitigation dams*, tetambak, lintasan banjir (*by-pass flood*), dan lain-lain. • Sebarang struktur kekal tidak dibenarkan. • Struktur tidak kekal yang dibina mestilah tidak menghalang laluan air (*channel*). • Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut MSMA dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu oleh JPS. • Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di dataran banjir.

Sumber: Monograf Perancangan Bandar dan Desa, Geobencana dalam Perancangan Guna Tanah

Rajah 4.31: Pelan Risiko Kawasan Banjir



PETUNJUK:

- Kawasan *Hotspot* Banjir
- Kawasan yang Pernah Mengalami Banjir

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

B.	CADANGAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN USAHA MENGURANGKAN GEOBENCANA

DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN:

- Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan mengikut tatacara atau strategi tindak balas yang telah dikenalpasti. lanya merangkumi empat (4) komponen utama iaitu:

TAHAP PENGURUSAN BENCANA → **PERINTAH DAN KAWALAN** → **KOMUNIKASI DI LOKASI KEJADIAN** → **PENGURUSAN MENGIKUT ZON**

1. Tahap Pengurusan Bencana

- Pengurusan Bencana yang digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) hendaklah dikendalikan mengikut tahap-tahap seperti berikut.

PENGURUSAN BENCANA TAHAP 1	• Pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang berlaku di sesuatu kawasan. • Dapat ditangani dengan berkesan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam di peringkat daerah sama ada tanpa bantuan luar atau dengan bantuan luar yang terhad.
PENGURUSAN BENCANA TAHAP 2	• Pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang berlaku melebihi daripada satu daerah. • Memerlukan penggemblengan sumber di peringkat negeri dengan bantuan daripada peringkat pusat yang terhad.
PENGURUSAN BENCANA TAHAP 3	• Pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang berlaku melebihi daripada satu negeri atau bersifat kompleks.

- Tatacara tindak balas pentadbiran kerajaan di peringkat daerah bagi mengurus sesuatu kejadian bencana adalah melalui mekanisme seperti yang berikut:

i. Pengurusan Bencana Tahap I (Peringkat Daerah)

KEJADIAN BENCANA DI PERINGKAT PERMULAAN

- Kejadian bencana di peringkat permulaan dikendalikan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab.
- Agensi penyelamat yang pertama tiba di tempat kejadian perlu bertindak segera dalam konteks menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kerosakan dan kerugian serta mengawal situasi mengikut kepakaran/bidang tugas masing-masing.

KOMANDER & TIMBALAN KOMANDER OPERASI

- Ketua Polis Daerah dan Pegawai Bomba Daerah hendaklah masing-masing bertindak sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana.
- Mereka haruslah mengambil alih dan bertindak segera untuk mengendalikan bencana berkenaan dengan dibantu oleh agensi penyelamat serta agensi-agensi lain yang berkenaan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH (JPBD)

- Pegawai Daerah sebagai Pengerusi JPBD bertanggungjawab melaksanakan segala tindakan berkenaan operasi mencari dan menyelamat, pengambilalihan dan penyediaan peralatan dan jentera serta lain-lain bantuan kecemasan.

JPBD + **KOMANDER OPERASI**

Pengerusi JPBD bersama-sama dengan Komander Operasi Bencana bertanggungjawab:

- Membuat penilaian mengenai bencana dan menentukan tahap pengurusan bencana.
- Setelah penilaian dibuat dan tindakan awalan diambil tetapi didapati bahawa kejadian bencana tersebut tidak dapat ditangani di peringkat daerah, JPBD hendaklah memaklumkan kepada JPBN untuk mendapatkan bantuan segera.

- **Perintah Dan Kawalan**

➢ Setelah kejadian bencana dikenalpasti berlaku dan ditentukan tahap pengurusannya, terdapat keperluan untuk menubuhkan:



POS KAWALAN TEMPAT KEJADIAN (PKTK)



PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB)

POS KAWALAN TEMPAT KEJADIAN (PKTK)

- Dibuka oleh Ketua Polis Daerah sebaik sahaja berlakunya bencana.
- Komander Operasi bencana bertanggungjawab mewujudkan sistem penyaluran maklumat dengan PKOB.
- Komander kawalan hadapan akan mengetuai semua operasi menyelamat dan melaporkan situasi bencana dari masa ke semasa.
- Semua agensi penyelamat dan agensi bantuan yang terlibat hendaklah melapor dan menempatkan wakil di PKTK.

PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB)

- Dibuka oleh urusetia JPBD di tempat yang bersesuaian.
- PKOB haruslah mempunyai rangkaian komunikasi yang baik dengan PKTK.
- JPBD perlu bersidang secara berkala di PKOB bagi mengawasi perkembangan dan menentukan usaha-usaha menangani bencana.
- PKOB bertanggungjawab mengeluarkan arahan yang perlu dalam pengendalian bencana.
- Keperluan menempatkan wakil agensi kerajaan di PKOB bagi melicinkan tindakan.

- **Komunikasi di Tempat Kejadian**

➢ Komunikasi adalah sistem perhubungan yang amat penting untuk koordinasi pengurusan pasukan penyelamat dan agensi terlibat.

➢ Rangkaian perhubungan awam akan menjadi sesak ketika berlaku bencana seperti rangkaian selular dan lain-lain.

➢ Penggunaan Rangkaian Komunikasi Radio Bersepadu Kerajaan (GIRN) dalam menguruskan bencana di tempat kejadian.

- **Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon**

➢ Sekiranya kejadian bencana yang berlaku bersifat setempat, pengurusan bencana di tempat kejadian terbahagi kepada tiga (3) zon yang ditetapkan komander operasi bencana iaitu:

ZON MERAH

- Kawasan Operasi Khas untuk agensi penyelamat yang mempunyai kepakaran tertentu.

ZON KUNING


- Meliputi kawasan luar tempat kejadian.
- Zon ini menempatkan PKTK dan pos-pos agensi penyelamat.

ZON HIJAU

- Zon ini menempatkan petugas agensi bantuan dan pemulihan serta badan-badan sukarela.
- Zon ini juga menempatkan pusat media, pusat keluarga mangsa, pusat kaunseling, tempat bekalan makanan, tempat rehat dan lain-lain.

*Nota: Jarak antara zon adalah bergantung kepada jenis bencana yang berlaku dan ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana.

Rajah 4.32: Menunjukkan Grafik Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian




ZON MERAH: Kawasan kerja unit-unit khas, pasukan-pasukan agensi penyelamat yang mempunyai kepakaran tertentu. pembahagian kawasan ini juga tertakluk kepada jenis dan bentuk bencana.

ZON KUNING: Kawasan penempatan PKTK dan pos-pos agensi penyelamat.

ZON HIJAU: Kawasan penempatan pusat pengurusan media, pusat keluarga mangsa, pusat kaunseling, tempat bekalan makanan, tempat mayat, tempat rehat dan agensi bantuan dan pemulihan dan badan sukarela.

NOTA: Pergerakan dari satu zon ke zon yang lain adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Komander Operasi Bencana

Rajah 4.33: Carta Alir Peranan Agensi-agensi terlibat dalam Pengurusan Bencana di (PKTK)



ii. Pusat Pemindahan Sementara Bencana

- Tatkala bencana berlaku, mangsa bencana akan dipindahkan ke pusat pemindahan sementara. Pemilihan pusat sementara bencana ini amat penting bagi memastikan mangsa yang ditempatkan berada di kawasan yang jauh (selamat) daripada kawasan kejadian bencana.
- Antara pusat pemindahan sementara adalah merangkumi bangunan/kawasan:
  - Dewan serbaguna.
  - Sekolah kebangsaan/sekolah menengah kebangsaan/balairaya.
  - Lain-lain pusat seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa PKOB atau Pusat Kebajikan Masyarakat.
- Dibawah Arahan 20 MKN, penetapan jarak antara zon selamat dan pengurusan bencana adalah bergantung kepada jenis bencana yang ditentukan oleh Komander Operasi Bencana. Walau bagaimanpun, penentuan lokasi penempatan bencana adalah sebagai garis panduan bagi Pihak Berkuasa Tempatan atau agensi terlibat untuk bersiap sedia dalam menyediakan kelengkapan yang sebaiknya kepada mangsa bencana.

iii. Penyediaan Keperluan Asas/Bekalan yang Mencukupi di Pusat Penempatan Sementara Geobencana

- Kebajikan di pusat penempatan sementara bencana seperti banjir adalah penting untuk memastikan mangsa tenang, selesa serta dapat mengurangkan trauma. Ia juga bagi memastikan mangsa memilih pusat sementara sebagai pilihan utama untuk berpindah. Mangsa banjir akan merasa selesa dan berpuas hati sewaktu berada di pusat pemindahan banjir walaupun dalam masa yang lama. Jadual 4.26 menunjukkan antara permasalahan yang sering dihadapi di pusat sementara banjir.

Jadual 4.26: Permasalahan Pengurusan di Pusat Penempatan Sementara

BIL	PERMASALAHAN PENGURUSAN SEMASA BENCANA
1	Kecelaruan pengagihan bantuan
2	Kelewatan penyampaian bantuan kepada mangsa bencana
3	Keselesaan/terlalu padat/bising/kekurangan tempat tidur
4	Stress/trauma

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035


- Oleh itu, bagi memastikan pengurangan konflik di pusat penempatan sementara ini, komponen berikut haruslah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau agensi terlibat dalam penambahbaikan pengurusannya.







Rajah 4.34: Pelan Lokasi Pusat Penempatan Sementara Banjir



PETUNJUK:

- Pusat Penempatan Sementara Banjir
- Kawasan yang Pernah Mengalami Banjir

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

C.	CADANGAN KEPERLUAN KESIAPSIAGAAN DAN KESEDARAN AGENSI/MASYARAKAT DALAM MENGHADAPI BENCANA

DESKRIPSI CADANGAN:

Setelah langkah pencegahan dan peredaan untuk mengawal atau mengurangkan risiko bencana dirancang dan dilaksanakan, terdapat keperluan untuk mempersiapkan agensi/komuniti akan kepentingan pengetahuan mengenai risiko bencana.

KESIAPSIAGAAN

Pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan bagi setiap agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas dan pulih daripada kesan-kesan bencana secara efektif.

1. Meneruskan Usaha Meningkatkan Kesedaran dan Ketersediaan Menghadapi Bencana di Kalangan Agensi Kerajaan, Swasta dan Komuniti

i. Kursus dan Latihan Amal Antara Agensi di Peringkat Daerah

Keperluan untuk meneruskan latihan amal pengurusan dan pengendalian bencana yang melibatkan semua agensi kerajaan, badan berkanun dan badan-badan sukarela diadakan secara berterusan bagi memastikan kesiapsiagaan agensi dalam menghadapi bencana dari semasa ke semasa. Melalui pendekatan ini, kesemua anggota daripada agensi yang terlibat akan lebih terlatih dan dilengkapkan dengan pengetahuan menghadapi bencana yang menyeluruh.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Meningkatkan tahap ketersediaan anggota dalam menghadapi bencana.
- Memberi pendedahan baru akan penambahbaikan pengurusan bencana daerah.
- Mewujudkan koordinasi yang jitu antara agensi.

KOMPONEN CADANGAN:

- Kekerapan latihan (*Disaster Drill*) – 3 kali setahun





Gambaran Penerusan Latihan Amal Antara Agensi Penyelamat atau Pemulihan

Sumber: Monograf Perancangan Bandar dan Desa, Geo-Bencana dalam Perancangan Guna Tanah

2. Pendidikan Kesedaran Bencana di Semua Peringkat

Keperluan penerusan program kesedaran dan pendidikan awam dilaksanakan secara berterusan oleh agensi kerajaan dengan kerjasama badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan masyarakat/komuniti menghadapi bencana. Antara contoh program kesedaran yang boleh dilaksanakan:

PROGRAM HARI KESEDARAN BENCANA

Kumpulan Sasar : Agensi Kerjaan, Swasta, Pelajar dan Ketua Komuniti
Tempat : Premis Kerajaan
Jumlah Sasaran : 800 - 1000 Orang
Kekerapan : 3 Kali Setahun

PROGRAM HARI KESEDARAN BENCANA PERINGKAT KOMUNITI

Kumpulan Sasar : Masyarakat Setempat
Tempat : Di Setiap Kampung/ Kawasan Terpilih
Jumlah Sasaran : 200 - 300 Orang
Kekerapan : 6 Kali Setahun

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Meningkatkan tahap kesedaran komuniti dalam menghadapi bencana.
- Memberi pendekatan akan langkah-langkah yang sepatunya diambil ketika berlaku bencana.
- Mewujudkan komuniti pintar menghadapi bencana.

KOMPONEN CADANGAN:

- Program Hari Kesedaran Bencana
- Program Kesedaran Bencana Peringkat Komuniti





D. CADANGAN MEMANTAPKAN USAHA PEMULIHAN SELEPAS BENCANA

DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN:

- Fasa pemulihan selepas bencana diistilahkan sebagai Fasa Jangka Panjang yang melibatkan banyak usaha-usaha dan modal yang tinggi. Antara isu-isu adalah seperti berikut :-

Jadual 4.27: Isu-isu Pengurusan Selepas Bencana

BIL	PERMASALAHAN PENGURUSAN SEMASA BENCANA
1	Proses pembersihan dan pembinaan rumah penduduk (*total lost*)
2	Membaikpulih infrastruktur kemudahan awam
3	Pemberian bantuan kaunseling kepada mangsa banjir
4	Peruntukan kewangan

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

LANGKAH-LANGKAH PEMULIHAN SELEPAS BENCANA

MEWUJUDKAN KERJASAMA YANG SISTEMATIK ANTARA BADAN-BADAN SUKARELAWAN DENGAN PIHAK PENGURUSAN DI PERINGKAT DAERAH.

Pusat Kebajikan Masyarakat Daerah adalah disarankan untuk mewujudkan pengkalan data khidmat sukarelawan bagi memudahkan urusan saluran bantuan perkhidmatan kepada mangsa bencana.

MEWUJUDKAN KOMUNIKASI DUA HALA BERKENAAN PEMULIHAN BENCANA DENGAN SETIAP WAKIL AGENSI KERAJAAN, SWASTA DAN KOMUNITI.

Mesyuarat Pemulihan Bencana haruslah dilaksanakan dengan setiap wakil pihak yang terlibat supaya tidak berlaku keciciran maklumat. Melalui mesyuarat ini, segala isu yang diketengahkan oleh setiap agensi dan komuniti perlu diambilkira dan tindakan sewajarnya perlu dilaksanakan.

MENYEDIAKAN PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI UNTUK PROSES-PROSES PEMULIHAN PASCA BENCANA.

Infrastruktur dan kemudahan awam adalah antara perkara utama yang perlu dipulihkan bagi memastikan kelangsungan bantuan dan kegiatan sosial/ekonomi komuniti yang terlibat. Satu bajet peruntukan perlu dirangka dan dibentuk terhadap kemungkinan infrastruktur dan kemudahan yang rosak akibat bencana.

PENAMBAHBAIKAN DALAM PENGURUSAN & PENYEDIAAN PERALATAN PEMBERSIHAN.

Kejadian bencana seperti banjir akan mengakibatkan pelbagi kerosakan dari segi infrastruktur, perabot dan peralatan rumah, hanyutan bendasing dan lain-lain. Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi kerajaan dan sukarelawan seharusnya bertindak segera bagi meringankan beban mangsa sekaligus melaksanakan proses pemulihan yang teratur. Ini boleh dilaksanakan dengan penyediaan peralatan dan bantuan sebagaimana berikut.

E. MENAMBAHBAIK PENGURUSAN MENGURANGKAN RISIKO BANJIR DI KAWASAN YANG TELAH DIBANGUNKAN

DISKRIPSI CADANGAN:

- Pembangunan sedia ada di kawasan dataran banjir haruslah diberi perhatian supaya ianya tidak menjadi salah satu penyumbang kekal akan peningkatan kejadian banjir di kawasan tersebut.
- **Jadual 4.28** merupakan langkah-langkah pelaksanaan bagi memfokuskan kepada pelestarian semula pembangunan sedia ada di kawasan dataran banjir di Daerah Jelebu.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mengurangkan potensi risiko berlakunya bencana akibat daripada projek pembangunan di kawasan dataran banjir
- Meminimakan impak bencana terhadap pembangunan sedia ada

KOMPONEN CADANGAN:

Jadual 4.28: Cadangan Langkah-langkah bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Kawasan yang Telah Dibangunkan

LANGKAH PELAKSANAAN	TINDAKAN
Penerapan Konsep LID	• Menukar permukaan tidak telap air kepada permukaan telap air seperti lorong belakang, TLK dan tapak permainan kanak-kanak. • Menanam pokok dan rumput di kawasan lapang sedia ada. • Menyediakan *bioretention* di kawasan yang sesuai sebagai kawasan simpanan air larian. • Menggalakkan penduduk mengamalkan penggunaan tong air hujan untuk mengurangkan air larian. • Menggalakkan infiltasi air larian melalui penggunaan *rain gardens* di halaman rumah atau *infiltration trench* di kawasan berturap.
Penambakan Tanah	• Penambakan tanah (*fill pad*) untuk menaikkan paras bangunan untuk mengurangkan kesan berlakunya banjir terhadap kawasan sekitar.
Pengambilan Tanah	• Pemulihan kawasan dataran banjir atau kawasan rendah melalui proses pengambilan tanah. ➢ Tindakan ini bertujuan untuk mengelakkan kerugian akibat banjir. ➢ Pampasan akan dibayar kepada penduduk kawasan tersebut dan tiada pembangunan dibenarkan di atas tanah yang diambil balik. ➢ Langkah ini adalah alternatif terakhir jika langkah-langkah sebelum ini tidak memberi sebarang kesan positif.

Sumber: Monograf Perancangan Bandar dan Desa, Geobencana dalam Perancangan Guna Tanah

STRATEGI T1.4	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA
CADANGAN T1.4B	**CADANGAN PELAKSANAAN KONSEP PEMBANGUNAN BERIMPAK RENDAH (*LOW IMPACT DEVELOPMENT*) DAN PENERAPAN AMALAN PEMBANGUNAN YANG BAIK**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Corak pembangunan dan reka bentuk tapak di kawasan pembandaran yang padat seringkali berkait rapat dengan punca rebakan kawasan tidak telap air seperti pembinaan bangunan, pembinaan jalan raya yang luas dan berturap, kawasan tempat letak kereta dan sebagainya.
- Proses pembandaran ini sama sekali mengurangkan efisiensi kitaran semula jadi air sekaligus meningkatkan aliran air terus ke sungai semula jadi dan boleh mengakibatkan bencana banjir berlaku.
- Kawasan pembandaran seperti Kuala Klawang dan Titi merupakan kawasan yang pesat membangun dan menjadi tumpuan ekonomi utama di kawasan ini. Oleh itu, terdapat beberapa alternatif yang berkonsepkan *low impact development* yang boleh dipraktikkan untuk mengurangkan kadar aliran air atau *stormwater* terus ke sungai dan sekaligus mengurangkan risiko bencana banjir. Rajah di bawah menerangkan perbezaan kawasan sebelum pembangunan dan selepas proses pembandaran terhadap kitaran semula jadi air.

Jadual 4.29: Perbandingan Proses Kitaran Air Sebelum Pembangunan dan Selepas Pembangunan

ASPEK	SEBELUM PEMBANGUNAN	SELEPAS PEMBANGUNAN (PERBANDARAN)
Gambaran		
Peratus Kawasan Resapan	• Kawasan telap air yang luas memudahkan penyerapan air ke bawah tanah	• Kepadatan pembangunan meningkatkan kawasan tidak telap air dan mengurangkan penyerapan air bawah tanah
Air Permukaan	• Air larian permukaan mengalir rendah ke sungai berdekatan	• Air larian permukaan mengalir tinggi ke sungai berdekatan
Air Bawah Tanah	• Simpanan dan aliran air bawah tanah yang tinggi, memperlahankan aliran air terus ke sungai	• Simpanan dan aliran air bawah tanah yang rendah
Proses Transpirasi	• Proses transpirasi/penyejatan yang tinggi oleh elemen semula jadi (contoh: pokok)	• Proses transpirasi/penyejatan yang rendah

Sumber: Monograf Perancangan Bandar dan Desa, Geobencana dalam Perancangan Guna Tanah

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ
KATEGORI CADANGAN	PENGURUSAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



JUSTIFIKASI CADANGAN:


- Mengurangkan kadar aliran air atau *stormwater*
- Meningkatkan kadar penyerapan air
- Pengurangan peratusan permukaan tidak telap air khasnya di kawasan bandar
- Mengurangkan aliran air terus ke sungai sekaligus mengurangkan potensi banjir
- Menjimatkan sumber penggunaan air
- Meningkatkan nilai estetika sesuatu kawasan


KOMPONEN CADANGAN:

- Amalan dan rekabentuk LID
- Teknik *Biorentention*
- Turapan Telap Air (*Permeable Paving*)
- Teknik *Green Roof*
- Teknik *Tree Box Filters*
- Sistem Takungan Air Hujan (*Rain Barrels & Cistern*)



Teknik Tree Box Filters





Bioretention



Green Roof



Turapan Telap Air




Sistem Takungan Air Hujan

STRATEGI T1.4	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA
CADANGAN T1.4C	**CADANGAN PENERAPAN TEKNIK DAN AMALAN *LOW IMPACT DEVELOPMENT* (LID) DALAM PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN**

DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN:

- Konsep pembangunan berimpak rendah sememangnya akan memberi impak dalam mengurangkan risiko geobencana di Daerah Jelebu. Oleh itu bagi memantapkan perlaksanaan reka bentuk *Low Impact Development* (LID), dicadangkan teknik-teknik LID yang bersesuaian dimasukkan ke dalam proses permohonan cadangan pemajuan yang lain selain kebenaran merancang sebagaimana berikut:
  - Pelan Bangunan
  - Pelan Kerja Tanah
  - Pelan Jalan dan Parit
  - Pelan Landskap
- **Jadual 4.30** menunjukkan penerapan teknik/reka bentuk LID mengikut jenis permohonan cadangan pemajuan. Pihak Berkuasa Tempataan (PBT) seharusnya mempertimbangkan kelulusan permohonan pamajuan yang mengambilkira dan melaksanakan teknik dan amalan LID di kawasan pembangunan yang dicadangkan.





BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ**
KATEGORI CADANGAN	**PENGURUSAN**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**RENDAH**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RT**
FASA PELAKSANAAN	**SEPANJANG TEMPOH KAJIAN**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**

Jadual 4.30: Penerapan Teknik/Reka Bentuk LID

JENIS PERMOHONAN	TEKNIK/AMALAN LID
Pelan Bangunan	• *Green roofs* , *Rain Barrels* and *Cisterns* • Penggunaan permukaan telap air dan teknik *vegetated swale* di kawasan TLK berpusat dan lorong belakang rumah • Mewujudkan lot-lot berganda yang kecil • Menyediakan *shared parking* • Menyediakan TLK yang padat dengan keperluan maksimum
Pelan Kerja Tanah	• *Vegetated Swale*
Pelan Jalan dan Parit	• Penerapan *Vegetated Swale* di kawasan ➢ Jalan dan parit yang besesuaian • *Bioretention* di kawasan: ➢ *Median Strips, Parking Lot Islands* ➢ Sepanjang kiri dan kanan jalan • Alternatif reka bentuk di sekitar jalan dan kawasan TLK i. Mengurangkan peratusan kawasan tidak telap air melalui: ➢ Meminimumkan saiz jalan terutamanya di kawasan trafik rendah seperti di kawasan perumahan dan institusi ➢ Penggunaan permukaan telap air di kawasan (TLK, pejalan kaki, lorong Kecemasan dan kawasan yang menerapkan konsep tenang trafik seperti *roundabout*) ii. *Open Section Roadways* iii. Alternatif reka bentuk *curbs* • Alternatif *Turnarounds* ➢ Jalan mati yang lebih kecil ➢ *Bioretention islands* dan *one way loops* • *Hammerhead turnarounds*
Pelan Landskap	• *Tree Box Filters/Stormwater Planters* di kawasan: ➢ Di antara laluan pejalan kaki ➢ Di sepanjang jalan atau bersebelahan lot-lot TLK • Bioretention di kawasan: ➢ *Green Belt,* laman sekitar, *rooftof runoff*, *urban retrofits* ➢ Lorong belakang rumah

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Nota: Pelaksanaan teknik dan amalan reka bentuk ini perlulah berdasarkan rundingan dan khidmat nasihat jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan dengan permohonan kelulusan pelan-pelan tersebut.

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

DPN2 5 PEMBANGUNAN HIJAU DAN PERSEKITARAN BERSIH

POTENSI UTAMA

POT 5 MEWUJUDKAN KEJIRANAN HIJAU DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PENERAPAN ELEMEN HIJAU DAN PEMBANGUNAN BERIMPAK RENDAH

STRATEGI T1.5 MENERAPKAN ELEMEN DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PROGRAM KEJIRANAN HIJAU

Pembentukan komuniti serta kejiranan hijau dengan penglibatan komuniti setempat melalui program kesedaran dan projek rintis yang menggalakkan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar.

CADANGAN

T1.5A **CADANGAN PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK**

T1.5B **CADANGAN PROGRAM *REFUSE* (MENOLAK), *REDUCE* (MENGURANGKAN), *REUSE* (GUNA SEMULA), *RECYCLE* (KITAR SEMULA) DAN *RECOVERY* (PEMULIHAN/DIPERBAHARUI) 5R**

T1.5C **CADANGAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI**

T1.5D **CADANGAN PROGRAM *CAR FREE DAY* DAERAH JELEBU**

















STRATEGI T1.5	MENERAPKAN ELEMEN DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PROGRAM KEJIRANAN HIJAU
CADANGAN T1.5A	CADANGAN PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK

DESKRIPSI CADANGAN:

- Program penghijauan Malaysia mensasarkan kempen penanaman 100 juta pokok di dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2021 hingga 2025.
- Bagi menggalakkan penduduk untuk melakukan aktiviti penanaman pokok.
- Untuk menggalakkan pihak swasta menyumbang kepada program.
- Untuk memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan melakukan aktiviti penanaman pokok sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan serta keceriaan persekitaran komuniti.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menambah bilangan pokok serta landskap di sekitar kawasan Majlis Daerah Jelebu melalui sumbangan 1 pokok 1 rumah.
- Memelihara pokok-pokok dan alam sekitar dengan melakukan aktiviti penanaman semula.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan ini akan melibatkan beberapa kriteria dan sub-program iaitu:
  - Kempen 1 Warga 5 Pokok.
  - Sumbangan 1 Pokok, 1 Rumah disyaratkan bagi kediaman yang tidak mempunyai pelan landskap.
  - Mewujudkan undang-undang kecil bagi pematuhan sumbangan 1 Pokok 1 Rumah bagi kediaman yang tidak memerlukan pelan landskap.



Gambaran program penanaman pokok



Gambaran program penanaman pokok

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	AGENSI DAN SWASTA

PERINCIAN CADANGAN KEMPEN 1 WARGA 5 POKOK

TAKLIMAT/*BOARD EXHIBITION* BERKAITAN KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK

Taklimat akan diberikan oleh agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Pertanian berkaitan kepentingan terhadap program pemeliharaan dan penanaman pokok kepada penduduk-penduduk di kawasan petempatan.

Kelebihan dan keperluan dalam melaksanakan program tersebut secara berterusan juga akan diterangkan bagi memupuk kesedaran dalam diri penduduk.

- Kelebihan dalam melaksanakan program pemuliharaan dan penanaman pokok dari segi kesan alam sekitar serta sosio penduduk.
- Menyahut seruan kerajaan dalam menjayakan kempen menghijaukan bumi dengan menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok seorang.
- Mengurangkan hakisan tanah, pencemaran dan peningkatan suhu.

KEMPEN 1 WARGA 5 POKOK

Program ini akan dilaksanakan oleh MDJ dengan kerjasama agensi yang terlibat iaitu Jabatan Pertanian bersama penduduk setempat.	Setiap penduduk akan dibekalkan 5 batang pokok bagi setiap peserta yang terlibat untuk ditanam di kawasan yang telah ditentukan oleh pihak agensi.	Aktiviti melabelkan nama bagi setiap jenis yang ditanam juga akan dilakukan bagi tujuan rujukan masa hadapan.	Antara jenis pokok yang sesuai untuk ditanam adalah seperti pokok buah-buahan, tanaman landskap hiasan dan sebagainya.	Penanaman pokok ini boleh dilakukan melalui aktiviti membiak/menyemai biji benih atau secara tampang (keratan/tut) dan membeli pelbagai jenis tanaman.

PERINCIAN CADANGAN SUMBANGAN 1 POKOK, 1 RUMAH

- Satu pokok satu rumah disyaratkan kepada pembangunan kediaman yang tidak mempunyai Pelan Landskap.
- Keperluan jenis pokok adalah mengikut kesesuaian dan keperluan semasa oleh pihak Majlis Daerah Jelebu.
- Cadangan ini juga boleh diaplikasikan bagi pembangunan selain kediaman seperti kawasan perniagaan atau perindustrian yang tidak mempunyai pelan landskap.




Golden Chain (Lapanyhera Lactescens)



Jenjarum (*Ixora Spp.)*

Antara pokok yang dicadangkan bagi Sumbangan 1 Pokok 1 Rumah



Spider Lily (*Hymenocallis Speciosa)*



Bunga Raya *(Hibiscus Rosa Sinensis)*

STRATEGI T1.5	MENERAPKAN ELEMEN DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PROGRAM KEJIRANAN HIJAU
CADANGAN T1.5B	CADANGAN PROGRAM *REFUSE* (MENOLAK), *REDUCE* (MENGURANGKAN), *REUSE* (GUNA SEMULA), *RECYCLE* (KITAR SEMULA) DAN *RECOVERY* (PEMULIHAN/DIPERBAHARUI) 5R

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan ini adalah bagi meningkatkan kadar kitar semula, menambah jangka hayat tapak pelupusan sampah serta mengurangkan gas metana. Dengan mewujudkan program ini, ia dapat memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan penduduk Daerah Jelebu di samping dapat mengurangkan risiko pencemaran dan ancaman kesihatan.
- Cadangan ini juga akan menggalakkan penggunaan semula barangan lama dan terpakai dengan mengitar semula penggunaannya.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menguruskan pembuangan sisa pepejal dengan lebih sistematik dan efisien tanpa mengakibatkan pencemaran terhadap alam sekitar.

KOMPONEN CADANGAN:

- Melaksanakan program atau demonstrasi amalan kitar semula yang mudah dipraktikkan oleh masyarakat.
- Melaksanakan hebahan dalam bentuk infografik dan risalah yang boleh menarik minat masyarakat serta memberi kesedaran kelebihan amalan kitar semula.
- Mewujudkan pusat pengumpulan bahan kitar semula di kawasan kejiranan bagi memudahkan proses kitar semula.
- Penyediaan tong kitar semula atau *reverse vending machine* yang dapat memberikan ganjaran seperti wang atau baucar bagi komuniti yang mengitar semula.
- Penyediaan tong kitar semula barangan terpakai dan lama seperti kasut, pakaian, aksesori pakaian, beg dan sebagainya.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, SWCORP, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	AGENSI DAN SWASTA







Gambaran *Signboard* yang boleh diletakkan di kawasan perumahan atau perniagaan



PERINCIAN CADANGAN INTIPATI PROGRAM

A. TAKLIMAT/*BOARD EXHIBITION* BERKAITAN KATEGORI DAN KELEBIHAN KITAR SEMULA

- Dalam program ini, kelebihan dan keperluan kitar semula secara berterusan juga ada diterangkan bagi memupuk kesedaran dalam diri penduduk.
  - Kelebihan dalam melaksanakan kitar semula dari segi kesan alam sekitar serta sosio penduduk.
  - Pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di rumah ini berdasarkan peraturan di bawah akta.
  - Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Denda kompaun maksimum sehingga RM1,000 akan dikenakan jika didapati enggan melaksanakan pengasingan.

B. DEMONSTRASI KITAR SEMULA

- Demonstrasi kitar semula yang ringkas dan mudah juga akan ditunjukkan dari segi bahan pengasingan mengikut penyediaan kotak/tong pengasingan supaya ianya menjadi amalan yang berterusan kepada penduduk.
- Bagi memudahkan pengasingan sisa pepejal dilaksanakan di rumah, penduduk digalakkan menyediakan bekas yang bersesuaian untuk mengasingkan sisa.
- Penduduk juga akan diajar untuk mengenal pasti dan mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis ke dalam tong yang disediakan.
- Hasil pengasingan sisa pepejal (kertas, plastik dan lain-lain) ini dihantar dan dijual kepada pusat pengumpulan kitar semula.

C. PENGGUNAAN SISA-SISA TERBUANG SEBAGAI ELEMEN LANDSKAP DAERAH JELEBU

- Tayar terbuang atau botol-botol dibaikpulih dan diletakkan di ruang-ruang awam lain sebagai elemen landskap.

D. MENGGALAKKAN USAHA KITAR SEMULA BERSAMA KOMUNITI.

- Mengadakan program atau kempen bersama komuniti.



Contoh penyediaan pusat kitar semula komuniti di kawasan Presint 9, Putrajaya



Contoh penyediaan tong kitar semula barangan terpakai dan lama



Penggunaan *reverse vending machine* bagi program kitar semula barangan seperti botol, kaca dan plastik

PROGRAM KITAR SEMULA

- Demonstrasi Amalan Kitar Semula
- Menggalakkan usaha Kitar Semula Bersama Komuniti
- Mengurangkan Penggunaan Plastik dan Polistrin
- Penyediaan Pusat Pengumpulan Kitar Semula
- Menyediakan Insentif Kitar Semula (Program *Recycle For Life*)
- Pelaksanaan Akta 672

DRAF

STRATEGI T1.5	MENERAPKAN ELEMEN DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PROGRAM KEJIRANAN HIJAU
CADANGAN T1.5C	CADANGAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI

DESKRIPSI CADANGAN:

- Salah satu inisiatif bagi mengalakkan Kejiranan Hijau dalam kalangan penduduk dan komuniti setempat dengan mengadakan program perintis di bawah Program Kebun Komuniti seperti kebun komuniti dan pengkomposan sisa buangan organik.
- Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai Jabatan dan Agensi yang berkaitan di peringkat daerah.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Membantu untuk menjana pendapatan komuniti melalui pengeluaran dan jualan hasil tanaman.
- Mengurangkan pembuangan sisa makanan, rumput kering dan sisa pertanian untuk dijadikan sebagai baja kompos.
- Memupuk semangat kerjasama dan keharmonian di antara kejiranan dan mengindahkan lagi landskap di sekitar kawasan kejiranan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan ini akan melibatkan beberapa sub-program iaitu:
  - A. Program Kebun Komuniti.
  - B. Program Pengkomposan Sisa Buangan Organik.





BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, JABATAN PERTANIAN, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	AGENSI DAN SWASTA

A. PROGRAM PERINTIS KEBUN KOMUNITI

DESKRIPSI CADANGAN:

- Kebun komuniti merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh penduduk setempat secara berkelompok di atas sesuatu bidang tanah.
- Penanaman diuruskan oleh satu badan pengurusan atau komuniti tersebut. Badan pengurusan tersebut akan merancang untuk melaksanakan penanaman di kawasan berkenaan termasuk mendapat kebenaran atau kelulusan secara rasmi daripada pihak yang berkaitan.
- Program ini melibatkan kawasan penanaman yang dikenal pasti di sekitar pangsapuri / kediaman yang dilaksanakan bersama oleh penduduk secara komuniti.

KOMPONEN CADANGAN:

- Medium penanaman sama ada menggunakan batas tanaman, kotak tanaman/guni, pasuan atau teknik hidroponik
- Penyediaan papan tanda bagi pemakluman serta penggunaan pagar di sekeliling kawasan kebun.
- Kemudahan bagi kebun komuniti seperti:
  - Tapak kompos
  - Stor/ tempat simpanan barang
  - Binaan struktur kecil
- Penyediaan sistem pengairan dan pencahayaan yang baik
- Pemilihan tanaman adalah seperti berikut:
  - Tanaman makanan harian
  - Tanaman kontan – hasil tanaman cepat dituai
  - Dan mudah diselenggara

PERINCIAN CADANGAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI

Penubuhan pasukan atau sekumpulan ahli bagi pelaksanaan dan pengurusan kebun komuniti dalam kalangan kawasan kejiranan tersebut.

Mengenalpasti kawasan yang boleh dijadikan sebagai program kebun komuniti iaitu:
- Lokasi kawasan tidak mengganggu laluan dan trafik orang ramai.
- Tidak menyebabkan kacau ganggu dan ketenteraman awam.

Mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah sama sekiranya tanah adalah milik perseorangan, pemaju atau kerajaan.

Kerja permbersihan tapak perlu mengambil kira faktor keselamatan dan merujuk kepada Majlis Daerah Jelebu.

Melaksanakan projek perintis Program Kebun Komuniti di lokasi yang bersesuaian di Daerah Jelebu seperti:-

i. Taman Bukit Kempas
ii. Taman Mawar
iii. Taman Sri Kenaboi
iv. Taman Desa Permai, Titi





Contoh Projek Kebun Komuniti di Perumahan Flat Kangkar Pulai, Johor


A. *BENCHMARKING* - Projek Kebun Komuniti Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra, Kuantan

- Sebanyak 2,000 anak pokok nanas ditanam dalam projek terkini Program Kebun Komuniti hasil inisiatif Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di Projek Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra.
- Seramai 81 orang penduduk terlibat dalam Projek Kebun Komuniti ini dan dikembangkan lagi usaha yang dilakukan dengan tanaman nanas jenis MD2 melibatkan empat peserta dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB) Pahang.
- Hasil tanaman sayuran seperti kangkung, bayam hijau, bayam merah, kailan dan aneka jenis sawi di 130 plot yang disediakan kini sedia dituai bagi keperluan sendiri dan dijual kepada penduduk flat.
- Kebun terung juga ada melibatkan tanaman di dalam 500 *polybag* selain laman herba yang menghasilkan pelbagai jenis tanaman seperti pokok mahkota dewa, tongkat ali, limau purut, limau nipis, belimbing buluh, pegaga yang mana sumber pokok diperolehi daripada bahagian landskap MPK, Jabatan Pertanian serta kebun persendirian.
- Penduduk flat yang memerlukan boleh bebas mengambil sayur di sebuah laman tanaman yang diberi nama Dapur Pak Mahat diusahakan lima peserta dengan tanaman seperti serai, kacang bendi, lada, halia dan lengkuas.



Contoh Projek Kebun Komuniti di Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra, Kuantan

i. Contoh Pelan Konsep Kebun Komuniti



B. *BENCHMARKING* – Projek Kebun Komuniti Presint 11, Putrajaya

- Mereka diajar cara mengatasi kekangan kawasan untuk bertani dan diterapkan kesedaran mengenai manfaat menanam sendiri sayur-sayuran bagi mengurangkan kos sara hidup keluarga.
- Konsep penanaman menggunakan *polybag* sebagai kaedah yang mampu memberi pulangan baik di samping menjimatkan kos, tenaga dan masa.
- Konsep penanaman adalah secara organik dan setakat ini telah menuai hasil seperti cili, bendi, terung, halia, kuchai, kangkung, daun kesum, kacang panjang, serai, pegaga, daun kunyit, limau purut dan pelbagai jenis ulaman lain.



Contoh Projek Kebun Komuniti di Presint 11, Putrajaya

B. PROGRAM PENGKOMPOSAN SISA BUANGAN ORGANIK

DESKRIPSI CADANGAN:

- Program ini adalah untuk memanfaatkan hasil baja kompos bagi aktiviti kebun komuniti. Ia juga dapat mengurangkan risiko pencemaran dan ancaman kesihatan kepada penduduk tempatan. Selain itu, ia dapat menjimatkan kos pembelian baja kimia dan memberikan kesedaran awal berkenaan kitar semula.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memberi pendapatan tambahan kepada penduduk melalui penjualan lebihan hasil baja kompos.
- Mengurangkan pembuangan sisa makanan, rumput kering dan sisa pertanian untuk dijadikan sebagai baja kompos.
- Bagi menyokong program kebun komuniti.

KOMPONEN CADANGAN:

- Pengumpulan bahan kompos (sisa makanan, rumput kering, sisa-sisa pertanian)
- Penyediaan *tumbler* kompos atau tong kompos bagi mempercepatkan proses pengkomposan



Contoh aktiviti pengkomposan yang dilakukan menggunakan *tumbler* kompos oleh Penduduk Flat Kangkar Pulai bagi aktiviti kebun komuniti sebagai baja organik

Taklimat / *board exhibition* berkaitan kategori sisa boleh kompos dan kelebihannya

- Pengkomposan ini melibatkan kaedah semula jadi dalam menguraikan sisa organik. Pereputan sisa organik yang tidak mengandungi bahan kimia

Demonstrasi kompos sisa.

- **Kursus/latihan pengurusan pengkomposan.**
  Menyediakan kursus/latihan pengurusan pengkomposan kepada penduduk. Antara faktor yang perlu diambilkira dalam proses pengkomposan iaitu:
  - Mikroorganisma
  - Kelembapan
  - Suhu
  - Pengudaraan
  - Saiz timbunan kompos

- Lebihan hasil baja kompos kemudiannya boleh djual kepada pemborong sekaligus menjadikan penduduk itu sendiri usahawan dan sebagai suatu bentuk pendapatan.

SISA BOLEH KOMPOS

- Semua bahan buangan terdiri daripada sayur-sayuran dan buah buahan.
- Roti lama, donat, biskut, kerak piza, mi dan segala yang diperbuat daripada tepung.
- Uncang teh yang telah digunakan.
- Rempah ratus yang sudah lama.

SISA TIDAK BOLEH KOMPOS

- Daging atau sisa daging seperti tulang, lemak dan lain lain.
- Ikan atau sisa ikan.
- Hasil tenusu seperti keju, mentega, yogurt, krim masam dan lain lain.
- Semua jenis minyak atau gris.



Cara membuat kompos dari sisa makanan



Lebihan hasil baja kompos

CARA PENGKOMPOSAN SISA BUANGAN ORGANIK

1. Pemilihan lokasi atau penggunaan tong khas bagi proses pemkomposan adalah kering, berteduh dan berdekatan dengan air.
2. Sisa-sisa makanan yang boleh dikompos ditanam dalam tanah dalam keadaan lembap bagi proses penguraian.
3. Sisa pengkomposan perlu dikacau untuk pengudaraan bagi mempercepatkan proses penguraian.
4. Baja kompos telah siap dan boleh digunakan apabila bahan-bahan sisa telah menjadi gelap.

SEBELUM



Sisa-sisa makanan



Bahan buangan daripada sayur-sayuran dan buah-bauhan

SELEPAS



Proses membuat baja dari sisa yang boleh dikompos



Baja dari sisa yang boleh dikompos

STRATEGI T1.5	MENERAPKAN ELEMEN DAN PERSEKITARAN HIJAU MELALUI PROGRAM KEJIRANAN HIJAU
CADANGAN T1.5D	**PROGRAM *CAR FREE DAY* DAERAH JELEBU**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Untuk mewujudkan persekitaran yang rendah karbon program ini dapat mengurangkan penggunaan trafik dalam Daerah Jelebu khususnya kawasan bandar. Selain itu, ia menggalakkan budaya berjalan kaki dan berbasikal dalam Daerah Jelebu. Ia juga dapat meningkatkan penjanaan semula gaya hidup sihat dan pembudayaan komuniti celik lestari.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Cadangan ini adalah sepertimana saranan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam menyokong perlepasan karbon rendah (low carbon emission).
- Mampu mengurangkan impak terhadap pencemaran alam sekitar.
- Mempromosikan gaya hidup sihat dan mengurangkan penggunaan kenderaan di atas jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas karbon monoksida hingga mencemari alam sekitar.

KOMPONEN CADANGAN:

- Penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- Penutupan jalan bagi zon kawasan "*Car Free Day*".
- Penyediaan tempat letak kenderaan berpusat.
- Penyediaan bas awam dengan kerap dan berjadual.
- Penyediaan landskap lembut dan kejur sebagai teduhan dan keselamatan pengguna.
- Papan tanda informasi pemberitahuan Program *Car Free Day*.





BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, JKR, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RT
FASA PELAKSANAAN	SEPANJANG TEMPOH KAJIAN	KAEDAH PELAKSANAAN	AGENSI DAN SWASTA

PERINCIAN CADANGAN INTIPATI PROGRAM

- Pemberitahuan berkaitan program *Car Free Day & Bike Sharing* Daerah Jelebu kepada orang awam oleh pihak PBT:
  - Dijalankan pada setiap hari Sabtu minggu kedua dan keempat pada setiap bulan.
  - Diadakan bermula seawal jam 7.30 pagi hingga 11 pagi.
  - Larangan terhadap penggunaan kenderaan bermotor dalam kawasan yang terlibat dengan program tersebut.
  - Gerai-gerai / penjajaan.
  - Pasar tani.








PERINCIAN CADANGAN INTIPATI PROGRAM

- Penyediaan program *Car Free Day*:
  - Cadangan penyediaan laluan basikal dan laluan pejalan kaki adalah bertujuan sebagai kemudahan sokongan kepada program ini.
  - Penyediaan kawasan letak kenderaan berpusat bagi pengguna.
  - Cadangan papan tanda informasi berkenaan program *Car Free Day*.
  - Perlaksanaan aktiviti-aktiviti sokongan yang melibatkan komuniti bagi menggalakan penglibatan program tersebut.


Rajah 4.35: Program *Car Free Day* di Daerah Jelebu, 2020





PETUNJUK:

- Laluan Kenderaan Bermotor yang dibenarkan
- *Car Free Zone*
- Sempadan Pusat Bandar



SENARAI STRATEGI DAN CADANGAN

DAERAH MAMPAN DAN PEMELIHARAAN BIODIVERSITI

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

ISU UTAMA

ISU 1 IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG YANG KURANG MENONJOL DAN KURANG JELAS

ISU 2 KUALITI VISUAL BAGI BANDAR KUALA KLAWANG KURANG MEMUASKAN DAN TIDAK VIBRAN

ISU 3 BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA (99 UNIT) YANG MEMPUNYAI NILAI SEJARAH DI BANDAR KUALA KLAWANG TIDAK DIPELIHARA DENGAN BAIK

ISU 5 RUANG-RUANG AWAM SEPERTI LORONG BELAKANG DAN TEPI BANGUNAN DI KAWASAN BANDAR DAN PEKAN TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA. LORONG INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI KAWASAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG AKTIVITI

ISU 6 PENYEDIAAN LALUAN PEJALAN KAKI TIDAK BERKESINAMBUNGAN ANTARA SATU SAMA LAIN TERUTAMA DI PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG

POTENSI UTAMA

POT 2 BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA YANG MEMPUNYAI NILAI WARISAN GRED 1 (23 UNIT) DAN GRED 2 (76 UNIT) PERLU DIPELIHARA DAN DINAIKTARAF BAGI MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG VIBRAN KEPADA BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN YANG TERLIBAT

POT 3 RUANG-RUANG AWAM BERPOTENSI UNTUK DINAIKTARAF MENJADI SALAH SATU KAWASAN TUMPUAN UTAMA PENDUDUK YANG DISOKONG DENGAN PENYEDIAAN AKTIVITI YANG MENARIK

POT 4 PENYEDIAAN LALUAN PEJALAN KAKI KHAS (JALAN DATO ABDULLAH, JALAN DATO MOYANG SALLEH DAN JALAN DATO MENTERI) PERLU DISEDIAKAN BAGI MEWUJUDKAN PERSEKITARAN MESRA PEJALAN KAKI DAN MENGURANGKAN PENGGUNAAN KENDERAAN BERMOTOR







STRATEGI T1.6 MERUJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA

Bandar Kuala Klawang yang berfungsi sebagai pusat bandar kepada Daerah Jelebu perlu dinaiktaraf dan dipelihara bagi mewujudkan imej bandar yang mampan dan disokong dengan aktiviti-aktiviti di ruang-ruang awam bagi menghidupkan semula Bandar Kuala Klawang dan pekan-pekan utama.

CADANGAN

T1.6A **CADANGAN PEMELIHARAAN BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA SEBAGAI BANGUNAN WARISAN**

T1.6B **CADANGAN MENAIKTARAF RUANG-RUANG AWAM**

T1.6C **CADANGAN SENI LUKISAN MURAL DI PERSIMPANGAN UTAMA BANDAR KUALA KLAWANG**

T1.6D **CADANGAN *SEMI-PEDESTRIAN JELEBU WALK***

T1.6E **CADANGAN MEMPELBAGAIKAN FUNGSI JALAN N32 SEBAGAI LALUAN PERARAKAN**

T1.6F **CADANGAN PENYEDIAAN LALUAN PEJALAN KAKI DI BANDAR KUALA KLAWANG**

T1.6G **CADANGAN PENERAPAN ELEMEN BANDAR SELAMAT DI BANDAR KUALA KLAWANG**

T1.6H **CADANGAN PENGINDAHAN PEKAN-PEKAN UTAMA (PEKAN TITI, PEKAN SIMPANG PERTANG, PEKAN SIMPANG DURIAN DAN PEKAN PETALING**







STRATEGI **T1.6**	**MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA**
CADANGAN **T1.6A**	**CADANGAN PEMELIHARAAN BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA SEBAGAI BANGUNAN WARISAN**

DESKRIPSI CADANGAN:

Bangunan warisan berpotensi untuk memberikan nilai sejarah kepada sesebuah kawasan. Bagi Bandar Kuala Klawang, bangunan warisan tersebut adalah terdiri daripada bangunan rumah kedai lama yang mempunyai seni bina Rumah Kedai Awal (*Early Shophouse* 1790-1850), Rumah Kedai Era Peralihan (*Electric Style* 1840-1940), Gaya Dekorasi Seni (*Art Deco Style* 1930-1960) dan Gaya Awal Moden (*Early Modern Style* 1950-1970). Oleh yang demikian, bangunan warisan rumah kedai ini perlulah dipelihara dan dipulihara struktur bangunan, fasad serta ketinggian bangunan bagi mewujudkan persekitaran bandar yang mampan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Bangunan warisan yang telah dikenalpasti adalah merupakan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di sepanjang Jalan Dato' Moyang Salleh dan Jalan Dato Abdullah.
- Terdapat beberapa bangunan rumah kedai yang dikategorikan sebagai bangunan warisan Gred 1 (23 unit) dan Gred 2 (76 unit) yang perlu dipelihara.
- Cadangan ini mengambilkira penambahbaikan fasad bangunan, kawalan ketinggian bangunan, penyediaan perabot jalan, penggunaan cat pastel, peletakan papan tanda pencahayaan dan penyediaan landskap hijau.
- Pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan rumah kedai ini bertujuan untuk mengekalkan nilai sejarah yang terdapat di bandar Kuala Klawang.

KOMPONEN CADANGAN:


- Fasad bangunan sedia ada dikekalkan dan ditambahbaik dari segi membaikpulih cat yang rosak dan pudar, dinding bangunan yang retak dan pecah serta baik pulih kerosakan utiliti seperti lampu bangunan.
- Cat bangunan yang seragam sepanjang Jalan Dato' Moyang Salleh dan Jalan Dato Abdullah mengikut warna yang dicadangkan (warna pastel) oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- Papan tanda bangunan komersil diseragamkan melalui saiz dan juga warna latar.
- Penggunaan warna bangunan yang ceria bagi mewujudkan persekitaran yang vibran dan mempunyai *sense of welcoming*.
- Mengekalkan senibina sedia ada dengan proses konservasi bangunan
- Kawalan ketinggian bagi pembangunan infill juga perlu dikawal bagi mengekalkan latar langit di Bandar Kuala Klawang.

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	**QUICK WIN**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ, PEMILIK BANGUNAN, SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**SEGERA (TAHUN 2022 - 2023)**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**BERSEPADU**



Contoh bangunan yang menerapkan warna bangunan pastel di Melaka



Penggunaan warna pastel yang boleh dicadangkan di bangunan rumah kedai lama dalam Zon Warisan



Contoh peletakan papan tanda di bangunan rumah kedai lama



Contoh ilustrasi penggunaan warna pada bangunan dan warna lembut yang dibenarkan

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Jalan Dato' Abdullah
  - Jalan Dato' Moyang Salleh

Rajah 4.36: Lokasi Cadangan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Lama Sebagai Bangunan Warisan




PETUNJUK:


- Zon Warisan Bangunan Kedai Lama
- Bangunan Gred 1
- Bangunan Gred 2

Sumber:
RT Daerah Jelebu 2035

GRED BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA



PELAN LOKASI



A. Cadangan Tindakan Kepada Bangunan Rumah Kedai Lama

Bagi memastikan tindakan yang terperinci dapat dilaksanakan ke atas bangunan pemeliharaan, bangunan-bangunan yang telah mempunyai gred tersebut diklasifikasikan kepada tiga kategori seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 4.29.**

Jadual 4.29: Cadangan Pengekalan dan Pemuliharaan

KATEGORI	TINDAKAN
GRED 1 Bangunan-bangunan terdiri daripada Tahap 1 dan Tahap 2 yang mempunyai struktur sekurang-kurangnya separuh kekal dan berkeadaan sekurang-kurangnya sederhana baik	• Fasad bangunan (rupa bentuk luar) hendaklah dikekalkan. Kerja-kerja perobohan, menukar rupa corak bangunan, menutup fasad bangunan dan pengubahan luaran dan dalaman hendaklah ditegah. • Pemulihan terhadap keadaan bangunan hendaklah dilakukan. • Hanya kerja-kerja membersih dan mengecat mengikut warna tertentu perlu dilakukan bagi menonjolkan imej bangunan lama. • Kajian *Dilapidation Study* perlu dijalankan bagi mengenalpasti ketulenan.
GRED 2 Bangunan-bangunan terdiri dari Gred 2 dan 3 yang mempunyai struktur usang dan berkeadaan buruk	• Fasad bangunan (rupa bentuk luar) hendaklah dibaikpulih. Kerja-kerja perobohan dan menutup fasad hendaklah ditegah. • Pembangunan baru terhadap dalaman bangunan boleh dilakukan mengikut garis panduan kawalan pembangunan khusus bagi pengekalan dan pemeliharaan. • Pemulihan terhadap struktur bangunan hendaklah dilakukan. • Kerja-kerja membersih dan mengecat mengikut warna tertentu perlu dilakukan bagi menonjolkan imej bangunan lama. • Kajian *Dilapidation Study* perlu dijalankan bagi mengenalpasti ketulenan.
GRED 3 Bangunan-bangunan moden yang tiada gred tetapi terletak di dalam lingkungan kawasan pemeliharaan	• Keseluruhan bangunan boleh dirobohkan dan dibangunkan semula atau mengubah fasad bangunan dari segi rupa bentuk luar dengan reka bentuk mengikut era seni bina bangunan-bangunan di sekitarnya.

Sumber: Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2012



Bangunan rumah kedai yang dikategorikan sebagai Gred 1



Bangunan rumah kedai yang dikategorikan sebagai Gred 2

B. Kawalan Pembangunan Bangunan Warisan

Berikut merupakan garis panduan bagi kawalan pembangunan bangunan warisan di Daerah Jelebu. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan nilai estetika dan sejarah pada bangunan warisan dapat dikekalkan dan dipelihara untuk jangka masa yang panjang.


Jadual 4.30: Garis Panduan bagi Kawalan Pembangunan Bangunan Warisan di Daerah Jelebu

KAWASAN	JUSTIFIKASI
Pembinaan Bangunan Baru	• Bangunan yang terlibat sebagai bangunan terpilih seperti yang telah disenaraikan tidak dibenarkan untuk dirobohkan dan dibina semula.
Ketinggian	• Semua bangunan terpilih ini hendaklah mengikut ketinggian asal. Kebanyakan bangunan-bangunan terpilih ini mempunyai ketinggian tidak melebihi 2 tingkat.
Bentuk Bumbung	• Keseluruhan bangunan boleh dirobohkan dan dibangunkan semula atau mengubah fasad bangunan dari segi rupa bentuk luar dengan reka bentuk mengikut era seni bina bangunan-bangunan di sekitarnya.
Fasad	• Bagi tujuan pembaikpulihan reka bentuk luaran hendaklah mengekalkan reka bentuk asal dan gaya seni binanya. • Bagi bangunan yang dipersetujui untuk dirobohkan, pembinaan hendaklah mengikut fasad luaran asal dengan mengekalkan reka bentuk dan gaya seni binanya. • Bahan binaan hendaklah mengikut bahan asal atau bahan yang sepadan dengannya. • Penyelenggaraan dan pembaikan, dibenarkan tanpa menjejaskan gaya seni binanya.
Beranda, Balkoni dan Kaki lima	• Elemen-elemen seperti beranda, balkoni dan kaki lima hendaklah dikekalkan. • *Handrail* (selusur), *balustrade* dan tiang perlu dikekalkan reka bentuk asalnya. • Laluan kaki lima perlu diseragamkan dari segi ketinggian dan kelebaran dengan bangunan bersebelahan. Ketinggian tidak melebihi satu aras bangunan.
Papan Iklan	• Tidak boleh menutup fasad dan elemen-elemen yang bercirikan warisan. Tidak boleh diletakkan di balkoni, pintu dan tingkap. • Pada bahagian hadapan bangunan hendaklah seragam dan berukuran 1219mm (4 kaki) tinggi dan kelebaran mengikut kelebaran lot. • Pada sisi tiang bangunan hendaklah seragam dan berukuran 991mm x 102mm.
Sistem Hawa Dingin	• Sistem hawa dingin tidak dibenarkan diletakkan pada fasad bangunan.
Tempat Letak Kereta	• Dikecualikan daripada menyediakan tempat letak kereta dan membayar wang sumbangan tempat letak kereta.


Tambahan dan Pindaan	• Bagi tambahan dan pindaan untuk bangunan sedia ada bagi tujuan pembaikpulihan ketinggian asal dikekalkan.
	• Bagi tapak kosong di dalam kawasan bangunan sesebuah terpilih tambahan pada tempat kosong tersebut dibenarkan tidak melebihi 4 tingkat dengan syarat:
	  • Perlu ada elemen-elemen bersejarah yang sepadan dengan bangunan sedia ada.
	  • Tidak menghilangkan ciri-ciri warisan.
	  • Bahan sepadan dengan sedia ada.

Sumber: Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2012


C. Garis Panduan Papan Iklan




Perletakan papan tanda di dinding Penghujung




Perletakan papan tanda di bahagian depan kedai



Perletakan papan tanda pada unjuran dari tingkat atas



Perletakan papan tanda di atas tiang tingkat pertama bangunan



Perletakan papan tanda di bahagian "*frieze*'



Perletakan papan tanda di bahagian depan kedai



Garis Panduan bagi perletakan antenna dan parabola

D. Warna Bangunan

i. Penyeragaman warna pada bangunan dapat menyerlahkan lagi imej kawasan pusat bandar dan menimbulkan *sense of identity* dan *sense of welcoming*.


ii. Penggunaan warna pastel yang mempunyai unsur warna yang lembut adalah dicadangkan untuk dijadikan sebagai warna rujukan atau panduan kepada bangunan-bangunan di kawasan rumah kedai lama Bandar Kuala Klawang.




Penggunaan warna pastel yang boleh dicadangkan di bangunan rumah kedai lama dalam Zon Warisan



Contoh penggunaan warna pada bangunan dan warna lembut yang dibenarkan untuk mengecat bangunan warisan










Sebelum dan selepas bangunan rumah kedai lama menggunakan cat *Pastel Colour*


E. Kawalan Ketinggian Bangunan Rumah Kedai Lama

Bagi pembangunan *infill*, reka bentuk bangunan yang hendak dibina perlu mengambilkira bangunan-bangunan sekitar seperti ketinggian, rekabentuk dan perincian bangunan. Ia bertujuan untuk mengekalkan identiti Bandar Kuala Klawang sebagai bandar warisan. Penyeragaman ketinggian bangunan bertujuan bagi memastikan latar langit bagi kawasan kajian lebih kemas dan tersusun.


Garis Panduan Membina Di Tapak Lompong (*Infill*) Bagi Kawasan Penampan




Garis panduan Pembangunan *Infill* Bagi Kawasan Pemeliharaan (*Core Area*)



Garis Panduan Membina Di Tapak Lompong (*Infill*) Rumah Kedai Tradisional di Kawasan Pemeliharaan



Garis Panduan Membina Di Tapak Lompong (*Infill*) Rumah Kedai Tradisional di Kawasan Pemeliharaan bagi Kawasan Penampan (*Buffer Zone*)



STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6B	CADANGAN MENAIKTARAF RUANG AWAM SEPERTI LORONG BELAKANG DAN TEPI BANGUNAN SEBAGAI SALAH SATU ELEMEN PELANCONGAN DALAM BANDAR

DESKRIPSI CADANGAN:

Bagi mewujudkan sebuah bandar yang vibran, ruang-ruang awam seperti lorong belakang dan tepi bangunan akan dinaiktaraf menjadi sebuah kawasan tumpuan aktiviti dalam bandar yang berpotensi untuk menjadi salah satu tarikan pelancong di Bandar Kuala Klawang.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Cadangan menaiktaraf ruang awam ini bertujuan untuk menghidupkan dan memberi nafas baharu kepada lorong belakang dan tepi bangunan.
- Laluan Lorong belakang dan tepi bangunan sering dijadikan laluan alternatif untuk ke kawasan bandar dan menjadi tempat yang terlindung bagi orang awam untuk bergerak di dalam bandar.
- Laluan ini dipilih kerana ia menghubungkan kawasan pentadbiran Daerah Jelebu, kawasan perniagaan dan kawasan terletaknya kemudahan masyarakat.
- Antara konsep atau elemen seni yang boleh diterapkan di sepanjang laluan ini ialah penggunaan warna kontra, elemen semula jadi, dan elemen sejarah Negeri Sembilan atau Jelebu sendiri.
- Cadangan konsep – Kepelbagaian Biodiversiti dan Warisan Budaya Negeri Sembilan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Lukisan dinding yang menarik dan mempunyai nilai elemen semula jadi.
- Kegunaan laluan ini akan disusun mengikut waktu dimana laluan ini boleh digunakan sebagai laluan utama dan TLK bermula jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang (Isnin-Jumaat), manakala pada hari Sabtu dan Ahad laluan ini akan dijadikan sebagai laluan pejalan kaki dan basikal sepenuhnya bagi kegunaan awam.
- Penurapan jalan dengan bahan yang lebih menarik.
- Laluan pejalan kaki yang selamat dan mesra pengguna (Golongan OKU).
- Memasang longkang jenis tertutup dan peningkatan kebersihan.
- Penyediaan papan tanda informasi.
- Penyediaan aspek pencahayaan yang menarik (LED *art-street* dan menggunakan cat *glow in the dark*).
- Penerapan elemen pencahayaan.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MAJLIS DAERAH JELEBU, AGENSI SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MAJLIS DAERAH JELEBU
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEGERA (TAHUN 2022 - 2023)	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU



Gambaran Awal Seni Mural di Lorong-lorong Tepi dan Belakang Bangunan



Gambaran Seni Mural di Lorong-lorong Tepi dan Belakang Bangunan Berkonsepkan Alam Semula Jadi



Penyediaan Landskap Kejur Seperti Tempat Duduk di Sepanjang Lorong Belakang dan Tepi Bangunan




Gambaran Penerapan Elemen Pencahayaan Bagi Mewujudkan Keselesaan dan Menjamin Keselamatan

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**


- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Lorong Permai
  - Jalan SV Veloo

Rajah 4.37: Lokasi Cadangan Lorong Seni di Bandar Kuala Klawang




PETUNJUK:

Lokasi Cadangan Pengindahan Lorong Tepi dan Belakang Bangunan




Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Ilustrasi Komponen Bagi Cadangan Menaiktaraf Lorong Tepi Bangunan



Ilustrasi Semasa dan Selepas Bagi Cadangan Menaiktaraf Lorong Tepi Bangunan





STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6C	CADANGAN SENI LUKISAN MURAL DI PERSIMPANGAN UTAMA BANDAR KUALA KLAWANG

DESKRIPSI CADANGAN:

Bangunan-bangunan yang terdapat di persimpangan utama bandar Kuala Klawang berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu elemen tarikan dan *placemaking* yang menarik kepada Bandar Kuala Klawang.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Bangunan yang terdapat di persimpangan utama Bandar Kuala Klawang berada dalam keadaan tidak diselenggara dengan baik.
- Bangunan ini sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan lukisan seni mural yang bertujuan untuk mewujudkan "*sense of place*" kepada kawasan persimpangan tersebut.
- Bangunan yang tidak diselenggara dalam kawasan bandar dapat menimbulkan rasa pasif dan menjadikan kawasan itu kurang menarik.
- Bangunan-bangunan ini boleh dibaikpulih dan ditambahbaik bagi mewujudkan satu aktiviti baru melalui *placemaking*.

KOMPONEN CADANGAN:

- Lukisan seni mural yang mempunyai identiti tersendiri.
- Bangunan tersebut akan dibaikpulih, dan ditambahbaik dari segi penggunaan cat pada bangunan tersebut.
- Antara tema yang boleh digunakan adalah tema berlatarbelakangkan landskap semula jadi, warisan dan budaya.
- Elemen pencahayaan.

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	SEDERHANA	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU



Gambaran semasa bangunan di persimpangan Jalan Dato Abdullah – Jalan Moyang Salleh bandar Kuala Klawang








Gambaran Seni Mural di persimpangan utama bandar Kuala Klawang

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**


- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Persimpangan Jalan Dato' Abdullah – Jalan Dato' Moyang Salleh
  - Persimpangan Jalan Dato' Abdullah – Jalan Dato' Syed Ali
  - Persimpangan Jalan Dato' Abdullah – Jalan Dato' Menteri

Rajah 4.38: Lokasi Cadangan Seni Mural di Persimpangan Utama Bandar Kuala Klawang



PETUNJUK:

Lokasi Cadangan Lukisan Seni Mural di Persimpangan Utama Bandar Kuala Klawang



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Ilustrasi Sebelum dan Selepas Cadangan Lukisan Mural di Persimpangan Jalan Dato Abdullah – Jalan Dato Moyang Salleh.



Ilustrasi Sebelum dan Selepas Cadangan Lukisan Mural di Persimpangan Jalan Dato Abdullah – Jalan Dato Syed Ali



STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6D	CADANGAN SEMI PEDESTRIAN JELEBU WALK

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan semi pedestrian ini dicadangkan bagi mewujudkan sebuah bandar yang mesra pejalan kaki disamping mewujudkan *sense of place* kepada kawasan yang terlibat.
- Laluan ini dijadikan sebagai laluan *semi-pedestrian* yang mesra kenderaan dan pejalan kaki.
- Laluan *Jelebu Walk ini* mampu menjadi *nodes* kepada pembangunan Bandar Kuala Klawang.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Kawasan ini dicadangkan kerana ia merupakan pusat utama aktiviti perniagaan dan sosial dalam kawasan Bandar Kuala Klawang. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan pejalan kaki dalam kawasan bandar.
- Jalan Dato Abdullah dan Jalan Dato Syed Ali mempunyai pandangan vista yang menarik dengan pemandangan bukit sebagai latar belakangnya dan disokong dengan bangunan warisan dan Stadium Majlis Daerah Jelebu.
- Penanaman pokok yang bersesuaian mampu mewujudkan *sense of welcoming* kepada Bandar Kuala Klawang.

KOMPONEN CADANGAN:

- Laluan pejalan kaki
- Landskap lembut dan kejur
- Papan tanda informasi
- *Interlocking pavement (Semi-pedestrian)*

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	MDJ, JKR
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU



Menaiktaraf Bangunan Warisan Bagi Menyokong Aktiviti *Jelebu Walk*



Gambaran Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal di Sepanjang *Jelebu Walk*



Gambaran Ilustrasi Penyediaan Landskap Lembut di Sepanjang Jalan *Jelebu Walk*




Cadangan Penyediaan Papan Tanda Arah di *Jelebu Walk*

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Jalan Kuala Klawang – Seremban
  - Jalan Dato' Abdullah
  - Jalan Dato' Syed Ali

Rajah 4.39: Lokasi Cadangan Jelebu Walk di Bandar Kuala Klawang




Ilustrasi Cadangan *Jelebu Walk*

PETUNJUK:

- Cadangan *Jelebu Walk*
- Laluan Pejalan Kaki
- Landskap Lembut
- Lokasi Cadangan *Semi-pedestrian Jelebu Walk*

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PELAN LOKASI



STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6E	CADANGAN MENAIKTARAF FUNGSI JALAN N32 SEBAGAI LALUAN KHAS AKTIVITI PERARAKAN

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan menaiktaraf fungsi Jalan N32 sebagai laluan perarakan adalah bertujuan untuk mempelbagaikan aktiviti dalam kawasan bandar Kuala Klawang.
- Sambutan keramaian seperti sambutan bulan kemerdekaan, sambutan *maal hijrah* dan sebagainya boleh dilakukan di laluan ini.
- Laluan alternatif juga akan disediakan sekiranya terdapat aktiviti di sepanjang jalan N32 tersebut bagi melancarkan pergerakkan kenderaan bermotor.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

Laluan ini dipilih kerana ia merupakan laluan utama yang menghubungkan kawasan pentadbiran dengan kawasan aktiviti sosial seperti perniagaan dan kemudahan masyarakat.

KOMPONEN CADANGAN:

i. Papan tanda pemberitahuan penutupan jalan.
ii. Papan tanda laluan alternatif.
iii. Landskap lembut.
iv. Laluan pejalan kaki berpagar.
v. Perabot jalan.
vi. *Interlocking pavement.*

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, JKR
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU





Contoh aktiviti perarakan bulan kemerdekaan di jalan utama



Contoh papan tanda laluan ditutup sepanjang aktiviti perarakan belangsung.




Gambaran penerapan elemen landskap hijau di sepanjang jalan sebagai elemen teduhan

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Jalan N32

Rajah 4.40: Cadangan Menaiktaraf Fungsi Jalan N32 Sebagai Laluan Khas Aktiviti Perarakan




PETUNJUK:

- Lokasi Cadangan (Jalan N32)
- Laluan Alternatif Kenderaan Ringan
- Laluan Alternatif Kenderaan Berat
- Landskap Hijau

LALUAN ALTERNATIF U TANPA SKALA



PELAN LOKASI U TANPA SKALA



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6F	CADANGAN PENYEDIAAN LALUAN PEJALAN KAKI DI BANDAR KUALA KLAWANG

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan laluan pejalan kaki di Bandar Kuala Klawang akan memberi fokus bagi menghubungkan nodus utama bandar serta kawasan hijau bandar.
- Penyediaan kemudahan ini adalah bagi menerapkan konsep bandar selamat di mana konsep ini akan mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada penggunaan kereta.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mewujudkan persekitaran mesra pejalan kaki kepada penduduk setempat.
- Meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolehsampaian pengguna pejalan kaki ke kawasan tumpuan sekitar Bandar Kuala Klawang.


KOMPONEN CADANGAN:

- Penyediaan laluan pejalan kaki khas berukuran 1.5 meter.
- Penyediaan lintasan pejalan kaki di persimpangan utama dan kawasan institusi seperti kawasan sekolah.
- Mengambilkira kepentingan pengguna kurang upaya (OKU).
- Penyediaan papan tanda dan papan info bagi memudahkan *way finding*.
- Menyediakan aspek pencahayaan di sepanjang laluan pejalan kaki.
- Penanaman pokok teduhan di kawasan yang bersesuaian.
- Komponen landskap jalan: Arca seni, laluan pejalan kaki minimum 1.5 meter, taman poket, lampu jalan, persimpangan mesra pejalan kaki dan landskap hijau.
- Program Bandar Sihat: Kempen penjagaan dan pemeriksaan kesihatan, kempen gaya hidup sihat, kempen 10,000 langkah, kempen penanaman pokok, kempen penggunaan pengangkutan awam.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	MDJ, JKR, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU





Contoh penyediaan Laluan Pejalan Kaki di Jalan Hang Jebat, Melaka.



Cadangan Penyediaan Landskap Lembut Sebagai Elemen Teduhan




Ilustrasi Persimpangan Jalan Dengan Kemudahan Lintasan Pejalan Kaki

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Jalan Dato' Abdullah
  - Jalan Dato' Syed Ali
  - Jalan Dato' Menteri

Rajah 4.41: Lokasi Cadangan Kemudahan Laluan Pejalan Kaki di Bandar Kuala Klawang




PETUNJUK:

- Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki Jalan Utama
- Cadangan Laluan Pejalan Kaki di Kawasan Tumpuan Perniagaan
- Cadangan Laluan Pejalan Kaki Pinggiran Sungai
- Cadangan Lintasan Pejalan Kaki Pinggiran Sungai
- Cadangan Lintasan Pejalan Kaki Utama

LAIN-LAIN

- Sempadan Bandar

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Ilustrasi Sebelum dan Selepas Cadangan Penyediaan Laluan Pejalan Kaki di Jalan Abdullah










Ilustrasi Cadangan Penyediaan Laluan Pejalan Kaki di Pinggiran Sungai Triang







STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6G	CADANGAN PENERAPAN ELEMEN BANDAR SELAMAT DI BANDAR KUALA KLAWANG

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan ini merujuk kepada perincian reka bentuk bandar selamat dalam Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) yang telah diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (PLANMalaysia).

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Penerapan elemen bandar selamat bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan berdaya tahan sekaligus meningkatkan kualiti hidup setempat.
- Keselamatan penduduk dan pengguna dapat dijamin dan mengurangkan risiko kemalangan serta jenayah.
- Selain itu, cadangan ini juga berupaya untuk meningkatkan faedah, produktiviti serta kualiti hidup komuniti.

KOMPONEN CADANGAN:

- 4 prinsip *universal* CPTED yang boleh digunapakai dalam penerapan Bandar Selamat di Bandar Kuala Klawang:
  - i. Pengawasan Semula jadi (*Natural Surveillance*)
  - ii. Pengawalan Akses Semula jadi (*Natural Access Control*)
  - iii. Kejelasan Sempadan (*Territorial Reinforcement*)
  - iv. Penyelenggaraan dan Pengurusan (*Maintenance & Management*)

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	MDJ, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU



Peletakan CCTV di Kawasan Tumpuan Aktiviti



Lampu Isyarat Automatik Bagi Mengawal Lalu Lintas di Bandar Kuala Klawang



Penerapan Elemen Pencahayaan di Ruang Awam Bagi Menjamin Keselamatan Pengguna di Waktu Malam



Penyediaan Tempat Letak Kenderaan Terbuka Untuk Tujuan Keselamatan Pemilik Kenderaan

Komponen Cadangan

REKABENTUK SUSUN ATUR

- Mewujudkan suasana aktif dengan aktiviti menarik.
- Mengelakkan ruang terperangkap seperti jalan mati atau lorong belakang.
- Memastikan ruang pandangan jelas dan tidak terhalang terutama di kawasan laluan pejalan kaki.

TEMPAT LETAK KENDERAAN

- Tempat letak kenderaan mestilah berada di kawasan selamat seperti berhadapan dengan premis perniagaan dan mempunyai pencahayaan yang baik.

AKSES DAN LALUAN PEJALAN KAKI

- Laluan pejalan kaki yang sempit tidak dibenarkan di kawasan pembangunan baharu.
- Laluan pejalan kaki, lintasan pejalan kaki dan lorong sempit perlu disediakan pencahayaan dan cermin keselamatan sebagai langkah berjaga-jaga.

LANDSKAP LEMBUT DAN ELEMEN REKABENTUK BANDAR

- Memastikan perletakan perabot jalan tidak menghalang laluan.
- Menanam pokok renek dengan ketinggian tidak melebihi 0.9m di laluan pejalan kaki.
- Memastikan papan tanda menggunakan warna yang terang dan mudah difahami.

PENCAHAYAAN

- Fokus pencahayaan pada lokasi-lokasi tumpuan awam seperti tempat letak kenderaan, hentian bas dan kawasan perniagaan.
- Pencahayaan perlulah pada tahap yang membolehkan muka seseorang dikenalpasti dalam penglihatan yang normal serta membantu CCTV memantau dengan lebih berkesan.

PERALATAN KESELAMATAN

- Peralatan keselamatan merangkumi cermin keselamatan, penggera keselamatan, CCTV dan papan tanda peringatan.
- Disediakan di kawasan laluan pejalan kaki, kawasan tumpuan awam, kawasan berprofil tinggi dan berpotensi jenayah.

PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN

- Memastikan setiap kawasan dalam bandar diselenggara dan dibersihkan seperti membersihkan semak samun, mencantas pokok yang rimbun supaya tidak menghalang pencahayaan, CCTV dan pandangan awam.
- Membaikpulih kawasan/ bangunan terbiar dan terbengkalai.



Rajah 4.42: Lokasi Cadangan Penerapan Elemen Bandar Selamat di Bandar Kuala Klawang.



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T1.6	MEREJUVENASIKAN IMEJ PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DAN PEKAN-PEKAN UTAMA
CADANGAN T1.6H	CADANGAN PENGINDAHAN PEKAN-PEKAN UTAMA (PEKAN TITI, PEKAN SIMPANG PERTANG, PEKAN SIMPANG DURIAN DAN PEKAN PETALING)

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan pengindahan pekan-pekan di sekitar Daerah Jelebu ini bertujuan untuk menaiktaraf imej dan mewujudkan identiti pekan yang mampan serta disokong dengan penyediaan aktiviti di ruang-ruang awam bagi menghidupkan semula pekan utama di sekitar Daerah Jelebu.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Cadangan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kemudahsampaian pejalan kaki di sekitar pekan di Daerah Jelebu. Rangkaian laluan ini juga mengambil berat terhadap pengguna kerusi roda serta mesra OKU berikutan dilengkapi dengan kemudahan *tactile guiding* dan *ramp*.
- Di samping itu, ia juga dapat menyediakan keselesaan kepada pengguna sekaligus meningkatkan imej dan nilai estetika bandar.
- Bangunan-bangunan lama juga perlu dipelihara bagi mengekalkan bangunan warisan untuk masa hadapan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Pengindahan bangunan rumah kedai lama
- Pembangunan semula bangunan lama
- Laluan pejalan kaki dan basikal
- Papan tanda
- Landskap teduhan
- Tempat duduk
- Lampu jalan
- Lintasan
- Penerapan elemen Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED)

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU



Cadangan penyediaan landskap hijau sebagai pokok teduhan di Jalan Utama



Gambaran penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal di jalan utama



Gambaran cadangan pintu gerbang




Cadangan pengindahan bangunan rumah kedai lama

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Bandar Kuala Klawang:
  - Pekan Titi
  - Pekan Simpang Pertang
  - Pekan Simpang Durian
  - Pekan Petaling

Rajah 4.43: Lokasi Cadangan Pengindahan Pekan Titi



PETUNJUK:

- Laluan Pejalan Kaki dan Basikal
- Pengindahan dan Pengekalan Fasad Bangunan
- Landskap Hijau
- Cadangan Lokasi CCTV
- Cadangan Lampu Isyarat Automatik
- Cadangan Pencahayaan di Ruang Awam


LAIN-LAIN

- Sungai
- Sempadan Pekan Titi

SINGKATAN


SJKC: Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 4.44: Lokasi Cadangan Pengindahan Pekan Simpang Pertang, Pekan Simpang Durian dan Pekan Petaling



Pekan Simpang Pertang | Pekan Simpang Durian | Pekan Petaling

PETUNJUK:

- Cadangan Laluan Pejalan Kaki
- Pengindahan dan Pengekalan Fasad Bangunan
- Landskap Hijau
- Cadangan Lokasi CCTV
- Cadangan Lampu Isyarat Automatik
- Cadangan Pencahayaan di Ruang Awam

LAIN-LAIN

- Sungai
- Sempadan Pekan Titi



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

ISU UTAMA

ISU 4 TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN (34 BUAH BANGUNAN) YANG TIDAK DISELENGGARA DENGAN BAIK TERUTAMA DARI SEGI STRUKTUR BANGUNAN, PERSEKITARAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELANCONGAN

POTENSI UTAMA

POT 1 TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN YANG MENARIK PERLU DIPELIHARA SEBAGAI SALAH SATU KOMPONEN TARIKAN PELANCONGAN. IA MERUPAKAN ASET YANG PENTING KEPADA NEGERI DAN DAERAH JELEBU SECARA KHUSUSNYA

STRATEGI T1.7

MEMELIHARA DAN MEMULIHARA TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN SEBAGAI SALAH SATU ASET SEJARAH BAGI DAERAH JELEBU

Strategi ini bertujuan untuk memastikan bangunan-bangunan warisan di sekitar Daerah Jelebu dipelihara untuk generasi akan datang.

CADANGAN

T1.7A **CADANGAN MEMELIHARA DAN MENAIKTARAF TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN DI SEKITAR DAERAH JELEBU.**









STRATEGI T1.7	MEMELIHARA DAN MEMULIHARA TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN SEBAGAI SALAH SATU ASET SEJARAH BAGI DAERAH JELEBU
CADANGAN T1.7A	CADANGAN MEMELIHARA DAN MENAIKTARAF TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN DI SEKITAR DAERAH JELEBU

DESKRIPSI CADANGAN:

Tapak dan bangunan warisan mempunyai nilai kepentingan sejarah dan estetika seni bina. Selain itu, ianya berpotensi sebagai sumber pelancongan dalam bandar serta karakter yang menyerlahkan identiti setempat. Kepentingan nilai warisan ini perlu dipelihara bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik di samping berpotensi menjadi salah satu sumber pelancongan di Daerah Jelebu.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memelihara tapak dan bangunan bersejarah untuk mengekalkan nilai warisan di Daerah Jelebu untuk generasi masa hadapan.
- Penjanaan semula kawasan warisan dengan mengembalikan semula daya tarikan untuk aktiviti-aktiviti perniagaan, sivik dan budaya.

KOMPONEN CADANGAN:

- Papan tanda informasi.
- Pemuliharaan dan pengekalan fasad bangunan.
- Mengecat semula bangunan mengikut warna yang telah digariskan dalam garis panduan pemuliharaan bangunan warisan.
- Pengindahan landskap lembut dan kejur di sekitar tapak sejarah.
- Menyelenggara kawasan warisan dengan kerap bagi memastikan kualiti persekitaran yang mampan.
- Keutamaan diberikan kepada **9 lokasi** yang mempunyai nilai warisan yang signifikan kepada penduduk setempat di Daerah Jelebu serta mempunyai nilai estetika yang berkepentingan dari segi budaya dan ekonomi setempat yang terdapat pada bangunan dan tapak tersebut. Berikut merupakan senarai 9 lokasi tapak nilai warisan iaitu:

i. Muzium Adat
ii. Masjid Kariah Kuala Dulang
iii. Batu Peringatan Inggeris
iv. Makam Moyang Salleh
v. Meriam Dato Undang Abdullah
vi. Menara Jam Jelebu
vii. Rumah Gadang Budi, Kampung Budi
viii. Kediaman Rasmi Undang Luak Jelebu
ix. Terowong Sejarah Titi

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	MDJ, SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	BERSEPADU



Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu yang merupakan salah satu bangunan warisan



Muzium Adat yang Menjadi Lokasi Tersimpan Sejarah Bagi Negeri Sembilan



Makam Moyang Salleh yang Merupakan Salah Satu Tapak Sejarah di Daerah Jelebu




Bangunan Rumah Kedai Lama yang Terdapat di Bandar Kuala Klawang Perlu Dipelihara

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Sekitar Daerah Jelebu
  - Tapak dan Bangunan Warissan

Rajah 4.45: Lokasi Cadangan Memelihara dan Menaiktaraf Tapak dan Bangunan Warisan



PETUNJUK

● Lokasi Tapak dan Bangunan Warisan

1. Muzium Adat
2. Masjid Kariah Kuala Dulang
3. Bangunan Rumah Kedai Lama Kuala Klawang
4. Batu Peringatan Inggeris
5. Makam Moyang Salleh
6. Meriam Dato Undang Abdullah
7. Mahkamah Majistret Jelebu
8. Menara Jam Jelebu
9. Gereja Katolik St. Augustine
10. Masjid Kariah Kampung Jerang
11. Tapak *Megalith* Ulu Jelebu
12. Masjid Lama Kampung Mentaus
13. Dewan D'sury
14. *Grandstand* Stadium Majlis Daerah Jelebu
15. Masjid Warisan Sungai Relai
16. Tugu Peringatan Titi
17. Balai Polis Lama Simpang Pertang
18. Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu
19. Balai Adat Kg. Putera Jelebu
20. *Homestay* Omak Akam
21. Rumah Warisan Pak Tam
22. Wisma UMNO Kuala Klawang
23. Kompleks UMNO Jelebu
24. Kampung Pergai
25. Rumah Gadang Budi Kampung Gagu
26. Kampung Sarin
27. Peradong
28. Kediaman Rasmi Undang Luak Jelebu
29. Tokong Fook Seng
30. Bangunan Rumah Kedai Lama Titi
31. Dataran Bukit Tangga
32. Terowong Sejarah Titi

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035



BAB 5

TERAS 2:
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI







TERAS 2

6 STRATEGI

30 CADANGAN

EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI – merujuk kepada kepelbagaian sumber dan produk tempatan yang perlu dieksploitasi sebagai strategi kearah meningkatkan dan menjana ekonomi daerah bagi mencapai sebuah daerah yang berdaya maju seiring dengan daerah-daerah sekitar, negeri, negara serta antarabangsa. Hal ini akan dapat membantu untuk menarik minat pelabur-pelabur luar untuk melabur di Daerah Jelebu. Terdapat 4 sektor utama yang bertindak sebagai '*game changer*' iaitu Sektor Pertanian, Perniagaan dan Perkhidmatan, Perindustrian serta Pelancongan yang akan membantu Daerah Jelebu untuk menjadi sebuah daerah yang terus maju dengan kepelbagaian sumber sedia ada.

INTIPATI UTAMA TERAS 2

1. **Berfungsi sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian –** Peluang ruang perniagaan berskala besar untuk pemasaran produk hasil pertanian dan menjadikan Daerah Jelebu ini sebagai **pembekal hasil pertanian dan ternakan** kepada pasaran Lembah Klang khususnya.
2. **Kepelbagaian Sumberjaya –** sumber hutan pengeluaran (890.00 hektar) dan sumber pertanian (53,523.92 hektar) dari keseluruhan Daerah Jelebu.
3. **Keperluan kemasukan pemangkin utama** pembangunan dan sektor yang mampu memberi impak tinggi ekonomi daerah khususnya perindustrian dan pelancongan.
4. **Sumber Makanan Utama** – kawasan tanaman makanan (TKPM) Air Baning dan Bemban seluas 175.70 hektar purata hasil pengeluaran padi *(4.77 mt/ hek) dan kawasan* ternakan utama iaitu ayam.
5. **Kedapatan sumber jaya semula jadi dan warisan untuk dieksploitasi** – aset pelancongan berasaskan biodiversiti, kluster pelancongan eko, agro, arkeo dan warisan sejarah – sebanyak 42 produk pelancongan tarikan pelancongan.
6. **Potensi Jelebu sebagai *Geopark*** – terdapat 19 geotapak sedia ada dan tambahan 11 tapak yang berpotensi untuk disenaraikan sebagai geotapak Jelebu. Antaranya Gua Pelangi, Gua Kelawar, Gua Tirai, Lata Tingkat di Sungai Lakai dan Batu Kapal di Ulu Lakai dan beberapa geotapak di Kenaboi.

PROJEK QUICK-WIN **03** CADANGAN

PROJEK STRATEGIK **03** CADANGAN

PROJEK UTAMA **11** CADANGAN

PROJEK SOKONGAN **13** CADANGAN



6-STRATEGI 30-CADANGAN

3-*QUICK WIN* QW 3-STRATEGIK ST 11-UTAMA UT 13-SOKONGAN SO

TERAS 2
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

STRATEGI T2.1 — MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM

T2.1A	Cadangan Memperkukuhkan Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sedia Ada	QW
T2.1B	Cadangan Ladang Rakyat Tanaman Buah-buahan	UT
T2.1C	Cadangan Pengekalan Kawasan dan Peningkatan Produktiviti Tanaman Padi	UT
T2.1D	Cadangan Projek Ladang Inkubator dan Tapak Varieti Tanaman	UT
T2.1E	Cadangan Membangunkan Semula Tanah-Tanah Pertanian Terbiar	SO
T2.1F	Cadangan Memperkasa Aktiviti Ternakan Ruminan	SO
T2.1G	Cadangan Kawalan Ladang Ternakan Ayam Melalui Pematuhan Garis Panduan dan Mesra Alam	SO
T2.1H	Cadangan Membangunkan Ternakan Ikan *Jade Perch* Secara Komersial	SO
T2.1I	Cadangan Memperkukuhkan Aktiviti Akuakultur Melalui Penyertaan Program Penyelidikan Akuakultur Air Tawar	SO
T2.1J	Cadangan Pusat Pengumpulan Setempat Utama Hasil Pertanian Daerah Jelebu	UT

STRATEGI T2.2 — MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK BARU

T2.2A	Cadangan Pengukuhan Ekopelancongan Taman Negeri Kenaboi	ST
T2.2B	Cadangan Eksplorasi Gua-Gua Jelebu	ST
T2.2C	Cadangan Jejak Budaya dan Warisan Jelebu	SO
T2.2D	Cadangan Hab Sukan Lasak Kongkoi @ Pusat Latihan Kepimpinan UPNM	UT
T2.2E	Cadangan *Jelebu Best Food Spot* (J-BEST)	QW
T2.2F	Cadangan *Jelebu Bike Route* (JBR)	UT

STRATEGI T2.3 — MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN, KUALITI PERKHIDMATAN, HOSPITALITI SERTA KESELAMATAN PADA TAHAP TERBAIK

T2.3A	Cadangan Pusat Informasi Pelancong (TIC)	SO
T2.3B	Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Asas dan Sokongan di Kawasan Pelancongan	SO
T2.3C	Cadangan Zon Kemudahan Penginapan dan Pembangunan *Homestay*	UT

STRATEGI T2.4 — MENGUKUHKAN SEGMENTASI PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN DAERAH DAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA SEKTOR PELANCONGAN

T2.4A	Cadangan Digitalisasi Sektor Pelancongan Daerah Jelebu	UT
T2.4B	Cadangan Penganjuran Acara-Acara Pelancongan yang Berimpak Tinggi dan Kalendar Pelancongan Jelebu	ST
T2.4C	Cadangan Pembentukan Pakej Pelancongan Jelebu (PPJ)	UT
T2.4D	Cadangan *Upskilling* Penduduk Tempatan ke Arah Daerah Pelancongan Bernilai Tinggi	SO

STRATEGI T2.5 — MENGUKUHKAN SEKTOR INDUSTRI MELALUI POTENSI SUMBERJAYA DAN KAWALAN INDUSTRI

T2.5A	Cadangan Industri Berasaskan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	UT
T2.5B	Cadangan Mempergiatkan Pengisian Lot-Lot Kosong Industri Kawasan Perindustrian Simpang Pertang	UT
T2.5C	Cadangan Kawasan Potensi Pembangunan Perindustrian Baharu *(Melengkapi cadangan T1.1E melibatkan Cadangan Kawasan Potensi Pembangunan Bagi Menjana Pertumbuhan Ekonomi Daerah)*	
T2.5D	Cadangan Pemutihan Industri	QW

STRATEGI T2.6 — MENINGKATKAN AKTIVTI PERNIAGAAN UNTUK MEMBERI NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI DAERAH JELEBU

T2.6A	Cadangan Pengukuhan Aktiviti Perniagaan di Pusat Petempatan Yang Ditetapkan	SO
T2.6B	Cadangan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R)	SO
T2.6C	Cadangan Mengawal Selia Aktiviti yang Bercanggah dengan Kegunaan Bangunan Perniagaan	SO
T2.6D	Cadangan Program Usahawan Bergerak/ *Mobilepreneur*	SO

Rajah 5.1:

PELAN SUBJEK: TERAS 2
EKONOMI BERDAYA MAJU DAN BERIMPAK TINGGI

PAHANG
(Daerah Bentong)

SELANGOR
(Daerah Hulu Langat)

Daerah Jempol

Daerah Seremban

Daerah Kuala Pilah

KE BENTONG

KE SIMPANG PELANGAI

KE BERA

KE HULU LANGAT

KE SEMENYIH

KE JEMPOL

KE KUALA PILAH

Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang

Cadangan Jalan Kg. Gagu – Lenggeng

Cadangan Jalan Sg. Muntoh – Simpang Durian

Cadangan Lebuhraya Southern Central Road (SCR)

Cadangan Jalan Pasoh 1 dan 4 – Felda Lui Muda

Mukim Kenaboi

Mukim Triang Ilir

Mukim Glami Lemi

Mukim Triang

Mukim Pertang

Mukim Ulu Triang

Mukim Peradong

Mukim Kuala Klawang

Mukim Ulu Klawang

HSK Kenaboi

HSK Gapau

HSK Triang

HSK Pasoh

HSK Berembun

T2.1 T2.2 T2.3 T2.6

PETUNJUK

KOMERSIAL
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

INDUSTRI
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

PEMBANGUNAN BERCAMPUR
- Pembangunan Bercampur Cadangan
- Zon Potensi Pembangunan Bercampur

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN
- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Jalan Raya

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Elektrik Cadangan

BADAN AIR
- Sungai
- Empangan

LAIN-LAIN
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Pintu Masuk Utama Pelancong
- Pelancongan Arkeo
- Pelancongan Agro
- Eko Pelancongan
- Pelancongan Budaya, Seni dan Warisan
- Pelancongan Berbasikal
- Pelancongan Pendidikan
- Warisan Jelebu
- Geotapak Jelebu
- Gua Jelebu
- Pelancongan Makanan
- Pintu Masuk Utama Pelancong
- Nodus Tumpuan Pelancong
- Nodus Tumpuan Kemudahan Pelancongan
- Pergerakan Pelancong
- *TDZ Diversity of Ecotourism*
- *TDZ Geological Heritage Site*
- *TDZ Kuala Klawang Urban Heritage & Culture*

SENARAI STRATEGI

T2.1 Memperkukuhkan Sektor Pertanian Melalui Peningkatan Produktiviti Secara Komersial dan Mesra Alam

T2.2 Memperkukuhkan Produk dan Destinasi Pelancongan Yang Berpotensi Serta Pengenalan Produk Baru

T2.3 Menaiktaraf Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan, Kualiti Perkhidmatan, Hospitaliti Serta Keselamatan Pada Tahap Terbaik

T2.4 Mengukuhkan Segmentasi Promosi dan Pemasaran Pelancongan Daerah dan Pembangunan Guna Tenaga Sektor Pelancongan

T2.5 Mengukuhkan Sektor Industri Melalui Potensi Sumberjaya dan Kawalan Industri

T2.6 Meningkatkan Aktivti Perniagaan untuk Memberi Nilai Tambah Kepada Ekonomi Daerah Jelebu

PELAN LOKASI

TANPA SKALA

PAHANG
SELANGOR
Daerah Jelebu
Daerah Seremban
Daerah Kuala Pilah
Daerah Jempol
Daerah Port Dickson
Daerah Rembau
Daerah Tampin
MELAKA
JOHOR
SELAT MELAKA

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Bagi mencorakkan ekonomi Daerah Jelebu yang berdaya maju dan berimpak tinggi pada 2035, pembangunan sektor ekonomi perlu merancang strategi pertumbuhan Daerah Jelebu dengan memberi penekanan kepada pengukuhan aktiviti pertanian, pelancongan, dan industri sebagai pemangkin ekonomi utama Daerah Jelebu menjelang 2035. Antara pengukuhan sektor ekonomi yang boleh dilaksanakan meliputi :

- ✓ Memperkukuhkan Sektor Pertanian Melalui Peningkatan Produktiviti Secara Komersial dan Mesra Alam
- ✓ Mengukuhkan Sektor Industri Melalui Eksploitasi Potensi Sumber Jaya Sediada dan Kawalan Aktiviti Industri
- ✓ Memperkukuhkan Produk Dan Destinasi Pelancongan Yang Berpotensi Serta Pengenalan Produk Baru



- **Tanaman**
  - TKPM Air Baning (Fokus Tanaman Sayur-Sayuran)
  - TKPM Bemban (Fokus Tanaman Buah-Buahan)
  - Cadangan Ladang Rakyat Tanaman Buah-buahan
  - Kawasan Padi
- **Ternakan dan Akuakultur**
  - Ternakan Fidlot dan Intensif di Ladang Satelit Nasional Kg Jerang dan Kg. Kuala Pah
  - Pusat Ternakan Kambing GMN di Titi
  - Ayam pedaging
  - Ternakan ikan talapia, keli dan Udang Galah
  - Cadangan Ternakan Ikan Jade Perch

- **Cadangan Industri IKS** berasaskan sumber hasil pertanian di Titi dan Simpang Durian
- **Industri Asas Tani** di bawah kelolaan Jabatan/Agensi (Sedia ada)
- **Pembangunan Pusat Pemperosesan Buah Nangka Segar** FAMA (Sedia ada)

- **Pusat Pengumpulan Setempat Utama Hasil Pertanian** Daerah Jelebu
- **Pusat Pengumpulan Ladang** Kg. Chennah (Sedia Ada)
- Cadangan **Pusat Pengumpulan Ladang** Kg. Simpang Gelami
- **Agrobazar Kedai Rakyat** di Taman Irama dan Simpang Durian (Sedia Ada)
- **Pasar Tani** Kuala Klawang
- **Pasar-pasar Awam** di Kuala Klawang, Titi, Simpang Durian

- **Pusat Ternakan Ikan Air Tawar** (Fri) Glami Lemi
- **MARDI** Jelebu
- **Pusat Penyelidikan Bio Teknologi Glami Lemi Universiti Malaya** (PPBGL)
- **Cadangan Pusat Latihan Inkubator**

- ***Experiential Tourism*** (Padi dan Dusun Durian & Buah-buahan)
- ***Jelebu Best Food Spot* (J-BEST)** – Produk makanan tempatan
- **Santuari Ikan Air Tawar** di Taman Negeri Kanaboi
- **Jualan Produk-produk Tempatan** di Pusat IKS
- **Pusat Jualan Produk Hasil Pertanian** – Pasar Awam, Pasar Tani dan Lain-lain

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

RSN
- MENINGKATKAN HASIL TANAMAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN
- MENGEKALKAN KAWASAN TANAMAN PADI DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI
- MENINGKATKAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN RUANG KEMUDAHAN PEMASARAN PRODUK AGRO

PSE
- FOKUS PADA TANAMAN INDUSTRI
  - ✓ DAERAH JELEBU MERUPAKAN KAWASAN **TANAMAN BUAH-BUAHAN UTAMA** DALAM NEGERI SEMBILAN SELAIN DARIPADA DAERAH KUALA PILAH
  - ✓ MENYATAKAN KELUASAN **TANAMAN PADI** DI DAERAH JELEBU JUGA ADALAH YANG **KETIGA TERBESAR** 4 KATEGORI SUBSEKTOR PERTANIAN YANG MENJADI PENGGERAK DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI DI DAERAH JELEBU IAITU SUBSEKTOR TANAMAN,TERNAKAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
- MEWUJUDKAN MINI TERMINAL AGROBISNES NEGARA (TEMAN) DI SETIAP DAERAH

DPFB

FOKUS YANG TERLIBAT SECARA UMUM DENGAN JELEBU:
- TERAS 2: PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR – DESA
- TERAS 4: MEMPERKASA EKONOMI DESA

OBJ 2 MEMPERKUKUH AKTIVITI EKONOMI KHUSUSNYA PERTANIAN DAN PELANCONGAN BERASASKAN SUMBERJAYA SEDIA ADA

FKS 1 MEMPERKASA SEKTOR PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

ISU UTAMA

ISU 1 KEPERLUAN PENGEKALAN DAN PEWARTAAN KAWASAN PADI SEBAGAI MENYOKONG FUNGSI PEMBEKAL UTAMA KEPADA PASARAN LEMBAH KLANG DAN GEDUNG BEKALAN MAKANAN NEGARA

ISU 2 KEPERLUAN PUSAT PENGUMPULAN HASIL TANI '*ONE STOP CENTRE*'

ISU 3 KEWUJUDAN TANAH PERTANIAN YANG TERBIAR

ISU 4 MASALAH KACAU GANGGU LALAT DALAM AKTIVITI TERNAKAN AYAM KOMERSIL TERUTAMANYA OLEH AKTIVITI TERNAKAN AYAM YANG MENGGUNA PAKAI SISTEM REBAN TERBUKA

POTENSI UTAMA

POT 1 DURIAN JELEBU BOLEH DIDAPATI HAMPIR SEPANJANG TAHUN IAITU DARI BULAN JANUARI HINGGA SEPTEMBER KERANA KEADAAN FIZIKALNYA YANG BERBUKIT BUKAU DAN TERLETAK DI BANJARAN TITIWANGSA. TERDAPAT 14 JENIS VARIETI DURIAN YANG BOLEH DIDAPATI DI DAERAH JELEBU

POT 2 PENUMPUAN KEPADA TERNAKAN IKAN BERNILAI TINGGI SEPERTI *JADE PERCH* BAGI MENINGKATKAN HASIL AKUAKULTUR DAERAH JELEBU

POT 3 KAEDAH PERTANIAN DAN PENTERNAKAN PINTAR YANG BOLEH DITERAPKAN DI DAERAH JELEBU

STRATEGI T2.1 MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM

Bagi memperkukuhkan sektor pertanian Daerah Jelebu, kawasan pertanian produktif yang dikenalpasti perlu dikekalkan sebagai kawasan tanaman utama sara diri berikutan kepentingannya kepada pembangunan sektor agromakanan Daerah Jelebu. Dari segi produktiviti tanaman, penternakan haiwan dan perikanan, ia juga harus dipertingkatkan secara komersial dan mesra alam supaya dapat menjanakan pulangan maksima kepada agropreneur dan ekonomi daerah, serta menjamin sumber bekalan makanan daerah dan negeri.

CADANGAN

T2.1A CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KAWASAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) SEDIA ADA

T2.1B CADANGAN LADANG RAKYAT BAGI TANAMAN BUAH-BUAHAN

T2.1C CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI KAWASAN TANAMAN PADI

T2.1D CADANGAN PROJEK LADANG INKUBATOR DAN TAPAK VARIETI TANAMAN

T2.1E CADANGAN MEMBANGUNKAN SEMULA TANAH-TANAH PERTANIAN TERBIAR

T2.1F CADANGAN MEMPERKASA AKTIVITI TERNAKAN RUMINAN

T2.1G CADANGAN KAWALAN LADANG TERNAKAN AYAM MELALUI PEMATUHAN GARIS PANDUAN DAN MESRA ALAM

T2.1H CADANGAN MEMPERKUKUH DAN MEMPERGIAT TERNAKAN IKAN JADE PERCH SECARA KOMERSIL

T2.1I CADANGAN MEMPERKUKUH AKTIVITI AKUAKULTUR MELALUI PENYERTAAN PROGRAM PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR TAWAR

T2.1J CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN SETEMPAT UTAMA HASIL PERTANIAN DAERAH JELEBU – MINI TEMAN.





STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1A**	**CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KAWASAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) SEDIA ADA**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan strategi di bawah Dasar Pertanian ketiga (DPN3) untuk menggalakkan pelaksanan projek pertanian secara berskala besar, bersifat komersial dan bertekonolgi tinggi oleh usahawan termasuk penglibatan swasta.
- Berdasarkan Rancangan Fizikal Negara (RFN) 4 menerusi strategi **KD2.5: Menjamin Bekalan Makanan Yang Mencukupi** menekankan pengekalan kawasan-kawasan pertanian khusus bagi tujuan jaminan bekalan makanan untuk memenuhi keperluan dan permintaan yang semakin meningkat pada masa akan datang.
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Air Baning dan Bemban merupakan salah satu daripada 68 TKPM yang telah dikenalpasti untuk dikekalkan di dalam RFN 4.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menjamin dan meningkatkan sumber bekalan makanan.
- TKPM merupakan projek berimpak tinggi yang dirancangkan untuk pelaksanaan secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi.
- Mewujudkan peluang pekerjaan dalam kalangan penduduk setempat di samping menarik minat penduduk terhadap sektor pertanian.

KOMPONEN CADANGAN:

Bagi memperkukuhkan kawasan TKPM sedia ada, berikut merupakan tindakan yang perlu diambil iaitu:

- Menggunakan aplikasi pertanian yang terkini dan bersesuaian seperti sistem fertigasi yang dilengkapi dengan struktur pelindung hujan dan sistem pengairan renjis (*sprinkler*).
- Menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur pertanian meliputi:
  - Jalan ladang.
  - Sistem saliran dan pengairan.
  - Kolam takungan.
  - Pembinaan rumah stor.
  - Pemasangan pagar keliling.
  - Pembersihan kolam.
- Mengamalkan **"Amalan Pertanian Terbaik (GAP)"** untuk menjamin kualiti tanaman dan alam sekitar serta memperluas skop pasaran hasil tanaman.
- Penggunaan teknologi moden IOT dalam mengawal pertanian dari segi hasil pengeluaran, tahap kesuburan tanah, kawalan serangga perosak dan sebagainya.
- TKPM berpotensi untuk dipromosikan sebagai produk agropelancongan – *Experential Tourism*.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**QUICK WIN**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERTANIAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERTANIAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**PENAMBAIKKAN KAJIAN RANCANGAN FIZIKAL 4**
FASA PELAKSANAAN	**SEGERA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**

FOKUS TANAMAN



TKPM Bemban

- Sayur-sayuran dan buah-buahan.
- 56% ditanam dengan tanaman nangka.
- **NILAI HASIL PENGELUARAN 2019 RM3.139 JUTA**




TKPM Air Baning

- 14 jenis sayuran meliputi bendi, cekur manis, cili, kacang panjang, kacang botol, kangkung, labu air, peria katak, peria kambas, petola segi, sawi, serai, timun dan terung.
- **NILAI HASIL PENGELUARAN 2019 RM1.404 JUTA**

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- TKPM Air Baning (53.70 hektar)
- TKPM Bemban (122.00 hektar)

Rajah 5.2: Pengekalan Kawasan TKPM di Daerah Jelebu



PETUNJUK:

- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Penternakan

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1B**	**CADANGAN LADANG RAKYAT TANAMAN BUAH-BUAHAN**

DESKRIPSI CADANGAN:

Tanaman durian merupakan tanaman utama dan dipromosikan sebagai ikon Daerah Jelebu. Permintaan buah ini bukan sahaja dalam kalangan rakyat Malaysia, malah mendapat permintaan tinggi dari Singapura dan China. Pada tahun 2019, Daerah Jelebu mencatatkan nilai purata hasil pengeluaran durian sebanyak 10.96 mt/ hek dengan nilai pengeluaran sebanyak RM13.95 juta. Bagi menyokong pembangunan ini, satu kawasan telah dicadangkan khusus bagi **tanaman durian/ dusun** merangkumi kawasan seluas **50.00 ekar**. Tapak Ladang Rakyat ini harus dikekalkan untuk menggalakkan pembangunan jangka panjang aktiviti pertanian daerah dan mengekalkan fungsinya sebagai sumber bekalan makanan utama. Untuk menyokong pembangunan projek ini, jalan-jalan ladang perlu dibangunkan bagi memudahkan kerja-kerja pengangkutan *input* dan *output* pertanian di samping menyokong industri pelancongan melalui *experiential tourism*.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Meningkatkan produktiviti durian, pendapatan petani dan ekonomi Daerah Jelebu.
- Mewujudkan zon pengeluaran tanaman makanan kekal.
- Membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara yang mapan dan berkualiti.
- Membangunkan dan meningkatkan penglibatan usahawan-usahawan dalam bidang pengeluaran tanaman makanan secara komersial.
- Meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.
- Menggalakkan dan meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan.
- Membangunkan agropelancongan Daerah Jelebu.

HASIL PENGELUARAN
10.96mt/ hek

NILAI PENGELUARAN
RM13.95 juta

KEISTIMEWAAN BUAH DURIAN DI JELEBU

i. Durian Jelebu boleh didapati hampir sepanjang tahun iaitu dari Bulan Januari hingga September.
ii. Keadaan fizikal Daerah Jelebu yang berbukit bukau dan terletak di Banjaran Titiwangsa.
iii. Terlindung dari Angin Monsun Timur Laut dan Barat Daya - Hanya Angin Bukit (putaran) yang memudahkan proses pendebungaan berlaku aktif di waktu malam.
iv. Kelawar dan lebah yang menjadi agen pendebungaan berbantu.
v. Iklim yang panas di siang hari dan sangat sejuk di waktu malam dapat membantu proses pendebungaan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Membangunkan dusun durian dengan klon terpilih seperti D24, D99 dan D197 disamping memperkenalkan *standard* Durian Kampung Premium (DKP) bagi memastikan durian kampung juga dapat dikomersialkan dengan lebih meluas.
- Menanam tanaman durian dengan varieti terbaik melalui teknologi terkini dan teknik tanaman secara moden menggunakan sistem *Internet Of Things* (IOT).
- Mengintegrasikan penggunaan sistem pengumpulan air hujan dengan menggunakan air hujan terkumpul untuk pengairan tanaman dan pembersihan kawasan ladang.
- Mengamalkan Skim Amalan Pertanian Terbaik dan persijilan MyGAP.
- Membangunkan infrastruktur pertanian secara berkala seperti jalan ladang, sistem pengairan dan saliran serta bekalan air dan elektrik.


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERTANIAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERTANIAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Ladang Rakyat Tanaman Durian, Mukim Glami Lemi (20.24 Hektar)

Rajah 5.3: Tapak Cadangan Ladang Rakyat Tanaman Buah-Buahan



PETUNJUK:

- Tanah Ladang Rakyat
- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Penternakan

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT

i. Definisi dan Konsep Pembangunan Ladang Rakyat

- **Program Ladang Rakyat** dicadangkan sebagai satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta.

- **Konsep Ladang Rakyat** melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pengusaha seperti berikut:
    - Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan tanah dan digazetkan sebagai Program Ladang Rakyat;
    - Kerajaan Persekutuan menyediakan infrastruktur asas dan pengurusan di bawah landasan MOA Inc; dan
    - Usahawan dan syarikat swasta terlibat dalam pengeluaran tanaman.

Strategi pemasaran bagi program Ladang Rakyat adalah melalui tiga (3) kaedah seperti berikut:

- Pemasaran atas inisiatif sendiri (pasaran domestik dan eksport);
- Pemasaran secara *contract farming* (FAMA, Syarikat Individu); dan
- Pemasaran melalui *anchor company*:
    - Swasta; dan
    - *Government-Linked Company* (GLC)











D2	D10	D24	D99
Kan Yau D158	Monthong D159	Tekka D160	IOI Mas Muar D168
Kepala Babi D170	Udang Merah D175	Musang King D197	Kim Hong D198
	Duri Hitam D200	Durian Kampung	

14 jenis Durian yang direkodkan di Daerah Jelebu

ii. Proses Pembangunan Ladang Rakyat

- Rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi mewartakan tanah-tanah sesuai untuk dibangunkan
- Pemilihan Tapak Ladang Rakyat
- Proses Pewartaan Tapak Ladang Rakyat oleh Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan menyediakan kemudahan infrastruktur asas bagi projek yang akan dibangunkan
- Tanah akan disewakan kepada usahawan atau syarikat swasta bagi mengusahakan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran berskala komersial

iii. Carta Alir Pengambilan Peserta Ladang Rakyat

1. Iklan penyertaan Projek Ladang Rakyat oleh Jabatan Pertanian
2. Menerima borang-borang permohonan
3. Menyemak dan membuat senarai ringkas
4. Sesi temu duga
5. Pemberian surat tawaran kepada peserta yang berjaya
6. Menandatangani surat perjanjian dan menyertai projek
7. Pemantauan dan khidmat nasihat oleh Jabatan Pertanian dan agensi teknikal yang terlibat



Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Sembilan 2020

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1C**	**CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI TANAMAN PADI**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Luas berhasil tanaman padi meliputi 187 hektar, kawasan padi yang terletak di Kampung Sungai Buloh telah mencapai 9 mt/ hektar dengan hasil pengeluaran/ kg mencapai 1.6 juta pada tahun 2019 dan berdasarkan unjuran pada 2035 hasil pengeluaran/ kg tanaman padi mencapai sebanyak 2.9 juta.
- Keperluan untuk mewartakan kawasan ini sebagai salah satu KSAS sumber makanan adalah selari dengan produktivitinya untuk menyokong sebagai jaminan bekalan makanan akan datang. Kanun Tanah Negara 1965 memberi kuasa pewartaan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat pengezonan tanah.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menjamin dan meningkatkan sumber bekalan makanan.
- Meningkatkan pendapatan petani dan ekonomi daerah.
- Menggalakkan golongan generasi muda menceburi bidang pertanian.

KOMPONEN CADANGAN:

- Mengezonkan kawasan tanaman padi sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) – Sumber Makanan dan mewartakannya. Penguatkuasaan perlindungan tanah untuk pertanian bagi mengelakkan penyusutan keluasan tanaman padi terkandung di dalam Kanun Tanah Negara 1965 yang melibatkan tukar guna/ syarat tanah (nyata & tersirat).
- Peningkatan produktiviti tanaman padi boleh dibuat melalui:
  - Pemilihan benih padi varieti berhasil tinggi, tahan kemarau, tahan banjir, tahan serangan penyakit dan perosak dan sah berdaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Berdasarkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2021, terdapat dua jenis penemuan varieti padi bahru iaitu Seri Waja (MR315) dan Kembang Sari (MRQ104) yang bersifat lebih daya tahan serangan penyakit seperti hawar daun bakteria, hawar seludang, benah perang dan penyakit merah virus serta sesuai dengan keadaan tanah dan cuaca di negara ini.
  - Menggunakan baja organik dan racun serengga bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman padi seperti:
    - *Biostriker Plus* – Meningkatkan imuniti tanaman terhadap serangan penyakit, meningkatkan kesan racun makhluk perosak, meningkatkan bilangan anak padi yang bernas, meningkatkan perkembangan akar.
    - *Bio-GS3* – Diperbuat daripada bahan organik. Dapat mengurangkan serangan tikus dan serangga.
  - Mengaplikasi pertanian pintar melalui penggunaan *IoT* bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman padi dan menjimatkan masa dan tenaga melalui:
    - Penyemburan racun dan baja menggunakan teknik *ultra low volume (ULV)*
    - Teknologi Algoritma Model bagi Peta Rawatan Penaburan Benih dan Nutrien
  - Memperkukuh sistem pengairan dan penyaluran air untuk pemerkasaan kawasan padi.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERTANIAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERTANIAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**RFN4**
FASA PELAKSANAAN	**SEGERA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**




KELUASAN
187 HEKTAR
Varieti Semasa:
MR297

Hasil Pengeluaran/ kg
1.6 juta

2035
Hasil Pengeluaran/ kg
2.9 juta

RFN 4 – Mengekalkan 10 jelapang padi dengan keluasan 284,047 hektar (tidak termasuk di Sabah & Sarawak) dan juga kawasan luar jelapang padi (415,933 hektar) bagi menampung keperluan beras penduduk Semenanjung Malaysia sehingga tahun 2040


Kawasan Sawah Padi Kg Sungai Buloh merupakan salah satu kawasan luar jelapang padi di dalam RFN4



INFO:	LOKASI & KELUASAN:
	• Mukim Triang Ilir, Kampung Sungai Buloh (187.00 Hektar)

Rajah 5.4: Tanaman Padi Daerah Jelebu

Kawasan Sawah Padi Kampung Sungai Buloh



PETUNJUK:

- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Penternakan

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

A. CONTOH PENGGUNAAN *INTERNET OF THINGS* (IOT) MELALUI TEKNOLOGI PERTANIAN PADI PELAKSANAAN DRON BAGI TANAMAN PADI

i. Penyemburan racun dan baja menggunakan teknik *ultra low volume (ULV)*

- Penyemburan halus secara kabus memudahkan penyerapan cairan ke dalam tanaman.
- Ketika proses semburan dilakukan, tekanan kipas dron akan menghasilkan aliran angin ke bawah dan membuka pokok padi supaya racun sampai ke pangkal tumbuhan.
- Dron berupaya mengesan koordinat lokasi penyemburan dalam sawah secara tepat kerana dilengkapi sistem pengesanan global (GPS).
- Jika bateri lemah semasa penyemburan, dron akan dibawa semula kepada pengendali untuk menukar bateri dan apabila ia diterbangkan, ia akan kembali ke lokasi terakhir penyemburan untuk kembali bermula di situ.
- Setiap relung atau 0.35 hektar sawah hanya mengambil masa kira-kira 10 minit untuk menyembur racun berbanding manusia yang mengambil masa sejam atau lebih.
- Dron tidak dapat diterbangkan dalam cuaca hujan atau angin kuat. Prosedur operasi *standard* (SOP) seperti memakai topeng muka dan sarung tangan perlu dipatuhi.






Penyemburan racun dan baja menggunakan teknik *ultra low volume (ULV)*

BENCHMARKING :

- Dron digunakan untuk menyembur racun dan baja cecair di sawah untuk menghapuskan penyakit pada padi serta serangan serangga dan ulat padi di Bendang Jelor, Pasir Puteh.
- Perkhidmatan dron digunakan bagi melancarkan kerjanya di sawah seluas 20 hektar di Kampung Kubang Pisang dan Kampung Bukit Sekecong, Pendang.

ii. Teknologi Algoritma Model bagi Peta Rawatan Penaburan Benih dan Nutrien

- Teknologi Pertanian Padi Tepat yang memanfaatkan sepenuhnya penggunaan *Internet of Thing* (IOT), diyakini mampu merancakkan pengeluaran hasil padi.
- Konsep pertanian tepat dalam pengurusan tanaman yang diusahakan, dibuat berpaksikan data membabitkan rantaian pengeluaran tanaman. Bermula daripada proses penyediaan tanah sebagai tapak sehingga penuaian hasil, sistem penderiaan digunakan bagi mengumpul maklumat seperti status nutrien dalam pokok dan tanah, cuaca persekitaran dan keadaan air akan direkodkan.
- Pertanian tepat membolehkan input seperti baja dan benih diberikan pada kadar betul, pada tempoh betul dan masa yang betul. Contohnya data ketinggian tanah boleh menghasilkan peta rawatan penaburan benih dan data nutrien dalam pokok. Teknologi ini terdiri daripada traktor, aplikasi boleh ubah, sistem kawalan sistem kedudukan sejagat (GPS) dan komputer ladang.
- Peta rawatan yang dihasilkan melalui perisian menggunakan algoritma model GAI yang diprogramkan dalam perisian pengiraan baja MARDI akan dimasukkan ke dalam komputer ladang dan seterusnya penaburan baja menggunakan mesin akan dilakukan secara automatik.
- Kelebihan sistem ini, pesawah akan mendapati perataan tanah yang berkesan dan taburan benih menggunakan mesin secara kadar boleh ubah bagi memastikan pokok padi ditanam dengan baik serta seragam.
- Walaupun teknologi ini membabitkan kos yang tinggi, ia dapat menjimatkan penggunaan baja sebanyak 15 hingga 25 peratus sehektar melalui penggunaan sistem pembajaan secara kadar boleh ubah termasuk mengurangkan kebergantungan tenaga buruh sebanyak 50 peratus bagi aktiviti menabur benih dan membaja.



Teknologi algoritma model bagi peta rawatan penaburan benih dan nutrien



Teknologi algoritma model bagi peta rawatan penaburan benih dan nutrien

BENCHMARKING:

- Kerjanya di sawah seluas 20 hektar di Kampung Kubang Pisang dan Kampung Bukit Sekecong, Pendang.
- Projek ini di FELCRA Seberang Perak, Perak dan Sungai Limau Dalam di Yan, Kedah. Hasilnya, ia mengurangkan kos dan mengoptimumkan hasil padi.

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1D**	**CADANGAN PROJEK LADANG INKUBATOR DAN TAPAK VARIETI TANAMAN**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan projek ladang inkubator ini merupakan satu program yang memberi latihan kepada belia tani, bertujuan untuk membimbing dan memberi pengalaman secara *hands-on* berkenaan ilmu pertanian di ladang.
- Peserta mendapat bimbingan dan pengalaman secara *hands-on* di ladang. Peserta menjadi usahawan tani yang berkeyakinan, berkemahiran dan berdaya saing.
- Cadangan ini menjadi ladang sebagai latihan dari awal proses penanaman sehingga pemasaran produk.
- Meliputi pelbagai bidang tanaman seperti buah-buahan, tanaman industri (tebu, kelapa dan cendawan), tanaman herba, sayuran daun dan buah, umbisi dan rebong, ternakan kelulut dan industri bunga-bungaan dan landskap.
- Melalui Program Inkubator ini, peserta program akan melalui satu tempoh *incubation* untuk memperoleh kemahiran teknikal, kemahiran keusahawanan dan membangunkan rangkaian dan kontak perniagaan di kalangan usahawan. Setelah melalui tempoh *incubation* tersebut, peserta program akan ditempatkan di Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), iaitu kawasan kekal yang dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sebagai zon pengeluaran taman kekal. Para peserta TKPM akan dibekalkan pembangunan infrastruktur ladang dan lot-lot tanah disewakan kepada usahawan tani.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memberikan keutamaan kepada pegawai-pegawai baru dalam perkhidmatan pertanian, institut latihan pertanian, kolej, IPT awam dan swasta serta syarikat-syarikat berasaskan pertanian yang memerlukan tempat untuk dijalankan kajian dalam bidang pertanian.
- Petani dan peserta berpeluang untuk mendapatkan pengetahuan melalui pemindahan teknologi tinggi dari Jabatan Pertanian melalui kursus-kursus yang akan di jalankan seperti Kursus Pemanduan Traktor, Kursus Asas Jentera Kecil, Kursus Fertigasi dan lain-lain kursus.
- Memberikan peluang pekerjaan kepada usahawan-usahawan yang menjadi peserta melalui pemungut hasil tanaman, pembekalan baja organik dan pekerjaan pembinaan.
- Mewujudkan industri hiliran (industri makanan) dengan kepelbagaian hasil daripada bidang tanaman dan ternakan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan sebagainya.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERTANIAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERTANIAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**JAB. PERTANIAN**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**

KURSUS YANG DIJALANKAN



- Kursus Pemanduan Traktor



- Kursus Fertigasi




- Kursus Asas Jentera Kecil

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Tanah kerajaan (PW 5622) di Mukim Glami Lemi (20.21 Hektar)

Rajah 5.5: Cadangan Pelan Konsep Ladang Inkubator dan Tapak Varieti Tanaman Daerah Jelebu




Cadangan Ladang Inkubator dan Tapak Varieti Tanaman

PETUNJUK:

Cadangan Ladang Inkubator dan Tapak Varieti Tanaman

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Jalanraya
- Sungai



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

KOMPONEN CADANGAN

- Melalui program tersebut, peserta program akan melalui satu tempoh *incubation* selama 8 bulan untuk memperoleh kemahiran teknikal, kemahiran keusahawanan dan membangunkan rangkaian serta kontrak perniagaan dalam kalangan usahawan.
- Latihan ini merangkumi pelbagai aktiviti dan modul termasuklah agronomi, mekanisasi ladang, pengurusan projek, perekodan data ladang, pelan perniagaan, pemasaran, keusahawanan dan kemahiran komunikasi serta *team building*. Keseluruhan idea program ini bertujuan bagi membantu para peserta menggunakan kemahiran teknikal dan *personal* yang diperolehi sebagai usahawan.
- Kaedah latihan untuk program ini adalah latihan secara *hands-on* di mana para peserta akan menghabiskan 80% masa mereka di ladang dan projek tersebut dipantau oleh penyelia. Melalui latihan secara praktikal ini akan menjadi lebih efektif untuk para peserta apabila diberikan tugas. Manakala masa selebihnya para peserta akan menghadiri kelas teori melalui kuliah, perbincangan kumpulan dan bengkel.
- Setelah melalui tempoh *incubation* tersebut, peserta program akan ditempatkan di Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), iaitu kawasan kekal yang dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sebagai zon pengeluaran taman kekal.
- Para peserta TKPM akan dibekalkan pembangunan infrastruktur ladang dan lot-lot tanah disewakan kepada usahawan tani. Bilangan belia tani yang akan dilatih adalah bergantung kepada jumlah bajet tahunan dan kekosongan tempat di TKPM. Sekiranya para peserta tidak memperoleh kawasan di TKPM sedia ada, para peserta akan diminta untuk mencari tanah pertanian yang sesuai dibangunkan dengan projek pertanian.

Mekanisma Pembangunan Ladang Inkubator Sungai Muntoh

- Penandaan sempadan, penyediaan infrastruktur (pembersihan kawasan/ pembinaan jalan ladang, perparitan) dan sistem pengairan akan disediakan oleh jabatan dengan peruntukan Kerajaan Negeri.
- Kawasan tanaman akan dibahagikan kepada beberapa petak (lot) untuk diusahakan dengan dengan varieti tanaman dan ternakan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan ikan sangkar, itik dan sebagainya.
- Lot-lot ini akan diberi usaha kepada peserta-peserta *incubator* yang layak dan melepasi temuduga yang akan dijalankan.
- Peserta akan membuat tanaman masa singkat yang cepat memberikan hasil seperti Nenas, Tebu dan Pisang. Dalam masa yang sama peserta perlu menanam pokok kekal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian mengikut kesesuaian tanah lot berkenaan.
- Peserta akan membayar sewa pajak kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan hasil tanaman masa singkat adalah kepunyaan peserta secara mutlak.
- Jabatan Perikanan akan menguruskan peserta di bawah Jabatan Perikanan dengan terma yang sama.
- Pengurusan lot akan sepenuhnya oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan.
- Khidmat Teknikal akan dipelopori oleh MARDI, LPP, FAMA, Perikanan, Veterinar dan Agro Bank sebagai penasihat teknikal kewangan.

Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Sembilan 2021

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1E**	**CADANGAN MEMBANGUNKAN SEMULA TANAH-TANAH PERTANIAN TERBIAR**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Tanah-tanah pertanian terbiar yang telah dikenalpasti di sekitar Daerah Jelebu perlu diberi perhatian khusus. Sekiranya didapati berpotensi (atau tidak dizonkan untuk ditukarguna kepada tanah perbandaran), kawasan-kawasan ini harus dibangunkan untuk aktiviti pertanian yang bersesuaian dan berdaya maju. Justeru itu, kajian terperinci perlu dijalankan untuk mengenalpasti kesesuaian tanah tanaman, jenis perusahaan dan daya maju ekonomi projek.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Cadangan ini adalah bertujuan untuk membangunkan tanah terbiar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan memandangkan tanah baharu bagi tujuan pertanian kini adalah terhad.
- Membangunkan tanah pertanian terbiar diusahakan secara koperasi, usahasama pemaju swasta atau secara pajakan/ sewaan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Projek Pembangunan Tanah Terbiar melibatkan:

i. Pembangunan Melalui Usahawan Yang Berminat Mengusahakan Tanah Terbiar

- **PENGENALPASTIAN PEMILIK TANAH** – Berdasarkan maklumat nombor lot dan keluasan tanah terbiar yang dipaparkan di laman web, usahawan yang berminat untuk membangunkan tanah terbiar dengan projek pertanian boleh membuat carian rasmi di Pejabat Tanah bagi mengenalpasti pemiliknya. Kesediaan pemilik tanah untuk memberi kebenaran membangunkan tanah terbiar adalah tertakluk kepada rundingan yang dijalankan di antara usahawan dengan pemilik tanah.
- **POTENSI TANAMAN** - Bagi mendapatkan maklumat kesesuaian tanaman bagi tanah terbiar yang ingin dimajukan, pemilik tanah/ usahawan boleh mendapatkan Khidmat Penyiasatan Tanah daripada Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian. Perkhidmatan ini dikenakan bayaran di bawah 'Akta Fi tahun 1951 (pindaan 1995)'
- **Jabatan Pertanian menawarkan khidmat nasihat teknikal dan insentif** dengan kadar maksimum berjumlah RM20,000/ hektar* secara *one-off* seperti berikut:

✓ Pembangunan infrastruktur asas seperti pembersihan kawasan, sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang; dan
✓ Bantuan input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERTANIAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERTANIAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**RENDAH**	**SUMBER CADANGAN**	**JABATAN PERTANIAN**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**

DEFINISI TANAH TERBIAR

Tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut.

Sumber : Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

2019
795.82 hektar Tanah Terbiar


567 lot tanah



INFO:	LOKASI & KELUASAN:
	• Keseluruhan Tanah Terbiar (795.82 Hektar)

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 5.6: Taburan Tanah Terbiar Daerah Jelebu



BIL	KELUASAN TANAH TERBIAR (HE)	%	JENIS KELAS TANAH	JENIS KESESUAIAN TANAMAN
1	22.363	2.81	2 GNT	Bacang, durian, kelapa sawit, pinang, asam gelugur, koko, avokado, getah, bidara, belimbing manis, abaka, pisang, gajus, kopi, teh (tanah rendah) cengkih, betik, limau, tebu, lada hitam, rumput *folder*, pastura.
2	31.754	3.99	2 n (G)	Bacang, durian, kelapa sawit, pinang, asam gelugur, koko, avokado, getah, bidara, belimbing manis, abaka, pisang, gajus, kopi, teh (tanah rendah) cengkih, betik, tembakau, limau, halia, tebu, lada hitam, nenas, kacang tanah, sayur-sayuran, rumput *folder*, pastura.
3	**197.538**	**24.82**	2 n T	Bacang, durian, kelapa sawit, pinang, asam gelugur, koko, avokado, getah, bidara, belimbing manis, abaka, pisang, gajus, kopi, teh (tanah rendah) cengkih, betik, tembakau, limau, halia, tebu, lada hitam, nenas, kacang tanah, sayur-sayuran, rumput *folder*, pastura.
4	10.838	1.36	4 GT	Kelapa, kelapa sawit, pinang, asam gelugor, koko, bidara, belimbing manis, gajus, kopi, teh (tanah rendah), limau, lada hitam.
5	**513.427**	**64.52**	**STP**	**Kawasan tinggi (tiada tanaman sesuai yang disyorkan)**
6	13.341	1.68	*EX MINING*	Kawasan lombong
7	6.559	0.82	*URBAN*	Kawasan bandar

ii. Kaedah Pelaksanaan Remisyen oleh Jabatan Pertanian Bagi Program Pembangunan Tanah Terbiar di Negeri Sembilan

01 TUJUAN

Kaedah pelaksanaan Remisyen Cukai Tanah adalah bagi memberi pelepasan cukai tanah semasa kepada pemilik tanah terbiar bagi kategori pertanian (Tanaman Makanan).

02 KUMPULAN SASAR

Kumpulan sasar bagi program ini adalam pemilik tanah yang mempunyai tanah terbiar yang tidak diusahakan melebihi 3 tahun di Negeri Sembilan.

03 SYARAT – SYARAT KELAYAKAN

Pemohon yang memohon di bawah Program Remisyen Cukai Tanah perlu memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia
- Anak Negeri Sembilan atau;
- Menetap di Negeri Sembilan
- Pemohonan untuk kawasan tanah yang telah terbiar melebihi 3 tahun ke atas.
- Untuk pembangunan projek tanaman makanan.
- Untuk pembangunan tanah terbiar di dalam Negeri Sembilan sahaja.

04 JENIS PRODUK

Antara projek pertanian yang dibenarkan dibawah program ini adalah seperti berikut:-

- Projek Sayuran – Sayuran secara konvensional dan projek berteknologi tinggi.
- Projek Buah – Buahan secara konvesional dan projek berteknologi tinggi.
- Projek Industri Berpotensi – Tanaman tebu, herba dan rempah ratus.
- Padi.

05 JENIS PRODUK

- Kadar had maksimun Remisyen Cukai Tanah ini adalah sehingga 5 Hektar/ RM 300 sahaja.
- Permohonan Remisyen Cukai Tanah dikecualikan denda lewat bayar cukai tanah untuk tahun semasa sahaja dan mengikut kepada kadar maksimun remisyen yang akan diberi.
- Semua senarai permohonan yang telah diluluskan akan dikemaskini dalam pangkalan data Pejabat Tanah Dan Galian (PTG)
- Kelulusan di Peringkat PTG adalah bergantung kepada kriteria syarat nyata tanah tersebut.






Projek Pembangunan Tanah Terbiar oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan



STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1F**	**CADANGAN MEMPERKASAKAN AKTIVITI TERNAKAN RUMINAN**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Aktiviti penternakan ruminan seperti kambing/ bebiri dan lembu adalah digalakkan menerusi sistem integrasi dan sistem *fidlot*. Pada masa kini, sistem *fidlot* hanya dibangunkan di tiga tapak iaitu di Ladang Satelit Nasional Kampung Kuala Jerang, Pusat Ternakan Gedung Makanan Negara (GMN), Felda Titi dan Pusat Pembiakan Kambing Kuala Pah, Glami Lemi.
- Projek Integrasi Ternakan Ruminan dengan tanaman kelapa sawit melalui kaedah ragutan terkawal merupakan satu bidang usaha berinput rendah (*low input*). Terdapat tiga sumber sedia ada daripada ladang kelapa sawit yang boleh digemblengkan untuk ternakan lembu secara integrasi iaitu:
  - Dengan meragut rumpai seperti rumpai *asystasia* dan *paspalum* secara integrasi di ladang kelapa sawit.
  - Menggunakan pelepah kelapa sawit (PKS) sebagai makanan ternak berserabut dan;
  - Menggunakan hampas isirung sawit (PKC) sebagai makanan konsentrat.
- Kawasan cadangan adalah kawasan ladang kelapa sawit milik FELDA, FELCRA dan ladang persendirian. Merujuk kajian lapangan terdapat 29 senarai estet yang berlesen dengan MPOB di Daerah Jelebu sehingga 2019 yang boleh menyertai projek integrasi ini.





Aktiviti Integrasi Melalui kaedah ragutan terkawal menggunakan pagar elektrik solar @ bateri kenderaan

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menjamin dan meningkatkan sumber bekalan makanan.
- Menyokong pembangunan industri hiliran berasaskan ternakan seperti produk tenusu dan makanan sejuk beku.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERKHIDMATAN VETERINAR**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERKHIDMATAN VETERINAR**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**JAB. PERKHIDMATAN VETERINAR DAN KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH PIHAK SWASTA**

KOMPONEN CADANGAN:

Cadangan memperkasakan aktiviti ternakan ruminan adalah melalui:

- Pelaksanaan Projek Integrasi Ternakan dengan Ladang kelapa Sawit.
  - ❖ Ciri-Ciri Kesesuaian Ladang:
    - Sebagai panduan asas, tanaman sawit berumur tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak melebihi 15 tahun.
    - Tiada ternakan ruminan lain yang berkeliaran berhampiran atau dalam kawasan sawit yang hendak digunapakai untuk projek.
    - Kawasan di bawah sawit mempunyai rumpai (makanan lembu) yang mencukupi.
    - Kawasan berbukit-bukau dan kecerunan melebihi 450 tidak digalakkan, kecuali yang berteres.
    - Sebahagian besar kawasan tidak mudah ditenggelami air terutamanya pada musim tengkujuh.
    - Kawasan projek tidak dikategori sebagai tanah gambut.
    - Tidak bersempadan dengan hutan simpan dimana diketahui terdapatnya binatang buas seperti harimau.
  - ❖ Ladang yang akan menjalankan projek mestilah mempunyai kemudahan infrastruktur seperti berikut:
    - Kandang Tetap dan Kandang Mudah Alih.
    - Peralatan Pagar Elektrik Lengkap.
    - Motortrailer.
    - Karavan *(trailer* untuk rumah pengembala).
    - Bekas air minuman mudah alih.
  - Melaksanakan Sistem *Fodder Solutions sebagai* alternatif bagi penyelesaian masalah sumber makanan ternakan (konsentrat dan rumput) yang berkualiti tinggi dan menjimatkan kos operasi ladang ternakan.
    - ❖ Sistem ini merupakan penanaman tanaman makanan ternakan menerusi sistem hidroponik tertutup di mana hasil dapat dituai dalam masa 6 ke 8 hari.
    - ❖ membolehkan penternak mengeluarkan makanan ternakan yang segar dan bersih pada sepanjang tahun.
    - ❖ Kelebihan *fodder solutions* adalah tidak memerlukan tanah/ kawasan yang luas, tiada proses pembersihan kawasan, penyediaan tapak dan sistem pengairan yang memerlukan kos tinggi, penjimatan kos penyediaan makanan ternakan.
    - ❖ Sistem ini berupaya mengatasi isu bekala makanan ternakan dan kawasan ragut yang terhad. Penduduk tempatan berpeluang untuk menjana pendapatan dan peluang pekerjaan melalui sistem ini.
- Mengkaji dan mengenalpasti kebolehlaksanaan pembentukan koperasi di kalangan penternak berskala kecil secara khususnya supaya senario penternakan semasa dapat diperbaiki dan diusahakan secara komersial dan berdaya maju pada masa akan datang.
- Menggunakan *Effective Microorganism* (EM) dalam sistem pengurusan kandang ternakan untuk mengurangkan isu bau dan pembiakan lalat di kawasan kandang.
- Mengikut amalan penternakan yang baik atau "*Good Animal Husbandry Practices* (GAHP)" untuk menghasilkan ternakan yang sihat.
- Mengaplikasikan penggunaan *Internet Of Things* (IOT) melalui teknologi penternakan melalui:
  - ❖ Penggunaan Teknologi LoRa (*Long Range*) bagi memantau kecergasan dan kesihatan ternakan.
  - ❖ Penggunaan Teknologi (*Radio-Frequency Identification* (RFID)).





Antara Kemudahan Infrastruktur yang perlu disediakan bagi Projek Integrasi Ternakan dalam Ladang Kelapa Sawit





Penghasilan Makanan melalui Sistem Fodder Solution

A. CONTOH PENGGUNAAN *INTERNET OF THINGS* (IOT) MELALUI TEKNOLOGI PENTERNAKAN

i. Penggunaan Teknologi LoRa (*Long Range*) bagi Memantau Kecergasan dan Kesihatan Ternakan


- Dron dilengkapi teknologi tanpa wayar (LoRa) untuk mengumpul data daripada penderia (*sensor*) yang dipasang pada haiwan dan beberapa sumber air sekitar kawasan ladang sejauh 20km.
- *Sensor* yang dipasang pada haiwan dan sumber air tersebut akan dipancarkan kepada teknologi tanpa wayar yang terdapat pada dron dan dron akan menghantar data kepada peladang melalui web yang boleh dicapai melalui pelbagai peranti pintar.
- Peladang boleh mendapatkan maklum balas lebih cepat mengenai keadaan haiwan ternakan jika berlaku kecederaan atau sakit melalui penderia yang dipasang di leher haiwan tersebut.
- Peladang juga boleh mengetahui tahap kualiti air yang dibekalkan kepada haiwan ternakan, seterusnya mampu mengelakkan daripada air yang tercemar diminum oleh haiwan ternakan.
- Penderia yang dipasang pada haiwan terdiri daripada GPS dan *accelerometer*.
- Dengan GPS dan *accelerometer* dipasang pada lembu, ia boleh beritahu lokasi lembu tersebut dan *accelerometer* akan beritahu tahap kecergasan lembu tersebut.



Teknologi LoRa yang telah digunakan oleh UKM Bangi dan penternak di Vietnam

ii. Penggunaan Teknologi RFID

- *Radio Frequency Identification* (RFID) ialah teknologi yang membolehkan pengenalpastian sesuatu objek berlaku dengan mudah menggunakan signal radio.
- Asas kepada sistem RFID merangkumi:
  - Label atau tag RFID.
  - Penerima rfid (antena).
  - Sistem untuk memproses data RFID.
- Di bahagian telinga setiap ternakan akan dipasangkan tag RFID.
- Apabila ternakan masuk ke *milking station*, tag RFID akan dikesan menggunakan *long range RFID reader* dan merekodkan data keluar masuk ternakan ke *milking station* bagi memantau rekod kekerapan ternakan memerah susu.
- Selepas ternakan meninggalkan *milking station*, ia akan melalui *weighing station*.
- *Weighing station* dilengkapi *floor scale* dan *microprocessor* yang akan merekodkan data berat lembu.
- Selepas setiap sesi *milking* dan *weighing*, data berkaitan jangka masa lembu berada dalam *milking station*, jumlah susu dihasilkan dan berat semasa akan dihantar ke pengkalan data.



Penggunaan Teknologi RFID bagi ternakan lembu tenusu telah digunakan secara meluas di DM Greonelo, Belanda

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1G**	**CADANGAN KAWALAN LADANG TERNAKAN AYAM MELALUI PEMATUHAN GARIS PANDUAN DAN MESRA ALAM**

DESKRIPSI CADANGAN:

Aktiviti penternakan ayam secara komersial yang dijalankan di Daerah Jelebu mesti diusahakan secara mesra alam dengan menggunakan **Sistem Reban Tertutup.** Oleh itu, semua reban ayam sedia ada yang beroperasi secara sistem terbuka harus dinaiktaraf kepada sistem tertutup. Manakala penggunaan sistem tertutup adalah diwajibkan untuk pembangunan tapak reban baru dalam tempoh pelaksanaan RT Daerah Jelebu 2035 .

2019
22 Pengusaha Ternakan Ayam

15 Pengusaha
Sistem Reban Terbuka
7 Pengusaha
Sistem Reban Tertutup



JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mewujudkan persekitaran yang mesra alam dan mesra komuniti setempat.
- Meningkatkan produktiviti penternakan ayam melalui sistem reban tertutup yang berupaya mengatasi isu pencemaran air, bau dan lalat
- Menyokong pembangunan industri hiliran ternakan.

KOMPONEN CADANGAN:


- Kawalan ladang ternakan ayam merangkumi tindakan berikut:
  - Bagi ladang-ladang ayam yang telah sedia ada dan masih tidak mempunyai kebenaran merancang (KM), kelonggaran yang dicadangkan merujuk kepada Akta 172, perenggan 19 (2) (g), yang mana terdapat kelonggaran dalam proses mendapatkan KM dengan hanya diberi Kebenaran Bersyarat (KB) sahaja berbanding KM.
  - KB ini hanya berkuatkuasa selama 3 hingga 5 tahun sahaja. Sekiranya penternak perlu memohon pembaharuan KB, maka permohonan pembaharuan perlulah dikemukakan kepada PBT sebelum tempoh KB semasa tamat.
  - Lesen menternak boleh dikeluarkan kepada penternak mengikut syarat-syarat Jabatan Perkhidmatan Veterinar setelah keputusan KB diberikan Majlis Daerah Jelebu.
  - Penternakan ayam dibenarkan beroperasi dengan zon penampan 500 meter dari kawasan penempatan. Sekiranya terdapat aduan penduduk dari kawasan sekitar di dalam zon penampan 500 meter, ladang ternakan diarahkan untuk tutup.
- Meningkatkan kaedah pengurusan ladang ternakan ayam:
  - Penggunaan *auto feeder* dilengkapi bersama teknologi pengudaraan menerusi kipas untuk menyedut bau menggunakan sistem penyejuk khas
  - Menyediakan kolam rawatan sisa buangan ladang
  - Menggunakan *Effective Microorganism* (EM) dalam sistem pengurusan reban ternakan untuk mengurangkan isu bau dan pembiakan lalat di kawasan ladang.
  - Membangunkan/ menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur pertanian secara berkala seperti jalan ladang, sistem saliran dan pengairan.
  - Mewajibkan penggunaan kaedah yang lebih mesra alam dengan menukar bentuk ladang daripada terbuka kepada sistem tertutup.
  - Mengamalkan Amalan Penternakan yang Baik (GAHP) dan Pensijilan MyGAP.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERKHIDMATAN VETERINAR**
KATEGORI CADANGAN	**GARIS PANDUAN**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERKHIDMATAN VETERINAR**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**



Rajah 5.7: Lokasi Ternakan Ayam Komersial Daerah Jelebu



PETUNJUK:

- Padi
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Penternakan

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**


- Mukim Peradong: Lot 1415
- Mukim Glami Lemi: Lot 1465 & 1471, Sg. Rotan 1, Titi
- Mukim Ulu Triang: Lot 2390, Lot 1925, Lot 1296 Sg. Muntoh
- Mukim Pertang: Lot 1449, 1031, 1619, 1461, 1548, 2600, 201
- Mukim Triang Ilir: Lot 2002, 319, 1710, 1711, 2342, 2343

PELAN LOKASI




CONTOH PENGGUNAAN SISTEM REBAN TERTUTUP BAGI TERNAKAN AYAM


i. Reban Setingkat Berlantai Sarap



ii. Reban Bertingkat Berlantai Sarap



iii. Reban Tertutup Berlantai Atas



1. REBAN TERTUTUP

- Reban yang keseluruhan bahagiannya bertutup rapat kecuali di bahagian untuk udara keluar masuk
- Pengudaraan dalam reban dikawal.
- Menyediakan persekitaran dalam reban yang selesa kepada ayam dengan cara mengawal pengudaraannya.
- Produktiviti ayam dioptimumkan dalam persekitaran yang selesa.

2. KEBAIKAN REBAN TERTUTUP

- Pengudaraan dalam reban boleh dikawal.
- Suhu rendah dari suhu di luar.
- Persekitaran dalam reban selesa kepada ayam.
- Perubahan suhu minimum dan maksimum dalam reban lebih kurang 4°C (24-28°C) berbanding sehingga 10°C (25->35°C) bagi reban terbuka.
- Ayam kurang mengalami tekanan gangguan dari faktor luar minimum.
- Burung liar dan tikus yang boleh menjadi pembawa penyakit dapat dikawal dari memasuki reban dengan lebih baik. Lebih banyak ayam boleh dipelihara kerana keperluan luas ruang lantai bagi setiap ekor ayam boleh dikurangkan sepertiga berbanding menggunakan reban terbuka.
- Najis kering, mengurangkan gangguan bau tidak enak, busuk dan lalat kepada persekitaran.
- Kos pengeluaran lebih cekap kerana:
    - Pengambilan makanan dan penukaran kepada daging yang optimum.
    - Lebih banyak ayam boleh dipelihara pada saiz reban yang sama.
    - Kos ubat dapat dikurangkan kerana kawalan penyakit yang lebih baik.
    - Kos penggunaan *antistress* kurang kerana persekitaran yang selesa.
    - Kadar kematian dan kecederaan ke atas ayam kurang.

3. KOMPONEN REBAN TERTUTUP

i. Komponen Utama

- Bangunan reban - bangunan tertutup rapat dengan lubang udara masuk dan keluar
- Sistem pengudaraan
    - Kipas ekzos yang mengawal pengudaraan dalam reban membantu penukaran udara serta menyedut udara keluar dan masuk reban. Kelajuan angin melalui reban yang digerakkan oleh kipas memberi kesan dingin (*windchill effect*) kepada ayam
    - Penyejuk udara bagi menambah dingin suhu dalam reban
- Bekalan elektrik jenis *three phase*
- *Standby generator*

ii. Komponen Sokongan

- Pengesan Suhu dan Lembapan
- Kelengkapan Sistem Amaran
- Peralatan Makanan
- Peralatan Minuman
- Lampu
- *Set Drug/ Vaccine Dispencer*
- Panel Sistem Kawalan Automatik



Penggunaan sistem reban tertutup yang menggunakan kipas akan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan tumbesaran ternakan, serta mengatasi isu bau

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1H**	**CADANGAN TERNAKAN IKAN *JADE PERCH* SECARA KOMERSIAL**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Selaras dengan usaha untuk mengukuh dan mempertingkatkan lagi pembangunan aktiviti akuakultur daerah, dicadangkan supaya sebuah pusat ternakan ikan *Jade Perch* diadakan di Jelondong di Mukim Gelami Lemi Daerah Jelebu.
- Ikan *Jade Perch* atau *Scortum barcoo* atau juga dikenali sebagai Puyu Kukum merupakan salah satu ternakan yang sesuai digabungkan dalam Sistem Akuaponik. Ikan air tawar ini berasal dari Australia.
- Kajian kesesuaian tapak pembangunan ke atas kawasan-kawasan ini dari segi parameter sumber air dan kualiti tanah adalah perlu dijalankan untuk mengurangkan risiko kegagalan projek dan seterusnya menjayakan usaha perluasan kawasan perusahaan akuakultur ini.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menyokong pembangunan aktiviti penternakan ikan *Jade Perch* dengan mengeluarkan dan membekalkan sumber ikan yang berterusan kepada pengguna.
- Meningkatkan ekonomi daerah sebagai pembekal benih ikan *Jade Perch* kepada penternak dalam dan luar daerah.
- Menyokong pembangunan industri hiliran ternakan melalui makanan sejuk beku.

KOMPONEN CADANGAN:

- Pembangunan tapak kolam baru harus dipohon dan mendapatkan kebenaran pemajuan/ lesen pengoperasian daripada Majlis Daerah Jelebu, Pejabat Perikanan dan Pejabat Tanah Jelebu.
- Menjalankan kajian terperinci serta kawasan penternakan lain yang bersesuaian, khususnya dari segi parameter kualiti air dan jenis tanah, isu dan potensi tapak.
- Membangunkan kolam-kolam takungan untuk pembekalan air bersih dan kolam pengudaraan/ pemendapan untuk rawatan air kolam sebelum disalurkan ke aliran sungai semula jadi.
- Penyediaan kemudahan sokongan:
  - Pembenihan (seperti tangki pemeliharaan induk, tangki pembenihan, tangki asuhan).
  - Sistem sokongan hayat (seperti pengudaraan, tangki atau pam penapisan).
  - Sistem rawatan air buangan (seperti kolam pengudaraan, kolam pemendapan).
  - Sistem perparitan dan pengambilan air.
  - Lain-lain infrastruktur pertanian berkaitan (seperti jalan ladang, bekalan elektrik dan air, telekomunikasi).
- Membangunkan produk-produk hiliran daripada hasil ikan *Jade Perch* seperti *fillet* ikan, pekasam, keropok, palet makanan dan lain-lain.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**PEJ. PERIKANAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**PEJ. PERIKANAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**PEJ. PERIKANAN**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA** (TAHUN 2031-2035)	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH SWASTA**

IKAN *JADE PERCH*



FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN IKAN *JADE PERCH*

- Lokasi tapak mempunyai sumber air yang banyak dan bersih
- Tiada aktiviti pembalakan dan pembukaan tanah di sebelah hulu sungai
- Permintaan yang tinggi dan harga yang mencecah RM40.00/ kilo
- Mengandungi Omega-3 yang tinggi.
- Setiap 100gram mengandungi 3,870mg kandungan omega3 iaitu 3 kali ganda darikan salmon.
- Mempunyai kadar tumbesaran yang cepat, daya ketahanan yang tinggi terhadap penyakit.


Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Glami Lemi, Negeri Sembilan telah berjaya menghasilkan benih spesies ikan "*Jade Perch*" atau *Scortum barcoo* yang berpotensi tinggi bagi tujuan akuakultur.

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Lot 2294 & Lot 1193, Jelondong, Titi

Rajah 5.8: Lokasi Ternakan Ikan *Jade Perch*





Ternakan ikan *Jade Perch*


PETUNJUK:

Lokasi Ternakan Ikan *Jade Perch*

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Jalanraya
- Sungai

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1I**	**CADANGAN MEMPERKUKUH AKTIVITI AKUAKULTUR MELALUI PENYERTAAN PROGRAM PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR TAWAR**

DESKRIPSI CADANGAN:

- FRI Glami Lemi, Bahagian Penyelidikan Perikanan Air Tawar melaksanakan program penyelidikan akuakultur air tawar merangkumi ikan makanan, ikan hiasan dan tumbuhan akuatik serta pemuliharaan sumber perikanan darat.
- Melalui kajian R&D yang dijalankan berkaitan dengan pembenihan asuhan dan ternakan air tawar ini, hasil daripada penyelidikan ini dapat dikongsikan dengan penduduk Daerah Jelebu melalui program-program yang dianjurkan bersama pejabat perikanan daerah dan FRI Glami Lemi bagi meningkatkan dan memperkukuhkan aktiviti akuakultur daerah.
- Terdapat sekurang-kurangnya 69 pengusaha di 42 buah kampung yang mengusahakan ternakan ikan air tawar di kawasan desa.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menambah pengetahuan dan perkongsian teknologi terkini di kalangan penduduk Jelebu dalam aktiviti ternakan akualkultur
- Mewujudkan produk ekonomi yang boleh menjana pendapatan secara berterusan serta mampu menarik penglibatan ramai penduduk.
- Menggunapakai sumberjaya sedia ada secara optimum dan berkesan bagi memperkasa ekonomi penduduk.
- Mewujudkan peluang pekerjaan warga tempatan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Mengadakan kursus/ program/ bengkel bersama pihak FRI Glami Lemi berkaitan dengan aktiviti penternakan akuakultur kepada penduduk Daerah Jelebu di samping mendapatkan khidmat teknikal dan pemindahan teknologi.
- Perkhidmatan latihan penggunaan kemudahan teknologi IR 4.0 dan teknologi pengesan dalam aktiviti penternakan akuakultur.
- Mendapatkan benih ikan talapia yang sihat, berkualiti tinggi dan cepat membesar daripada pembekal yang mempunyai reputasi.
- Mendaftarkan perusahaan bagi mendapatkan manfaat dan akses kepada pinjaman, kursus, pemasaran dan bantuan sokongan lain.
- Menjalankan perusahaan industri hiliran bagi produk perikanan seperti ikan pekasam, serunding dan ikan salai.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**PEJ. PERIKANAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**PEJ. PERIKANAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK** (TAHUN 2024-2030)	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**

LOKASI:

Jadual 5.1: Lokasi Bilangan Pengusaha di Setiap Kampung.

BIL.	MUKIM	KAMPUNG	BILANGAN PENGUSAHA
1	**Ulu Klawang**	Kampung Tembun	1
2		Kampung Kemin	2
3		Kampung Sg. Raya	2
4		Kampung Batu Serambai	1
5		Kampung Renal	1
6		Kampung Gedang	1
7		Kampung Ulu Kelaka	1
8		Kampung Ulu Klawang	1
9	**Kuala Klawang**	Kampung Mengkan	2
10		Kampung Ulu Jelebu	3
11	**Peradong**	Kampung Ulu Jelin	2
12		Kampung Spg. Gelami	1
13		Kampung Solok Temoi	1
14		Kampung Pergai	1
15	**Ulu Triang**	Kampung Gagu	3
16		Kampung Triang	2
17	**Glami Lemi**	Kampung Ulu Seperi	2
18		Felda Titi	3
19		Kampung Jelondong	2
20		Kampung Singkong	1
21		Kampung Purun	1
22		Sungai Muntoh	4
23		Kampung Kongkoi	2
24	**Pertang**	Kampung Petasseh Hilir	1
25		Kampung Kerangai	1
26		Pertang	1
27		Kampung Geylang	1
28		Kampung Durian Tawar	1
29		Kampung Parit Gong	3
30		Kampung Kalu	6
31		Kampung Kemalau	1
32		Kampung Geylang Ulu	2
33		Jalan Spg. Pertang	1
34	**Triang Hilir**	Kampung Bemban	1
35		Kampung Sabun, Sg. Buloh	1
36		Kampung Serdai Ulu	1
37	**Kenaboi**	Kampung Esok	3
38		Kampung Sg. Limau	1
39		Kampung Chalin	1
40		Kampung Chennah	1
41		Kampung Puom	1
42		Kampung Kenan	1
JUMLAH			**69**






Keadaan semasa kolam ternakan ikan air tawar di Kampung Chennah










Antara produk industri hiliran yang boleh dijalankan menggunakan ternakan ikan air tawar





STRATEGI **T2.1**	**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM**
CADANGAN **T2.1J**	**CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN SETEMPAT UTAMA HASIL PERTANIAN DAERAH JELEBU**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Satu **pusat pengumpulan setempat utama hasil pertanian Daerah Jelebu atau Mini TEMAN** dicadangkan di **Pekan Titi, Mukim Gelami Lemi** dianggarkan seluas **3.8 hektar (9.4 ekar).** Pusat ini merupakan pembangunan prasarana pasaran moden yang menghubungkan rangkaian pengeluar dan pembekal kepada pengguna. Ianya berperanan sebagai pusat pemborongan hasil-hasil pertanian dan industri asas tani secara cekap dan berkesan disamping menjadi pusat pengumpulan maklumat, penentu kecekapan dan keselamatan makanan serta agropelancongan.
- Pusat ini dijangka menjadi tarikan utama pengunjung di Daerah Jelebu terutamanya pada musim durian. Hasil tanaman pertanian lain seperti Nangka J33, cempedak, jambu air, nanas, serta produk industri hiliran makanan termasuk produk sejuk beku hasil ternakan dan perikanan juga turut dipasarkan di pusat pengumpulan ini. Pusat Pengumpulan ini akan menjadi:
  - *One Stop Centre* bagi urusan jual beli hasil pertanian daerah
  - Tempat pertemuan antara pengeluar dan pengguna
  - Tempat pertemuan antara pengeluar dan pemborong

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Masih tiada sebuah Pusat Pengumpulan yang mampu menghimpun petani, peraih, pemborong, pengguna dan pelancong di daerah ini.
- Bekalan hasil pertanian yang konsisten dan stabil di mana penduduk mudah untuk memperoleh keperluan makanan dan pemborong mudah untuk mendapatkan bekalan untuk pasaran.
- Kualiti dan kandungan sisa baki kimia/ racun dapat dikawal dan keselamatan makanan dapat dijamin.
- Kawalan dari harga dan pasaran hasil pengeluaran dapat dipantau
- Peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan
- Pemeriksaan dan pemberi sijil akuan keselamatan makanan seperti MyGAP, My Organic dan MESTI dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna.

KOMPONEN CADANGAN:

- Pembangunan infrastruktur Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Setempat seperti pagar, jalan, sistem perparitan, sistem pengairan dan lain-lain
- Pembinaan struktur bangunan Pusat Pengumpulan setempat merangkumi:
  - Pusat pemprosesan
  - Pusat pengumpulan hasil
  - Kedai jualan input pertanian
  - Tempat simpanan hasil pertanian
  - Pejabat pengurusan & bilik mesyuarat/ taklimat
  - Medan selera/ ruang penjaja
  - Surau & tandas
  - Tempat letak kereta/ bas/ lori
- Ladang Varieti Durian merangkumi:
  - Tapak repositori pelbagai varieti durian terpilih bagi tujuan R & D dan Pendidikan.
  - Tapak germplasma bagi penghasilan benih durian terpilih.
  - Tapak arboretum bagi varieti durian kampung premium.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAB. PERTANIAN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAB. PERTANIAN**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**JAB. PERTANIAN**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK** (TAHUN 2024-2030)	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS OLEH AGENSI**

2019
HASIL PENGELUARAN BUAH-BUAHAN/ KG
16.642 juta

2035
HASIL PENGELUARAN BUAH-BUAHAN/ KG
20.899 juta

PUSAT INI DIJANGKA MEMBERI MANFAAT KEPADA:





Contoh keadaan pusat jualan hasil pertanian segar yang dijual di ruang terbuka di *Gundalik Square, Dubrovnik, Crotia*




Lemang dan Bahulu Bakar Pijoy

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- BP4-Glami Lemi Bersebelahan Lot 2094 (3.80 hektar)

Rajah 5.9: Cadangan Pusat Pengumpulan Setempat Utama Hasil Pertanian Daerah Jelebu




PETUNJUK:

Cadangan Pusat Pengumpulan Setempat Hasil Utama Pertanian

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Pertanian Selain Padi
- Akuakultur
- Jalanraya
- Sungai

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

PEMILIHAN TAPAK CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN SETEMPAT UTAMA HASIL PERTANIAN UTAMA DI TITI

- Berada di tengah Kawasan tanaman dan penghasilan durian yang besar iaitu Mukim Kenaboi, Glami Lemi, Kuala Klawang, Ulu Triang dan Pertang. Mukim-mukim ini mempunyai kegiatan agropelancongan yang aktif.
- Berada di laluan utama yang menghubungkan Seremban/ Kuala Klawang/ Ampang/ Kuala Lumpur dan Simpang Pertang/ Kuala Pilah/ Bentong.
- Berhampiran ladang-ladang utama Pertanian seperti Kelompok Durian Premier Chalin, Estet Durian Kongkoi, Kelompok Durian Sungai Rotan, Estet Durian Sg Muntoh, TKPM Air Baning, Titi Eco Farm, Golden Valley, Ladang Nangka Sg Rotan dan lain-lain.

FUNGSI DAN RANGKAIAN PUSAT SETEMPAT UTAMA HASIL PERTANIAN



- 'One Stop Centre' bagi urusan jual beli hasil pertanian daerah.
- Tempat pertemuan antara pengeluar dan pengguna.
- Tempat pertemuan antara pengeluar dan pemborong.
- Dilengkapi dengan komponen pembangunan pusat pemprosesan, kedai jualan input pertanian, tempat simpanan hasil pertanian, pejabat pengurusan & bilik mesyuarat/ taklimat, medan selera/ ruang penjaja, surau & tandas dan tempat letak kereta/ bas/ lori


Pusat Pengumpulan Ladang Sedia ada di Kg Chennah

- Meningkatkan fungsi pusat pertumbuhan desa (PPD)/ desa muafakat sebagai pusat perkhidmatan luar bandar (Rujuk cadangan T3.6A untuk lokasi cadangan).
- Merupakan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil petani setempat. Inisiatif petani untuk memasarkan dan menjual sendiri produk mereka terus kepada pengguna di kawasan sekitarnya.
- Jabatan Pertanian memberi bantuan dari segi kemudahan sokongan seperti khemah dan penimbang digital.

FAEDAH KEPADA PENDUDUK SETEMPAT

Dia antara faedah dan impak positif yang akan diperolehi oleh penduduk setempat ialah:

- **Bekalan Hasil pertanian yang konsisten dan stabil**

  Penduduk mudah memperolehi keperluan makanan dan pemborong mudah mendapat bekalan seterusnya memasarkan ke pasaran. Selain itu, produk pertanian dapat dijamin kualitinya dan kandungan sisa baki kimia/ racun dapat dikawal bagi menjamin keselamatan makanan. Dengan adanya pusat pengumpulan yang menghimpunkan aktiviti pemasaran berpusat maka petani tidak lagi meragui pasaran hasil pengeluaran.


- **Peluang Pekerjaan/ Impak Karier**
  - Dengan adanya pusat pemasaran dan himpunan temuan peraih/ pemborong ini akan memangkin pecambahan pesat aktiviti perladangan, tanaman dan industr hiliran berasaskan tanaman di seluruh Daerah Jelebu.
  - Peluang Pekerjaan seperti '*Runner*' pengambilan hasil, pengangkutan hasil dan barang, pekerja pengredan, pramu saji di medan selera, pelukis cenderahati dan sebagai nya akan diperlukan untuk menghidupkan Pusat Pengumpulan ini.
  - Selain itu Medan selera/ Ruang Penjaja akan memberi peluang kepada penduduk yang mempunyai kepakarannya untuk bekerja di pusat pengumpulan ini.




https://www.facebook.com/Pusat-Pengumpulan-Hasil-Ladang-PPK-Kuala-Langat

Contoh Pandangan Perspektif Kompleks Pengumpulan Hasil Pertanian Kuala Langat







Pusat Pengumpulan Hasil Ladang PPK Kuala Langat komited membantu peladang dan penduduk tempatan memasarkan hasil tani

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

RSN	CADANGAN PEMBANGUNAN BIODIVERSITI UNTUK PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN
RSN	KLUSTER PELANCONGAN EKO DAN AGRO
PLB	JAJARAN EMAS EKOPELANCONGAN MELIBATKAN JAJARAN SEREMBAN – JELEBU – KENABOI
PSE	MENARIK PELABURAN TINGGI, PELANCONGAN BERMUSIM, PELANCONGAN MAMPAN, PENTADBIRAN PELANCONGAN
HLP	HAB PELANCONGAN MENGIKUT KESEDIAAN DAERAH (JELEBU – ZON EKOPELANCONGAN)


ISU UTAMA

ISU 1	AKTIVITI DAN PRODUK PELANCONGAN SEMASA PERLU DIKUKUHKAN TERUTAMANYA DARI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN BAGI MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG

POTENSI UTAMA

POT 1	TAPAK SEJARAH BUKTI PALEOLITIK YANG PERTAMA DITEMUI DI SELATAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI GUA PELANGI
POT 2	PENGUKUHAN AKTIVITI-AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DAN MEMPERKENALKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BAHARU









STRATEGI T2.2

MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK BARU

Produk dan destinasi pelancongan sedia ada di Daerah Jelebu perlu diperkukuhkan dari segenap aspek bagi menarik lebih ramai pelancong. Selain itu pengenalan produk pelancongan baharu juga dapat mengukuhkan lagi sektor pelancongan Daerah Jelebu di samping ketersediaan produk pelancongan sedia ada.

CADANGAN

T2.2A	**CADANGAN PENGUKUHAN EKOPELANCONGAN TAMAN NEGERI KENABOI**
T2.2B	**CADANGAN EKPLORASI GUA-GUA JELEBU**
T2.2C	**CADANGAN JEJAK BUDAYA DAN WARISAN JELEBU**
T2.2D	**CADANGAN HAB SUKAN LASAK KONGKOI @ PUSAT LATIHAN KEPIMPINAN UPNM**
T2.2E	**CADANGAN *JELEBU BEST FOOD SPOT* (J-BEST)**
T2.2F	**CADANGAN *JELEBU BIKE ROUTE* (JBR)**







STRATEGI **T2.2**	**MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK PELANCONGAN BAHARU**
CADANGAN **T2.2A**	**CADANGAN PENGUKUHAN EKOPELANCONGAN TAMAN NEGERI KENABOI**

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan pengukuhan Taman Negeri Kenaboi adalah berfokus kepada pembangunan produk-produk ekologi yang berasaskan sumber jaya semula jadi.
- Cadangan pengukuhan ini tidak akan melibatkan pembangunan fizikal yang akan merosakkan kualiti alam sekitar dan perubahan terhadap kawasan semula jadi.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Sebagai satu usaha untuk memelihara dan memulihara ekosistem semula jadi dengan mengintegrasikan pembangunan pelancongan yang mampan.
- Pembangunan akan menekankan perlunya mewujudkan pembangunan produk-produk ekopelancongan yang mampan dan memberi impak yang rendah terhadap alam semula jadi dengan menerapkan usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan.
- Sebagai satu usaha yang selari kearah menjadikan Daerah Jelebu sebagai Daerah Biodiversiti.

KOMPONEN CADANGAN



KOMPONEN	KETERANGAN
a. Produk	Air terjun, sungai, jeram, gunung, gua.
b. Aktiviti	Mendaki, *jungle trekking, rock climbing*, eksplorasi gua, *nature watch*, perkhemahan, beriadah, berkayak, terapi kesihatan dan lain-lain.
c. Interpretasi	Pusat interpretasi, bahan pameran.
d. Kemudahan Penginapan	Tapak perkhemahan, *glamping*, *resort*, *ecolodge*, dan lain-lain.
e. Keselamatan & Kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan yang cepat, dan keselamatan pelancong dapat dijamin sepanjang berada di Taman Alam Negeri Kenaboi.
f. Aksesibiliti	Mudah diakses oleh pelbagai mod pengangkutan, sirkulasi dalaman yang baik & kemudahan parkir. - Cadangan naik taraf sepanjang 6.40km
g. Kemudahan Asas	Tandas awam, surau, kemudahan maklumat pelancong, tempat istirehat, *outlet* makanan, *outlet* cenderahati, rangkaian telekomunikasi

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**STRATEGIK**	**AGENSI PELAKSANA**	**LPNS, SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ, LPNS**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PPP**

Cadangan Pembangunan Produk dan Aktiviti

Urban Retreat – Relax, Recharge, Revel

- Kawasan perkelahan dan perkhemahan
- *Resort*
- *Glamping*
- *Campfire*
- *Nature and wildlife watch*
- *Easy trekking*

Rekreasi dan Sukan Lasak

- *White water rafting & tubing*
- *Hiking*
- *Abseiling/ rock climbing*
- *Caving*
- *Jungle trekking*
- *Bird watching*
- *Trail marathon*
- *ATV & MTB*










Rajah 5.10: Cadangan Pengukuhan Ekopelancongan di Taman Negeri Kenaboi



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

CADANGAN T2.2Ai – Zon Pembangunan Pelancongan 1 @ *Kenaboi World Biodiversity Centre*

- Projek *Kenaboi World Biodiversity Centre* ini dicadangkan bagi mempromosikan pelancongan yang berkonsepkan mesra alam dan mampan. Projek ini merupakan projek berimpak tinggi di bawah kawasan pembangunan biodiversiti Daerah Jelebu dan pengukuhan daripada Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.
- Pembangunan pelancongan di KWBC adalah bertujuan menarik lebih ramai pelancong yang berminat khusus seperti phyto-tourist, geologist, nature lover dan lain-lain.
- Cadangan pembangunan pelancongan ini akan menyokong kepada cadangan *Kenaboi World Biodiversity Centre*.

Komponen Pembangunan

- Cadangan pembangunan KWBC :
  - Menjadi tarikan utama bagi Zon Pembangunan Pelancongan 1 terutama melibatkan komponen Wildlife Safari dan Pusat Konservasi Tumbuhan.
  - Komponen pembangunan KWBC akan diintegrasikan sebagai satu bentuk pakej pelancongan bagi Taman Negeri Kenaboi.
  - Pusat penyelidikan dan konservasi ini akan menjadi satu tarikan pelancongan yang memberikan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti kepada pelancong.

- Cadangan pusat interpretasi Taman Negeri Kenaboi merangkumi:
  - Maklumat umum mengenai Taman Alam Negeri Kenaboi, *Geopark* Jelebu & KWBC.
  - Maklumat produk dan aktiviti pelancongan di Taman Negeri Kenaboi.

- Cadangan penyediaan kemudahan asas:
  - Tandas awam.
  - Penyediaan tapak bagi aktiviti beriadah dan berkelah.
  - Kawasan rehat.
  - *Kiosk* jualan.
  - Cadangan penyediaan tapak perkhemahan di Lata Kijang.
  - Cadangan penyediaan kiosk jualan produk dan barangan orang asli yang akan beroperasi pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.
  - Cadangan menaiktaraf rangkaian telekomunikasi.

- Cadangan menyediakan kemudahan kesihatan untuk rawatan segera.
- Cadangan menyediakan kemudahan keselamatan terutamanya pos pengawal bagi renjer hutan dan polis pelancongan.



Cadangan pembangunan tapak perkhemahan di Zon Pembangunan Pelancongan 1 yang lebih teratur



Cadangan pembangunan kawasan rehat di Zon Pembangunan Pelancongan 1 yang lebih teratur

CADANGAN T2.2Aii – Zon Pembangunan Pelancongan 2 @ Sungai Kenaboi

- Zon pembangunan pelancongan 2 di Sungai Kenaboi adalah tertumpu pada kawasan tumpuan pelancong di Sungai Kenaboi.
- Sungai Kenaboi ini terkenal dengan aktiviti *water rafting* dalam kalangan pelancongan, beberapa penambahan kemudahan diperlukan bagi memberi nilai tambah kepada aktiviti sedia ada.
- Cadangan pembangunan pelancongan ini akan bagi mengukuhkan lagi produk ekopelancongan Daerah Jelebu.

Komponen Pembangunan Santuari Ikan Kelah Sungai Kenaboi

- Cadangan pembangunan pelancongan di zon ini melibatkan pembangunan:
  - Kemudahan asas seperti tandas, kawasan rehat, dan menaiktaraf rangkaian telekomunikasi.
  - Tapak untuk beriadah dan berkhemah, serta pembangunan tapak perkhemahan untuk pelancong yang ingin bermalam.
  - Kemudahan kesihatan untuk rawatan segera dan kemudahan fasiliti keselamatan.
  - Satu depot aktiviti perlu disediakan bagi memastikan aktiviti sedai iaitu berkayak dapat dipusatkan serta dapat memudahkan operator pelancongan yang ingin memperkenalkan aktiviti pelancongan baharu.
- Santuari ikan kelah juga akan diperkenalkan di Sungai Kenaboi sebagai nilai tambah kepada pembangunan pelancongan di Sungai Kenaboi. Konsep pembangunan santuari ikan kelah ini seperti berikut:
- Kawasan santuari akan dibahagikan kepada tiga zon iaitu:
  - Zon Merah – Kawasan larangan menjalankan aktiviti memancing atau menangkap ikan bertujuan untuk memelihara kawasan pembiakan spesis ikan terutama ikan kelah.
  - Zon Kuning – Aktiviti memancing ikan boleh dilakukan dengan kaedah tangkap dan lepas mengikut musim tertentu.
  - Zon Hijau – Pengunjung bebas melakukan aktiviti seperti berenang dan bergambar bersama ikan , serta aktiviti memancing.
- Pemantauan dan penjagaan kawasan oleh kakitangan kontrak dimana sumber pekerja daripada komuniti tempatan (perkampungan orang asli).
- Kajian impak sosioekonomi kepada komuniti setempat terutamanya komuniti orang asli berhampiran dengan santuari ikan perlu dijalankan.



Antara pembangunan santuari ikan kelah di Tasik Kenyir dan Taman Negara Pahang



Antara aktiviti pelancongan yang dibenarkan di sebahagian kawasan santuari ikan kelah

CADANGAN T2.2Aiii - Zon Pembangunan Pelancongan 3 @ Zon Pembangunan Bercampur

- Sebagai satu usaha untuk memelihara dan memulihara ekosistem semula jadi dengan mengintegrasikan pembangunan pelancongan yang mampan.
- Pengawalan pembangunan sumber jaya semula jadi dan memanfaatkan sepenuhnya aset-aset semulajadi sebagai satu destinasi pelancongan yang memberi impak minima kepada alam semula jadi.
- Bertujuan untuk melindungi kepentingan hidupan liar di sepanjang CFS.
- Mewujudkan satu tarikan pelancongan baharu Daerah Jelebu yang berasaskan pembangunan bercampur antara ekopelancongan dan komersial berdensiti rendah.


Komponen Cadangan

- Pelancongan Kesihatan :
  - Pelancongan kesihatan yang lebih terfokus kearah kaedah perubatan tradisional dan alternatif kepada perubatan moden.
  - Pengamalan perubatan tradisional dan alternatif perlu diberikan sijil kelayakan dan diberikan pemantauan bagi menjamin keselamatan dan memenuhi piawaian.
  - Pemulihan kesihatan dan pusat refleksologi tradisional Melayu.
  - Spa kesihatan dan perubatan tradisional.

- Pembangunan *resort* golf 18 lubang – 150 hektar
- Pembangunan *ecoresort* berdensiti rendah – plot ratio rendah (1:2) atau 6 unit/ ekar



Cadangan pembangunan eco-resort berdensiti rendah



Cadangan pembangunan resort golf



Cadangan pembangunan pusat pemulihan kesihatan dan pusat refleksologi tradisional Melayu

CADANGAN T2.2Aiv – Zon Pembangunan Pelancongan 4 @ Pembangunan Kemudahan Pelancongan Kawasan Strategik Pelaburan

- Zon pembangunan pelancongan 4 adalah tertumpu pada beberapa lokasi pelancongan di dalam Taman Negeri Kenaboi.
- Cadangan pembangunan pelancongan ini akan bagi memberi nilai tambah kepada produk ekopelancongan di Taman Negeri Kenaboi .

Komponen Cadangan

➢ Cadangan pembangunan pelancongan di zon ini melibatkan pembangunan kemudahan asas seperti tandas, kawasan rehat dan menaiktaraf rangkaian telekomunikasi serta tapak-tapak perkhemahan bagi pelancong yang ingin bermalam.

➢ Cadangan pembangunan lain adalah berdasarkan kepada keperluan lokasi-lokasi pelancongan seperti berikut:

➢ Jeram Gading
- Cadangan penyediaan kawasan bagi aktiviti riadah dan berkelah.
- Cadangan penyediaan tapak perkhemahan.
- Cadangan penyediaan *kiosk* jualan.
- Cadangan penyediaan kemudahan asas seperti tandas dan bilik persalinan.

➢ Gunung Besar Hantu, Gunung Kecil Hantu, Lata Dinding & Lembah Jemaloi
- Cadangan penyediaan tapak perkhemahan dan kawasan rehat.
- Cadangan penyediaan jalan masuk berturap dan *trail* pejalan kaki.
- Menaiktaraf rangkaian telekomunikasi

➢ Bukit Batu Bulan & Gua Harimau
- Cadangan penyediaan *trail* laluan masuk pelancong
- Menaiktaraf rangkaian telekomunikasi
- Cadangan penyediaan papan tanda arah

➢ Cadangan pembangunan komuniti orang asli:
- Galeri mini suku kaum orang asli di Kampung Orang Asli Tohor
- Perkampungan budaya mini orang asli
- Pembangunan *kampungstay* di Kampung Orang Asli Tohor



Cadangan penyediaan trail laluan masuk pelancong beserta papan tanda arah bagi mengurangkan risiko pelancong tersesat



Cadangan penyediaan tapak perkhemahan yang lebih teratur dan sistematik

Cadangan Sokongan Ekopelancongan Taman Negeri Kenaboi

KOMPONEN	KETERANGAN
Aksesibiliti	1. Cadangan menaik taraf ke jalan masuk ke Taman Negeri Kenaboi bagi mengurangkan risiko kenderaan bertembung. 2. Menyediakan lampu jalan bagi memudahkan pelancong terutama pelancong yang melawat pada awal pagi.
Kemudahan	1. Penambahan tapak perkhemahan di Taman Negeri Kenaboi bagi menampung kedatangan pelancong. 2. Penambahan pilihan penginapan seperti hostel juga perlu disediakan. 3. Sirkulasi dalaman dan pemusatan tempat meletak kenderaan perlu dinaiktaraf bagi mengelakkan kenderaan pelancong menghalang lalu lintas. 4. Kemudahan *kiosk* jualan makanan juga diperlukan untuk beroperasi terutamanya pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad bagi memudahkan pelancong.
Keselamatan	1. Penambahan pegawai di pejabat pengurusan diperlukan bagi mengawal dan merekodkan kehadiran pelancong yang hadir. 2. Cadangan penambahan renjer hutan terutamanya pada hujung minggu. 3. Cadangan mewujudkan sistem rekod *check-in* dan *check-out* berkomputer bagi setiap pelawat dan kenderaan yang datang ke Taman Negeri Kenaboi. 4. Memastikan sebarang pembangunan tapak perkhemahan yang berada di luar taman negeri berdaftar dengan pejabat hutan bagi memastikan keselamatan pelancong. 5. Cadangan mewujudkan satu fasiliti kesihatan yang dapat memberikan rawatan ringan dan segera kepada pelancongan yang mengalami sebarang kecederaan dan kemalangan semasa berada di Taman Negeri Kenaboi.
Pengurusan	1. Satu kajian terperinci bagi setiap tarikan pelancongan di dalam Taman Negeri Kenaboi perlu dibuat bagi memastikan *carrying capacity* Taman Negeri Kenaboi dapat ditetapkan dan mengurangkan risiko kemerosotan alam sekitar. 2. Cadangan mewujudkan satu badan pengurusan sendiri dibawah seliaan Pejabat Hutan Negeri bagi memudahkan sebarang perolehan dan mempunyai pengurusan kewangan sendiri. Badan pengurusan ini juga akan berfungsi untuk memastikan Taman Negeri Kenaboi dapat beroperasi dan diuruskan secara berkesan.

STRATEGI **T2.2**	**MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK PELANCONGAN BAHARU**
CADANGAN **T2.2B**	**CADANGAN EKSPLORASI GUA-GUA JELEBU**

DESKRIPSI CADANGAN

- Terdapat lima (5) buah gua utama di kawasan Daerah Jelebu yang mana setiap gua mempunyai sejarah yang tersendiri dan berpotensi untuk dibangunkan bagi tujuan eksplorasi gua. Eksplorasi gua ini merupakan suatu tarikan ekopelancongan yang mempunyai tarikan tersendiri dan mampu menarik perhatian peminatnya.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Cadangan ini dapat menarik pelancong sama ada dari dalam dan luar negara, serta dapat menarik perhatian pelancong khusus seperti penyelidik dan *arkeologist*.
- Satu kajian terperinci perlu diadakan bagi mengenalpasti keistimewaan dan keunikan gua-gua yang ada di Daerah Jelebu.

KOMPONEN CADANGAN

PELAN PENGURUSAN GUA	PUSAT INFORMASI KOPLEKS GUA DAERAH JELEBU @ PKGA	KEPERLUAN TAMBAHAN	PEMBANGUNAN ARKEOLOGI
• Inventori gua • Sejarah penerokaan • *Cartography* • Inventori flora dan fauna • Kategori gua • *Carrying capacity*	• Pusat informasi interaktif • Kiosk makanan dan cenderahati • Pusat sumber dan penyelidikan	• Papan tanda masuk • Tandas awam • Surau • Aksesibiliti dan parkir • Rangkaian telekomunikasi • Penunjuk arah/ renjer/ pemandu pelancong	• Mewartakan tapak arkeologi Gua Pelangi sebagai tapak warisan kebangsaan. • Mewujudkan papan tanda informasi mengenai tapak arkeologi di Gua Pelangi.

- Keperluan Tambahan kepada cadangan eksplorasi gua-gua Jelebu akan dipusatkan hanya di kawasan Gua Pelangi disebabkan jarak antara gua-gua yang ada masih berada dalam jarak yang dekat.
- Perletakan keperluan tambahan ini dibuat secara berpusat juga adalah bagi meminimakan pembangunan berstruktur dalam memastikan kemampanan pembangunan pelancongan Daerah Jelebu.

Model Pengurusan Eksplorasi gua-gua Jelebu

- Dikelolakan oleh pihak swasta/ badan pengurusan terdiri daripada pakar-pakar gua dan pelancongan, tertakluk kepada perundangan dan garis panduan kerajaan negeri.
- Unit kawalselia – pencerobohan, limitasi pelancong, memantau sebarang pembangunan haram.
- Tabung konservasi gua.



Cadangan 'entrance statement' di pintu masuk utama Kompleks Gua Jelebu


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**STRATEGIK**	**AGENSI PELAKSANA**	**LPNS, JMG, SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JMG, LPNS**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PENSWASTAAN**



Gambaran kawasan eksplorasi gua-gua



Gambaran cadangan pintu masuk ke gua-gua


Gambaran pencahayaan di dalam gua

Rajah 5.11: Cadangan Pembangunan Eksplorasi Gua-gua Jelebu




* Hanya mod berjalan kaki dibenarkan bagi eksplorasi gua-gua Jelebu dibenarkan bagi menjaga kemampanan alam sekitar.

PETUNJUK:

- Lokasi Gua-gua
- Pusat Informasi Kompleks Gua Daerah Jelebu
- Cadangan Trail Kompleks Gua Jelebu
- Akses Utama ke Kompleks Gua Jelebu

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T2.2**	**MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK PELANCONGAN BAHARU**
CADANGAN **T2.2C**	**CADANGAN JEJAK BUDAYA DAN WARISAN JELEBU**

DESKRIPSI CADANGAN


- Cadangan Jejak Budaya dan Warisan Jelebu adalah bertujuan agar pelancong dapat melawat kawasan-kawasan sejarah dan warisan dengan berjalan kaki atau menggunakan beca elektrik. Jarak yang berdekatan antara satu sama lain pelancong akan mengalami pengalaman baru melawat tempat-tempat tarikan di samping dapat mengetahui sejarah bangunan tersebut.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Cadangan pembangunan jejak budaya dan warisan ini dapat memperkukuhkan dan memperkasakan lagi imej pelancongan Daerah Jelebu.
- Untuk memelihara warisan dan budaya yang dimiliki serta menjadikannya sebuah produk pelancongan bernilai tinggi.
- Keseluruhannya, terdapat 32 tapak bersejarah yang telah tersenarai di Daerah Jelebu, bagaimanapun hanya **6 lokasi utama dan 3 lokasi sokongan** sahaja dipilih bagi cadangan ini kerana keutamaan dan signifikan lokasi tersebut terhadap Daerah Jelebu. Pemilihan 9 lokasi ini juga kerana nilai sejarah yang melambangkan penceritaan Daerah Jelebu.

KOMPONEN CADANGAN

- **Jejak Budaya dan Warisan** – melawat dan memahami sejarah, nilai warisan, dan seni bina bangunan-bangunan lama serta budaya tempatan yang bernilai di Daerah Jelebu.
- **Meletakkan papan informasi dan interpretasi** di setiap kawasan jejak budaya dan warisan yang dicadangkan bagi menerangkan sejarah kawasan/ bangunan yang terlibat.
- Penataan cahaya lampu di kawasan warisan dan kawasan tumpuan bagi menghidupkan suasana malam.
- Cadangan menaiktaraf Muzium Adat Jelebu sebagai salah satu *living museum* untuk mensimulasikan semula tetapan warisan dan sejarah yang terdahulu bagi memberikan pelancong pengalaman baharu dalam menyelusuri sejarah dan warisan Jelebu. *Living museum* ini akan menjana semula keadaan budaya, persekitaran semula jadi atau masa bersejarah secara sepenuhnya berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa lepas.
- Pemeliharaan Tapak warisan sejarah seperti berikut:
  i. Menjalankan kawalan dan penguatkuasaan garis panduan pemeliharaan berdasarkan garis panduan UNESCO dan ICOMOS bagi memelihara sumberjaya warisan budaya.
  ii. Tiada sebarang pembangunan kekal dibenarkan.
  iii. Pembangunan yang dibenarkan hanyalah perlu menyokong tempat-tempat warisan sejarah.
  iv. Mengawal reka bentuk dan lokasi perletakan papan tanda dengan mengambil kira faktor pandangan, kejelasan dan reka bentuk.



Gambaran reka bentuk papan tanda informasi serta penunjuk arah di kawasan Jejak Budaya dan Warisan Jelebu



Cadangan penggunaan beca elektrik di kawasan Jejak Budaya Dan Warisan



Cadangan penggunaan basikal di kawasan Jejak Budaya Dan Warisan

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**LPNS, SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ, LPNS**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**SEGERA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PENSWASTAAN**

Rajah 5.12: Cadangan Jejak Budaya dan Warisan Jelebu




Jejak Budaya dan Warisan Jelebu	
Mod Pengembaraan	Pandu Sendiri (Self Drive), Pakej Berpandu
Jangka Masa Pengembaraan	4-5 Jam
Produk Utama	Muzium Adat, Masjid Kuala Dulang, Batu Peringatan Inggeris, Makam Moyang Salleh, Meriam Dato Undang Abdullah, Menara Jam Jelebu
Produk Sokongan	Kediaman Rasmi Undang Luak Jelebu, Rumah Gadang Budi, kampung Gagu, Terowong Sejarah Titi
Produk Tambahan	Jelebu Best Food Spot (J-BEST)
Pasaran Utama	Keluarga, Kumpulan pelajar, Penyelidik

Petunjuk
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada

Jejak Budaya dan Warisan Jelebu



Pelaksanaan



Langkah Pemeliharaan Tapak dan Bangunan Warisan

Pemeliharaan adalah satu istilah umum yang bermaksud segala proses yang terlibat dalam menjaga sesuatu tempat mahupun bangunan bagi tujuan memelihara kepentingan sejarah dan warisannya.

Bahagian Luaran Bangunan

Sistem Struktur Keseluruhan
- Pengekalan bentuk dan struktur
- Merawat dan mengukuhkan kerosakan nyata

Bumbung
- Pengekalan reka bentuk asal
- Tidak dibenarkan menutup *air well*
- Anjung bumbung dikekalkan

Hiasan Fasad
- Reka bentuk fasad asal hendaklah dikekalkan dan dipelihara
- Hiasan asal hendaklah dikekalkan dan dipelihara

Tingkap dan Pintu
- Tingkap dan pintu asal hendaklah dikekalkan

Kaki Lima / *Verandah*
- Ruang kaki lima/ *verandah way* hendaklah dikekalkan dan dikosongkan

Lantai
- Jubin asal pelbagai corak, jubin lantai hendaklah dikekalkan
- Tepi (*edging*) kaki lima atau *heel stone* dan tangga *terra cottaa* yang menggunakan batu granit hendaklah dikekalkan

Bahagian Dalaman Bangunan

Tingkat Bawah
- Aras bawah hendaklah dikekalkan
- Jubin lantai hendaklah dikekalkan
- Ketinggian asal tingkat bawah hendaklah dikekalkan

Tingkat Atas
- Papan lantai dan rasuk asal hendaklah dikekalkan
- Ketinggian asal hendaklah dikekalkan

Siling
- Ciri-ciri asal siling hendaklah dikekalkan
- Hiasan asal hendaklah dikekalkan

Dinding
- Kerja pembaikan kepada dinding hendaklah menggunakan bahan asal
- Butiran hiasan hendaklah dikekalkan

Tangga
- Tangga asal hendaklah dikekalkan
- Jika terdapat sebarang butiran hiasan hendaklah dikekalkan

Finishes
- *Finishes* asal pada dinding seperti jubin seramik, batu, *shanghai plaster* hendaklah dikekalkan

STRATEGI **T2.2**	**MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK PELANCONGAN BAHARU**
CADANGAN **T2.2D**	**CADANGAN HAB SUKAN LASAK KONGKOI @ PUSAT LATIHAN KEPIMPINAN UPNM**

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan hab sukan lasak ini adalah menyediakan tawaran aktiviti pelancongan yang pelbagai di Daerah Jelebu.
- Cadangan pembangunan hab sukan lasak ini juga merupakan nilai tambah produk pelancongan Daerah Jelebu dalam menarik lebih ramai pelancong dan '*repeat tourist*'.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Cadangan pembangunan ini bertujuan untuk mengoptimumkan sumber pelancongan dengan kerjasama daripada pihak swasta.
- Selain itu cadangan ini dapat menarik pelancong yang meminati sukan lasak dan ekstrem.

KOMPONEN CADANGAN

- Menaiktaraf Pusat Latihan Kepimpinan UPNM kepada kepada Hab Sukan Lasak Kongkoi di bawah kelolaan UPNM Holdings Sdn Bhd.
- Mengetengahkan lebih banyak aktiviti pelancongan berteraskan sukan lasak dan ekstrem selain fasiliti latihan '*team building*' sedia ada.

TERAS PEMBANGUNAN HAB SUKAN LASAK KONGKOI



BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	UPNM HOLDINGS
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	UPNM, MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	UPNM HOLDINGS
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	SWASTA

Cadangan Pembangunan Aktiviti

Aktiviti Semasa

- *Team Building*
- Latihan Kepimpinan
- Latihan Aktiviti Luar

Cadangan Aktiviti Baharu

- *Flying fox*
- *Traditional Archery*
- *Paintball*
- *Shooting Range*
- Kayak
- *Skybike Adventure*
- *Man-Made Canopy Walk*
- *ATV & 4x4 Drive*
- *Survival Game*
- *Troops Race*

Cadangan Pembangunan Kemudahan Sokongan

Kemudahan Sokongan

- *Glamping*
- Pusat Maklumat dan Kaunter Tiket
- Menaik taraf jalan masuk utama

Asas Pendidikan *Survival & Outdoor*

Hutan | **Laut & Pulau**

Individu & Berkumpulan

Latihan Praktikal & Ujian


Rajah 5.13: Cadangan Hab Sukan Lasak Kongkoi @ Pusat Latihan Kepimpinan UPNM



PETUNJUK:

- Pusat Latihan Kepimpinan UPNM
- Jalan Kuala Klawang - Semenyih
- (A) Pusat Latihan Kepimpinan UPNM (Semasa)
- (B) Tapak Perkhemahan, Glamping
- (C) Paintball Arena
- (D) Dusun Durian & Rambutan
- (E) Lapang Sasar
- (F) *Man-Made Canopy Walk*
- (G) Tasik/ Kayak
- (H) *Survival Games/ Troops Race*
- (I) *Skybike Adventure*
- (J) *Flying Fox*
- Pusat Maklumat & Kaunter Tiket

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035



STRATEGI **T2.2**	**MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK PELANCONGAN BAHARU**
CADANGAN **T2.2E**	**CADANGAN *JELEBU BEST FOOD SPOT* (J-BEST)**

DESKRIPSI CADANGAN

- *Jelebu Best Food Spot* (J-BEST) merupakan satu pengiktirafan kepada makanan tempatan yang ada dan terkenal di Daerah Jelebu. Pengenalan J-BEST ini bagi memberi nilai tambah kepada *local delicacies* dalam membantu menaikkan lagi sektor pelancongan Daerah Jelebu.
- Namun dari segi kebersihan, layanan dan mutu persembahan makanan perlu ditingkatkan kualiti supaya lebih memenuhi piawaian dan cita rasa pelancong.
- *Jelebu Best Food Spot* (J-BEST) melibatkan kedai-kedai makanan yang terkenal dalam kalangan penduduk tempatan dan pelancong yang terdapat di Daerah Jelebu pada peringkat awal cadangan ini.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Dapat dijadikan sebagai tarikan pelancongan makanan yang dapat menarik kedatangan pengunjung untuk menikmati makanan.
- Dapat memberikan pengalaman kepada pelancong untuk menikmati cita rasa tempatan dan budaya di Jelebu disamping dapat mempromosi makanan tempatan dan tradisional.

KOMPONEN CADANGAN

- Memperkenalkan *badge* J-BEST kepada kedai-kedai makanan yang terkenal.
- Meletakkan papan informasi mengenai spot-spot makanan yang telah terpilih.
- Mengetengahkan lebih banyak kedai-kedai yang menawarkan makanan tradisional tempatan dengan *tagline* '*Jelebu Originality*'.
- Senarai restoran yang mendapat *badge* J-BEST akan dipaparkan di laman web pelancongan negeri dan daerah.

KAEDAH PELAKSANAAN

- Mewujudkan jawatankuasa khas bagi menjamin kualiti makanan dapat dikekalkan.
- Mengintegrasikan J-BEST ke dalam pakej-pakej pelancongan yang dicadangkan.
- Mencadangkan lebih banyak spot-spot makanan baharu untuk dinilai oleh jawatankuasa khas. Kawasan-kawasan makanan baharu juga boleh ditempatkan di cadangan R&R Jelebu terutama bagi premis yang ketiadaan ruang niaga formal ini lebih memudahkan pelancong untuk mendapatkan produk-produk J-BEST.
- Menjalankan pemutihan lesen perniagaan bagi peniaga yang terpilih pada peringkat awal, dan memastikan peniaga yang terpilih mendapatkan lesen niaga daripada PBT sebelum diiktiraf.
- Bagi beberapa premis sedia seperti Lemang Bahu Dodol Pijoi, Along Buah Jelebu dan Kuih Bom Tempayan satu penempatan semula perlu dilakukan kerana lokasi semasa yang terletak di atas rizab jalan yang boleh menimbulkan kacau ganggu kepada aliran trafik. Penempatan semula ini boleh dilaksana dengan menempatkan di cadangan R&R yang telah dinyatakan.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**SEGERA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PENSWASTAAN**



Cadangan *badge* 100% Jelebu *Originality*



Sate Tulang Jelebu

Cadangan R&R Jelebu

Lokasi R&R

- Eco Dataran Bukit Tangga
- R&R Tembun
- R&R Titi

Fungsi & Tujuan

Berfungsi sebagai medan selera dan kiosk perniagaan, yang akan menyediakan ruang niaga untuk penduduk tempatan bagi memasarkan produk-produk IKS, serta pada masa yang sama dapat mempromosikan makanan tradisional tempatan.

Komponen Pembangunan

- Tandas
- Surau
- Kemudahan Internet (wireless)
- Tempat Letak Kenderaan
- Kemudahan sokongan seperti kawasan berlandskap yang diintegrasikan dengan elemen pejalan kaki, *Billboard*, pencahayaan dan gazebo

Rajah 5.14: Cadangan Pembangunan *Jelebu Best Food Spot* (J-BEST)



PETUNJUK:

Jelebu Best Food Spot (J-BEST)

1. Akar Kayu Warisan
2. Lemang Bahulu Dodol Pijoi
3. Along Buah Jelebu (Bermusim)
4. Restoran Jelebu
5. Nam Theng Kopitiam
6. Sate Tulang Original Jelebu
7. Lapau Mak Mok (Gulai Jangek)
8. Kuih Bom Tempayan


Cadangan R&R Jelebu

1. Eco Dataran Bukit Tangga
2. R&R Tembun
3. R&R Titi

LAIN-LAIN

Sempadan Mukim

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T2.2**	**MEMPERKUKUHKAN PRODUK DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG BERPOTENSI SERTA PENGENALAN PRODUK PELANCONGAN BAHARU**
CADANGAN **T2.2F**	**CADANGAN *JELEBU BIKE ROUTE* (JBR)**

DESKRIPSI CADANGAN


- Cadangan pembangunan *Jelebu Bike Route* (JBR) ini adalah bertujuan menggalakkan aktiviti riadah berbasikal secara selamat.
- Umum diketahui, Daerah Jelebu terkenal dalam kalangan penggemar aktiviti berbasikal lebuh raya disebabkan bentuk muka bumi dan jajaran jalan raya yang rata dan mendaki.
- Daerah Jelebu juga menjadi tumpuan di setiap hujung minggu oleh kumpulan peminat aktiviti berbasikal.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Menggalakkan aktiviti berbasikal di Daerah Jelebu secara selamat.
- Sebagai satu tarikan pelancongan baharu yang berbentuk lasak dan kurang lasak.
- Menjadikan Jelebu tarikan pelancongan berbasikal utama di Negeri Sembilan.

KOMPONEN CADANGAN


- Tempat duduk berbumbung/ *Pit-stop*
    1. Genting Peras
    2. Kampung Kongkol
    3. Titi
    4. Dataran Kuala Klawang
    5. Kampung Tembun
    6. Dataran Bukit Tangga
- Mesin minum air – *vending machine, water cooler*
- Parkir basikal
- Papan tanda lokasi/ Papan tanda keselamatan
- Laluan basikal khas
    - Lebar: 1.5 meter
    - Bahan Turapan: Menggunakan cat bewarna terang bagi memisahkan antara laluan utama dan laluan basikal



Gambaran cadangan laluan khas basikal yang diwarnakan sebahagian atau sepenuhnya untuk kemudahan dan keselamatan penunggang basikal.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**BERSEPADU**




Gambaran cadangan reka bentuk *lay-by* dan kawasan *pit-stop* bagi JBR

Gambaran cadangan kemudahan bangku yang sesuai untuk penunggang basikal.



Gambaran cadangan tempat duduk berbumbung/pit-stop

Rajah 5.15: Cadangan *Jelebu Bike Route* (JBR)



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

PSE MENARIK PELABURAN TINGGI

HLP MENGENALPASTI DAN MENAIKTARAF *FOCUS AREA* PELANCONGAN NEGERI

HLP PELAKSANAAN PROGRAM/ AKTIVITI TETAP SETIAP TAHUN

DPFD TERAS 4 MEMPERKASA EKONOMI DESA

ISU UTAMA

ISU 2 AKSES KE TARIKAN PELANCONGAN YANG AGAK TERBATAS DAN PERLU DINAIKTARAF

ISU 3 KEKURANGAN PILIHAN PENGINAPAN YANG ADA DI DAERAH JELEBU MENYUKARKAN PELANCONG UNTUK TINGGAL LEBIH LAMA

POTENSI UTAMA

POT 2 PENGUKUHAN AKTIVITI-AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DAN MEMPERKENALKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BAHARU

POT 3 CADANGAN PEMBINAAN LEBUH RAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI, PAHANG DAN *SOUTHERN CENTRAL ROAD* (SCR) MELALUI SIMPANG PELANGAI – SEGAMAT











STRATEGI T2.3

MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN, KUALITI PERKHIDMATAN, HOSPITALITI SERTA KESELAMATAN PADA TAHAP TERBAIK

Dalam menyokong sektor pelancongan di daerah ini kemudahan sokongan pelancongan perlu berada pada tahap terbaik bagi memastikan keselesaan kepada pelancong serta membentuk imej pelancongan daerah.

CADANGAN

T2.3A **CADANGAN PUSAT INFORMASI PELANCONG (TIC)**

T2.3B **CADANGAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN DI KAWASAN-KAWASAN PELANCONGAN**

T2.3C **CADANGAN ZON KEMUDAHAN PENGINAPAN DAN PEMBANGUNAN *HOMESTAY***







STRATEGI **T2.3**	**MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN, KUALITI PERKHIDMATAN, HOSPITALITI SERTA KESELAMATAN PADA TAHAP TERBAIK**
CADANGAN **T2.3A**	**CADANGAN PUSAT INFORMASI PELANCONG (TIC)**

DESKRIPSI CADANGAN

- Kewujudan pusat informasi pelancong bertujuan untuk memudahkan pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara mendapatkan maklumat terperinci tentang sesuatu produk pelancongan sekaligus meningkatkan kehadiran pelancong ke Daerah Jelebu.
- Dicadangkan sebuah pusat informasi pelancong utama diletakkan di Bandar Kuala Klawang, ianya akan berfungsi sebagai saluran untuk memberikan maklumat kawasan tarikan serta program-program pelancongan di Daerah Jelebu.
- Perletakan pusat informasi ini perlulah strategik dan mudah dilihat oleh pelancong dan mesra pengguna.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Memudahkan pelancong untuk berkunjung ke kawasan tarikan pelancongan di Daerah Jelebu.
- Memudahkan pelancong untuk mendapatkan sebarang maklumat terkini mengenai produk-produk pelancongan terkini di Jelebu dan acara pelancongan yang sedang/akan dianjurkan.
- Pusat informasi ini juga akan berfungsi sebagai one stop centre bagi pelancong untuk mendapatkan maklumat, mendapatkan pakej pelancongan, membuat tempahan dan perkara berkaitan.

KOMPONEN CADANGAN

KOMPONEN TIC	LOKASI	KAKITANGAN
• Skrin interaktif • Brosur pelancongan • Kaunter informasi dan pertanyaan • Sistem *e-booking* • Maklumat info secara atas talian dengan menghubungkan kepada laman web pelancongan daerah • Kiosk layan diri beroperasi 24jam • Beroperasi setiap hari, 9 pagi hingga 6 petang	• Tempat tumpuan pelancong – Bandar Kuala Klawang • Mudah diakses dari jalan utama • Berdekatan ATM • Berdekatan kemudahan penginapan • Berdekatan pengurup wang • Diawasi dan selamat	• Kakitangan tetap • Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik • Mahir menggunakan komputer • Berpengetahuan luas tentang produk pelancongan di Daerah Jelebu

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ, LPNS**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**LPNS**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**AGENSI**

KEMAMPANAN TIC

- Pemeriksaan dan pengawasan dari semasa ke semasa
- Kos pembentukan dan penyelenggaraan daripada iklan oleh pihak industri pelancongan
- Kerjasama antara agensi awam

SISTEM E-BOOKING

- Kerjasama antara operator pelancongan dan operator penginapan yang ada di Daerah Jelebu bagi memudahkan tempahan secara atas talian.
- Menyelaras sistem e-booking di TIC dengan sistem e-booking di aplikasi telefon pintar.

SKRIN INTERAKTIF & BROSUR PELANCONGAN

- Skrin interaktif memerlukan pangkalan data yang terdiri daripada penginapan, tempat makan, acara dan produk pelancongan, pengangkutan awam, peta bandar, tips melancong dll.
- Brosur pelancongan boleh memaparkan mengenai latar belakang produk pelancongan secara ringkas, kemudahan penginapan, pengangkutan, pakej pelancongan dll.







Rajah 5.16: Cadangan Lokasi Perletakan Pusat Maklumat Pelancong Daerah Jelebu











Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

*Cadangan lokasi TLK adalah berdasarkan pada penyediaan TLK sedia ada

STRATEGI **T2.3**	**MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN, KUALITI PERKHIDMATAN, HOSPITALITI SERTA KESELAMATAN PADA TAHAP TERBAIK**
CADANGAN **T2.3B**	**CADANGAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN DI KAWASAN PELANCONGAN**

DESKRIPSI CADANGAN

- Menaiktaraf kemudahan asas dan sokongan di kawasan pelancongan dapat memudahkan dan memberi keselesaan kepada para pelancong.
- Penyediaan kemudahan asas akan memberi nilai tambah kepada produk pelancongan disamping dapat menarik pelancong untuk menjadikannya salah satu destinasi pilihan berkunjung dan berbelanja. Cadangan menaiktaraf dan penyediaan kemudahan asas serta sokongan adalah berdasarkan kepada keperluan zon pelancongan yang telah ditetapkan.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Hanya 3 produk pelancongan yang berada di tahap yang baik tetapi masih boleh diberi nilai tambah dalam menyediakan sokongan sektor pelancongan.
- Kebanyakkan produk pelancongan berada pada tahap sederhana dan lemah, maka cadangan menaiktaraf adalah perlu bagi meningkatkan imej kawasan tarikan pelancongan.

KOMPONEN CADANGAN

Cadangan Kemudahan

- Papan tanda
- Pengangkutan awam
- Lokasi mesra aplikasi
- Sirkulasi dan parkir
- Kemudahan maklumat pelancong
- Papan tanda dalaman
- *Outlet* makanan
- *Outlet* cenderahati
- Surau
- Tandas dan bilik persalinan
- Rangkaian telekomunikasi
- Pusat interpretasi
- Kemudahan penginapan
- Landskap
- Wakaf istirahat
- Trek pejalan kaki

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ, PEJ. DAERAH DAN TANAH JELEBU, SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PPP**











Kemudahan yang disediakan di sekitar kawasan pelancongan Daerah Jelebu

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Bandar Kuala Klawang

Jadual 5.2: ***TDZ Kuala Klawang Urban Heritage & Centre***

PRODUK PELANCONGAN	KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN YANG PERLU DI NAIKTARAF DAN DI SEDIAKAN															
	Papan tanda	Pengangkutan awam	Lokasi mesra aplikasi	Sirkulasi dan parkir	Kemudahan maklumat pelancong	Papan tanda dalaman	*Outlet* makanan	*Outlet* cenderahati	Surau	Tandas dan bilik persalinan	Rangkaian telekomunikasi	Pusat interpretasi	Kemudahan penginapan	Tapak perkhemahan	Landskap	Wakaf istirahat	Trek pejalan kaki
1. Jeram Toi		x															
2. Bukit Batu Sawa		x			x		x	x				x	x	x			
3. Jeram Dagang Gajah		x			x			x				x	x	x			
4. Gunung Telapak Buruk		x			x		x	x				x	x				
5. Muzium Adat							x		x				x	x	x	x	x
6. Makam Moyang Salleh		x			x		x	x	x	x			x	x	x	x	x
7. Meriam Dato' Undang Abdullah		x			x		x	x	x	x			x	x	x	x	x
8. Masjid Kuala Dulang		x			x		x	x	x	x			x	x	x	x	x
9. Makam Sejarah Jelebu		x			x		x	x	x	x			x	x	x	x	x
10. Batu Peringatan Inggeris					x	x	x	x	x	x			x	x	x		
11. Terowong Sejarah Titi		x					x	x	x	x			x			x	
12. Rumah Gadang Budi, Kg. Gagu																	
13. *Titi Eco Farm*														x		x	
14. Antagho Durio																x	
15. Pekan Titi				x	x	x			x	x			x	x	x	x	x
16. *Renal Park*							x					x	x				

Sedia ada & perlu dinaiktaraf | X Tidak berkaitan | Tiada kemudahan dan perlu disediakan

TDZ
Kuala Klawang Urban Heritage & Culture

- Meningkatkan bilangan papan tanda arah di dalam kawasan Bandar Kuala Klawang.
- Memperbaiki struktur fizikal seperti bangku rehat, laluan pejalan kaki dan papan tanda dalaman.
- Menyediakan papan informasi dan bahan interpretasi yang terkini di setiap produk pelancongan di dalam Bandar Kuala Klawang.
- Menaiktaraf kemudahan rangkaian telekomunikasi bagi memudahkan pelancong mendapatkan maklumat pelancongan serta kearah mempraktikkan *smart tourism* di Daerah Jelebu.

Jadual 5.3: *TDZ Geological Heritage Site*.

PRODUK PELANCONGAN	KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN YANG PERLU DI NAIKTARAF DAN DI SEDIAKAN																
	Papan tanda	Pengangkutan awam	Lokasi mesra aplikasi	Sirkulasi dan parkir	Kemudahan maklumat pelancong	Papan tanda dalaman	Outlet makanan	Outlet cenderahati	Surau	Tandas dan bilik persalinan	Rangkaian telekomunikasi	Pusat interpretasi	Kemudahan penginapan	Tapak perkhemahan	Landskap	Wakaf istirehat	Trek pejalan kaki
1. Gua Pelangi		x			x		x	x				x	x		x		
2. Bukit Batu Beras		x		x	x		x	x				x	x		x		
3. Parang Mentaus		x		x		x	x	x	x	x		x	x	x	x	x	x

Sedia ada & perlu dinaiktaraf

Tiada kemudahan dan perlu disediakan

X Tidak berkaitan

TDZ
Geological Heritage Site

- Penambahan papan tanda arah daripada bandar Kuala Klawang.
- Menaiktaraf dan melebarkan laluan masuk ke kawasan tarikan.
- Menaiktaraf tempat letak kenderaan (berturap, bergarisan, berlampu)
- Menambah bilangan papan tanda dalaman di sekitar kawasan tarikan.
- Menaik taraf kemudahan asas seperti surau, tandas & bilik persalinan
- Meningkatkan aktiviti penyelenggaran kebersihan persekitaran kawasan tarikan.

Jadual 5.4: *TDZ Diversity of Ecotourism*

PRODUK PELANCONGAN	KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN YANG PERLU DI NAIKTARAF DAN DI SEDIAKAN																
	Papan tanda	Pengangkutan awam	Lokasi mesra aplikasi	Sirkulasi dan parkir	Kemudahan maklumat pelancong	Papan tanda dalaman	Outlet makanan	Outlet cenderahati	Surau	Tandas dan bilik persalinan	Rangkaian telekomunikasi	Pusat interpretasi	Kemudahan penginapan	Tapak perkhemahan	Landskap	Wakaf istirehat	Trek pejalan kaki
1. Taman Negeri Kenaboi		x															
2. Taman Ekorimba Lata Kijang		x						x				x					
3. Lata Dinding		x						x				x					
4. Jeram Berungut		x						x				x					
5. Gunung Besar Hantu & Kecil		x						x				x					
6. Jeram Gading		x						x				x					
7. Bukit Batu Bulan		x						x				x					
8. Sg Kenaboi – *White Water Rafting*		x						x				x					
9. Laluan Berbukit Genting Peras		x		x		x	x	x	x	x		x		x	x		x

Sedia ada & perlu dinaiktaraf

Tiada kemudahan dan perlu disediakan

X Tidak berkaitan

TDZ
Diversity of Ecotourism

- Penambahan papan tanda arah daripada Bandar Kuala Klawang dan Pekan Titi.
- Menaiktaraf dan melebarkan laluan masuk ke kawasan tarikan.
- Menaiktaraf tempat letak kenderaan (berturap, bergarisan, berlampu)
- Menambah bilangan papan tanda dalaman di sekitar kawasan tarikan.
- Menaiktaraf kemudahan asas seperti surau, tandas & bilik persalinan.
- Menambah bilangan kemudahan penginapan yang mengikuti *standard* ekopelancongan.
- Menambah kemudahan *outlet* makanan.
- Meningkatkan aktiviti penyelenggaran kebersihan persekitaran kawasan tarikan.

PELAKSANAAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN DI KAWASAN PELANCONGAN

	PRODUK PELANCONGAN	PEMILIKAN TARIKAN PELANCONGAN		AGENSI PELAKSANA
		ATAS RIZAB KERAJAAN	MILIK SWASTA	
1	Titi Eco Farm		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
2	Muzium Adat	/		LMNS
3	Jeram Toi	/		PD Jelebu, MDJ
4	Pekan Titi		/	Inisiatif pemilik premis/bangunan
5	Renal Park		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
6	Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar (FRI Glami Lemi)	/		Jabatan Perikanan Malaysia
7	Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan	/		PERHILITAN
8	Gua Pelangi	/		JMG, JKR, Swasta
9	Parang Mentaus		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
10	Antagho Durio		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
11	Makam Moyang Salleh	/		LMNS, LPNS
12	Meriam Dato' Abdullah	/		LMNS, LPNS
13	Taman Negeri Kenaboi	/		PD Jelebu, MDJ, PERHILITAN
14	Laluan Berbukit Genting Peras	/		LPNS, Unit Pelancongan MDJ
15	Jelebu Historical Trail	/		LMNS, MDJ
16	Rumah Gadang Budi, Kg Gagu		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
17	Sungai Kenaboi "White Water Rafting"		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
18	Kelompok Tanaman Padi, Sg Buloh		/	Inisiatif operator/ pemilik premis pelancongan.
19	Bukit Batu Sawa	/		PD Jelebu, MDJ, PHDJ
20	Masjid Warisan Qariah Kuala Dulang	/		LMNS, LPNS
21	Makam Sejarah Jelebu	/		LMNS, LPNS
22	Bukit Batu Beras	/		PD Jelebu, MDJ, PHDJ
23	Terowong Sejarah Titi	/		LMNS, LPNS, JMG
24	Gua Harimau	/		PD Jelebu, MDJ, PHDJ
25	Jeram Gading	/		PD Jelebu, MDJ, PHDJ
26	Jeram Dagang Gajah	/		PD Jelebu, MDJ, PHDJ
27	Gunung Telapak Buruk	/		PD Jelebu, MDJ, PHDJ

STRATEGI **T2.3**	**MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN, KUALITI PERKHIDMATAN, HOSPITALITI SERTA KESELAMATAN PADA TAHAP TERBAIK**
CADANGAN **T2.3C**	**CADANGAN ZON KEMUDAHAN PENGINAPAN DAN PEMBANGUNAN *HOMESTAY***

DESKRIPSI CADANGAN

- Bagi kemudahan penginapan semasa di Daerah Jelebu terdapat dua belas (12) kemudahan penginapan berdaftar terdiri daripada *resort* (3 buah), hotel (4 buah), *homestay* (3 buah) dan kem (2 buah).
- Cadangan zon kemudahan akan memudahkan pelancong membuat plihan tempat penginapan mereka. Maklumat tentang hotel-hotel ini akan diletakkan pusat informasi pelancongan.
- Cadangan zon kemudahan ini sebagai satu bentuk indikatif kepada operator-operator perhotelan/ *resort* untuk menentukan perletakan hotel/ *resort* di Daerah Jelebu terutamanya di kawasan tumpuan pelancong.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Cadangan zon kemudahan penginapan dan pembangunan *homestay* ini adalah dilihat sebagai satu kemudahan sokongan pelancongan yang penting bagi memenuhi keperluan pelancong dan menampung kedatangan pelancong.

KOMPONEN CADANGAN

Hotel
- Cadangan pembangunan hotel bertaraf 1 dan 2 bintang di Bandar Kuala Klawang.
- Cadangan pembangunan hotel butik dan hotel bajet di kawasan seperti Pekan Titi, Simpang Pertang dan Simpang Durian.

Resort
- Cadangan pembangunan *resort* berkonsepkan alam semula jadi dan biodiversiti di kawasan pelancongan Kenaboi, Pasoh, HSK Berembun & HSK Gapau.
- Sebarang pembangunan *resort* baharu hendaklah dikawasan yang ditetapkan sahaja dan mengikuti piawaian pembangunan di kawasan ekopelancongan.
- Bagi *resort* sedia ada, hendaklah melalui proses pemutihan di peringkat MDJ.


Homestay
- Memperkukuhkan pembangunan *homestay* Daerah Jelebu dengan memperkasakan *homestay* berdaftar iaitu *Homestay Kuala Klawang*, *Homestay Pakcu & Makcu* dan Antagho Durio.
- Menjalankan program pemutihan bagi *homestay* yang tidak berdaftar dengan MOTAC dan mengikut piawaian Garis Panduan *Homestay* dan Garis Panduan *Kampungstay* MOTAC.
- Bagi *homestay* tidak berdaftar yang tidak menawarkan sebarang aktiviti selain penginapan, dijenamakan semula sebagai **rumah persinggahan/ motel**.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**SWASTA**


Glamping@Kongkoi



Hotel Sri Klawang


Antagho Durio

FAKTA RINGKAS KEMUDAHAN PENGINAPAN SEDIA ADA DI DAERAH JELEBU

- 3 buah resort
- 4 buah hotel
- 3 buah homestay berdaftar
- 2 buah kem
- Keseluruhannya terdapat 134 bilangan bilik penginapan tersedia
- Terdapat 28 buah rumah inap

Rajah 5.17: Cadangan Pembangunan Zon Kemudahan Penginapan



PETUNJUK:
- Hotel Semasa
- *Resort* Semasa
- *Homestay* Semasa
- Kem Semasa
- *TDZ Diversity of Ecotourism*
- *TDZ Geological Heritage Site*
- *TDZ Kuala Klawang Urban Heritage & Culture*

LAIN-LAIN
- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

PSE	MENARIK PELABURAN TINGGI
HLP	MENGENALPASTI DAN MENAIKTARAF *FOCUS AREA* PELANCONGAN NEGERI
HLP	PELAKSANAAN PROGRAM/ AKTIVITI TETAP SETIAP TAHUN

ISU UTAMA

ISU 3	KEKURANGAN PILIHAN PENGINAPAN YANG ADA DI DAERAH JELEBU MENYUKARKAN PELANCONG UNTUK TINGGAL LEBIH LAMA
ISU 4	KEKURANGAN MEDIUM PENYAMPAIAN MAKLUMAT PELANCONGAN DI MEDIA MASSA
ISU 5	KEKURANGAN PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN

POTENSI UTAMA

POT 2	PENGUKUHAN AKTIVITI-AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DAN MEMPERKENALKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BAHARU
POT 3	CADANGAN PEMBINAAN LEBUH RAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI, PAHANG DAN *SOUTHERN CENTRAL ROAD* (SCR) MELALUI SIMPANG PELANGAI - SEGAMAT


STRATEGI T2.4

MENGUKUHKAN SEGMENTASI PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN DAERAH DAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA SEKTOR PELANCONGAN


Segmentasi promosi dan pemasaran pelancongan merupakan bahagian terpenting dalam membangunkan sektor pelancongan daerah, selain dapat menarik kedatangan pelancong berkunjung ke daerah ini.

CADANGAN

T2.4A	**CADANGAN DIGITALISASI SEKTOR PELANCONGAN DAERAH JELEBU**
T2.4B	**CADANGAN PENGANJURAN ACARA PELANCONGAN BERIMPAK TINGGI DAN KALENDAR PELANCONGAN DAERAH**
T2.4C	**CADANGAN PEMBENTUKAN PAKEJ PELANCONGAN JELEBU (PPJ)**
T2.4D	**CADANGAN *UPSKILLING* PENDUDUK TEMPATAN KE ARAH DAERAH PELANCONGAN BERNILAI TINGGI**









STRATEGI **T2.4**	**MEMPERKUKUHKAN SEGMENTASI PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN DAERAH DAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA SEKTOR PELANCONGAN**
CADANGAN **T2.4A**	**CADANGAN DIGITALISASI SEKTOR PELANCONGAN DAERAH JELEBU**
A.	***CADANGAN MENAIKTARAF SEGMEN PELANCONGAN DI LAMAN SESAWANG MAJLIS DAERAH JELEBU***

DESKRIPSI CADANGAN

- Segmen pelancongan di laman sesawang MDJ perlu dinaiktaraf supaya lebih mesra pengguna, interaktif dan bertindak sebagai *one-stop portal* yang menyediakan pelbagai maklumat terkini mengenai pelancongan di Daerah Jelebu. Laman sesawang ini juga boleh bertindak sebagai medium untuk melakukan transaksi secara atas talian bagi memudahkan pelancong untuk membuat tempahan secara atas talian.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Dapat mempromosikan produk pelancongan di sekitar kawasan MDJ secara meluas di mana ianya tidak terhad kepada pelancong tempatan sahaja tetapi juga kepada pelancong antarabangsa.
- Dapat memudahkan pelancong untuk mendapatkan maklumat pelancongan Daerah Jelebu seperti tempat-tempat menarik, acara pelancongan daerah, tempat penginapan dan lain-lain.

KOMPONEN CADANGAN

- Menyertakan maklumat-maklumat pelancongan yang lengkap termasuk aktiviti dan produk yang ditawarkan, pilihan tawaran penginapan, kalendar pelancongan daerah, peta dan arah, pakej pelancongan yang ditawarkan, kemudahan pengangkutan, pusat maklumat pelancong, fakta Daerah Jelebu dan lain-lain.
- Menyertakan maklumat komunikasi.
- Menyediakan kemudahan untuk membuat tempahan dan transaksi secara atas talian, tiket acara, tiket masuk ke tarikan pelancongan dan lain-lain.
- Kemudahan pertukaran bahasa.



Segmen pelancongan di laman web MDJ yang perlu dinaik taraf dan sentiasa dikemaskini untuk memberi maklumat secara terperinci mengenai pelancongan di Daerah Jelebu

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ**
KATEGORI CADANGAN	**PROGRAM**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**SEGERA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**AGENSI**

Rajah 5.18: Cadangan Naik Taraf Segmen Pelancongan di Laman Sesawang MDJ yang Akan Mempromosi Produk Pelancongan Daerah Jelebu



Cadangan menaiktaraf segmen pelancongn di laman sesawang MDJ

Keterangan:

1	**Produk & Tarikan Pelancongan** Bahagian ini akan memaparkan keseluruhan produk dan tarikan pelancongan yang ada di Daerah Jelebu. Selain itu, beberapa fakta mengenai tarikan pelancongan dan Daerah Jelebu akan dipaparkan.
2	**Pakej Pelancongan** Bahagian ini akan menyertakan tawaran-tawaran pakej pelancongan yang ada di tawarkan di Daerah Jelebu. Pakej pelancongan ini akan disertakan bersama jadual perjalanan yang dicadangkan kepada pelancong.
3	**Pengangkutan** Bahagian ini akan memaparkan maklumat mengenai kemudahan pengangkutan yang ada di Daerah Jelebu, termasuklah kemudahan untuk penyewaan kenderaan.
4	**Penginapan** Pilihan penginapan yang ada di Daerah Jelebu akan dibahagian bagi memudahkan pelancong untuk membuat pilihan mereka.
5	**Tempah Sekarang** Fungsi ini bagi memudahkan pelancong untuk terus membuat sebarang tempahan pakej atau aktiviti yang mereka berminat. Pilihan fungsi ini juga membolehkan pelancong untuk membuat tempahan penginapan.
6	**Pertukaran Bahasa** Kemudahan untuk pertukaran bahasa asal di laman sesawang adalah bagi memboleh pelancong antrabangsa khusnya untuk membuat pilihan bahasa yang dikehendaki.

B.	*CADANGAN PEMBANGUNAN APLIKASI TELEFON PINTAR – Visit Jelebu*

DESKRIPSI CADANGAN

- Penyediaan aplikasi telefon pintar *Visit Jelebu* bertujuan untuk memudahkan pelancong untuk merangka perjalanan sepanjang melawat Daerah Jelebu.
- Pembangunan aplikasi *Visit Jelebu* juga adalah selari dengan perkembangan teknologi dan *Internet Of Things* (IOT) yang merupakan keperluan dan trend pelancongan terkini.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Penggunaan alatan digital seperti telefon bimbit merupakan antara teknologi yang utama dalam kalangan masyarakat seterusnya dapat memudahkan pemasaran dijalankan dengan lebih efisien.
- Pembangunan aplikasi Visit Jelebu memudahkan akses para pelancong untuk mendapat maklumat terkini mengenai pelancongan di Daerah Jelebu.
- Produk pelancongan juga lebih mudah untuk divisualisasi kepada masyarakat luar yang ingin berkunjung ke kawasan pelancongan di sekitar Daerah Jelebu.

KOMPONEN CADANGAN

- Mereka bentuk antara muka (*interface*) yang menarik dan mudah untuk digunakan.
- Paparan informasi pelancongan yang terkini dan sentiasa dikemaskini. Antara paparan maklumat yang diperlukan seperti tarikan dan produk pelancongan, acara pelancongan, pilihan penginapan, pilihan tempat makan, cadangan jadual perjalanan, peta panduan, e-dompet, dan *e-booking*.

KONSEP PEMBANGUNAN APLIKASI *VISIT JELEBU*



BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ, LPNS
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	SEGERA	KAEDAH PELAKSANAAN	SWASTA



Visit Jelebu

Cadangan logo *Visit Jelebu*

Tarikan Pelancongan	*Pusat Informasi Pelancong*	*Restoran J-BEST*	*Penginapan*
Pengangkutan	*E-wallet*	*Peta Panduan*	*Maklum balas Pelancong*

Cadangan paparan antara muka (*interface*) aplikasi dan logo *Visit Jelebu*





STRATEGI T2.4	MEMPERKUKUHKAN SEGMENTASI PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN DAERAH DAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA SEKTOR PELANCONGAN
CADANGAN T2.4B	CADANGAN PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN YANG BERIMPAK TINGGI DAN KALENDAR PELANCONGAN JELEBU

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan penganjuran acara-acara pelancongan ini adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Daerah Jelebu, secara tidak langsung dapat memberikan impak kepada pembangunan infrastruktur dan menjana pertumbuhan ekonomi daerah. Antara acara pelancongan sedia ada ialah:

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Cadangan acara pelancongan di Daerah Jelebu ini bertujuan untuk mempelbagaikan tarikan pelancongan dan bagi memanjangkan tempoh purata menginap serta meningkatkan perbelanjaan pelancong di Daerah Jelebu.

Jadual 5.5: Senarai Penganjuran Acara Pelancongan Semasa di Jelebu

BIL	NAMA ACARA	PENGANJUR	TARIKH	BUTIRAN
1.	Pesta Mengemping 	• Majlis Daerah Jelebu • Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan	9 Februari 2019	• Jelebu *Ecoride* • Lokasi: Empangan Gepu, Ulu Jelebu • Aktiviti Mengemping • Lokasi: Laman Mengemping, Sg. Buloh, Simpang Durian
2.	2 *Wheels Festival*	• Majlis Daerah Jelebu • Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan	6 & 7 April 2019	• *King Of J2WF Minibike Race* • *Jelebu Motorizer Challenge* • *Motor Club Gathering* • Variasi Makanan Tradisional Negeri Sembilan • Memanah Tradisional
3.	Jelebu 4x4 *Challenge* 	• Majlis Daerah Jelebu • Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan	16 November 2019	• Lokasi: Dataran Kuala Klawang • *Kereta Autoshow* • *Drift Trike* • Pertandingan E-sport • Himpunan Kelab dan Pacuan 4x4
4.	Jelebu Kayak *Ecochallenge* 	• Majlis Daerah Jelebu • Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan	14 Disember 2019	• Lokasi: Dataran Kampung Puom, Kuala Klawang sehingga Empangan Sg. Buloh, Simpang Durian (30km) • *Explorace* Jelebu

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	MDJ LPNS
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	SWASTA

Jadual 5.6: Senarai Penganjuran Acara Pelancongan di Jelebu

ACARA	LOKASI	TARIKH	RASIONAL	KONSEP	KEMUDAHAN DIPERLUKAN	PENANDA ARAS
Festival Buah-Buahan	Dataran Kuala Klawang	Jun/ Julai	Bagi menonjolkan imej Jelebu sebagai lembah pengeluaran buah-buahan tropika terutamanya durian.	• Bazar jualan buah-buahan • Gerai jualan anak benih • Pertandingan ukiran buah-buahan • Pameran tanaman	• Khemah gerai jualan • Tandas mudah alih • Parkir dan kawalan trafik • Pintu gerbang	• *Thai Fruit Festival* • *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism International Show* (MAHA)
Jelebu Roadbike Challenge	Laluan Berbukit Genting Peras – Dataran Bukit Tangga, Jelebu	Mac/ April	Genting Peras terkenal sebagai laluan untuk peminat sukan berbasikal lebuhraya. Memperkenalkan Jelebu sebagai *spot* utama sukan berbasikal lebuhraya.	• Cabaran berbasikal melalui laluan Batu 18 – Genting Peres – Titi – Kuala Klawang – Dataran Bukit Tangga (46.7km). • Cabaran *King of Hill Genting Peras*	• Kawasan rehat dan rawat. • Kemudahan tandas mudah alih. • Kawasan parkir dan kawalan trafik. • Kawasan pameran sukan berbasikal.	• *Le Tour De Langkawi* (LTDL). • Jelajah Malaysia.
Jelebu MTB Jamboree	Kawasan Felda Pasoh 4	Okt	Sebagai satu usaha untuk mengetengahkan Jelebu sebagai daerah pelancongan sukan lasak di Negeri Sembilan.	Cabaran berbasikal secara *off-road* di kawasan Felda Pasoh – Kompleks Gua Jelebu dan kawasan sekitar yang mempunyai bentuk muka bumi yang pelbagai.	• Litar *off-road* • Tandas mudah alih • Pentas/ *podium* • Kawasan rehat dan rawat • Laluan masuk ke tapak acara • Kawasan parkir dan kawalan trafik	• *Parit Jawa MTB Jamboree*
Jelebu Motocross Challenge	Ulu Jelebu, Kuala Klawang	Nov		Cabaran sukan permotoran secara *off-road di kawasan* yang mempunyai bentuk muka bumi yang pelbagai.		• *Hulu Selangor Rain Forest Mini Jamboree*
Festival Silang Budaya Jelebu – Minangkabau	Grandstand Stadium *MDJ* – Muzium Adat Jelebu	Mei	Sebagai satu usaha untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Daerah Jelebu dan Minangkabau yang mempunyai latar budaya yang hampir sama, dan sebagai medium untuk menonjolkan keunikan budaya tempatan yang tersendiri.	Festival kebudayaan yang melibatkan pameran kebudayaan, *showcase* adat dan budaya, kesenian, warisan, makanan tradisi dan lain-lain.	• Pentas budaya • Booth jualan dan pameran • Tandas mudah alih • Kawasan parkir dan kawalan trafik	• Festival Hujung Medini

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

CALENDAR OF EVENTS
MOH MELAWAT JELEBU

FEBRUARI
PESTA MENGEMPING

9 Februari
Laman Mengemping, Sungai Buloh



MAC
JELEBU ROADBIKE CHALLENGE

Mac
Genting Peras



APRIL
2 WHEELS FESTIVAL

6 & 7 April
Kuala Klawang





MEI
FESTIVAL SILANG BUDAYA JELEBU-MINANGKABAU

Mei
Grandstand Padang MDJ





JULAI
FESTIVAL BUAH-BUAHAN

Julai
Dataran Kuala Klawang

OKTOBER
JELEBU MTB JAMBOREE

Oktober
Ulu Jelebu


NOVEMBER
JELEBU 4X4 CHALLENGE

16 November
Dataran Kuala Klawang



DISEMBER
JELEBU KAYAK ECO CHALLENGE

14 Disember
Dataran Kampung Puom - Empangan Sungai Buloh



Jadual 5.7: Jumlah Kedatangan Pelancong Berdasarkan Acara Tahunan Daerah Jelebu Tahun 2019

BIL	NAMA ACARA	JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG
1.	Pesta Mengemping	1,000 pengunjung
2.	*2 Wheels Festival*	10,000 pengunjung
3.	*Jelebu 4x4 Challenge*	5,000 pengunjung
4.	*Jelebu Kayak Ecochallenge*	2,000 pengunjung

Sumber: Majlis Daerah Jelebu, 2020

Jadual 5.8: Sasaran Jumlah Kedatangan Pelancong Berdasarkan Cadangan Acara Pelancongan Baharu

BIL	NAMA ACARA	JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG
1.	*Jelebu Roadbike Challenge*	5,000 pengunjung
2.	Festival Silang Budaya Jelebu-Minangkabau	5,000 pengunjung
3.	Festival Buah-Buahan	10,000 pengunjung
4.	*Jelebu MTB Jamboree*	5,000 pengunjung
5.	*Jelebu Motocross Challenge*	5,000 pengunjung

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

KAEDAH PELAKSANAAN

1 Unit Pelancongan MDJ boleh melakukan usaha sama bersama-sama dengan operator pelancongan dan agensi pelancongan khasnya sama ada yang beroperasi di dalam atau luar Negeri Sembilan untuk membuat promosi mengenai sebarang penganjuran acara yang akan diadakan di Daerah Jelebu.

2 Cadangan penganjuran acara ini juga boleh dilakukan secara bersama-sama dengan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan sama ada di peringkat daerah, negeri dan persekutuan bagi memastikan kelancaran dan kebolehlaksanaan acara pelancongan dapat diadakan.

3 Pemain industri pelancongan juga boleh mempromosi dan memasarkan mana-mana acara pelancongan di daerah ini dengan menawarkan secara bersama-sama dengan pakej yang dicadangkan.

STRATEGI **T2.4**	**MEMPERKUKUHKAN SEGMENTASI PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN DAERAH DAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA SEKTOR PELANCONGAN**
CADANGAN **T2.4C**	**CADANGAN PEMBENTUKAN PAKEJ PELANCONGAN JELEBU (PPJ)**

DESKRIPSI CADANGAN

- Memperkenalkan produk pelancongan secara bersekali dan menawarkan pelbagai pilihan perjalanan yang boleh dilakukan oleh pelancong. Pakej yang dicadangkan merangkumi kawasan-kawasan tarikan utama yang disyorkan kepada pelancong untuk mendapatkan pengalaman melancong yang lebih menarik.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Cadangan ini adalah bagi memudahkan pelancong untuk merancang perjalanan mereka di Jelebu.
- Sebagai satu gambaran bagi memudahkan operator untuk menawarkan pakej pelancongan Daerah Jelebu.
- Bagi memudahkan pemasaran produk pelancongan Daerah Jelebu dapat dilakukan secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada satu produk pelancongan sahaja.

KAEDAH PELAKSANAAN

1 Unit Pelancongan MDJ boleh melakukan usaha sama bersama-sama dengan operator pelancongan dan agensi pelancongan khasnya sama ada yang beroperasi di dalam atau luar Negeri Sembilan. Unit Pelancongan MDJ juga boleh memfokuskan kepada agensi pelancongan yang di luar daerah dan bersempadan dengan Daerah Jelebu.


2 Cadangan pakej-pakej ini juga boleh diletakkan di semua hotel-hotel, *resort* dan *homestay* yang ada di Daerah Jelebu. Para pelancong yang datang menginap di mana-mana kemudahan penginapan di Jelebu dapat memilih pakej dan aktiviti yang mereka inginkan.

3 Pengiklanan mengenai Pakej Pelancongan Jelebu juga boleh dilakukan dengan melakukan promosi secara berkala di media sosial rasmi Unit Pelancongan MDJ. Selain itu, pakej pelancongan ini juga boleh disertakan bersama di dalam laman sesawang MDJ di segmen pelancongan bagi memudahkan pelancong untuk mendapatkan gambaran awal mengenai pakej pelancongan Daerah Jelebu.


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	MDJ, LPNS
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	SWASTA









STRATEGI T2.4	MEMPERKUKUHKAN SEGMENTASI PROMOSI DAN PEMASARAN PELANCONGAN DAERAH DAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA SEKTOR PELANCONGAN
CADANGAN T2.4D	CADANGAN *UPSKILLING* PENDUDUK TEMPATAN KE ARAH DAERAH PELANCONGAN BERNILAI TINGGI

DESKRIPSI CADANGAN

- Bagi meningkatkan bilangan guna tenaga yang bersedia untuk berkhidmat di dalam sektor pelancongan di Daerah Jelebu. Cadangan ini juga bertujuan bagi meningkatkan keyakinan dan kebolehan berkomunikasi dan membuat penyampaian maklumat-maklumat pelancongan dengan lebih berkesan, di samping ke arah menyediakan satu tahap perkhidmatan dan hospitaliti yang berkualiti untuk para pelancong. Cadangan ini juga bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kemahiran untuk menjadi *tour guide* tempatan kepada pelancong serta duta pelancongan Daerah Jelebu.

JUSTIFIKASI CADANGAN

- Meningkatkan keyakinan dan kebolehan dalam menyampaikan maklumat secara berkesan.
- Meningkatkan kualiti penyampaian dan servis dalam sektor pelancongan.

KOMPONEN CADANGAN

KOMPONEN PEMBANGUNAN

Kerjasama antara institusi pendidikan melahirkan graduan yang berkemahiran dan bersedia untuk melibatkan diri dalam sektor pelancongan.	Penganjuran kursus dan latihan yang berbentuk *hand on training* dan latihan amali.	(i) Penganjuran kursus bahasa asing.	(ii) Penganjuran kursus hospitaliti, kulinari, gastronomi dan lain-lain.	(iii) Penganjuran kursus dan modul untuk melatih pemandu pelancong tempatan.

Melibatkan usaha sama dengan agensi-agensi berkaitan pelancongan, institusi yang menawarkan kursus pelancongan dan persatuan berkaitan (Persatuan Pemandu Pelancong, Persatuan Hotel Malaysia, Persatuan Institut-institut Latihan pelancongan Malaysia dan lain-lain)

TOURISM AMBASSADORS				
VOLUNTEER	*PARTNER*	*PRODUCT*	*GUIDE*	*CLEANING*

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	LPNS
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS DARIPADA AGENSI

***i. Intensive Communication Skills Program (ICSP)* untuk pemandu pelancong**

- Kursus spesifik untuk meningkatkan kualiti komunikasi dan penyampaian dalam Bahasa Inggeris.
- Melibatkan kerjasama antara badan bukan kerajaan seperti MTGC, IPTA dan IPTS.
- ICSP ini akan membantu meningkatkan keyakinan dan kebolehan dalam komunikasi dan membuat penyampaian maklumat secara berkesan kepada pelancong.

Jadual 5.9: Kandungan Kursus *Intensive Communication Skills Program (ICSP)*.

KANDUNGAN KURSUS		
Pengiktirafan	Sijil penyertaan dan kelayakan	
Jangka Masa	3 bulan – 4 bulan	
Agensi Pengajar	MANAGA MTGC/ NSTGA	IPTA IPTS
Jenis Kursus	**Komponen**	**Lokasi & Tempoh**
Hand on Training	*Effective communication* *Listening skills* *Reading skills* *Strategies for improving oral presentations* *'ice breakers' in communictation*	Dalam negara – 3 Bulan
Latihan Amali	Cara persembahan penceritaan, tahap keyakinan diri dan kefasihan penguasaan bahasa Inggeris	Luar negara – 1 Minggu
Kumpulan Sasaran	Pemandu pelancong tempatan, *frontdesk service*	

ii. Kursus Hospitaliti & Minda Pelancongan

- Kursus ini bertujuan untuk membina disiplin diri peserta dalam pelbagai jenis perkhidmatan seperti layanan pelancongan, penyediaan makanan dan lain-lain.
- Melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta dalam menentukan silibus dan pengiktirafan kursus.

Jadual 5.10: Kandungan Kursus Hospitaliti & Minda Pelancongan

KANDUNGAN KURSUS		
Pengiktirafan	Sijil penyertaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM1)	
Jangka Masa	1 – 2 minggu	
Mod Kursus	Praktikal Dikendalikan secara langsung di dapur/ restoran/ meja hadapan hotel bertaraf 4-5 bintang	
Cadangan Agensi Pengajar	IKBN Kolej Komuniti *Malaysia Budget Hotel Association*	
Jenis Kursus	**Komponen**	**Sasaran Peserta**
Disiplin dan budaya diri	Kemahiran dan tatatertib berkomunikasi dengan pelancong	Pekerja restoran Penyambut tetamu/ meja depan hotel
	Keterampilan diri (pakaian, kesopanan, dan kebersihan diri)	Pekerja restoran Pekerja hotel bajet
Operasi restoran	Cara penyediaan dan persembahan makanan kepada pelancong Pengendalian hidangan dan mengambil pesanan	Pekerja restoran
Kumpulan Sasaran	Penduduk tempatan, operator *homestay*, operator restoran	

iii. Program Menaiktaraf Kemahiran Pemandu Pelancong

- Untuk mewujudkan kategori baru pemandu pelancong mengikut keperluan baru seperti Jejak Budaya dan Warisan Jelebu, *Jelebu Geopark*.
- Untuk membolehkan pemandu pelancong mengenakan tahap bayaran yang lebih tinggi dalam menyokong pelancongan yang bernilai tinggi di Daerah Jelebu.
- Melibatkan kerjasama antara agensi pemandu pelancong yang ada seperti *Negeri Sembilan Tourist Guide Association, Malaysia Tourist Guide Council, Malaysia Nature Guide Association.*
- Bekerjasama dengan pihak MOTAC dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan dalam merangka piawaian kualiti, pelaksanaan, pensijilan dan sebagainya.
- Menggunakan *master trainer* sedia ada dalam MTGC untuk melatih pemandu-pemandu pelancong semasa.

Jadual 5.11 : Kandungan Kursus Program Menaiktaraf Kemahiran Pemandu Pelancong.

KANDUNGAN KURSUS		
Pengiktirafan	Sijil penyertaan dan Lesen Pemandu Pelancong	
Jangka Masa	6 bulan	
Agensi Pengajar	*Negeri Sembilan Tourist Guides Association* *Malaysia Tourist Guides Council* *Malaysia Nature Guide Association* *Master trainer*	MOTAC Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan
Jenis Kursus	Kerjasama antara agensi kerajaan swasta dalam membentuk piawaian kualiti, pelaksanaan program, pensijilan dan perlesenan.	
Latihan Amali oleh master trainer	Cara persembahan penceritaan, tahap keyakinan diri dan kefasihan penguasaan bahasa Inggeris.	
Kategori pemandu pelancong	*City guide*	*Nature guide*
Kumpulan sasasran	Pemandu pelancong, penduduk tempatan	

Nota:

MANAGA – Malaysia Nature Guide Association
MTGC – Malaysia Tourist Guide Council
NSTGA – Negeri Sembilan Tourist Guides Association
MOTAC – Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya

MOH MELAWAT JELEBU

PAHANG
(Daerah Bentong)

SELANGOR
(Daerah Hulu Langat)

Lembah Jemaloi

Gunung Besar Hantu & Gunung Kecil Hantu

Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan

Taman Negeri Kenaboi

Gua Harimau

Santuari Ikan Kelah

White Water Rafting Sungai Kenaboi

Genting Peres

Jeram Gading

Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar Glami Lemi

Terowong Sejarah Titi

Food Truck Jelebu

Pusat Maklumat Pelancong

Rumah Gadang Budi

Muzium Adat

Jelebu Histrocal Trail

Homestay Klawang

Jeram Toi

Dataran Bukit Tangga

Gunung Telapak Buruk

Bukit Batu Beras

Gua Pelangi

Arkeopelancongan Gua Pelangi

Geopark Jelebu (PKGA) & Pusat Informasi Kompleks Gua Jelebu

Daerah Jempol

Daerah Seremban

Daerah Kuala Pilah

KE BENTONG

KE SIMPANG PELANGAI

KE BERA

KE SEMENYIH

KE JEMPOL

KE KUALA PILAH

Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang

Cadangan Jalan Sg. Murtoh – Simpang Durian

Cadangan Jalan Kg. Gagu – Lenggeng

Cadangan Jalan Durian Tipus – Sg. Lui

Cadangan Jalan T dan 4 – Felda Lui Muda


Southern Central Road (SCR)













MAJLIS DAERAH JELEBU

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

RSN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN PUSAT INDUSTRI ASAS TANI DAN INDUSTRI BERASASKAN SUMBER

OBJ 2 MEMPERKUKUH AKTIVITI EKONOMI KHUSUSNYA PERTANIAN DAN PELANCONGAN BERASASKAN SUMBERJAYA SEDIA ADA

FKS 1 PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAN ZON KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

ISU UTAMA

ISU 1 KEWUJUDAN LOT-LOT TANAH PERINDUSTRIAN TERANCANG YANG MASIH BELUM DIBANGUNKAN SEPENUHNYA

ISU 2 KEWUJUDAN INDUSTRI-INDUSTRI TIDAK TERANCANG DI SEPANJANG JALAN UTAMA

POTENSI UTAMA

POT 1 KLUSTER INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) BOLEH DIWUJUDKAN DI DAERAH JELEBU KERANA KEDAPATAN HASIL PERTANIAN YANG BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI SUMBER/ PRODUK IKS YANG BOLEH DIKOMERSIALKAN

POT 2 KEDAPATAN KAWASAN HUTAN PENGELUARAN DI DAERAH JELEBU SELUAS 1,740.00 HEKTAR SEBAGAI SUMBER BAHAN MENTAH KEPADA INDUSTRI PERKAYUAN











STRATEGI T2.5 MENGUKUHKAN SEKTOR INDUSTRI MELALUI POTENSI SUMBERJAYA DAN KAWALAN INDUSTRI

Momentum pertumbuhan ekonomi akan dipercepat dengan merangsang aktiviti bagi meningkatkan rantaian nilai dan menggalakkan pelaburan swasta. Tumpuan akan diberi kepada pengukuhan asas ekonomi bagi melonjakkan Daerah Jelebu menjadi lebih maju dan inklusif berlandaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi untuk memacu produktiviti.

CADANGAN

T2.5A CADANGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

T2.5B CADANGAN MEMPERGIAT PENGISIAN LOT-LOT KOSONG INDUSTRI KAWASAN PERINDUSTRIAN SIMPANG PERTANG

T2.5C CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN BAHARU

T2.5D CADANGAN PEMUTIHAN INDUSTRI







STRATEGI **T2.5**	**MENGUKUHKAN SEKTOR INDUSTRI MELALUI POTENSI SUMBERJAYA DAN KAWALAN INDUSTRI**
CADANGAN **T2.5A**	**CADANGAN KAWASAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Industri IKS ini merupakan titik permulaan untuk melahirkan usahawan masa depan yang berdaya saing dan produktif. Bermulanya dengan menjalankan aktiviti pembuatan dan pemprosesan dari rumah *(home base)*, sasaran seterusnya adalah untuk memodenkan dan mentransformasikan industri IKS sebagai satu entiti yang dinamik dan berdaya saing.
- Dengan memajukan industri IKS ini akan mencetuskan rantaian nilai ditambah *backward and forward lingkages* dalam ekonomi domestik yang akan menambahkan kesan berganda dalam ekonomi di Daerah Jelebu.
- Sehubungan dengan itu bagi meningkatkan lagi taraf kualiti produk IKS di Daerah Jelebu, disasarkan pengusaha-pengusaha IKS ini beroperasi di kawasan IKS yang lebih terancang dan tersusun pada masa akan datang.
- Ini adalah bagi menjamin produk keluaran IKS adalah lebih bermutu dan berkualiti dengan pemantauan daripada agensi dan jabatan yang terlibat antaranya Jabatan Kesihatan, FAMA, SME Corp dan lain-lain yang berkaitan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Berdasarkan kepada kajian lapangan yang dijalankan, produk makanan dan minuman merupakan aktiviti yang tertinggi disertai oleh pengusaha-pengusaha di Daerah Jelebu iaitu seramai **86 orang pengusaha.**
- Antara produk yang dihasilkan adalah kuih bahulu, dodol, mi kuning, roti canai segera, kerepek pisang, air tebu, pelbagai makanan sejuk beku, pizza mini dan lain-lain lagi. Sumber pertanian yang banyak di Daerah Jelebu merupakan faktor utama ramai pengusaha IKS membuat produk makanan dan minuman untuk dijadikan sebagai produk IKS.
- Kepentingan kewujudan IKS di Daerah Jelebu adalah:
  - ✓ Menambahkan pendapatan usahawan-usahawan yang terlibat.
  - ✓ Menyediakan peluang-peluang pekerjaan menggunakan kemahiran yang ada.
  - ✓ Mempertingkatkan penggunaan bahan mentah tempatan di Daerah Jelebu.
  - ✓ Peluang menceburi dalam bidang perusahaan.
  - ✓ Peluang menggunakan kebolehan, daya cipta dan kreativiti individu.
  - ✓ Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ, SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA** (TAHUN 2031-2035)	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS DARI PIHAK SWASTA**

TAHUN 2019

86 PENGUSAHA IKS Daerah Jelebu






Gambaran contoh produk industri asas tani yang boleh diperkenalkan di Daerah Jelebu



INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Pekan Titi – Tanah Kerajaan (4.82 ekar)
- Kawasan Simpang Durian - Lot 541, 362, 836, 837 (18.90 ekar)

Rajah 5.19: Cadangan Mewujudkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)



PETUNJUK:

- Cadangan Kawasan Perindustrian

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

KOMPONEN CADANGAN:

- **Pemilihan Kawasan IKS**

1 KAWASAN IKS TITI

- Tapak cadangan adalah seluas 4.82 ekar
- Merupakan tanah milik kerajaan
- Lokasi tapak cadangan adalah strategik iaitu berhadapan dengan Cadangan Pusat Pengumpulan Hasil Setempat oleh Jabatan Pertanian dan berdekatan dengan Pekan Titi. Perletakkannya di jalan utama akan memudahkan pelanggan/ pembeli untuk berurusan bagi mendapatkan produk di kawasan IKS ini
- Kaedah pembangunan boleh dilaksanakan dengan mengadakan usaha sama bersama mana-mana perbadanan negeri, agensi kerajaan atau pemaju

2 KAWASAN IKS SIMPANG DURIAN

- Tapak cadangan adalah seluas 18.90 ekar.
- Merupakan tanah berimilik di atas lot 541, 362, 836 dan 837, Mukim Triang Ilir.
- Lokasi tapak cadangan adalah strategik iaitu berdekatan dengan sumber hasil pertanian iaitu TKPM Air Baning, TKPM Bemban, kawasan sawah padi dan hasil-hasil pertanian yang lain.
- Bagi memajukan kawasan ini, rundingan bersama tuan tanah adalah diperlukan kerana tapak ini merupakan tanah berimilik. Kaedah pembangunan boleh dilaksanakan dengan mengadakan usaha sama bersama mana-mana perbadanan negeri, agensi kerajaan atau pemaju.
- Pihak MDJ selaku PBT boleh memajukan kawasan ini dengan menggunakan kaedah kawasan pemajuan, Seksyen 28 Akta 172. Walau bagaimanapun kewangan yang kukuh diperlukan untuk melaksanakan kaedah ini kerana melibatkan kos pengambilan tanah berimilik oleh PBT.

- **Peserta**
  - Kawasan IKS yang dicadangkan ini terbuka kepada mana-mana pengusaha sama ada di dalam dan di luar Daerah Jelebu.
  - Walau bagaimanapun keutamaan diberikan kepada 86 pengusaha IKS yang berdaftar dengan agensi/ jabatan Daerah Jelebu yang ingin mengembangkan perusahaan agar lebih tersusun dan berdaya maju.
- **Komponen Pembangunan:**
  - Ruang/ Lot Perniagaan
  - Ruang pameran produk IKS
  - Ruang pemprosesan
  - Tempat letak kenderaan
  - Tandas dan surau

















Contoh IKS di Pusat IKS Rembia (Melaka)

STRATEGI **T2.5**	**MENGUKUHKAN SEKTOR INDUSTRI MELALUI POTENSI SUMBERJAYA DAN KAWALAN INDUSTRI**
CADANGAN **T2.5B**	**CADANGAN MEMPERGIATKAN PENGISIAN LOT-LOT KOSONG INDUSTRI KAWASAN PERINDUSTRIAN SIMPANG PERTANG**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Terdapat 7.76 hektar lot-lot industri kosong yang belum dibangunkan sepenuhnya di kawasan perindustrian Simpang Pertang.
- Pengisian lot-lot kosong industri ini dapat dilakukan melalui penawaran insentif dan promosi yang dijalankan oleh agensi dan pihak PBT.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menjana ekonomi melalui aktiviti industri dengan kemasukan pengusaha industri dan pelabur di Daerah Jelebu.
- Meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk Daerah Jelebu.
- Mewujudkan industri hiliran bagi industri berasaskan perkayuan dan pertanian.



Aktiviti Semasa di Kawasan Perindustrian Simpang Pertang

KOMPONEN CADANGAN:

- Pihak Majlis Daerah Jelebu dicadangkan untuk mengadakan sesi *townhall* bersama-sama dengan pemilik lot-lot industri di Kawasan Simpang Pertang bagi membincangkan isu dan masalah yang dihadapi dalam membangunkan kawasan perindustrian ini
- Bagi mengalakkan pemilik-pemilik tanah membangunkan lot-lot kosong di Kawasan Perindustrian Simpang Pertang, Pihak Majlis Daerah Jelebu dan agensi berkaitan boleh mencadangkan bentuk insentif seperti berikut:
  - Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan pembangunan tanah yang meliputi permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan lain.
  - Memendekkan norma masa dan memudahkan cara proses permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan perakuan permohonan pembangunan tanah.
- Pihak *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) juga boleh menawarkan beberapa insentif kepada pelabur atau pengusaha yang ingin menjalankan aktiviti industri di Daerah Jelebu seperti:
  - **INSENTIF BAGI KAWASAN KURANG MEMBANGUN**
    - ✓ Kadar cukai 0% selama 10 tahun dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal antara RM300 – RM500 juta
    - ✓ Kadar cukai 0% selama 15 tahun dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal melebihi RM500 juta
    - ✓ 100% Elaun Cukai Pelaburan selama lima (5) tahun untuk pelaburan modal melebihi RM300 juta bagi syarikat sedia
  - **INSENTIF PELABURAN UMUM**
    - ✓ Kadar cukai 0% selama 10 tahun dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal antara RM300 – RM500 juta
    - ✓ Kadar cukai 0% selama 15 tahun dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal melebihi RM500 juta
    - ✓ 100% elaun cukai pelaburan selama lima (5) tahun untuk pelaburan modal melebihi RM300 juta bagi syarikat sedia ada
  - **INSENTIF BAGI PELABURAN BERASASKAN SUMBER**
    - ✓ Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun
    - ✓ Elaun cukai pelaburan sebanyak 60% - 70% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun
- Pihak MIDA boleh membantu dalam mempromosikan Kawasan Perindustrian Simpang Pertang kepada pengusaha/ syarikat/ pelabur yang berminat melabur di Daerah Jelebu. Antara aktiviti industri yang boleh dipromosikan di Kawasan Perindustrian Simpang Pertang selain daripada aktiviti perkayuan sedia ada, industri berasaskan pertanian juga dilihat berpotensi untuk dipromosikan memandangkan lokasi Kawasan Perindustrian Simpang Pertang ini berdekatan dengan kawasan TKPM sedia ada.


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ DAN MIDA**
KATEGORI CADANGAN	**INSENTIF**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**DASAR SEDIA ADA DAN KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA** (TAHUN 2031-2035)	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN SECARA TERUS DARI PIHAK SWASTA**

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Kawasan Perindusrtrian Simpang Pertang

Rajah 5.20: Lokasi Lot-lot Kosong di Kawasan Perindustrian Simpang Pertang



PETUNJUK:

- Perindustrian Sedia Ada
- Lot-lot Industri Kosong


LAIN - LAIN

- Jalanraya
- Sungai

SINGKATAN

DOR Dewan Orang Ramai
PMU Pencawang Masuk Utama

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035



STRATEGI **T2.5**	**MENGUKUHKAN SEKTOR INDUSTRI MELALUI POTENSI SUMBERJAYA DAN KAWALAN INDUSTRI**
CADANGAN **T2.5C**	**CADANGAN KAWASAN POTENSI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN BAHARU**

DISKRIPSI CADANGAN:

- Daerah Jelebu memerlukan satu kawasan perindustrian baharu sebagai **pemangkin ekonomi** kepada sektor perindustrian daerah. Terdapat dua kawasan perindustrian terancang sedia ada iaitu Industri IKS Singkong (Bengkel) dan Kawasan Perindustrian Simpang Pertang (Perkayuan).
- Cadangan kawasan perindustrian baharu adalah di **kawasan potensi pembangunan bercampur Simpang Pertang** dirancang sebagai kawasan potensi pembangunan ekonomi yang membentuk kawasan bandar baru yang terdiri daripada kawasan kediaman, komersial, industri dan disokong oleh pembangunan kemudahan-kemudahan bagi kegunaan penduduk setempat.
- Penyediaan taman perindustrian "*Gated & Guarded*" yang menerapkan konsep "*Clean & Green*" bagi mencapai pembangunan mampan selari kearah matlamat Daerah Jelebu sebagai daerah biodiversiti.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Sebagai pemangkin kepada pembangunan Daerah Jelebu khususnya kawasan sekitar terutamanya di kawasan Pekan Simpang Pertang.
- Mengambil peluang dari pembangunan cadangan Lebuh Raya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang dan Lebuh Raya Southern Central Road (SCR). Lebuh raya ini yang menghubungkan terus Jelebu dengan daerah sekitar dan membantu untuk pertumbuhan pembangunan di sekitar Simpang Pertang. Di samping dapat mempercepatkan masa dan memendekkan jarak perjalanan.
- Bekalan sumber tenaga buruh dari kawasan sekitar iaitu penduduk FELDA dan kampung serta daerah bersebelahan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Lot/ unit industri terancang sesebuah dan teres
- Zon penampan bagi industri
- Badan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan dan kawasan industri
- Asrama pekerja
- Kawasan berpagar dan terkawal (*perimeter fencing*)
- Perkedaian dan medan selera
- Pengawasan keselamatan 24 jam oleh pengawal
- Pengawasan CCTV
- Penyediaan infrastruktur dan utiliti seperti sistem kumbahan dan tangki air

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**STRATEGIK**	**AGENSI PELAKSANA**	**SWASTA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**SWASTA**










- Pegangan Bebas
- *Gated & Guarded*
- Bersedia untuk industri masuk
- Untuk pajakan/ dijual
- Kemudahan jarak berjalan kaki di dalam kawasan industri
- Program ***Jelebu Second Home*** ini merupakan galakan penduduk yang bekerja dan tinggal di Seremban atau Lembah Klang memiliki rumah kedua di Daerah Jelebu.
- Lokasi cadangan ini terletak di kawasan koridor barat Daerah Jelebu antara Kuala Klawang – Kenaboi. Kawasan ini mempunyai keadaan muka bumi yang berbukit-bukau dan berhampiran hutan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Faktor kekayaan sumber alam semula jadi dan kepelbagaian biodiversiti merupakan potensi tinggi untuk mendapatkan pengalaman dan kehidupan dengan mempromosikan:
  - **Suasana nyaman yang jauh daripada kesesakan perbandaran**
  - **Harga pasaran dan nilai tanah yang rendah**
  - **Jarak yang tidak terlalu jauh daripada bandar-bandar utama**
- **Kewujudan Lebuh Raya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang** pada masa akan datang merupakan salah satu potensi besar bagi melaksanakan *Jelebu Second Home* kerana dapat memendekkan masa dan mempercepatkan perjalanan dari bandar-bandar utama.
- Majlis Daerah Jelebu (MDJ) boleh menggalakkan pihak pemilik tanah dan pelabur luar yang berminat untuk membangunkan tanah-tanah di Daerah Jelebu bagi menjayakan cadangan ***Jelebu Second Home***.

KOMPONEN CADANGAN:

- Perumahan yang berdensiti rendah (1 unit/ekar).
- Kemudahan asas dan infrastruktur yang lengkap.
- Penyediaan kolam, gelanggang tenis, *gymnasium* dan dewan serbaguna.
- Reka bentuk perumahan dalam kebun buah-buahan yang mengambilkira *jogging track* dan pejalan kaki.
- Sistem keselamatan yang ketat daripada komuniti luar.
- Contoh konsep perumahan ***Tropical Modernism*** yang menggabungkan kombinasi antara moden dan semula jadi.





BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	SWASTA
KATEGORI CADANGAN	GARIS PANDUAN	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PANJANG	KAEDAH PELAKSANAAN	SWASTA









LOKASI:


KAWASAN KAMPUNG (*JELEBU SECOND HOME*):

- Kg. Ulu Jelebu
- Kg. Guntong
- Kg. Chepam
- Kg. Tembun
- Kg. Bt. Piatu
- Kg. Gagu
- Kg. Tengah
- Kg. Seperi
- Kg. Kongkoi
- Kg. Kongkoi
- Kg. Puom
- Kg. Chennah
- Kg. Dusun Kubor
- Kg. Telekong
- Kg. Siamat
- Kg. Kekabu
- Kg. Temelang

Rajah 6.5: Kawasan Potensi Pembangunan Rumah Kedua Jelebu

JARAK DENGAN BANDAR UTAMA				
BIL	BANDAR UTAMA	JARAK	MASA (SEMASA)	MASA (AKAN DATANG)
NEGERI SEMBILAN				
1.	Seremban	34 Km	41 Minit	41 Minit
LEMBAH KLANG				
2.	Ampang Jaya	70 Km	1 Jam 29 Minit	1 Jam
3.	Semenyih	50 Km	57 Minit	30 Minit
4.	Kuala Lumpur	98 Km	1 Jam 32 Minit	1 Jam
5.	Putrajaya	92 Km	1 Jam 26 Minit	1 Jam

Nota: Program *Jelebu Second Homes* hendaklah di luar 50m (zon penampan) daripada kawasan hutan.



PETUNJUK

Tapak Cadangan *Jelebu Second Homes*


PERUMAHAN

- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedia Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai
- Kawasan KSAS Tahap 1
- Kawasan KSAS Tahap 2
- Kawasan KSAS Tahap 3

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

OBJ 4 MERANCANG DAN MEMPERKUKUH PUSAT-PUSAT PETEMPATAN UTAMA DAN KECIL MENGIKUT HIERARKI DAN FUNGSI BANDAR

FKS 5 PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA BANDAR DAN LUAR BANDAR

FKS 7 PENCAPAIAN SASARAN PENDUDUK 2035

ISU UTAMA

ISU 1 SAIZ TAPAK KEMUDAHAN HOSPITAL SEDIA ADA YANG TERHAD IAITU SELUAS 7 EKAR SAHAJA

ISU 2 KEADAAN FIZIKAL KEMUDAHAN KLINIK KESIHATAN YANG KURANG BAIK DAN KELENGKAPAN INFRASTRUKTUR YANG KURANG MEMUASKAN

ISU 3 CAPAIAN JARAK DAN MASA PERJALANAN YANG TINGGI (MELEBIHI 20 MINIT) DARI BALAI BOMBA SEDIA ADA

ISU 4 TAHAP FIZIKAL DAN PENGISIAN TAPAK PERKUBURAN ISLAM SEDIA ADA YANG TELAH MENCAPAI 80%

ISU 5 KEPERLUAN PENAMBAHAN KEMUDAHAN MASYARAKAT BAGI KEMUDAHAN PENDIDIKAN, KEMUDAHAN KESELAMATAN DAN KEMUDAHAN AWAM LAIN

POTENSI UTAMA

POT 1 TERDAPAT POTENSI PEMBANGUNAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAHARU SELARAS DENGAN PERSEKITARAN DAN KESEDIAAN TANAH DAERAH

STRATEGI T3.2 MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI

Penyediaan kemudahan masyarakat yang inklusif dan mencukupi mengambilkira aspek pertambahan penduduk sehingga tahun 2035 dengan memastikan pelbagai lapisan dan pelosok masyarakat di Daerah Jelebu mendapat akses dan manfaat yang sewajarnya terhadap kemudahan yang disediakan ke arah pembangunan kawasan yang berdaya huni.

CADANGAN

T3.2A CADANGAN HOSPITAL DAERAH JELEBU BAHARU

T3.2B CADANGAN PUSAT REHABILITASI DAN GERIATRIK DI TAPAK HOSPITAL LAMA

T3.2C CADANGAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN DAN KLINIK DESA SEDIA ADA

T3.2D CADANGAN SEKOLAH MENENGAH BAHARU

T3.2E CADANGAN SEKOLAH KEBANGSAAN BAHARU

T3.2F CADANGAN SMKA JELEBU BERASRAMA PENUH


T3.2G CADANGAN TAPAK RIZAB PERKUBURAN ISLAM

T3.2H CADANGAN BALAI POLIS BAHARU DAN NAIK TARAF BALAI POLIS SEDIA ADA

T3.2I CADANGAN BALAI BOMBA BAHARU DAN NAIK TARAF BALAI BOMBA SEDIA ADA

T3.2J CADANGAN HAB KOMUNITI BELIA



STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2A	CADANGAN HOSPITAL DAERAH JELEBU BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN:

- Penyediaan hospital baharu bertujuan melengkapi keperluan penduduk yang bertambah sehinga tahun 2035.
- Keperluan penyediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang lengkap serta moden bagi menyokong pertambahan penduduk pada masa hadapan.
- Cadangan hospital ini juga perlu dilengkapi dengan kemudahan yang lebih baik termasuk perkhidmatan doktor pakar dan pembedahan ringan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Berdasarkan unjuran 2035 dengan jumlah penduduk seramai 58,219 orang, Hospital Daerah Jelebu sedia ada hanya mampu menampung keperluan sehingga tahun 2025 sahaja.
- Hospital sedia ada yang tidak mempunyai keluasan yang cukup (7 Ekar) untuk menampung permintaan penambahan jumlah katil serta komponen pembangunan bagi sesebuah hospital daerah.
- Menyokong kepada keperluan keluasan, kemudahan dan perkhidmatan perubatan yang sepatutnya bagi sesebuah hospital daerah.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan komponen pembangunan melibatkan:

Komponen Utama	Komponen Sokongan
✓ Pusat rawatan harian ✓ Perkhidmatan pesakit dalam ✓ Perkhidmatan rawatan dan diagnostik ✓ Perkhidmatan pakar dan sokongan perubatan ✓ Dewan bedah ✓ Perkhidmatan sokongan lain (*catering*, kejuruteraan, linen etc), ✓ Pentadbiran hospital, latihan dan kemudahan kakitangan seperti kuarters kakitangan, auditorium/ bilik seminar/ bilik mesyuarat dan taman terapeutik	✓ Tempat letak kereta awam ✓ Kantin/kafetaria ✓ Pusat asuhan kanak-kanak ✓ Surau, bilik/ruang rehat ✓ Laluan pejalan kaki ✓ Tempat menunggu dan taman awam

- Susunatur hospital perlu menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dengan mematuhi 'Universal Design Guidelines'

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	KKM
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JKN
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKKAN AGENSI (JKN)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI












Gambaran cadangan hospital baharu

Rajah 6.6: Cadangan Tapak Hospital Baharu Daerah Jelebu




PETUNJUK:
- Tapak Hospital Sedia Ada
- Tapak Cadangan Hospital Baharu

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

LAIN-LAIN
- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2B	CADANGAN PUSAT REHABILITASI DAN GERIATRIK DI TAPAK HOSPITAL LAMA

DISKRIPSI CADANGAN:

- Selaras dengan cadangan perpindahan Hospital Jelebu, tapak hospital lama ini akan dicadangkan sebagai pusat rehabilitasi dan geriatrik yang akan memfokuskan perkhidmatan kepada rawatan golongan tua/ warga emas melalui perkhidmatan pesakit dalam dan pesakit luar yang berkualiti dan cekap bagi membolehkan mereka mencapai tahap kualiti kehidupan dan kefungsian yang optimum di Daerah Jelebu.
- Pembangunan pusat ini perlu menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dengan mematuhi *Universal Design Guidelines*.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Penyediaan pusat rehabilitasi dan geriatrik bertujuan melengkapi keperluan kesihatan penduduk terutama golongan tua bagi keperluan dan persediaan ke arah negara tua pada masa hadapan.
- Pusat ini dijangka akan menawarkan perkhidmatan kesihatan yang lebih menyeluruh kepada penduduk di Jelebu serta kawasan sekitar dengan kemudahan yang lebih lengkap dan selesa bagi menampung pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.
- Penyediaan perkhidmatan kesihatan ini juga bagi menyokong pembangunan pelancongan kesihatan Daerah Jelebu dengan kemudahan yang bersesuaian bagi menarik pengunjung ke Jelebu bagi mendapatkan perkhidmatan ini.


KOMPONEN CADANGAN:

- Komponen pembangunan pusat rehabilitasi dan geriatrik adalah seperti berikut:

Komponen Utama	Komponen Sokongan
✓ Perkhidmatan Pesakit Dalam – wad pesakit (wad pesakit biasa dan wad rawatan intensif) ✓ Perkhidmatan Rawatan dan Diagnostik ✓ Sokongan Klinikal termasuk Farmasi, Lab, X-Ray dan Rehabilitasi ✓ Pentadbiran ✓ Stor perubatan ✓ *Server Room* (pilihan) ✓ Unit Rekod Perubatan ✓ Kemudahan kakitangan seperti bilik rehat, tandas, tempat letak kereta kakitangan, katering	✓ Ruangan menunggu ✓ Surau dan tandas ✓ Lain-lain kemudahan awam yang bersesuaian

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	KKM
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JKN
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKKAN AGENSI (JKN)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



Tapak hospital lama yang akan dicadangkan pusat rehabilasi dan pediatrik Jelebu




Contoh cadangan pusat rehabilitasi






Contoh gambaran kemudahan perubatan rehabilitasi



Contoh gambaran kemudahan pusat rehabilitasi dan geriatrik

Rajah 6.7: Cadangan Pusat Rehabilitasi Dan Geriatrik Di Tapak Hospital Lama



PETUNJUK:


- Tapak Cadangan Pusat Rehabilitasi dan Geriatrik

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2C	CADANGAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN DAN KLINIK DESA SEDIA ADA

DESKRIPSI CADANGAN:

- Berikutan pertambahan penduduk menjelang tahun 2035, Daerah Jelebu perlu menaiktaraf klinik kesihatan sedia ada bagi menampung keperluan penduduk serta memastikan perkhidmatan yang berkesan kepada penduduk sehingga tahun 2035.
- Cadangan naik taraf ini melibatkan 6 buah klinik kesihatan sedia ada yang merangkumi aspek naik taraf jenis klinik dan keadaan fizikal bangunan dan persekitaran.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Keperluan menaiktaraf klinik kesihatan sedia ada disebabkan isu keadaan fizikal yang kurang baik dan terdapat keperluan tinggi untuk tampungan penduduk dengan penambahbaikan perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan berkesan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Naik taraf yang dilakukan merangkumi naik taraf jenis klinik, kemudahan sokongan perubatan, kemudahan sokongan awam serta pembaikan fizikal bangunan dan infrastruktur klinik.

Tapak Cadangan Naik Taraf Klinik Kesihatan dan Klinik Desa Sedia Ada

BIL	CADANGAN	LUAS SEMASA (HEKTAR)	LUAS CADANGAN (HEKTAR)
(i)	**Klinik Kesihatan Titi (Jenis IV) naik taraf kepada jenis III** dengan memindahkan lokasi ke Pekan Titi Lot 7005 (300-500 pesakit)	0.75 Hektar (1.85 Ekar)	2.02 Hektar (4.99 Ekar)
(ii)	**Klinik Kesihatan Pertang (Jenis IV) naik taraf kepada jenis III** (300-500 pesakit)	2.09 Hektar (5.17 Ekar)	-
(iii)	**Klinik Kesihatan Simpang Durian (Jenis IV) naik taraf kepada jenis III** (300-500 pesakit)	3.24 Hektar (8.00 Ekar)	-
(iv)	**Klinik Kesihatan Pasoh 1 (jenis V) naik taraf kepada jenis IV** dengan kemudahan bilik pemeriksaan rawatan, farmasi, ambulans dan kuarters kakitangan (150-300 pesakit)	0.43 Hektar (1.06 Ekar)	Perlu keluasan min 3.7 ekar *
(v)	**Klinik Desa Chennah (jenis V) naik taraf fizikal dan kemudahan** dengan penambahan bangunan makmal dan farmasi	0.22 Hektar (0.54 Ekar)	Perlu keluasan min 3.00 ekar
(vi)	**Klinik Desa Simpang Pertang naik taraf kepada klinik kesihatan jenis VII** dengan penambahan bilik pemeriksaan, farmasi, ruang menunggu dan kuarters kakitangan (30-50 pesakit)	0.09 Hektar (0.22 ekar)	Perlu keluasan min 1.5 ekar *

Nota : *Cadangan kuarters perlu penambahan keluasan minimum 1.00 ekar (jenis VII) dan 2.5 ekar (jenis IV)

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KKM
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	PKD
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKKAN AGENSI (PKD)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI


Klinik kesihatan Titi Sedia Ada


Klinik Kesihatan Simpang Durian Sedia Ada



Klinik Kesihatan Pasoh 1 Sedia Ada


Contoh Klinik kesihatan yang dinaiktaraf



Gambaran Cadangan Klinik Kesihatan

Rajah 6.8: Tapak Cadangan Naik Taraf Klinik Kesihatan dan Klinik Desa Sedia Ada


(i) Klinik Kesihatan Titi Jenis IV Naik Taraf Kepada Jenis III




(ii) Klinik Kesihatan Pertang Jenis IV Naik Taraf Kepada Jenis III




(iii) Klinik Kesihatan Simpang Durian Jenis IV Naik Taraf Kepada Jenis III



(iv) Klinik Kesihatan Pasoh 1 Jenis V Naik Taraf Kepada Jenis IV



(v) Klinik Desa Chennah Jenis V Naik Taraf Fizikal Dan Kemudahan



(vi) Klinik Desa Simpang Pertang Naik Taraf Kepada Klinik Kesihatan Jenis VII



PETUNJUK:

- Cadangan Naik Taraf Klinik Kesihatan dan Klinik Desa Sedia Ada
- Tapak Cadangan Baharu Klinik Kesihatan Titi


INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi Kerajaan / Kemudahan Awam Cadangan

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T3.2**	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI**
CADANGAN **T3.2D**	**CADANGAN SEKOLAH MENENGAH BAHARU**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Berdasarkan unjuran 2035 mengikut mukim, Daerah Jelebu memerlukan tambahan 1 unit sekolah menengah baharu di kawasan Mukim Glami Lemi iaitu **Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah Pekan Titi.**

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Penyediaan sekolah baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan pertumbuhan pembangunan dan pertambahan penduduk di kawasan Glami Lemi dan sekitarnya iaitu seramai 23,038 orang menjelang tahun 2035.
- Keutamaan pemilihan lokasi adalah berdasarkan keperluan penduduk yang tinggi, lokasi yang strategik serta mempunyai tahap kemudahsampaian yang efektif bagi tujuan pembinaan sekolah baharu.
- Pembangunan sekolah di luar kawasan tadahan SM sedia ada (berdasarkan piawaian jarak radius SM yang digunapakai iaitu 0.8 km hingga 1.6 km) yang mana sekolah terdekat terletak lebih kurang 10 km iaitu SMK Undang Jelebu di Kuala Klawang.

KOMPONEN CADANGAN:

- Komponen pembangunan sekolah menengah yang dicadangkan adalah:
  - ✓ Mempunyai 36 bilik darjah
  - ✓ Pejabat pentadbiran
  - ✓ Bilik guru
  - ✓ Pusat sumber dan makmal
  - ✓ Padang
  - ✓ Surau
  - ✓ Lain-lain kemudahan sokongan
- Susun atur dan reka bentuk bangunan sekolah menengah perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.



Gambaran Cadangan kawasan sekolah menengah baharu

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KPM
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JPN
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Nota :


Daerah Jelebu mempunyai 3 sekolah menengah dalam kelompok keperluan yang berbeza dari segi aliran dan pemilihan pelajar iaitu:

- *Maktab Rendah Sains Mara*
- *Kolej Vokasional*
- *SM Agama Kerajaan Negeri Sembilan*


Kadar Keupayaan Pejalan Kaki dan Basikal yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Sekolah Menengah






Gambaran cadangan sekolah menengah baharu

Rajah 6.9: Cadangan Sekolah Menengah Baharu di Pekan Titi



PETUNJUK:

- Tapak Cadangan SMK Titi


INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi Kerajaan / Kemudahan Awam Cadangan

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2E	CADANGAN SEKOLAH KEBANGSAAN BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN:

- Berdasarkan unjuran 2035 mengikut mukim, Daerah Jelebu memerlukan tambahan sebanyak **1 unit sekolah kebangsaan baharu di kawasan Mukim Glami Lemi.**

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Penyediaan sekolah baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan pertumbuhan pembangunan dan pertambahan penduduk di kawasan Glami Lemi dan sekitarnya iaitu seramai 23,038 orang menjelang tahun 2035.
- Penyediaan sekolah juga perlu kerana masih tiada sekolah kebangsaan di Mukim Glami Lemi.
- Keutamaan pemilihan lokasi adalah berdasarkan kawasan yang mempunyai keperluan tinggi, lokasi yang strategik dan terdapat pembangunan perumahan komited, mempunyai tahap kemudahsampaian yang efektif bagi tujuan pembinaan sekolah baharu.
- Pembangunan sekolah di luar kawasan tadahan SK sedia ada (berdasarkan piawaian jarak radius SK yang digunapakai iaitu 0.8 km hingga 1.6 km) yang mana sekolah terdekat terletak lebih kurang 12 km iaitu Sekolah Kebangsaan Undang Jelebu di Kuala Klawang.

KOMPONEN CADANGAN:

- Komponen pembangunan sekolah kebangsaan yang dicadangkan adalah:
  - ✓ Mempunyai 12-40 bilik darjah
  - ✓ pejabat pentadbiran
  - ✓ Bilik guru
  - ✓ Pusat sumber dan makmal
  - ✓ Padang
  - ✓ Surau
  - ✓ Lain-lain kemudahan sokongan
- Susun atur dan reka bentuk bangunan sekolah kebangsaan perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KPM
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JPN
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Nota :

Daerah Jelebu mempunyai sejumlah 8 sekolah jenis kebangsaan dalam 2 kelompok keperluan yang berbeza untuk pemilihan pelajar iaitu:

- *SJK (C)*
- *SJK (T)*

Kadar Keupayaan Pejalan Kaki dan Basikal yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Sekolah Menengah










Gambaran cadangan sekolah kebangsaan baharu

Rajah 6.10: Cadangan Sekolah Kebangsaan Baharu



PETUNJUK:

- Tapak Cadangan SK Titi


INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi Kerajaan / Kemudahan Awam Cadangan

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035



STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2F	CADANGAN SMKA JELEBU BERASRAMA PENUH

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jelebu berkeluasan sebanyak 16.80 Hektar (41.51 Ekar) yang terletak di Pekan Pertang yang menyasarkan tampungan pelajar sebanyak 700 ke1,000 pelajar.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Penyediaan sekolah baharu adalah bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan sekolah menengah agama dan menarik lebih ramai pelajar ke Jelebu sekaligus dapat meningkatkan kedatangan pengunjung ke dalam daerah.
- Cadangan ini mengambilkira perpindahan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Klawang sedia ada di Bandar Kuala Klawang.






Gambaran cadangan sekolah menengah agama baharu

KOMPONEN CADANGAN:

- Komponen pembangunan sekolah yang dicadangkan adalah:
  - ✓ Mempunyai 12-40 bilik darjah
  - ✓ Asrama
  - ✓ Pejabat pentadbiran
  - ✓ Bilik guru
  - ✓ Pusat sumber dan makmal
  - ✓ Padang
  - ✓ Surau
  - ✓ Bangunan asrama
  - ✓ Lain-lain kemudahan sokongan
- Susun atur dan reka bentuk bangunan sekolah menengah perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.
- Tapak sekolah sedia ada di Kuala Klawang dicadangkan untuk pembesaran bangunan masjid sedia ada, penambahan ruang letak kenderaan, kemudahan sokongan awam lain serta pembangunan dewan serbaguna untuk kegunaan masyarakat.



Tapak Cadangan Pembesaran Masjid Sedia Ada/Pusat Perkembangan Sosial Agama di Tapak Lama SMA Kuala Klawang.


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	KPM
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JPN/ PAIJ
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKKAN AGENSI (JKN)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI



Gambaran cadangan pembesaran masjid sedia ada

Rajah 6.11: Cadangan Tapak SMKA Jelebu Berasrama Penuh



PETUNJUK:


- Tapak Cadangan SMKA Jelebu

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2G	CADANGAN TAPAK RIZAB PERKUBURAN ISLAM

DESKRIPSI CADANGAN:

- Penemuan mendapati kadar pengisian semasa tapak perkuburan Islam sedia ada telah mencapai 80% dengan baki tanah perkuburan sekitar 20% seluas 13 hektar namun terdapat halangan dari segi kesesuaian tapak.
- Baki tanah perkuburan yang boleh diguna dianggarkan hanya sekitar 50% iaitu seluas 7 hektar sahaja.
- Oleh itu, Daerah Jelebu memerlukan penambahan tapak perkuburan menjelang tahun 2035 dengan jumlah penduduk seramai 58,219 orang.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Pengisian tapak perkuburan Islam sedia ada yang telah mencapai 80% pengisian ini memerlukan tapak perkuburan Islam yang baru seluas 2.6 hektar bagi menampung pertambahan penduduk seramai 13,000 orang menjelang tahun 2035.
- Walaupun terdapat baki kekosongan, kebanyakannya sudah tidak sesuai diisi kerana tapak perkuburan tersebut terletak di kawasan yang kurang sesuai dijadikan sebagai tapak perkuburan kerana kawasan yang berpaya, kawasan mata air, kawasan yang berbatu keras dan lereng bukit.
- Keperluan untuk menyediakan rizab tanah perkuburan Islam ini adalah untuk memastikan kesediaan kawasan yang dikenalpasti di Kuala Klawang, Simpang Durian dan Kampung Chennah.

KOMPONEN CADANGAN:

Berdasarkan amalan GPP Perancangan Negeri Sembilan sebagai panduan kepada perancangan perkuburan yang optimum dan sesuai di kawasan Daerah Jelebu :

- Setiap tanah perkuburan haruslah mengandungi sekurang-kurangnya 15 modul yang boleh memuatkan sebanyak 600 lot kubur dengan keperluan ruang sekurang-kurangnya 2.5 ekar (1.0 hektar) untuk 5,000 penduduk.
- Menyediakan 8-10 petak letak kereta. Tiap-tiap satu lot adalah seluas 20-25mp termasuk kawasan untuk landskap.
- Kawasan seluas 400mp untuk satu bangunan awam yang memuatkan pejabat pentadbiran, kawasan rehat dan tandas.
- Menyediakan *perimeter planting* minima 5 kaki (1.5m) termasuk dalam jarak anjakan bangunan.
- Menyediakan kemudahan utiliti yang secukupnya.

BUTIRAN CADANGAN:


KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	JHEINS/ PAIDJ
KATEGORI CADANGAN	GARIS PANDUAN	AGENSI PEMANTAU	JHEINS
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKKAN AGENSI (PAIDJ)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI







Contoh Gambaran cadangan tapak perkuburan Islam




Contoh Lakaran 2D Susunatur Perkuburan Islam

INFO: KEPERLUAN TANAH PERKUBURAN

1. Kuala Klawang
   - Jumlah penduduk 2035 : 8,226 orang
   - Luas diperlukan: 1.64 Hektar (4.05 Ekar)
2. Simpang Durian
   - Jumlah penduduk 2035 : 7,101 orang
   - Luas diperlukan: 1.42 Hektar (3.51 Ekar)
3. Kampung Chennah
   - Jumlah penduduk 2035 : 1,295 orang
   - Luas diperlukan: 0.50 Hektar (1.24 Ekar)

Nota : cadangan lokasi adalah sebagai indikatif kepada tapak cadangan sebenar

Rajah 6.12: Tapak Cadangan Rizab Perkuburan Islam



PETUNJUK:

- Tapak Perkuburan Islam Sedia Ada
- Tapak Cadangan Rizab Perkuburan Islam

LAIN - LAIN

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan
- Rentis Elektrik
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T3.2**	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI**
CADANGAN **T3.2H**	**CADANGAN BALAI POLIS BAHARU DAN NAIK TARAF BALAI POLIS SEDIA ADA**

DISKRIPSI CADANGAN:

- Berdasarkan unjuran 2035 mengikut mukim, Daerah Jelebu memerlukan tambahan sebanyak 1 unit balai polis baharu kategori D di Mukim Ulu Triang bagi menampung keperluan penduduk dan menaiktaraf balai polis sedia ada bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan sehingga tahun 2035.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Penyediaan balai polis baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan unjuran berdasarkan pertambahan penduduk di sekitar kawasan Ulu Triang seramai 19,410 orang sehingga tahun 2035.
- Lokasi balai polis baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi, di luar kawasan tadahan balai polis semasa iaitu di Mukim Ulu Triang serta di kawasan terdapat kepadatan kemudahan institusi pendidikan.
- Balai polis ini juga bagi menampung kawasan sekitar Ulu Triang dan Ulu Klawang yang masih tiada kemudahan balai polis yang khusus.
- Lokasi balai polis terdekat terletak lebih kurang 7 km di Pekan Titi dan 4 km di Kuala Klawang
- Keperluan naik taraf balai polis sedia ada kerana keadaan fizikal balai yang kurang baik untuk memastikan perkhidmatan yang lebih berkesan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Komponen pembangunan balai polis baharu perlu dilengkapi :
  - ✓ Bangunan balai
  - ✓ Lokap Polis
  - ✓ Garaj
  - ✓ Rumah kediaman/ kuarters
  - ✓ Kemudahan keselamatan
  - ✓ Tempat letak kereta/ motosikal
  - ✓ surau
  - ✓ Kemudahan stor

Cadangan Balai Polis Baharu dan Naik Taraf IPD/ Balai Polis Sedia Ada

BIL	CADANGAN	LUAS SEMASA (HEKTAR)	LUAS CADANGAN (HEKTAR)
(i)	Cadangan Balai Polis Baharu Ulu Triang dengan penyediaan rumah ketua balai dan timbalan ketua balai beserta kuarters anggota polis	-	3.38 Hektar (8.35 Ekar)
(ii)	Cadangan naik taraf IPD Jelebu dan kuarters anggota polis	2.04 Hektar (5.04 Ekar)	Perlu keluasan min 4.00 - 6.00 Hektar (10.00 - 15.00 Ekar)
(iii)	Cadangan naik taraf fizikal dan kemudahan balai polis Simpang Durian	0.64 Hektar (1.58 Ekar)	-
(iv)	Cadangan naik taraf fizikal dan kemudahan balai polis Titi	1.19 Hektar (2.94 Ekar)	-
(v)	Cadangan naik taraf fizikal dan kemudahan balai polis Simpang Pertang	0.67 Hektar (1.66 Ekar)	

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**SOKONGAN**	**AGENSI PELAKSANA**	**KDN**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**IPK/ IPD**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**









Contoh gambaran cadangan balai polis baharu

Rajah 6.13: Tapak Cadangan Balai Polis Baharu di Mukim Ulu Triang dan Naik Taraf Balai Polis Sedia Ada


(i) Cadangan Balai Polis Baharu Ulu Triang




(ii) Cadangan Naik Taraf IPD Jelebu Dan Kuarters Anggota Polis



(iii) Cadangan Naik Taraf Fizikal Dan Kemudahan Balai Polis Simpang Durian



(iv) Cadangan Naik Taraf Fizikal Dan Kemudahan Balai Polis Titi



(v) Cadangan Naik Taraf Fizikal Dan Kemudahan Balai Polis Simpang Pertang



PETUNJUK:

- Tapak Cadangan


INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T3.2**	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI**
CADANGAN **T3.2I**	**CADANGAN BALAI BOMBA BAHARU DAN NAIK TARAF BALAI BOMBA SEDIA ADA**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Daerah Jelebu memerlukan cadangan penambahan 2 balai bomba dan penyelamat jenis D terutama di bahagian utara Daerah Jelebu bagi memastikan jarak masa perjalanan yang ideal untuk keberkesanan perkhidmatan dan keselamatan kepada penduduk.
- Balai Bomba Kuala Klawang sedia ada juga perlu dinaiktaraf untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan dengan kemudahan sokongan yang lengkap.
- Susun atur dan reka bentuk bangunan balai bomba perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Balai bomba baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai keperluan tinggi, di luar kawasan tadahan balai bomba semasa serta mempunyai kadar waktu bantuan sampai terbaik bomba iaitu 10 km untuk 10 minit. (lokasi balai bomba terdekat adalah di Pekan Simpang Pertang dan Bandar Kuala Klawang iaitu pada jarak 20-25 km).
- Menaiktaraf Balai Bomba Kuala Klawang kerana keluasan dan penyediaan perkhidmatan balai bomba sedia ada tidak mencukupi bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Setiap balai bomba perlu dilengkapi dengan bangunan balai, menara kawad, padang kawad, bangunan stor logistik, rumah kakitangan, ruang untuk pembangunan masa hadapan dan sebagainya.

Cadangan Balai Bomba Baharu dan Naik Taraf Balai Bomba Sedia Ada

BIL	CADANGAN	LUAS SEMASA (HEKTAR)	LUAS CADANGAN (HEKTAR)
(i)	Cadangan Balai Bomba Baharu Simpang Durian jenis D (1 Tapak)	-	1.27 Hektar (3.14 Ekar)
(ii)	Cadangan Balai Bomba Baharu Kampung Chennah jenis D (1 Tapak)	-	0.27 Hektar (0.66 Ekar)
(iii)	Balai Bomba Kuala Klawang (Jenis C) naik taraf kepada jenis B (3 Tapak) dengan cadangan dipindahkan ke lokasi baharu lot 3015	0.22 Hektar (0.54 Ekar)	Keluasan min 1.62 Hektar (4 Ekar)

Nota : cadangan lokasi adalah sebagai indikatif kepada tapak cadangan sebenar

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KPKT
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	JBPM
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	PENAMBAHBAIKKAN AGENSI (JBPM)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI





Contoh gambaran cadangan balai bomba dan Penyelamat




Contoh gambaran bay balai bomba & Penyelamat




Contoh gambaran jentera bomba dan penyelamat

Rajah 6.14: Tapak Cadangan Balai Bomba Baharu Dan Naik Taraf Balai Bomba Sedia Ada


(i) Cadangan Balai Bomba Baharu Simpang Durian JENIS D (1 Tapak)



(ii) Cadangan Balai Bomba Baharu Kampung Chennah Jenis D (1 Tapak)



(iii) Balai Bomba Kuala Klawang (Jenis C) Naik Taraf Kepada Jenis B (3 Tapak)



PETUNJUK:

- Tapak Cadangan


INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

PELAN LOKASI



Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.2	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF DAN MENCUKUPI
CADANGAN T3.2J	CADANGAN HAB KOMUNITI BELIA

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan Hab Komuniti Belia merupakan pusat komuniti yang menggabungkan kemudahan masyarakat secara berpusat yang berpotensi untuk dibangunkan di Daerah Jelebu.
- Hab komuniti ini lebih berfokus kepada kemudahan untuk golongan belia memandangkan terdapat institut pengajian tinggi dan sekolah asrama penuh yang majoritinya adalah golongan belia.
- Selain itu, cadangan hab komuniti belia ini juga sebagai komponen utama dalam Kawasan Zon Potensi Pembangunan yang akan memberi impak positif dalam membangunkan kawasan tersebut.

  (i) Cadangan Hab Komuniti Belia Koridor Kuala Klawang – Pekan Titi

  (ii) Cadangan Hab Komuniti Belia di Kawasan Zon Potensi Pembangunan

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Terdapat keperluan hab komuniti belia kerana kawasan ini merupakan kawasan tumpuan penduduk.
- Hab komuniti yang berfokus kepada golongan belia kerana terdapat institusi pengajian tinggi dan sekolah asrama penuh yang majoritinya adalah golongan belia.
- Memberi kemudahan kepada penduduk untuk mendapatkan akses kepada kemudahan masyarakat dan rekreasi secara menyeluruh.

KOMPONEN CADANGAN:

- Hab komuniti ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti:

Komponen Tapak Dewan Serbaguna dan lain-lain kemudahan

KOMPONEN PEMBANGUNAN *INDOOR*	KOMPONEN PEMBANGUNAN *OUTDOOR*
Dewan Serbaguna	**Padang serbaguna**
a. Dewan/ Pusat komuniti	a. Gelanggang permainan (sepak takraw, bola keranjang, badminton, futsal, dll)
b. Ruang-ruang khas (*Learning Centre*)	b. Kemudahan sukan lasak *(rock climbing, roller blade, skateboard*, dll)
c. Kemudahan surau	c. Trek Joging/ trek refleksologi
d. Tandas Awam	d. Kid Zone (taman permainan kanak-kanak)
e. Mini gimnasium	

- Susun atur dan reka bentuk bangunan hab komuniti perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	MDJ / SWASTA
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	MDJ
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI / SWASTA



Gambaran sukan lasak *rock climbing*



Gambaran gelanggang permainan



Gambaran taman permainan kanak-kanak (*Kid zone*)




Gambaran mini gimnasium




Gambaran ruang khas (*Learning Centre*)

Rajah 6.15: Cadangan Tapak Dewan Serbaguna Sebagai Hab Komuniti Belia

(i) Cadangan Hab Komuniti Belia Koridor Kuala Klawang – Pekan Titi



(ii) Cadangan Hab Komuniti Belia Di Kawasan Zon Potensi Pembangunan



PETUNJUK:

- Tapak Cadangan Hab Komuniti Belia

PEMBANGUNAN BERCAMPUR

- Zon Potensi Pembangunan Bercampur

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada


PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan

LAIN-LAIN

- Tepubina
- Sempadan Daerah/Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar

PELAN LOKASI



SENARAI STRATEGI DAN CADANGAN

DAERAH BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

OBJ 4 MERANCANG DAN MEMPERKUKUH PUSAT-PUSAT PETEMPATAN UTAMA DAN KECIL MENGIKUT HIERARKI DAN FUNGSI BANDAR

FKS 5 PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA BANDAR DAN LUAR BANDAR

ISU UTAMA

ISU 1 TIADA PENYEDIAAN TAMAN BANDAR YANG MENYELURUH, TERANCANG DAN BERIDENTITI DI DAERAH JELEBU

ISU 2 TIADA PENYEDIAAN TAMAN KEJIRANAN DI PEKAN SIMPANG PERTANG DAN PEKAN SIMPANG DURIAN

POTENSI UTAMA

POT 1 KAWASAN SEMULAJADI SEPERTI BUKIT TAJALI DAN SUNGAI TRIANG DI DALAM KAWASAN PUSAT BANDAR KUALA KLAWANG DI KETENGAHKAN SEBAGAI ASET TARIKAN KE DAERAH JELEBU

POT 3 DATARAN KLAWANG, KAWASAN STADIUM DAN TAPAK PASAR MALAM MEMPUNYAI POTENSI JIKA DI INTEGRASIKAN KETIGA-TIGA KAWASAN INI MELALUI PEMBANGUNAN LANDSKAP YANG MENYELURUH, TERANCANG DAN BERIDENTITI

POT 5 KAWASAN TAMAN KEJIRANAN DI BUKIT KEMPAS BERPOTENSI DINAIKTARAF KERANA KEDUDUKANNYA YANG BERADA DI ANTARA TAMAN-TAMAN PERUMAHAN

STRATEGI T3.3 MENYEDIAKAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG MENCUKUPI DAN BERSEPADU

Kawasan lapang dan rekreasi merupakan salah satu komponen yang memberikan sokongan terhadap sesuatu pembangunan bandar bagi memastikan kawasan lapang dan rekreasi mencukupi dan bersepadu di Daerah Jelebu beberapa inisiatif diambil untuk memastikan keperluan tanah lapang dan rekreasi di sediakan di Daerah jelebu mencukupi dan bersepadu.

CADANGAN

T3.3A CADANGAN KEMUDAHAN REKREASI BANDAR KUALA KLAWANG

T3.3B CADANGAN MENAIKTARAF TAMAN KEJIRANAN TAMAN BUKIT KEMPAS

T3.3C CADANGAN MENAIKTARAF DAN MENAMBAHBAIK DATARAN PERTANG













STRATEGI **T3.3**	**MENYEDIAKAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG MENCUKUPI DAN BERSEPADU**
CADANGAN **T3.3A**	**CADANGAN KEMUDAHAN REKREASI BANDAR KUALA KLAWANG** A. CADANGAN PEMBANGUNAN KLAWANG *TOWN PARK* B. CADANGAN POTENSI KLAWANG *LINEAR PARK*

DESKRIPSI CADANGAN:

- Keperluan dalam mewujudkan rangkaian Taman Bandar Kuala Klawang bagi mempromosikan konsep rangkaian bandar hijau berbiodiversiti serta sejahtera untuk meningkatkan aktiviti aktif dalam kawasan bandar.
- Taman Bandar dengan taman rekreasi dihubungkan melalui laluan pekalan kaki dan laluan berbasikal.
- Menaiktaraf dan menghubungkan Taman Awam MDJ dengan cadangan Klawang *Town park* sebagai warta taman bandar dan kawasan rekreasi yang baru kepada Daerah Jelebu

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menjadikan pusat Bandar Kuala Klawang mempunyai taman bandar yang berfungsi mengikut keperluan yang telah ditetapkan.
- Meliputi kesinambungan antara cadangan yang berada di pusat Bandar Kuala Klawang iaitu Bukit Tajali dan juga Bukit Undang yang terdapatnya Tugu Peringatan Inggeris, cadangan *linear park* di sebahagian Sungai Triang.
- Menghubungkan setiap kawasan dengan penyediaan laluan pejalan kaki yang mempunyai kesinambungan serta landskap lembut dan kejur sepanjang laluan.

KOMPONEN CADANGAN:

KOMPONEN	PENERANGAN
Taman Bandar	Cadangan penyediaan Klawang *Town Park* sebagai taman bandar di Daerah Jelebu dengan gabungan 2 warta sebagai kawasan taman bandar.
Taman Linear	Cadangan penyediaan Klawang *Linear Park* sebahagian daripada Sungai Triang yang berada di dalam Pusat Bandar Kuala Klawang.
Rangkaian Pejalan Kaki	• Menaiktaraf laluan pejalan kaki sedia ada dan cadangan pejalan kaki yang baru sebagai rangkaian kesinambungan di dalam pusat bandar • Cadangan laluan bagi sebarang perarakan melalui Jalan Syed Abu Bakar dan Jalan Dato' Abdullah
Landskap Lembut	Penyediaan landskap lembut berpasu di kaki lima jalan dan laluan pejalan kaki sebagai elemen penyejukan.
District Statement	Penyediaan *District Statement* berbentuk abjad "JELEBU DAERAH BIODIVERSITI" di Bukit Tajali

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**

Rajah 6.16: Pelan Kemudahan Rekreasi Bandar Kuala Klawang



PETUNJUK:

1. Cadangan Klawang *Town Park*
2. Cadangan Klawang *Linear Park*
3. Cadangan Gabungan dan Pewartaan Taman Awam MDJ

- Laluan Pejalan Kaki Sedia ada
- Cadangan Kesinambungan Pejalan Kaki
- Laluan Altenatif
- *District Statement*
- Vista Pandangan
- Kawasan Yang Tidak Termasuk di Dalam Kawasan Taman Bandar

LAIN-LAIN


- Sungai

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Bukit Tajali (8.31 Hektar)
- Sepanjang Sungai Triang (1.61 Hektar)

PELAN LOKASI



A.	CADANGAN PEMBANGUNAN *KLAWANG TOWN PARK*

DESKRIPSI CADANGAN:

- Penyediaan *Klawang Town Park* sebagai Taman Bandar yang dikenalpasti mempunyai potensi untuk dibangunkan kerana bentuk muka bumi yang berbukit dan bersebelahan dengan *Jelebu Historical Trail* yang dilihat mempunyai potensi untuk menjadi sebahagian daripada cadangan *Klawang Town Park*.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Kawasan Bukit Tajali, Jelebu *Historical Trail* dan Taman Awam MDJ, dilihat mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai taman bandar di Daerah Jelebu.
- Keadaan tapak semasa yang berbukit mempunyai potensi untuk pengunjung melakukan aktiviti riadah aktif dan pasif.
- Mengabungkan komponen pejalan kaki sedia ada yang telah di sediakan oleh Dato Undang sebagai laluan untuk menaiki Bukit Tajali.

KOMPONEN CADANGAN:

KOMPONEN	PENERANGAN
Zon 1 **ZON SELAMAT DATANG**	Merupakan pintu masuk utama ke *Klawang Town Park*. Bermula dengan tempat letak kereta, pengunjung akan melalui *Recycle Park* dan pintu masuk kedua berada bersebelahan masjid iaitu laluan ke Bukit Undang. • Kawasan letak kenderaan • Gerbang Masuk
Zon 2 ***MEMORIAL ZONE***	Terdapat Batu Peringatan Inggeris serta kolam tadahan air yang akan dinaiktaraf dengan kemasan lantai yang lebih menarik, tempat duduk yang mencukupi serta galeri informasi yang menerangkan sejarah kawasan ini. • Batu Peringatan Inggeris • Information kiosk
Zon 3 ***EXHIBITION ZONE***	Zon yang tertumpu kepada penyediaan taman seperti Taman Herba, Taman Orkid dan *Recycle Park*. Zon ini dapat menarik tumpuan dan perhatian mereka yang gemar tanam-tanaman dengan adanya pelbagai jenis tumbuhan dan bunga. • Taman herba • Taman orkid • *Recycle Park*
Zon 4 **ZON REKREASI**	Zon ini mengandungi kawasan tapak perkhemahan serta bangunan sokongan. Kemudahan seperti *Adventure Park, BBQ Pit,* kawasan berpagar dan sebagainya dijangka dapat menarik minat masyarakat untuk aktiviti perkhemahan keluarga. • Tapak perkhemahan • Bangunan fasiliti • *Adventure park*
Zon 5 ***EXPLORATION ZONE***	Zon ini merupakan kawasan yang paling jauh dari pintu masuk yang merangkumi hutan diteroka, arboretum serta puncak pemandangan. Ia merupakan aktiviti pilihan untuk mereka yang meminati keunikan spesies-spesies hutan. • Pelantar permandangan • *Multipurpose Lawn* • Denai hutan • *Entrance statement*

Sumber : RT Daerah Jelebu 2035

Rajah 6.17: Pelan Lokasi dan Cadangan *Kuala Klawang Town Park* Daerah Jelebu




PETUNJUK:

- Kawasan Cadangan
- 1 Tempat Letak Kendeeraaan
- 2 *Recycle Park*
- 3 Tugu Peringatan Inggeris
- 4 Pelantar Pemandangan
- 5 *District Statement*
- 6 Denai Hutan
- 7 Taman Awam

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Bukit Tajali (8.31 Hektar)
- Taman Awam MDJ

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

ILUSTRASI CADANGAN:




Gambaran district statement di Bukit Tajali

DISTRICT STATEMENT



Rekebentuk cadangan district statement

Ilustrasi zon cadangan




Gambaran zon selamat datang di Klawang Town Park




Gambaran cadangan zon dusun bagi tanaman – tanaman herba



Gambaran tapak perkhemahan



Gambaran contoh komponen cadangan *enterance statement*



Gambaran *canopy walk* dan denai hutan



Gambaran permandangan zon rekreasi di tapak perkhemahan





B.	CADANGAN POTENSI *KLAWANG LINEAR PARK*

DESKRIPSI CADANGAN:

- Cadangan ini merupakan kawasan laluan penyelenggaran yang dinaiktaraf menjadi sebuah *promenade* yang akan memberi manfaat kepada banyak pihak. Kemudahan yang disediakan adalah seperti tempat duduk, pokok teduhan, ruang siar kaki yang lebar dan sesuai untuk melakukan aktiviti berjogging atau bersantai.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Pembangunan ini mengambil kira kepentingan sungai kepada orang ramai dan seterusnya digunakan oleh penduduk setempat sebagai salah satu kawasan untuk berekreasi, bersantai serta penghayatan terhadap kepentingan alam kepada manusia.

KOMPONEN CADANGAN:


ZON	KOMPONEN
Zon 1: PLAZA UTAMA 1	- Taman permainan kanak-kanak - *Parcourse station* - *Multilpurpose area* - Tempat letak kenderaan
Zon 2 : PLAZA UTAMA 2	- Wakaf - *Outdoor Gym*
Zon 3 : ZON PENAMPAN	
Zon 4 : ZON REKREASI	- *Jogging track* - Pejalan kaki
Zon 5 : *'POCKET PARK 3'*	- Wakaf - Taman permainan kanak-kanak - *Water jet fountain*

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

- Keperluan untuk menyelesaikan isu pemilikan tanah oleh pihak JPS bagi tujuan rizab sungai sebenar dan ke arah pembentukan cadangan *Klawang Linear Park*.

CADANGAN AKTIVITI	BUTIRAN	OBJEKTIF
Festival "Cintailah Sungai Kita"	**1. Sukaneka 2. Gotong-royong 3. Pertandingan**	**1. Memupuk semangat cintakan sungai dan betapa pentingnya memelihara kebersihan sungai 2. Menggalakkan interaksi sosial sesama masyarakat khususnya penduduk Jelebu**
ACARA BULANAN/HARIAN		
1. Gotong-royong 2. Aktiviti riadah 3. Aktiviti berkumpulan/ kekeluargaan	**1. Jogging/Tai chi/Yoga 2. Berkelah**	**1. Menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat 2. Mengeratkan silaturrahim sesama keluarga, rakan-rakan dan masyarakat**

Rajah 6.18: Pelan Lokasi dan Cadangan Pembangunan *Klawang Linear Park*





PETUNJUK:

- Kawasan Cadangan
- 1 Taman Permainan Kanak-Kanak
- 2 Laluan Pejalan Kaki
- 3 Tempat Letak Kenderaan
- 4 Laluan Basikal


BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MDJ**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**MDJ**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PANJANG**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PENGAMBILAN SEMULA TANAH DAN PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**

INFO: LOKASI & KELUASAN:

- Sungai Triang (1km)
  (1.61 Hektar)

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

KEADAAN SEMASA TAPAK









ILUSTRASI CADANGAN:



Gambaran Ilustrasi penyediaan komponen di Linear Park



Gambaran Ilustrasi penyediaan taman permainan



Gambaran Ilustrasi laluan pejalan kaki dan berbasikal



Gambaran Ilustrasi laluan pejalan kaki dan berbasikal



Gambaran Ilustrasi laluan pejalan kaki dan berbasikal



Cadangan *promenade* sepanjang Sungai Triang yang dilengkapi dengan pelbagai perabot landskap seperti lampu taman, kotak penanaman, bangku, tong sampah, dan *railing*. Pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti rekreasi di kawasan *promenade ini*.

STRATEGI T3.3	MENYEDIAKAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG MENCUKUPI DAN BERSEPADU
CADANGAN T3.3B	CADANGAN NAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN TAMAN BUKIT KEMPAS

DESKRIPSI CADANGAN:

- Menjadikan kawasan taman kejiranan di Taman Bukit Kempas dengan kemudahan-kemudahan yang lebih mesra pengguna.
- Penyediaan kemudahan rekreasi seperti kekeluargaan untuk penduduk di kejiranan Taman Bukit Kempas dan kawasan sekitar.
- Penyediaan landskap dan tanaman pokok yang menarik untuk tujuan rekreasi komuniti setempat.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Keadaan persekitaran taman yang memerlukan penambahbaikan supaya lebih selamat dan menarik.

KOMPONEN CADANGAN:

Sedia Ada	Cadangan Penambahan
• Alatan permainan • Kerusi taman • Tong sampah • Gelanggang Futsal • Alatan Permainan	• Laluan pejalan kaki • Trek jogging • Gazebo • Lampu • Tempat letak kereta • Pokok teduhan • Pokok hiasan • Kebun Komuniti

KONSEP PEMBANGUNAN

- Konsep yang dicadangkan adalah “Jalinan Hijau dan Segar” yang tertumpu kepada pengwujudan identiti yang kuat melalui landskap tepi jalan tanpa mengabaikan fungsinya yang lain seperti penunjuk arah, memberi teduhan dan meningkatkan nilai estetika.


CADANGAN PELAKSANAAN

- Menggunakan pokok renek rasmi berpasu sebagai tanaman utama landskap pinggir jalan protokol disebabkan rizab landskap yang terhad.
- Melandskap jalan-jalan utama yang melalui kawasan pusat bandar/pekan utama, kawasan pelancongan dan institusi serta dilengkapi dengan laluan pejalan kaki.
- Pokok renek rasmi akan digunakan sebagai tanaman utama agar satu identiti yang jelas dapat ditonjolkan. Penggunaan pokok renek lain boleh digunakan sebagai tanaman pelengkap agar lebih menarik.
- Menyediakan landskap penampan di laluan-laluan utama yang melalui kawasan perkuburan dan kawasan industri.


- Kemudahan awam, utiliti, dan infrastruktur merupakan keperluan asas bagi pembangunan dan kemajuan sesebuah kawasan termasuklah di kawasan petempatan desa
- Perancangan penaiktarafan dan penyediaan kemudahan ini diselaraskan dengan kajian penentuan sempadan kampung yang telah disediakan oleh PLANMalaysia.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memastikan kawasan petempatan desa dapat dihubungi dan dilengkapi dengan kemudahan asas.
- Memastikan kawasan petempatan desa dibangunkan dan terus berkembang seiring dengan pembangunan sekitar dan pembangunan perbandaran.

KOMPONEN CADANGAN:

- Antara komponen cadangan penaiktarafan dan penambahan yang terlibat adalah:
  - Menyedia bekalan air bersih dan terawat melalui Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan perkampungan khususnya perkampungan orang asli.
  - Menyedia dan menyelenggara kemudahan awam, rekreasi dan infrastruktur secara berterusan (Kemudahan awam, jalan kampung, lampu jalan, perparitan dan lain-lain).
  - Menyediakan akses rangkaian telekomunikasi dan jalur lebar yang mampu milik, kebolehcapaian dan berkualiti.
- Perincian cadangan bagi setiap kampung terlibat adalah seperti dalam **Jadual 6.14**.
- Bagi proses naik taraf dan baik pulih dicadangkan dilaksanakan dalam jangka masa pendek (2023-2030).
- Manakala keperluan baru dicadangkan dilaksanakan dalam tempoh jangka masa sederhana (2031-2035) atas faktor kekangan tanah dan kos pelaksanaan yang tinggi.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	PEJ. DAERAH & TANAH
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	PEJ. DAERAH & TANAH
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	AGENSI PD/ KPLB (PROFIL KAMPUNG)
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

INFO: PROGRAM SEDIA ADA BAGI PENINGKATAN INFRASTRUKTUR DESA DI BAWAH KPLB

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

- Diwujudkan bagi membantu Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) memperluaskan liputan perkhidmatan bekalan air bersih yang terawat kepada penduduk luar bandar melalui sistem retikulasi, sistem alternatif dan naiktaraf/ bina baru loji rawatan air

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

- Menyediakan liputan bekalan elektrik 24 jam kepada kawasan perkampungan luar bandar terutama perkampungan tradisional dan rumah-rumah panjang (termasuk perkampungan di pulau dan estet)

Program Jalan Luar Bandar (JALB)

- Memperbaiki dan memperluas rangkaian pengangkutan di luar bandar di samping usaha yang berterusan ke arah mempertingkatkan liputan luar bandar

Jalan Perhubungan Desa (JPD)

- Menyediakan jalan yang menghubungkan sebuah kampung dengan kampung lain atau jalan raya utama.








Ketersediaan kemudahan awam di Kampung Gagu

Rajah 6.33: Kampung Terlibat bagi Cadangan Penaiktarafan dan Penyediaan Kemudahan Asas dan Awam di Kawasan Desa



PETUNJUK:

- Kampung Induk
- Kampung Baru
- Kampung Orang Asli
- Tanah Rancangan
- Kampung Terlibat dengan Penaiktarafan dan Penyediaan Kemudahan Asas dan Awam
- Sempadan Kampung

LAIN - LAIN

- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Rentis Elektrik Sedi Ada
- Rentis Elektrik Cadangan
- Sungai
- Empangan
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

Jadual 6.14: Perincian Lokasi dan Cadangan Menyedia dan Meningkatkan Kemudahan dan Infrastruktur Asas Desa

BIL	MUKIM	KAMPUNG UTAMA	BEKALAN AIR	JALAN		HENTIAN BAS	LAMPU JALAN		TAPAK PERKUBURAN			MASJID	SURAU		GELANGGANG PERMAINAN		PADANG BOLA		BALAIRAYA	DEWAN (DOR)		PUSAT ICT	LONGKANG / PARIT	TEBING SUNGAI
			Unit	Baru	N/taraf	N/taraf	Baru	N/taraf	Baru	N/Taraf	Jalan	N/taraf	Baru	N/taraf	Baru	N/taraf	Baru	N/taraf	N/taraf	Baru	N/taraf	Baru	N/taraf	N/taraf
1.	ULU KLAWANG	1. Kampung Amar Penghulu					13			/						/								
		2. Kampung Batu Serambai		/		/	20			/	/													
		3. Kampung Tembun			/		20	50															/	
		4. Kampung Ulu Klawang		/	/		50			/						/		/	/		/			
		5. Kampung Kemin					/		/		/				/		/			/				
		6. KOA Ulu Kelaka	42																					
		7. KOA Ulu Kemin	24																					
2.	KUALA KLAWANG	8. Kampung Kuala Klawang		/												/		/			/			
		9. Kampung Ulu Jelebu														/		/						
		10. KOA Baner Tengkoh	39																					
3.	PERADONG	11. Kampung Simpang Gelami				/		/																
		12. Kampung Chenor			/			/		/		/		/					/	/			/	/
		13. Kampung Jelin												/		/								
		14. Kampung Kuala Pah			/										/						/			
		15. Kampung Peradong												/	/						/			
4.	GLAMI LEMI	16. Kampung Sungai Rotan		/							/	/		/				/	/					
5.	ULU TRIANG	17. Kampung Gagu							/							/								
		18. Kampung Seperi			/											/							/	
		19. Kampung Teriang								/						/		/						
6.	PERTANG	20. Kampung Kerangai			/						/													
		21. Kampung Petaseh		/			5		/					/		/		/				/		
		22. KOA Putra														/								
7.	TRIANG ILIR	23. Kampung Lakai			/		35			/		/				/		/	/		/			
		24. Kampung Mentaus			/			10		/				/					/					
		25. Kampung Seri Juntai					15							/		/		/	/			/		
		26. Kampung Sungai Buloh		/				1		/				/		/		/	/	/			/	
		27. Kampung Jerang												/		/	/		/					
		28. Kampung Ulu Lakai	32																					
		29. KOA Ranggoi																	/					
8.	KENABOI	30. Kampung Chennah	20		/		100			4		/	/	4	/		/		5		/	/		
		31. Kampung Puom					50		/			/		/		/		/			/	/		
		32. KOA Dusun Kubor	45																					
		33. KOA Bertam	13																					
		34. KOA Tohor	39																					
		35. KOA Jeram Lesung	18																					
RUMUSAN																								
SUMBER		KPLB		4	3	-	-	-	-	1	4	-	-	3	-	-	-	-	2	-	-	-	1	-
		KAJIAN PROFIL KAMPUNG	272	2	6	2	258	61	4	7	1	5	1	11	4	15	3	9	12	5	6	3	3	1
JUMLAH			272	6	9	3	258	61	4	8	5	4	1	14	4	15	3	9	14	14	6	3	4	1

Nota / Sumber:					
	/	KPLB	/	Kajian Profil Kampung	4	Bilangan tambahan / naik taraf

Sumber: 1. Profil Kampung, 2019, Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu
2. Laporan Jawatankuasa Tindakan Pejabat Daerah, 2019, KPLB

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

PLB 2 PELAKSANAAN DESA MUAFAKAT (KAWASAN LUAR BANDAR YANG TERSUSUN BAGI MERANGSANG PRODUKTIVITI EKONOMI DAN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT) DI KG JELIN, KG CHENNAH

OBJ 1 MERANCANG DAN MEMPERKUKUH PUSAT-PUSAT PETEMPATAN UTAMA DAN KECIL MENGIKUT HIERARKI DAN FUNGSI BANDAR

FKS 1 PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA BANDAR DAN LUAR BANDAR

ISU UTAMA

ISU 3 EKONOMI DESA YANG KURANG MAJU DAN BERDAYA SAING

POTENSI UTAMA

POT 2 KAMPUNG ORANG ASLI TOHOR DAN FELDA PASOH 4 MERUPAKAN PERKAMPUNGAN YANG TERKENAL DENGAN AKTIVITI PELANCONGAN KOMUNITI


POT 3 KAWASAN SAWAH PADI DI KAMPUNG SUNGAI BULOH BERPOTENSI DIBANGUNKAN SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN











STRATEGI T3.7

MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR

Mengoptimumkan sumber, kelebihan dan potensi petempatan desa bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan sosioekonomi penduduk sekaligus mengatasi masalah migrasi penduduk desa ke luar bandar.

CADANGAN

T3.7A **CADANGAN *KAMPUNGSTAY* DI KAMPUNG ORANG ASLI (KOA) TOHOR**

T3.7B **CADANGAN PELANCONGAN KOMUNITI BERASASKAN EKOPELANCONGAN DI FELDA PASOH 4**

T3.7C **CADANGAN AGROPELANCONGAN DI KAMPUNG SUNGAI BULOH**

T3.7D **CADANGAN MEMPERKASA USAHAWAN DESA**



STRATEGI **T3.7**	**MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR**
CADANGAN **T3.7A**	**CADANGAN *KAMPUNGSTAY* DI KAMPUNG ORANG ASLI (KOA) TOHOR**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Kedudukan KOA Tohor dilihat berpotensi untuk dimajukan sebagai *kampungstay* atas faktor kedudukannya sebagai pintu masuk ke *Kenaboi World Biodiversity Centre*.
- Aktiviti pelancongan komuniti sedia ada di KOA Tohor perlu dipergiat dan ditambahbaik supaya boleh diperkenalkan sebagai produk pelancongan yang boleh dipromosi sekaligus berjaya menarik lebih ramai pengunjung.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Membantu meningkatkan kualiti hidup, persekitaran dan seterusnya menjana ekonomi penduduk KOA tersebut.
- Memberi nilai tambah kepada produk pelancongan di samping dapat menarik pelancong untuk menjadikannya salah satu destinasi pilihan pengunjung.

KOMPONEN CADANGAN:

Komponen Fizikal
- Cadangan perluasan kawasan rizab perkampungan seluas 10.03 ekar bagi menampung perumahan generasi ke-2
- Cadangan kemudahan *homestay*/chalet tradisi orang asli bagi tujuan penginapan.
- Cadangan galeri seni dan kraftangan orang asli
- Penyediaan kemudahan sokongan seperti tempat letak kereta, tandas awam, tempat pembuangan sampah dan kawasan berlandskap.
- Kemudahan rekreasi seperti padang, taman permainan dan gelanggang
- Menaiktaraf kemudahan asas, infrastruktur dan kemudahan awam.
- Landskap pintu masuk ke kawasan perkampungan.
- Mewujudkan suasana kampung terurus, bersih dan cantik sepanjang masa.

Aktiviti Sedia ada
- Tarian kebudayaan (tarian sewang)
- Demonstrasi dan penerangan acara perkahwinan orang asli
- Demonstrasi aktiviti menyumpit
- Pameran produk kraftangan

Cadangan Tambahan Aktiviti
- *Homevisit* (Lawatan ke rumah dan tinggal bersama)
- Demonstrasi memasak masakan tradisi orang asli
- Demonstrasi pemasangan jerat
- Aktiviti jejak hutan dan mencari hasil hutan dan memburu
- Aktiviti lawatan dan riadah bersama ke kawasan tarikan

Penglibatan Komuniti
- Menubuhkan ahli jawatankuasa pelancongan yang berperanan menyusun program lawatan
- Bekerjasama dengan operator pelancongan setempat
- Penglibatan sebagai pengusaha produk pelancongan seperti penginapan (homestay, desastay dan inap desa), kraftangan dan makanan

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**JAKOA**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**JAKOA**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**











Keadaan Kampung dan aktiviti yang tersedia di KOA Tohor yang boleh diterokai oleh pengunjung yang datang

Rajah 6.34: Cadangan Pembangunan KOA Tohor Sebagai Produk Pelancongan Daerah Jelebu





Cadangan menaiktaraf Perkampungan Orang Asli Tohor

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.7	MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR
CADANGAN T3.7B	CADANGAN PELANCONGAN KOMUNITI BERASASKAN EKOPELANCONGAN DI FELDA PASOH 4

DESKRIPSI CADANGAN:

- FELDA Pasoh 4 berpotensi untuk dimajukan sebagai pelancongan komuniti berasaskan ekopelancongan kerana kedudukannya sebagai pintu masuk ke kawasan geotapak Gua Pelangi dan gua-gua di sekitarnya.
- Pelbagai aktiviti sedia ada yang berkaitan geotapak yang boleh dieksploitasi dan diperluaskan untuk dibangunkan secara bersepadu dengan aktiviti penduduk setempat (kebudayaan, pertanian dan penternakan).

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Mempelbagaikan dan meningkatkan aktiviti ekonomi masyarakat desa dengan menggunakan konsep *community based tourism (CBT)* dalam mengoptimumkan potensi, keunikan dan gaya hidup masyarakat desa
- Memperkukuh dan menyokong pembangunan ekopelancongan khususnya dalam penyediaan kemudahan sokongan pelancongan seperti penginapan dan kemudahan asas yang lain


KOMPONEN CADANGAN:

BIL	KOMPONEN SEMASA DAN AKTIVITI	SEDIA ADA	NAIKTARAF	BARU
1	**Kemudahan Asas dan Infra**			
	• Bekalan Elektrik dan Air	✓		
	• Pusat IT	✓		
	• Jalan Perhubungan/ Kampung		✓	
2	**Kemudahan awam dan rekreasi**			
	• Balai Raya/ Dewan	✓		
	• Masjid	✓		
	• Kemudahan Rekreasi	✓		
	• Kemudahan sokongan pelancong (tandas, tempat letak kereta dan elemen landskap)			✓
3	**Perananan dan Penglibatan Komuniti**	• Menubuhkan ahli jawatankuasa pelancongan dan bekerjasama dengan operator pelancongan setempat • Komuniti sebagai pemandu pelancong yang berperanan menyusun program lawatan sambil belajar, *team building*, kem bina diri • Menyelaras anjuran aktviti atau kalendar atucara • Penglibatan sebagai pengusaha produk pelancongan seperti kemudahan penginapan (*homestay*, *desastay* dan inap desa), kraftangan dan makanan tempatan		
4	**Aktiviti**	<u>Aktiviti sedia ada</u> • Eksplorasi Gua Pelangi dan gua sekitarnya • Program Libat sama komuniti • Aktiviti kebudayaan seperti tarian dan malam kebudayaan • Lawatan di kawasan kampung	<u>Cadangan aktiviti</u> • Tinggal bersama keluarga angkat petani • Program bertani • Aktiviti jejak hutan dan mencari hasil hutan	

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	MOTAC/PEJ. DAERAH & TANAH
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	PEJ. DAERAH & TANAH
TAHAP PERLU LAKSANA	TINGGI	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Rajah 6.35: Cadangan Pelancongan Komuniti Berasaskan Ekopelancongan di Felda Pasoh 4



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035






Lawatan di kawasan kampung dan sekitar



Aktiviti persembahan tarian kebudayaan



Program libatsama komuniti yang diadakan di FELDA Pasoh 4



Lawatan ke Gua Pelangi dan kawasan gua sekitar



STRATEGI **T3.7**	**MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR**
CADANGAN **T3.7C**	**CADANGAN AGROPELANCONGAN DI KAMPUNG SUNGAI BULOH**

DESKRIPSI CADANGAN:

- Daerah Jelebu mempuyai kawasan tanaman padi yang menarik dan mendamaikan yang terletak di Kampung Sungai Buloh, Mukim Triang Ilir
- Kampung ini merupakan destinasi yang sesuai untuk aktiviti pelancongan desa yang mana pengunjung boleh merasai penginapan di desa dengan pemandangan sawah padi. Pengunjung juga boleh merasai pengalaman turun ke sawah padi, menuai, mengetam padi, memancing di samping dapat merasai masakan kampung yang lazat.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Membantu meningkatkan kualiti hidup, persekitaran dan seterusnya menjana ekonomi penduduk setempat.
- Menarik pegunjung untuk menjadikannya salah satu destinasi pilihan pengunjung.


KOMPONEN CADANGAN:

BIL	KOMPONEN SEMASA DAN AKTIVITI	SEDIA ADA	NAIK TARAF	BARU
1	**Kemudahan Asas dan Infra**			
	• Bekalan Elektrik dan Bekalan Air	✓		
	• Pusat IT			✓
	• Jalan Perhubungan/ Kampung		✓	
2	**Kemudahan awam dan rekreasi**			
	• Balai Raya/ Dewan	✓		
	• Masjid	✓		
	• Kemudahan Rekreasi			✓
3	• Elemen Lanskap (seperti gazebo, pokok bunga, lampu, bendera, seni mural kampung)			✓
4	**Kemudahan Penginapan/Inap Desa**	• Homestay Sungai Buloh (*Homestay* Berdaftar) • Homestay Hjh Aminah • Rv D Kuching		
5	**Peranan dan penglibatan komuniti**	• Menubuhkan ahli jawatankuasa pelancongan yang berperanan menyusun program lawatan sambil belajar, *team building*, kem bina diri • Bekerjasama dengan operator pelancongan setempat • Penglibatan sebagai pengusaha produk pelancongan seperti penginapan (*homestay, desastay* dan inap desa), kraftangan dan makanan tempatan		
6	**Aktiviti**	<u>Aktiviti sedia ada</u> • Aktiviti tradisi dan kebudayaan seperti pesta mengemping • Malam kebudayaan • Program libat sama bersama komuniti	<u>Cadangan aktiviti</u> • Pesta menuai padi • Mencedong padi dan mengetam padi • Memancing dan aktiviti mengoca (menangkap ikan menggunakan tangan)	

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**MOTAC/PEJ. DAERAH & TANAH**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**PEJ. DAERAH & TANAH**
TAHAP PERLU LAKSANA	**SEDERHANA**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA PENDEK**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**

Rajah 6.36: Pembangunan Agropelancongan di Kampung Sungai Buloh



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035



Keadaan Semasa di Kampung Sungai Buloh, Triang Ilir



Demonstrasi menanam dan menuai padi secara tradisi dan moden





Aktiviti memancing dan mengoca (tradisi menangkap ikan menggunakan tangan)

STRATEGI T3.7	MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR
CADANGAN T3.7D	CADANGAN MEMPERKASA USAHAWAN DESA
A.	***MENGGALAKKAN PENGUSAHA PKS BERDAFTAR***

DESKRIPSI CADANGAN:

- Perusahaaan PKS Daerah Jelebu berpotensi dipergiat dan ditambahbaik bagi memberikan pulangan pendapatan yang lumayan seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memaksimumkan pengusaha produk desa berdaftar sebagai pengusaha PKS yang berstatus sah bagi memperolehi akses bantuan sokongan yang optimum.
- Membolehkan pelbagai kemudahan dan insentif disalurkan kepada pengusaha dan seterusnya menaiktaraf imej industri agar lebih berdaya maju dan berdaya saing

KOMPONEN CADANGAN:

- Hebahan melalui pelbagai platform media massa televisyen, radio, surat khabar, majalah, dsb) berkenaan kelebihan menjadi pengusaha berstatus PKS.
- Seminar dan bengkel oleh agensi berkaitan (PTD, KPLB, SMECorp) bagi mengalakkan pengusaha berdaftar.



1 Terdapat 86 pengusaha yang menghasilkan produk industri kotej seperti kuih bahulu, dodol, mee goreng, roti canai segera, kerepek pisang, air tebu dan makanan sejuk beku.

2 Terdapat 589 pengusaha tanaman dalam Daerah Jelebu yang mengusahakan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus dan penguasaha ladang/ tanaman kontan.

3 Terdapat 416 pengusaha ternakan yang terdiri daripada ternakan unggas, lembu, daging, bebiri, kerbau, rusa, arnab dan kuda.

4 Terdapat 80 pengusaha (bandar dan desa) kolam ternakan akuakultur dan ternakan ikan talapia mempunyai hasil dan pengeluaran tertinggi.



BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KPLB/ PEJ. DAERAH & TANAH
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	PEJ. DAERAH & TANAH
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

INFO RINGKAS DEFINISI IKS/PKS MENGIKUT SEKTOR

PEMBUATAN

Transformasi bahan atau komponen secara fizikal atau kimia yang membentuk produk baharu

MIKRO	Kurang dari RM 300,000
	Kurang dari 5 pekerja
KECIL	Dari RM 300,000 hingga kurang dari RM 15 juta
	Dari 5 hingga kurang dari 75 pekerja
SEDERHANA	Dari RM 15 juta hingga tidak melebihi RM 50 juta
	Dari 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja

PERKHIDMATAN DAN LAIN SEKTOR

Semua jenis perkhidmatan termasuk perdagangan, hotel, restoran, ICT, pendidikan swasta, kesihatan, hiburan, logistik, pergudangan dan kejuruteraan

MIKRO	Kurang dari RM 300,000
	Kurang dari 5 pekerja
KECIL	Dari RM 300,000 hingga kurang dari RM 3 juta
	Dari 5 hingga kurang dari 30 pekerja
SEDERHANA	Dari RM juta hingga tidak melebihi RM 20 juta
	Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

Sumber: Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)


INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Semua Kampung tradisi (induk dan rangkaian), Kampung Baru, Kampung orang asli dan tanah rancangan

Rajah 6.37: Carta Alir Akses Proses Pendaftaran dan Akses Bantuan yang Diperolehi.

Pengusaha industri mendaftar degan SME corp bagi mengesahkan status syarikat/ perniagaan yang memenuhi definisi PKS

Sekiranya disahkan berstatus PKS, layak untuk memuat turun perakuan digital (*digital certification*) dengan membuat bayaran sebanyak RM100





BANTUAN SOKONGAN

AKSES KEPADA PEMBIAYAAN	PEMBANGUNAN MODAL INSAN	INFRASTRUKTR	PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN INOVASI	AKSES PASARAN
Memberi bantuan kewangan atau pembiayaan kepada PKS. Ini termasuk pembiayaan mikro, pinjaman mudah dan kredit, geran, skim jaminan, modal teroka, modal kerja dan pembiayaan ekuiti.	Berbentuk latihan dalam memupukkan keusahawanan, pembangunan keusahawanan, peningkatan kemahiran, pembangunan tenaga kerja dan juga sokongan kepada permulaan perniagaan.	Berbentuk latihan dalam memupukkan keusahawanan, pembangunan keusahawanan, peningkatan kemahiran, pembangunan tenaga kerja dan juga sokongan kepada permulaan perniagaan.	Pembinaan atau menaik taraf premis perniagaan dan utiliti, inkubator serta jalur lebar.	Kelestarian kepada akses kepada maklumat, promosi domestik dan antarabangsa, inisiatif penjenamaan, pembangunan vendor, pensijilan dan rantaian nilai.

KAWALAN KUALITI PRODUK

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI PRODUK

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T3.7	MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR
CADANGAN T3.7D	CADANGAN MEMPERKASA USAHAWAN DESA
B.	*CADANGAN PROGRAM BIMBINGAN KEUSAHAWANAN DAN KEMAHIRAN KEPADA USAHAWAN DESA*

DESKRIPSI CADANGAN:

- Terdapat beberapa cabaran dan kekangan untuk melahirkan komuniti usahawan desa yang berdaya saing dan mampu mentransformasi ke skala yang lebih besar adalah disebabkan kurang pendedahan mengenai ilmu pengurusan perniagaan, modal yang tidak mencukupi dan tahap inovasi dan penggunaan teknologi yang rendah.

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Melahirkan komuniti usahawan desa yang berdaya saing dan mampu mentransformasikan perniagaan ke skala lebih besar.
- Menggalakkan usahawan desa terlibat dalam program pembangunan usahawan desa seperti dalam jadual di bawah.

KOMPONEN CADANGAN:

Jadual 6.12: Cadangan Program Pembangunan Usahawan Desa

PROGRAM	AGENSI PROGRAM
1. Program Pembangunan Usahawan MARA, JAKOA, KEMAS, RISDA, INFRA, Karnival Usahawan Desa 2. *Desamall online* dan *Rural Bussinees Outlet* 3. Skim pembiayaan ekonomi desa	**Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)**
4. Program Agri-BDC 5. Program Agropreneur Muda 6. Program latihan pertanian 7. Azam Tani 8. Kelab usahawan siswazah tani	**Kementerian Pertanian dan Industri Makana**
9. Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) 10. Dana Mudahcara 11. Skim Jejak Jaya Bumiputera	**TERAJU (Unit Peneraju Agenda Bumiputera), Jabatan Perdana Menteri**
12. Pembiayaan alternatif untuk PKS 13. Program *Business Scale-Up* (Program Biz-Up) 14. Program Peningkatan Enterprise Bumiputera 15. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera 16. Program Galakan Eksport Bumiputera 17. Minggu Keusahawanan dan PKS 18. Zon Perdagangan Bebas Digital	**SME Corp Malaysia**

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035













Antara program dan tindakan yang tersedia bagi pembangunan usahawan desa

INFO: **LOKASI & KELUASAN:**

- Semua Kampung tradisi (induk dan rangkaian), Kampung Baru, Kampung orang asli dan tanah rancangan

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KPLB/ PEJ. DAERAH & TANAH
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	PEJ. DAERAH & TANAH
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

STRATEGI T3.7	MEMANTAPKAN EKONOMI DESA BERDASARKAN SUMBER SETEMPAT DAN PEMERKASAAN USAHAWAN LUAR BANDAR
CADANGAN T3.7D	CADANGAN MEMPERKASA USAHAWAN DESA
C.	*PEMASARAN PRODUK DESA MELALUI SISTEM DIGITAL*

DESKRIPSI CADANGAN:


- Daerah Jelebu mempunyai variasi produk desa yang dihasilkan penduduk tempatan yang berpotensi tinggi untuk dipasarkan secara digital khususnya produk industri hiliran seperti makanan dan kraf tangan.
- Pelbagai hab dan aplikasi dalam talian yang boleh diguna dan dibangunkan bagi mempromosikan produk keluaran desa dengan lebih meluas dan tidak hanya bergantung kepada pasaran domestik semata-mata.

JUSTIFIKASI CADANGAN:


- Dapat mengembangkan dan mempromosi perniagaan dan industri hiliran kepada platform yang lebih meluas.
- Menjana pendapatan secara berterusan serta mampu menarik penglibatan ramai penduduk.


KOMPONEN CADANGAN:

1. Menggunakan platform yang disediakan oleh agensi kerajaan seperti FAMA, KPLB, IPTA dan platform perniagaan e-*commerce* sedia ada seperti mudah.my, lelong.com, ebay-com, Lazada dan Shopee.
2. Melancarkan kedai *online* sendiri menggunakan alamat web sendiri seperti Easyshop, kedaionlinez, opencart dan lain-lain.
3. Memperkenalkan diri dan produk menerusi laman web yang popular serta blog yang mempuyai ramai pengikut bagi tujuan *review* berbayar
4. Menumpukan pasaran dan jualan bisnes *online* melalui laman sosial media seperti Facebook, Telegram, Instagram dan Whatsapp.
5. Pengusaha produk desa juga boleh mengambil inisiatif untuk mempromosikan sendiri atau melantik individu khusus untuk menguruskan aspek pemasaran produk melalui sistem digital.









Antara program platform pemasaran digital yang tersedia bagi pembangunan usahawan desa

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	SOKONGAN	AGENSI PELAKSANA	KPLB/ PEJ. DAERAH & TANAH
KATEGORI CADANGAN	PROGRAM	AGENSI PEMANTAU	PEJ. DAERAH & TANAH
TAHAP PERLU LAKSANA	RENDAH	SUMBER CADANGAN	KAJIAN RTD
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PENDEK (TAHUN 2024-2030)	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

LOKASI:

Semua Kampung tradisi (induk dan rangkaian), Kampung Baru, Kampung orang asli dan tanah rancangan

BAB 7

TERAS 4:
PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU







TERAS 4

5 STRATEGI

21 CADANGAN

PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU – Pembangunan infrastruktur dan jaringan perhubungan lalu lintas yang berkesan dan holistik akan menyediakan asas untuk pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan peningkatan kualiti hidup rakyat di Daerah Jelebu. Kecekapan dalam penyediaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan rangkaian jaringan lalu lintas ini juga akan menghasilkan limpahan pembangunan ke semua wilayah serta meningkatkan taraf hidup dan produktiviti setempat hingga ke peringkat nasional. Peluasan rangkaian ini akan mewujudkan koridor baharu bagi aktiviti ekonomi setelah wujudnya cadangan lebuh raya dan sebagainya. Integrasi pelbagai mod pengangkutan yang lebih baik akan mewujudkan ketersambungan yang lancar bagi barangan dan penumpang.

Teras 4 ini memberi gambaran jelas yang signifikan dalam pembangunan infrastruktur dan sistem perhubungan lalu lintas bagi membantu majoriti penduduk Daerah Jelebu menggunakan kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, bekalan air bersih, dan elektrik.

INTIPATI UTAMA TERAS 4

1. **Pengangkutan dan Lalu Lintas** – aksessibiliti yang dipengaruhi oleh bentuk muka bumi yang mengurangkan kadar kecekapan pengangkutan darat.
2. **Tahap kemudahsampaian yang baik** (lokasi berhampiran Lembah Klang/ Greater Kuala Lumpur) - Limpahan pembangunan ekonomi boleh diperluaskan dengan peningkatan prasarana dan aksesibiliti dari wilayah bersempadanan yang menjana sektor pelancongan, industri terutama kluster sumber tempatan, perumahan dan lain-lain.
3. **Cadangan memperkukuh hubungan jaringan jalan raya antara wilayah** menghubungkan cadangan **Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang** dan ***Southern Central Road*** **(SCR)** menghubungkan Simpang Pelangai – Segamat.
4. **Risiko Bencana Banjir dan Tanah Runtuh** – akibat cuaca, pembukaan kawasan perhutanan kepada pertanian menyebabkan air larian meningkat, keadaan sungai yang tidak dapat menampung kadar air hujan serta sistem perparitan yang tidak diselenggara dan tidak sistematik.
5. Penyediaan infrastruktur dari segi telekomunikasi adalah rendah.

01 CADANGAN (PROJEK QUICK-WIN)

04 CADANGAN (PROJEK STRATEGIK)

08 CADANGAN (PROJEK UTAMA)

08 CADANGAN (PROJEK SOKONGAN)



5-STRATEGI 21-CADANGAN

1-*QUICK WIN* QW 4-STRATEGIK ST 8-UTAMA UT 8-SOKONGAN SO

TERAS 4
PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU

STRATEGI T4.1 MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH DENGAN HIERARKI JALAN YANG JELAS

T4.1A	Cadangan Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR) Melalui Simpang Pelangai - Segamat	ST
T4.1B	Cadangan Lebuh Raya Semenyih - Simpang Pelangai, Pahang	ST
T4.1C	Cadangan Naik Taraf Jalan Persekutuan 9 (Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis)	ST
T4.1D	Cadangan Jalan Pintasan Bandar Ke Kampung Chepom	UT

STRATEGI T4.2 MERANGKA PELAN JALAN RAYA YANG MENYELURUH BAGI MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN PERINGKAT DAERAH DAN TEMPATAN

T4.2A	Cadangan Naik Taraf Jalan Seremban – Kuala Klawang – Pertang (FT086)	ST
T4.2B	Cadangan Jalan Sg. Muntoh – Simpang Durian	UT
T4.2C	Cadangan Jalan Kg. Gagu – Lenggeng	UT
T4.2D	Cadangan Jalan Durian Tipus – Sg. Lui	UT
T4.2E	Cadangan Jalan Utama Pasoh 1 dan Pasoh 4 ke Felda Lui Muda	UT
T4.2F	Cadangan Jalan Kg. Temelang – Sg. Gunung Rotan	SO
T4.2G	Cadangan Naik Taraf Jalan Kampung Petaling (N132)	SO

STRATEGI T4.3 MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALU LINTAS PUSAT BANDAR AGAR LEBIH EFISIEN

T4.3A	Cadangan Jalan Lingkaran Bandar	SO
T4.3B	Cadangan Papan Informasi Masa Sebenar	SO

STRATEGI T4.4 PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI DAN MUDAH AKSES

T4.4A	Cadangan Penambahan Laluan Bas Dan Mutu Perkhidmatan Untuk Perhubungan Daerah Dan Perhubungan Tempatan	SO
T4.4B	Cadangan Hentian Bas Transit	SO


STRATEGI T4.5 PENYEDIAAN KEPERLUAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI YANG MENCUKUPI

T4.5A	Cadangan Meningkatkan Kelajuan Jalur Lebar Mudah Alih	UT
T4.5B	Cadangan Sasaran Pengurangan Kadar Air Yang Tidak Terakaun (NRW) <20%	SO
T4.5C	Cadangan Menaiktaraf Tangki Imbangan Loji Rawatan Air Lakai	SO
T4.5D	Cadangan Sistem Pemindahan Sisa Pepejal (*Transfer Station*)	UT
T4.5E	Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Daerah Jelebu	QW
T4.5F	Cadangan Izin Lalu Rangkaian Talian Rentis Bekalan Elektrik Bagi Wilayah/ Semenanjung Malaysia	UT

Rajah 7.1:

PELAN SUBJEK: TERAS 4

PRASARANA EFEKTIF DAN BERSEPADU



PETUNJUK

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

- Lebuhraya Cadangan
- Jalan Pengagih Utama Sedia Ada
- Jalan Pengagih Utama Cadangan
- Jalan Pengagih Sekunder Sedia Ada
- Jalan Pengagih Sekunder Cadangan
- Kemudahan Pengangkutan Sedia Ada
- Cadangan Persimpangan Bertingkat

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembentungan Sedia Ada
- Bekalan Elektrik Cadangan

BADAN AIR

- Sungai
- Empangan

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar

SENARAI STRATEGI

T4.1 Memperkukuhkan Perhubungan Peringkat Wilayah Dengan Hierarki Jalan Yang Jelas

T4.2 Merangka Pelan Jalan Raya Yang Menyeluruh Bagi Mempertingkatkan Kemudahsampaian Peringkat Daerah Dan Tempatan

T4.2 Mempertingkatkan Pengurusan Lalu Lintas Pusat Bandar Agar Lebih Efisien

T4.2 Penyediaan Pengangkutan Awam Yang Menyeluruh, Berfrekuensi Tinggi Dan Mudah Akses

T4.2 Penyediaan Keperluan Infrastruktur Dan Utiliti Yang Mencukupi

Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

OBJ 5	MENAMBAHBAIK DAN MEMPERLUAS PENYEDIAAN PRASARANA PENGANGKUTAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI BANDAR DAN DESA
FKS 6	MEMPERTINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN
RFN4 4	PEMBINAAN LEBUHRAYA *SOUTHERN CENTRAL ROAD* (SCR) MENGHUBUNGKAN SIMPANG PELANGAI – SEGAMAT DAN CADANGAN LEBUHRAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI, PAHANG
RSN 5	SISTEM PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN UTAMA: LEBUHRAYA SERTING – DURIAN TIPUS – KARAK/ PEKAN (IMPAK DARIPADA PEMBANGUNAN LEBUHRAYA CSR)
NUA 7	MENINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN DAN MENYOKONG KEPADA INISIATIF YANG BERINOVASI DAN HIJAU
RMK11 5	MEMPERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI
DPFD 2	PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR – DESA

ISU UTAMA

ISU 1	TERDAPAT PERTINDIHAN FUNGSI JALAN DI MANA DAERAH – DAERAH BERSEBELAHAN DAERAH JELEBU TIDAK DAPAT DIHUBUNGKAN SECARA LANGSUNG MELALUI JALAN PENGAGIH SEKUNDER TETAPI TURUT DIHUBUNGKAN OLEH JALAN PENGAGIH UTAMA YANG SEPATUTNYA MENANGGUNG BEBANAN TRAFIK BERJARAK JAUH SAHAJA
ISU 2	TIADA LALUAN ALTERNATIF BAGI PERJALANAN JARAK JAUH MENYEBABKAN PENGGUNA TERPAKSA MELALUI PUSAT BANDAR DAN MENYEBABKAN KESESAKAN

POTENSI UTAMA

POT 1	CADANGAN LEBUHRAYA *SOUTHERN CENTRAL ROAD* (SCR) MENGHUBUNGKAN SIMPANG PELANGAI DAN CADANGAN LEBUHRAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI BERPOTENSI MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN KE KARAK DAN LALUAN TAMBAHAN UNTUK KE SEREMBAN
POT 2	CADANGAN JALAN PINTASAN BANDAR – KG CHEPOM DAN JALAN LINGKARAN PUSAT BANDAR BERPOTENSI MENJADI LALUAN ALTERNATIF PENGGUNA KE ARAH PANTAI TIMUR (MELALUI SIMPANG PERTANG – LALUAN PERSEKUTUAN 9) DAN KE ARAH UTARA JELEBU (SELANGOR)
POT 3	MENAIKTARAF JALAN UTAMA DI DAERAH JELEBU SEPERTI JALAN SEREMBAN – SIMPANG PERTANG (FT086) DAN JALAN TAMPIN – SIMPANG PERTANG – MANCHIS (FT009)
POT 4	KEDAPATAN JALAN-JALAN KOMITED YANG TELAH DILULUSKAN SEPERTI JALAN SUNGAI MUNTOH – SIMPANG DURIAN, JALAN KG. GAGU – LENGGENG DAN JALAN DURIAN TIPUS – SUNGAI LUI

STRATEGI T4.1 MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH DENGAN HIERARKI JALAN YANG JELAS

Cadangan naik taraf atau pembinaan jalan baru bagi mempertingkatkan kemudahsampaian Jelebu di peringkat wilayah. Cadangan jajaran mengambil kira dan tidak memberi kacau ganggu kawasan hutan sedia ada dan mengikut hierarki yang jelas.

CADANGAN

T4.1A	CADANGAN LEBUHRAYA *SOUTHERN CENTRAL ROAD* (SCR) MENGHUBUNGKAN SIMPANG PELANGAI – SEGAMAT
T4.1B	CADANGAN LEBUHRAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI, PAHANG
T4.1C	CADANGAN NAIK TARAF JALAN PERSEKUTUAN 9 (JALAN TAMPIN – SIMPANG PERTANG – MANCHIS)
T4.1D	CADANGAN JALAN PINTASAN BANDAR KE KG CHEPOM



STRATEGI T4.1	MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH DENGAN HIERARKI JALAN YANG JELAS
CADANGAN T4.1A	CADANGAN LEBUHRAYA SOUTHERN CENTRAL ROAD (SCR) MENGHUBUNGKAN SIMPANG PELANGAI - SEGAMAT

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan pembinaan jalan baru dengan spesifikasi:

- Rizab: 60m
- Panjang Jalan: 51.51 km
- Bilangan Lorong: 4 lorong 2 hala
- Piawaian: R6/U6

HIERARKI JALAN	HAD LAJU (KM/J)	LEBAR MINIMUM LORONG (M)	JARAK BUKAAN AKSES MINIMUM	KAWALAN
Lebuhraya	110	3.50	5km	Kawalan akses penuh

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Adaptasi cadangan daripada RFN 4 dan RS Negeri Sembilan 2045.
- Kesinambungan cadangan *Central Spine Road* (CSR)
- Mempertingkatkan kemudahsampaian ke Karak dan Lebuhraya Pantai Timur (E8).
- Laluan alternatif berkelajuan 110km/j ke Lebuhraya Pantai Timur (E8).
- Sebagai sebahagian Lebuhraya Tengah Semenanjung Malaysia.
- Memastikan keperluan pertumbuhan trafik akan datang dapat ditampung.
- Meningkatkan ekonomi Negeri Sembilan dan Jelebu khususnya seiring dengan peningkatan kemudahsampaiannya ke pantai timur.
- Menghubungkan kepada kawasan pembangunan baru dan ke kawasan pelancongan.
- Pelengkap pada rangkaian lebuh raya negara.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan persimpangan bertingkat di Cadangan Lebuhraya *Southern Central Road* (SCR) melalui Simpang Pelangai - Segamat/ Jalan Durian Tipus – Kg Kuala Jerang (N150).
- Cadangan persimpangan bertingkat di Cadangan Lebuhraya *Southern Central Road* (SCR) melalui Simpang Pelangai - Segamat/ Jalan Utama Pasoh 1 dan 4 (FT1281).






Penggunaan persimpangan bertingkat trumpet sebagai akses masuk ke Jelebu

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	LLM, KKR
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	LLM, KKR
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	RFN 4 & RSNS 2045
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PANJANG	KAEDAH PELAKSANAAN	PERLAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Rajah 7.2: Pelan Cadangan Lebuhraya Southern Central Road (SCR) Melalui Simpang Pelangai - Segamat



PETUNJUK:

- N32 No. Jalan
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Cadangan Lebuhraya *Southern Central Road* (SCR) menghubungkan Simpang Pelangai – Segamat
- Cadangan Persimpangan Bertingkat

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Badan Air



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI T4.1	MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH DENGAN HIERARKI JALAN YANG JELAS
CADANGAN T4.1B	CADANGAN LEBUHRAYA SEMENYIH – SIMPANG PELANGAI, PAHANG

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan pembinaan jalan baru dengan spesifikasi:

- Rizab: 60m
- Panjang Jalan: 56.07 km
- Bilangan Lorong: 4 Lorong 2 Hala
- Piawaian: R6/U6

HIERARKI JALAN	HAD LAJU (KM/J)	LEBAR MINIMUM LORONG (M)	JARAK BUKAAN AKSES MINIMUM	KAWALAN
Lebuhraya	110	3.50	5km	Kawalan akses penuh

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Adaptasi cadangan daripada RFN 4.
- Mempertingkatkan kemudahsampaian ke Temerloh di sebelah timur dan Seremban/ Kuala Lumpur pada bahagian barat.
- Lebuhraya alternatif penghubung timur – barat Semenanjung Malaysia.
- Memastikan keperluan pertumbuhan trafik akan datang dapat ditampung.
- Menghubungkan kepada kawasan pembangunan baru dan ke kawasan pelancongan.
- Pelengkap rangkaian Lebuhraya Semenanjung Malaysia dan Lebuhraya Alternatif Gombak - Lebuhraya Pantai Timur.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan persimpangan bertingkat di Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang/ Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang
- Cadangan persimpangan bertingkat di Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang/ Jalan N32.
- Cadangan persimpangan bertingkat di Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang/ *Exit* Jelebu.
- Cadangan persimpangan berlampu isyarat di Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang/ Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086).



Cadangan pembinaan R&R di Kongkoi dan boleh dijadikan tempat turun dan ambil penumpang bagi perkhidmatan bas ekspres.






Penggunaan persimpangan bertingkat trumpet bagi akses masuk ke Jelebu

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	STRATEGIK	AGENSI PELAKSANA	LLM, KKR
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	LLM, KKR
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	RFN 4
FASA PELAKSANAAN	JANGKA PANJANG	KAEDAH PELAKSANAAN	PERLAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Rajah 7.3: Pelan Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang



PETUNJUK:

- No. Jalan
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Cadangan Lebuhraya Semenyih – Simpang Pelangai, Pahang
- Cadangan Persimpangan Bertingkat

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Badan Air

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T4.1**	**MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH DENGAN HIERARKI JALAN YANG JELAS**
CADANGAN **T4.1C**	**CADANGAN NAIK TARAF JALAN PERSEKUTUAN 9 (JALAN TAMPIN – SIMPANG PERTANG – MANCHIS)**

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan naik taraf jalan dengan spesifikasi:

- Rizab: 40m
- Panjang Jalan: 48.40 km
- Bilangan Lorong: 2 Lorong 2 Hala
- Piawaian: R5/U5

HIERARKI JALAN	HAD LAJU (KM/J)	LEBAR MINIMUM LORONG (M)	JARAK BUKAAN AKSES MINIMUM	KAWALAN
Jalan Pengagih Utama	80 - 90	3.25 - 3.50	500m	Kawalan akses separa

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Menampung keperluan pertumbuhan trafik akan datang.
- Memperkukuhkan kawasan pembangunan sedia ada dan pemangkin kepada pembangunan baru di sekitar Simpang Pertang.
- Adaptasi cadangan JKR.
- Mempertingkatkan kemudahsampaian ke pantai timur.
- Kesinambungan cadangan *Southern Central Road* (SCR) yang berakhir di Simpang Pelangai.
- Memperkemas sistem hierarki jalan.
- Meningkatkan tumpuan orang ramai ke Simpang Pertang seterusnya menggalakkan penjanaan ekonomi seiring dengan pertambahan kapasiti penggunaan jalan tersebut.

KOMPONEN CADANGAN:

- Naik taraf kepada persimpangan berlampu isyarat Jalan Tampin – Kuala Pilah – Manchis (FT009)/ Jalan Kerangai (N23).
- Naik taraf kepada persimpangan berlampu isyarat Jalan Kuala Klawang – Simpang Pertang (FT086)/ Jalan Tampin – Kuala Pilah – Manchis (FT009).



Naik taraf kepada persimpangan berlampu isyarat Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis (FT009)/ Jalan Kerangai (N23)




Naik taraf kepada persimpangan berlampu isyarat Jalan Kuala Klawang – Simpang Pertang (FT086)/ Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis (FT009)

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**STRATEGIK**	**AGENSI PELAKSANA**	**KKR**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**KKR**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KKR**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PERLAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**

Rajah 7.4: Pelan Naik Taraf Jalan Persekutuan 9 (Jalan Tampin - Simpang Pertang - Manchis)



PETUNJUK:

- No. Jalan
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Cadangan Naik Taraf Jalan Persekutuan 9 (Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis)
- Cadangan Persimpangan Lampu Isyarat

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Badan Air



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T4.1**	**MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH DENGAN HIERARKI JALAN YANG JELAS**
CADANGAN **T4.1D**	**CADANGAN JALAN PINTASAN BANDAR KE KG CHEPOM**

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan pembinaan jalan baru dengan spesifikasi:

- Rizab: 30m
- Panjang Jalan: 2.5 km
- Bilangan Lorong: 2 Lorong 2 Hala
- Piawaian: R3/U3

HIERARKI JALAN	HAD LAJU (KM/J)	LEBAR MINIMUM LORONG (M)	JARAK BUKAAN AKSES MINIMUM	TAMBAHAN
Jalan Pengagih Sekunder	60 - 70	3.00 – 3.25	350m	Peruntukan rizab laluan basikal/ pejalan kaki 1.5m - 2.0m

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Laluan alternatif bagi perjalanan jarak jauh (ke pantai timur dan ke daerah lain seperti Kuala Pilah dan Gemas) tanpa melalui pusat bandar.
- Memperkukuhkan sistem hierarki jalan.
- Mempertingkatkan keselamatan.
- Memastikan keperluan pertumbuhan trafik akan datang dapat ditampung.
- Menghubungkan kepada kawasan pembangunan baru dan ke kawasan pelancongan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Cadangan persimpangan berlampu isyarat di Jalan Seremban – Simpang Pertang (FT086)/ Cadangan Jalan Pintasan Bandar ke Kg Chepom.
- Cadangan persimpangan tanda berhenti di Jalan Ulu Jelebu (N128)/ Cadangan Jalan Pintasan Bandar ke Kg Chepom.

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	**UTAMA**	**AGENSI PELAKSANA**	**KKR**
KATEGORI CADANGAN	**PROJEK**	**AGENSI PEMANTAU**	**KKR**
TAHAP PERLU LAKSANA	**TINGGI**	**SUMBER CADANGAN**	**KAJIAN RTD**
FASA PELAKSANAAN	**JANGKA SEDERHANA**	**KAEDAH PELAKSANAAN**	**PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI**






Lokasi cadangan persimpangan berlampu isyarat di Jalan Seremban – Simpang Pertang (FT086)/ Cadangan Jalan Pintasan Bandar ke Kg Chepom



Lokasi cadangan persimpangan tanda berhenti di Jalan Ulu Jelebu (N128)/ Cadangan Jalan Pintasan Bandar ke Kg Chepom

Rajah 7.5: Pelan Cadangan Jalan Pintasan Bandar Ke Simpang Pertang




PETUNJUK:

- No. Jalan
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Cadangan Jalan Pintasan Bandar Ke Simpang Pertang
- Cadangan Persimpangan Lampu Isyarat
- Cadangan Persimpangan Tanda Berhenti

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Badan Air

PELAN LOKASI



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

RINGKASAN DASAR DAN HALATUJU, ISU DAN POTENSI

DASAR DAN HALA TUJU

OBJ 5 MENAMBAH BAIK DAN MEMPERLUAS PENYEDIAAN PRASARANA PENGANGKUTAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI BANDAR DAN DESA

FKS 6 MEMPERTINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN

NUA 7 MENINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN DAN MENYOKONG KEPADA INISIATIF YANG BERINOVASI DAN HIJAU

RMK11 5 MEMPERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

DPFD 2 PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR – DESA

ISU UTAMA

ISU 3 62.5% (AGAK TINGGI) JALAN RAYA DALAM DAERAH JELEBU MEMPUNYAI RIZAB YANG KECIL DARIPADA PIAWAIAN SEBENAR. KEPERLUAN KEPADA NAIK TARAF JALAN MENGIKUT PIAWAIAN REKA BENTUK.

ISU 4 KEDAPATAN PERSIMPANGAN YANG BEROPERASI DENGAN LOS E DAN LOS F DI DALAM PUSAT BANDAR DAN IANYA PERLU DINAIK TARAF

POTENSI UTAMA

POT 2 KEDAPATAN JALAN-JALAN KOMITED YANG TELAH DILULUSKAN SEPERTI JALAN SUNGAI MUNTOH –SIMPANG DURIAN, JALAN KG GAGU – LENGGENG DAN JALAN DURIAN TIPUS – SUNGAI LUI

POT 3 CADANGAN JALAN PINTASAN BANDAR – KG CHEPOM DAN JALAN LINGKARAN PUSAT BANDAR BERPOTENSI MENJADI LALUAN ALTERNATIF PENGGUNA KE ARAH PANTAI TIMUR (MELALUI SIMPANG PERTANG – LALUAN PERSEKUTUAN 9) DAN KE ARAH UTARA JELEBU (SELANGOR)

POT 5 MENAIK TARAF JALAN UTAMA DAN TULANG BELAKANG DI DAERAH JELEBU SEPERTI JALAN SEREMBAN – SIMPANG PERTANG (FT086) DAN JALAN TAMPIN – SIMPANG PERTANG – MANCHIS (FT009) KEPADA PIAWAIAN GARIS PANDUAN

STRATEGI T4.2 MERANGKA PELAN JALAN RAYA YANG MENYELURUH BAGI MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN PERINGKAT DAERAH DAN TEMPATAN

Pelan jalan raya yang menyeluruh memberi penekanan kepada cadangan atau naik taraf jalan bagi perhubungan antara daerah dan penempatan.

CADANGAN

T4.2A CADANGAN NAIK TARAF JALAN SEREMBAN – KUALA KLAWANG – PERTANG (FT086)

T4.2B CADANGAN JALAN SG. MUNTOH – SIMPANG DURIAN

T4.2C CADANGAN JALAN KG. GAGU – LENGGENG

T4.2D CADANGAN JALAN DURIAN TIPUS – SG. LUI

T4.2E CADANGAN JALAN UTAMA PASOH 1 DAN PASOH 4 KE FELDA LUI MUDA

T4.2F CADANGAN JALAN KG. TEMELANG – SG. GUNUNG ROTAN

T4.2G CADANGAN NAIK TARAF JALAN KAMPUNG PETALING (N132)






STRATEGI **T4.2**	**MERANGKA PELAN JALAN RAYA YANG MENYELURUH BAGI MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN PERINGKAT DAERAH DAN TEMPATAN**
CADANGAN **T4.2A**	**CADANGAN NAIK TARAF JALAN SEREMBAN – KUALA KLAWANG – PERTANG (FT086)**

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan naik taraf jalan dengan spesifikasi:

- Rizab: 40m
- Panjang Jalan: 48.65 km
- Bilangan Lorong: 2 Lorong 2 Hala
- Piawaian: R5/U5

HIERARKI JALAN	HAD LAJU (KM/J)	LEBAR MINIMUM LORONG (M)	JARAK BUKAAN AKSES MINIMUM	KAWALAN
Jalan Pengagih Utama	80 - 90	3.25 - 3.50	500m	Kawalan akses separa

JUSTIFIKASI CADANGAN:

- Memastikan keperluan pertumbuhan trafik akan datang dapat ditampung sehingga tahun 2040.
- Sebahagian Jalan Lingkaran Tengah Negeri Sembilan.
- Mempertingkatkan kemudahsampaian antara daerah.
- Mempertingkatkan keselamatan.

KOMPONEN CADANGAN:

- Naik taraf persimpangan Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Kerangai (N23) kepada persimpangan berlampu isyarat.
- Naik taraf persimpangan Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Pertang - Batu Kikir (N19) kepada persimpangan berlampu isyarat
- Pembaikan geometri simpang Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Petaseh (N133).
- Pembaikan geometri simpang Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Sungai Gunung Rotan (N27).
- Pembaikan geometri Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Petaseh Ulu (N136).



Naik taraf persimpangan Jalan Seremban - Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Pertang - Batu Kikir (N19) kepada persimpangan berlampu isyarat




Naik taraf persimpangan Jalan Seremban – Kuala Klawang (FT086)/ Jalan Kerangai (N23) kepada persimpangan berlampu isyarat

BUTIRAN CADANGAN:

KEUTAMAAN CADANGAN	UTAMA	AGENSI PELAKSANA	KKR
KATEGORI CADANGAN	PROJEK	AGENSI PEMANTAU	KKR
TAHAP PERLU LAKSANA	SEDERHANA	SUMBER CADANGAN	KKR
FASA PELAKSANAAN	JANGKA SEDERHANA	KAEDAH PELAKSANAAN	PELAKSANAAN TERUS OLEH AGENSI

Rajah 7.6: Pelan Naik Taraf Jalan Seremban - Kuala Klawang - Pertang (FT086)



PETUNJUK:

- No. Jalan
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Cadangan Naik Taraf Jalan Seremban – Kuala Klawang – Pertang (FT086)
- Cadangan Persimpangan Lampu Isyarat
- Cadangan Persimpangan Tanda Berhenti

LAIN-LAIN

- Sempadan Daerah/ Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Bandar
- Badan Air



Sumber: RT Daerah Jelebu 2035

STRATEGI **T4.2**	**MERANGKA PELAN JALAN RAYA YANG MENYELURUH BAGI MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN PERINGKAT DAERAH DAN TEMPATAN**
CADANGAN **T4.2B**	**CADANGAN JALAN SG. MUNTOH – SIMPANG DURIAN**

DESKRIPSI CADANGAN:

Cadangan pembinaan jalan baru dengan spesifikasi:

- Rizab: 30m
- Panjang Jalan: 17.27 km
- Bilangan Lorong: 2 Lorong 2 Hala
- Piawaian: R3/U3


HIERARKI JALAN	HAD LAJU (KM/J)	LEBAR MINIMUM LORONG (M)	JARAK BUKAAN AKSES MINIMUM
Jalan Pengagih Sekunder	60 - 70	3.00 – 3.25	350m

JUSTIFIKASI CADANGAN:


- Adaptasi cadangan JKR dengan pengubahsuaian jajaran jalan iaitu mengurangkan laluan rentas hutan dan sungai.
- Memastikan keperluan pertumbuhan trafik akan datang dapat ditampung.
- Sebahagian Jalan Lingkaran Luar Negeri Sembilan.
- Jalan alternatif untuk ke Simpang Durian dari Sg. Muntoh.
- Mempertingkatkan hubungan barat – timur Jelebu.

KOMPONEN CADANGAN:


- Cadangan persimpangan berlampu isyarat di Jalan Tampin – Simpang Pertang – Manchis (FT009)/ Cadangan Jalan Sg. Muntoh – Simpang Durian.
- Cadangan persimpangan tanda berhenti di Jalan Peradong – Titi (N27)/ Cadangan Jalan Sg. Muntoh – Simpang Durian.



Jajaran jalan melalui hutan (HSK Triang) = 1.71km



